e-Dinamik

MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

eISSN: 2682-7832



EDISI KETUJUH 2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PERUTUSAN REKTOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam UiTM Dihatiku.



Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh sidang editorial atas komitmen, ketekunan, dan dedikasi dalam memastikan penerbitan ini terus menjadi wadah intelektual yang bermakna.

Penerbitan e-DINAMIK bukan sahaja berfungsi sebagai medium dokumentasi hasil penulisan ilmiah, kreatif dan penyelidikan, malah menjadi platform penting bagi warga akademia untuk menyalurkan idea, pandangan, dan dapatan kajian dalam pelbagai bidang. Edisi kali ini tampil lebih segar dengan isu-isu semasa yang menyentuh pelbagai aspek global yang kian kompleks.

Saya percaya usaha ini mampu memperkukuh budaya penulisan akademik dalam kalangan pensyarah serta menyemarakkan amalan perkongsian ilmu merentasi sempadan disiplin. Melalui inisiatif ini juga, diharapkan lebih ramai pensyarah dan penyelidik dapat melangkah ke tahap yang lebih tinggi dalam menghasilkan penerbitan berimpak serta berindeks antarabangsa.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Jaringan Industri) bersama pasukan editorial yang sentiasa konsisten memastikan kesinambungan penerbitan e-DINAMIK dari tahun ke tahun. Semoga majalah ini terus menjadi sumber inspirasi, rujukan dan motivasi kepada seluruh warga UiTM serta pembaca di luar sana.

Akhir kata, saya berharap e-DINAMIK 2025 ini akan terus menjadi medan ilmu yang dinanti-nantikan setiap tahun. Semoga segala usaha ini diberkati dan memberi manfaat buat semua.
Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA DR. SAUNAH ZAINON
Menjalankan Fungsi Rektor
UiTM Cawangan Johor

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PERUTUSAN TIMBALAN REKTOR BPJIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, penerbitan Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat direalisasikan.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor, atas sokongan dan dorongan yang berterusan dalam memperkasakan budaya penulisan serta penerbitan akademik di UiTM Cawangan Johor. Sesungguhnya, e-DINAMIK telah menjadi wahana penting untuk menyalurkan idea, mengasah bakat serta mendokumentasikan pelbagai bentuk penulisan merangkumi karya, kreatif, laporan aktiviti dan isu semasa yang berkaitan dengan warga akademia.

Lebih daripada sekadar sebuah majalah digital, e-DINAMIK merupakan cerminan kecemerlangan akademik UiTM Cawangan Johor, selain membuka ruang yang lebih luas untuk mengetengahkan pencapaian, keterlibatan komuniti, serta perkembangan fakulti dan jabatan di Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Saya percaya usaha ini juga dapat meningkatkan visibiliti universiti di persada negara mahupun antarabangsa.

Penerbitan ini tidak akan berjaya tanpa komitmen padu sidang editorial serta sumbangan para penulis yang dengan ikhlas berkongsi masa, tenaga, dan ilmu demi menjayakan hasrat murni ini. Saya amat berharap inisiatif sebegini dapat menyemarakkan lagi minat warga akademia untuk terus berkarya serta menghasilkan penulisan bermutu tinggi yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan e-DINAMIK Edisi 2025. Semoga usaha ini berterusan dan menjadi sumber inspirasi kepada semua pembaca.
Sekian, terima kasih.

DR. FARIDAH NAJUNA MISMAN
Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri)
UiTM Cawangan Johor

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
Profesor Madya Dr. Saunah Zainon

PENASIHAT
Dr. Faridah Najuna Misman

PENYELARAS
Dr. Nur Fatihah Shaari
Dr. Noor Hidayah Ab Aziz

KETUA EDITOR
Aidarohani Samsudin

PENOLONG KETUA EDITOR
Dr. Fatin Farazh Ya'acob

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
Zuraidah Sumery
Farhana Idris
Siti Aishah Taib

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI
Munirah Zakaria
Mohamad Zaki Razaly
Dr. Muhammad Fahmi Md Ramzan

SIDANG REDAKSI

EDITOR JABATAN UNDANG-UNDANG

Norintan Wahab
Zuramaznum Sainan

EDITOR FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

Ainol Mardhiyah Rahmat
Che' Khalilah Mahmood
Dr. Nur Fatihah Shaari
Dr. Suhana Mohamed
Ferri Nasrul
Mohamad Azwan Md Isa
Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen
Norfariza Mohd Ali
Rosmah Abd Ghani @ Ismail
Ruziah A. Latif
Siti Noorhaslina Abd Halim
Siti Nordiyana binti Ishak
Zaibedah Zaharum

EDITOR FAKULTI PERAKAUNAN

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman
Juyati Mohd Amin
Nuruu Ain Fauzi
Nursia Yuhanis

EDITOR FAKULTI SAINS GUNAAN

Dr. Saiful Najmee Mohamad

SIDANG REDAKSI

EDITOR FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman
Rohayu Ahmad
Siti Hasma Hajar Mat Zin

EDITOR FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

Haslenda Yusop
Dr. Nur Syamilah Arifin
Dr. Wan Munirah Wan Mohamad
Noraisyah Abdl Aziz

EDITOR FAKULTI KEJURUTERAAN

Azyan Zafyrah Mohd Zahid
Dr. Wan Nur Fazlina Abdol Jani
Noorashiekin Khalid
Mazni Mat Zin
Nurrul Amilin binti Zainal Abidin
Nurulnatisya binti Ahmad
Ts. Dr. Siti Aminah Nordin
Ts. Muhammad Imran Ismail

REKABENTUK DAN GRAFIK

Shahrul Amir Bin Shaheran
Mohamad Hanif Bin Awaludin

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PERUTUSAN REKTOR	i
2.	PERUTUSAN TIMBALAN REKTOR PJI	ii
3.	SIDANG REDAKSI	iii
4.	AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI	3
5.	AKADEMI PENGAJIAN BAHASA	79
6.	FAKULTI PERAKAUNAN	141
7.	FAKULTI SAINS GUNAAN	231
8.	FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN	
	JABATAN EKONOMI	248
	JABATAN KEWANGAN	296
	JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN	374
9.	JABATAN UNDANG-UNDANG	507
10.	FAKULTI KEJURUTERAAN	
	FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM	516
	FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK	651
	FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA	673
	FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL	693
11.	FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT	725
12.	FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK	770
13.	KARYA PILIHAN	849

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM DAN KONTEMPORARI

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

BENGKEL PEMANTAPAN PERSONALITI REMAJA 2025

Munirah Zakaria, Nurfarhana Mohd Daud, Syazwani Abdul Rahim

Menyedari isu kebejatan akhlak dalam kalangan remaja, satu program bersama komuniti telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tenang Stesen, Segamat, Johor di bawah Dana Jaringan Komuniti, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor. Program ini turut mendapat kerjasama pengetua sekolah berkenaan; Haji Amir bin Sufari serta pihak kaunseling.

Objektif program ini ialah untuk mempraktikkan nilai etika dan akhlak dalam hubungan interpersonal antara pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tenang Stesen, Segamat di samping menerapkan kemahiran generik bagi membangunkan personaliti dan sahsiah remaja mengikut keperluan semasa.

Siri 1 telah diadakan pada 19 Jun 2025 manakala Siri 2 dijadualkan berlangsung pada 11 September 2025. Program ini melibatkan 28 orang pelajar Tingkatan Tiga, Sekolah Menengah Kebangsaan Tenang Stesen daripada etnik Melayu, Cina dan India. Sambutan yang diberikan oleh pelajar amat menggalakkan apabila mereka menyertai sesi ceramah dan Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dengan jayanya.

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah dan sekalung penghargaan kami rakamkan kepada YBrs. Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Dr. Faridah Najuna Misman, Dr. Muhammad Majid, Dr. Noreen Noor Aziz serta pihak ICAN UiTM Cawangan Johor atas sokongan dan peluang yang diberikan. Pihak kami berbesar hati menerima kesudian Encik Mohd Azim Sardan dan Encik Mohd Hakimi Harman menyumbang ilmu dan kemahiran daripada UnitKepimpinan Pelajar UiTM Cawangan Johor bagi menjayakan program ini.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada Dr. Nurul Badriyah Ali dan barisan urusetia program yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah ACIS UiTM Cawangan Johor; Mohd Asyadi Redzuan, Dr. Aemy Aziz dan ramai lagi atas komitmen masa, tenaga dan idea dalam usaha menjalin kersama dengan komuniti setempat. Tanpa komitmen dan kerjasama semua, program ini tidak akan berjaya.





CERAMAH HIJRAH MINDA: TENANGKAN JIWA, KUATKAN MINDA

Nurfarhana Mohd Daud, Munirah Zakaria, Muhammad Fahmi Md Ramzan

Islamic Society of United Teenagers (IN-SOFT), UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah menganjurkan Ceramah Hijrah Minda pada 27 Jun 2025 (Jumaat) yang disiarkan secara langsung di YouTube. Program yang bertemakan "Tenangkan Jiwa, Kuatkan Minda" ini bertujuan memberi pencerahan kepada para mahasiswa tentang cara mengurus tekanan hidup, membina kekuatan dalaman serta memperkukuh nilai dan akhlak dalam kehidupan seharian.

Penceramah jemputan, Dr. Muhammad Fahmi Bin Md Ramzan, Pensyarah Kanan dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), telah berkongsi ilmu dan pengalaman berharga yang memberi suntikan motivasi kepada para pelajar. Beliau menekankan kepentingan keseimbangan antara akademik, spiritual dan emosi, terutamanya ketika melalui musim sibuk dengan tugasan serta peperiksaan. Program ini mendapat sambutan yang baik daripada mahasiswa dengan penyertaan melalui pendaftaran dalam talian. Selain ceramah, peserta turut berpeluang menyertai kuiz interaktif dengan hadiah menarik serta menerima E-Merit sebagai pengiktirafan penyertaan.

Kebelakangan ini, semakin ramai mahasiswa yang dilihat mengambil langkah yang salah dalam menangani tekanan mental atau masalah burnout. Antara tindakan yang membimbangkan termasuklah pengambilan bahan terlarang, serta mencederakan diri sendiri sebagai jalan keluar sementara daripada tekanan yang dihadapi. Fenomena ini jelas menunjukkan betapa pentingnya sokongan psikososial, kesedaran dan pendidikan berkaitan pengurusan emosi dan kesihatan mental yang lebih berkesan.

Melalui ceramah ini, para peserta telah didedahkan kepada pendekatan holistik dan panduan praktikal dalam mengurus tekanan, membina daya tahan mental, serta menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian. Diharapkan program ini dapat menjadi pemangkin perubahan positif dalam kalangan mahasiswa ke arah minda yang sihat dan akhlak yang berkualiti tinggi.

Dengan penganjuran program seperti ini, diharapkan mahasiswa UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat dapat terus melangkah ke arah pembinaan sahsiah unggul selaras dengan slogan Kelab In-Soft “Dalam kelembutan satu barisan, menuju perubahan.”





IQA02 IC210 SMART WRITING: BENGKEL HANDS-ON AI UNTUK AKREDITASI

Siti Noor Ain Aziz, Nurul Badriyah Ali, Syazwani Abd Rahim

Program IQA02 IC210 Smart Writing: Bengkel Hands-On AI untuk Akreditasi telah dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Johor pada 28 Ogos 2025 (Khamis) bertempat di Bilik Seminar Bendahara, UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. Tujuan utama bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada penulis IQA02 mengenai penggunaan AI dalam penulisan laporan akreditasi, serta meningkatkan kualiti penulisan yang menepati piawaian MQA.

Bengkel ini telah dijayakan oleh Penceramah jemputan, Puan Zarina Abu Bakar, Koordinator Hal Ehwal Kurikulum, Pensyarah Kanan Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Johor serta dihadiri seramai 12 orang pensyarah ACIS UiTM Cawangan Johor yang merupakan ahli jawatankuasa penulisan IQA02 bagi program IC210. Antara pengisian program ini adalah seperti berikut:

1. Taklimat Akreditasi Penuh Program Akademik – Para penulis diberi penerangan tentang konsep dan keperluan akreditasi penuh program akademik, termasuk kepentingan mematuhi piawaian kualiti yang ditetapkan MQA.
2. Proses Akreditasi Penuh UiTM Cawangan Johor - Penceramah menerangkan prosedur dan pengalaman UiTM Cawangan Johor dalam mengurus serta melengkapkan proses akreditasi penuh, sekali gus membantu penulis memahami tatacara sebenar.
3. Penulisan Dokumen IQA02 - Peserta didedahkan kepada kod amalan akreditasi program (COPPA) untuk setiap area dalam laporan IQA02, bagi memastikan penulisan lebih sistematik dan memenuhi keperluan penilaian.

4. Sesi Soal Jawab Mengikut Area - Bagi memperkukuh kefahaman, diadakan sesi soal jawab khusus mengikut setiap area akreditasi.

Bengkel ini memberikan nilai tambah kepada peserta dengan mendedahkan cara AI digunakan bagi mempercepatkan proses penulisan, menjana idea, dan menyeragamkan bahasa laporan. Namun, penekanan turut diberi bahawa penulisan yang dijana perlu disemak dan ditambah baik agar menepati konteks akademik serta piawaian MQA.

Program ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang dirancang. Dengan pengisian yang komprehensif serta penglibatan aktif para pensyarah, bengkel ini berjaya meningkatkan kefahaman peserta mengenai proses akreditasi dan penulisan dokumen IQA02. Diharapkan penganjuran program seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memperkukuh budaya penulisan akademik yang berkualiti dan telus di UiTM Cawangan Johor.



KOLOKIUM KOMUNIKASI ISLAM UiTM ZON SELATAN 2025

Mahasin Saja@Mearaj, Mohd Asyadi Redzuan, Khadijah Amira Abdul Rashid

22 Jun 2025 merupakan tarikh bersejarah apabila Kolokium Komunikasi Islam UiTM Zon Selatan 2025 anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor Kampus Segamat, ACIS UiTM Cawangan Melaka dan ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau (Zon Selatan) dengan kerjasama Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah berjaya dilaksanakan di Bangunan Karyawan UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat.

Alhamdulillah sekalung penghargaan kepada YM Profesor Madya Dr. Raja Adzrin Raja Ahmad Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Johor yang telah merasmikan program tersebut. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada YBhg. Profesor Dr. S. Salahudin Suyurno, Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM. Dalam ucapan, beliau telah menitipkan pesanan yang sangat signifikan kepada para mahasiswa agar mengingati nama barisan pensyarah yang telah mencurah bakti dan jasa kepada mereka. Tidak dilupakan setinggi tahniah dan terima kasih kepada Dr. Nurul Badriyah Ali, Ketua Pusat Pengajian ACIS UiTM Cawangan Johor, Dr. Noridah Sain, Ketua Pusat Pengajian APB UiTM Cawangan Johor, Dr. Mohd Zaid Mustafar, Koordinator ACIS UiTM Cawangan Melaka, Encik Mohamad Shafiei Ayub, Pensyarah Sumber CTU271, Islam dan Komunikasi dan Ustazah Suhaila Shahril, Pensyarah UiTM kampus Rembau atas idea dan sokongan bagi menjayakan program ini.





Diucapkan jutaan terima kasih juga kepada para juri yang menilai kertas kerja dan pembentang dalam kalangan pensyarah, pelajar dan seluruh jawatankuasa yang telah menyumbang tenaga dan memeriahkan lagi program.

Kemuncak program, Pengerusi Majlis telah mengumumkan para pemenang walaupun persaingan agak sengit. Pembentang terbaik disandang oleh Kumpulan Daie Bil Hikmah, 5 pemenang dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan masing-masing 2 dari UiTM Cawangan Melaka dan UiTM Cawangan Johor. Bagi kategori Kertas Kerja Terbaik pula, tempat pertama dimenangi oleh kumpulan dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan, tempat kedua UiTM Cawangan Johor dan tempat ketiga UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Manakala bagi Anugerah Pembentangan Terbaik, tempat pertama dimenangi oleh kumpulan dari UiTM Cawangan Johor, tempat kedua UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan tempat ketiga UiTM Cawangan Johor. Manakala Anugerah Kampus Terbaik disandang oleh UiTM Cawangan Johor.

Mudah-mudahan program ini memberikan manfaat kepada semua, khasnya mahasiswa untuk meningkatkan mutu pembelajaran di masa hadapan dan melahirkan para pendakwah yang beretika.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SANTUNI MADANI: KULIAH MUSLIMAT @ KAMPUNG SEPINANG

Nurul Badriyah Ali, Mahasin Saja @ Mearaj, Khadijah Amira Abdul Rashid

Pelancaran program Santuni Madani oleh YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin, FASc, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan pemilihan kampung beliau, Kampung Sepinang, Segamat, Johor sebagai komuniti untuk disantuni telah membuka lembaran baharu yang membawa dunia akademik ke khidmat bakti komuniti.

Beberapa program telah dirangka untuk menyemarakkan lagi aktiviti sosioekonomi dengan bantuan khidmat nasihat daripada kepakaran pensyarah UiTM Cawangan Johor. Projek-projek yang dijalankan merujuk kepada isu-isu yang dihadapi oleh kampung tersebut antaranya isu pendidikan, kesihatan dan pemerkasaan ekonomi dan fasiliti. Terdapat permintaan daripada jemaah wanita Masjid Kampung Sepinang agar diadakan kelas agama khusus untuk kaum hawa.

Oleh itu, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Johor telah diamanahkan untuk menjalankan 10 siri kuliah agama yang telah bermula sejak 18 Mei 2025 yang lalu. Program ini mendapat sambutan penduduk yang menggalakkan dengan kehadiran 50 orang peserta.

Program turut dihadiri oleh Ketua Kampung Sepinang, Encik Raslan bin Md Shah dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kampung Sepinang, Encik Faisal Azizi bin Mohd Basir. Ketua wanita Kampung Sepinang, Puan Zainab Auda juga memberi sokongan penuh kepada program kuliah agama tersebut dengan mempromosikan dan menjemput semua penduduk wanita kampung berkenaan untuk hadir.

Siri pertama kuliah agama telah dimulakan dengan ceramah keibubapaan yang disampaikan oleh Ketua Pusat Pengajian Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Dr. Nurul Badriyah binti Ali.

Siri kedua pula telah dijalankan pada 27 Julai 2025 dengan tajuk Kenal & Sayang Rasulullah SAW yang disampaikan oleh Ustaz Mohamad Zaki bin Razaly, pensyarah ACIS UiTM Cawangan Johor.

Ahli Jawatankuasa program terdiri daripada pensyarah-pensyarah UiTM, guru-guru sekolah dan penduduk kampung. Penduduk kampung memberi maklum balas yang baik dan berharap program bersama komuniti seperti ini dapat dijalankan pada masa akan datang dengan lebih giat.

Kuliah agama ini telah dirancang secara bulanan sehingga Mac 2026. Program ini diharapkan mampu mengukuhkan kefahaman agama penduduk sekaligus meningkatkan kualiti pendidikan mereka. Melalui usaha sama seperti ini, peranan pemimpin akan lebih jelas dalam memperkasakan penduduk kampung daripada pelbagai aspek, termasuklah pembangunan spiritual secara berterusan.









KURSUS HAJI DAN UMRAH

Siti Fairuz Sujak, Noraishah P.Othman, Azizah Md Kasah

Ibadah haji dan umrah merupakan satu manifestasi ibadah yang menunjukkan kepatuhan seorang hamba. Sebagai rukun Islam kelima yang wajib dilakukan oleh semua umat Islam yang berkemampuan sekali seumur hidup, ibadah ini mempunyai rukun-rukun dan syarat-syarat tertentu yang wajib dituruti langkahnya sepertimana yang dilakukan oleh baginda Nabi Ibrahim A.S seterusnya diajarkan oleh baginda Nabi Muhammad S.A.W.

Bagi memberikan kefahaman yang jelas dan mendalam mengenai tatacara pelaksanaannya mengikut panduan al-Quran dan Sunnah, satu program bertajuk Kursus Haji dan Umrah anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dengan kerjasama Tabung Haji telah dijalankan dengan jayanya pada 5 Ogos 2025, bertempat di UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang. Seramai lebih 60 orang peserta terdiri daripada warga kampus dan komuniti sekitar Pasir Gudang dan Johor Bahru telah menyertai program yang sangat bermakna ini.

Melalui kursus ini, para peserta diberikan panduan langkah demi langkah tentang pelaksanaan ibadah haji dan umrah secara teori dan praktikal, termasuk tatacara ihram, tawaf, sa'i, wukuf di Arafah, melontar jamrah dan ibadah-ibadah lain yang berkaitan. Kursus ini juga turut membincangkan isu-isu semasa, serta menjawab kekeliruan umum yang sering timbul dalam kalangan jemaah haji dan umrah. Selain itu, kaunter bergerak Tabung Haji juga dibuka bagi memudahkan para peserta berurusan secara langsung dengan pegawai Tabung Haji berkenaan dengan urusan pendaftaran haji, pembukaan akaun dan hal lain yang berkaitan.

Kesemua para peserta memberikan respon yang sangat positif dan amat memberangsangkan. Semua peserta sangat jelas dengan penerangan menarik yang telah diberikan oleh penceramah. Antara cadangan para peserta adalah supaya program ini dijalankan lagi pada tahun akan datang secara praktikal selama 2 hari dan berbayar bagi mendapatkan penjelasan yang lebih holistik.

Jelas, program Kursus Haji dan Umrah ini berjaya mencapai objektif program agar para peserta bukan sahaja memahami hukum-hakam ibadah, tetapi juga mampu menghayatinya sebagai sebuah perjalanan rohani yang mendekatkan diri seorang insan kepada Allah SWT.









MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PLUS TAHFIZ UiTMCJ

Nurul Badriyah Ali, Khadijah Amira Abdul Rashid, Nazrudin Hashim

Seramai 17 orang pelajar yang berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran, seorang pelajar yang menamatkan 25 juzuk dan dua orang pelajar lagi yang berjaya mencapai 22 juzuk diraikan dalam Majlis Penyampaian Sijil Plus Tahfiz UiTM Cawangan Johor.

Majlis penyampaian disempurnakan oleh Profesor Madya Dr. Saunah Zainon, Menjalankan Fungsi Rektor dan turut dihadiri oleh Prof Madya Dr. Raja Adzrin Raja Ahmad, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Johor. Pelaksanaan majlis ini merupakan simbolik bahawa program Plus Tahfiz yang ditawarkan di UiTM telah berjaya melahirkan mahasiswa huffaz al-Quran walaupun telah melanjutkan pengajian di universiti.

Inisiatif program ini bukan sahaja untuk melahirkan generasi pelapis profesional yang bertunjangkan al-Quran, bahkan merupakan satu sinergi antara ilmu dunia dan akhirat yang amat dituntut dalam membina sebuah masyarakat bertamadun.

Program ini adalah satu usaha holistik, merentas lebih 515 program akademik yang ditawarkan oleh 26 fakulti di seluruh 35 kampus UiTM. Program ini telah membuka ruang luas kepada para pelajar untuk menyambung pengajian dalam bidang-bidang seperti kejuruteraan, perakaunan, sains kesihatan, seni bina, komunikasi dan banyak lagi sambil terus memelihara dan memantapkan hafazan Al-Quran mereka.

Visi program ini cukup jelas untuk melahirkan profesional Huffaz al-Quran yang cemerlang dalam bidang profesional, bukan sahaja dalam
konteks Malaysia, bahkan di persada antarabangsa. Selain itu,

program ini juga merupakan salah satu peluang untuk memantapkan lagi hafazan dan pengamalan al-Quran sepanjang hayat.

Program ini menggunakan khidmat jurulatih tahfiz yang bertauliah yang dilaksanakan secara sistematik dan konsisten untuk memantau dan membimbing hafazan pelajar. Penyediaan program ini juga bertujuan memastikan hafazan para pelajar tidak terhenti hanya di peringkat sekolah, tetapi dibawa bersama dalam laluan pendidikan profesional yang lebih tinggi.

Plus Tahfiz menyokong hasrat dan visi universiti untuk melahirkan graduan holistik, yang bukan sahaja cemerlang intelektual, tetapi memiliki elemen rohani berteraskan nilai-nilai murni, dibentuk melalui pendidikan al-Quran. Usaha ini sekaligus menepati Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mengangkat pembinaan individu yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Keseluruhannya, program Plus Tahfiz membuktikan bahawa kecemerlangan dunia dan akhirat tidak pernah bertentangan. Bahkan, keduanya saling melengkapi. Dalam dunia yang semakin mencabar dan sarat dengan ujian nilai dan etika, para pelajar ini mampu menjadi contoh bahawa al-Quran tetap menjadi panduan dan amalan dalam mengejar kecemerlangan profesional.





MAJLIS PERPISAHAN AHLI LAKSAMANA NEKTAR UiTMCJ

Nurul Badriyah Ali, Nurkhairany Amyra Mokhtar

Sudah menjadi lumrah dunia, setiap yang bermula pasti akan berakhir. Setiap yang bertemu pasti akan ada masanya berpisah. Begitulah juga, ahli kelulut Laksamana Nektar UiTM Cawangan Johor yang bertukar ganti.

Pada 29 Mei 2025 yang lalu, sebuah majlis perpisahan telah diadakan bagi menghargai jasa bakti salah seorang ahli jawatankuasa yang bakal berpindah ke Kampus Pasir Gudang iaitu Encik Shaiful Anuar Sabu.

Majlis sederhana tetapi bermakna itu telah diadakan di Bilik Aula Bistari, UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. Majlis bermula pada 11.30 pagi dan tamat pada jam satu petang.

Majlis perpisahan ini turut dihadiri oleh ketua projek Laksamana Nektar 2025, Encik Muruga Chinniah serta ahli jawatankuasa lain antaranya Dr. P. Siva Shamala Palaniapan, Dr. Kerk Lee Chang, Dr. Nurkhairany Amyra Mokhtar, Dr. Nurul Badriyah Ali, Puan Rusnani Mohamad Khalid, Encik Khairil Syazwan Janis dan Puan Ku Hartini binti Ku Abdullah.



Bagi Laksamana Nektar, Encik Shaiful Anuar merupakan ahli yang sangat komited, bertanggungjawab serta sentiasa bersedia menyumbang idea dan tenaga demi pengurusan dan pembangunan projek.

Pertukaran Encik Shaiful Anuar ke kampus baharu merupakan satu kehilangan besar. Walaubagaimanapun, ahli jawatankuasa bersyukur kerana berpeluang bekerjasama dengan beliau dan mengambil manfaat daripada ilmu beliau mengenai madu, kelulut dan lain-lain perkara yang berkaitan.

Semua ahli jawatankuasa mendoakan kelancaran urusan dan kejayaan buat Encik Shaiful Anuar di tempat bertugas baharu. Semoga setiap usaha yang telah dilaksanakan selama ini demi menguruskan projek madu kelulut Laksamana Nektar menjadi kenangan yang baik untuk dikenang.





MENEROKA DUNIA PERAKAUNAN TAKAFUL: ANTARA ILMU DAN REALITI

Nurfarhana Mohd Daud, Muhammad Fahmi Md Ramzan

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Johor telah menganjurkan sebuah Webinar: Perakaunan Takaful khusus untuk pelajar kursus CTU231 (Asas Perakaunan Islam) dan CTU552 (Falsafah & Isu Semasa). Program ini berlangsung pada 13 Jun 2025 (Jumaat) melalui platform Google Meet bermula jam 3.00 petang hingga 5.00 petang.

Webinar ini menampilkan penceramah jemputan, Encik Asyraf Fathul Muin bin Nordin, selaku Penasihat Takaful daripada Al-Isra' Group. Beliau berkongsi pengalaman serta pengetahuan berkaitan konsep perakaunan Islam dan bagaimana sistem takaful berperanan dalam landskap kewangan Islam kontemporari.

Menurut beliau, "Ilmu perakaunan Islam perlu difahami bukan hanya dari sudut teori, tetapi bagaimana ia diaplikasikan dalam industri sebenar, termasuk dalam pengurusan takaful yang berteraskan prinsip syariah."

Tujuan utama program ini adalah untuk memantapkan kefahaman pelajar mengenai topik perakaunan Islam, di samping mengukuhkan pemahaman mereka tentang produk takaful yang semakin mendapat perhatian dalam masyarakat. Melalui perkongsian ini, pelajar bukan sahaja mendapat gambaran jelas tentang teori dan praktikal perakaunan Islam, malah dapat memahami fungsi takaful sebagai instrumen kewangan yang menekankan nilai ta'awun dan perlindungan bersama.

Respons positif yang diterima jelas membuktikan bahawa penganjuran webinar ini memberi impak yang signifikan kepada mereka. Ramai pelajar menyatakan bahawa program sebegini membantu mereka melihat kaitan antara ilmu yang dipelajari di dalam kelas dengan aplikasi sebenar dalam industri kewangan Islam.

Secara keseluruhannya, Webinar: Perakaunan Takaful berjaya mencapai objektif yang telah digariskan. Program ini bukan sahaja menyumbang kepada pengukuhan ilmu akademik pelajar, malah turut membuka ruang kolaborasi pembelajaran yang lebih efektif. Pihak penganjur berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memperkaya pengetahuan pelajar dalam bidang perakaunan Islam dan muamalat kontemporari.





PERJUMPAAN PELAJAR PASCASISWAZAH BERSAMA PENOLONG REKTOR UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG

Mohd Azmani Firdaus Abd Razak Husin, Nur Rahmas Mohd Saman, Ahmad Syafiq Iskandar Ahmad Nazri

Pada 6 Ogos 2025, pelajar pascasiswazah UiTM Kampus Pasir Gudang telah diberi peluang menyertai satu pertemuan istimewa bersama Penolong Rektor. Bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Pentadbiran UiTM Kampus Pasir Gudang, Johor. Sesi ini berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dengan menghimpunkan barisan jawatankuasa pensyarah, pelajar-pelajar pascasiswazah yang berlatarbelakangkan pelbagai bidang penyelidikan. Sesi dimulakan dengan ucapan alu-aluan Penolong Rektor yang menekankan perjalanan pascasiswazah sebagai proses mencabar namun membentuk ketabahan, daya saing, dan jati diri yang utuh.

Perkongsian ini bukan sahaja menyuntik motivasi, malah membuka mata pelajar tentang kepentingan mengimbangi tekanan akademik dengan kesejahteraan diri disamping akal fikiran yang rasional dan relevan. Pertemuan bersama Penolong Rektor memberi peluang pelajar berkongsi bidang kajian, bertukar pandangan, serta membina jaringan akademik sekali gus mengeratkan kebersamaan komuniti pascasiswazah UiTM Kampus Pasir Gudang.

Perkongsian mengenai peluang antarabangsa dan aktiviti komuniti memperluas jaringan akademik pelajar, manakala keprihatinan universiti mengukuhkan keyakinan terhadap sokongan pengurusan. Pertemuan yang diakhiri dengan jamuan ringan ini menjadi simbol kebersamaan serta pendorong semangat pascasiswazah UiTM Pasir Gudang untuk menamatkan pengajian tepat pada masanya (Graduate On Time).



LAUTAN BUDI, JUTAAN MEMORI: MAJLIS PERSARAAN USTAZAH NORIZAN OTHMAN

Syazwani Abd Rahim, Nurfarhana Mohd Daud, Nurul Badriyah Ali

Pensyarah merupakan tunjang utama bagi menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Pensyarah perlu menjadi *qudwah hasanah* (contoh tauladan yang baik) dari segi peribadi, ibadah dan akhlak. Dalam al-Quran Allah SWT berfirman yang bermaksud: "*Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu contoh tauladan yang baik bagi kamu*..."(al-Ahzab, 33:21). Rasulullah SAW merupakan contoh ikutan yang perlu diteladani oleh semua pensyarah. Pensyarah ibarat lilin yang membakar diri untuk mencurah bakti dan ilmu. Ketiadaan mereka adalah satu kehilangan dalam dunia pendidikan apabila mereka telah bersara. Oleh itu sebagai tanda penghargaan, majlis persaraan ini dibuat bagi mengingati jasa dan bakti yang telah dicurahkan.



"Perginya bukan bererti berhenti, tetapi langkah menuju fasa baru penuh berkat. Jasamu umpama pelita yang menerangi lorong ilmu, budi pekertimu menjadi madrasah yang hidup di hati anak didik. Semoga persaraan ini membuka pintu kebahagiaan, kesihatan, dan keberkatan umur.

Terima kasih ustazah, doa kami mengiringi setiap detik hidupmu."

“Ilmu yang ustazah curahkan ibarat titisan hujan yang menyuburkan ladang hati, budi pekerti umpama harum kasturi yang kekal mewangi. Kini tiba saat berehat dari amanah dunia akademia, namun pahala tetap mengalir bak sungai tanpa henti. Selamat bersara ustazah, semoga Allah memberkati hidupmu dengan sakinah, mawaddah, dan rahmah.”






“Hari ini universiti melepaskan seorang permata berharga, namun sejarah tetap mencatat nama ustazah sebagai penyemai ilmu dan pembimbing jiwa. Selamat bersara, semoga hari-hari mendatang lebih indah dengan ibadah, keluarga, dan ketenangan.”



SESI DEKAN BERSAMA PENSYARAH AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)

Khadijah Amira Abdul Rashid, Nurul Badriyah Ali, Mohamad Zaki Razaly

Pada 22 Jun 2025, satu program Sesi Dekan Bersama Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor telah diadakan bertempat di Bilik Seminar Sri Bendahara. Program ini dihadiri Prof. Dr. S. Salahudin Suyurno, Dekan ACIS bersama barisan jawatankuasa eksekutif fakulti serta pensyarah ACIS daripada kampus Segamat dan Pasir Gudang.

Tujuan sesi ini berlangsung sebagai sebuah pertemuan yang membina wadah dan memperkukuh jati diri dalam keluarga besar ACIS yang bukan sahaja mengangkat aspirasi akademik, tetapi juga menjunjung nilai insaniah. Sesi bermula pada jam 2:30 petang dengan tayangan montaj dan disusuli ucapan ringkas serta pembentangan laporan oleh Ketua Pusat Pengajian, Dr. Nurul Badriyah binti Ali.

Kemudian, sesi diteruskan dengan perkongsian daripada dekan yang menyentuh beberapa perkara penting seperti penawaran program ACIS di UiTM kampus cawangan, penyeliaan dan penilaian, kolaborasi kampus induk dan cawangan serta pengukuhan geran penyelidikan dan komuniti. Selain itu, dibincangkan juga pelan penggantian kepimpinan (succession planning), ketampakan ACIS dalam segenap aspek, penerbitan dan kepakaran luar, tanggungjawab pensyarah sebagai pensyarah sumber (resource person) dan kenaikan pangkat. Di akhir perkongsian, beliau juga menegaskan kebersamaan rakan
pensyarah untuk mengukuhkan identiti ACIS sebagai

sebuah fakulti terbaik.

Selain itu, rakan pensyarah ACIS diberi peluang untuk bertanyakan soalan tentang perkara-perkara yang perlu diberi perhatian. Ini sekaligus dapat mewujudkan perbincangan dua hala dengan lebih terbuka dan profesional. Sesi ini diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada dekan dan barisan jawatankuasa eksekutif ACIS atas kesudian hadir ke UiTM Cawangan Johor.. Sesi bergambar juga tidak dilupakan sebagai kenang-kenangan bagi kedua-dua belah pihak. Semoga pertemuan ini dapat memberi impak positif demi masa depan yang lebih cemerlang.





SUKAN UNITY COMSA (SUKOM): MENYATUKAN JIWA, MENGUKUHKAN SILATURAHIM

Khadijah Amira Abdul Rashid, Mohd Asyadi Redzuan,
Mahasin Saja@Mearaj

Pada 28 Jun 2025, satu program Sukan Unity COMSA (SUKOM) telah dianjurkan oleh Contemporary Muamalat Student Association (COMSA) bertempat di Gelanggang Futsal Baiduri Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor Kampus Segamat. Sukan ini melibatkan mahasiswa Muamalat, wakil penasihat serta wakil pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).

Tujuan sukan ini dilaksanakan sebagai satu platform untuk mengukuhkan jalinan ukhwah antara mahasiswa Muamalat dan pensyarah ACIS di samping dapat membudayakan semangat kesukanan dalam aktiviti sukan yang dijalankan. Justeru, aktiviti sebegini dapat melahirkan mahasiswa yang bersemangat tinggi dan berdaya saing secara sihat serta memupuk jati diri dan kasih sayang yang baik sesama ahli pasukan.

Program dimulakan pada jam 8:30 pagi dengan sesi memanaskan badan. Kemudian, diteruskan dengan dua perlawanan iaitu futsal bagi mahasiswa dan bola jaring bagi mahasiswi. Sepanjang perlawanan berlangsung, para pemain sentiasa menunjukkan bakat dan skil yang terpendam di samping sentiasa memupuk semangat berpasukan, melibatkan senior dan junior dalam pasukan yang sama. Ini secara langsung dapat mengeratkan lagi hubungan dalam kalangan
mahasiswa COMSA serta dapat mengenali dengan lebih

dekat antara satu sama lain.

Perlawanan bagi kedua-dua acara tamat pada jam 12:00 tengah hari. Sesi penyampaian hadiah menutupi tirai program bagi pasukan yang mendapat tempat pertama hingga ketiga disusuli dengan sesi bergambar. Semoga penganjuran program sebegini dapat diteruskan pada semester akan datang dengan sambutan yang lebih meriah.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

AMONG THE NOBLE CHARACTER OF THE PROPHET MUHAMMAD (PBUH)

Mohamed Mohideen Nayeem, Mohamad Zaki Razaly

"*I was raised/sent to perfect the most noble of character*" (narrated by Ahmad).

The Prophet Muhammad, peace be upon him (PBUH) was a special individual sent by Allah SWT to convey the message of tawhid, guide people from darkness into light, and establish Islam as a comprehensive way of life. In addition, the Prophet's mission includes enhancing and refining the akhlaq of the ummah. The noble character of the Prophet (PBUH) can be seen even before he was appointed as a Messenger. In fact, after he was appointed as a Messenger and was given the mandate to be the president of the first Islamic government, the state of Madinah, the Prophet (PBUH) continued to display highly commendable character regardless of time, place, and circumstances.

Among the noble character traits of the Prophet that are highly admired is that he always showed kindness to children and even greeted them with '*Salam*'. This is as narrated by Anas Ibn Malik radhiyallahu 'anhu:

"The Messenger of Allah, peace and blessings be upon him, would pass by young boys and greet them with peace" (narrated by al-Bukhari)

This act of caring for children is sometimes taken for granted by some people, but it is very significant, especially for children. Children's development of identity and akhlaq is partly influenced by what they observe in the world around them. Actions that seem small, but if done in the right way and with the right purpose, can have a huge impact on society. Prophet (PBUH) was also a person who always made things easier for others and was not selfish. Anas Ibn Malik radhiyallahu 'anhu narrated a hadith that the Prophet (PBUH) said:

"Whenever I start the prayer, I intend to prolong it, but on hearing the cries of a child, I cut short the prayer because I know that the cries of the child will incite its mother's passions" (narrated by al-Bukhari).

This hadith clearly illustrates the praiseworthy nature of the Prophet, who shortened the recitation during prayer upon hearing a small child crying, as it might disturb the mother's concentration and provide her relief.

Imam al-Bukhari recorded that Anas Ibn Malik radhiyallahu 'anhu once narrated an event where the Prophet (PBUH) was delivering the Friday sermon (khutbah) when a man came and said: "O Allah's Messenger PBUH! Livestock are dying and the roads are cut off; please pray to Allah for rain". So the Prophet (PBUH) raised his hands and prayed: "O Allah! Bless us with rain. O Allah! Bless us with rain. O Allah! Bless us with rain!". Anas then mentioned in that very narration that there were no clouds in the sky on that day when a big cloud suddenly appeared heading towards them from behind the Sila' mountain. It came, and rained so much that they could hardly reach their homes. It continued raining till the next Friday. Anas further said in that narration that the next Friday, a person came during the Friday sermon and said: "O Allah's Messenger PBUH! Livestock are dying and the roads are cut off; please pray to Allah to withhold rain". So the Prophet (PBUH) raised his hands and prayed: "O Allah! (Let it rain) around us and not on us" (narrated by al-Bukhari).

The aforementioned hadith demonstrates the Prophet's tolerance when a man asked him to pray while the Prophet was giving the Friday sermon. Instead of condemning the guy, the Prophet (PBUH) prayed to Allah to resolve the issue. Therefore, we must always improve our akhlaq and behavior in line with what the Prophet (PBUH) taught. Make Islam our way of life, In sya Allah, we will be successful in this world and the hereafter.

BERSATU PERJUANGKAN KEMERDEKAAN PALESTIN

Muhammad Fahmi Md Ramzan, Mohd Hufeiros Efizi Husain, Sharmin Baba

"*Tanah Palestin adalah milik umat Islam. Tidak ada seorang pun yang boleh membiarkan tanah ini dirampas walaupun hanya sejengkal!*" (Syeikh Ahmad Yasin rahimahullah).

Pernyataan pengasas Gerakan Hamas ini bukan sahaja menunjukkan ketegasan beliau sebagai seorang mujahid (pejuang) barisan hadapan yang sentiasa gigih dan tidak pernah lelah berjuang mempertahankan tanah Palestin daripada rejim penjajah Zionis-Israel, malah pernyataan tersebut jelas menunjukkan kearifan beliau dalam melihat realiti politik yang wujud.

Pernyataan yang dikemukakan oleh almarhum hakikatnya merupakan pengulangan kembali sekaligus penegasan dari pernyataan yang pernah diungkapkan oleh Sultan Abdul Hamid II, iaitu khalifah ke-34 Empayar Uthmaniyah, yang juga amat memahami status tanah Palestin dalam pandangan Syariah Islam.

Apabila ditelusuri sejarah, suatu ketika dahulu, beberapa elit Yahudi telah bekerjasama dengan negara-negara imperialis, terutamanya British, yang sedaya upaya ingin menempatkan orang-orang Yahudi di Palestin. Mereka berusaha memanfaatkan krisis kewangan yang sedang dialami oleh Empayar Uthmaniyah. Pemuka Yahudi, Theodor Herzl, pada tahun 1901 telah menawarkan bantuan kewangan kepada khalifah sebagai imbalan dan pampasan penempatan mereka. Namun, Sultan Abdul Hamid II menolak dengan tegas tawaran tersebut. Malah beliau dengan lantang dan penuh wibawa menyampaikan pernyataan yang sangat terkenal melalui Perdana Menterinya yang ditujukan kepada Herzl:

"*Nasihatilah dia (Herzl), janganlah dia mengambil langkah serius dalam hal ini. Sesungguhnya aku tidak akan melepaskan bumi Palestin meskipun hanya sejengkal. Tanah Palestin bukanlah milikku, tetapi milik kaum*

Muslimin…Selagi aku masih hidup, maka goresan pisau di tubuhku terasa lebih ringan bagi diriku daripada aku menyaksikan Palestin terlepas daripada khilafah. Ini adalah perkara yang tidak boleh terjadi."


Pernyataan Syeikh Ahmad Yasin dan Sultan Abdul Hamid II jelas menunjukkan bahawa betapa pentingnya bagi umat Islam untuk mempertahankan dan mengembalikan tanah Palestin daripada dirampas dan terus dijajah oleh pihak musuh. Setidak-tidaknya, pernyataan tersebut menegaskan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh umat Islam masa kini:

1. Tanah Palestin (yang dirampas dan diduduki rejim Zionis-Israel sejak tahun 1948) bukanlah tanah milik bangsa Arab, apatah lagi milik kelompok Hamas ataupun Fattah, tetapi mutlak tanah milik kaum Muslimin.

2. Natijahnya, tidak boleh ada seorang pun yang berfikir bahawa tanah Palestin boleh dibahagi dua dengan Zionis-Israel yang telah merampas dan menduduki sebahagian besar wilayahnya hingga kini.

3. Seluruh kaum Muslimin (bukan hanya bangsa Arab, penduduk Palestin, atau pejuang Hamas) berkewajipan untuk mengembalikan tanah tersebut kepada kaum Muslimin.

Natijahnya, usaha memerdekakan Palestin adalah tidak bermakna jika seluruh tanah Palestin (bukan sebahagian) masih gagal dikembalikan kepada kaum Muslimin. Bagaimana mungkin sebuah bangsa yang dijajah, dirampas tanahnya, ditindas, bahkan dibantai dipaksa berbahagi harta dengan pihak penjajah? Lebih-lebih lagi, kemerdekaan yang sesungguhnya bermaksud kebebasan menentukan pilihan atas dasar kerelaan (*self-determination*), bukan atas dasar paksaan. Kemerdekaan yang hakiki bermaksud tidak menggadaikan harga diri dan kehormatan meskipun dengan hanya merelakan sejengkal tanah sebagai tebusan.



BIODATA IMAM ASY-SYAFI'I

Mohd Zainodin Mustaffa, Nurfarhana Mohd Daud

Imam asy-Syafi'i rahimahullah atau nama sebenar beliau, Muhammad bin Idris asy-Syafi'i merupakan mujaddid (pembaharu) pada abad ke-2 Hijrah. Beliau telah diiktiraf sebagai mujaddid agama Islam bagi kurun yang kedua kerana telah menghimpunkan di antara dua manhaj, iaitu manhaj Ahlu Ra'yi yang diasaskan oleh Imam Abu Hanifah dan manhaj Ahlu al-Hadith yang diamalkan oleh Imam Malik bin Anas. Beliau dilahirkan di bandar Gaza, Palestin pada tahun 105 Hijrah pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah. Nasab beliau bertemu dengan nasab Rasulullah SAW pada moyang mereka berdua iaitu Abdul Manaf.

Bapanya telah meninggal dunia ketika usianya masih kecil. Ibunya telah membawanya ke Hijaz ketika usianya 2 tahun dan seterusnya ke Mekah pada usia 10 tahun. Beliau memiliki kecerdasan akal serta kekuatan hafalan sehingga berjaya menghafal al-Quran ketika berusia 7 tahun. Pada usia 13 tahun, beliau bermusafir ke Madinah untuk menuntut ilmu dengan Imam Malik. Beliau terlebih dahulu telah menghafal kitab al-Muwatta karangan Imam Malik ketika berusia 10 tahun. Imam Malik mengagumi ketekunan dan semangat beliau dalam menuntut ilmu.

Imam asy-Syafi'i sangat tekun menuntut ilmu. Beliau mula mempelajari ilmu fiqh dari Muslim bin Khalid al-Zanji, mufti Mekah. Kemudian beliau berpindah ke Madinah dan untuk berguru dengan Imam Malik bin Anas sehingga kewafatan gurunya pada tahun 170 Hijrah. Beliau juga pernah merantau ke Yaman, Kufah, Basrah, Baghdad dan Mesir bagi mendalami ilmu serta melakukan perbincangan dan perbahasan ilmu. Al-Rabi' bin Sulaiman bercerita, "Imam asy-Syafi'i selalu membahagikan masanya kepada tiga bahagian. Satu bahagian untuk ilmu, satu bahagian untuk ibadah dan satu bahagian lagi untuk tidur.

Antara guru Imam asy-Syafi'i ialah Muslim bin Khalid al-Zanji, Sufyan bin Uyainah, Said bin Salim al-Qaddah, Malik bin Anas, Hisyam bin Abu Yusuf, Waki' bin Jarrah al-Kufi dan Abu Yusuf, Qadhi al-Qudhah. Manakala antara murid beliau ialah Ahmad bin Hanbal, Yusuf bin Yahya al-Buwaiti, Ismail bin Yahya al-Muzani, al-Rabi' bin Sulaiman dan al-Rabi' bin Dawud al-Jizi.

Imam asy-Syafi'i telah menulis dan mengarang banyak kitab dalam pelbagai disiplin ilmu. Antara kitab karangan beliau ialah:

i. ar-Risalah.
ii. al-Umm.
iii. al-Hujjah.
iv. Jam' al-Ilmi.
v. al-Musnad.
vi. al-Amali.

Imam asy-Syafi'i pernah menerima ujian yang berat dalam ilmu dan dakwahnya. Beliau telah dituduh sebagai berfahaman Syiah dan hampir dikenakan hukuman bunuh. Beliau juga diuji dengan penyakit buasir sehingga tidak mampu duduk dengan tenang. Beliau berkahwin dengan Hamidah binti Nafi' dan mempunyai tiga orang anak, seorang putera dan dua orang puteri.

Pada tahun 195 Hijrah, beliau berhijrah ke Kota Baghdad dan menetap di sana selama 3 tahun. Kemudian beliau berhijrah ke Mesir pada tahun 199 Hijrah dan menetap di sana sehingga akhir hayatnya. Imam asy-Syafi'i meninggal dunia pada tahun 204 Hijrah ketika berusia 54 tahun di sisi muridnya yang setia, iaitu Imam al-Rabi' bin Sulaiman al-Muradi rahimahullah.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

DOA KEBURUKAN KE ATAS ORANG YANG ZALIM

Mohamad Zaki Razaly, Mahasin Mearaj, Khadijah Amira Abdul Rashid

Doa merupakan satu ibadah yang dituntut oleh Allah SWT ke atas setiap hambaNya. Allah SWT suka kepada hambaNya yang merintih dan memohon kepadaNya dengan ikhlas dan merendah diri. Doa asalnya adalah untuk tujuan yang baik. Nabi SAW bersabda:

"*Tidaklah seorang Muslim apabila dia berdoa dengan apa-apa doa dalam keadaan dia tidak berdoa untuk mendapatkan perkara dosa dan tidak memutuskan silaturrahim melainkan Allah akan memberinya pada salah satu dari tiga keadaan. Sama ada akan disegerakan permintaan tersebut atau disimpan doa tersebut pada hari akhirat ataupun dipalingkan orang yang berdoa daripada keburukan. Para Sahabat berkata: Jadi kami perlu perbanyakkan doa. Baginda bersabda: Apa yang ada di sisi Allah itu lebih banyak*" (Riwayat al-Bukhari).

Namun dalam keadaan tertentu seperti seseorang yang dizalimi dan dianiaya, jika seseorang itu tidak mampu bersabar, maka harus baginya untuk mendoakan keburukan terhadap orang yang melakukan kezaliman itu. Allah SWT berfirman:

"Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiaya. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui" (An-Nisa': 148)

Terdapat juga hadis yang secara jelas memberi pesanan kepada kita agar berwaspada terhadap doa orang yang dizalimi. Ibn Abbas R.A meriwayatkan bahawa ketika Rasulullah SAW mengutuskan Mu'az bin Jabal R.A ke Yaman, Baginda bersabda:

"Takutlah terhadap doa orang yang dizalimi, sesungguhnya tiada penghalang antara doa itu dengan Allah SWT" (Riwayat al-Bukhari).

Jika kita menelusuri hadis Baginda SAW, kita akan dapati ada keadaan di mana Nabi SAW dan para sahabat mendoakan keburukan dan laknat kepada mereka yang telah melakukan kezaliman. Anas bin Malik R.A telah menyebutkan dalam satu riwayat sesungguhnya bani Ri'lan, Zakwan, Usaiyah dan Lahyan meminta bantuan daripada Nabi SAW untuk memerangi musuh mereka. Maka Baginda SAW telah menghantar kepada mereka tujuh puluh orang lelaki dari golongan Ansar yang dikenali sebagai al-Qurra'. Mereka ini membantu untuk mengumpul kayu api pada siang hari dan beribadah kepada Allah SWT pada waktu malam hari. Sehinggalah ketika mereka sedang berada di lembah Ma'unah, mereka dibunuh dan dikhianati. Apabila berita ini sampai kepada Rasulullah, baginda membaca Qunut Nazilah selama sebulan pada solat Subuh bagi mendoakan laknat ke atas kabilah Ri'lan, Zakwan, Usaiyah dan Bani Lahyan (Riwayat al-Bukhari).

Begitu juga sahabat Nabi SAW, iaitu Saad bin Abi Waqqas R.A (antara 10 sahabat yang dijamin syurga) juga pernah berdoa supaya Allah SWT menurunkan bala kepada Usamah bin Qatadah yang memfitnahnya: *"Demi Allah, saya ingin berdoa meminta 3 perkara: Ya Allah, jika hamba-Mu ini berbohong, bangun memfitnah kerana riya' dan inginkan nama, maka panjangkan umurnya, panjangkan kefakirannya dan dedahkan dia dengan bala bencana".* (Riwayat al-Bukhari)

Justeru, hendaklah kita jauhkan diri daripada perbuatan menzalimi dan menganiaya orang lain kerana doa orang yang dizalimi tiada hijab dan akan dimakbulkan oleh Allah SWT.

HADIS ITU INDAH, JIKA DIFAHAMI DENGAN BETUL

Mohd Shukri Mohd Senin, Mohd Ali Muhamad Don, Mohd Rilizam Rosli

Dalam kehidupan seharian, kita sering mendengar hadis Nabi Muhammad SAW disebut di dalam ceramah, kuliah agama, malah di media sosial. Ada hadis yang dikongsi bersama keluarga di meja makan, ada juga hadis yang tular di WhatsApp atau Facebook. Namun, tidak semua yang disebut sebagai “hadis” itu benar-benar sahih daripada Rasulullah SAW. Di sinilah terserlah keindahan dan keunikan ilmu hadis iaitu apabila kita faham dan selidiki, barulah kita nampak betapa berharganya setiap butir sabda Baginda SAW.

Hadis ialah sumber kedua selepas al-Quran dalam membimbing umat Islam. Melalui hadis, kita belajar cara solat, adab bergaul, doa yang baik, bahkan hal-hal kehidupan seharian kita. Rasulullah SAW diutus bukan sekadar membawa wahyu, tetapi juga menjadi contoh hidup kepada manusia. Setiap hadis sahih membawa cahaya petunjuk, penuh dengan hikmah. Ia ibarat permata, semakin digilap dengan kefahaman yang betul, semakin bersinar maknanya.

Namun, sayangnya ramai di kalangan kita lebih suka mengambil jalan mudah. Apa sahaja hadis yang tampak indah bunyinya, terus dikongsi dengan menyandarkan kepada Nabi SAW tanpa semakan. Contohnya hadis “Tidur selepas Asar jadi gila” atau “Syurga di bawah telapak kaki ibu.” Ada yang sahih, ada juga yang tidak sahih. Tetapi kerana tidak menilai dengan panduan ilmu yang benar, ia telah menjadi pegangan sebahagian masyarakat. Sedangkan, jika diteliti, hadis sahih jauh lebih indah dan sesuai dijadikan panduan hidup.

Keindahan hadis bukan hanya pada lafaznya, tetapi kesan mendalam yang dibawa di dalam jiwa. Bayangkan hadis yang masyhur:

“Sesungguhnya amalan itu tergantung pada niat” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Betapa ringkas ayatnya, tetapi dalam maknanya. Jika kita hayati, setiap perkara kecil seperti memberi senyuman, menolong jiran, atau berkongsi ilmu, akan bernilai besar di sisi Allah jika diniatkan kerana Allah SWT. Inilah keindahan sebenar sunnah. Ia menghidupkan hati-hati kita.

Oleh sebab itu, kita sebagai masyarakat perlu belajar menghargai hadis dengan cara yang betul. Caranya mudah iaitu semak dahulu sebelum sebar, rujuk ulama hadis atau laman sesawang yang sahih seperti sunnah.com, dorar.net, atau karya ulama muktabar. Lebih baik jika kita belajar ilmu takhrij hadis, iaitu ilmu seni menyemak status sesuatu hadis. Dengan itu, kita tidak sewenang-wenangnya menyandarkan sesuatu dengan, “kata Nabi”, walhal sebenarnya bukan daripada Baginda.

Akhirnya, marilah kita melihat hadis sebagai sumber inspirasi dan motivasi hidup. Jangan biarkan ia sekadar hiasan teks di media sosial. Hadis itu indah, tetapi ia hanya akan terasa indah apabila kita fahami betul-betul maksudnya. Apabila difahami dengan betul, ia akan menghidupkan iman, melembutkan hati, dan mendidik jiwa. Rasulullah SAW bersabda: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara; kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegang kepada keduanya: Kitab Allah dan sunnahku” (Riwayat Imam Malik). Inilah janji Baginda bahawa sunnah itu cahaya, asalkan kita menghargai dan memahami keindahannya.

HATI-HATI: SKIM PONZI DAN PIRAMID

Syazwani Abd Rahim, Siti Noor Ain Aziz, Aemy Aziz

Mengenal Dua Asas Skim Penipuan Dalam Perniagaan Masa Kini. Berdasarkan pemerhatian ke atas penipuan yang berlaku khususnya dalam skim pelaburan dan perniagaan, modus operandi mereka adalah berdasarkan 2 skim penipuan yang utama, iaitu: (1) Skim Ponzi dan (2) Skim Piramid.

- **Skim Ponzi**

  Skim Ponzi merujuk kepada pelaburan berunsur penipuan yang membuat bayaran kepada pelabur di peringkat awal menggunakan duit pelabur yang melabur di peringkat yang lebih bawah. Pembayaran ini bukanlah datang daripada keuntungan sebenar perniagaan (*Ponzi Scheme*). Walaupun kadangkala perniagaan sebenar dijalankan, namun ia hanyalah di peringkat permulaan atau hanya meliputi sebahagian duit deposit yang diterima dengan tujuan mengaburkan mata pelabur dan masyarakat umum.

- **Skim Piramid**

  Skim Piramid merujuk kepada satu bisnes model (berbentuk piramid – sedikit di bahagian atas dan bertambah banyak apabila berpindah ke bahagian bawah) yang tidak dapat bertahan, melibatkan pertukaran dan perpindahan duit dalam kalangan peserta-peserta bermula daripada peringkat atas sehingga ke akhirnya. Kebiasaannya, Skim Piramid asli tidak melibatkan penjualan produk atau perkhidmatan. Kedua-dua skim ini atau Skim Ponzi semata-mata dimodifikasi menjadi seolah-olah satu bentuk pelaburan di dalam sektor-sektor yang menarik seperti sektor minyak dan gas, pelaburan pesisir pantai (*off shore*), perundingan kewangan, jual beli sekuriti kewangan, pengurusan dana kewangan yang melabur di dalam sekuriti kewangan dan pasaran hadapan (*futures*), jual beli mata wang asing, hartanah, teknologi, komoditi perladangan, emas dan lain-lain.


Perbezaan di antara kedua-dua skim ini diterangkan di dalam jadual di bawah:

Bil.	Aspek Perbezaan	Skim Ponzi	Skim Piramid
1	**Penerimaan Wang dan Pertemuan Langsung dengan Peserta Baru (Mangsa)**	Di dalam skim ini, pengelola terlibat sebagai *"hub"* atau pusat pembayaran dan penerimaan wang kepada mangsa. Pengelola bertemu dengan setiap mangsa secara langsung.	Dalam skim ini, pihak peserta di peringkat awal yang bertanggungjawab untuk merekrut peserta baru dan mendapat bayaran / wang secara langsung daripada mangsa yang di bawahnya.
2	**Kaedah Pemasaran**	Dalam skim ini, biasanya pemasaran dilakukan secara tertutup dengan beberapa individu yang penting sahaja dan biasanya menumpukan pemasaran kepada para pelabur yang kaya.	Skim ini secara terang-terangan melakukan pemasarannya dan tanpa keahlian baru maka tiadalah "pendapatan" untuk peserta.
3	**Jumlah Keahlian dan Ketahanan Model Pelaburan**	Skim ini biasanya boleh bertahan lebih lama walaupun ahlinya cuma sedikit, iaitu dengan menggalakkan peserta menambah lagi wang pelaburannya.	Skim ini lebih mudah runtuh kerana memerlukan kemasukan peserta baharu yang ramai untuk membolehkan ia terus bertahan.

Amaran terhadap riba dan penindasan

"*Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba."* (Surah al-Baqarah, 2:275)

📌 Walaupun skim ini disamarkan sebagai "pelaburan", hakikatnya ia menyerupai riba kerana keuntungan dijanjikan tanpa usaha atau urus niaga sebenar, malah mengandungi unsur penindasan terhadap peserta yang berada di peringkat bawah. Masyarakat wajar diberi didikan mengenai dua skim penipuan ini agar mereka dapat mengetahui modus operandi di sebalik skim perniagaan dan pelaburan yang menipu.



Rujukan: Angkatan Pertama Daurah Fiqh Maahad Al-Musthofa. (2022). Fahami Muamalat Seharian Anda (Edisi baru). Maahad Al-Musthofa. ISBN 978-967-14264-5-6

KEAJAIBAN ISTIGHFAR DALAM HIDUP: HAPUS DOSA, RAIH BERKAT

Mohd Shukri Mohd Senin, Mohe Huefiros Efizi Husain, Mohd Farhan Ahmad

Dalam kehidupan moden yang penuh cabaran, manusia sering terdedah kepada pelbagai tekanan, dosa, dan kelalaian. Ada kalanya hati kita terasa sempit, jiwa resah, dan fikiran serabut dengan pelbagai urusan dunia. Dalam keadaan ini, Islam menyediakan jalan yang mudah tetapi penuh keberkatan untuk membersihkan hati dan menenangkan jiwa, iaitu melalui istighfar. Istighfar bukan sekadar lafaz memohon ampun, tetapi satu bentuk pengakuan seorang hamba atas kelemahan diri dan sebagai bukti cinta Allah SWT yang sentiasa membuka pintu keampunan kepada semua hambaNya.

Allah SWT berfirman di dalam Surah Nuh ayat 10–12:
"Sehingga aku berkata (kepada mereka): “Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya adalah Dia Maha Pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian), Dia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah kepada kamu; Dan Dia akan memberimu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan Dia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).”

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa istighfar bukan hanya boleh menghapuskan dosa, malah mendatangkan rezeki, keturunan, dan keberkatan dalam hidup. Rasulullah SAW sendiri memperbanyak istighfar setiap hari, walaupun Baginda adalah seorang yang maksum dan terpelihara daripada dosa. Dalam sebuah hadis riwayat Ibn Majah, Baginda bersabda:

“Barangsiapa yang memperbanyak istighfar, nescaya Allah akan memberikan jalan keluar bagi setiap kesusahannya, kelapangan untuk setiap kesempitannya, dan rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka.”

Berikut adalah beberapa kelebihan Istighfar dalam kehidupan seharian:

1. Menghapuskan dosa dan kesalahan. Setiap insan tidak terlepas daripada melakukan kesalahan. Dengan istighfar, dosa kecil yang dilakukan tanpa sedar dapat dihapuskan, sekaligus menyelamatkan hati daripada terus hitam dan lalai.
2. Mendatangkan rezeki dan keberkatan dalam hidup. Sebagaimana janji Allah di dalam Surah Nuh, istighfar menjadi sebab turunnya rezeki yang melimpah ruah dan keberkatan dalam hidup, sama ada dalam bentuk material seperti harta yang melimpah mahupun dalam bentuk spiritual seperti keluarga yang bahagia.
3. Menenangkan jiwa dan menguatkan hati. Dalam era moden yang dipenuhi tekanan akademik, pekerjaan, dan media sosial, istighfar menjadi terapi rohani yang menenangkan jiwa dan membangkitkan kekuatan dalaman.
4. Jalan keluar daripada kesempitan hidup. Seringkali manusia buntu mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah. Rasulullah SAW menjanjikan bahawa istighfar membuka pintu keluar yang tidak disangka, membuktikan kebergantungan kepada Allah adalah kunci sebenar.

Istighfar adalah amalan mudah tetapi mempunyai keajaiban yang besar dalam hidup. Ia menghapuskan dosa, melapangkan rezeki, menenangkan jiwa, serta membuka jalan keluar daripada segala kesempitan. Dalam kehidupan moden yang penuh cabaran, istighfar seharusnya menjadi amalan harian setiap Muslim, sekurang-kurangnya 100 kali sehari sebagaimana dicontohkan oleh Rasulullah SAW.

Marilah kita menjadikan istighfar sebagai sahabat setia dalam kehidupan. Dengan memperbanyak istighfar, bukan sahaja dosa diampuni, malah keberkatan hidup dan kebahagiaan sejati dapat dikecapi di dunia serta keselamatan hakiki di akhirat.

MEMBINA GENERASI BERJIWA HAMBA DENGAN ADAB

Khadijah Amira Abdul Rashid, Nurfarhana Mohd Daud,
Muhammad Fahmi Md Ramzan

Ilmu merupakan elemen yang penting dalam kehidupan manusia. Namun, terdapat sesuatu yang lebih penting, iaitu adab. Ilmu tanpa adab ibarat cahaya yang tidak mampu menerangi atau seumpama pedang yang tidak bermata. Ia tidak berfungsi, malah boleh membawa mudarat. Begitu pula adab yang merupakan akar dalam kehidupan seorang manusia. Tanpa adab, manusia dianggap gagal. Sebagai seorang pendidik, kita perlu memainkan peranan penting dalam membina generasi yang berjiwa hamba dengan adab.

Allah berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud:
"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu meninggikan suaramu lebih daripada suara Nabi, dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara yang keras sebagaimana kerasnya suara sebahagian kamu terhadap sebahagian yang lain, supaya tidak terhapus amalanmu sedangkan kamu tidak menyedari." (Al-Hujurat: 2)

Ayat ini menerangkan adab yang diajarkan kepada para sahabat tentang bagaimana mereka harus berinteraksi dengan Rasulullah SAW. Ini menunjukkan bahawa adab perlu diutamakan daripada sekadar menuntut ilmu. Begitu juga tugas sebagai seorang pendidik pada hari ini bukan sahaja mengajar dan menyampaikan ilmu tetapi menanamkan adab dalam jiwa anak didik dengan sebaiknya.

Catatan sejarah Islam banyak membuktikan kisah adab yang didahulukan sebelum ilmu. Sebagai contoh, diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqi di dalam Manaqib asy-Syafi'i, Imam asy-Syafi'i rahimahullah ketika beliau membuka helaian kitab di hadapan gurunya, beliau sangat berhati-hati dan lemah lembut agar tidak mengganggu tumpuan gurunya. Ini menunjukkan betapa tingginya adab seorang murid terhadap gurunya yang perlu dicontohi.

Pendidik yang berjiwa besar perlu menjadi contoh teladan yang baik seiring dengan keutamaan menjaga adab. Pendidik perlu berkomunikasi dengan penuh hikmah supaya dapat memberi kesan dalam jiwa anak didik. Sifat kesabaran juga amat diperlukan agar anak didik sentiasa berlembut hati untuk menerima teguran dan nasihat. Begitu juga peranan pendidik dalam menyuburkan sifat rendah hati dalam memiliki ilmu. Anak didik perlu diajar supaya tidak mendabik dada dengan ilmu yang diperolehi, malah seharusnya semakin tunduk hati dan jiwanya kepada Allah SWT.

Oleh itu, menyuburkan adab membawa 1001 hikmah yang besar walaupun memerlukan kesabaran yang tinggi. Anak didik sudah tentu akan menjadi insan yang berakhlak baik dan berjiwa hamba di samping cemerlang dalam akademik. Yakinlah dengan setiap usaha mendidik pasti akan membuahkan hasil dalam melahirkan generasi berilmu dan berjiwa hamba dengan adab.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PEMBAZIRAN MAKANAN DI MALAYSIA DAN KEKURANGAN MAKANAN DI PALESTIN

Mahasin Saja@Mearaj, Syazwani Abd Rahim, Mohd Zainodin Mustaffa

Pembaziran makanan merupakan isu global yang semakin membimbangkan, termasuk di Malaysia. Pembaziran makanan ini merupakan isu sensitif kepada negara miskin dan sedang dalam kancah peperangan seperti Palestin. Persoalannya adakah masyarakat Malaysia masih memandang enteng terhadap perilaku pembaziran makanan?

Antara faktor menyebabkan pembaziran makanan di Malaysia ialah disebabkan budaya mengadakan jamuan dan program kerana masyarakat Malaysia kaya dengan budaya tersebut (Abdullah & Ahmad, 2022). Perkara ini tidak wajar berlaku, lebih-lebih lagi ketika kita menghadam maksud kemerdekaan dari aspek pemikiran. Islam mengajarkan umatnya untuk menjamu. Walau bagaimanapun, jangan sampai membazir atau berlebihan dalam segala aspek. Allah SWT berfirman di dalam Surah al-Isra' (17:27) yang bermaksud, "Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya."

Bagi mengatasi masalah ini, semua pihak perlu memberikan perhatian serius. Semua sektor baik kerajaan mahupun swasta perlu memastikan langkah bijak bagi mengatasi masalah ini dengan mengambil inisiatif memberikan pendidikan sewajarnya. Kempen ini perlu diperluas di peringkat sekolah dan penekanan pihak penganjur untuk tidak melakukan pembaziran ketika majlis atau program dijalankan (Mohd Arif & Abdullah, 2023). Kempen untuk menggalakkan sumbangan makanan daripada restoran, hotel, dan pasar raya besar kepada mereka yang memerlukan perlu dipertingkatkan. Ini dapat membantu mengurangkan sisa makanan yang dibazirkan dan pada masa yang sama memberi manfaat kepada golongan yang kurang berkemampuan.

Secara keseluruhannya, pembaziran makanan di Malaysia adalah isu serius yang memerlukan tindakan segera. Pembaziran ini bukan sahaja memberi impak terhadap ekonomi negara, tetapi juga menimbulkan ancaman terhadap alam sekitar.

Oleh itu, usaha untuk menangani permasalahan ini perlu melibatkan kerjasama di antara kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat. Dengan meningkatkan kesedaran, mengubah budaya pembaziran makanan, dan menggalakkan amalan lebih bertanggungjawab, kita dapat mengurangkan masalah pembaziran makanan demi kesejahteraan ekonomi, sosial, dan alam sekitar.

Rujukan:

Al-Quran

Abdullah, M. S., & Ahmad, N. (2022). Pembaziran makanan di Malaysia: Faktor-faktor penyumbang dan impak kepada masyarakat. Jurnal Pengurusan Sumber Alam, 15(3), 45-52.

Mohd Arif, A., & Abdullah, S. A. (2023). Kempen kesedaran pembaziran makanan di Malaysia. Jurnal Pendidikan Sosial, 19(2), 102-110.





PENTINGNYA UCAPAN IN SYA ALLAH

Muhammad Fahmi Md Ramzan, Nurfarhana Mohd Daud, Aemy Aziz

Sebahagian manusia kadang kala merasa terlalu yakin akan sesuatu perkara sehinggakan terlupa bahawa tingkah lakunya juga tertakluk kepada perancangan dan keizinan dari Yang Maha Kuasa. Hal ini termasuk tidak menyandarkan ucapannya dengan kalimah in sya Allah iaitu kalimah yang mengaitkan atau mengembalikan sesuatu urusan kepada keizinan dariNya.

Secara asasnya, ucapan in sya Allah disandarkan untuk perbuatan yang akan dilakukan di masa yang akan datang. Perintah atau anjuran mengucapkan kalimah ini dapat dilihat melalui firman Allah, “Janganlah engkau mengatakan sesuatu untuk dikerjakan esok, melainkan dengan mengucapkan, in sya Allah. Dan ingatlah kepada Tuhanmu jika kamu lupa dan katakanlah, “Mudah-mudahan Tuhanku akan memberiku petunjuk yang lebih dekat kepada kebenaranNya daripada ini”.” (Surah al-Kahfi: 23-24)

Apabila ditelusuri *asbab an-nuzul* (sebab penurunan) ayat, ia turun sebagai peringatan kepada Nabi Muhammad SAW atas ucapan Baginda terhadap orang-orang Quraisy yang bertanya perihal roh, kisah Ashabul Kahfi dan kisah Zulkarnain. Rasulullah berkata kepada mereka, “Esok akan aku khabarkan kepada kamu atas pertanyaanmu itu.”

Menurut Tafsir Ibnu Kathir, Nabi SAW sama sekali tidak mengucapkan lafaz *istithna’* (pengecualian) dengan menyebut in sya Allah dan mengakibatkan wahyu tak kunjung turun sehingga 15 hari. Lalu, setelah Rasulullah ﷺ berada dalam keadaan sedih disebabkan tekanan dari orang Quraisy dan wahyu yang tak kunjung turun, akhirnya Allah menurunkan ayat mengingatkan supaya tidak menjanjikan sesuatu kepada orang lain kecuali dengan mengucapkan in sya Allah.

Apabila ditinjau dari sudut hukum, para ulama mengemukakan larangan (mengatakan sesuatu urusan di masa yang akan datang tanpa menyebut lafaz in sya Allah) kepada hukum makruh, tidak sampai haram. Maka secara *mafhum mukhalafah* (pemahaman sebaliknya), hukum mengucapkannya tidak sampai wajib. Sebagaimana dikemukakan oleh Ibnu Muflih rahimahullah di dalam kitab al-Adab asy-Syar'iyyah, "Memberikan tambahan kata in sya Allah dalam memberikan khabar terhadap sesuatu urusan, hukumnya mustahab (dianjurkan)." Imam an-Nawawi raḥimahullah di dalam kitab Syarh an-Nawawi 'ala Muslim pula berkata, "Dianjurkan bagi seseorang ketika mengucapkan, "Saya akan lakukan itu dan ini", untuk menambahkan lafaz in sya Allah dalam rangka untuk "*tabarruk*" (ambil berkah) dan mentaati perintah Allah."

Walaupun ucapan ini bukan suatu yang wajib menurut para ulama, namun hakikatnya ia telah menjadi amalan dan kebiasaan oleh Rasulullah SAW dan para nabi terdahulu. Sebagai contoh, hadith berikut, "Dari Itban bin Malik radhiyallahu 'anhu, dia berkata, "Wahai Rasulullah, aku berharap anda dapat berkunjung ke rumahku, lalu anda mengerjakan solat di sana, kemudian akan aku jadikan tempat tersebut sebagai ruangan solat di rumahku. Kemudian Rasulullah bersabda, "Aku akan lakukan itu, in sya Allah." (HR. al-Bukhari, no. 425). Contoh ungkapan in sya Allah para nabi terdahulu pula dapat dilihat melalui ayat-ayat al-Quran. Sebagai contoh, ucapan Nabi Isma'il 'alaihissalam kepada ayahandanya Nabi Ibrahim 'alaihissalam sewaktu peristiwa penyembelihan, "Engkau akan dapati diriku, in sya Allah seorang yang sabar." (Surah as-Saffat: 102) Begitu juga sepertimana diucapkan oleh Nabi Yusuf 'alaihissalam di dalam surah Yusuf, ayat 99, Nabi Musa 'alaihissalam di dalam surah al-Kahfi, ayat 69 serta Nabi Syu'aib 'alaihissalam di dalam surah al-Qasas, ayat 27.

Hal ini mencerminkan adab tentang anjuran mengucapkan in sya Allah dalam sesuatu urusan dari generasi umat Islam terdahulu sehingga ke hari ini.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

RAHSIA BACAAN AL-QURAN TERHADAP PSIKOLOGI DAN KESIHATAN

Muhammad Fahmi Md Ramzan, Nurfarhana Mohd Daud, Khadijah Amira Abdul Rashid

Dalam ilmu psikologi, terdapat pelbagai cara untuk menangani tekanan dan rasa gelisah. Antaranya ialah bersenam, beriadah, melakukan terapi dan sebagainya. Namun, terdapat satu kaedah yang sangat mudah untuk dilakukan kerana hanya melibatkan lidah dan lelangit. Kaedah ini dinukilkan oleh Tony Yuile di dalam blognya (Lihat: https://wellingtonlifecoaching.co.nz/stressed-relax-your-tongue/). Beliau menyarankan beberapa langkah berikut:

i. Bayangkan terdapat sedikit titisan minyak zaitun yang diletakkan di hujung lidah (*tip of tongue*) anda.
ii. Sekarang letakkan hujung lidah anda ke lelangit mulut (*roof of mouth*), di belakang gigi hadapan anda (seperti menyebut huruf L).
iii. Bayangkan bahawa anda mengimbangkan titisan minyak, menahannya dalam kedudukan seperti itu.
iv. Sekarang rasakan betapa tenang fikiran anda ketika anda melakukannya.

Berdasarkan kaedah yang dikemukakan, sebagai seorang Muslim hakikatnya kita tidak usah merasa terlalu aneh kerana penggunaan hujung lidah yang disentuhkan ke lelangit sangat sinonim dan berkait rapat dengan ucapan dan amalan seharian kita.

Hal ini terbukti apabila kita dianjurkan untuk memperbanyak menyebut lafaz Allah supaya timbul ketenangan dalam diri. Selain kesan spiritual, ternyata ia juga turut memberi kesan psikologi berdasarkan kaedah yang dikemukakan di atas. Apabila diperhatikan, lafaz Allah banyak menggunakan huruf Lam yang mana makhraj (tempat keluar) huruf tersebut adalah dari hujung sisi lidah bahagian hadapan yang disentuhkan pada lelangit persis seperti menyebut huruf L. Begitu juga bacaan tahlil “Laa Ilaaha illAllah” yang merupakan bacaan zikir utama, banyak menggunakan huruf Lam.

Selain itu, huruf Lam juga merupakan huruf yang paling banyak terkandung di dalam bacaan surah al-Fatihah dan merupakan huruf kedua terbanyak (selepas huruf Alif) di dalam al-Quran.

Secara umumnya, sewaktu membaca al-Quran, kita banyak menggunakan hujung lidah yang disentuhkan ke lelangit sewaktu menyebut sebahagian huruf-hurufnya. Oleh itu, tidak hairanlah amalan tersebut dapat memberi ketenangan kepada jiwa. Selain daripada pengaruh lantunan ayat-ayatnya yang kita baca, ternyata pengaruh pergerakan lidah sewaktu menyebut huruf-hurufnya juga mampu memberikan kesan positif terhadap psikologi.

Selain manfaat dari sudut psikologi, dengung yang terhasil sewaktu kita membaca al-Quran juga mempunyai manfaat dari sudut kesihatan. Menurut Syeikh Asyraf Ja'fari, mantan Imam Masjid al-Azhar, di dalam Daurah Tuhfatul Atfal, antara keajaiban al-Quran berdasarkan penelitian ilmiah adalah getaran yang berlaku di kepala sewaktu mengucapkan bacaan dengung (ghunnah) dapat menguatkan ingatan dan mencegah daripada penyakit nyanyuk.

Hakikatnya, membaca al-Quran dapat menghasilkan pelbagai manfaat bukan sahaja dari sudut spiritual, bahkan juga manfaat dari sudut psikologi dan kesihatan. Hal ini telah diajarkan lebih 1400 tahun yang lalu sebelum ianya dibuktikan melalui penelitian ilmiah pada masa kini.

Allah Ta’ala berfirman, “Dan sungguh, kamu akan mengetahui (kebenaran) berita (al-Quran) setelah beberapa waktu lagi.” (Surah Sod: 88). Di ayat yang lain, Allah Ta’ala berfirman, “(Al-Quran) ini adalah pedoman bagi manusia, petunjuk dan rahmat bagi kaum yang meyakini.” (Surah al-Jaathiyah: 2)



Wallahu a’lam.

RINGKASAN PENERIMA PUSAKA

Mohd Zainodin Mustaffa

Bil	Penerima	Kadar	Syarat - Syarat
1	Bapa	Asobah	1. Si mati tiada furu' waris (anak dan ke bawah) sama ada lelaki atau perempuan.
		1/6	1. Si mati ada furu waris (anak L/P, cucu L/P (iaitu anak kepada anak lelaki).
		1/6 dan Asobah	1. Jika bapa wujud bersama anak perempuan atau cucu P (anak P kepada anak lelaki), dia mendapat 1/6 melalui fardh. Jika terdapat baki setelah dibahagi kepada waris melalui fardh, maka dia akan mengambil hak melalui asobah.
2	Ibu	1/3	1. Si mati tiada furu waris (anak L/P, cucu L/P (anak kepada anak lelaki). 2. Si mati tiada adik beradik (L/P), dua atau lebih, kandung, sebapa atau seibu.
		1/6	1. Si mati ada furu waris sama seperti bahagian bapa. 2. Si mati mempunyai 2 orang atau lebih adik beradik sama ada kandung, sebapa atau seibu.
		1/3 baki	Kes Umariyatain (kes Saidina Umar). Isteri dapat 1/4, ibu 1/3 daripada baki dan bapa dapat bakinya.

3	Suami	1/2	1. Jika isteri tidak mempunyai anak (L/P) atau anak (L/P) kepada anak lelaki (cucu).
		1/4	1. Jika isteri mempunyai anak atau anak kepada anak lelaki sama ada dari dia atau suami lain (L/P).
4	Isteri atau isteri-isteri	1/4	1. Jika si suami tidak mempunyai anak atau anak kepada anak lelaki ((L/P) sama ada dari dia atau isteri lain.
		1/8	1. Jika si suami mempunyai anak atau anak kepada anak lelaki (L/P).
5	Anak Lelaki	Asobah	1. Anak lelaki mendapat asobah harta peninggalan ibu atau bapanya
6	Anak Perempuan	Asobah	1. Jika ada adik beradik lelaki bersama mereka. Anak perempuan (seorang atau lebih) bersama anak lelaki.
		1/2	1. Dia tunggal 2.Tiada adik beradik lelaki yang akan menjadikannya asobah.
		2/3	1. Dua atau lebih anak perempuan. Dengan syarat 2. Tiada adik beradik lelaki yang menjadikan mereka asobah
		Asobah	1. Jika si mati tiada bapa. 2. Jika si mati tiada anak. 3. Jika si mati tiada cucu L (anak kepada anak lelaki)

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SAF MUSLIMAT DALAM SOLAT: TULAR TETAPI MASIH TIADA PERUBAHAN

Mahasin Saja@Mearaj, Nurul Badriyah Ali, Mohamad Zaki Razaly

Kesedaran kaum Muslimat merapatkan saf di dalam solat jemaah masih ditakuk lama walaupun telah ditegur dan tular di media sosial. Situasi ini jika dibandingkan dengan kaum Muslimin sangat berbeza dari aspek pemahaman agama. Ini memandangkan mereka telah biasa melakukan solat jemaah di masjid sekurang-kurangnya semasa solat Jumaat. Kesedaran ini masih perlu dibimbing terutama daripada para penceramah di masjid atau surau untuk memberikan ilmu kepada kaum Muslimat mengikut sunnah Rasulullah SAW.

Apabila diteliti imam telah mengumumkan “rapatkan saf”, “sila penuhkan saf”, namun sebahagian mereka masih tidak berganjak ke saf yang masih kosong dan terus kaku berdiri berseorangan seolah-olah solat bersendirian, walaupun tidak ada halangan seperti tiang atau almari di sebelahnya. Daripada Ibnu Umar RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda, maksudnya: “Barangsiapa yang menyambung saf maka Allah akan menyambungnya dan barangsiapa yang memutuskan saf maka Allah akan memutuskannya.” (Riwayat Abu Dawud, no. 666 dan Ahmad, no. 5724)

Meluruskan saf adalah suatu kesempurnaan di dalam solat berjemaah. Hadis di atas bermaksud Allah SWT menyambung dengan rahmat-Nya, Allah SWT memotongnya bermaksud Allah memutuskan rahmat-Nya. Rasulullah SAW menyatakan pentingnya dalam membina satu saf yang sempurna kerana ia berhubung kait dengan rahmat di antara hamba dan Penciptanya.

Oleh itu, semua pihak perlu prihatin dengan situasi ini agar dapat mengubah sikap berdiri berseorangan dalam solat berjemaah. Malah Rasulullah menyuruh agar kita meluruskan saf di dalam jemaah. Perubahan ini akan mengukuhkan ukhuwah ketika solat dan mengikuti sunnah Rasulullah SAW dengan sempurna.

Rujukan:

Muhammad Mushfique Bin Ahmad Ayoup @ Ayub (2018). Irsyad Al-Hadith Siri ke-253: Kepentingan Memenuhkan Saf. https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/2317-irsyad-al-hadith-siri-ke-253-kepentingan-memenuhkan-saf?templateStyle=15. Diakses 30 Ogos 2025.





SIHAT ITU NIKMAT TERPENTING

Ahmad Nawawi Yaakob, Rashidah Ahmad Dahari, Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak

Selain iman, kesihatan adalah nikmat terpenting dalam hidup seseorang. Sihat dan kesihatan perlu dijaga, ia tidak datang sendiri tetapi perlu diusahakan. Kesihatan banyak berkait dengan cara hidup seseorang. Orang yang bijak menguruskan hidup, akan membantu untuk hidup lebih aman, tenang dan sihat.

Sihat bermula dari rumah yang didiami. Suami isteri menentukan pengurusan rumah tangga lebih teratur dan menjadi kondusif untuk kestabilan emosi dan ketenteraman jiwa. Isteri mempunyai tugas tersendiri di rumah, begitu juga suami. Masing-masing perlu berperanan dalam peratusan tertentu menguruskan anak-anak, memasak, mengemas rumah, menguruskan pakaian dan banyak lagi. Jika peratusan itu tidak seimbang, maka tentunya rumah tangga kelihatan pincang dan tidak teratur. Ia akan mengganggu emosi dan kestabilan fizikal.

Bebanan kerja juga antara satu faktor yang mencederakan kesihatan. Kondisi tugasan suami isteri berbeza, walaupun pada sektor yang sama. Suami isteri perlu memahami tugasan pasangan, saling membantu dan memberi ruang terbaik bagi menunaikan tugas kerjaya masing-masing. Sikap positif dalam menerima tanggungjawab kerjaya boleh menjadi punca keseronokan untuk berkerja. Situasi tertekan biasanya lahir pada keadaan 'tidak bersedia', bersikap negatif, kurang mendapat sokongan staf dan sokongan daripada pasangan, di samping bidang kerja yang datang bagaikan ribut taufan. Bebanan ini sedikit sebanyak akan memberi kesan negatif terhadap kestabilan emosi seseorang.

Kesihatan itu perlu diusahakan. Ia tidak datang sendiri. Biar sesibuk mana keadaan, pastikan ada ruang waktu untuk beriadah. Seminggu paling kurang tiga kali dan sekali dalam 30 minit. Sebaiknya setiap hari 20 minit diperuntukkan untuk aktiviti riadah bagi mengeluarkan peluh. Tidak cukup dengan kerja-kerja di dalam rumah diharapkan sebagai aktiviti riadah. Ia tidak mencapai tahap riadah sebenar.

Riadah perlu bagi merembeskan peluh melalui kulit. Kulit adalah buah pinggang kedua. Berpeluh merembeskan air dan toksin dalam badan. Bersenam membantu buah pinggang daripada berkerja lebih bagi merembeskan toksin dalam badan. Paru-paru juga akan berkerja dengan penuh dan memberi oksigen secukupnya ke otak yang boleh melapangkan saraf otak dan saraf kepala. Ingat, kesihatan itu perlu diusahakan dan riadah adalah kunci utama pada kesihatan diri.

Dapatkan tidur secukupnya. Aturkan waktu tidur dan waktu berkerja pada jadual yang betul. Tidur berlebihan itu penyakit, kurang tidur itu juga penyakit. Begitu juga pemakanan. Awasi pada pemakanan yang sihat, elakkan pemakanan yang tidak teratur dan tidak sihat. Sayangi tubuh kita, kerana kos rawatan pada hari ini adalah sangat tinggi jika dibandingkan dengan kemampuan kewangan yang dimiliki.





SUNNAH MENDAHULUKAN ANGGOTA KANAN

Mohamad Zaki Razaly, Mohd Asyadi Redzuan, Mohamed Mohideen Nayeem

"*Sesungguhnya Rasulullah SAW membiasakan diri mendahulukan yang kanan dalam memakai selipar, menyikat rambut, bersuci dan dalam setiap urusan kehidupan sehariannya*" (Riwayat al-Bukhari).

Nabi SAW merupakan suri tauladan terbaik untuk diikuti dan dicontohi oleh setiap Muslim. Para sahabat Nabi SAW sentiasa memerhatikan dengan teliti setiap tindak tanduk serta perlakuan Baginda SAW. Hal ini kemudian dipraktikkan oleh para sahabat serta disampaikan sama ada kepada sahabat yang lain ataupun kepada generasi berikutnya selepas kewafatan Nabi SAW. Kitab-kitab sirah dan riwayat-riwayat hadis merekodkan bahawa para sahabat Nabi SAW berusaha sedaya mungkin untuk menjadikan Sunnah Nabi SAW sebagai amalan seharian mereka sama ada amalan yang berbentuk ibadah ataupun bukan ibadah.

Jika diamati, pada sekecil perbuatan Nabi SAW hatta seperti memakai selipar, kita akan dapati betapa konsistennya amalan Nabi SAW dalam mendahulukan kaki kanan ke atas kaki kiri dan tidak pernah diriwayatkan sebaliknya. Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

"Apabila seseorang daripada kamu ingin memakai selipar, maka mulakanlah dengan kaki kanan. Manakala, apabila kamu ingin menanggalkannya, maka mulakanlah dengan kaki kiri atau pakailah keduanya serentak atau menanggalkannya secara serentak" (Riwayat Muslim).

Sunnah mendahulukan kaki kanan apabila memakai kasut mungkin dipandang remeh oleh sebahagian besar masyarakat pada hari ini, namun mengamalkannya adalah satu langkah awal bagi seseorang untuk membudayakan Sunnah Rasulullah SAW.

Oleh sebab itu, Nabi SAW pernah menitipkan satu pesanan yang penting kepada kita, sepertimana diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah RA: *"Amalan yang paling disukai oleh Allah SWT adalah yang berterusan dilakukan oleh pelakunya walaupun sedikit"* (Riwayat Muslim).

Justeru, melakukan amalan Sunnah yang kecil atau sedikit tetapi istiqamah adalah lebih baik daripada melakukan amalan yang besar atau banyak tetapi tidak istiqamah. Begitu juga ketika melangkah masuk ke masjid, hendaklah didahulukan dengan kaki kanan dan menggunakan kaki kiri apabila keluar dari masjid sepertimana diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA:

"Sebahagian dari Sunnah adalah apabila engkau memasuki masjid, hendaklah engkau mulakan dengan kaki kanan. Dan apabila engkau keluar dari masjid, maka engkau mulakan dengan kaki kirimu" (Riwayat al-Hakim).

Begitu juga apabila seseorang itu makan dan minum, Nabi SAW memberi penegasan yang jelas melalui beberapa hadis Baginda SAW untuk menggunakan tangan kanan serta melarang daripada menggunakan tangan kiri. Nabi SAW bersabda:

"Jika salah seorang dari kalian makan, maka makanlah dengan tangan kanannya. Dan jika dia minum, maka minumlah dengan tangan kanannya. Sesungguhnya syaitan makan dengan tangan kirinya dan minum dengan tangan kirinya pula" (Riwayat Muslim).

Selain itu, dapat dilihat juga perbuatan Nabi SAW mendahulukan anggota kanan ketika menyisir rambut, bersuci, mengambil wudhu serta dalam kebanyakan amalan seharian Baginda SAW yang lain. Justeru, marilah kita menghidupkan Sunnah Nabi SAW ini. Walaupun nampak kecil, namun ia signifikan, in sya Allah.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SWIPE KAD, *SCAN* DUIT: MUAMALAT DIGITAL GENERASI MUDA

Nurfarhana Mohd Daud, Mohd Zainodin Mustaffa, Aemy Aziz

Hari ini urusan jual beli semakin mudah. Pergi kedai kopi, kita tidak lagi perlu membawa dompet yang penuh wang. Cukup dengan *scan* QR code atau *tap* kad debit, semuanya selesai. Generasi muda lebih gemar menggunakan cara ini kerana cepat, selamat, dan senang. Tetapi sebagai Muslim, pernahkah kita terfikir, adakah cara ini menepati prinsip muamalat Islam?

Muamalat dalam Islam bukan hanya tentang jual beli tetapi bagaimana urus niaga dibuat dengan adil, telus dan tanpa unsur haram. Walaupun menggunakan e-wallet atau perbankan atas talian, selagi tiada riba, penipuan (gharar), atau barang haram, maka ia tetap patuh Syariah. Contohnya ialah menggunakan e-wallet untuk bayar makanan halal dan buat pemindahan wang tanpa caj riba.

Generasi muda lebih gemar untuk *scan* duit disebabkan kaedah mudah dan pantas yang mana tidak perlu membawa duit kecil, semuanya melalui telefon. Selain itu, kaedah *scan* duit lebih selamat disebabkan kurang risiko kehilangan duit. Lebih menarik, sekiranya *scan* duit ada ganjaran yang diberikan seperti *cashback* dan diskaun selagi tidak mengandungi unsur perjudian.

Walau bagaimanapun, terdapat juga cabaran dalam muamalat secara digital. Memang ianya tampak mudah tetapi terdapat juga risiko. Antaranya ialah berlaku ketagihan berbelanja. Ini disebabkan kita tidak nampak duit yang keluar di hadapan mata. Kedua, kurang kawalan diri. *One click purchase* boleh membuatkan wang dalam akaun kita cepat menyusut. Ketiga, terdedah dengan penipuan atas talian. Terdapat banyak *scammer* yang semakin licik, maka pengguna perlu bijak dalam berbelanja.

Antara tips gaya hidup digital yang lebih berkat ialah memastikan transaksi mengikut garis panduan halal. Selain itu, setiasa beringat berbelanja mengikut kemampuan, bukan mengikut *trend* semata-mata. Pengguna generasi muda perlu cakna dan menggunakan perkhidmatan aplikasi perbankan Islam yang sah. Setiap sen yang dibelanja akan dipersoal, bukan sekadar di dunia, tetapi juga di akhirat.

Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya para peniaga akan dibangkitkan pada hari kiamat sebagai orang yang jahat, kecuali orang yang bertaqwa kepada Allah, berbuat baik dan berlaku jujur.”(Hadis Riwayat Tirmizi)

Kesimpulannya, “*swipe* kad, *scan* duit” hanyalah medium baharu. Hakikatnya, prinsip muamalat Islam tetap sama iaitu perlu bebas riba, adil dan telus. Generasi muda boleh terus maju dengan teknologi kewangan asalkan tidak lupa asas Syariah. Jadi, tidak salah jika hidup kita serba digital, asalkan hati dan dompet kita tetap halal dan berkat.

Rujukan:

Sinar Harian. (2025, January 12). Umat Islam di Malaysia semakin celik kewangan. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/718084
https://ms.pngtree.com/freepng/people-scanning-qr-code_8729307.html





TIGA DEKAD BERSAMA UiTM (1)

Ahmad Nawawi Yaakob, Rashidah Ahmad Dahari,
Khadijah Amira Abdul Rashid

Ketentuan Allah adalah terbaik buat kita. Saya menghadiri interview ITM sewaktu berkhidmat sebagai guru sandaran di SMK (Khas) Setapak dan tutor sambilan di FPI, UKM, tahun 1991. Saya ditempatkan di Kota Kinabalu dan sahabat baik saya, Dr. Ahmad CY ditempatkan di Johor. Kali pertama terbang jauh meredah lautan, saya berpegang pada nasihat abang sulung: “Di mana pun kamu berada, berbuat baiklah kepada orang, dan orang akan berbuat baik kepada kamu!”

ITM Sabah ketika itu mempunyai enam blok sahaja, di situlah asrama dan di situ juga bilik kuliah dan pejabat pensyarah. Sebuah dewan besar dan dewan makan untuk menampung keperluan 600 orang pelajar. Ustaz Masyuri selaku Timbalan Pengetua HEP dan Ustaz Aziz Harjin (Koordinator PPI) antara individu yang memberi bekas membentuk watak dan peluang kendiri. Atas nasihat mereka, saya menulis apa sahaja genre; akademia mahupun sastera. Ruang akhbar Berita Harian dan Utusan Malaysia sesekali memunculkan garapan isi hati yang saya curahkan.

Lebih menarik di sana ada akhbar tempatan seperti Borneo Post, Daily Express selain akhbar utama dari semenanjung. Saya mendapat ruang sebagai Kolumnis Borneo Post melalui ruangan Mimbar Islam disiarkan pada setiap hari Jumaat dibawah kelolaan wartawan Abd Naddin Shaiddin. Ia lebih kepada soal pengkaryaan dan dakwah, bukan soal menempa nama mahupun bayaran honorarium. Dengan penulisan seperti itu, ia memudahkan urusan biasiswa untuk pengajian selanjutnya.

ITM menyediakan program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) dan pengajian ‘kelas malam’ (hujung minggu) yang memberi ruang menambahkan kenalan dan duit sampingan.

Datin Hajah Zainab, Puan Norashikin, Roslan Mokhtar, Ustaz Arsyad Hashim, Ustaz Bungsu Aziz Jaafar, Ustaz Azam Hamzah, Abang Abu Bakar Tatam, Badarudin (Ketua PB), Khairul Anuar AR, Wan Roslim, Wan Rohani Sulaiman, Abdul Kadir Rosline, Zainon Ismail, Mahadzir, Marsus Jabar, Zamali Tarmudi, Puan Azizah, Jamdin, Rubin, Siti Kurrata Ain, Abang Mat dan ramai lagi yang kami saling membahu demi kecemerlangan ITM Sabah. Pengetua kami ketika itu ialah En. Baharudin yang digantikan berikutnya En. Zainudin. Pada kelompok yang kecil, ikatan kami ibarat dalam sebuah keluarga besar. Kami mengenali sebahagian besar pelajar dan pelajar juga mengenali kami.

Bidang penyelidikan amat nadir ketika itu. En. Zulkarnain memperkenalkan kepada kami dunia penyelidikan dan kelebihannya. Kumpulan kami melibatkan Ustaz Bungsu (kini SS Mufti Negeri Sabah), En. Zainuddin dan Pn. Rosdiana meneroka pendidikan saudara baru (mualaf) di negeri Sabah. Geran ini membolehkan kami berjalan jauh hingga ke Sepitang, Membakut, Sandakan, Kundasang, Ranau, Tawau, Keningau, Tenom, Lahad Datu, Sinulihan dan banyak tempat lain. Ia suatu pengalaman berharga mengenali warga setempat dan merasai keseronokan memandu 4-wheel di jalan gravel di pedalaman Sabah.

Orang Sabah baik-baik. Kami aktif dalam aktiviti dakwah khasnya melalui organisasi Jemaah Islam Malaysia (JIM) ketika itu. Kerjasama dengan pihak Majlis Agama Islam Sabah (MUIS), Bahagian Hal Ehwal Islam Malaysia (BAHEIS – kini JAKIM), USIA (dibawah pimpinan Ustaz Abu Hurairoh) dan Persatuan Ulama Malaysia (PUM Sabah) memberi makna tersendiri.

Pelbagai aktiviti pelajar kami jayakan terutamanya kelas-kelas fardhu ain yang diminta oleh pelajar sendiri. Ko-ADASI dan Kekeluargaan Islam menjadi medan aktif bersama pelajar di samping membantu pihak HEP dalam pembinaan jati diri pelajar. Kami juga aktif dalam misi akademik memperkenalkan ITM di sekolah-sekolah pedalaman. Daerah Sipitang, Kuala Penyu, Kota Belud, Sandakan agak jauh dari ITM Sabah, apatah lagi Tawau dan Semporna. Menjayakan misi akademik adalah peluang terbaik untuk kami mengenali keunikan warga Sabah dari berbagai etnik dan suku kaum. ITM sebenarnya membentuk jiwa dan pendirian tersendiri dalam menilai gelagat manusia untuk satu pertimbangan. Terokailah dunia ini lewat UiTM.

TIGA DEKAD BERSAMA UiTM (2)

Ahmad Nawawi Yaakob, Nurul Badriyah Ali,
Khadijah Amira Abdul Rashid

Saya mula menjejaki UiTM Segamat awal tahun 1991. Bangunan yang ada hanyalah dalam lingkaran bulatan yang menempatkan bangunan pentadbiran, dua blok pensyarah dan tiga blok kuliah. Pejabat Rektor (Pengetua/ Provos) di tingkat tiga dan pejabat Rektor yang sedia ada sekarang asalnya adalah sebuah bilik mesyuarat.

Perpustakaan terletak di aras bawah Blok Pentadbiran (kini dijadikan Pejabat Akademik) sebelum bangunan tersendiri dibina bersebelahan Blok Akademik A dan Penawar. Bilik cetak yang dihuni En Latif dan En. Rahman bersebelahan Bilik Rehat Pensyarah yang kini dijadikan Bilik MPP. Mesin fotostat berfungsi ligat ketika itu bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran. Kertas kerja seminar dan dokumen akademik semua dicetak dan memerlukan kertas dan tenaga yang banyak.

Perkembangan fizikal berikutnya berkembang dengan pembinaan blok asrama sektor C yang menempatkan Suluk Belingkung, Intan, Zamrud dan Sempana Alam Buana. Blok Karyawan dibangunkan pada masa Prof. Dr. Omar Samat menjadi Rektor (kali pertama), dan Blok Fasiliti dibangunkan berhampiran parkir bas dengan kemudahan yang lebih selesa. Sebelum itu, Pejabat Fasiliti terletak di tingkat tiga Blok Pentadbiran.

Perpustakaan baharu dibina dengan kapasiti yang lebih besar berupaya memenuhi keperluan pelajar yang kian bertambah. Pn. Maznah adalah ketua pustakawan yang merasmikan blok baharu sebagai legenda kemegahan UiTMJ. Fasiliti lain yang dibangunkan kemudiannya ialah gimnasium dan astaka. Dewan makan yang telah tamat perkhidmatannya diubah suai menjadi bilik kuliah dan dewan seperti Dewan Sri Peria dan Dewan Kuliah Sri Pegaga.

Bagi memenuhi keperluan kafeteria yang lebih baik, Prof. Dr. Omar Samat mengambil inisiatif menarik pelabur luar untuk membina NR Cafe dan Intan Food Court. Kemudahan perkomputeran dan internet diletakkan di bawah tanggungjawab Unit IT diketuai Puan Mimi Hasliah sehingga kini. Prasarana yang wujud berupaya memenuhi keperluan pelajar dan melengkapkan asas sebagai sebuah universiti.

Saya bertuah berada di bawah payung kepimpinan lapan orang Rektor (gelaran bertukar daripada Pengetua kepada Provos, Pengarah dan akhirnya Rektor) yang masing-masing mempunyai kewibawaan tersendiri. Prof. Dr. Sahar Sawiran yang dikatakan 'garang' tetapi sebenarnya mempunyai jiwa pengasih yang tinggi, Dr. Mohamed Hashim Kamil membawa perubahan fizikal pada ruang legar Blok Pentadbiran dengan mewujudkan Galeri Korporat dan ubah suai ruang yang lebih baik. Dr. Omar pada dua sesi Rektornya membawa dua nada yang berbeza, mungkin pengalaman pertamanya membawa kepada pendekatan yang lebih harmonis pada kali ke dua. Dusun durian adalah ilham dan kesungguhan beliau untuk direalisasikan yang dilengkapkan berikutnya oleh Prof. Dr. Ismail Ahmad. Dr. Muhd Kamil Ibrahim menaik taraf Masjid asy-Syakirin dan banyak membantu kenaikan pangkat kalangan pensyarah dan pentadbir. Gagasan perubahan minda dan peribadi cukup diambil berat oleh beliau dan kesannya hingga kini membulatkan staf pada solat berjemaah. Dr Azizan Abdullah dan Dr. Ahmad Naqiuddin Bakar mempunyai pengaruh tersendiri di kalangan staf. Prof. Ismail Ahmad menerajui UiTMJ pada era Covid-19 yang tentu cabarannya lebih perit, sebelum dilanjutkan Prof. Madya Dr. Saunah Zainon. Dr. Saunah mempunyai aura tersendiri dan banyak pembangunan dapat dijalankan seperti penurapan jalan utama UiTMJ serta hubungan baik dengan pihak luar, khasnya kerajaan negeri Johor yang kian menyerlah. Secara peribadi saya melihat perubahan fizikal dan prasarana serta mereka yang menggerakkan UiTMJ silih berganti dan memberi impak yang tersendiri. Pembangunan sesebuah universiti pastinya memerlukan kewibawaan pemikir tertinggi dengan sokongan padu staf dari semua peringkat. Kita bekerja bukan untuk hari ini, tetapi membina generasi dan tabungan amal untuk masa hadapan.

WAQAF & SME: PENGGERAK SOSIOEKONOMI MALAYSIA

Siti Noor Ain Aziz, Syazwani Abd Rahim, Nurfarhana Mohd Daud

Secara tradisi, waqaf dikaitkan dengan sumbangan tanah untuk masjid atau sekolah agama. Namun, di Malaysia konsep waqaf telah berevolusi menjadi instrumen sosioekonomi moden yang menyokong pembangunan masyarakat. Dalam Bulan Wakaf Kebangsaan 2025, Perdana Menteri menegaskan bahawa wakaf perlu menjadi mekanisme jangka panjang untuk memperkukuh pendidikan, kesihatan dan ekonomi negara.

Evolusi Waqaf di Malaysia

Peralihan paradigma waqaf dapat dilihat melalui beberapa inisiatif baharu. Antaranya ialah Waqf Exchange Traded Fund (ETF) di Bursa Malaysia yang mengagihkan separuh keuntungan pelaburan kepada dana wakaf, Biasiswa Wakaf Pendidikan PTPTN (myWaqaf-PTPTN) dengan peruntukan RM30 juta untuk pelajar, serta penubuhan Permodalan Wakaf Nasional Berhad dengan modal awal RM5 juta. Inisiatif ini mencerminkan anjakan wakaf daripada amal tradisional kepada instrumen pembangunan ekonomi inklusif.

Waqaf Sebagai Instrumen Pembangunan SME

SME merupakan nadi ekonomi negara tetapi sering berdepan cabaran modal dan cagaran bank. Model wakaf moden mampu membantu melalui tiga cara utama:

1. Akses mikro modal tanpa faedah melalui qard hasan.
2. Latihan dan pembangunan kapasiti seperti kursus pemasaran digital dan kewangan.
3. Penyediaan infrastruktur bisnes termasuk pasar, ruang inkubator dan logistik.

Sumber: Portal Rasmi Yayasan Waqaf Malaysia

Kajian Zainal Azim et al. (2024) serta Syahirah Mahmud dan Noordin (2024) mendapati sokongan wakaf dan inovasi kewangan seperti Cash Waqf Linked Sukuk memberi kesan positif terhadap kelestarian SME dan pembangunan selaras dengan SDGs. Ini membuktikan wakaf sebagai sumber pembiayaan alternatif yang adil dan inklusif.

Cabaran dan Masa Depan

Walaupun berpotensi besar, wakaf berdepan cabaran antaranya kurang kesedaran masyarakat, yang masih melihat wakaf terhad kepada masjid. Masalah Isu tadbir urus yang memerlukan ketelusan dan kepercayaan. Integrasi teknologi, melalui fintech dan platform digital agar akses lebih luas dan mesra pengguna.

Kesimpulannya, waqaf di Malaysia sedang berubah daripada amalan tradisional kepada instrumen sosioekonomi dinamik. Dengan sokongan kerajaan, pelaksanaan inisiatif moden serta potensi waqaf dalam memperkasa SME, Malaysia mampu membentuk model pembangunan inklusif dan mapan. Wakaf kini bukan sekadar amal jariah, tetapi medium pemberdayaan ekonomi dan sosial masyarakat, seiring aspirasi pembangunan negara dan matlamat kesejahteraan global.

Rujukan

Mahmud, S., & Noordin, N. H. (2024). Constructive collaboration in ensuring the sustainability of Waqf fund in Malaysia: A case study of myWaqaf initiative. *Journal of Islamic Social Finance,* *2*(2). Retrieved from https://journals.iium.edu.my/jisf/index.php/iiibf/article/view/35

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim. (2025, February 27). Ucapan sempena Bulan Wakaf Kebangsaan 2025. Putrajaya.

Zainal Azim, Z. A., Mohamed, J., & Nik Mahmood, N. H. (2024). Using Waqf in Islamic social finance to enhance SME sustainability. *Selangor Business Review,* *9*(2), 96–108. Retrieved from https://sbr.journals.unisel.edu.my/index.php/sbr/article/view/181

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA KREATIF

BINTANG

Munirah Zakaria, Radhiah Zakaria, Muhammad Afiq Zakaria

Kami mendongak ke langit malam
Mata bersinar mengira bintang
Indah berkerlipan di balik kelam
Menyeri langit nan luas terbentang

Demi bintang ketika ia menjunam
Begitu sumpah tegas al-Quran
Kebenaran Nabi tak pernah padam
Walau dipersenda golongan tak beriman

Tegarnya Tuhan membela Nabi
Bahawa perkataan di mulut baginda
Semuanya kiriman wahyu Ilahi
Jauh sekali baginda reka

Surah "bintang" membawa khabar
Nabi tidak sesekali menafi
Apa yang jelas terhampar
Bila Jibril menampakkan diri


Biar dibantah oleh manusia
Keyakinan baginda tetap beraja
Pada Tuhan Yang Maha Kuasa
Pencipta langit dan segala isinya

Nabi berjuang agar berhasil
Menjauhkan manusia dari Taghut
Meninggalkan segala yang batil
Yang tidak mampu memenuhi hajat

Biar kembali menyembah Yang Esa
Satu-satunya yang layak disembah
Tiada Tuhan lain seisi dunia
Mampu mencipta bintang yang indah

Dia Penguasa Yang Mengatur segala
Urusan akhirat apalagi dunia
Tidak akan mampu ditandingi sesiapa
Dia Maha Besar dan Maha Kuasa

Terima kasih kami selayaknya untuk Dia
Membuka hati kami memaknai rasa
Bila malam meliputi bumi seisinya
Mendatangkan rehat di jiwa manusia



BULI

Munirah Zakaria, Aemy Aziz, Mohd Asyadi Redzuan

Berita itu sungguh menyayat hati
Membawa kami ke dasar rasa
Bahawa dunia kadangkala ngeri
Memperlakukan manusia semahunya

Tidakkah kita membuka mata
Mencari cara mendidik insan
Yang selayaknya meraikan jiwa
Dengan penuh kasih-sayang dan ihsan?

Ke manakah hilang akal dan budi
Sedangkan ibu ayah menaruh harapan
Pada sang anak setiap hari
Menimba ilmu buat bekalan

Di medan ilmu penuh pertempuran
Agar terbela maruah insani
Penerus legasi di masa hadapan
Menjadi insan penuh manusiawi

Ayuh kita berganding bahu
Mencari jalan tanpa menuding jari
Menyalahkan sesiapa padahal tidak mahu
Membina teladan dari dalam diri

Buat anak bangsa yang budiman
Mereka semua aset bernilai
Kita tunjukkan contoh tauladan
Biar mendewasa bersama nilai

Bukan hanya tahu membuli
Bila rakan terlihat lemah
Tidak mampu membela diri
Mencari puas yang tidak sudah

Perjuangan ini tidak mudah
Membina peribadi penuh unggul
Lumrah remaja hatinya rapuh
Meneroka segala rasa yang timbul


Jasad mereka lemah jika terus dibiar
Jauh daripada alunan suci al-Quran
Jiwa mereka pasti goyah dan hambar
Jika dibiar sendiri mencari haluan

Jadikan ini babak terakhir
Biar remaja semakin terarah
Sokongan bersama biar terzahir
Mendepani dunia dengan bermaruah

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MUAMALAT SNAP: DIGITAL WAQF & ISLAMIC BANKING

Siti Noor Ain Aziz



MUSLIM SEJATI

Mohd Shukri Mohd Senin

Pergi ke kota bersama Rohani,
Singgah sebentar di kedai Asri,
Muslim sejati hatinya murni,
Patuh syariat sepanjang hari.

Bunga melati harum berseri,
Tumbuh segar di tepi laman,
Muslim sejati menjaga diri,
Iman dan amal jadi pegangan.

Burung kenari hinggap di dahan,
Kicauan merdu menghibur hati,
Muslim sejati dipenuhi iman,
Ikhlas beramal menuju Ilahi.

Malam gelap diterangi bulan,
Cahayanya indah menerangi bumi.
Al-Quran dan Sunnah dijadikan pegangan,
Dunia akhirat penyelamat kami.

SAJAK: TERUSKAN SEMANGAT!

Syazwani Abd Rahim, Siti Noor Ain Aziz & Munirah Zakaria

Wahai penuntut Sarjana Muda Muamalat,
perjalananmu bukan sekadar menuntut ijazah,
tetapi mengangkat amanah,
membawa panji ilmu yang berpaksikan syariah.

Setiap akad yang kau pelajari,
bukan sekadar teori di helaian buku,
tetapi janji antara insan dengan Tuhannya,
agar harta tidak lagi menjadi punca penindasan,
agar rezeki mengalir dalam keberkatan.
Rintangan dalam kuliah dan tugasan,
ujian dalam peperiksaan,
kegagalan yang kadang singgah di persimpangan—
semua itu bukan beban,
tetapi tarbiah membentuk jiwa tabah.

Ingatlah,
ilmu Muamalat bukan sekadar bicara hukum,
tetapi bekal untuk membina masyarakat adil,
menegakkan kejujuran dalam perniagaan,
dan menjaga maruah umat dari tipu daya.

Teruskanlah langkahmu,
walau terasa berat di pundak.
Kerana di hujung perjuangan ini,
ada doa insan yang terbela,
ada syukur dari masyarakat yang dijaga,
dan ada reda Allah yang Maha Menyaksikan.

Ingatlah,
ilmu Muamalat yang kau pelajari
bukan sekadar teori di kertas,
tetapi bekal untuk menegakkan keadilan,
menjaga halal-haram dalam rezeki,
dan membela umat daripada penindasan,
Untuk ummat fahami tentang riba, gharar, maysir.

Teruslah melangkah dengan yakin,
walau ribuan rintangan menanti.
Kerana setiap titisan peluhmu dalam belajar adalah ibadah,
setiap hela nafas usahamu adalah doa,
dan setiap kejayaanmu adalah hadiah
buat dirimu, buat keluarga,
buat ummah yang menanti bimbingan.

Percayalah,
kami bangga denganmu hari ini,
dan akan lebih bangga melihatmu esok,
sebagai pelajar Muamalat
yang berilmu, berakhlak, dan berjasa.
Usaha, Taqwa, Mulia!





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

AKADEMIK PENGAJIAN BAHASA

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

KURSUS BAHASA MANDARIN UNTUK KOMUNIKASI HARIAN

Boo Xue Man, Toh Ling Ling, Dr. Choo Kim Fong



Dengan rasa syukur dan sukacita, Akademi Pengajian Bahasa (Unit Mandarin) dengan bangga melaporkan kejayaan Kursus Bahasa Mandarin untuk Komunikasi Harian yang telah diadakan di Bilik Aula Bestari, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat pada hari 8 dan 12 Ogos 2025. Kursus tersebut merangkumi empat modul teras yang meliputi pengenalan diri, memperkenalkan ahli keluarga, penyataan nombor dan tarikh, serta pembinaan ayat untuk menerangkan aktiviti harian.

Tujuan kursus ini adalah untuk meningkatkan keupayaan komunikasi dalam kalangan kakitangan UiTM dengan bahasa Mandarin. Di samping itu, kursus ini juga berhasrat untuk memberikan pendedahan asas bahasa Mandarin dan pada masa yang sama menjalinkan kerjasama yang lebih erat dengan Confucius Institute of China ke arah mempromosikan pertukaran budaya dan akademik.

Keistimewaan kursus ini telah diserikan dengan kehadiran dua orang penceramah jemputan yang berpengalaman. Cik Jia Xiao, sukarelawan dari Confucius Institute of China menggunakan teknik penyoalan interaktif untuk meningkatkan keyakinan para peserta melalui galakan yang positif. Manakala Cik Chong Peng Hwa dari Kampus Pasir Gudang telah menyampaikan pengisian yang kreatif melalui aktiviti permainan yang menyeronokkan bagi mengukuhkan pemahaman struktur ayat.

Suasana kursus yang positif dan menyeronokkan berjaya mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk para peserta menguasai kosa kata penting dengan lebih efektif sekaligus meningkatkan keyakinan mereka dalam menggunakan ayat bahasa Mandarin. Pada akhir kursus, aktiviti simulasi situasi telah diadakan sebagai rumusan pembelajaran. Dengan penuh rasa penghargaan, Ketua Pusat Pengajian, Dr. Noridah Binti Sain telah dijemput untuk menyampaikan cenderamata dan merasmikan sesi penutupan.

Kursus ini bukan sahaja berjaya mencapai matlamat meningkatkan kemahiran komunikasi harian dalam bahasa Mandarin, tetapi juga menyemai minat dan keyakinan yang lebih tinggi dalam kalangan staf UiTM untuk terus mempelajari bahasa tersebut. Kejayaan kursus kali ini diharapkan dapat menjadi contoh teladan dan asas perancangan untuk aktiviti bahasa pada masa hadapan.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN MAJLIS APRESIASI PELAJAR LG120 SESI 20244 UiTM CAWANGAN JOHOR APB 2025

Nur Fadzilah Muhamad Zamani, Norhafizah Amir, Nur Sherina Zainal Abidin

Pada 11 Januari 2025 yang lalu, bertempat di Pusat Kegiatan Pelajar Glasshouse, UiTM Cawangan Johor, telah berlangsung Majlis Apresiasi Pelajar LG120 sesi 20244. Diketuai oleh Puan Nur Fadzilah, majlis ini bertujuan untuk meraikan pelajar LG120 kohort sembilan atas kejayaan mereka menamatkan pengajian LG120 (Diploma in Professional Communication). Selain itu, majlis ini juga bertujuan untuk meraikan kejayaan pelajar LG120 semester 2 hingga 5 yang mendapat anugerah dekan disamping memberi motivasi kepada mereka untuk menyempurnakan pengajian dengan cemerlang. Program ini diadakan pada hari Sabtu bermula jam 7.45 malam hingga 10.00 malam. Program ini mendapat peruntukan daripada Tabung Amanah Pembangunan Akademik Pelajar (TAPA) yang berjumlah RM2580.00. Dengan kerjasama tekun 10 orang rakan pensyarah yang terlibat, majlis telah dapat dijalankan dengan lancar. Berdasarkan dapatan tinjauan yang diperolehi daripada tetamu yang hadir, rata-rata memberikan respon yang positif terhadap kejayaan program.

Soalan 1: Apakah tahap kepuasan anda terhadap majlis ini?

Kebanyakkan peserta menyatakan majlis ini *amat baik* (65%), baik (30%) dan sederhana (5 %).



Soalan 2: Apakah pandangan anda terhadap tempat majlis ini di adakan?

Seramai 55% peserta yang menghadiri majlis ini berpendapat bahawa tempat majlis ini dilaksanakan dengan amat baik dan selebihnya 25% peserta menyatakan majlis ini berjalan dengan baik.



Soalan 3: Apakah tahap kepuasan anda terhadap aturcara majlis ini?

Seramai 65% peserta menyatakan bahawa aturcara majlis ini amat baik, manakala 20% menyatakan ia baik.



Soalan 4: Apakah maklumbalas keseluruhan anda terhadap majlis ini?

Berikut merupakan maklumbalas yang diterima:

- *Was truly was a calm, relaxing and serenading night to remember* 💗
- *Although many students called up to the stage, it was controlled well. Didnt take too long, recipients were seated according to their turns, etc. Good job team!! And also, the overall ceremony didnt feel low budget*



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM JAMUAN HARI RAYA APB 2025

Farhana Idris, Abd Rahman Jamaan, Syazali Effendi A. Wahab

Program Jamuan Hari Raya merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Bahasa (APB). Program ini telah diadakan pada 17 April 2025 dengan kelainan tersendiri apabila penganjuran dijayakan oleh Unit Bahasa Arab APB. Penganjuran kali ini menyaksikan kerjasama erat daripada semua pensyarah Bahasa Arab yang berganding tenaga dalam memastikan kelancaran program, dibantu oleh rakan-rakan pensyarah Bahasa Inggeris dan pensyarah PTFT. Kesepaduan tenaga ini menjadi faktor utama kejayaan program yang berlangsung dalam suasana sederhana namun tetap meriah dan penuh dengan semangat kebersamaan.

Tujuan utama penganjuran jamuan ini adalah untuk mengeratkan silaturrahim sesama warga APB. Program juga adalah simbolik untuk meraikan kemenangan selepas Ramadan, menghidupkan suasana bantu-membantu, dan memupuk semangat berkongsi rezeki. Sepanjang program, acara dikendalikan dengan baik oleh pengerusi majlis, Puan Farhana Idris, yang memastikan agar perjalanan program teratur dan lancar.

Program turut diserikan dengan pengisian tazkirah yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Rozman Abdullah bertajuk *"Doa Salaf Al-Soleh".* Tazkirah ini menekankan kepentingan berdoa dalam setiap urusan kehidupan, termasuk perkara kecil yang sering dianggap remeh. Ini kerana, doa merupakan senjata umat Islam dan ibadah yang membawa keberkatan. Pesanan tersebut turut diperkukuhkan melalui ucapan Timbalan Rektor HEA, YM Prof. Madya Dr. Raja Adzrin Raja Ahmad, yang hadir sebagai tetamu jemputan.

Ketua Pusat Pengajian APB, Dr Noridah Sain, Penyelaras Unit Bahasa Arab, Ustaz Syazali Effendi A. Wahab, Penyelaras Unit Bahasa Mandarin dan semua pensyarah APB termasuk pensyarah PTFT turut sama hadir.

Hidangan utama yang disajikan ialah nasi beriyani ayam dan roti jala. Juadah kari kambing hasil air tangan Ustaz Muhammad Rozman yang ditunggu saban tahun turut disajikan, selain pelbagai juadah sampingan seperti kuih muih, buah-buahan, pencuci mulut dan minuman. Di penghujung acara, montaj persembahan telah ditayangkan, memaparkan gambar-gambar suasana Hari Raya keluarga warga APB yang penuh warna-warni serta menceriakan.

Program diakhiri dengan sesi bergambar beramai-ramai bersama tetamu jemputan dan semua pensyarah APB sebagai tanda kenangan. Secara keseluruhan, Program Jamuan Hari Raya APB 2025 telah berjaya mencapai objektifnya iaitu mengukuhkan hubungan silaturahim, menzahirkan rasa syukur atas nikmat Ramadan dan Syawal, serta memperkukuhkan semangat kebersamaan dalam kalangan warga APB.





THE FLIPPED ENGLISH PROJECT: MEMPERKASA GURU BAHASA INGGERIS PASIR GUDANG

Nurul Farzana Shaidan, Dr. Khairunnisa Sharom

Pada 21 Ogos 2025, Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pasir Gudang telah menganjurkan bengkel interaktif bertajuk *"The Flipped English Project: Teach, Flip and Inspire".* Bengkel yang berlangsung di Pusat IT, Perpustakaan Tun Dr. Ismail, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang ini menghimpunkan seramai 30 orang guru Bahasa Inggeris sekolah rendah dari daerah Pasir Gudang.

Bengkel ini bertujuan memperkenalkan pendekatan *Flipped Classroom* sebagai salah satu strategi pengajaran abad ke-21 yang dapat meningkatkan keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta menggalakkan pembelajaran aktif berpusatkan murid.

Pengisian bengkel menampilkan dua penceramah jemputan. Penceramah pertama, Dr. Khairunnisa Sharom, Pensyarah Kanan APB UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, berkongsi tentang konsep *flipped classroom*, kepentingannya dalam pengajaran abad ke-21 serta membimbing para peserta melalui aktiviti *hands-on* dalam penghasilan bahan PdP digital. Sementara itu, penceramah kedua, Dr. Muhammad Azwan Basaruddin, seorang Guru Cemerlang dan Jurulatih Utama Bahasa Inggeris Daerah Pasir Gudang, berkongsi pengalaman serta kepakarannya dalam penggunaan Canva dan penghasilan video interaktif sebagai bahan sokongan PdP.


Para peserta menyambut baik bengkel ini, khususnya kerana pendekatan praktikal yang memberi peluang kepada mereka mencuba sendiri kaedah pembelajaran inovatif. Ramai guru turut menyatakan keyakinan untuk mengaplikasikan *flipped classroom* dalam bilik darjah masing-masing bagi meningkatkan penglibatan murid.

Menariknya, bengkel ini merupakan permulaan kepada siri program *"The Flipped English Project: Teach, Flip and Inspire".* Selepas bengkel ini, para peserta dikehendaki melaksanakan amalan *flipped classroom* di sekolah masing-masing. Siri ini akan berakhir dengan sesi refleksi dan penutup yang turut merangkumi perkongsian pengalaman serta penyampaian anugerah penghargaan.

Melalui kolaborasi strategik antara UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang dan PPD Pasir Gudang, program ini bukan sahaja memperkukuh hubungan antara institusi pengajian tinggi dan sekolah, malah membuka ruang kepada perkongsian kepakaran berterusan. Inisiatif seumpama ini membuktikan komitmen UiTM Cawangan Johor dalam memperkasa komuniti pendidikan setempat, selain menyokong aspirasi nasional untuk melahirkan pendidik abad ke-21 yang kreatif, inovatif dan berdaya saing.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

A VISIT TO KEDAH: WINNING LOCAL HEARTS WITH THE USE OF LOGHAT UTAGHA

Munirah Azrae

Kedah is a beautiful state in the northern part of peninsular Malaysia, also known as the land of paddy fields. Upon visiting the state of Kedah, you are not just stepping into another Malaysia state, you are stepping into a world of warm smiles and hearty food that will connect people from different cultures and backgrounds. The northern dialect of Malaysia is known as Kedah Malay. The native terminology for this Kedah Malay is 'loghat utagha' and it is the language that widely understood by almost all locals regardless of their race.

The real key to win the hearts of Kedahan is to sprinkle a bit of loghat utagha into your words. Try to pick up some slang of Kedahans while communicate with them like change the sound of -r to a -q sound such as Aloq Setaq (the capital of Kedah), *lapaq* (hungry) *ayaq* (water) *besaq* (big) and so on. Speaking even a few words of the local language with residents can quickly elevate you from mere tourist to a sympathetic traveller.

Kedahans are often touched when visitors try to speak their language especially their distinctive pronouns like the use of *hang* or *hangpa* when referring to the pronoun of you, the use *kami* or *cek* when referring to I or me and last but not least, the use of *depa* when referring to they or them. This tiny interaction can instantly connects you with the locals in just a few second. After all, the first rule of diplomacy is that you don't really need thousands of words, just the right ones, and the confidence to use them.

When you travel, question words are some of the most powerful tools for communication especially for getting directions, asking for help, or clarifying information. Therefore, don't afraid and be bold to ask question with their vocabularies such as *awat* (why), *hat mana* (which one) *lagu mana* (how to do).

As for the directions, you might hear from them the words and phrases like *tang ni* (overhere) *tang tu* (overthere) and *kona* (turn left or right). This effort from a visitor can make locals feel more inclined to assist and engage with the traveler, rather than see them as a mere outsider.

As a visitor, understanding and using the local currency is one of the most important parts of the journey. It doesn't just help you buy things but it also makes your trip smoother and safer. For your reference, the word cent is often called *kupang*. *Sepuluh kupang* is 10 cents and *dua kupang* is 20 cents. Sometimes, for something expensive, you can jokingly ask the shopper by asking berapa kupang ni? (How much -in cents- is this?) humorously trying to ask for a discount. This situation will surely burst into a bright smile.

The use of local dialect shows humility and the willingness to step outside the typical tourist role. Whenever you ere in Kedah, try to engage in extended conversation that encourages a two-way dialogue. Instead of a formal '*Assalamua'laikum'* try a cheerful additional greetings such as A*pa habaq*? (How are you?), *buat pa tu*? (What are you doing?). These greetings will immediately break the ice and even if your pronunciation is incorrect or unnatural , you will earn their laughter and more importantly their respect.

Loghat Utagha has its own unique set of social norms and etiquette that influence how messages are communicated. Apparently using a local language while traveling is a powerful tool in establishing genuine connections with local communities. Learning a few key phrases or mastering the local dialect is more than just a practical skill, it is an investment in creating meaningful relationships and winning the hearts of those you meet along the way.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

AL-KHALĪL IBN AḤMAD AL-FARĀHĪDĪ (الخليل ابن أحمد الفراهيدي)

Abd Rahman Jamaan

Nama penuh beliau ialah *Al-Khalīl Ibn Aḥmad Ibn ‘Amr Ibn Tamīm Al-Farāhīdī Al-Azdī*. Beliau dilahirkan sekitar tahun 718M (100H) di Oman dan membesar di Basrah, Iraq. Beliau ialah seorang Arab tulen dari suku *Azd* dan merupakan antara tokoh linguistik paling berpengaruh dalam sejarah Arab-Islam. Walaupun tidak terkenal dengan banyak karya bertulis, sumbangannya amat besar dan diiktiraf oleh pelajar-pelajarnya seperti *Sibawayh,* yang mengutip ilmu daripadanya dalam karya *Al-Kitāb.*

Al-Khalil dianggap sebagai pengasas ilmu mu‘jam *(leksikografi Arab)* kerana beliau menyusun kamus Arab pertama, iaitu *Kitāb al-‘Ayn* (كتاب العين). Beliau juga dianggap pelopor dalam bidang fiqh al-lughah, khususnya dalam menganalisis bunyi-bunyi huruf Arab dan mengenalpasti hubungan antara makna dan bunyi.

Dalam era selepas pembukaan Islam, kemasukan bukan Arab menyebabkan perubahan dalam penggunaan bahasa. Usaha *Al-Khalil* memperkukuhkan struktur bahasa Arab dan kosa katanya serta melindungi bahasa wahyu daripada kesalahan. Hampir semua kamus besar selepas beliau menggunakan pendekatan dan sistem akar kata yang diasaskan oleh *Al-Khalil*. Sumbangan beliau dalam sistemisasi ilmu bahasa menjadikan bahasa Arab bukan hanya alat komunikasi, tetapi satu bidang ilmu yang boleh dikaji secara saintifik dan falsafah.

Beliau bukan sahaja pengasas kamus Arab, tetapi juga pelopor kepada kajian linguistik Arab secara saintifik. Sumbangannya terus hidup dalam kamus, buku tatabahasa dan sistem pembelajaran bahasa Arab di seluruh
dunia.

BAHASA ARAB MUDAH

Siti Fatimah Mohamad Radzi, Munirah Azrae, Farhana Idris

Sebagaimana yang kita ketahui, Bahasa Arab adalah satu bahasa yang indah dan merupakan Bahasa Al-Quran. Betapa bertuahnya kita jika dapat mempelajarinya. Mari kita bermula dengan mempelajari ayat mudah Bahasa Arab yang boleh diaplikasikan dalam percakapan seharian kita. Berikut adalah contoh-contoh ayat mudah Bahasa Arab beserta terjemahan Melayu untuk komunikasi harian.

BIL.	AYAT ARAB	TRANSLITERASI	TERJEMAHAN MELAYU
1.	مِنْ أَيْنَ أَنْتَ / أَنْتِ؟	Min aina anta / anti?	Dari mana awak (lelaki) / awak (perempuan)?
2.	هَيَّا نَأْكُل	Hayya na'kul	Mari kita makan
3.	كَمْ السِعْر؟	Kam as-si'r?	Berapa harga?
4.	أَنَا فِي الطَرِيق	Ana fi at-thariq	Saya dalam perjalanan
5.	أَنَا أَرْجِع الآن	Ana arji' al-an	Saya pulang sekarang
6.	اليَوْم الجَو مُشْمِس	Al-yawm al-jaww musymis	Hari ini cuaca panas
7.	عِنْدِي العَمَل	'Indi al-'amal	Saya ada kerja
8.	مُمْكِن أَسْأَلُك؟	Mumkin as'aluk?	Boleh saya bertanya?
9.	كَمْ السَاعَة؟	Kam as-sa'ah?	Pukul berapa?
10.	إِلَى اللِقَاء غَدًا	Ila al-liqa' ghadan	Jumpa lagi esok

BERMULA SENDIRIAN, BERAKHIR JUGA SENDIRIAN

Farhana Idris

'Ibu, nanti Iman boleh jumpa dan duduk dengan ibu di Syurga kan?'. Soalan yang entah mengapa disuarakan oleh anak bongsuku pada suatu malam, ketika kami sama-sama berbaring di atas katil, berbual sebelum melelapkan mata.

Aku menarik nafas dalam, berfikir sebentar cara terbaik untuk menjawab soalannya. Kuhembus nafas, cuba menjawab setenang mungkin: 'Iman, di Syurga nanti kita tak akan mengenali antara satu sama lain. Nanti walaupun kita sama-sama masuk ke Syurga, Iman tak kenal ibu dan ibu tak kenal Iman'. Jawapanku tiba-tiba merubah wajahnya. Dia terus memalingkan badan daripadaku dan menekup mukanya ke bantal. Aku tahu dia menangis, walaupun tiada esakan kedengaran. Suasana tiba-tiba bertukar sepi.

'Iman..' Aku menarik badannya agar kembali berhadapan denganku, kami sama-sama duduk. 'Walaupun nanti kita mungkin tak akan jumpa dan kenal antara satu sama lain, Iman mungkin boleh berusaha dari sekarang kalau Iman nak duduk dengan ibu di Syurga nanti.' 'Usaha macammana?', soal Iman sambil menyeka air matanya. Dia mula membetulkan kedudukan duduknya.

'Iman boleh mula berdoa dari sekarang, supaya Allah pertemukan kita di Syurga dan kita boleh hidup bersama-sama'. Iman terdiam, mungkin sedang berfikir tentang kelogikan 'cadangan'ku. Kemudian, dia mengangguk kecil. Aku terus mengajaknya berbaring kembali.

Itulah secebis kisah yang pernah kulalui, yang mungkin juga pernah dilalui oleh setiap ibu yang lain di dunia ini. Kasih sayang dan ikatan ibu-anak adalah sesuatu

yang sangat misteri dan abstrak, tidak terungkap oleh aksara kata dan tidak mampu dirasa. Malah mungkin tidak dapat dihayati oleh bukan empunya status. Ia adalah anugerah yang Allah s.w.t kurniakan kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Perit rasanya andai difikir, kita akan mengecapnya hanya di dunia sementara ini, namun ia 'terbang', hilang, di alam sana nanti. Namun, ianya sekali lagi rahsia Tuhan.

Bagaimana fikiran yang matang boleh mengharap kasih sayang ini akan kekal selamanya, jika Allah s.w.t telah menceritakan tentang kedahsyatan Hari Kiamat di kalam-Nya lebih awal. Firman Allah s.w.t dalam *Surah Abasa* ayat 34 hingga 36 yang bermaksud: "*Pada hari seseorang itu lari dari saudaranya. Dan, ibunya serta bapanya. Dan, isterinya serta anak-anaknya; kerana tiap-tiap seorang dari mereka pada hari itu ada perkara-perkara yang cukup untuk menjadikannya sibuk dengan hal dirinya sahaja"*. Begitu juga firman Allah s.w.t dalam Surah Al-Hajj ayat 1 dan 2 yang menggambarkan kedahsyatan Hari Kiamat dengan perumpamaan yang jelas. Bilamana setiap orang akan menempuh ketakutan yang luar biasa. Mereka akan lupa hal-hal yang paling dekat dengan diri mereka, seperti ibu yang menyusukan akan melupakan anaknya. Wanita hamil pula akan menggugurkan kandungannya.

Terlalu jauh untuk kita sebagai manusia memikirkan apa yang bakal terjadi di saat itu nanti, walaupun ia pasti akan terjadi. Maka, marilah kita nikmati dan syukuri nikmat kasih sayang yang Allah s.w.t limpahkan di hati-hati manusiawi kita saat kita masih dibenarkan menggenggamnya. Tidak terbatas kasih sayang ibu dan anak, suami dan isteri, anak dan ibubapa, malah mencakupi seluruh isi dunia. Kerana sesungguhnya kita hanya penumpang atas bumi yang sama.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BICHENO, TASMANIA: THE HIDDEN GEM YOU DID NOT KNOW WAS IN AUSTRALIA

Noridah Sain

When most people hear *Tasmania*, their first thought probably goes straight to the infamous **Tasmanian devil**, that lovable, albeit slightly ferocious, creature from Looney Tunes. But while the devil might be a highlight, there's so much more to Tasmania than a cartoon character and a reputation for ferocity. Some people still aren't quite sure where Tasmania is, and it's not uncommon to hear, "Wait, isn't that in Africa?" No, no, that's *Tanzania*. Tasmania is an island state of **Australia**, and it's not just home to the world's most famous marsupial, it also boasts jaw-dropping landscapes, fascinating wildlife, and an absolutely stunning coastal getaway in **Bicheno**. So, let's clear up a few things and explore why Bicheno should be on your travel radar.

First, let's address the confusion. While "Tassie" may sound like it belongs on the African continent, Tasmania is firmly planted in the southernmost part of Australia. It's an island state with its own unique flavor, known for its rugged wilderness, historic sites, and, of course, its iconic wildlife. Despite being part of Australia, many still confuse Tasmania with its namesake cousin, **Tanzania**. It's an easy mistake, especially when both places share a sense of wildness and untamed beauty. Of course, the most famous resident of Tasmania is **the Tasmanian devil**, the animal, not the cartoon character. These small, snarling creatures have earned their place as a symbol of the island's wild side. With their unmistakable growl and relentless scavenging ways, the Tasmanian devil is part of what makes Tasmania so fascinating. For visitors, a trip to a wildlife park or sanctuary, such as the **Tasmanian Devil Unzoo**, offers a chance to learn about and observe these endangered creatures up close. It's not quite as dramatic as witnessing a lion on the Serengeti, but the devils' chaotic antics are certainly memorable.

Now, let's talk about **Bicheno** itself. While it might not be as widely recognized as some of Tasmania's other coastal towns, Bicheno is a hidden gem that offers a tranquil escape from the more tourist-heavy areas. Picture this: soft white beaches stretching along turquoise waters, all set against the dramatic backdrop of towering granite cliffs. It's hard to believe something so idyllic is just a short drive from Hobart. The **Bicheno Blowhole** is a must-see, where waves crash through rocks and shoot high into the air, giving the impression of nature's very own performance. If you're into scenic views and peaceful walks, Bicheno's coastline is a place where you can truly unwind. Beyond the coastline, Bicheno is also home to an array of wildlife that might make you rethink the need for an African safari. Instead of lions and elephants, you can spot **little penguins**, the world's smallest species, waddling their way back to their nests in the evening. There's something uniquely endearing about these penguins as they clumsily shuffle around, offering up a front-row seat to the natural world. And if you're lucky, you might even catch sight of a few wallabies hopping about the town. No need for safari trucks here, just wander around and let the wildlife come to you.

So, next time someone confuses Tasmania with Tanzania, you can confidently say, "Yes, Tasmania is in Australia and it's exactly where you should be heading for your next adventure."

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

FROM *ARABELLA* TO AISYAH: A TIMELESS ROMANCE WITH A LOCAL TWIST

Noridah Sain

This article is inspired by my initial book review of *Arabella* by Georgette Heyer, and I thought it would be interesting to reimagine the plot with a Malay twist, set in Segamat, Johor, Malaysia. What would happen if the witty Regency-era heroine, Arabella Tallant, were transformed into a modern Malay character, navigating the complexities of family expectations and love in a small town? Let's explore how this plot might unfold in a local context, with a contemporary, culturally rich backdrop. Segamat, Johor, with its quiet charm and strong community ties, offers a fascinating modern-day setting for this romantic plot. Unlike the grand estates of Regency England, Segamat's humble family homes, local cafes, and food stalls become the perfect backdrop for a tale of social status, love, and deception. The town's agricultural roots and close-knit nature would add a layer of intrigue, where everyone knows everyone's business, and gossip spreads quickly. This dynamic could play a vital role in the unfolding drama of Aisyah (the modern-day version of Arabella), her family, and her blossoming romance.

In this reimagined story, Aisyah would embody the same sharp wit and independent spirit that made Arabella so beloved. As the daughter of a respected Malay family, Aisyah would balance traditional values with a modern desire for personal freedom. Much like Arabella, Aisyah would find herself caught between her family's expectations, especially her mother's pressure to uphold the family's honor and her own wishes to live a life of her own choosing. The central plot would revolve around Aisyah's unintentional deception. In the original novel, Arabella's hero is a wealthy, arrogant man of high society. In Segamat, this role would be filled by Fath, the heir of a successful palm oil plantation in the town, who just returned after studying abroad.

In *Arabella*, Arabella pretends to be someone she's not to help a family member's romantic prospects. In this modern Malay adaptation, Aisyah might find herself pretending to be in a high-profile relationship to protect her family's reputation or fulfill her mother's expectations. The pressure would grow as she juggles these falsehoods while secretly developing feelings for the very man she's supposed to avoid.

In *Arabella*, societal expectations play a significant role, but in this version, these expectations would be rooted in local customs like *adat* (tradition), *bunga rampai* (traditional floral arrangements), and the importance of maintaining one's reputation. With social media playing an increasingly important role in daily life, Aisyah's "deception" would unfold on platforms like Instagram, where she posts pictures with Fath, adding another layer of tension. This use of social media would introduce modern challenges, such as viral gossip, public misunderstandings, and the very real pressure to manage personal relationships under the scrutiny of an online audience. Ultimately, this adaptation would retain the essence of *Arabella*, the balance of wit, romance, and the complexities of social expectations. Aisyah's journey to find love while navigating the traditional values of her family would most likely resonate with many readers in the modern age.

HIBAH DAN WASIAT SALING MELENGKAPI: PANDUAN PERANCANGAN HARTA MENURUT ISLAM

Abd Rahman Jamaan

Dalam kehidupan moden yang semakin kompleks, perancangan harta pusaka bukan lagi sesuatu yang boleh dipandang ringan. Ramai dalam kalangan masyarakat Islam masih keliru antara dua instrumen penting dalam pengurusan harta: hibah dan wasiat. Kedua-duanya sering dianggap bertentangan, sedangkan hakikatnya ia saling melengkapi dalam mencapai tujuan utama syariah iaitu keadilan, maslahat dan penjagaan hak waris serta bukan waris.

Hibah merujuk kepada pemberian secara sukarela daripada seseorang kepada orang lain semasa hidup, tanpa balasan. Ia boleh diberikan kepada sesiapa sahaja sama ada ahli keluarga, sahabat, atau badan kebajikan dan tidak tertakluk kepada hukum faraid. Hibah sah dan berkuat kuasa semasa pemberi hibah masih hidup, dan penerima sudah menerima milikan terhadap harta tersebut. Hibah digunakan secara meluas dalam kalangan ibu bapa yang ingin memberikan bahagian tertentu kepada anak-anak mengikut keperluan, seperti kepada anak yang menjaga mereka semasa tua, anak OKU, atau anak yang belum berkahwin. Hibah juga boleh mengelakkan pertelingkahan harta selepas kematian kerana ia tidak menjadi sebahagian daripada harta pusaka.

Berbeza dengan hibah, wasiat ialah pernyataan atau hasrat seseorang tentang bagaimana sebahagian hartanya (tidak melebihi 1/3 daripada keseluruhan harta) diagihkan selepas kematian. Wasiat boleh diberikan kepada bukan waris atau badan kebajikan, namun ia tidak boleh diberi kepada waris melainkan dengan persetujuan semua waris lain selepas kematian si mati, berdasarkan sabda Nabi SAW: *“Tidak dibolehkan wasiat kepada waris kecuali dengan keizinan waris yang lain.” (Riwayat Abu Daud).*

Wasiat memainkan peranan penting dalam memberi hak kepada individu tertentu yang tidak mendapat bahagian dalam faraid, contohnya anak angkat, menantu, atau rakan karib. Ia juga boleh digunakan untuk tujuan amal jariah seperti mewakafkan tanah atau memberi sumbangan berterusan kepada institusi Islam.

Hibah dan wasiat tidak seharusnya dilihat sebagai dua instrumen yang saling bersaing. Sebaliknya, apabila digunakan secara bijaksana, kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain. Hibah menyelesaikan keperluan segera semasa hidup, manakala wasiat merancang kebaikan selepas kematian.

Contohnya, seseorang boleh menghibahkan rumah kepada anak yang menjaga ibu bapanya, dan dalam masa yang sama mewasiatkan 1/3 daripada hartanya kepada badan kebajikan. Ini memberi manfaat berganda; keadilan kepada keluarga, dan pahala berterusan kepada pewasiat.

Dalam kerangka *maqasid* syariah, hibah dan wasiat adalah instrumen penting dalam memastikan pengurusan harta pusaka berjalan dengan adil, efisien dan beretika. Perancang harta yang bijak akan menilai keperluan, situasi keluarga dan maslahat jangka panjang sebelum memilih instrumen yang sesuai. Oleh itu, umat Islam digalakkan mendapatkan nasihat daripada pakar faraid atau perunding harta Islam agar pengurusan harta dilakukan secara teratur, dan tidak menjadi punca sengketa selepas kematian. *“Sesungguhnya orang yang paling bijak ialah yang mengingati mati dan bersedia untuknya.” (Hadis riwayat Ibn Majah).*

HOW TO SUPPORT STUDENTS WITH ADHD

Noriah Ismail, Rafiaah Abu, Nurhusna Fathinah Suhaidi

ADHD, or Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder, is a behavioural and neurodevelopmental condition that disrupts a child's ability to focus. It is typically diagnosed in childhood, though symptoms can linger into adolescence and adulthood. It is not always easy to support students with ADHD, but with a few simple techniques, educators can help them to thrive in the classroom. The best learning environments are those that are structured, supportive and responsive to their individual needs. The following are some effective ways you can work with your students that have ADHD:

1. Establish a Consistent and Predictable Routine

• **Set routines:** Children with ADHD tend to thrive in this kind of environments, as they know what to expect. A daily rhythm with clear rules helps decrease anxiety and enhance focus.

• **Rely on visual structures:** Post the day's schedule on the board or offer a visual schedule that students can use. It helps them to focus and minimizes the unknown.

2.Minimize Distractions

• **Be mindful of seating arrangements:** Place the student in the front where there are fewer distractions. If possible, have a "quiet zone" for intense work.

• **Minimize visual and auditory clutter:** Minimize decorations or background noise that are not needed. If the student is sound-sensitive, noise-cancelling headphones could be helpful.

3.Teach Self-Advocacy and Independence

• **Encourage self-direction:** Help students set goals, manage their tasks, and assume responsibility for their learning. Teaching these skills builds confidence and independence over the course of time.

4.Offer Flexible Assessment Options

• **Use alternative assessments:** Standardized tests are not necessarily the best kind of learning measurement for students with ADHD. Think about project-based assignments, presentations or giving students extra time if they need it.

Final Thoughts

Students with ADHD need lots of patience, creativity, and flexibility. Every student is different and what works for one might not work for the other. By creating a classroom environment that embraces their strengths and supports their weaknesses, educators can help students with ADHD thrive both academically and socially and emotionally.

References

1. Tafuri, D., & Di Palma, D. (2025). Inclusion of students with ADHD in secondary school through an innovative motor science educational curriculum. *Education Sciences, 15*(1), 78.

2. Yahya, M. A., Sulaiman, N. L., & Adnan, M. (2025). Intervention towards disruptive behavior among ADHD students: A systematic literature review. *International Journal of Research and Innovation in Social Science, 9*(7), 370–377

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KESABARAN YANG HILANG: PELAJAR BAHASA MANDARIN ZAMAN SELEPAS COVID

Chong Peng Hwa, Toh Ling Ling, Boo Xue Man

Pandemik Covid-19 telah meninggalkan kesan yang besar terhadap sistem pendidikan dunia, termasuk di Malaysia. Peralihan secara mendadak kepada pengajaran dan pembelajaran dalam talian bukan sahaja mengubah kaedah penyampaian ilmu, tetapi juga telah membentuk semula sikap, motivasi, dan daya tahan pelajar. Dalam konteks pembelajaran bahasa asing seperti Mandarin, ramai pengajar mendapati satu perubahan yang ketara: kesabaran pelajar semakin berkurang apabila mereka balik kepada keadaan normal dalam kelas. Jika sebelum ini pelajar lebih sanggup menunggu proses penguasaan berlaku secara perlahan, pasca-Covid memperlihatkan generasi yang lebih tergesa-gesa, mudah hilang minat, dan cepat putus asa apabila berhadapan dengan cabaran pembelajaran bahasa yang kompleks.

Bagi pelajar Melayu yang mula belajar Mandarin dari sifar, cabaran awal yang dihadapi sering membuatkan sebahagian pelajar berundur sebelum sempat melangkah jauh. Antara cabaran terbesar ialah sistem nada dalam Mandarin. Suku kata dalam Bahasa Mandarin mempunyai empat nada utama, perbezaan kecil dalam sebutan boleh mengubah maksud perkataan. Bahasa Melayu bersifat non-tonal: nada berubah tidak mengubah makna perkataan. Tetapi dalam Mandarin, empat nada utama mengubah maksud secara drastik, contohnya *mā* (ibu) dan *mǎ*(kuda). Sebutan Mandarin memerlukan artikulasi lidah yang tepat, sesuatu yang asing bagi penutur Melayu. Bagi pelajar baharu, otak mereka cuba “memadankan” Mandarin dengan kerangka Melayu. Akibatnya, sebutan sering bercampur dengan intonasi Melayu. Situasi ini mencetuskan rasa malu dan kekeliruan semasa menyebut Bahasa Mandarin.

Tulisan Mandarin dikenali sebagai *Hanzi* (aksara Cina) juga menimbulkan cabaran. Tidak seperti abjad Rumi, setiap *Hanzi* adalah simbol yang membawa makna tersendiri. Sistem tulisan *Hanzi* yang tidak

menggunakan abjad seperti bahasa Melayu menjadikan pelajar perlu menghafal bentuk huruf secara visual. Mereka melihat simbol kompleks *Hanzi*, ramai mula berasa mustahil untuk menghafal dan menulisnya. Apabila berdepan *Hanzi* yang sukar, ramai memilih untuk mengelak daripada mencuba, berbanding mengulang tulis sehingga berjaya.

Selain itu, perbezaan struktur ayat dari segi tatabahasa turut memberi cabaran kepada pelajar. Contohnya, pelajar Melayu yang terbiasa dengan susunan tatabahasa Melayu perlu membiasakan diri dengan struktur ayat Mandarin yang ringkas tetapi padat. Bahasa Mandarin tidak kaya dengan imbuhan, sebaliknya bergantung pada urutan perkataan dalam pembentukan ayat. Perbezaan dalam penggunaan kata kerja, penggolong, adjektif, dan kata ganti diri sering menjadi punca kesilapan tatabahasa antara Mandarin dan Bahasa Melayu. Pelajar perlu membuat banyak latihan tatabahasa untuk mengukuhkan kefahaman linguistik.

Selain nada, tulisan dan tatabahasa, pelajar Melayu juga berdepan cabaran harian mereka. Ramai pelajar Melayu tidak mempunyai rakan Cina untuk berlatih dan hanya bergantung kepada komunikasi yang digunakan dalam kelas. Generasi pelajar kini juga dibentuk oleh media sosial yang menekankan kandungan cepat, ringkas, dan segera. Bahasa asing yang memerlukan usaha mendalam kelihatan bertentangan dengan budaya ini. Cabaran persekitaran yang kurang mendorong menimbulkan persoalan psikologi– rasa rendah diri, takut gagal, dan kurang keyakinan.

Belajar bahasa baharu sememangnya tidak mudah, apatah lagi jika ia langsung berbeza daripada bahasa ibunda. Namun, dengan pendekatan yang betul dan strategi pembelajaran yang sesuai, halangan tersebut boleh ditukar menjadi peluang. Kuncinya bukan terletak pada bakat semata-mata, tetapi memerlukan kesabaran, keberanian mencuba, dan teknik belajar yang sesuai.

LAGU HARI RAYA NYANYIAN BANGSA CINA DI MEDIA SOSIAL

Toh Ling Ling, Chong Peng Hwa, Boo Xue Man

Dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia, fenomena artis atau individu berbangsa Cina yang menyanyikan lagu Hari Raya dapat dilihat sebagai suatu manifestasi kepelbagaian budaya dan penghormatan silang budaya. Fenomena ini setara dengan artis Melayu yang menyanyikan lagu-lagu Tahun Baru Cina, sekaligus menzahirkan semangat integrasi nasional yang berasaskan kepada nilai saling menghargai.

Kebanyakan lagu Hari Raya yang dinyanyikan oleh penyanyi Cina dikekalkan dalam bahasa Melayu sepenuhnya, dengan tema utama seperti pertemuan keluarga, tradisi balik kampung, kasih sayang, dan kemaafan. Hal ini menunjukkan tahap penghayatan dan keterlibatan mereka dalam budaya masyarakat Melayu. Ini bukan sahaja bersifat hiburan, bahkan membawa makna sosio budaya yang mendalam. Apabila masyarakat Cina menyanyikan lagu perayaan dalam bahasa Melayu atau dalam dialek mereka sendiri, ia memperlihatkan semangat saling menghormati dan keterbukaan dalam meraikan perayaan bersama-sama. Justeru, nyanyian ini dapat dianggap sebagai simbol keharmonian dan perpaduan dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum.

Lagu Hari Raya sentiasa menjadi siulan, tak kira di mana-mana tempat termasuk media sosial. Media sosial tahun lepas meriah dengan adanya lagu “Alamak Raya Lagi” sempena Hari Raya Aidilfitri. Disini ingin kami kongsikan beberapa lagu yang dinyanyikan oleh artis Cina menerusi media sosial di Malaysia khususnya pada tahun 2025. Lagu Hari Raya pertama yang ingin diperkenalkan ialah “Syawal Berseri” dari 3P. Lagu ini mengambil melodi dari Lagu Raya Cina 3P *Nan Bei Da Dao,* dimana lirik Melayu diubahsuai oleh Firdhaus Farmizi. *Nan Bei Da Dao* mendapat Anugerah Lagu Raya Cina 10 Terbaik 2025 di Malaysia baru-baru ini.

Lagu Hari Raya yang kedua ialah “Raya Ria” dari 1119 *Entertainment*. Mereka berharap agar dapat meraikan Hari Raya bersama rakan-rakan berbilang kaum kerana bagi mereka, muzik dan tarian adalah bahasa universal yang boleh menyatukan semua orang. Mereka ingin menyebarkan mesej kesatuan, keharmonian, dan kegembiraan menerusi lagu tersebut.

Lagu Hari Raya seterusnya ialah “Aidilfitri Di Malaysia” oleh Douglas Lim. Lagu Hari Raya ini penuh dengan bahasa rojak akan dinikmati oleh rakyat Malaysia. Akhir sekali ialah “Selamat Hari Raya” yang diubahsuai liriknya ke dalam Bahasa Cina oleh Bengyan. Menurut beliau, semakin ramai rakan Melayu mencipta lagu Tahun Baru Cina versi bahasa Melayu. Melihat perpaduan dan sambutan bersama ini benar-benar membuat beliau rasa terharu. Beliau cuba menyumbang sedikit usaha dengan menterjemah lagu klasik Hari Raya ini ke dalam bahasa Cina, agar dapat menyebarkan kehangatan dan keberkatan perayaan.









Disini kami sertakan pautan untuk kita sama-sama menghayati Lagu Hari Raya yang istimewa hanya di Malaysia.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

NURTURING INDEPENDENCE AND LIFELONG LEARNING: THE MONTESSORI APPROACH IN PRESCHOOL EDUCATION

Noriah Ismail, Nurhusna Fathinah Suhaidi

The Montessori approach for preschool is child-centered educational approach developed by Dr Maria Montessori. It promotes the use of hands-on, self-directed learning in a prepared environment, in which the children are free to explore – most often independently, while being given enough responsibility. in a Montessori classroom, children will delight in the tactile sensations as they explore the variety of hands-on learning activities.

Teachers are facilitators and not direct instructors, and the children are encouraged to work independently at their own pace. The classroom typically includes mixed-age groups, with focus on peer learning and collaboration. The Montessori approach seeks to allow the child's natural curiosity, creativity, and the love of learning to flourish, thus establishing a solid basis for a lifelong educational and personal development.

Advantages of Montessori for Preschool

The Montessori method offers several advantages for preschool-aged children. The first of the advantages is that it encourages self-directed learning as children decide for themselves which activities, they want to be involved in. This encourages motivation, engagement, and self-responsibility for learning (Lillard, 2011). Montessori materials are meant to stimulate the senses, encourage hands-on participation, and develop thinking and problem-solving.

Children in Montessori environments are encouraged to do things for themselves such as pouring their own drinks or tidy the room which instils a feeling of self-worth and self-respect (Isaacs, 2010). It is this independence that fosters a child's decision-making and initiative, qualities that are so crucial to life-long learning. Social development is also greatly strengthened in a Montessori setting, as mixed-age classrooms foster peer learning and collaboration.

Older children also tend to guide their younger peers, thus promoting empathy and leadership (Chin & Zakaria, 2021). Those kinds of exchanges form the basis of strong communication skills and mutual respect, a key emphasis of the program at an age where it is important to form those values.

In conclusion, the Montessori method equips preschool children with essential cognitive, emotional, and social skills through a child-centered, hands-on approach that supports their natural development. In Malaysia, the Montessori method is known for producing well-rounded preschoolers. Montessori preschool education in Malaysia in Chin and Zakaria (2021) reported positive outcomes of independence, social skills, and early literacy.

References

Chin, H. L., & Zakaria, Z. (2021). *Montessori education and child development in Malaysian preschools*. International Journal of Early Childhood Education and Care, 10(1), 15–27.

Isaacs, B. (2010). *Bringing the Montessori approach to your early years practice*. Routledge.

Lillard, A. S. (2011). *Montessori: The science behind the genius* (2nd ed.). Oxford University Press.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENGGUNAAN *FEEL MUDHARI* فعل المضارع- KATA KERJA KINI

Abd Rahman Jamaan

فعل المضارع adalah kata kerja bahasa Arab yang menunjukkan perbuatan yang sedang berlaku atau yang akan berlaku pada masa akan datang. Huruf فعل المضارع ialah أ, ن, ت, ي . Ia berperanan menyampaikan makna seperti doa dan harapan dan digunakan juga dalam ayat syarat (جملة الشرط) dan ayat larangan (النهي). Penggunaan فعل المضارع dalam tatabahasa Arab adalah seperti berikut:

1. Menunjukkan perbuatan sedang berlaku

Contoh: يَكْتُبُ الطَّالِبُ دَرْسَهُ - *(Pelajar itu sedang menulis pelajarannya)*

2. Menunjukkan perbuatan akan datang

Contoh: سَيَذْهَبُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ غَدًا - *(Dia akan pergi ke sekolah esok)*

3. Menunjukkan perbuatan berterusan atau berlaku berulang kali

Contoh: تَشْرَبُ الْقِطَّةُ الْمَاءَ كُلَّ يَوْمٍ - *(Kucing itu minum air setiap hari)*

4. Menyatakan doa atau harapan

Contoh: يَرْزُقُنَا اللهُ الْخَيْرَ - *(Semoga Allah memberikan kebaikan kepada kami)*

5. Menunjukkan keadaan pada masa kini

Contoh: يَبْتَسِمُ الطِّفْلُ - *(Kanak-kanak itu tersenyum)*

6. Dalam Ayat Syarat (جملة الشرط)

Contoh: إِنْ تَجْتَهِدْ تَنْجَحْ - *(Jika kamu bersungguh-sungguh, kamu akan berjaya)*

7. Dalam Ayat Larangan (النهي) digunakan bersama لا

Contoh: لا تَكْذِبْ - *(Jangan berbohong)*

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SOCIAL INTERACTION PATTERNS AMONG CHINESE INTERNATIONAL STUDENTS STUDYING IN MALAYSIA

Choo Kim Fong, Toh Ling Ling, Boo Xue Man

International students' social adaptation is a crucial aspect of their overall study-abroad experience. When entering a new cultural environment, students are often confronted with challenges in terms of physical, social, cultural, and emotional adjustment. Social interaction, particularly with the host community, has been widely recognized as a vital pathway to easing this process of integration. By examining the daily sociability of Chinese international students in Malaysia, this study sheds light on their preferred patterns of interaction, as well as the underlying psychological and cultural mechanisms that shape these choices.

Table 1 presents the 175 respondents' self-description of daily social interactions in Malaysia. The findings show that international students studying abroad generally need to adapt physically, socially, culturally, and emotionally to the host country. One effective way to ease this adaptation process is by integrating into the local community and engaging in social activities. However, the survey results reveal that a majority of respondents (58.29%) preferred interacting with Chinese peers while in Malaysia, which aligns with previous studies (Liu et al., 2022) indicating that international students often choose to socialize with those of similar ethnic backgrounds.

Table 1: The respondents' self-description of daily sociable

Sociable situation	Frequency	Percentage
I spend a lot of time with Chinese people	102	58.29
I often talk to international students on campus	13	7.43
I often interact with Malaysian Chinese	45	25.71
I often interact with Chinese and Malaysian Chinese	3	1.71
I often interact with non-Chinese communities in Malaysia	12	6.86
Total	**175**	**100**

Many respondents adapted more quickly by learning from experience and receiving guidance from senior peers, a practice known as "*xunzhao*/*zhaodao zuzhi*" (searching/finding organizations). According to Self-Categorization Theory (Turner et al., 1987), individuals define attitudes and behaviors through in-group and out-group distinctions. This was evident in the data: 25.71% of respondents often interacted with local Chinese, but only 6.86% with non-Chinese groups, with most contact limited to administrative matters. As a result, Chinese international students in Malaysia regarded local Chinese as their "in-group" (*nei qunti*) and other ethnic groups as the "out-group" (*wai qunti*) (Yang & Zhang, 2012). Guidance from local Chinese eased unfamiliarity and accelerated adaptation.

In conclusion, ethnicity-based peer networks play a key role in the social adaptation of China international students in Malaysia, providing emotional and practical support while also reinforcing in-group/out-group boundaries.

References

1. Liu, R., Khatibi, A., Azam, S. M. F., & Tham, J. (2022). Factors influencing chinese students to study in Malaysian higher education institutions: A conceptual underpinning. *Neuroquantology*, Vol.20(9), 3141-3152.
2. Turner, J. C., Hogg, M. A., Oakes, P. J., Reicher, S. D., & Wetherell, M. S. (1987). *Rediscovering the social group: A self-categorization theory*. Basil Blackwell.
3. Yang, Y., & Zhang, S. (2012). *Looking for familiar faces in a sea of strangers: A social psychological analysis of hometown associations on college campuses. Chinese Journal of Sociology*, 32(6), 158–181.





THE GREY THAT NURTURES GROWTH

Shahira Adam

Getting married, starting a family, or welcoming new members into one's life during the 30s or 40s is no longer an unfamiliar phenomenon in today's society. while some still hold fast to the belief that marriage ought to take place in one's 20s, claiming it ensures a richer life experience; many others (including me) see things differently.

When it comes to life, what I have observed is that a large number of people still view it through a strictly black-and-white lens, where everything must be neatly separated and defined. Grey areas, to them, only breed confusion; for some, confusion is synonymous with failure. Personally, I find myself standing firmly against this mentality, especially now, as I embrace motherhood after giving birth just two months ago.

Pregnancy and early motherhood naturally invite a flood of advice—much of it unsolicited (*nervous laugh). Though often well-intentioned, such counsel can inadvertently add to a mother's already heavy mental load. As an observant person, I often find myself in the noisiest of rooms, listen quietly, digest thoughtfully, process carefully, and allow my beliefs to take shape with wisdom rather than haste.

Raising a baby is far from being all rainbows and butterflies; it is also a series of trials and errors. In a judgmental world, where society insists on a "correct" way to parent, new mothers are often pressured to conform to rigid ideals. We are told, sometimes insistently, that the only path is natural birth, that epidurals and interventions must be avoided, that exclusive breastfeeding is non-negotiable, that sleep should always align with the baby's schedule, that a

child must be carried in a certain way- and the list goes on. these “harmless suggestions” often carry an unseen cost: the toll they take on a mother’s mental health.

The truth is, there is no absolute right or wrong in parenting- no strict black or white. What matters most is what feels right and works best for each family. While one method may prove successful for some, every baby is unique. Forcing parents into narrow molds benefits no one (I repeat, no one). After all, a baby’s happiness is deeply intertwined with the wellbeing of the parents- and parents can only thrive when they are free from unnecessary pressures.

Though I am in my 30s, I often still see women- myself included- as girls at heart. No matter how accomplished we may be in our womanhood, careers, marriages, or motherhood, that little girl within us remains; seeking care, encouragement, and gentle support. When women are uplifted, extraordinary things happen. We raise and nurture not just children, but future generations while holding a baby in one hand and the world in the other.

As we raise our little ones, we must also remember to nurture that inner child within ourselves. The world, too, must learn to be kinder, more understanding, and more flexible. Life is not solely black and white; the grey in between represents adaptability, growth, and the freedom to shape our own journeys. Only when we release rigidity can we create a gentler, more compassionate world.

Here is to womanhood, motherhood, and everything in between!

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TRANSLATION ACTIVITIES DURING THE MALACCA SULTANATE

Choo Kim Fong, Chong Peng Hwa, Boo Xue Man

From the earliest stages of human interaction, translation has been an integral practice. During the Malacca Sultanate (1402–1511), one of the busiest trading hubs between East and West, the port attracted ships from across the world, with as many as 84 languages reportedly in use (Pires, 1944). In such a multilingual environment, translation was virtually indispensable.

From a linguistic perspective, Malay, as a key branch of the Austronesian language family, has long absorbed external influences. Over the centuries, elements from Sanskrit, Arabic, Chinese, Hokkien, Tamil, Portuguese, Dutch, and English entered the Malay lexicon and grammar. This process was itself a form of cross-linguistic "translation", resulting in adaptation and re-creation. The spread of Islam further facilitated translation between Arabic and Malay, while the invention of Jawi script—a fusion of translation and writing—marked a significant milestone in the written tradition of Malay.

The economic prosperity of the Malacca Sultanate elevated Malay to a dominant *sine qua non* language across Southeast Asia. As noted by Valentyn (1724–1726, as cited in Collins, 2005), Malay was so widely used that foreigners who could not speak it were regarded as uneducated. This status encouraged the production of bilingual works and dictionaries, such as Antonio Pigafetta's 1522 Malay–Italian wordlist (later published in French and Latin) and the Ming dynasty's *Manlajaguo Yiyu* (Glossary of the Kingdom of Malacca), the earliest Malay dictionary compiled in Chinese. Among Western contributions, Frederik de Houtman's *Spraeck ende woordboeck, inde Maleysche ende Madagaskarche Talen* was especially influential. Containing twelve bilingual dialogues in Dutch and Latin-script Malay, it reflected the language's diverse functions and became a standard textbook for Europeans preparing to travel to the region.

Though not compiled by professional interpreters, these works highlight the crucial role of translation in sustaining Malay's regional prominence.

On the political front, translation and interpretation was a crucial means by which the Malacca Sultanate maintained its foreign relations. As a tributary state of the Ming dynasty, Malacca was required to employ officials proficient in Chinese to handle imperial edicts, investiture documents, and diplomatic correspondence (*Ming Shilu Editing Committee,* 1986–1988). During Zheng He's seven maritime expeditions, interpreters such as Ma Huan and Fei Xin visited Malacca on multiple occasions. With their expertise in Persian, Arabic, and Chinese, they facilitated diplomatic exchanges and later recorded their experiences in *Yingya Shenglan* (The Overall Survey of the Ocean's Shores) and *Xingcha Shenglan* (The Overall Survey of the Star Raft). At the same time, the process of Islamization fostered translations between Arabic and Malay in political and legal contexts, exemplified by the Laws of Malacca, which integrated Islamic jurisprudence with local customary law.

These developments highlight translation as more than intercultural mediation; it was a foundation of Malacca's prosperity and legitimacy across linguistic, economic, and political spheres, shaping the region's multilingual and cultural landscape.

References

1. Collins, J. T. (2005). Malay, world language: *A short history*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Ming Shilu Editing Committee (Ed.). (1986–1988). *Ming shilu* [The Veritable Records of the Ming]. Beijing: Zhonghua Book Company.
3. Pires, T. (1944). *The Suma Oriental of Tomé Pires: An account of the East, from the Red Sea to Japan, written in Malacca and India in 1512–1515* (A. Cortesão, Trans. & Ed.). London: Hakluyt Society.


e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA KREATIF

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

A THING OR TWO ABOUT LOVE

Nur Sherina Zainal Abidin



When I think of love,
I think of all the sorrows drowned.
I think of all the happiness found.
I think of all the laughter shared,
With no tears to be spared.

When I think of love,
I think of fireworks lighting up the sky.
I think of endorphins running high.
I think of you and I,
Feelings I can't deny.

When I think of love,
I think of the moments you care.
I think of the little things we share.
I think of nothing that can be compared.
Your love is always there.

BELLS AFTER MIDNIGHT

Susanna Bithiah Varma

Restless
Sleepless, tossing left and right
Then I heard it again.
Waited a few moments till it passed and the silence resumed
My mind went drifting to random things
Hoping to distract myself from delusions.

Again.
This time for sure, I knew I heard it again
Deep sleep was just at the surface after all
My eyes flung open spontaneously
Sixth sense now fully awakened

I could clearly hear the sound of air whistling through the night
Then, a long haul begins
Adding to my eerie imagination
The neighbour's dog had sensed it too, I suppose
The faint sound of bells
Yes, that's what it was
As if they were fastened like a chain to a woman's ankle
It was passing by to and fro the houses, I presumed
As the jingle of bells dimmed then grew loud again

I cast a glance at the wall clock
It was 2.50 a.m.
I was always told, beyond the 12 a.m. myth
The 3 a.m. is the real deal
Sometimes, the movements of the spiritual realm are stronger then
How nice if this subtle thought did not cross my mind, I wished
And quietly tried to drift back to sleep.



DON'T TURN A BLIND EYE TO INJUSTICE

Noriah Ismail, Suhaidi Elias @ Alias

In quiet corners where silence blossoms,
Where pain is hidden, and nobody knows.
The world passes with eyes turned away,
And the suffering continues day by day.

In the swirl of bustling wind and cloudless skies,
Falls a child's warm tears, and anguished cries.
Injustice unavenged, with fair play unseen,
Stealing hope where hope has been.

Look at it; don't close the door,
Let the empathy in, let your spirit explore,
Of every ill that is hidden from view,
Is an appeal for the fair, a duty for the true.

The voiceless cries, lost in the wind,
Where systems of power protect and defend,
But courage remains where hearts refuse,
To let injustice and evil let loose.

When we come together, when we pull one another,
We provide the strength, and the hope for each other,
The defender of justice, staunch and bright,
Never look away; but be someone's light.

So let us rise, ignite compassion in our hearts,
Stand for the truth. Stand for what's right,
For even the smallest action that we show,
Can save lives and let healing grow.

Together, we rise. Together, we try.
To fight for justice and not just pass by.
Having love as our defence and justice our guide,
We won't look away; and we'll stand side by side.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

INDAHNYA SENYUMAN

Muhammad Rozman Abdullah

Senyuman adalah suatu ekspresi muka yang menzahirkan keindahan ciptaan tuhan pada wajah manusia. Seburuk mana pun rupa wajah seseorang di pandangan manusia, apabila dia mengukir sebuah senyuman, maka terpancarlah suatu keindahan yang mendamaikan serta melunakkan kalbu secara alami. Senyuman yang terbit dari niat yang ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran selain dari Allah mempunyai aura dan tenaga positif yang sangat kuat kepada siapa sahaja yang memandangnya tidak mengira usia, jantina, bangsa, agama atau keturunan. Kita juga boleh mendapat munafaat dari senyuman kita sendiri. Disaat kita kesedihan, stress atau kebimbangan, cubalah untuk mengukir senyuman yang tulus untuk diri sendiri diiring dengan keyakinan bahawa “aku masih ada Allah”.

Bilakah masa yang sesuai untuk kita mengukir senyuman? Kita boleh senyum pada bila-bila masa kecuali dalam beberapa keadaan dan masa.

1. Semasa beribadah. Ibadah yang dimaksudkan ialah ibadah khusus yang berupa ritual yang bersifat khusus seperti solat, membaca al-Quran, berdoa dan sebagainya. Allah tidak memerlukan senyuman kita semasa kita melakukan ibadah, sebaliknya Allah amat menyukai apabila hambanya menitiskan airmata semasa solat kerana khusyuk, membaca al-Quran dan berdoa. Di masa kita bermunajat, berdoa, membaca al-Quran atau bertaubat, Allah menyuruh kita menggunakan nada suara yang perlahan, syahdu diiringi titisan air mata, ia membuktikan ketakutan, keinsafan, penyesalan, azam mahupun kesyukuran yang memuncak.

2. Semasa makan. Sudah menjadi adat dan lumrah makhluk Allah di dunia ini akan serius dan fokus ketika makan lebih-lebih lagi ketika kelaparan. Ini adalah kerana salah satu nikmat Allah yang terpaling hebat dalam kehidupan ini adalah makan dan minum.

3. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berjalan terutama ketika guru atau pensyarah sedang memberi syarahan atau menerangkan kaedah-kaedah atau formula yang sangat penting, pelajar-pelajar wajib memberikan tumpuan yang tidak berbelah bagi dan tidak sepatutnya menunjukkan ekspresi senyuman kerana senyuman yang tidak kena pada waktu dan tempatnya akan berubah menjadi sesuatu yang negatif.

Selain dari sedekah, senyuman juga merupakan satu daya tarikan yang amat kuat. Ketika kita sedang mempromosi sesuatu produk atau membuat pembentangan, senyuman merupakan salah satu rukun yang wajib kita selitkan secara sepontan kerana ianya mempamerkan keyakinan, kekuatan serta membantu kekuatan hujah dan fakta yang kita lontarkan. Dengan senyuman yang disertakan dengan tekad “aku boleh”, kita dapat mengurangkan rasa gemuruh dan dapat menciptakan satu situasi yang lebih santai dan tidak membosankan.

Akhirnya, janganlah kita berkira dengan senyuman dan tidak perlu kita berasa terhina atau goyah sekiranya senyuman ikhlas kita tidak berbalas kerana balasan dan ganjaran dari Allah itu pasti. Senyumlah untuk insan-insan yang tersayang khususnya bg yang sudah ada pasangan hidup, senyuman anda adalah pengikat kasih sayang yang mampu melestarikan hubungan cinta hingga ke Jannah insyaallah. Lontarkan senyuman semangat kepada rakan-rakan di tempat kerja moga-moga hari yang agak kelam bg rakan kita bertukar menjadi terang bersinar hanya kerana keramat sebuah senyuman yang bersahaja dari seseorang yg dia kagumi dan hormati.



INVISIBLE COINS

Susanna Bithiah Varma

Have you ever been disturbed by evil spirits? Well, I have quite a number of tales to recount, but this particular one happened in 2021 when I moved in with a friend into our second rental house in Segamat. It was a townhouse, where we both had our own separate living spaces. After spending the day moving things in and rearranging the place, I finally retired to sleep. Since it was a new environment, I was taking my time to get used to the atmosphere. After an hour or two of doom-scrolling Instagram, my eyelids finally grew heavy. I slowly drifted off to sleep.

TING! 10 seconds later, TING! I woke up half-asleep, eyes still closed. I drew a sharp breath in and went back to sleep in the next breath. TING! About 10 seconds later, again, TING! I ignored the sound, and refused to wake up. Then, the timing between the sounds got shorter. Now this was when I just knew in my spirit that some 'being' was playing around with me thinking it was funny. Still in my subconscious sleep, I timed the seconds with my fingers. From 10 seconds between the sounds, it decreased to 7 seconds for a few times, followed by 4 seconds. Now it got my attention, and I woke up angry.

I threw the blanket aside and sat up, inspecting the room. No movement, no sound. 'Haaa! Now you know. I'm not scared of you lah,' I thought. Then, I left the lights on and went back to sleep. The moment I felt a wave of sleep consume me, the sound started again. TING! TING! TING! Even faster between the seconds. Now I felt challenged, irritated that my sleep was purposely disturbed. I got to my feet and dashed towards the sound. It was coming from an old wardrobe situated in the corner of the bedroom. It was the sound of coins being thrown to the floor, one by one.

To my dismay, when I flung the wardrobe doors open, there was no evidence of coins anywhere. I also noticed, the sound had stopped instantly. Unsatisfied, I turned the empty wardrobe around, checked every nook of its corners and turned the drawers upside down. Nothing. Empty.

I was puzzled. Was this 'being' playing with coins in another realm that's invisible to me? I stood around, waiting anxiously for the next sound to resume. As expected, silence. With my sleep lost as well, I opened the doors and started praying loudly. In my understanding, this place is now my new home. Whatever 'being' that wandered and lodged in here before me will have to leave as I would never opt to coexist with one in my personal space. I also knew that human beings as designed by God, had been given more authority than the fallen angels and their kind. Hence, I have lived all my life exercising this authority over tormenting spirits, should they ever come near. And this was one small instance with less tenacity. It didn't scare me, it just angered me.

After an hour of loud proclamations in prayer, I finally saw the first light of dawn and went back to sleep. The next day, I recounted the whole story to my housemate. We waited for another episode of invisible coins spilling on the floor that night, but nothing happened. I guess, the room was finally clear for me to occupy "alone". We also removed old pictures hanging on the wall, ancient amulets found in drawers, and whatever items left behind by the previous tenant that felt "occupied". Fast forward to 4 years later now, this mystery still chuckles me. It was by far the least scary disturbance I've experienced here.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

JOURNEY OF DISCOVERY

Nurul Farzana Shaidan, Nur Hidayatie Md Adnan



In childhood's garden, wonder grows,
Where eager hearts first come to know
Through stories told and questions asked,
The universe becomes unmasked.

Through passing time and shifting days,
The hunger for truth never fades.
Each discovery shines like gold,
Illuminating paths untold.

When failures come, as surely they will,
We forge them into greater skill.
Through stumbles made and lessons earned,
Our inner fire has always burned.

Though age may silver once-dark hair,
The soul still climbs each mental stair.
Each sunrise brings fresh mysteries,
And learning lives eternally.

So travel this road at your own pace,
For wisdom's journey leaves no trace
Of ending; it's a treasured friend
That walks with us until the end.

PANTUN CINTA

Ainul Adiba Saleh, Siti Fatimah Mohamad Radzi

Bersirat akar pohon kenanga,
Mekar setangkai bunga melati;
Cintaku mekar harum berbunga,
Bilakah dirungkai soalan di hati?

Mekar selasih di tengah laman,
Tumbuh berseri celahan kekwa;
Rindu kasih dah lama berlaman,
Mengapa dinafi gelodak di jiwa?



Bunga layu gugur meniti,
Hijau taman tiada melodi;
Sungguh sayu rasa di hati,
Jejaka idaman takkan tak sudi?

Rumah usang tiada penghuni,
Tempat singgah sang merpati;
Ingin dekati tiada berani,
Sampai bila memendam rasa hati?

Mekar seri sang lebah lewati,
Mengumpul nektar bunga berganti;
Menunggu jawapan tiada pasti,
Takkan hadirku tak beri erti?

PANTUN KESIHATAN & KEBERSIHAN

Ainul Adiba Saleh, Siti Fatimah Mohamad Radzi

Membuang keringat setelah bertanam,
Di tepi pangkin duduk istirehat;
Makan berkhasiat kerap bersenam,
Jadi pemangkin hidup yang sihat.

Dijahit halus tenun tembaga,
Dibawa peraga indah terlihat;
Tekanan diurus mental dijaga,
Bina tenaga minda yang sihat.



Merapat kapal tersergam megah,
Di tempat pelabuhan tanah bangsawan;
Sedari awal harus mencegah,
Hadiri pemeriksaan kesihatan tahunan.

Indah nan alam tiada tandingi,
Seri di mata nyaman di hati;
Rambut rapi baunya wangi,
Penampilan bersih selesa dekati.

Bersiar di laman bersama tercinta,
Memahat memori indah bersama;
Walau bersiap cantik di mata,
Kebersihan diri tetap utama.

PANTUN TEKA TEKI MAKANAN TRADISI

Ainul Adiba Saleh, Siti Fatimah Mohamad Radzi

Putih melati merah delima,
Dua warna sinonim dengannya;
Santan jadi bahan utama,
Menu kebanggaan rakyat Malaysia.



Banyak jenis bertukar selera,
Semua kaum gembira nikmatinya;
Lembut dan garing tekstur sempurna,
Pagi hari sentiasa ada.

Masin manis seimbang rasa,
Kerisik antara bahan utama;
Kaya rempah itulah ia,
Juadah wajib di pagi raya.

Dua lapisan dua warna,
Kukus dulu baru merasa;
Tiada santan tiada ia,
Dipotong cantik mudah dijumpa.

Jawapan: 1) Nasi lemak 2) Roti canai 3) Rendang 4) Kuih seri muka

AKU ADA DIA

Siti Fatimah Mohamad Radzi

Sering kotak fikir tidak berhenti
Tentang hal yang belum pasti
Tentang buruk yang belum terjadi
Hingga jiwa penat
Hingga mengaburi nikmat

Sedang hari dan saat ini tidak akan kembali
Hargailah ia sebelum berlalu pergi
Sangka baiklah pada tuhan
Kerana aku ada Dia
Dan dengan Dia
Semuanya pasti baik-baik saja



RINDU TIADA HUJUNG

Siti Fatimah Mohamad Radzi

Tiada lagi susuk
Yang ada di belakangku
Yang memberi nasihat
Yang mendengar gembira keluhku
Aku ingin berkongsi pelbagai rasa
Namun kita telah berbeza alam

Ayah,

Hangat kasihmu tidak kurasa lagi
Hangat tanganmu tidak kukucup lagi
Tawa senyummu tidak kutatap lagi
Cintamu tidak terucap tetapi terasa ke saat ini
Hanya pelukan doa dapat kutitip
Aku ingin kau tahu
Aku bersyukur punyamu
Aku rindu tiada hujung



SAAT KUFIKIR

Nur Sherina Zainal Abidin

Saat kufikir tentang cinta,
Perasaan nyamanku membara,
Air mata berlinangan yang kering akhirnya,
Dan senyuman manis mekar semula.

Saat kufikir tentang bahagia,
Terasa seperti terbangnya di angkasa,
Pelangi indah menyapa,
membawa makna yang tiada tara.

Saat kufikir tentang hati,
Kutemui kasih,
Kata yang sederhana,
Namun cukup untuk rasa.



TERIMA KASIH DAN SELAMAT PULANG

Farhana Idris

Terima kasih sahabatku
Pergimu, mengingatkanku
Betapa nipis garis mati dan hidup
Betapa sebentar persinggahan dunia
Betapa siapalah kita, manusia
Dan, hakikat hati punyai pelbagai rasa

Terima kasih sahabat
Atas segala budi kebaikan
Membantu mudikku tak pernah jemu
Memberi tak tunggu dipinta
Dalam diam kau berjasa

Biar tak disebut pena manusia
Biar tak dikenal seisi dunia
Biar tak dikenang budi dan jasa
Asal jiwamu dekat sekali dengan-Nya
Tali ingatmu dipasak nyata
Hanya kau dan Dia

Selamat pulang sahabatku
Ke pangkuan Maha Pencipta
Moga segala sakit yang kau rasa
Pedih yang kau simpan
Perit yang kau genggam seorang
Menjadi ganjaran amal
Mengangkatmu setinggi-tinggi kurniaan
Menghantarmu ke Syurga dambaan.



Dalam kenangan, 24 Julai 2025
Al-fatihah buat Mohd Izuan Ismail

THE LITTLE PINK POTTY

Nur Fadzilah Muhamad Zamani

When Amanda was two and a half, I decided it was time to start potty training. I was not completely sure if I was ready, but I felt she was. She had begun showing signs, like tugging at her diaper, pointing at the bathroom, and asking curious questions. That was when I knew it was the right time.

In the beginning, I made it a routine to bring her to the toilet every thirty minutes so she could slowly get used to the idea. I also put her in cloth pants-style diapers so she could feel what it was like to wear panties right from the start. There were plenty of accidents along the way. Sometimes she would pee in the living room or leave a little puddle on the floor. Each time, I reminded myself to be patient. It was not easy, but I knew scolding would only make her afraid.

I also asked her consistently if she felt like peeing and reminded her to go to the toilet whenever she wanted to do her business. Slowly, it became a habit for her. Every small success was a reason to celebrate. I hugged her, praised her, and told her how proud I was.

The moment that touched me the most was when she proudly said, “Mommy, I did it!” all by herself. My heart swelled with happiness. I almost cried because I could not believe it. I actually managed to potty train my little girl.

Now, when I look back, I realise potty training was not just about Amanda learning to leave her diapers. It was also about me learning patience, consistency, and trust. In the end, we both grew from the experience, and I will always cherish that little pink potty that marked such a big milestone in our lives.



THE SILENT LESSONS

Nurul Farzana Shaidan, Fatihah Hashim, Suhaila Aminuddin


We step into rooms
not to pour in answers
but to find half-drawn maps
and wait
as each one redraws itself,
hesitant, unfinished, alive.

The walls have carried firm voices,
breath held above blank pages,
effort measured
by what was not said aloud.
And still we have wondered
if the bruise came from the fall
or from the hand that reached too late.

Still, we return
with care stitched into sharp seams,
because love is not velvet
but thread and needle,
rough before it mends.

In their unfinished sketches
we trace our beginnings,
in their unguarded questions
the reminder
that even a stumble
is still forward.

And when the room exhales,
when the daylight folds,
we carry with us
what has never been spoken,
the silent lessons.



TWO STARS, ONE SKY

Nur Fadzilah Muhamad Zamani

Amanda, my gentle morning light,
Five years of laughter, questions and wonder,
You lead with love,
Your little hands already learn to guide.

Helena, my sweet evening glow,
A year and six months of curious steps,
You follow with courage,
Your tiny heart blooms in every smile.



Different in rhythm,
Yet bound by the same melody,
You are two stars,
Shining in one sky,
Never dimming each other,
Always brighter together.

And I,
I am the grateful witness,
Forever humbled,
Forever blessed,
To call you both my daughters, my joy,
My forever.

AN UNEXPECTED CLOSURE

Susanna Bithiah Varma

Two years. It was a beautiful place to stay, one she made into a home. Then the flood devoured Segamat and tore everything down. A newly renovated single storey house with belongings worth a fortune, excluding interior and exterior damages, earned and lost overnight. Nothing would have prepared her to anticipate this kind of a disaster within 2 years of her occupation here. The flood happen to hit worst at the area she was occupying, Paya Pulai. The locals said it's the worst of its kind in 10 years, some 17 years. However, this entry is not about grieving the loss of a home or its sense of belonging… Its more about the emotional damages it caused the tenant and landlord, who were once friends.

Like a 360 degree whirlwind change, the landlord switched his persona from once a gentleman to a bitter person right after the tragedy struck. It was as if he harboured some sort of rage towards her? Towards God? Towards the flood? Towards the series of unfortunate events occurring in his life continuously? Could it be that he witnessed the people in her life helping her out, or perhaps the blessings that continued in her life that caused a hint of unfairness compared to his? He became quite resentful and contested for the financial aids that were directed for her, and demanded her to be responsible for every damage that the uninsured structure succumbed to. She felt distressed as she had lost everything she owned and yet he failed to sympathise or empathize with the situation, moreover when its not her fault. The flood itself was traumatic, and the aftermath brutal. Their dynamics altered to become more argumentative by the day.

Finally a year later, the time came to end the contract which she decided to not renew for the betterment of her peace of mind. Upon learning of her decision, a world war broke out. Among the accusations and misunderstandings that was hurled towards her was of not being grateful and not wanting to stay longer in a post-flood house, whereas she was only looking out for her own safety in case Segamat welcomes a sequential sudden flood.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

FAKULTI PERAKAUNAN

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

A DAY WITH MOMMA INDUSTRIES SDN BHD


Nur Eyliawati Japelus, Dr. Nor Hafizah Abd Mansor



Poster program

Program A Day with Momma Industries Sdn Bhd telah berjaya dilaksanakan pada 18 Jun 2025 secara atas talian. Program ini adalah inisiatif daripada pensyarah Fakulti Perakaunan yang mengajar subjek Strategic Management (MAF661) di mana seramai 128 orang pelajar semester enam (6) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, UiTM Cawangan Johor telah menghadiri program ini.

Objektif utama program ini adalah untuk memantapkan pengetahuan pelajar mengenai subjek yang dipelajari di dalam kelas dengan mendengar sendiri perkongsian (real-life experience) daripada pihak industri. Selain itu, program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan keadaan sebenar dalam melaksanakan strategi perniagaan yang berkesan. Penceramah jemputan bagi program ini adalah Puan Durruz Azam, usahawan muda berjaya, pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Tekonologi Maklumat dan Komunikasi daripada Universiti Teknologi Petronas dan memperolehi Certified Lactation Counsellor pada tahun 2016.



Sesi bergambar bersama pelajar

Bermula daripada seorang pekerja biasa, beliau berani mengambil peluang dan risiko menceburi bidang perniagaan dan menjual produk khusus kepada ibu-ibu mengandung. Pada program tersebut, beliau telah berjaya menarik perhatian pelajar tentang strategi perniagaan, cabaran dan cara mengambil peluang untuk melaksanakan perniagaan. Ini boleh dilihat melalui penglibatan aktif pelajar serta kekerapan soalan-soalan yang dikemukan sepanjang program. Diharapkan program yang dilaksanakan ini dapat memberi manfaat kepada semua pelajar yang telah turut serta dan sekaligus menyumbang kepada kemenjadian pelajar UiTM Cawangan Johor khususnya.

BENGKEL BERSIRI AKNC 2025 UiTM CAWANGAN JOHOR

Syed Khusairi Tuan Azam, Siti Rahayu Sarman, Zarina Abu Bakar

Penyediaan Laporan AKNC 2025 UiTM Cawangan Johor telah melalui beberapa peringkat utama dokumentasi yang sistematik. Proses ini dimulakan dengan penetapan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, hasil perbincangan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan yang dipengerusikan oleh Ketua Unit Kualiti dan Akreditasi dan dipersetujui oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ sebagai fokus utama pelaporan tahun ini.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan, satu sesi taklimat bersama Penyelaras AKNC dan KUKA UiTMCJ telah diadakan pada 20 Mac 2025 di Aula Bestari. Taklimat ini merupakan pertemuan pertama bersama semua penulis AKNC, di mana penerangan menyeluruh diberikan berhubung bidang tumpuan yang telah ditetapkan. Penyelaras turut menyampaikan jadual tentatif gerak kerja penulisan sebagai panduan pelaksanaan. Sebagai langkah memudahkan pemantauan dan penyelarasan, shared drive telah digunakan sebagai medium rasmi kemas kini dan penyimpanan dokumen pelaporan AKNC





Penulisan AKNC terbahagi kepada tujuh kriteria iaitu, Kriteria 1 – Kepimpinan, Kriteria 2 – Perancangan Strategik, Kriteria 3 – Tumpuan Kepada Pelanggan, Kriteria 4 – Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan, Kriteria 5 – Tumpuan Kepada Sumber Manusia, Kriteria 6 – Tumpuan Kepada Operasi dan Kriteria 7 – Hasil. Bagi tahun 2025, UiTMCJ telah memfokuskan kepada tiga hasil utama iaitu, Hasil 1 – Hasil Pelaksanaan Strategi, Hasil 2 – Hasil Dari Operasi, Hasil 3 – Hasil Dari Tumpuan Pelanggan.


Beberapa sesi perbincangan telah diadakan bagi memastikan penyediaan laporan AKNC menepati kriteria dan rubrik yang telah ditetapkan. Bagi Kriteria 1 hingga 6, penulisan dinilai menggunakan elemen ADLI. Elemen pertama adalah Approach (Perancangan), Kedua Deployment (Pelaksanaan), Ketiga Learning (Pembelajaran) dan Keempat Integration (Intergrasi). Manakala bagi Kriteria 7, penulisan dinilai menggunakan elemen LeTCI. Elemen pertama adalah Level (Tahap), Kedua Trend (Tren), Ketiga Comparisan (Perbandingan) dan Keempat Importance (Kepentingan).






BUDGET LIKE A PRO: THEORY MEETS REAL LIFE

Nursia Yuhanis, Fatin Nabihah Mohd Taha



Webinar Budget Like A Pro: Theory Meets Real Life telah diadakan pada 4 Julai 2025 (Jumaat) secara dalam talian oleh pensyarah Fakulti Perakaunan yang mengajar subjek *Cost & Management Accounting 1* (MAF201) Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. Program ini menghimpunkan lebih daripada 67 peserta yang terdiri daripada pelajar, dan para pensyarah dengan objektif utama untuk meningkatkan kefahaman berkaitan pengurusan bajet dalam konteks teori dan aplikasi dunia sebe

Webinar ini menampilkan Mr. Bhavesh Chandra, General Manager Honda Malaysia cawangan Melaka, sebagai penceramah jemputan. Dengan pengalaman luas beliau dalam bidang pengurusan kewangan dan operasi, perkongsian ini memberi inspirasi dan pendedahan berguna kepada peserta berhubung kaedah praktikal mengurus bajet dalam sebuah organisasi multinasional.



Sepanjang sesi, Mr. Bhavesh menekankan menekankan prinsip asas bajet, cabaran pelaksanaannya dalam dunia sebenar, serta kepentingan kawalan kos dan analisis prestasi, disokong dengan kajian kes Honda Melaka dan tips bajet peribadi. Program yang berlangsung dengan jayanya ini berjaya menghubungkan teori kewangan dengan aplikasi industri, sekaligus membuka ruang kerjasama akademik-korporat dan melahirkan graduan yang lebih bersedia menghadapi cabaran kerjaya.

Rujukan

Sumber gambar keseluruhan artikel ini adalah daripada penulis sendiri.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ELEVATING RESEARCH AND SUSTAINABILITY: UiTM JOHOR AT ICTMS 2025

Fazrul Hanim Abd Sata, Dr. Nurul Azlin Azmi, Dr. Noor Hidayah Ab Aziz

The International Conference on Technology, Management and Sustainability (ICTMS 2025), organised by the Accounting Research Institute (ARI), Universiti Teknologi MARA, was held from 18–20 June 2025 in Kota Kinabalu, Sabah. The conference served as a global platform that brought together industry leaders, academics, and policymakers to explore the intersection of technology, management, and sustainability. With a strong emphasis on sustainable practices, the discussions highlighted how advanced technology and effective management strategies can enhance competitiveness, economic well-being, and environmental stewardship.

Five lecturers from the Faculty of Accountancy, UiTM Johor, namely Nurul Dr. Azlin Azmi, Norhidayah Abdullah, Fazrul Hanim Abd Sata, Dr. Noor Hidayah Ab Aziz and Nursyuhada Mohd Taib participated in the ICTMS 2025. Their research papers focused on ESG and sustainability, taxation, financial reporting, and fraud prevention. The conference provided valuable opportunities for knowledge exchange, professional networking, and potential collaborations in sustainable development.

The opening ceremony featured a welcome address by Prof. Dr. Zuraidah Mohd Sanusi, Director of ARI, followed by officiation from Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Chief Commissioner of the Malaysian Anti-Corruption Commission and Adjunct Professor at ARI UiTM. Inspiring keynote addresses were delivered by renowned scholars, including Prof. Emeritus Dr. Normah Omar on "Gaps in Digital Technology and Digital Regulation: Implication on SDG Implementation in ASEAN", alongside other distinguished speakers from Malaysia, Bulgaria, Indonesia, and Turkiye.

Parallel sessions, conducted both physically and virtually, allowed researchers including UiTM Johor representatives to share impactful findings. Altogether, a total of 77 papers were presented during the parallel session. On 19 June 2025 (Closing ceremony), UiTM Johor participants were recognized through the Best Paper Award for Nurul Azlin Azmi and the Best Presenter Award for Noor Hidayah Ab Aziz. Overall, UiTM Johor's active involvement in ICTMS 2025 not only advanced research visibility and academic growth but also aligned with the mission of promoting research excellence and supporting global sustainability.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

GLOBAL LEARNING WEBINAR: CLIMATE-RELATED FINANCIAL DISCLOSURE


Dr. Noor Hidayah Ab Aziz, Emelin Abdul Wahid, Dr. Nurul Azlin Azmi

The Faculty of Accountancy, UiTM Johor Branch, organized Global Learning Webinar for Financial Statement Analysis (FAR670) course on 4 July 2025 via Google Meet. This initiative was aligned with the aspirations of Education 5.0, UiTM, which emphasizes flexible learning without limitation of time, space, and mode of delivery. The session featured Dr. Yunice Karina Tumewang from Universitas Islam Indonesia, Yogyakarta, who delivered a lecture on “Climate-Related Financial Disclosure.

Through this session, students from Bachelor of Accountancy (JAC220) part 7 gained international exposure to global factors influencing financial reporting, particularly how climate-related risks and environmental challenges affect corporate disclosure practices. One of Dr. Yunice’s key insights was strong financial performance does not necessarily reflect a company’s sustainability performance. She highlighted cases where companies, despite reporting high profits, engaged in exploitation of labour, environmental degradation and poor governance. These practices were carried out deliberately to reduce operating costs and artificially boost profitability. Such examples emphasize that corporate success should not be assessed solely based on financial reports but must also take into account adherence to environmental, social, and governance (ESG) principles.

This program instilled students with critical awareness that profitability without ethical and responsible practices is unsustainable. By engaging with international expert, UiTM Johor continues to strengthen its role in nurturing globally minded graduates and also support the university’s commitment to enhancing academic quality, flexible learning, and global collaboration.


Yunice Karina Tumewang (Presenting, annotating)
Learning Objectives
1. Define key concepts relating to climate change
2. Explain how climate change positions to broader ESG and financial statement analysis framework
3. Assess key risks and consequences of climate change
4. Explain the role of accountants/climate finance professionals in addressing climate change
3
3:09 PM | twv-nivc-tvn


Yunice Karina Tumewang (Presenting, annotating)
Background to Climate Finance:
Climate and Environmental Challenges
SEE BEYOND THE NUMBERS
IPCC
The IPCC is a UN body providing policymakers with scientific assessments on climate change, its impacts, risks, and mitigation options. IPCC research links human activities to rising greenhouse gases like CO_2, which trap heat and warm the planet.
Other greenhouse gases have increased within the Earth's atmosphere as a result of human activity, including:
CH_4 Agricultural Methane (CH4) results from livestock management, animal waste management, emissions of enteric fermentation, and food produce production.
N_2O Nitrous Oxide (N_2O) results from rocket propulsion, internal combustion engines, aerosol propellants, and medicine.
F Cl Br Halogens result from chemical, water and sanitation, plastics, pharmaceuticals, and pulp and paper industries as well as from the textile, military, and oil industries.
4:16 PM | twv-nivc-tvn

INOVASI MODEL KOMUNITI OKU RAIH ANUGERAH ANTARABANGSA DI PIID 2023 & TEMPAT PERTAMA INOVASI PENYELIDIKAN METIC 2024

Prof. Madya Dr. Raja Adzrin Raja Ahmad, Dr. Jannah Munirah Mohd Noor, Faiza Irdina Md Fauzi

Pada 18 Mei 2023, hasil inovasi Model Pusat Inkubator Keusahawanan Spa dan Sauna (PIKSS) UiTM Johor telah mencatat sejarah tersendiri apabila menerima pengiktirafan **berprestij di peringkat antarabangsa**. Model tersebut yang dikenali sebagai ***"Social Entrepreneurship Resilience Capabilities Model for Person with Disabilities (PWD)_Campus Based Cosmetology (CaBCOS)"*** telah berjaya meraih Anugerah Khas MASMED serta Anugerah Emas dalam pertandingan Penang International, Innovation and Design (PIID) 2023.


Universiti Teknologi MARA

PIID

Certificate of Achievement

This is to certify that

JANNAH MUNIRAH BINTI MOHD NOOR
AZRI ABD RANI
AHMAD FUZI MD AJIS
AZILA JAINI
CHE FARIDAH CHE MAHMOOD

have been awarded
SPECIAL AWARD ENTREPRENEURSHIP BY MALAYSIAN ACADEMIC OF SME & ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT (MASMED)
CATEGORY C – ACADEMICIAN, INDUSTRY & PROFESSIONAL
in
Penang International Invention, Innovation and Design (PIID) 2023
for the Invention/Innovation/Design of
SOCIAL ENTREPRENEURSHIP RESILIENCE CAPABILITIES MODEL FOR DISABILITIES COMMUNITIES: CABCOS 3.0 : (Campus Based Cosmetology System)
ACA-SE-1019

16th - 18th May 2023
Dewan Besar, UiTM Pulau Pinang Branch

Professor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Razali
Rector
Universiti Teknologi MARA
Pulau Pinang Branch

Gambar 1 : Sijil Anugerah Emas, PIID

Pengiktirafan yang diterima amat bermakna kerana ia bukan sahaja mengiktiraf usaha inovatif PIKSS, malah menghargai usaha berterusan dalam membangunkan model keusahawanan sosial yang berfokus kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Melalui pendekatan CaBCOS, model ini memberi tumpuan khusus kepada pembangunan daya tahan peserta, peningkatan kemahiran teknikal, serta keupayaan ekonomi komuniti OKU dalam melalui latihan kosmetologi berasaskan kampus.

Kesinambungan itu, **2024 Tempat pertama Anugerah Projek Komuniti (Penyelidikan/Inovasi) Bagi Projek Cosmetology Specialist Training For Disability and b40 Teenagers (CosMOS 2.0)**

CosMOS 2.0 memberi tumpuan kepada golongan OKU dan remaja B40, dengan menyediakan latihan kemahiran dalam bidang kosmetologi berteraskan modul penyelidikan inovatif.

Melalui pelaksanaan program ini, para peserta OKU bukan sahaja memperoleh kemahiran teknikal dalam bidang kecantikan, tetapi turut diberi bimbingan menyeluruh untuk meningkatkan daya saing, keyakinan diri, serta peluang menjana pendapatan melalui bidang keusahawanan kecantikan. Kemenangan ini memperlihatkan bagaimana hasil penyelidikan akademik dapat diterjemahkan dalam bentuk model pembangunan sosial yang praktikal dan inklusif buat masyarakat. Ia turut mengukuhkan peranan UiTM Johor sebagai peneraju dalam menghubungkan penyelidikan dengan komuniti, selaras dengan agenda universiti untuk melahirkan projek lestari, inovatif dan berimpak tinggi kepada pembangunan sosial dan ekonomi.


Universiti Teknologi MARA

Certificate of Achievement

This is to certify that
JANNAH MUNIRAH BINTI MOHD NOOR
AZRI ABD RANI
AHMAD FUZI MD AJIS
AZILA JAINI
CHE FARIDAH CHE MAHMOOD

have been awarded
SPECIAL AWARD ENTREPRENEURSHIP BY MALAYSIAN ACADEMIC OF SME & ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT (MASMED)
CATEGORY C – ACADEMICIAN, INDUSTRY & PROFESSIONAL
in
Penang International Invention, Innovation and Design (PIID) 2023
for the Invention/Innovation/Design of
SOCIAL ENTREPRENUERSHIP RESILIENCE CAPABILITIES MODEL FOR DISABILITIES COMMUNITIES: CABCOS 3.0 : (Campus Based Cosmetology System)
ACA-SE-1019

Gambar 2 : Anugerah Khas, MASMED PIID



Gambar 3 : Sijil Anugerah Projek Komuniti, Tempat Pertama MetiC 13/24

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KUNJUNGAN HORMAT PSYAP & CO PLT (FIRMA AUDIT)

Fatimah Hashim, Dr. Siti Masnah Saringat, Musmailina Mustafa Kamal

Latihan industri merupakan salah satu kursus yang ditawarkan kepada pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) di Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor (UiTMCJ). Kursus ini ditawarkan kepada pelajar bagi mendedahkan pelajar kepada situasi kerja perakaunan yang sebenar di luar universiti dan pada yang sama, pelajar juga dapat mengaplikasikan konsep dan teori perakaunan yang dipelajari semasa kuliah.

Pada 18 Disember 2024, pihak Fakulti Perakaunan UiTMCJ telah menerima kunjungan hormat dari firma audit PSYAP & CO PLT bagi membincangkan hal ehwal pelajar tahun akhir Fakulti Perakaunan sama ada yang sedang menjalani latihan industri atau yang akan menjalani latihan industri di masa hadapan. Selain daripada itu, ia juga menyediakan platform interaksi secara nyata dan lebih dekat di antara pihak PSYAP & CO PLT dan pihak universiti dan seterusnya membina jalinan industri di antara universiti dengan pihak industri terutamanya Fakulti Perakaunan UiTMCJ dengan PSYAP & CO PLT.

Program kunjungan hormat dari pihak PSYAP & CO PLT telah diwakili oleh Dato' Yap Pian Seen, Robson Sooi Tak Khuan, Muhammad Asyraf Bin Zakaria dan Mohd Izad Farhan Bin Mohd Kheir. Manakala wakil pihak universiti telah diketuai oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Yang Mulia Prof. Madya Dr Raja Adzrin Raja Ahmad dan disertai juga 81 pelajar semester 6 Fakulti Perakaunan UiTMCJ. Program kunjungan hormat ini telah berlangsung dengan jayanya.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN PRE-OWNED BOOK SALES PERSIDA

Fatin Nabihah Mohd Taha, Syed Khusairi Tuan Azam, Nini Suhana Mastini Razi

Persatuan Siswa Siswi Diploma Perakaunan (PERSiDA) UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat Sesi 2024/2025 telah menganjurkan program Pre-Owned Book Sales pada 12 April sehingga 13 April 2025 di Bilik I105, Level 1 Blok Ilmuwan (Bilik PERSiDA).

Program ini bertujuan untuk memudahkan pelajar mendapatkan buku rujukan terpakai yang bersesuaian dengan kursus mereka pada harga yang lebih berpatutan. Program ini dimulakan dengan penyerahan buku terpakai oleh para penjual di Bilik PERSiDA, di mana ahli PERSIDA akan membantu menyusun dan mengkategorikan buku-buku tersebut mengikut jenis.

Setiap buku akan dilabel dengan nama penjual, nombor telefon dan harga untuk memudahkan urusan jual beli. Segala proses penyerahan buku dilakukan pada tarikh 11 April 2025 bagi melancarkan program pada hari berikutnya. Pada 12 dan 13 April 2025, sesi jualan diadakan bermula jam 12.00 tengahari hingga 6.00 petang. Ahli PERSiDA bergilir menjaga buku yang dijual, manakala pelajar yang berminat membeli buku perlu mengimbas kod QR untuk pembayaran serta mengisi rekod pembelian yang disediakan bagi memudahkan urusan transaksi dilaksanakan kepada penjual buku.

Program ini telah berjaya memberi peluang kepada mahasiswa Fakulti Perakaunan untuk mendapatkan buku rujukan yang sesuai dengan kursus mereka pada harga yang jauh lebih berpatutan. Selain aspek jual beli, program ini juga Berjaya menjadi platform interaksi santai antara pelajar dan komuniti kampus melalui minat bersama terhadap bahan bacaan.

GAMBAR PROGRAM



Gambar 1: Antara buku yang dijual



Gambar 2: Pemenang Cabutan Bertuah

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK (MAKA) x EID-ITION FAKULTI PERAKAUNAN

Syed Khusairi Tuan Azam, Fatin Nabihah Mohd Tahar, Nini Suhana Mastini Razi

Persatuan Siswa Siswi Diploma Perakaunan (PERSiDA) dengan kerjasama Bachelor of Accountancy Student Association (BACCSA) UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat Sesi 2024/2025 telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik (MAKA) X *Eid-ition* Fakulti Perakaunan pada 26 April 2025 di Dewan Sri Peria (DSP). Tujuan program ini diadakan adalah untuk meraikan kejayaan pelajar Diploma Perakaunan dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) yang berjaya memperolehi keputusan cemerlang di dalam Peperiksaan Akhir Semester sesi 20244 .

Selain itu, program ini bertujuan untuk mengeratkan ukhuwah di antara barisan Pensyarah Fakulti Perakaunan bersama mahasiswa Fakulti Perakaunan. Dalam pada itu, program ini telah melahirkan mahasiswa yang bersosial dan bergiat aktif di dalam aktiviti yang dianjurkan oleh universiti. Program ini dimulakan dengan ketibaan para pelajar dan VIP di Dewan Sri Peria seawal jam 7.30 malam, diikuti dengan nyanyian lagu rasmi, bacaan doa dan ucapan perasmian oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Johor, Prof. Madya Dr. Raja Adzrin binti Raja Ahmad. Seterusnya, program diteruskan dengan penyampaian anugerah bagi pelajar cemerlang Diploma (AC110), pelajar cemerlang Ijazah (AC220), serta penyampaian anugerah pelajar terbaik setiap semester. Majlis juga diserikan dengan tiga persembahan istimewa dan penyampaian anugerah pakaian terbaik, sebelum ditutup dengan sesi bergambar dan nyanyian lagu UiTM Di Hatiku

Program ini telah berjaya memberi pengiktirafan kepada pelajar yang menunjukkan kecemerlangan akademik, sekali gus membina motivasi dalam kalangan mahasiswa untuk terus berusaha mencapai kejayaan. Selain itu, program ini juga berjaya mewujudkan suasana harmoni dan hubungan yang erat antara pelajar dan pensyarah. Penganjuran majlis yang tersusun dan penuh bermakna ini menjadi bukti bahawa Fakulti Perakaunan komited dalam melahirkan pelajar cemerlang, berdaya saing dan aktif dalam pembangunan sahsiah serta akademik.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MAJLIS SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH

Nur Eyliawati Japelus, Juyati Mohd Amin, Dr. Nurul Azlin Azmi



Bergambar kenangan bersama Puan Norfizah Othman

Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih anjuran Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Johor telah dilaksanakan pada 9 Mei 2025 di De Laman Seputeh, Segamat. Majlis ini merupakan majlis persaraan untuk menghargai pensyarah yang banyak berjasa kepada Fakulti Perakaunan dan UiTM Cawangan Johor. Kehadiran pensyarah bersara yang diraikan iaitu Puan Norfizah Othman ditemani suami tercinta, Encik Zaharudin Othman merupakan detik yang penuh bermakna bagi keluarga besar Fakulti Perakaunan. Majlis turut diserikan dengan kehadiran pensyarah-pensyarah bersara sebelum ini iaitu Encik Mohamad Albar Bakar dan Puan Zakiah Baharin.

MAJLIS SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH

Nur Eyliawati Japelus, Juyati Mohd Amin, Dr. Nurul Azlin Azmi

Puan Norfizah Othman telah berkhidmat lebih dari 30 tahun di UiTM Cawangan Johor. Pengetahuan dan pengalaman beliau dalam bidang akademik dan sukan amat luas, dan persaraan beliau merupakan suatu kehilangan besar bagi seluruh warga UiTM Cawangan Johor.

Majlis ini telah berjaya dilaksanakan dengan lancar dan diharapkan ianya dapat mencipta kenangan terindah bagi pensyarah bersara serta meningkatkan lagi keakraban dan ukhuwah di kalangan pensyarah Fakulti Perakaunan. Sesungguhnya, keceriaan dan sifat keibuan beliau pasti menjadi kerinduan warga Fakulti Perakaunan.



Puan Norfizah Othman bersama Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MEMACU KECEMERLANGAN AKADEMIK

Prof. Madya Dr. Syahrul Ahmar Ahmad, Fatimah Hashim,
Dr. Nurul Azlin Azmi

Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Johor dengan kerjasama *Accounting Research Institute* (ARI) Johor Chapter telah menganjurkan Program Memacu Kecemerlangan Akademik: Membina Kerjaya Profesor melalui Trek Penyelidikan dan Trek Pengajaran pada 11 Jun 2025 bertempat di Aula Bestari, UiTM Johor. Program ini menjadi platform perkongsian ilmu bagi membantu para pensyarah memahami strategi dan laluan kerjaya akademik ke jawatan Profesor. Inisiatif ini bukan sahaja memberi pendedahan tentang trek penyelidikan dan trek pengajaran, tetapi turut menyemarakkan budaya bimbingan serta hubungan mentor-mentee dalam kalangan warga akademia.

Program ini menampilkan dua tokoh akademik berpengalaman, Prof. Dr. Razana Juhaida Johari yang berkongsi pengalaman melalui trek penyelidikan, dan Prof. Dr. Azman Mat Isa yang membincangkan laluan kejayaan melalui trek pengajaran. Perkongsian kedua-dua Profesor ini memberi inspirasi serta panduan praktikal kepada pensyarah untuk merancang laluan kerjaya masing-masing. Maklum balas peserta amat positif, dengan majoriti menyatakan program ini sangat bermanfaat dan wajar diteruskan pada masa hadapan sebagai usaha berterusan memupuk kecemerlangan akademik





POSTGRAD SYNERGY: JALINAN ILMU DAN UKHWAH

Dr. Nurul Azlin Azmi, Dr. Nurul 'Aini Harun, Nur Eyliawati Japelus



Pusat Pengajian Siswazah (PPS), UiTM Cawangan Johor telah menganjurkan Program Postgrad Synergy pada 18 April 2025 bertempat di Aula Bestari. Program ini merupakan medium pertemuan antara pelajar baharu, pelajar sedia ada serta para penyelia bagi memperkenalkan mereka kepada ekosistem akademik pascasiswazah.

Acara dimulakan dengan ucapan aluan oleh pihak pengurusan universiti dan diikuti dengan sesi diskusi bersama Ketua Pusat Pengajian Siswazah. Perkongsian bermanfaat turut disampaikan oleh Dr. Siti Afiqah Mohammad (*Monitoring*) dan Dr. Rahmawati Mohd Yusoff (*Funding*). Program diteruskan dengan sesi mentoring oleh Dr. Jannah Munirah Mohd Noor untuk memberi suntikan motivasi kepada para pelajar yang hadir.

Lebih istimewa, majlis diserikan lagi dengan kehadiran Pengasas Dr *Azri's Perfume*, Dr. Mohd Azri Ab Rani, yang telah menyumbangkan tajaan biasiswa kepada dua orang pelajar dari program Sarjana Sains (Pengurusan Perniagaan). Majlis diakhiri dengan Sambutan Hari Raya PPS yang mengeratkan hubungan silaturahim antara warga pascasiswazah dan pensyarah. Suasana mesra ini membuktikan bahawa *Postgrad Synergy* bukan sekadar program orientasi untuk pelajar baru, tetapi juga merupakan platform untuk membina jaringan akademik, motivasi dan ukhuwah.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM GEN Z CAKNA CUKAI SIRI 1

A.D. Rosilawati Shafaruddin, Nursia Yuhanis, Nursyuhada Mohd Taib

Pada 13 Jun 2025 yang lalu, Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor (UiTMCJ) telah mengadakan program Gen Z Cakna Cukai Siri 1 di Sekolah Menengah Kebangsaan Buloh Kasap. Program ini adalah bersempena dengan projek dana jaringan komuniti, Unit Jaringan Komuniti Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor. Program ini melibatkan 6 pensyarah Fakulti Perakaunan, guru pembimbing dan 94 orang pelajar-pelajar Tingkatan 5. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Zamidi Bin Abd Aziz, Pengetua SMK Buloh Kasap yang turut menyatakan penghargaan atas kerjasama erat antara pihak sekolah dan UiTMCJ dalam menjayakan program berbentuk pendidikan ini.

Program dijalankan secara kolaboratif dan interaktif, merangkumi sesi taklimat serta aktiviti berkaitan percukaian. Program dimulakan dengan ceramah pengenalan kepada ilmu percukaian yang telah disampaikan oleh Dr. Siti Masnah Saringat kepada pelajar-pelajar Tingkatan 5. Pelajar didedahkan dengan konsep percukaian di Malaysia, cukai pendapatan untuk individu beserta pengecualian dan pelepasan-pelepasan cukai. Pelajar turut diajar cara untuk mengira cukai pendapatan untuk individu. Program disusuli dengan "*Tax-Tick Challenge*" yang melibatkan 4 checkpoint utama yang menguji kefahaman pelajar berkaitan cukai secara interaktif. Para pelajar dibahagikan kepada 10 kumpulan. Permainan seperti Cukai Silang Kata, Santai Kategori Kertas Warna, Teka Cukai dan Kira Gaji Pak Ali telah dibuat di setiap checkpoint. Aktiviti ini membantu pelajar memahami konsep cukai dengan lebih menyeronokkan, melalui pendekatan pembelajaran berasaskan permainan (*game-based learning*).

Objektif program:

1. Memberikan pendedahan akan kepentingan percukaian kepada pelajar sejak di usia muda, dan
2. Mendedahkan pelajar-pelajar kepada aktiviti berkaitan percukaian untuk meningkatkan kesedaran pematuhan cukai di usia muda.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM GEN Z CAKNA CUKAI SIRI 2

Dr. Mas Ervina Samsuddin, Dr. Siti Masnah Saringat, Nuruu Ain Fauzi

Pada 4 Julai 2025 yang lalu, Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor (UiTMCJ) telah mengadakan program Gen Z Cakna Cukai Siri 2 di Sekolah Menengah Kebangsaan Buloh Kasap. Program ini adalah bersempena dengan projek dana jaringan komuniti, Unit Jaringan Komuniti Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor. Program ini melibatkan 6 pensyarah Fakulti Perakaunan, guru pembimbing dan 83 orang pelajar-pelajar Tingkatan 5. Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Zamidi Bin Abd Aziz, Pengetua SMK Buloh Kasap yang disusuli dengan upacara penyampaian hadiah kepada para pemenang. Program Siri 2 ini diakhiri dengan pertukaran cenderamata dan sijil penghargaan diantara pihak sekolah dan UiTMCJ.

Di dalam Program Gen Z Cakna Cukai Siri 2 ini, setiap kumpulan peserta telah menjalankan tugasan temuramah bersama dua orang pembayar cukai sebenar. Tugasan ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesedaran dan pengalaman pembayar cukai berkaitan aspek-aspek asas percukaian, termasuk sumber pendapatan, pengecualian dan pelepasan cukai yang dituntut, serta pandangan umum terhadap tanggungjawab membayar cukai. Setiap kumpulan telah membentangkan hasil tugasan mereka dan penilaian telah dibuat oleh 2 orang juri. Tugasan ini memberi impak yang positif terhadap penglibatan pelajar dalam memahami sistem percukaian negara. Pelajar didedahkan bagaimana konsep pengecualian dan pelepasan cukai diaplikasikan dalam kehidupan sebenar. Pendedahan ini membantu mereka menghubungkan pengetahuan akademik dengan amalan masyarakat secara langsung, sekaligus meningkatkan literasi cukai dalam kalangan generasi muda.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM GEN Z CAKNA CUKAI SIRI 2

Dr. Mas Ervina Samsuddin, Dr. Siti Masnah Saringat, Nuruu Ain Fauzi

Objektif program:

Mengenal pasti tahap kesedaran dan pengalaman pembayar cukai berkaitan aspek-aspek asas percukaian, termasuk sumber pendapatan, pengecualian dan pelepasan cukai yang dituntut, serta pandangan umum terhadap tanggungjawab membayar cukai.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

UiTM–PWC CONNECTS: EMPOWERING UiTMCJ WITH PROFESSIONAL KNOWLEDGE AND OPPORTUNITIES

Norhidayah Abdullah, Dr. Siti Masnah Saringat, Dr. Mas Ervina Samsuddin

Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan fakulti perakaunan terbesar di Malaysia, menyumbang hampir 50 peratus graduan perakaunan IPTA setiap tahun. Seiring dengan aspirasi nasional untuk melahirkan 60,000 akauntan profesional menjelang tahun 2030, Fakulti Perakaunan komited untuk menyediakan platform pembelajaran yang bukan sahaja menekankan teori, tetapi juga pengalaman praktikal berteraskan industri.

Pada 24 Jun 2025, Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor (UiTMCJ) dengan kerjasama PwC Malaysia telah berjaya menganjurkan program *UiTM–PwC Connects: Empowering UiTMCJ with Professional Knowledge and Opportunities* bertempat di Dewan Sri Peria, UiTMCJ. Program ini merupakan inisiatif strategik yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan di samping memperkukuh hubungan industri dengan institusi pengajian tinggi. Inisiatif ini dilihat sebagai satu usaha menyokong aspirasi kerajaan dan universiti untuk memastikan graduan perakaunan lebih bersedia menghadapi cabaran pasaran kerja global yang semakin kompetitif.

Seramai 373 pelajar Fakulti Perakaunan UiTMCJ yang terdiri daripada pelajar Diploma (AC110 Semester 4 dan 5) dan Sarjana Muda (AC220 Semester 7) telah terlibat. Program turut disertai oleh 6 orang pensyarah UiTM serta 4 orang wakil industri daripada PwC Malaysia. Program separuh hari ini menampilkan tiga sesi utama iaitu, *The Risk Management Committee: Shaping Resilience and Strategic Stability* (khusus kepada pelajar AC220), *Unpacking Withholding Tax: An Introductory Session on Chargeability* (sesi pendedahan

asas percukaian untuk pelajar AC110) dan *Beyond Graduation: Kickstart Your Professional Journey with PwC* (perkongsian laluan kerjaya bersama PwC). Di penghujung sesi, pelajar berpeluang berinteraksi secara langsung dengan wakil industri melalui sesi soal jawab.

Penganjuran program ini memberi impak yang signifikan kepada pembangunan bakat pelajar UiTMCJ, iaitu dapat memperluaskan jaringan universiti dan industri/profesional, meningkatkan kefahaman praktikal melalui perkongsian kes praktikal dan cabaran industri perakaunan dan membina keyakinan diri pelajar, khususnya dalam merancang hala tuju kerjaya selepas tamat pengajian.

Menurut Dr. Siti Masnah Saringat, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan UiTMCJ merangkap Pengerusi Program:

“Kolaborasi bersama PwC Malaysia adalah langkah penting dalam memperkukuh hubungan akademik-industri. Ia memberi ruang kepada pelajar untuk memahami keperluan sebenar industri sekaligus mempersiapkan mereka sebagai bakal akauntan profesional yang berdaya saing di peringkat global.”

Program UiTM–PwC *Connects* telah membuktikan keberkesanan kerjasama strategik antara institusi pendidikan tinggi dan industri dalam memperkukuh modal insan negara. Fakulti Perakaunan UiTMCJ optimis bahawa inisiatif sebegini akan terus diperluas agar pelajar bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik, tetapi juga memiliki kemahiran profesional dan nilai tambah yang diperlukan oleh pasaran kerja global.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

WANG DARI SISA: FAKULTI PERAKAUNAN MENYOKONG PROGRAM TRASH TO CASH @ UiTM SEGAMAT 2025

Nuruu Ain Fauzi, A.D Rosilawati Shafaruddin, Syed Khusairi Tuan Azam

Fakulti Perakaunan telah menyertai Program *Trash to Cash* @ UiTM Segamat 2025 yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF), UiTM Segamat. Program ini berlangsung pada 9 hingga 11 Jun 2025, dengan sesi timbang barangan kitar semula dijalankan pada 11 Jun 2025 bertempat di khemah *Half-Moon* berhadapan PTDI.

Penyertaan Fakulti Perakaunan adalah sebagai tanda sokongan terhadap usaha universiti dalam mempromosikan amalan kelestarian dan pengurusan hijau. Aktiviti ini juga bertepatan dengan aspirasi Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang menjadi budaya kerja Fakulti Perakaunan, khususnya dalam aspek persekitaran hijau, pengurusan sisa, dan kecekapan penggunaan sumber.

Antara barangan yang dikumpulkan dan dihantar termasuk kotak, surat khabar dan majalah, kertas terpakai, plastik botol dan plastik keras. Melalui usaha pengumpulan bahan kitar semula ini, Fakulti Perakaunan berjaya menjana hasil sebanyak RM75.67. Walaupun jumlahnya sederhana, pencapaian ini mencerminkan komitmen fakulti terhadap kelestarian alam sekitar, penjimatan sumber, serta penglibatan aktif dalam aktiviti komuniti kampus.

Secara keseluruhan, penyertaan Fakulti Perakaunan dalam program ini bukan sahaja menyumbang kepada kebersihan dan kelestarian kampus, tetapi juga menjadi bukti bahawa nilai EKSA bukan sekadar slogan, sebaliknya dipraktikkan secara berterusan melalui aktiviti kitar semula yang memberi manfaat kepada fakulti, universiti dan komuniti.






e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

WEBINAR: ACCOUNTING INFORMATION SYSTEM: AN OVERVIEW

Fazrul Hanim Abd Satar, Dr. Rosmawati Haron

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor melalui *Rector's Special Project #13* telah melaksanakan satu inisiatif khidmat komuniti bertaraf antarabangsa dengan Institut Teknologi dan Sains Nahdlatul Ulama (ITSNU) Pekalongan, Indonesia. Salah satu program yang telah dilaksanakan di bawah inisiatif ini adalah webinar bertajuk *Accounting Information System:An Overview*. Webinar ini diadakan pada 6 Januari 2025 secara dalam talian melalui platform *Google Meet*, bertujuan memperkukuh hubungan akademik serta memupuk pertukaran ilmu antara dua negara serumpun.

Webinar ini memberi peluang kepada pensyarah UiTM untuk berkongsi kepakaran dalam bidang *Accounting Information System* (AIS), di samping menyumbang terhadap pendidikan yang berkualiti. Penceramah jemputan, Puan Fazrul Hanim Abd Sata, pensyarah kanan Fakulti Perakaunan UiTM Johor, telah menyampaikan ceramah yang interaktif dan berinformasi. Webinar bertajuk "*Accounting Information System: An Overview*" berlangsung selama dua jam, dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang (Waktu Malaysia). Seramai 53 mahasiswa dari Fakulti Desain Kreatif dan Bisnis Digital ITSNU telah terlibat dalam webinar ini. Sesi ini melibatkan penerangan teori dan aplikasi sistem maklumat perakaunan, perbincangan interaktif dengan pelajar ,sesi soal jawab dan refleksi bersama peserta.



Sesi pengenalan bersama peserta

Program ini berjaya mencapai matlamat untuk memperkenalkan pengetahuan asas AIS kepada pelajar luar negara, sekali gus mengukuhkan reputasi UiTM di pentas antarabangsa. Selain itu, pelaksanaan secara atas talian membuktikan bahawa pendidikan merentas sempadan dapat dicapai walaupun tanpa kehadiran fizikal. Maklumbalas yang diterima daripada para peserta juga sangat positif. Peserta juga menyatakan harapan agar lebih banyak sesi seumpama ini diadakan pada masa akan datang, termasuk secara bersemuka di Malaysia.

Kesimpulannya, kolaborasi antara UiTM Johor dan ITSNU Pekalongan ini membuktikan bahawa perkongsian ilmu secara global dapat meningkatkan pemahaman akademik, memupuk jalinan hubungan strategik, serta menyumbang kepada pembangunan ilmu di peringkat antarabangsa. Melalui inisiatif seperti ini, UiTM terus komited dalam memperluas peranan sebagai peneraju pendidikan tinggi yang berdaya saing di arena global.



Sebahagian peserta yang menyertai webinar

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

'DEEP WORK': KEMAHIRAN FOKUS BERIMPAK TINGGI

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman, Muhamad Ashaari Sukar, Juyati Mohd Amin

Dalam era dunia digital yang penuh 'hiruk pikuk' ini, mahukah anda belajar cara untuk bekerja dengan fokus dan tanpa gangguan? Buku *"Deep Work: Rules for Focused Success in a Distracted World"*, karya Newport (2016) semestinya untuk anda! Buku ini membincangkan konsep *"deep work"* sebagai keupayaan bekerja dalam keadaan fokus yang mendalam dan tanpa gangguan. Ini mampu menghasilkan hasil kerja bernilai tinggi dari segi kualiti serta keberkesanan. Menurut Newport, dalam era digital yang sarat dengan gangguan *(distraction)*, seperti media sosial, e-mel, dan notifikasi berterusan, kemampuan untuk mengekalkan *deep work* semakin jarang dimiliki. Namun, kemahiran ini menjadi semakin kritikal dalam menentukan kejayaan individu dalam kerjaya berasaskan pengetahuan. Newport berpendapat bahawa kejayaan jangka panjang dalam dunia moden bukan lagi bergantung semata-mata pada kepandaian, tetapi pada keupayaan menguasai fokus yang mendalam.

Newport membezakan antara *deep work* dan *shallow work. Deep work* merujuk kepada aktiviti profesional yang memerlukan tumpuan penuh tanpa gangguan, menghasilkan pembelajaran kompleks atau penciptaan sesuatu yang baru. Sebaliknya, *shallow work* adalah 'kerja cetek': tugasan yang bersifat ringan, rutin, mudah ditiru, kurang impak, dan tidak menuntut tumpuan yang tinggi, seperti menjawab e-mel atau menghadiri mesyuarat ringkas.

Walaupun *shallow work* tetap mempunyai tempat dalam organisasi, Newport menegaskan bahawa pergantungan berlebihan terhadapnya akan menghalang pertumbuhan intelektual dan produktiviti seseorang.



Bagi menguasai *deep work,* Newport menggariskan empat peraturan utama:

1. ***Work Deeply:***

   Individu perlu bekerja secara mendalam dengan membina ritual, jadual, dan persekitaran yang memudahkan fokus.

2. ***Embrace Boredom:***

   Kebosanan perlu diterima, kerana ini akan melatih minda untuk menahan godaan hiburan segera *(instant gratification)* dan akan memperkukuh disiplin.

3. ***Quit Social Media:***

   Penggunaan media sosial perlu dikurangkan secara kritikal, dengan menilai faedah dan kosnya terhadap produktiviti.

4. ***Drain the Shallows:***

   Newport menasihatkan untuk mengurangkan *shallow work,* melalui perancangan masa yang teliti, seperti teknik *time blocking* dan menghadkan masa bekerja supaya masa yang ada benar-benar digunakan secara produktif.

Penciptaan ruang kerja bebas gangguan, penggunaan jadual yang menekankan aktiviti bernilai tinggi, serta pemilihan projek yang memberi pulangan jangka panjang kepada pembangunan kerjaya perlu diberi penekanan. Keseimbangan antara produktiviti profesional dengan kesejahteraan peribadi perlu dicapai. *Deep work,* bukan sahaja meningkatkan prestasi kerja, tetapi juga memberikan kepuasan dalaman apabila individu berjaya mencapai sesuatu yang bermakna.

Kesimpulannya, *Deep work* merupakan kemahiran penting abad ke-21. Mereka yang menguasai *deep work* lebih produktif, inovatif, dan relevan. Keupayaan untuk fokus dalam kerja mendalam merupakan kelebihan kompetitif yang amat berharga. Dengan menguasai kemahiran ini, individu bukan sahaja dapat menghasilkan pencapaian luar biasa, tetapi juga membina kerjaya yang lebih memuaskan dan bermakna.


Rujukan: Newport, C. (2016). Deep work: Rules for focused success in a distracted world. Grand Central Publishing.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

APLIKASI TEKNIK POMODORO DALAM KEHIDUPAN PELAJAR, PEKERJA, DAN PERIBADI

Filouz Hashim, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman, Fatimah Hashim

Teknik Pomodoro ialah satu strategi pengurusan masa yang diperkenalkan oleh Francesco Cirillo pada akhir tahun 1980-an. Kaedah ini berasaskan pembahagian masa kerja kepada unit 25 minit yang dikenali sebagai *pomodoro*, dipisahkan dengan rehat pendek selama 5 minit, dan selepas empat sesi kerja, rehat panjang selama 15–30 minit diambil (Cirillo, 2006). Tujuannya ialah untuk meningkatkan fokus, mengurangkan gangguan, serta mengekalkan produktiviti yang konsisten. 2020).



Kajian mendapati bahawa teknik ini dapat membantu mengurangkan melengah-lengahkan masa *(procrastination),* meningkatkan tumpuan kognitif, dan mengurus beban kerja dengan lebih teratur (Koch, 2019). Dengan memecahkan tugasan besar kepada segmen kecil, individu lebih mudah mengekalkan motivasi serta mengurangkan keletihan mental.

Aplikasi dalam Kehidupan:

1. **Pelajar** Pelajar boleh menggunakan teknik Pomodoro untuk menyiapkan tugasan, ulang kaji peperiksaan, atau membaca bahan akademik. Dengan menetapkan matlamat kecil setiap *pomodoro*, pelajar dapat mengelakkan rasa terbeban dan mengekalkan fokus pada kandungan pelajaran (Sevilla & Wells, 2020).

1. **Pekerja** Dalam konteks pekerjaan, teknik ini membantu pekerja mengurus tugasan pejabat yang memerlukan tumpuan tinggi seperti penulisan laporan, analisis data, atau mesyuarat berfokus. Rehat berkala dapat mengurangkan tekanan kerja dan meningkatkan keberkesanan jangka panjang (Bozeman & Porter, 2020).
2. **Kehidupan Peribadi** Secara peribadi, teknik Pomodoro boleh diaplikasikan untuk tugasan harian seperti mengurus rumah tangga, membaca buku, atau hobi. Dengan menetapkan tempoh kerja singkat, individu dapat menyempurnakan aktiviti peribadi secara berterusan tanpa rasa tertekan (Cirillo, 2006).

Kesimpulannya, teknik Pomodoro mampu diaplikasi secara fleksibel, samada dalam kehidupan professional, mahupun peribadi. Kelebihan Pomodoro termasuk meningkatkan fokus, mengurangkan melengahkan kerja *(procrastination)*, mengurus masa dan tenaga mental secara lebih baik, serta meningkatkan motivasi kerana tugasan terasa lebih ringan.

Rujukan

Bozeman, D. P., & Porter, C. O. (2020). Time management and work effectiveness: Exploring the Pomodoro Technique. *Journal of Management Development, 39*(4), 421–433. https://doi.org/10.1108/JMD-05-2019-0198

Cirillo, F. (2006). *The Pomodoro Technique*. FC Garage.

Koch, C. (2019). Improving productivity with time-boxing: A study of the Pomodoro Technique. *International Journal of Applied Management, 18*(2), 55–67.

Sevilla, J., & Wells, A. (2020). Student time management and focus: Evaluating the Pomodoro method. *Educational Psychology Review, 32*(3), 809–826. https://doi.org/10.1007/s10648-019-09506-0

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

AWAS! JERAT PENIPUAN INAP DESA

Nur Eyliawati Japelus, Musmailina Mustafa Kamal,
Dr Nor Hafizah Abd Mansor

Percutian impian di inap desa *(homestay)* mewah dengan harga yang tak masuk akal? Hati-hati, kemungkinan anda sedang berhadapan dengan sindiket penipuan! Kini, ramai yang memilih untuk membuat tempahan di inap desa semasa percutian kerana ia dikatakan lebih selesa, lebih peribadi *(private)*, dan terasa seperti rumah sendiri. Namun, di sebalik kemudahan ini, terdapat ancaman penipuan yang boleh merosakkan percutian yang telah lama dirancang. Penipuan inap desa semakin berleluasa, terutamanya di platform media sosial. Jadi, bagaimanakah kita boleh mengesan dan mengelakkan diri daripada menjadi mangsa? Jom kita kenali modus operandi dan cara melindungi diri kita daripada terjebak jerat penipuan inap desa.

Modus Operandi Penipuan Inap Desa

Sindiket penipuan inap desa ini bijak menggunakan psikologi dan desakan untuk memerangkap mangsa. Antara taktik utama mereka adalah:

- **Tawaran harga 'paling murah' beserta gambar curi yang sempurna -** Mereka mengiklankan penginapan inap desa dengan kemudahan serba mewah beserta gambar yang cantik dan sempurna yang dicuri daripada laman web rasmi. Sindiket penipuan ini akan menawarkan penginapan inap desa harga yang jauh lebih rendah pada daripada pasaran semasa musim puncak. Ini adalah umpan paling biasa untuk menarik perhatian anda.


- **Desakan untuk bayaran segera dan komunikasi di luar platform rasmi -** Antara ayat untuk mendesak anda membuat pembayaran penuh atau deposit secepat mungkin adalah 'Tempat terhad yer', 'Ramai yang nak menempah ni' dan 'promosi berakhir hari ini!'. Ayat-ayat ini menyebabkan mangsa terpengaruh dengan mudah untuk membuat bayaran segera bagi mendapatkan harga murah. Mereka akan meminta anda berhubung melalui WhatsApp atau Telegram dan cuba mengelakkan perbincangan di platform asal media sosial.

Langkah-langkah Perlindungan

Jangan biarkan sindiket penipuan inap desa ini merosakkan percutian anda.

Ambil langkah-langkah mudah ini:

- **Lakukan 'siasatan' anda -** Cari nama penginapan inap desa di laman web rasmi seperti *Agoda* atau *Booking.com.* Bandingkan harga dan ulasan. Gunakan *Google Maps Street View* untuk memastikan lokasi inap desa itu wujud.
- **Sahkan dengan pemilik -** Minta nombor telefon pengurus atau pemilik inap desa dan buat panggilan untuk berbual. Ini dapat mengesahkan kesahihan mereka.
- **Bayar di platform rasmi dan simpan bukti -** Pilih untuk menempah dan membuat pembayaran melalui platform tempahan yang dipercayai. Laman ini selalunya mempunyai polisi perlindungan pengguna. Simpan semua perbualan dan butiran transaksi sebagai bukti sekiranya perlu membuat laporan polis.



Sumber rujukan : Media sosial TikTok

Jika anda telah menjadi mangsa, jangan panik. Kumpulkan semua bukti dan segera membuat laporan polis serta maklumkan kepada pihak bank anda. Jangan biarkan sindiket penipuan inap desa ini mengambil kesempatan ke atas anda.

Rujukan:

1. Polis Diraja Malaysia (PDRM). (2024). *Modus Operandi Terkini Penipuan Dalam Talian*. [Maklumat dari laman web rasmi PDRM].
2. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). (2023). *Panduan Pengguna Bijak: Mengelak Penipuan Perkhidmatan Penginapan*.
3. Laporan Media Tempatan mengenai kes-kes penipuan homestay yang dilaporkan sepanjang tahun 2023-2024.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

DANGAU LANGKAWI: NIKMATI HIDANGAN TEMPATAN DI TEPI BENDANG

Nursia Yuhanis, Siti Salimah Jalal, A.D Rosilawati Shafaruddin

Jika anda mencari pengalaman menjamu selera yang tenang dan penuh suasana alam semula jadi di Langkawi, Restoran Dangau Langkawi adalah destinasi yang wajar anda kunjungi. Terletak di tepi sawah padi yang tenang dengan pemandangan menghijau, restoran ini menampilkan reka bentuk berasaskan kayu dan atap rumbia, memberikan suasana kampung yang damai serta unik berbanding restoran moden yang lain.

Restoran ini direka dalam bentuk dangau terbuka, membolehkan pelanggan menikmati hembusan angin segar sambil menghadap pemandangan air yang luas. Setiap meja kayu diatur rapi di bawah bumbung bertiang kayu, mencipta pengalaman makan yang santai serta sesuai untuk keluarga mahupun pasangan. Pada waktu senja, suasana menjadi lebih indah apabila matahari terbenam di ufuk, menjadikan hidangan anda ditemani panorama semula jadi yang memukau.



Menu di Restoran Dangau Langkawi mengetengahkan pelbagai hidangan tempatan dan Asia yang digemari ramai. Antara pilihan yang sering menjadi tarikan termasuk Nasi Lemak, Ikan Bakar, Char Kway Teow, serta hidangan berkuah seperti Sup Tom Yum. Bagi peminat makanan tradisional, pilihan seperti Beef Rendang, Laksa dan Rojak pasti memenuhi selera.

Selain itu, restoran ini juga terkenal dengan penggunaan bahan segar, terutamanya hasil laut yang diperoleh terus daripada nelayan tempatan. Gabungan rasa asli dengan cara masakan tradisional menjadikan setiap hidangan bukan sekadar makanan, tetapi pengalaman kulinari yang sukar dilupakan.



Restoran Dangau Langkawi bukan sekadar tempat makan, tetapi juga ruang untuk beristirahat dan menghargai keindahan semula jadi sambil menikmati sajian tempatan yang lazat. Dengan suasana yang menenangkan, layanan mesra, serta harga yang berpatutan, ia wajar menjadi salah satu destinasi wajib dalam senarai anda ketika berkunjung ke Langkawi.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

GRADUAN BERKUALITI: DARI KAMPUS KE DUNIA KERJAYA

A.D. Rosilawati Shafaruddin, Salehah Zafirah Zulkepli

Sebagai sebuah institusi yang melahirkan generasi intelektual, universiti bukan sekadar tempat untuk memperoleh ilmu pengetahuan dalam bidang akademik semata-mata, malah turut berperanan membentuk sahsiah dan keupayaan profesional pelajar. Dalam era globalisasi dan persaingan yang semakin sengit, pelajar universiti perlu dipersiapkan dengan pelbagai kemahiran insaniah agar mereka mampu menyesuaikan diri dengan cabaran dunia sebenar. Graduan yang hanya menguasai teori tanpa kemahiran tambahan akan mudah ketinggalan dan sukar bersaing dalam pasaran kerja. Oleh itu, kemahiran-kemahiran tertentu harus dipupuk sejak dari alam pengajian lagi.

Antara kemahiran terpenting ialah kemahiran berfikir secara kritis. Kemahiran ini membolehkan pelajar menganalisis sesuatu isu secara objektif, menilai maklumat berdasarkan bukti, serta mencari penyelesaian yang kreatif dan praktikal. Misalnya, dalam tugasan penyelidikan, pelajar bukan sahaja dituntut mengumpul data, tetapi juga perlu menilai kesahihan sumber dan membuat tafsiran yang tepat. Dengan kemahiran ini, mereka lebih bersedia menghadapi masalah kompleks dalam alam pekerjaan mahupun kehidupan seharian.

Selain itu, kemahiran komunikasi juga sangat penting bagi pelajar universiti. Mereka perlu mampu menyampaikan idea dengan jelas, sama ada melalui penulisan akademik, pembentangan lisan, atau komunikasi digital. Graduan yang fasih dan berkeyakinan akan lebih mudah meyakinkan orang lain serta menonjol dalam temuduga pekerjaan. Komunikasi yang berkesan juga menjadi asas penting dalam membina hubungan profesional dan jaringan kerjaya.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

GRADUAN BERKUALITI: DARI KAMPUS KE DUNIA KERJAYA

A.D Rosilawati Shafaruddin, Salehah Zafirah Zulkepli



Kemahiran kepimpinan dan kerjasama turut menjadi aspek yang perlu diberi perhatian. Penglibatan pelajar dalam aktiviti berkumpulan, persatuan, dan program kokurikulum memberi peluang untuk memupuk semangat bekerja secara berpasukan, mengurus konflik, serta membuat keputusan bersama. Individu yang memiliki ciri kepimpinan bukan sahaja berpotensi menjadi pemimpin masyarakat, tetapi juga mampu memberi sumbangan bermakna dalam organisasi tempat mereka berkhidmat kelak.

Pengurusan masa dan disiplin diri juga merupakan kemahiran asas yang tidak boleh diabaikan. Pelajar universiti berdepan pelbagai tuntutan akademik, kokurikulum, dan tanggungjawab peribadi. Justeru, kebolehan mengatur jadual, menyelesaikan tugasan tepat pada waktunya, serta memberi keutamaan kepada perkara penting akan membantu mereka mengelakkan tekanan dan meningkatkan produktiviti. Graduan yang berdisiplin lazimnya lebih dihargai oleh majikan kerana mampu bekerja secara sistematik dan konsisten.

Akhir sekali, nilai etika dan tanggungjawab sosial perlu diterapkan dalam diri pelajar universiti. Kejujuran akademik, sikap prihatin terhadap masyarakat, dan kesedaran terhadap isu alam sekitar adalah aspek yang mencorakkan keperibadian seorang graduan. Universiti bukan sekadar melahirkan individu yang berilmu, tetapi juga insan yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab kepada bangsa serta negara.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KEAJAIBAN MEMBACA: MENGASAH AKAL FIKIRAN DAN MEMBUKA DIMENSI BARU

Fatin Nabihah Mohd Taha



Membaca menyimpan manfaat besar yang secara langsung mempengaruhi perkembangan dan kesihatan akal fikiran kita. Seperti senaman untuk tubuh badan, membaca adalah senaman untuk otak. Membaca bukan sahaja menambah pengetahuan, malah mengubah cara kita berfikir dan melihat dunia.

Apabila membaca, otak akan bekerja lebih keras. Kita perlu memproses perkataan, membayangkan jalan cerita, dan juga mengingati butiran-butiran penting. Aktiviti mental yang aktif ini membantu meningkatkan sambungan neuron, menjadikan otak lebih cekap dan fleksibel. Bagi mereka yang membaca secara konsisten, daya ingatan akan cenderung lebih baik dan risiko penyakit berkaitan penurunan fungsi kognitif seperti dementia akan dapat dikurangkan.

Membaca membolehkan kita ‘hidup’ dalam dunia watak-watak yang berbeza. Kita merasai kegembiraan, kesedihan, dan perjuangan mereka. Pengalaman ini membantu kita mengembangkan empati, iaitu keupayaan untuk memahami dan berkongsi perasaan orang lain. Membaca membuka minda kita kepada perspektif yang berbeza, memecahkan prasangka, dan menjadikan kita lebih peka terhadap kepelbagaian pengalaman manusia. Empati adalah kunci untuk membina hubungan yang sihat dan masyarakat yang harmoni.

Dalam era digital yang serba pantas, perhatian kita sering kali terganggu oleh notifikasi dan kepelbagaian skrin. Membaca buku memerlukan kita untuk fokus pada satu perkara untuk tempoh yang lama. Amalan ini melatih otak untuk mengekalkan konsentrasi, satu kemahiran yang amat berharga dalam dunia yang penuh dengan gangguan.



Membaca adalah salah satu cara terbaik untuk melarikan diri dari tekanan harian. Hanya dengan beberapa minit membaca, degupan jantung dan ketegangan otot akan dapat dikurangkan secara signifikan. Memsuki dunia buku yang berbeza membolehkan kita berehat, melupakan kebimbangan, dan mengembalikan ketenangan minda. Membaca adalah terapi semula jadi yang boleh diakses oleh sesiapa sahaja, pada bila-bila masa.

Membaca adalah pelaburan untuk akal fikiran kita. Dengan setiap lembaran buku yang kita buka, kita bukan sahaja memperoleh ilmu, tetapi juga menguatkan otak, meluaskan empati, dan menemukan ketenangan.

Mulakan hari ini. Ambil sebuah buku, dan rasai sendiri keajaiban yang dibawanya kepada akal fikiran dan jiwa anda.

Sumber gambar: Google

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KEAJAIBAN ULAM-ULAMAN TEMPATAN: KHASIAT TERSEMBUNYI DI SEBALIK DAUN HIJAU

Musmailina Mustafa Kamal, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman, Nur Eyliawati Japelus

Di negara kita, ulam-ulaman bukanlah sesuatu yang asing. Ia sering menjadi pelengkap hidangan, menemani nasi dan lauk-pauk lain, terutamanya hidangan kampung. Namun, di sebalik kesegaran dan kerangupan rasanya, tersimpan khasiat luar biasa yang sering kita pandang remeh. Ulam-ulaman tempatan adalah superfood sebenar yang boleh memberi impak besar kepada kesihatan kita.

Perisai Semulajadi Melawan Penyakit

Ulam-ulaman kaya dengan antioksidan, sebatian penting yang berfungsi sebagai perisai kepada sel-sel badan kita daripada kerosakan akibat radikal bebas. Kerosakan sel ini boleh menyumbang kepada pelbagai penyakit kronik, termasuk kanser dan penyakit jantung. Sebagai contoh, ulam raja dikenali sebagai salah satu ulam yang paling tinggi kandungan antioksidannya, menjadikannya pilihan bijak untuk melindungi diri anda. Begitu juga pucuk pegaga, yang bukan sahaja kaya antioksidan, malah mempunyai sifat anti-radang yang dapat membantu mengurangkan bengkak dan kesakitan. Selain itu, daun kaduk yang mengandungi sebatian, dapat membantu mengurangkan risiko penyakit jantung dan masalah kardiovaskular yang berkaitan dengan paras kolesterol tinggi.

Makanan Terbaik untuk Otak dan Penghadaman

Ulam juga boleh meningkatkan daya ingatan dan fokus. Ulam pucuk pegaga telah lama digunakan secara tradisional kerana dipercayai dapat meningkatkan daya ingatan. Selain itu, ulam-ulaman juga merupakan sumber serat yang sangat baik. Serat adalah kunci kepada sistem penghadaman yang sihat.



Ia membantu melancarkan pergerakan usus, mencegah sembelit, dan memastikan usus kita berfungsi dengan baik. Daun selom, kacang botol dan tauge, misalnya, kaya dengan serat yang dapat membantu kelancaran usus dan proses pencernaan.

Pengawal Gula dan Tekanan Darah

Bagi mereka yang prihatin dengan paras gula dalam darah, beberapa ulam tempatan boleh menjadi penawar semulajadi. Kajian menunjukkan ulam raja dan daun selom berpotensi membantu mengawal paras gula dalam darah, menjadikannya sesuai untuk pesakit diabetes. Selain itu, ulam raja juga diketahui boleh membantu mengawal tekanan darah tinggi, salah satu masalah kesihatan yang sering melanda masyarakat di masa kini.

Secara ringkasnya, ulam-ulaman tempatan bukan sekadar penambah rasa dalam hidangan. Ia adalah khazanah alam yang menawarkan pelbagai manfaat kesihatan, daripada melindungi sel badan, meningkatkan fungsi otak, sehinggalah membantu mengawal penyakit kronik. Jadi, marilah kita hargai dan jadikan ulam-ulaman sebagai sebahagian daripada gaya hidup sihat kita.

Rujukan

Aman, R. (2018). Ulam dan Sayur Tempatan Semenanjung Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad, N. I., & A. A. (2010). Tabiat Pengambilan Ulam-Ulaman di Kalangan Orang Dewasa Pelbagai Etnik di Selangor. Jurnal Sains Kesihatan Malaysia.

Ulam bantu tingkatkan daya tahan tubuh, cegah penyakit. (2025, January 21). Berita Harian.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KEPENTINGAN SISTEM MAKLUMAT DALAM DUNIA PERAKAUNAN

Filouz Hashim, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman, Fatimah Hashim



Perkembangan teknologi maklumat telah mengubah cara organisasi mengurus dan melaporkan kewangan mereka. Dalam dunia perakaunan, penggunaan sistem maklumat perakaunan (*Accounting Information System* (AIS)) menjadi satu keperluan penting bagi memastikan proses kewangan dijalankan secara lebih sistematik dan efisien. Sistem ini bukan sahaja membantu dalam merekod dan menyimpan data, tetapi juga menyokong analisis kewangan serta pembuatan keputusan strategik oleh pihak pengurusan.

Sistem maklumat meningkatkan kecekapan operasi perakaunan. Tugas rutin seperti merekod transaksi, menyediakan penyata kewangan, dan membuat laporan bulanan dapat dijalankan dengan lebih cepat melalui proses automasi. Hal ini membolehkan akauntan menumpukan perhatian kepada analisis dan perancangan kewangan yang lebih strategik.

AIS menjamin ketepatan dan kebolehpercayaan data kewangan. Data yang direkod secara automatik mengurangkan risiko kesilapan manusia serta memastikan maklumat yang dihasilkan tepat dan konsisten. Ketepatan ini penting bagi membolehkan syarikat membuat keputusan berdasarkan maklumat yang sahih, sekali gus meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan.

KEPENTINGAN SISTEM MAKLUMAT DALAM DUNIA PERAKAUNAN

Seterusnya, AIS menyumbang kepada kawalan dalaman dan keselamatan data. Setiap transaksi yang direkod dapat dijejaki melalui *audit trail*, seterusnya membantu dalam pengesanan penipuan atau salah laku kewangan. Selain itu, integrasi teknologi moden, seperti pengkomputeran awan membolehkan capaian data dibuat dengan lebih mudah tanpa mengabaikan aspek keselamatan maklumat.

Secara keseluruhannya, sistem maklumat dalam dunia perakaunan memainkan peranan yang kritikal dalam meningkatkan kecekapan, ketepatan, serta keselamatan maklumat kewangan sesebuah organisasi. Penggunaannya bukan sekadar memudahkan kerja akauntan, malah menyokong pengurusan kewangan yang telus dan berkesan. Dalam era persaingan global, penguasaan sistem maklumat perakaunan menjadi satu keperluan penting untuk kelangsungan dan kejayaan sesebuah perniagaan.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MAKANLAH KATAK ITU!!!

Dr. Nor Hafizah Abd Mansor, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman, Musmailina Mustafa Kamal


MAKANLAH KATAK ITU! Itulah saranan Brian Tracy yang merupakan penulis buku *Eat That Frog!* Bukan beliau suruh makan katak betul-betul, tetapi ianya merupakan panduan praktikal untuk meningkatkan produktiviti dan mengatasi tabiat bertangguh. Tajuknya sendiri menggunakan metafora “makan katak”, yang merujuk kepada tugas paling besar, sukar, atau penting dalam hidup dan kerja kita - tugas yang sering kita elak. Bagaimanapun, jika tugas-tugas ini diselesaikan lebih awal, akan memberi kesan positif besar terhadap pencapaian.

Tracy menekankan bahawa kunci utama kejayaan bukanlah bekerja lebih keras atau lebih lama, tetapi bekerja lebih pintar dengan mendahulukan tugasan yang paling bernilai. Beliau menjelaskan bahawa setiap hari kita mempunyai banyak perkara untuk dilakukan, namun tidak semua tugasan memberikan impak yang sama. Justeru, kita perlu bijak membezakan antara perkara penting dan perkara remeh. Di sinilah prinsip 80/20 diaplikasika, iaitu 20% daripada usaha kita biasanya menghasilkan 80% daripada hasil. Jika kita mampu mengenal pasti dan fokus pada 20% itu, produktiviti kita akan meningkat dengan ketara. Kejayaan bergantung pada keupayaan kita mendahulukan perkara penting berbanding hal remeh.

Antara idea utama buku ini:

1. **Makan katak paling besar dahulu:** Mulakan hari dengan tugas paling penting.
2. **Perancangan yang jelas**Buat senarai tugasan dan rancang sehari lebih awal. Tracy mencadangkan kepentingan perancangan harian dengan menulis senarai tugasan pada malam sebelumnya. Dengan itu, kita akan memulakan hari dengan jelas tentang apa yang perlu diselesaikan.

1. **Aturan keutamaan (Kaedah 80/20):** *Pareto Principle* ini berhujah bahawa 20% tugasan biasanya menghasilkan 80% hasil. Fokus pada yang memberi impak.
2. **Kekuatan disiplin diri**: Latih diri untuk konsisten melawan sikap bertangguh. Disiplin diri menjadi tunjang utama dalam mengaplikasikan konsep "makan katak".
3. **Pecahkan tugas besar jadi kecil**: Tracy menasihatkan supaya tugas-tugas besar dipecahkan menjadi bahagian kecil yang lebih mudah diurus. Apabila sesuatu tugasan besar kelihatan tidak terlalu membebankan, ia lebih senang untuk dimulakan, sekali gus mengurangkan kecenderungan untuk menangguh.
4. **Gunakan teknologi secara bijak**: Elakkan gangguan dan gunakan alat digital untuk mempercepat kerja, bukan melalaikan.
5. **Belajar berkata "tidak"**: Jangan bazir masa pada perkara yang tidak penting.



Sebagai penutup, mesej utama buku ini ialah jika kita mampu memulakan hari dengan menyelesaikan tugasan paling penting, atau katak yang besar, segalanya akan menjadi lebih mudah selepas itu. Bila kita sanggup selesaikan tugas paling sukar terlebih dahulu, hari kita akan lebih mudah dan produktif.

Rujukan Tracy, B. (2007). Eat that frog!: 21 great ways to stop procrastinating and get more done in less time (2nd ed.). Berrett-Koehler Publishers.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MEMAHAMI EKZEMA: PUNCA, PENJAGAAN DAN ALTERNATIF TANPA STEROID

Fatin Nabihah Mohd Taha

Ekzema, atau dermatitis atopic, adalah keadaan kulit yang sering dicirikan sebagai kulit kering, gatal, kemerahan atau kadang kala bersisik. Keadaan ini menyebabkan ketidakselesaan kepada penghidap ekzema. Walaupun steroid topikal sering disyorkan untuk mengawal simptom, ramai yang mencari pendekatan alternatif yang lebih bersifat holistik dan selamat untuk kegunaan jangka panjang.

Ekzema bukanlah disebabkan oleh satu faktor tunggal sahaja, sebaliknya ekzema adalah hasil daripada kombinasi beberapa elemen. Memahami puncanya adalah langkah pertama untuk mengawal ekzema secara berkesan. Faktor pertama adalah faktor genetik. Jika ahli keluarga mempunyai sejarah ekzema, asma atau alahan (atopi), risiko untuk mendapat ekzema adalah lebih tinggi. Ini menunjukkan peranan penting genetik dalam kelemahan fungsi pelindung kulit. Faktor kedua adalah fungsi pelindung kulit *(skin barrier)* yang rosak. Kulit berfungsi sebagai penghalang untuk mengekalkan kelembapan dan melindungi daripada penceroboh luar, seperti alergen, bakteria dan bahan kimia. Individu yang menghidap ekzema, pelindung kulit ini lemah yang akan menyebabkan kulit mudah kering dan sensitif.

Seterusnya, sistem imun yang terlebih aktif menyebabkan reaksi imun yang berlebihan menjadi faktor yang menyebabkan keradangan pada kulit. Ini menjelaskan mengapa kulit menjadi merah dan gatal. Sesetengah individu juga menjadi alah kepada makanan tertentu, seperti produk tenusu, telur, kacang, atau gandum, yang mencetuskan *flare-up* kepada ekzema. Penting untuk memerhatikan dan mengenal pasti makanan yang mungkin akan mencetuskan keradangan pada kulit penghidap ekzema.

Walaupun steroid topical adalah rawatan yang berkesan untuk kes-kes ekzema yang teruk, penggunaan secara berterusan boleh menyebabkan penipisan pada kulit dan juga kesan sampingan yang lain.

Antara cara alternatif untuk menguruskan ekzema secara semula jadi adalah dengan memastikan kelembapan pada kulit. Ini adalah kunci terpenting dalam penjagaan ekzema. Gunakan pelembap yang tebal dan bebas pewangi secara kerap, terutamanya selepas mandi. Pelembap yang mengandungi bahan seperti ceramide, asid hialuronik atau gliserin membantu mengunci kelembapan dan memulihkan fungsi pelindung kulit.

Gatal adalah simptom yang paling menganggu untuk setiap penghidap ekzema. Untuk mengawalnya tanpa menggaru, penghidap ekzema boleh meletakkan pek sejuk atau tuala lembap pada kawasan yang gatal untuk memberi keselesaan segera. Selain itu, minyak kelapa dara (VCO) mempunyai sifat anti-radang dan anti-bakteria yang boleh membantu menenangkan kulit. Suplemen seperti probiotik dan minyak ikan (Omega-3) juga boleh membantu mengurangkan keradangan dan meningkatkan kesihatan kulit dari dalam.

Hidup dengan ekzema boleh menjadi satu cabaran, tetapi itu bukanlah penamat segalanya. Dengan pendekatan yang holistik dan fokus pada penjagaan diri, ekzema boleh dikawal sepenuhnya tanpa steroid. Dengarkan isyarat dari kulit dan bersabarlah dalam mencari rutin yang terbaik. Perjalanan ini adalah perjalanan membina hubungan yang lebih sihat dengan kulit.



Sumber gambar: Google

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MENGESAN PENIPUAN KEWANGAN: PERANAN PENTING KECERDASAN BUATAN (AI)

Musmailina Mustafa Kamal, Dr. Nor Hafizah Abd Mansor, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman

Dalam dunia kewangan yang semakin berteraskan digital, ancaman penipuan kewangan *(financial fraud)* sentiasa berkembang dan menjadi lebih canggih. Bank dan institusi kewangan berdepan cabaran besar untuk mengesan dan mencegah penipuan ini. Secara tradisinya, mereka bergantung pada peraturan manual dan analisis yang memakan masa, yang sering kali ketinggalan di belakang taktik penipu yang semakin licik.

Namun begitu, kehadiran kecerdasan buatan (AI) telah merevolusikan cara penipuan kewangan. AI tidak lagi sekadar gimik teknologi, ia adalah alat kritikal yang dapat membantu institusi kewangan melindungi aset pelanggan dan integriti sistem mereka.

Bagaimana AI Berfungsi dalam Pengesanan Penipuan?

AI, terutamanya melalui penggunaan pembelajaran mesin *(machine learning),* dapat menganalisis sejumlah besar data dengan kelajuan dan ketepatan yang tidak dapat ditandingi oleh manusia.



Berikut adalah beberapa cara AI berfungsi:

- **Pengenalan Corak *(Pattern Recognition)***
  Sistem AI dilatih menggunakan data transaksi sejarah, termasuk transaksi yang sah dan yang dikenal pasti sebagai penipuan. Dengan mempelajari corak dalam data ini, AI dapat mengenal pasti tingkah laku yang luar biasa.

- **Analisis Gelagat (Behavioral Analysis)**
  AI bukan sekadar melihat jumlah atau lokasi transaksi. Ia juga menganalisis gelagat pengguna secara keseluruhan, termasuk masa transaksi, jenis peranti yang digunakan, dan frekuensi pembelian. Ini membolehkan AI membina profil normal untuk setiap pengguna. Apabila gelagat menyimpang dari profil ini, AI akan menganggapnya sebagai mencurigakan.

- **Pembelajaran Berterusan *(Continuous Learning)***

Salah satu kelebihan utama AI ialah keupayaannya untuk belajar secara berterusan. Apabila penipu mengubah taktik, model AI dapat dikemas kini dengan data baharu dan melaraskan algoritmanya untuk mengesan corak penipuan yang baharu dan lebih canggih. Ini menjadikannya sentiasa selangkah di hadapan penipu.

Manfaat Utama Penggunaan AI

Penggunaan AI dalam pengesanan penipuan menawarkan beberapa manfaat ketara. AI berupaya menganalisis transaksi dalam masa nyata *(Real-time Detection).* Ini membolehkan institusi kewangan bertindak pantas untuk membekukan akaun atau menghubungi pelanggan sebelum kerosakan yang lebih besar berlaku. AI juga mengesan penipuan dengan ketepatan yang lebih tinggi berbanding dengan pengesanan manual. AI mempunyai kadar pengesanan positif palsu *(false positive)* yang lebih rendah. Ini bermakna ia kurang kerap menandakan transaksi yang sah sebagai penipuan.

Walaupun AI menawarkan penyelesaian yang berkesan dalam mengesan penipuan kewangan, ia tidak datang tanpa cabaran. Antara cabaran utama termasuk kos pengendalian yang tinggi, keperluan untuk data berkualiti tinggi untuk melatih model, isu privasi data, dan keupayaan untuk menangani taktik penipuan yang baharu dan tidak dijangka.

Rujukan

Majlis Keselamatan Negara, (2024, November 17). Bagaimana AI boleh menambahbaik kehidupan seharian manusia. Majlis Keselamatan Negara. https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/11/17/bagaimana-ai-boleh-menambahbaik-kehidupan-seharian-manusia/

Mohamad Ali, N. A. (2023). Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence): Transformasi Sektor

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

NHA TRANG: PEARL OF THE EAST SEA

Syed Khusairi Tuan Azam

Menyelami keindahan negara orang sentiasa menjadi satu pengalaman yang sukar dilupakan. Bagi saya, Nha Trang – yang digelar Mutiara Laut Timur – hadir dengan keindahan alam semula jadi yang memukau serta menjadi antara destinasi pelancongan pantai paling terkenal di Vietnam. Perjalanan saya ke sini telah membuka lembaran kenangan manis yang sukar digambarkan dengan kata-kata.

Nha Trang menjadi pilihan kerana keunikan sebuah bandar tepi pantai yang menawarkan pelbagai tarikan menarik. Antara yang paling menonjol adalah Vinpearl Land Nha Trang, taman tema terbesar yang terletak di sebuah pulau dan dihubungkan melalui salah satu *cable car* terpanjang di dunia yang merentasi laut sejauh 3.3 km. Perjalanan ke sana sendiri sudah menjadi pengalaman unik – merentasi Teluk Nha Trang menggunakan *cable car*, sambil menikmati panorama laut biru dan bot-bot kecil yang berlayar di bawah.






Setibanya di Vinpearl Land, dunia hiburan menanti di setiap penjuru. Adventure Land memacu adrenalin dengan pelbagai permainan lasak bertaraf antarabangsa, manakala King's Garden, sebuah zoo mini, memperkenalkan pengunjung kepada pelbagai spesies haiwan unik disertai pertunjukan burung yang menghiburkan.

Bagi pencinta air, The Island Water Park menyajikan pelbagai permainan air yang menyeronokkan – sesuai untuk kanak-kanak mahupun orang dewasa. Tidak ketinggalan, Sea World menyingkap dunia marin dengan akuarium yang menempatkan pelbagai hidupan laut eksotik, lengkap dengan pertunjukan lumba-lumba dan anjing laut yang memukau.

Keseluruhannya, lawatan ke Nha Trang ini benar-benar meninggalkan memori berharga – sebuah pengalaman menyeluruh yang menggabungkan keindahan semula jadi, hiburan keluarga, dan kenangan yang akan terus segar dalam ingatan







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENGURUSAN AUDIT DALAM DI SESEBUAH ORGANISASI

Henny Hazliza Mohd Tahir, Mas Ervina Samsuddin

Audit dalam ialah mekanisme kawalan penting yang memastikan organisasi beroperasi secara cekap, berkesan dan mematuhi undang-undang. Peranannya kini melangkaui pemeriksaan kewangan dengan merangkumi penilaian operasi, pengurusan risiko dan tadbir urus. Dalam era korporat kini, audit dalam menjadi instrumen strategik yang menyokong ketelusan, integriti dan keberkesanan pengurusan (Institute of Internal Auditors [IIA], 2017).

Pelaksanaan audit dalam melibatkan pelbagai pihak. Jawatankuasa audit berperanan memastikan fungsi audit dijalankan secara bebas dan objektif. Ketua Audit Dalam pula merangka pelan audit tahunan serta mengetuai pasukan, manakala auditor dalam melaksanakan semakan dokumen, pemeriksaan dan temu bual. Pengurusan kanan bertanggungjawab melaksanakan cadangan penambahbaikan, manakala pekerja memberi kerjasama dengan menyediakan maklumat yang diperlukan (Mat Zain, Subramaniam, & Stewart, 2006).



Rajah 1: Langkah-langkah dalam proses audit dalam secara sistematik

Proses audit berlaku secara sistematik melalui beberapa peringkat (rujuk Rajah 1). Ia bermula dengan perancangan skop dan objektif berdasarkan analisis risiko, diikuti pelaksanaan semakan dan pemerhatian. Penemuan seterusnya didokumentasikan dalam laporan rasmi yang dibentangkan kepada jawatankuasa audit dan pengurusan. Proses ini diikuti dengan tindakan susulan dan penilaian semula bagi memastikan keberkesanan cadangan



Kepentingan audit dalam terhadap organisasi sangat besar. Ia memastikan kawalan dalaman kukuh untuk mencegah penyelewengan dan kesilapan (Spencer Pickett, 2010). Audit dalam juga menyokong pengurusan risiko dengan mengenal pasti ancaman lebih awal bagi membolehkan langkah mitigasi diambil (IIA, 2017). Selain itu, ia memastikan pematuhan undang-undang, piawaian dan polisi dalaman, seterusnya melindungi organisasi daripada tindakan undang-undang.

Audit dalam turut meningkatkan kecekapan operasi melalui cadangan penambahbaikan, serta menambah keyakinan pelabur, pemegang saham dan pengawal selia. Secara keseluruhan, audit dalam mengukuhkan tadbir urus korporat dengan memastikan pengurusan bertindak demi kepentingan organisasi (Mat Zain et al., 2006).

Rujukan:

Institute of Internal Auditors. (2017). International professional practices framework (IPPF). Altamonte Springs, FL: The IIA Research Foundation.

Mat Zain, M., Subramaniam, N., & Stewart, J. (2006). Internal auditors' assessment of their contribution to financial statement audits: The relation with audit committee and internal audit function characteristics. International Journal of Auditing, 10(1), 1–18. https://doi.org/10.1111/j.1099-1123.2006.00306.x

Sarens, G., & Abdolmohammadi, M. J. (2011). Monitoring effects of the internal audit function: Agency theory versus other explanatory variables. International Journal of Auditing, 15(1), 1–20. https://doi.org/10.1111/j.1099-1123.2010.00419.x

Spencer Pickett, K. H. (2010). The internal auditing handbook (3rd ed.). John Wiley & Sons.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PERANAN IBU BAPA: MENCEGAH BULI BERMULA DI RUMAH

Musmailina Mustafa Kamal, Dr. Nor Hafizah Abd Mansor, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman

Buli merupakan isu serius yang boleh memberi kesan mendalam kepada mangsa, pembuli, dan komuniti sekeliling. Walaupun isu ini sering dikaitkan dengan persekitaran sekolah, peranan ibu bapa dalam mencegah buli adalah sangat penting dan bermula dari rumah. Dengan membentuk persekitaran rumah yang sihat dan penuh kasih sayang, kita dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri anak-anak dan membina benteng pertahanan awal terhadap tingkah laku buli.

Ibu Bapa sebagai Contoh Teladan

Anak-anak akan meniru tingkah laku ibubapa. Mereka memerhatikan setiap tingkah laku dan cara kita berinteraksi dengan orang lain. Oleh itu, ibu bapa perlu menunjukkan tingkah laku yang penuh hormat dan empati dalam setiap pergaulan harian. Elakkan daripada menggunakan bahasa yang kasar atau merendahkan orang lain, walaupun dalam gurauan. Tunjukkan bahawa anda menghargai perbezaan dan sentiasa sedia membantu orang lain yang dalam kesusahan. Apabila anak melihat anda menyelesaikan konflik dengan cara yang tenang dan membina, mereka akan belajar untuk melakukan perkara yang sama.

Pupuk Sifat Empati dan Kasih Sayang

Empati adalah keupayaan untuk memahami dan berkongsi perasaan orang lain. Ia adalah kunci untuk mencegah buli. Ajar anak anda untuk meletakkan diri mereka di tempat orang lain. Membina empati akan membantu anak-anak memahami kesan perbuatan mereka terhadap orang lain dan mengelakkan mereka daripada menyakiti orang lain.



Komunikasi Terbuka dan Jujur

Bina hubungan yang kukuh dengan anak anda melalui komunikasi yang terbuka dan jujur. Wujudkan ruang di mana anak-anak berasa selamat untuk berkongsi perasaan, kebimbangan, dan masalah mereka tanpa rasa takut dihakimi. Jika anak anda mendedahkan bahawa mereka dibuli, yakinkan mereka bahawa anda akan sentiasa berada di sisi mereka dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Peraturan Tegas dan Batasan yang Jelas

Setiap keluarga perlu mempunyai peraturan yang jelas mengenai tingkah laku yang boleh diterima dan tidak boleh diterima. Tegaskan bahawa keganasan, termasuk buli fizikal dan verbal, tidak boleh diterima sama sekali. Pastikan anak anda memahami akibat daripada perbuatan mereka jika mereka melanggar peraturan ini.

Pantau Penggunaan Media Sosial dan Internet

Buli siber adalah fenomena yang semakin berleluasa. Oleh itu, pantau aktiviti anak-anak anda di media sosial dan internet. Pastikan mereka faham bahawa perkataan yang ditulis dalam talian juga boleh menyakitkan hati orang lain.

Mencegah buli adalah satu usaha berterusan yang memerlukan kerjasama semua pihak. Ia bermula dari rumah, dengan memberikan anak-anak kita asas yang kukuh, kita bukan sahaja melindungi mereka daripada menjadi mangsa atau pembuli, tetapi juga membentuk mereka menjadi individu yang lebih baik, penuh dengan empati, dan bertanggungjawab kepada masyarakat.

Rujukan:

Ahmad Sabri, N. N. (27 Disember, 2023). Guru, Ibu Bapa Main Peranan Penting Banteras Buli Di Sekolah. Berita Harian.

Majlis Keselamatan Negara (13 Ogos, 2025) Majlis Keselamatan Negara: https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/08/13/anak-anak-menghadapi-buli-siber-apakah-peranan-ibu-bapa/

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PERISIAN PERAKAUNAN DI MALAYSIA: EVOLUSI DAN CABARAN MASA KINI

Emelin Abdul Wahid

Dalam era ekonomi digital yang semakin berkembang pesat, perisian perakaunan memainkan peranan penting dalam operasi perniagaan moden. Ia menggantikan kaedah manual, mempertingkatkan ketepatan, mengautomasikan proses kewangan dan menyediakan maklumat masa nyata bagi membantu pengambilan keputusan yang lebih tepat. Sistem ini kini turut bersepadu dengan fungsi seperti penggajian, inventori dan cukai, seterusnya menyumbang kepada kecekapan dan pematuhan perniagaan.

Di Malaysia, penggunaan perisian perakaunan bermula pada 1980-an ketika perniagaan masih bergantung kepada buku kira-kira manual dan aplikasi hamparan *(spreadsheet)* seperti Microsoft Excel. Pakej asas seperti UBS Accounting dan MYOB diperkenalkan oleh vendor tempatan, namun penerimaannya agak perlahan disebabkan oleh kos yang tinggi serta tahap literasi IT yang rendah pada masa itu.

Memasuki era 2000-an, sistem perakaunan berasaskan desktop seperti SQL Accounting, Million Accounting, AutoCount, UBS dan MYOB mula mendapat sambutan lebih luas, terutama dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Perisian ini menawarkan modul tambahan seperti penggajian dan pengurusan inventori, yang membantu meningkatkan kecekapan dan kebolehpercayaan sistem perakaunan sedia ada.

Transformasi digital hari ini telah mendorong peralihan kepada perisian berasaskan awan, termasuk AutoCount Cloud, Financio, QuickBooks Online, Xero dan Wave. Platform-platform ini menyokong fungsi seperti e-pembayaran, akses mudah alih dan pematuhan kepada mandat e-Invois yang dikuatkuasakan oleh LHDN antara tahun 2024 hingga 2027. Vendor tempatan bersaing dengan jenama global dengan menawarkan ciri yang disesuaikan untuk keperluan perniagaan Malaysia. Kerajaan turut menyokong usaha ini melalui Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan pemberian geran pendigitalan oleh agensi seperti MDEC, BSN dan SME Corp. Pandemik COVID-19 juga mempercepatkan peralihan kepada sistem awan kerana keperluan untuk akses jarak jauh.

Walau bagaimanapun, cabaran teknologi baharu masih wujud, terutama dari segi keselamatan siber. Dengan data kewangan yang disimpan di pelayan awan, perniagaan bimbang terhadap risiko penggodaman dan kebocoran data. Maka, keyakinan terhadap vendor dan perlindungan data yang kukuh amat penting.

Kemunculan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan *blockchain* turut merubah landskap perakaunan digital. AI digunakan dalam tugas seperti pengkategorian perbelanjaan, pengesanan penipuan dan analitik ramalan, manakala *blockchain* menawarkan pelaporan kewangan yang lebih telus dan selamat. Namun, penggunaan teknologi ini memerlukan pelaburan besar, latihan dan peningkatan kesedaran dalam kalangan pengguna.

Jurang kemahiran digital juga merupakan cabaran utama. Ramai PKS masih bergantung kepada kaedah tradisional dan kekurangan tenaga kerja yang mahir. Malah, graduan baru juga kurang pendedahan terhadap teknologi baharu, yang memperlahankan penerimaan teknologi.

Mandat sistem e-invois oleh LHDN menambah satu lagi tekanan ke atas perniagaan. Mereka kini diwajibkan mengesahkan invois secara masa nyata. Syarikat yang masih menggunakan sistem manual perlu beralih kepada platform patuh, atau berdepan penalti. Walaupun sistem ini dapat meningkatkan ketelusan, ia turut membawa cabaran dari segi kos dan operasi dalam jangka masa pendek.

Kesimpulannya, perisian perakaunan di Malaysia telah berkembang daripada sistem asas kepada platform bersepadu dan moden berasaskan awan. Sokongan kerajaan dan desakan peraturan mempercepatkan penggunaannya, namun isu keselamatan, kemahiran dan perubahan teknologi masih perlu diberi perhatian. Dalam dunia digital hari ini, peranan akauntan telah berubah menjadi penasihat strategik yang diperkasa oleh teknologi.

Rujukan:

1. Sharifah Robiah, S. A., & Noorhayati, M. Y. (2017). *The Challenges in Implementation of Accounting Software System in Malaysia*. Quantum Journal of Social Sciences and Humanities, 3(5), 94–106. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/364545309_THE_CHALLENGES_IN_IMPLEMENTATION_OF_ACCOUNTING_SOFTWARE_SYSTEM_IN_MALAYSIA
2. HashMicro. (2025). *21 Best Accounting Software in Malaysia*. Retrieved from https://www.hashmicro.com/my/blog/best-accounting-software/
3. Focus Softnet. (2024). *What is the Impact of Electronic Invoicing on Businesses in Malaysia?* Retrieved from https://www.focussoftnet.com/blogs/e-invoicing-impact-malaysian-businesses
4. Razali, S. R., & Sam, S. M. (2022). *Talent Shortage: Crisis in Malaysia's Accounting & Auditing Industry*. International Journal of Research and Innovation in Social Science, 6(10), 570–575.
5. ACCA. (2024). *The Digital Accountant*. Retrieved from https://www.accaglobal.com/content/dam/ACCA_Global/professional-insights/digital_accountant/pi-digital-accountant.pdf

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TABIAT ATOMIK SEBAGAI EJEN PENGURUSAN SIKAP

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman, Muhamad Ashaari Sukar, Juyati Mohd Amin

Perubahan kecil (1 peratus sehari) mampu menghasilkan kesan besar dalam jangka masa panjang. Teori ini diketengahkan oleh James Clear, yang menukilkan "*Atomic Habits: An Easy & Proven Way to Build Good Habits and Break Bad Ones*" (2018). Beliau menekankan bahawa kejayaan individu ditentukan oleh tabiat atau sistem harian yang konsisten, bukan hanya motivasi atau matlamat. Beliau memperkenalkan konsep *compound effect*, iaitu perubahan kecil sebanyak 1% setiap hari mampu menghasilkan kesan berganda yang besar dalam jangka masa panjang. James Clear berhujah, sekiranya kita boleh perbaiki hidup walaupun 1% setiap hari, kesannya akan berganda bila dikumpul setahun, lima tahun, mahupun sepuluh tahun. Sama juga kalau kita biarkan tabiat buruk 1% setiap hari, lama-lama ia membawa kita jauh dari kejayaan.

Buku ini menggariskan kerangka Empat Undang-undang Perubahan Tabiat (*Four Laws of Behavior Change)* sebagai panduan praktikal:


1. ***Make It Obvious / Jadikannya Jelas*:**
   - Mencipta persekitaran yang mendorong tabiat positif melalui isyarat visual.
   - Kalau nak mula tabiat baik, buat ia mudah dilihat. Contoh: letakkan botol air di atas meja supaya ingat untuk minum.
2. **Make It Attractive / Jadikannya menarik*:***
   - Mengaitkan tabiat dengan ganjaran atau aktiviti yang menyeronokkan untuk meningkatkan motivasi.
   - Gabungkan tabiat baik dengan benda yang kita suka. Contoh: dengar muzik kegemaran hanya bila pergi *jogging*.
3. ***Make it easy / Jadikannya mudah :***
   - Mengurangkan halangan dengan memecahkan tabiat kepada tindakan kecil yang mudah dilakukan.
   - Kecilkan tabiat - mula dengan versi paling ringkas *(2-minute rule).*
   - Kurangkan geseran (contoh: permudahkan proses. Kalau ingin mula tabiat membaca, letakkan buku berhampiran dengan katil. Jangan susahkan diri.
   - Automasi tabiat dengan teknologi/alat.

1. ***Make it satisfying*** / Jadikannya memuaskan:
   - Memberi ganjaran segera atau kepuasan jangka pendek bagi menguatkan pengulangan tabiat tersebut.
   - Beri ganjaran kecil bila berjaya buat sesuatu. Bila rasa puas, otak akan ulang tabiat tersebut lagi.

Clear juga tekankan tentang sistem dan matlamat. Ramai orang fokus pada matlamat besar (ingin kurus, kaya, berjaya), tapi sebenarnya yang lebih penting ialah sistem harian. Kalau sistem kita betul, contoh makan sihat, bersenam konsisten, urus masa dengan baik, maka kejayaan akan datang secara automatik.

Buku ni juga mengajar cara untuk memecahkan habit besar jadi versi kecil yang mudah dibuat, dipanggil *atomic habits* (tabiat atomik). Contohnya, kalau nak mula berlari 5 kilometer, jangan paksa terus. Mulakan dengan pakai kasut sukan setiap pagi. Lama-lama, otak akan terbiasa dan ingin menambah langkah seterusnya. Konsep-konsep ini penting untuk diberi perhatian:

- *Identity-based habits:* Dimensi identiti akan membentuk tabiat.
- *Law of least effort:* tabiat mudah lebih konsisten dilakukan.
- *Environment design:* ubah persekitaran untuk memudahkan tabiat baik dan menyukarkan tabiat buruk.
- Tabiat kecil konsisten lebih berkesan daripada usaha besar sekali-sekala.



Secara keseluruhannya, kejayaan bukan hasil satu tinda tindakan kecil yang berulang setiap hari. Jadi, kalau ingin mengubah hidup, jangan menunggu kepada inspirasi besar, sebaliknya mulakan dengan tabiat kecil sekarang, dan biar kesan berganda *(compound effect)* bekerja untuk kita. *"Atomic Habits"* menjadi rujukan penting dalam pembangunan diri, peningkatan tingkah laku, dan pengurusan produktiviti.

Rujukan: Clear, J. (2018). Atomic habits: An easy & proven way to build good habits and break bad ones. Avery.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TEKNIK PEMBELAJARAN INTERAKTIF

A.D. Rosilawati Shafaruddin,Salehah Zafirah Zulkepli

Dalam dunia pendidikan tinggi masa kini, pendekatan pengajaran tradisional yang hanya berpusat kepada pensyarah semakin dipandang tidak lagi mencukupi. Kaedah ceramah semata-mata, walaupun berkesan untuk penyampaian maklumat, seringkali gagal mengekalkan minat dan penglibatan pelajar sepanjang sesi kuliah. Oleh itu, pensyarah digalakkan untuk mengamalkan teknik pembelajaran interaktif di kelas bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan, menyeronokkan, serta relevan dengan keperluan pelajar abad ke-21.

Salah satu teknik yang berkesan ialah penggunaan perbincangan kumpulan kecil atau *group discussion*. Kaedah ini membolehkan pelajar bertukar pandangan, mengemukakan idea, serta menilai hujah rakan-rakan mereka secara kritis. Pensyarah pula bertindak sebagai fasilitator yang memandu perbincangan agar tidak lari daripada topik. Melalui interaksi ini, pelajar bukan sahaja memperoleh pemahaman yang lebih mendalam, malah dapat melatih kemahiran komunikasi, kerjasama, dan kepimpinan. Pelajar juga didapati lebih cenderung menumpukan perhatian jika menggunakan teknik dalam kumpulan.

Selain itu, penggunaan teknologi digital juga menjadi antara teknik interaktif yang popular. Pensyarah boleh memanfaatkan aplikasi seperti *Kahoot!*, *Mentimeter*, atau *Padlet* bagi melibatkan pelajar dalam aktiviti soal jawab, kuiz, dan sesi maklum balas secara langsung. Penggunaan teknologi ini bukan sahaja menambah elemen keseronokan, tetapi juga memberi ruang kepada semua pelajar, termasuk yang pemalu, untuk turut serta dalam pembelajaran. Hal ini menjadikan kelas lebih inklusif dan mengurangkan dominasi oleh segelintir pelajar sahaja.

Teknik *problem-based learning* (PBL) pula menekankan penyelesaian masalah dunia sebenar. Dalam kaedah ini, pensyarah memberikan situasi atau kes kajian yang menuntut pelajar menganalisis, mencari maklumat tambahan, dan mencadangkan penyelesaian. Pendekatan ini melatih pelajar berfikir secara kritis dan kreatif, di samping meningkatkan keupayaan mereka mengaplikasikan teori kepada konteks praktikal. PBL menjadikan pembelajaran lebih bermakna kerana ia menghubungkan teori dengan realiti pekerjaan.

Selain itu, aktiviti simulasi dan main peranan (*role-play*) juga boleh dijadikan teknik pembelajaran interaktif. Misalnya, dalam kursus perundangan, pelajar boleh melakonkan peranan sebagai peguam dan hakim untuk memahami proses perbicaraan. Dalam bidang perniagaan pula, mereka boleh melakukan simulasi sebagai usahawan atau pengurus syarikat. Melalui teknik ini, pelajar bukan sahaja mendapat pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan, tetapi juga menanam keyakinan diri dan meningkatkan daya imaginasi.

Kesimpulannya, pembelajaran interaktif di kelas amat penting dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran pensyarah. Kaedah seperti perbincangan kumpulan, penggunaan teknologi digital, pembelajaran berasaskan masalah, serta aktiviti simulasi mampu menjadikan suasana kelas lebih hidup dan menarik. Dengan itu, pelajar bukan sahaja memperoleh ilmu pengetahuan, tetapi turut membina kemahiran insaniah yang diperlukan untuk kehidupan profesional dan sosial. Sehubungan itu, pensyarah perlu sentiasa kreatif dan inovatif dalam memilih teknik interaktif agar matlamat pendidikan tinggi dapat dicapai dengan lebih berkesan.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TENANG DI KAKI GUNUNG LEDANG

Nuruu Ain Fauzi, Nursyuhada Mohd Taib, A.D Rosilawati Shafaruddin





Selepas penat menanda timbunan kertas jawapan, saya dan rakan-rakan akhirnya mencari ruang untuk melepaskan lelah. Lokasi pilihan kami bukan pusat membeli-belah atau kafe hipster, sebaliknya sebuah destinasi alam semula jadi yang dikenali sebagai kaki Gunung Ledang, Tangkak. Kawasan ini bukan sahaja pintu masuk ke Taman Negara Gunung Ledang, malah menjadi laluan popular bagi penduduk setempat mahupun pengunjung luar yang mahu beriadah. Ramai yang menjadikan laluan kaki gunung ini sebagai lokasi jogging, *briskwalk* atau sekadar "*healing*" untuk menikmati suasana hijau.

Seawal pagi, laluan ini sudah dipenuhi individu dan keluarga yang berjalan santai. Ada yang serius berlari, ada juga yang hanya duduk berbual di tepi laluan sambil menghirup udara segar. Pemandangan Gunung Ledang yang tegak berdiri dengan kehijauan hutan di sekelilingnya memberi rasa kagum yang sukar digambarkan. Dari sudut tertentu, keindahannya bagai sebuah lukisan hidup gabungan warna hijau, biru dan putih kabus yang bergerak perlahan, seakan-akan kanvas alam sedang dilukis di depan mata. Berada di sini terasa seolah-olah kita dibawa masuk ke dalam dunia lain, jauh dari kesesakan jalan raya, dan jauh dari bunyi bising bandar. Hanya kedengaran derapan langkah kaki, kicauan burung, dan sesekali hembusan angin yang menyejukkan. Tidak hairanlah kawasan ini semakin viral sebagai lokasi healing di daerah Tangkak..



Gunung Ledang bukan sekadar lokasi rekreasi, ia turut dikenali melalui hikayat legenda Puteri Gunung Ledang. Kisah ini pernah menjadi buah mulut sejak zaman Kesultanan Melaka, tentang seorang puteri jelita yang menetap di gunung ini dan menolak pinangan Sultan dengan tujuh syarat mustahil. Walaupun sekadar cerita rakyat, hikayat ini memberi warna tersendiri pada Gunung Ledang, menjadikannya bukan sahaja cantik di mata, tetapi juga kaya nilai budaya.

Menariknya, untuk menikmati keindahan Gunung Ledang, kita tidak perlu mendaki hingga ke puncak atau ke kawasan air terjun. Laluan kaki gunung ini sahaja sudah cukup untuk menghadirkan rasa damai. Tidak hairanlah ia menjadi rutin mingguan ramai penduduk setempat, malah ada juga pengunjung dari luar daerah yang sanggup datang semata-mata untuk merasai pengalaman berjalan di laluan ini. Bagi mereka yang ingin berkunjung ke sini, waktu paling sesuai ialah pada awal pagi atau lewat petang. Pada ketika itu udara terasa lebih segar, suasana lebih nyaman, dan cahaya semula jadi menjadikan pemandangan gunung bagai lukisan hidup yang memukau. Kasut yang sesuai sangat penting kerana laluan di kaki gunung ini memang ideal untuk *briskwalk* atau jogging. Bekalan air minuman pula membantu mengekalkan tenaga sepanjang aktiviti riadah. Dan sudah tentu, kamera atau telefon pintar jangan dilupakan kerana di setiap sudut laluan ini ada sahaja pemandangan menarik yang menanti untuk diabadikan.

Bagi saya sendiri, berjalan di kaki Gunung Ledang bukan sekadar aktiviti riadah, tetapi sebuah pengalaman untuk "*reset*" diri. Setiap langkah diiringi rasa syukur, setiap hela nafas terasa lebih ringan. Gunung Ledang bukan hanya sebahagian daripada hikayat lama, tetapi kini menjadi ruang *healing* moden di mana tempat manusia kembali kepada alam. Keindahannya yang bagai lukisan hidup membuatkan kita pulang dengan jiwa yang lebih tenang dan hati yang lebih lapang.


e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

THE POWER OF HABIT (2012): SATU RINGKASAN


Ahmad Marzuki Amiruddin Othman, Muhamad Ashaari Sukar, Juyati Mohd Amin

Charles Duhigg dalam bukunya "*The Power of Habit: Why We Do What We Do in Life and Business*" (2012) menekankan bahawa tabiat (*habits*) ialah asas kepada tingkah laku manusia, organisasi, dan masyarakat. Tabiat merupakan rutin automatik yang menentukan kejayaan atau kejatuhan seseorang individu mahupun syarikat. Untuk mengubah hidup maka tabiat juga harus diubah. Beliau membina hujah bahawa tabiat terbentuk melalui satu mekanisme psikologi yang digelar sebagai *"habit loop"*. Model ini terdiri daripada tiga komponen utama:

1. **Isyarat (*Cue*):** Rangsangan atau pencetus yang mengaktifkan sesuatu tabiat.
2. **Rutin (*Routine*):** Tingkah laku atau tindakan yang dilakukan secara automatik selepas menerima isyarat.
3. **Ganjaran (*Reward*):** Hasil atau kepuasan yang menguatkan tabiat tersebut untuk berulang pada masa akan datang.



Tabiat kecil akan menghasilkan kesan besar bila dilakukan secara konsisten, seperti tabiat jogging, makan makanan sihat, dan menulis jurnal. Duhigg berpendapat bahawa perubahan tingkah laku dapat dicapai dengan mengenal pasti isyarat dan ganjaran, kemudian menukar rutin yang menghubungkannya. Inilah asas kepada proses *habit change.*



Selain membincangkan tabiat individu, Duhigg turut menekankan konsep *"keystone habits"* iaitu tabiat teras yang berupaya mencetuskan perubahan lebih berimpak dalam hidup seseorang. Contohnya, tabiat bersenam bukan sahaja meningkatkan kesihatan fizikal, tetapi juga mendorong tabiat lain seperti pemakanan lebih sihat, tidur lebih teratur, dan peningkatan disiplin kerja.

Buku ini juga memperluas konsep tabiat kepada konteks organisasi dan masyarakat. Melalui kajian kes, seperti kejayaan syarikat Starbucks dan peranan tabiat sosial, Duhigg menunjukkan bahawa tabiat kolektif dapat membentuk budaya dan mendorong transformasi besar dalam komuniti. Syarikat yang berjaya membina budaya yang positif kepada seluruh warga kerjanya. Gerakan sosial seperti gerakan hak sivil di Amerika (*Civil Rights Movement)* juga bermula dengan tabiat kolektif.

Secara keseluruhan, "*The Power of Habit"* menyumbang kepada pemahaman saintifik tentang bagaimana tabiat terbentuk, dikekalkan, dan diubah. Tabiat merupakan kuasa besar yang membentuk identiti dan kejayaan. Rahsia kejayaan adalah faham akan mekanisma *habit loop* dan membentuk tabiat yang baik. Ini membina kerangka konseptual yang praktikal dan mudah diaplikasikan dalam kehidupan harian serta pengurusan organisasi.

Rujukan: Duhigg, C. (2012). The power of habit: Why we do what we do in life and business. Random House.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TRACKING THE GLOBAL AND MALAYSIAN SDG ACHIEVEMENT

Prof. Madya Dr. Mohd Halim Kadri



Introduction

The Sustainable Development Goals (SDGs), adopted by the United Nations in 2015, serves as a universal agenda to eradicate poverty, reduce inequalities, protect the environment, and promote inclusive development by 2030. The SDG comprises of 17 goals and 169 targets that were designed to be a global framework, but their achievements differ significantly across developed, developing, and underdeveloped countries. While developed nations generally excel in goals related to education, health, and infrastructure, developing and underdeveloped countries struggle with persistent poverty, governance challenges, and environmental vulnerabilities. This paper reviews the progress of selected African and Asian countries before providing an analysis of Malaysia's achievement, followed by a conclusion.

SDG achievement in African and Asian countries

African and Asian countries show mixed progress toward the SDGs. In Africa, Ghana and Uganda have advanced achievements in health and education, while Egypt and South Africa perform better in energy and governance. However, Somalia and Chad remain far behind due to conflict and poverty. In Asia, China excels in poverty reduction and infrastructure, India and Bangladesh in education and health, and Vietnam in industry and innovation. Yet, many Asian countries, including Indonesia and Cambodia, struggle with inequality and environmental sustainability. Overall, Asia is progressing faster than Africa, though both regions face significant climate and inequality challenges.



SDG achievement in Malaysia

Malaysia demonstrates relatively strong progress towards the SDGs, compared to many developing nations. The country has reduced poverty (SDG 1), from 8.4% in 2020 to 6.2%, in 2022, while health outcomes (SDG 3) have improved, with maternal mortality dropping to 25.7 per 100,000 live births. Economic growth (SDG 8) is stable, supported by declining unemployment (3.4%) and rising GDP per capita. Digital connectivity, linked to SDG 17, is a strength, with internet penetration reaching 97.7%. At the state level, Putrajaya, Kuala Lumpur, and Terengganu lead in SDG achievement, scoring above 72%, while Sabah and Kelantan lag with scores around 63–64%. Despite its progress, persistent challenges remain in inequality (SDG 10), climate action (SDG 13), and biodiversity (SDG 14–15). Malaysia has achieved about 43% of SDG indicators, well above the global average of 17%, reflecting strong institutional alignment with the 2030 Agenda. However, future success requires addressing environmental sustainability and ensuring balanced development across all states.

Conclusion

The global picture of SDG achievement highlights uneven progress across regions and income groups. While developed countries remain on track in most areas, developing and underdeveloped countries face major obstacles in inequality, climate resilience, and institutional governance. African countries, particularly those affected by conflicts, are lagging far behind. Asian countries are moving faster, but they still face environmental challenges. Malaysia emerges as a strong performer among developing nations, showing measurable progress in poverty reduction, health, and infrastructure, though challenges remain in climate action and inequality.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

UNVEILING THE TRUTH: A LOOK AT AUDIT EVIDENCE

Henny Hazliza Mohd Tahir, Juyati Mohd Amin, Mas Ervina Samsudin

At the heart of every audit lies a crucial element: audit evidence. This is the information auditors use to form their opinion on a company's financial statements. The quality and reliability of this evidence are paramount, as they directly impact the credibility of the final audit report. Auditors collect this evidence from various sources to ensure the accuracy and completeness of financial data, assess internal controls, and verify compliance with accounting standards.

The Five Pillars of Evidence

To get a complete picture, auditors rely on a mix of five key types of evidence, each offering a unique perspective:

1. Physical Evidence: This involves direct observation or inspection. A classic example is an auditor physically counting inventory to verify the records. It's one of the most reliable forms of evidence because it provides tangible proof of an asset's existence and condition.

2. Documentary Evidence: This is the most common type, consisting of written or electronic records. Think invoices, receipts, bank statements, and contracts. Its reliability largely depends on its origin; original or externally sourced documents are considered more trustworthy.

3. Analytical Evidence: Auditors use this evidence to spot unusual trends or relationships by analyzing financial data. For example, a sudden spike in accounts receivable relative to sales could signal a potential misstatement. While not conclusive on its own, it helps auditors prioritize areas for detailed investigation.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

WHY ACCOUNTING MATTERS IN DAILY LIFE

Prof. Madya Dr. Raja Adzrin Raja Ahmad

When people hear the word *accounting*, they often picture thick files, calculators, and complicated spreadsheets. But in reality, accounting is something all of us practise every day whether we realise it or not. At its core, accounting is simply the process of keeping track of where money comes from and where it goes. It is about recording, understanding, and making decisions with confidence.

Think about how you manage your monthly salary. You know how much comes in, how much goes out for bills, groceries, transport, and how much you hope to save. That is basic accounting. Without writing it down or tracking it carefully, we may spend more than we realise and end up wondering where all the money went. Accounting provides that clarity.


The same applies to small business owners. A hawker stall operator, for instance, may earn hundreds of ringgit a day. But unless they track daily expenses such as raw materials, utilities, and rent, they might not know whether they are truly making a profit. With simple records, even on paper or a phone app, they can see patterns, cut unnecessary costs, and plan for growth.

Accounting also helps in planning for the future. Families saving for education, holidays, or even emergencies can benefit from recording their income and expenses. It allows them to set realistic goals, avoid debt, and prepare for unexpected challenges. In short, accounting is not about crunching numbers. It is about making life more secure and manageable.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

WHY ACCOUNTING MATTERS IN DAILY LIFE

There are simple tools anyone can use. A notebook can serve as a household account book, or you can use mobile apps that automatically categorise spending. Even simple methods like the “50/30/20 rule” spending 50% on needs, 30% on wants, and saving 20% are forms of accounting that bring discipline to our finances.



In the end, accounting matters because it empowers us. It turns money from something that slips through our fingers into something we can understand, control, and use wisely. Whether you are a student managing pocket money, a young professional budgeting your first salary, or a parent planning for your children’s future, accounting gives you the tools to make smarter choices.



So, the next time you hear the word *accounting*, do not think of it as something distant or complicated. Think of it as a friendly guide, one that helps you see clearly, decide wisely, and take charge of your financial journey.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA KREATIF

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

AIR MATA PENYESALAN

Juyati Mohd Amin, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman

Di celah malam kian sunyi,
Bintang sirna, bulan bersembunyi,
Aku duduk, termangu sendiri,
Mencari diri yang hilang di bumi.
Bayang silam hadir menjelma,
Menyentuh jiwa sarat derhaka,
Setiap langkah, setiap bicara,
Terukir dosa di cermin kaca.
Riak wajah yang penuh tawa,
Menutup gundah yang bergelora,
Mengejar dunia yang sementara,
Lupa janji, lupa cinta-Nya.
Air mata jatuh ke pipi,
Bukan kerana dicengkam sepi,
Tetapi kerana hati menginsafi,
Betapa jauhnya aku dari Ilahi.
Lalu terdengar bisikan lembut,
"Kembalilah hamba-Ku, janganlah takut",
Dalam sujud, aku merintih,
Memohon ampun, rahmat dan kasih.
Langkah kaki kini terhenti,
Di jalan kasih-Mu aku kembali,
Menggapai cahaya yang hakiki,
Agar hidup kembali bererti.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

I AM AT THE DISPOSAL OF HIS AFFAIR

Fairuz Ramli, Ruqaiyah Ab Rahim, Nurul Fahana Aini Harun



Is it pointless? Maybe it is not,
Is it merciless? Maybe it is not,
Is it emptiness? Maybe it is not,
Yet, this world is created to fulfill His command.

This world is created to be a test of faith,
This world is created to be a shadow of the next realm,
This world is created to be a disappointment for those with faith,
Yet, we still put an effort into this world in the name of faith.

He is the one who knows me,
He is the one that can protect me,
He is the only one that is sufficient for me,
I am at the disposal of His affair.

He knew my enemy better than me,
He knew my strength better than me,
He knew my need better than me,
I am living on His way.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

IS IT YOUR TRUTH OR IS IT THE TRUTH?

Fairuz Ramli, Ruqaiyah Ab Rahim, Nurul Fahana Aini Harun



It began with the sparks of unriddle desires,
With whispers of doubt,
Shaken the truth,
And forsaken the faith.

Blinded with blood of pride,
Tormented between wisdom and desires,
The truth is veiled with sparkles of lies,
Faith is bent for the sake of pride

Is that your truth?

Your truthiness unties all the ties,
Braided with despair and envy,
When the lies decay,
The truth may follow.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LUKA DI SEBALIK SENYUMAN

Fazrul Hanim Abd Sata,Norhidayah Abdullah, Noor Hidayah Ab Aziz

Di koridor yang bergaung hiruk pagi,
Gelak tawa ria bergema, sorakan memecah hari,
Namun di sudut bangku lama,
ada jiwa yang layu,
memikul beban yang bukan miliknya untuk dibawa.

Ada kelas yang kononnya berilmu,
Namun begitu kata-kata menjadi peluru,
Jemari di layar menjadi pedang,Distinguish
Menusuk tanpa henti,
seolah-olah dunia ini seakan bersetuju.





Rambut sama hitam, hati berbeza rasa,
Diugut dicerca menjadi bahan cela,
Dan kita? Kita lihat, kita tahu,
Tetapi memilih untuk membeku suara,
Kononnya bukan perihal kita.

Dunia dengarlah, buli bukan jenaka,Distinguish
Ia racun yang membunuh jiwa,
membunuh semangat sebelum dewasa,
mematahkan sayap yang baru mengenal erti bebas,
Dan jika hari ini kita masih berpaling,
siapa yang akan ambil peduli?
Jangan sampai anak-anak kita, atau hanya bayang mereka,
Meminta untuk dibela.

ORANG MELAYU KAYA DENGAN PERUMPAMAAN

Prof. Madya Dr. Mohd Halim Kadri

Profesor Dr Shamrahayu Aziz dalam sebuah hantaran di akaun facebook pada 12 September 2020 menyatakan bahawa perumpamaan Melayu adalah sebahagian dari peribahasa Melayu selain daripada simpulan bahasa, bidalan, pepatah dan perbilangan." Menurut Kamus Dewan Bahasa perumpamaan berasal dari kata umpama yang bermaksud sesuatu yang dijadikan perbandingan, ibarat, misal atau contoh. Perumpamaan Adalah kata-kata indah, ringkas dan kemas serta mempunyai maksud tersirat yang dimulai dengan kata bagai, ibarat, laksana, seperti dan umpama."



Terdapat banyak perumpamaan Melayu, namun penulisan ini hanya akan menyentuh dua perumpamaan berkonotasi positif dan dua perumpamaan berkonotasi negatif. Perumpamaan pertama yang mempunyai maksud yang positif ialah, bagai aur dengan tebing. Ia membawa maksud hubungan kerjasama yang erat, saling membantu, dan saling menguntungkan antara dua pihak yang saling melengkapi. Perumpamaan ini menggambarkan aur yang tumbuh di tepi tebing akan sentiasa disokong oleh tebing itu, dan begitu juga sebaliknya tebing akan menyokong aur, menunjukkan kesatuan dan sokongan yang tiada putus. Ada tiga perkara penting yang kita boleh dapat pelajari dari perumpamaan ini iaitu saling melengkapi, kerjasama erat dan keharmonian.

Perumpamaan positif yang kedua ialah bagai isi dengan kuku. Ia menggambarkan persahabatan yang sangat erat yang tidak dapat dipisahkan, ia seperti hubungan antara daging (isi) dan kuku yang melekat padanya,
tidak boleh dipisahkan. Perumpamaan ini mempunyai tiga sisi positif iaitu:
kesetiaan dan sokongan; keakraban; dan kesamaan matlamat yang
saling menyokong antara satu sama lain.



Perumpamaan yang mempunyai maksud yang negatif yang pertama ialah bagai anjing dengan kucing. Maksud perumpamaan "bagai anjing dengan kucing" ialah dua orang yang sering bertengkar dan tidak dapat berbaik-baik antara satu sama lain. Perumpamaan ini digunakan untuk menggambarkan hubungan yang sangat negatif, yang membawa kepada konflik berterusan dan tidak baik, bukannya sekadar perselisihan yang sementara. Hubungan menjadi tidak stabil. Perbalahan yang berterusan boleh merosakkan hubungan, menyebabkan ketidakstabilan dan ketidakpercayaan antara pihak-pihak terbabit. Ia juga boleh menyebabkan ketidakpuasan hati. Lebih parah ia boleh membawa kepada perasaan tidak puas hati dan tekanan mental, malahan boleh mewujudkan suasana yang tidak sihat, sama ada dalam persekitaran kerja atau rumah tangga.

Perumpamaan yang membawa maksud negatif yang kedua ialah bagai duri dalam daging. Maksud "bagai duri dalam daging" ialah sesuatu perkara atau orang yang sentiasa menyusahkan dan tidak menyenangkan hati. Ia boleh berlaku di tempat kerja, dalam rumahtangga mahupun dalam masyarakat. Ia menyebabkan tidak selesa, tekanan ataupun kesulitan yang berterusan dan masalah tidak dapat diselesaikan seolah-olah tidak ada jalan keluar yang mudah untuk melepaskan diri daripada masalah tersebut.

Kesimpulannya, perumpamaan Melayu bertujuan menyampaikan nasihat, teguran, atau ingatan secara kiasan dan tersirat menggunakan kata-kata hikmah yang ringkas dan padat, mencerminkan kebijaksanaan dan pengalaman hidup nenek moyang kita untuk dihayati generasi akan datang.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PANTUN PESANAN

Juyati Mohd Amin, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman, Henny Hazliza Mohd Tahir



Daun kunyit dibelah-belah,
Penyedap rasa rendang di kuali,
Teguh beriman kepada Allah,
Buat syirik jangan sekali.



Air mawar siram di kubur,
Bau wangi seluruh angkasa,
Hidup jangan sombong takbur,
Amalan dikumpul rosak binasa.

Belakang rumah tanam kelapa,
Pasang pengait di hujung galah,
Hidup ini janganlah alpa,
Beriman teguh di jalan Allah.



Burung merpati di tepi jeti,
Hinggap sebentar di dahan ara,
Al-Quran itu penyuluh hati,
Agar iman sentiasa terpelihara.

Jalan-jalan ke pekan Jengka,
Buah selasih di dalam raga,
Ikhlas ibadat janganlah leka,
Akhirat kelak dijamin syurga

PENYULUH DALAM GELAP

Juyati Mohd Amin

Pagi itu, jam baru menunjukkan 7.45. Aku menarik nafas panjang sebelum melangkah masuk. Seperti biasa, senyum kuusahakan walau dalam hati, ada beban yang tak pernah selesai.

"Assalammualaikum dan Selamat pagi, semua. Kita mulakan kelas dengan bacaan Ummul Kitab"


Sebahagian menyahut, sebahagian masih larut dalam dunia sendiri. Aku sudah terbiasa. Namun pagi ini, mataku segera menangkap satu wajah di belakang kelas. Wajah yang kelmarin menghantar mesej lewat malam:

"Madam, saya tak mampu teruskan lagi. Segalanya terasa gelap."

Aku cuba mengekalkan rentak kuliah. Slide demi slide dipaparkan, suara keluar dengan lancar, namun hatiku resah, fikiranku bercabang antara isi kuliah dan wajah resah itu. Sesekali matanya tertunduk, kadangkala memandang kosong ke arah papan putih.

Bilik Pensyarah, Tengah Hari

Aku mencatat beberapa baris di dalam diari kecil berkulit biru, namun tanganku terhenti. Ingatan segera kembali pada e-mel tentang laporan CDL CQI yang masih tertangguh. Aku terdiam panjang. Dunia akademia kian menekan dengan beban tugas sedang pelajar pula mendambakan bimbingan dalam langkah yang masih rapuh. Di celah dua arus ini, aku hanyalah manusia dengan daya yang terbatas.



Akhirnya aku menghantar mesej kepada pelajar yang juga *mentee* itu, mengajaknya datang ke bilik untuk berbicara.

"Madam… terus terang, saya dah rasa terlalu penat. PTPTN tak cukup, ibu saya di kampung sakit, dan saya perlu kerap balik menjenguknya. Tugasan makin banyak. Ada masa saya fikir… berhenti belajar mungkin jalan paling mudah."



Aku hanya mampu terdiam. Kata-katanya menembusi ruang sunyi dalam hatiku. Aku bukan kaunselor, jauh sekali pakar jiwa. Namun sebagai pensyarah, aku tidak tega melihat jiwa muda itu tenggelam.



"Saya tahu awak letih… tapi percayalah, awak tidak keseorangan. Hidup memang terasa berat, namun selalu ada jalan. Jangan berhenti di sini. Suatu hari nanti, semua penat dan pengorbanan ini akan jadi bekal berharga buat awak, juga buat keluarga yang awak sayangi."



Dia menunduk, air mata menitis. Aku hulurkan tisu. Hanya itu yang mampu.
Seusai pelajar itu melangkah pergi, aku kembali membuka diari kecil itu, lalu menulis perlahan:
"Hari ini aku belajar sesuatu. Menjadi pensyarah bukan sekadar mengulang teori di hadapan kelas. Kami adalah saksi kepada tawa, resah, dan rapuhnya jiwa pelajar. Kadang-kadang kami dituntut menjadi kaunselor, adakalanya ibu bapa, bahkan teman setia. Di sebalik segala beban tugas dan laporan, aku semakin mengerti: hakikat seorang pendidik adalah sebuah amanah."



Aku menutup diari itu. Lelah masih bersisa, namun entah mengapa hati terasa lebih lapang. Barangkali inilah makna sebenar menjadi pensyarah: bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi memastikan jiwa muda itu tidak hilang dalam gelap.Dan biarlah diari ini menjadi saksi, bahawa di sebalik gelaran akademik, ada hati yang sentiasa belajar tentang tabah, tentang sabar dan tentang erti mendidik.

PERANAN BIDALAN DALAM KEHIDUPAN ORANG MELAYU

Prof. Madya Dr. Mohd Halim Kadri

Bahasa Melayu sarat dengan keindahan seni bahasa, di antaranya bidalan yang diwarisi sejak turun-temurun. Ia bukan sekadar hiasan bahasa, tetapi alat nasihat, teguran dan teladan yang mencerminkan pengalaman serta kebijaksanaan orang terdahulu. Dalam kehidupan orang Melayu, bidalan berperanan sebagai panduan moral, pengukuh hubungan sosial, dan cerminan falsafah hidup. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, bidalan ialah ayat atau ungkapan yang mengandungi nasihat, pengajaran atau peringatan berdasarkan pengalaman hidup. Ia berbeza daripada perumpamaan kerana lebih jelas memberi pedoman dan nilai moral. Bidalan digunakan untuk mendidik, menasihati dan menegur dengan cara berlapik. Ia juga menjadi "panduan hidup" agar manusia berakhlak mulia, rajin, berani dan rendah diri.

Di antara contoh bidalan ialah ada ubi ada batas, ada budi ada balas. Bidalan ini bermaksud setiap kebaikan akan mendapat balasan kebaikan, dan budi tidak akan dilupakan. Secara positif, ia menggalakkan masyarakat berbuat baik, menanam rasa syukur serta memupuk nilai balas budi yang mengharmonikan hubungan sosial. Secara negatif pula ia boleh menimbulkan sikap berkepentingan, rasa kecewa apabila kebaikan tidak dibalas, atau menjadi alasan untuk menuntut balasan daripada orang lain.

Bidalan kedua ialah alah bisa tegal biasa. Bidalan ini menekankan bahawa sesuatu yang sukar akan menjadi mudah apabila dibiasakan. Secara positif ia mengajar tabah menghadapi cabaran, meningkatkan disiplin, dan menegaskan kepentingan latihan berterusan. Pada sisi negatif pula ia boleh menjadikan keburukan dianggap normal, melahirkan sikap sambil lewa, serta mengurangkan kepekaan moral apabila terbiasa dengan amalan salah.

Bidalan ketiga ialah buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali-kali. Ia menekankan bahawa kejahatan tidak boleh dilakukan langsung, manakala kebaikan harus dilakukan dengan berpada-pada. Ia memberikan pelajaran yang baik tentang cara berhati-hati, mengelak daripada perkara jahat, dan menjalani kehidupan yang sederhana. Sebaliknya, jika disalahfahami ia boleh mengurangkan keikhlasan, menyebabkan sikap berkira, dan mendorong untuk tidak melepaskan semua.

Biar putih tulang, jangan putih mata adalah bidalan keempat. Ia menunjukkan bahawa berjuang hingga akhir adalah lebih baik daripada menyerah kalah atau dimalukan. Secara positif ia membina semangat juang, melindungi maruah, dan menekankan kesetiaan dalam perjuangan. Namun, ia boleh menyebabkan keras kepala, menghalang kompromi, dan menyebabkan pertelingkahan yang berterusan untuk mempertahankan maruah.

Bidalan kelima, semakin berisi padi, semakin tunduk mengajarkan semakin berilmu dan kaya seseorang, semakin merendah diri. Ia mempunyai kesan positif, kerana menggalakkan kerendahan hati, mewujudkan keharmonian dalam masyarakat, dan memupuk keinginan untuk belajar dengan rasa syukur. Secara negatifnya, bidalan ini boleh dianggap sebagai kelemahan, menunjukkan sikap terlalu pasif, atau menyukarkan persaingan kerana ia tidak menonjolkan potensi diri.

Pada akhirnya, bidalan adalah warisan bahasa yang berfungsi sebagai nasihat, panduan dan peringatan kepada orang Melayu. Nilai balas budi, ketabahan, kesederhanaan, maruah diri dan kerendahan hati digariskan dalam lima bidalan yang dibincangkan.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SYUKUR YANG TERSISA

Prof. Madya Dr. Raja Adzrin Raja Ahmad

Syukur itu bukan sekadar lafaz,
tetapi rasa yang lahir di dada,
ketika mata terbuka pada pagi yang damai,
dan tubuh masih mampu berdiri, berjalan,
bernyawa.


Ada rezeki di meja sederhana,
nasi yang hangat, kopi beraroma.
bukankah itu juga rahmat yang besar?
hadiah Tuhan yang tak pernah pudar.

Syukur itu hadir dalam senyuman,
dari wajah seorang anak yang riang,
atau genggaman tangan seorang sahabat,
yang mengingatkan kita bahawa hidup ini indah,
walau terselit derita dan dugaan,
meskipun langkah ditempa cabaran.

Syukur adalah ketika kehilangan,
namun masih mampu melihat hikmah,
ketika tangisan menjadi doa,
dan doa itu melahirkan tabah.

Bersyukurlah, meski kecil,
kerana nikmat bukan pada banyaknya,
tetapi pada hati yang redha menerimanya.







THOUSAND YEARS

Fairuz Ramli, Ruqaiyah Ab Rahim, Nurul Fahana Aini Harun



There will be a day of endless walking,
No turning back,
No breathless breath,
Dragging with deeds to be judged.

For a thousand years with no place to rest,
No time to sleep,
The path is unseen,
Yet everyone knows how it ends.

Some will walk in the air of light,
With no weight to bear,
Each moment is a light,
Like a stream of peace on their side.

Some will drag the bodies on the scorching heat,
Some are drowning in guilt of sins,
With desire to return,
But... There is no way to return.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

FAKULTI SAINS GUNAAN

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SCIENCE FIESTA 2025

Asmawati @ Fatin Najihah Alias, Saiful Najmee Mohamad, Hairul Amiza Azman

Science Fiesta merupakan satu program yang dianjurkan oleh Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang. Program ini telah berjaya diadakan pada 18 Januari 2025 di Universiti Teknologi Mara, Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang. Program ini adalah merupakan salah satu usaha untuk memupuk minat yang mendalam dalam bidang sains dan teknologi dikalangan kanak – kanak seawal peringkat pra sekolah. Disamping itu ianya juga sebagai wadah jalinan hubungan, perkongsian dan bimbingan bersama masyarakat setempat melalui aktiviti sains.

Science Fiesta dirangka bagi menambah minat serta memberi pendedahan dan pengalaman kepada kanak-kanak dari peringkat pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah terhadap sains dan teknologi. Peserta yang hadir terdiri daripada pelbagai peringkat umur bermula dari 5 tahun hingga 15 tahun. Program ini terbahagi kepada dua aktiviti utama iaitu pertandingan demonstrasi roket dan juga ekplorasi sains yang melibatkan lima stesen iaitu i) Pembuatan Sabun & lilin, ii) Gunung Berapi & Planet, iii) *Cartesian Driver*, iv) Peringkat Pertumbuhan Tanaman dan stesen terakhir v) *Touch with Science: STEM IS FUN.* Setiap peserta diberi peluang mencuba sendiri cara-cara membuat sabun, demonstrasi gunung berapi, menanam biji benih, memahami konsep daya dan ketumpatan serta didedahkan juga dengan konsep optik, demonstrasi robot dan banyak lagi aktiviti STEM yang menarik. Peserta turut ditayangkan dengan video-video berkaitan sains dan teknologi bagi menambahkan lagi pemahaman peserta berkaitan demonstrasi dan aktiviti hands-on yang dijalankan. Peserta turut membawa pulang hasil aktiviti & eksperimen yang dijalankan.

Bagi pertandingan demontrasi roket pula, setiap peserta perlu menyediakan set roket angin yang telah direka untuk didemonstrasikan. Penilaian adalah berdasarkan kreativiti reka bentuk dan pelancaran roket. Pemenang adalah terbahagi kepada berikut:

1. Pemenang Pertama – Wang Tunai RM100, Pingat & Sijil
2. Pemenang Kedua – Wang Tunai RM50, Pingat & Sijil
3. Pemenang Ketiga -– Wang Tunai RM30, Pingat & Sijil
4. Pemenang Keempat – Pingat & Sijil
5. Anugerah Demo Pelancaran Roket Terbaik: Wang Tunai RM50
6. Anugerah Reka Bentuk Roket Terbaik: Wang Tunai RM50

Selain itu, aktiviti jualan makanan dan minuman turut dijalankan di ruang Hub Siswapreneur bagi menggalakan pelajar dengan aktiviti keusahawanan. Aktiviti jualan ini dikendalikan oleh pelajar pra-diploma sains, Fakulti Sains Gunaan.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ARTIFICIAL INTELLIGENCE IN SCIENTIFIC RESEARCH: POTENTIALS AND CHALLENGES IN MALAYSIA

Haryana Mohd Hairi, Nur Hazirah Rozali Annuar

Artificial Intelligence (AI) is no longer a futuristic concept as it is now shaping how scientists and researchers worldwide conduct research, discover new knowledge, and solve complex problems. In Malaysia, the integration of AI has been reinforced through national initiatives such as the Digital Economy Policies and the National Artificial Intelligence Roadmap 2021–2025 (AI-RMAP), which emphasize the adoption of AI across agriculture, healthcare, education, smart cities, and public services, based on principles of fairness, inclusivity, privacy, and transparency (MOSTI, 2023).

The integration of AI in Malaysian scientific research has been accelerating, especially through government-supported initiatives. One of the most important milestones was the launch of the National AI Office (NAIO) in December 2024 to coordinate the development of a robust and ethical AI ecosystem via the upcoming Technology Action Plan (2026–2030). Additionally, NAIO has engaged diverse stakeholders through working groups since early 2025 to design Malaysia's AI strategies with a focus on governance, safety, technological capability, and talent development. This demonstrates Malaysia's aspiration to enhance its AI infrastructure and utilize it for scientific research and innovation.

The potential of AI in Malaysian research is extensive. It can accelerate the development of new medicines, model environmental changes, and process massive amounts of data significantly more swiftly than conventional techniques. Global companies have also recognized Malaysia's potential: for instance, Microsoft committed USD 2.2 billion to expand AI infrastructure and training in the country (Associated Press, 2024). Similarly, Malaysia allocated USD 250 million towards chip design blueprints from Arm Holdings, aspiring

to manufacture its own GPU processors within a decade. (Reuters, 2025).

Despite the promising potential, significant difficulties and challenges continue to persist. AI adoption in research is still limited, often concentrated in start-ups and large corporations rather than in universities. The country also faces a shortage of skilled AI experts, with demand far exceeding supply. Some universities lack sufficient infrastructure, such as GPUs and advanced computing facilities, to support large-scale AI projects. Ethical and governance concerns also need attention, as Malaysia has yet to establish comprehensive AI regulations (Manap & Abdullah, 2020).

To move forward, Malaysia must prioritize on training more AI professionals, strengthening university–industry collaborations, and improve infrastructure for researchers. At the same time, strong ethical guidelines and clear regulations will be crucial to ensure that AI develops responsibly. In short, AI offers Malaysia a significant opportunity to expedite scientific advancements. With the right strategies, Malaysia can position itself as a regional hub for AI-driven research and innovation in Southeast Asia.

References

Manap, N. A., & Abdullah, A. (2020). Regulating artificial intelligence in Malaysia: The two-tier approach. UUM Journal of Legal Studies, 11(2), 183-201.

Associated Press. (2024, May 2). Microsoft will invest $2.2 billion in cloud and AI services in Malaysia. AP News. https://apnews.com/article/25e92ce637a36ea8f88c2725dfa3d1f0

Digital Ministry of Malaysia. (2024, December 12). Malaysia launches National AI Office (NAIO) for policy and regulation. Digital.gov.my. https://www.digital.gov.my

Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). (2023, December 7). Malaysia's National Artificial Intelligence (AI) Roadmap 2021–2025. Ministry of Science, Technology and Innovation. https://www.mosti.gov.my/ai-roadmap-2021-2025.pdf

Reuters. (2025, March 5). Malaysia to pay Arm Holdings $250 million for chip design blueprints. Reuters. https://www.reuters.com/markets/asia/malaysia-minister-says-pay-arm-holdings-250-million-chips-design-blueprints-2025-03-05.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

FOSTERING STUDENT ENGAGEMENT IN PHYSICS LEARNING

Haryana Mohd Hairi, Siti Nurul ‘ain Zaiton, Saiful Najmee Mohamad

Physics has long been recognized as a cornerstone of scientific and technological progress. Yet, in Malaysian secondary schools, physics often carries the reputation of being a "difficult" and "abstract" subject. This perception has contributed to declining interest and low motivation among students, despite the growing importance of physics in shaping careers in engineering, technology, and innovation.

Malaysia’s STEM Education Policy (2017–2025) emphasizes the need for a strong STEM workforce to support national initiatives such as IR4.0 and the Malaysia Digital Economy Blueprint. However, recent data from the Ministry of Education Malaysia shows a downward trend in students opting for pure science streams, with physics being one of the least preferred subjects at the upper secondary level.

National reports reflect similar concerns. The Ministry of Education Malaysia has aimed for 60% of students in the science stream since the 1960s. However, only 51% were enrolled in STEM streams, falling short of this target (Hong Wai Onn, 2024). A KRI Institute report in 2024 also noted that low motivation, frequent language policy changes, and limited teaching capacity were key obstacles to achieving the STEM goal (Azhar, 2024).

Heavy focus on theoretical content, limited real-life applications in teaching, insufficient laboratory facilities in rural schools, and a traditional examination-oriented approach contribute to this issue. Many students fail to see the relevance of physics in their daily lives, further reducing their motivation to engage deeply with the subject (Zawawi, 2024) highlighted the
role of self-regulated learning in influencing physics

achievement among foundation-level students, showing that students who set goals and monitored their progress performed better academically.

To address these issues, several practical strategies can be implemented. Linking physics concepts to real-life Malaysian contexts such as explaining Bernoulli's principle through kampung water pumps or exploring solar energy physics using Malaysia's renewable energy projects can make lessons more relatable. The use of virtual labs, augmented reality, and interactive simulations can help students visualize abstract concepts and conduct experiments even in resource-limited schools. Training programs on new pedagogical practices can equip teachers with the tools to make physics lessons more exciting and student centered.

As Malaysia moves towards becoming a high-tech, knowledge-driven economy, cultivating students' interest in physics is essential. By making physics more engaging, relevant, and accessible, educators can inspire a new generation of students to pursue careers in science and technology. With the right strategies, physics education in Malaysia can shift from being viewed as "too difficult" to "full of possibilities", sparking curiosity and innovation among young learners.

References

Hong Wai Onn. (2024, August 26). Rethinking STEM education for Malaysia's future. AWANI International.https://international.astroawani.com/malaysia-news/columnist -rethinking-stem-education-malaysias-future-485131

Azahar, N. S. H. (2024, September 13). Strengthening STEM foundations in primary education to reach the 60:40 goal. Khazanah Research Institute. https://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/KRI%20Views_STEM-V2.pdf

Zawawi, S. A. (2024). The relationship between motivation and self-regulated learning in physics among Malaysian foundation students. E-Journal of Social Sciences and Humanities, 8(SI), 115–126.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MEDICINAL SOURCES OF *ZINGIBER OFFICINALE* (GINGER) AND *CURCUMA LONGA* (TURMERIC)

Shamsul On, Asmawati @ Fatin Najihah Alias

Herbs and spices have been used for centuries to enhance the flavour of food, preserve food from spoiling during storage, and treat or prevent human ailments. Herbs and spices are often considered safe for human consumption compared to conventional treatments because of their long history of use in food preparation. They are utilized in food either in their natural state such as whole or ground material or as extracts, which is more common. *Zingiber officinale* and *Curcuma longa* have long been recognized as health-promoting agents, and their extracts have been studied as alternative remedies for a variety of conditions. These spices are also commonly utilized in pharmaceutical products. (Akullo et al., 2023)

Zingiber officinale known as ginger is used as spice and medicine for over 200 years in Traditional Chinese Medicine. It is an important plant with several medicinal, and nutritional values used in Asian and Chinese Tradition medicine. Ginger and its general compounds such as iron, magnesium, calsium, vitamin C, flavonoids, phenolic compounds (gingerdiol, gingerol, gingerdione and shogaols), sesquiterpenes, paradols has long been used as an herbal medicine to treat various symptoms including vomiting, pain, cold symptoms and it has been shown to have anti-inflammatory, anti-apoptotic, anti-tumour activities, anti-pyretic, anti-platelet, anti-tumourigenic, anti-hyperglycaemic, antioxidant anti-diabetic, anti-clotting and analgesic properties, cardiotonic, cytotoxic. It has been widely used for arthritis, cramps, sprains, sore throats, rheumatism, muscular aches, pains, vomiting, constipation, indigestion, hypertension, dementia, fever and infectious diseases. (Shahrajabian et al., 2019)

Curcuma longa, or better known as turmeric, which a spice that has long been recognized for its medicinal properties, has received interest from both the medical or scientific world and from culinary enthusiasts, as it is the major source of the polyphenol curcumin. It aids in the management of oxidative and inflammatory conditions, metabolic syndrome, arthritis, anxiety and hyperlipidemia. Turmeric has been traditionally used in Asian countries as a medical herb due to its antioxidant, anti-inflammatory, antimutagenic, antimicrobial and anticancer properties. Curcumin, a polyphenol, has been shown to target multiple signal molecules while also demonstrating activity at the cellular level, which has helped to support its multiple health benefits. (Hewlings & Kalman, 2017)

References

Akullo, J. O., Kiage-Mokua, B. N., Nakimbugwe, D., Ng'ang'a, J., & Kinyuru, J. (2023). Phytochemical profile and antioxidant activity of various solvent extracts of two varieties of ginger and garlic. *Heliyon*, *9*(8). https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2023.e18806

Hewlings, S. J., & Kalman, D. S. (2017). Curcumin: A review of its effects on human health. In *Foods* (Vol. 6, Issue 10). MDPI AG. https://doi.org/10.3390/foods61000 92

Shahrajabian, M. H., Sun, W., & Cheng, Q. (2019). Clinical aspects and health benefits of ginger (*Zingiber officinale*) in both traditional Chinese medicine and modern industry. In *Acta Agriculturae Scandinavica Section B: Soil and Plant Science* (Vol. 69, Issue 6, pp. 546–556). Taylor and Francis Ltd. https://doi.org/10.1080/09064710.2019.1606930

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MULBERI: NUTRISI & POTENSI

Asmawati @ Fatin Najihah Alias, Shamsul On, Siti Nor Hafizah Mohd Yusoff

Pokok mulberi kini telah menjadi salah satu tanaman yang menjadi pilihan di Malaysia sejak akhir ini. Mulberi atau nama saintifiknya Morus spp. merupakan tumbuhan daripada keluarga Moraceae yang mempunyai nilai ekonomi, nutrisi dan farmakologi yang tinggi. Genus Morus terdiri daripada lebih 10 spesies, antaranya Morus alba (mulberi putih), M. nigra (mulberi hitam) dan M. rubra (mulberi merah). Mulberi berasal dari negara Cina yang mana telah digunakan secara tradisional sejak 5000 tahun terdahulu. Namun begitu, kini ianya juga turut ditanam di negara Asia, Eropah, Afrika, India, Eropah dan juga Amerika. Di Malaysia, tanaman mulberi diperkenalkan sekitar tahun 1984 di negeri Terengganu ketika era industri sutera. Ini adalah kerana daun mulberi merupakan satu-satunya makanan yang dimakan oleh ulat sutera bagi menghasilkan sutera yang bermutu tinggi. Disebabkan ini, daun mulberi turut digelar sebagai daun ulat sutera. Di Indonesia tanaman ini dikenali sebagai Murvei atau arbei, manakala di Cina dikenali dengan nama Sangye.

Pokok mulberi mempunyai banyak khasiat terutama buah dan juga daunnya. Selain dimakan begitu saja atau dijadikan ramuan dalam kek atau kuih, buah mulberi kaya dengan antioksidan yang disumbangkan oleh kandungan polifenol seperti antosianin (cyanidin-3-glucoside, pelargonidin) dan juga flavonoid (quercetin, rutin, morin) yang mana turut bertindak sebagai agen anti-inflamasi. Sekaligus, ianya bagus untuk kecantikan kulit. Kajian turut membuktikan pengambilan serbuk buah mulberi dapat membantu menurunkan tahap kolestrol dalam darah kerana ianya dapat meningkatkan paras kolestrol HDL iaitu kolestol baik. Pengambilan buah mulberi juga dapat membantu mengawal paras gula dalam darah dan mencegah aktiviti alfa-glukosida. Mulberi juga berpotensi mencegah kanser (antikanser) kerana kandungan antioksidan yang tinggi dan berpotensi mencegah penyakit hati berlemak.

Kajian menunjukkan pengambilan ekstrak antosianin mulberi membantu menambahbaik pengumpulan lipid pada sel-sel hati manusia. Selain itu, ianya turut digunakan secara tradisional bagi merawat masalah anemia, pening kepala, batuk kering, sembelit serta rawatan wanita lepas bersalin.

Selain dijadikan sebagai makanan ulat sutera, daun mulberi turut mempunyai khasiat yang tinggi. Daun mulberi mengandungi beberapa ekstrak kimia yang baik untuk tubuh seperti ecdysterone, inokosterone, β-sitosterol, zinc, vitamin A,B1,C, asid folik dan karotein dan 18 asid amino. Daun mulberi adalah berpotensi membantu mengurangkan kencing manis (anti-diabetes) serta mampu mengawal kolestrol dalam pembuluh darah (anti-hiperkolesterolemia) dan juga mengurangkan tekanan darah tinggi (anti-hipertensi). Selain dari itu, daun mulberi juga digunakan secara tradisional bagi rawatan asma yang teruk, mambantu merawat haid yang tidak teratur, mengurangkan berat bada dan juga risiko kerapuhan tulang kerana kandungan kalsium yang tinggi. Tambahan pula, ekstrak daun mulberi juga membantu menambah tanaga dan digunakan salah satu alternatif bagi meningkatkan produktiviti susu badan.

Sebagai kesimpulannya, mulberi merupakan tumbuhan serbaguna yang mempunyai potensi besar dalam bidang teknologi makanan, farmaseutikal dan industri tekstil. Kandungan nutrien dan bio-aktif dalam buah serta daun mulberi, berpotensi untuk pembangunan produk kesihatan moden. Namun, bagi memaksimumkan potensi ini, kajian lanjutan, pembangunan teknologi pemprosesan, serta strategi pemasaran bersepadu amat diperlukan.

Rujukan:

Wang, Y., Xiang, L., Wang, C., Tang, C., & He, X. (2013). Antidiabetic and antioxidant effects and phytochemicals of mulberry fruit (Morus alba L.) polyphenol enhanced extract. PloS one, 8(7), e71144.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PEMAKANAN SEIMBANG & DIET SIHAT: KUNCI KEHIDUPAN BERKUALITI

Asmawati @ Fatin Najihah Alias, Siti Nor Hafiza Mohd Yusoff, Nurhazirah Rozali Annuar,

Pemakanan seimbang merujuk kepada pengambilan makanan yang mencukupi dari segi kuantiti dan kualiti untuk memenuhi keperluan fisiologi tubuh. Pemakanan yang betul bukan sahaja membekalkan tenaga, malah memastikan tubuh mendapat zat makanan penting seperti karbohidrat, protein, lemak, vitamin, mineral dan serat. Konsep ini berkait rapat dengan diet sihat yang menekankan pemilihan makanan berkhasiat serta mengelakkan pengambilan berlebihan. Pemakanan seimbang menekankan kepelbagaian dalam pilihan makanan dan pengambilan nutrien yang seimbang mengikut keperluan individu. Bagi memudahkan masyarakat memahami dan mengamalkan pemakanan seimbang, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperkenalkan Piramid Makanan Malaysia sebagai panduan visual. Ianya merupakan panduan rasmi yang menghubungkan konsep pemakanan seimbang bersama amalan diet sihat dengan menekankan kepelbagaian makanan daripada empat kumpulan. Piramid ini disusun mengikut kumpulan makanan yang perlu diutamakan dan yang perlu dikurangkan.

Berdasarkan Piramid Makanan 2020, dasar piramid terdiri dari sayur-sayuran dan buah-buahan sebagai sumber vitamin, mineral dan serat. Manakala tangga kedua merupakan kumpulan karbohidrat kompleks seperti nasi, roti gandum serta ubi sebagai sumber tenaga. Berbanding Piramid Makanan 2010, kumpulan karbohidrat merupakan dasar piramid, tetapi pengambilannya telah disarankan untuk dikurangkan antara 50-65% berbanding Piramid Makanan Malaysia 2010 iaitu 55-75%. Kemudian diikuti dengan pengambilan protein haiwan dan tumbuhan seperti daging, ikan, ayam, telur, kekacang serta produk tenusu. Manakala, bahan makanan seperti minyak, gula dan garam disarankan diambil secara terhad yang mana kumpulan ini merupakan puncak piramid. Selain itu, pengambilan air kosong yang mencukupi turut disarankan pada ilustrasi Piramid Makanan 2020.

Ini penting bagi memastikan tubuh sentiasa terhidrat demi kesihatan

yang lebih baik.

Keperluan pengambilan makanan seimbang adalah berbeza mengikut individu berdasarkan faktor-faktor seperti usia, jantina, tahap aktiviti fizikal, dan keadaan kesihatan. Pemakanan seimbang memastikan tubuh mendapat zat makanan penting seperti karbohidrat, protein, lemak sihat, vitamin, mineral dan serat. Tanpa keseimbangan, tubuh akan mudah terdedah kepada kekurangan zat atau pengambilan berlebihan yang boleh mengundang pelbagai masalah kesihatan. Manakala, diet sihat ialah pelaksanaan praktikal kepada konsep pemakanan seimbang. Ia menekankan pemilihan makanan yang tepat, kuantiti yang sesuai, serta cara penyediaan yang sihat. Dengan pengambilan pemakanan seimbang, risiko untuk mendapat penyakit kronik seperti obesiti, diabetes, dan penyakit jantung dapat dikurangkan. Sekaligus membantu meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan.

Manfaat utama mengamalkan pemakanan seimbang dan diet yang sihat, ia dapat membekalkan tenaga yang mencukupi dengan keperluan nutrisi yang tepat dan dapat mengawal dan mengekalkan berat badan ideal disamping membantu masalah penghadaman. Selain itu, amalan ini juga menyokong pertumbuhan fizikal terutama dikalangan remaja dan kanak-kanak. Makanan seimbang yang kaya dengan vitamin dan mineral turut memainkan peranan dalam meningkatkan sistem imun badan, penting dalam pencegahan penyakit berjangkit. Pengambilan makanan seimbang juga dikaitkan dengan kesihatan mental yang lebih baik. Nutrien seperti asid lemak omega-3, vitamin B, magnesium dan zink, bagus untuk fungsi otak yang sihat dan pengurangan risiko masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan kebimbangan.

Pemakanan seimbang dan diet sihat merupakan pelaburan penting untuk kesihatan jangka panjang. Dengan membuat pilihan makanan yang bijak setiap hari, kita bukan sahaja dapat mencegah penyakit, malah memperoleh kehidupan yang lebih sihat, aktif dan berkualiti.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TENAGA DALAM KEHIDUPAN DAN MASA HADAPAN

Saiful Najmee Mohamad, Haryana Mohd Hairi, Asmawati @ Fatin Najihah Alias

Tenaga merupakan asas utama kepada kewujudan dan kelangsungan kehidupan. Segala keperluan manusia tidak dapat dipenuhi tanpa kewujudan tenaga kerana ia menjadi pemacu utama kepada pelbagai proses semula jadi dan buatan. Dalam rantaian makanan misalnya, tenaga daripada cahaya matahari diserap oleh tumbuhan melalui proses fotosintesis, lalu dipindahkan kepada haiwan dan manusia melalui pemakanan. Prinsip asas fizik menyatakan bahawa tenaga tidak dapat dicipta atau dimusnahkan, sebaliknya hanya boleh dipindahkan dan ditukar bentuk, menjadikan tenaga sebagai komponen yang sentiasa berterusan dalam sistem kehidupan.

Sejarah peradaban manusia juga memperlihatkan peranan tenaga sebagai pemangkin perubahan sosial dan ekonomi. Petroleum, sebagai sumber tenaga utama sejak era perindustrian, telah mengubah gaya hidup manusia secara drastik. Penggunaan petroleum membolehkan pengangkutan moden berkembang, proses perkilangan menjadi lebih efisien, dan teknologi baharu tercipta untuk memenuhi keperluan global. Namun, pergantungan berterusan terhadap petroleum telah menimbulkan dua cabaran besar, iaitu keterhadan sumber serta impak negatif terhadap alam sekitar. Petroleum merupakan sumber tenaga fosil yang tidak boleh diperbaharui dan penggunaannya dalam jangka panjang menyumbang kepada pencemaran, pelepasan karbon dioksida, serta perubahan iklim yang kian membimbangkan.

Menyedari cabaran tersebut, masyarakat global kini menumpukan perhatian kepada pembangunan teknologi hijau yang berlandaskan kepada konsep karbon sifar. Peralihan ini menekankan kepentingan sumber tenaga yang lebih bersih dan lestari. Apa yang sering digelar tenaga boleh

diperbaharui sebenarnya bersumberkan matahari, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Tenaga angin, hidroelektrik, biojisim, dan solar merupakan manifestasi tenaga suria yang ditukarkan kepada bentuk lain untuk kegunaan manusia. Perbezaannya terletak pada mekanisme penyimpanan tenaga, sama ada dalam bentuk pergerakan air, putaran turbin angin, bahan organik, atau terus sebagai tenaga elektrik.

Isu penyimpanan tenaga pula menjadi cabaran utama yang perlu ditangani. Pembangunan bateri berkapasiti tinggi, teknologi hidrogen, dan sistem penyimpanan haba merupakan antara inovasi yang penting untuk memastikan tenaga berasaskan solar dapat digunakan secara menyeluruh. Namun, peralihan ini memerlukan keterlibatan pakar daripada universiti awam dan pihak industri di Malaysia. Universiti berperanan menghasilkan penyelidikan asas dan melatih tenaga mahir, manakala industri pula penting dalam mengkomersialkan hasil penyelidikan serta menyediakan infrastruktur. Kerjasama erat ini mampu mempercepatkan inovasi dan menjadikan Malaysia lebih bersedia dalam menghadapi peralihan ke arah ekonomi rendah karbon.

Tenaga bukan sahaja menjadi asas kepada kehidupan, malah turut membentuk hala tuju pembangunan manusia pada masa depan. Petroleum telah memainkan peranan besar dalam mencorakkan dunia moden, namun keterbatasannya membuka jalan kepada pencarian alternatif yang lebih lestari. Peralihan kepada tenaga berasaskan solar dalam pelbagai bentuk, disokong oleh kemajuan teknologi penyimpanan serta kerjasama bersepadu antara universiti awam dan industri, memberikan harapan kepada pembangunan yang seimbang antara keperluan manusia dan kelestarian alam sekitar.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

JABATAN EKONOMI

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

MICROMODE:ON

Aidarohani Samsudin, Siti Nordiyana Ishak, Norfariza Mohd Ali

Pada 21 Jun 2025 yang lalu, Persatuan Diploma in Banking Association (DiBA) telah berjaya menganjurkan sebuah program latihan kepimpinan dan motivasi pelajar yang penuh dengan pengisian bermanfaat. Bertempat di Bilik Seminar Sri Bendahara UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat, program “Micromode:On” ini menghimpunkan para pelajar dalam satu wadah yang merangsang semangat kerjasama, kepimpinan serta daya tahan mental.

Tepat jam 8.30 pagi, program dimulakan dengan slot motivasi bertajuk “Minda Juara” yang telah disampaikan oleh Cik Siti Nordiyana Ishak. Sesi tersebut memberi inspirasi kepada pelajar untuk berfikir secara positif, menetapkan matlamat hidup dan membina keyakinan diri dalam menempuh cabaran akademik mahupun kehidupan.

Selepas rehat, prgram diteruskan lagi dengan latihan dalam kumpulan. Aktiviti ini dikendalikan oleh fasilitator berpengalaman, antaranya Dr. Nur Fatihah Shaari, Dr. Fatin Farazh Ya’acob, Puan Aidarohani Samsudin, Puan Norfariza Mohd Ali, Puan Diana’ Mazan, dan Puan Rosmah Abd Ghani@Ismail. Kehadiran barisan fasilitator berwibawa ini memberi peluang kepada peserta untuk mendapatkan ilmu melalui pengalaman sebenar, serta perkongsian strategi kepimpinan berkesan.

Kemuncak program adalah pada jam 4.00 petang iaitu berkangsungnya aktiviti simulasi interaktif yang cukup mencabar. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk *Balance Breakers, Unlock the Choices, Factory Frenzy*, dan *Market Maze*. Aktiviti ini direka khusus untuk menguji ketangkasan minda, kebolehan menyelesaikan masalah serta membina semangat kerja berpasukan.

Gelak tawa, semangat bersaing dan sorakan sokongan sesama rakan menjadikan suasana lebih hidup dan bermakna.

Sebelum tirai dilabuhkan, majlis diteruskan dengan sesi penyampaian hadiah kepada kumpulan yang berjaya. Majlis ini disempurnakan oleh penasihat-penasihat DiBA iaitu Dr. Nur Fatihah Shaari, Puan Aidarohani Samsudin dan Dr. Fatin Farazh Ya'acob. Penyampaian hadiah ini bukan sahaja sebagai penghargaan kepada pemenang, malah sebagai simbol motivasi kepada semua peserta agar terus melangkah ke hadapan dengan semangat kepimpinan yang lebih mantap. Sesi bergambar sebagai kenangan turut diadakan, merakam detik-detik istimewa sepanjang program.

Program yang berakhir pada jam 5.30 petang ini diakhiri dengan jamuan minum petang. Para peserta pulang dengan wajah ceria, membawa pulang bukan sekadar hadiah, malah pengalaman berharga, semangat baharu serta keyakinan untuk bergelar pemimpin di masa depan.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

FROM MONOPOLY TO PERFECT COMPETITION: IMPACTS ON ECONOMIC DISTRIBUTION

Siti Nordiyana Isahak, Rosmah Abd Ghani@Ismail, Diana' Mazan

Sebagai satu inisiatif untuk memperkukuh pemahaman pelajar terhadap kursus *Microeconomics* (ECO162) satu sesi Webinar Pengajaran Kolaboratif ECO162 telah dianjurkan pada 10 Julai 2025 (Khamis) secara atas talian, melibatkan kolaborasi strategik antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). Webinar bertajuk *"From Monopoly to Perfect Competition: Impacts on Economic Distribution"* telah disampaikan oleh Encik Low Choon Wei, Pensyarah Ekonomi dari Fakulti Perakaunan dan Pengurusan, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan dihadiri lebih dari 100 orang pelajar UiTM cawangan Johor.



Webinar ini bertujuan untuk meningkatkan lagi pemahaman pelajar terhadap konsep struktur pasaran dalam ekonomi khususnya untuk pasaran monopoli dan persaingan sempurna. Selain itu, webinar ini juga bertujuan untuk menilai secara kritikal kesan perubahan struktur pasaran terhadap aspek penting seperti agihan pendapatan, tahap kecekapan pasaran, dan kesejahteraan sosial masyarakat

Penganjuran webinar ini membuktikan keupayaan institusi pengajian tinggi untuk berganding bahu dalam memajukan agenda pendidikan tinggi yang berimpak tinggi. Melalui platform pengajaran kolaboratif seperti ini, pelajar bukan sahaja dapat memperkukuh kefahaman terhadap teori ekonomi, malah turut didedahkan kepada perspektif interdisiplin dan dunia sebenar yang lebih luas. Program ini merupakan satu langkah progresif ke arah membudayakan pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan kerjasama, keterbukaan intelektual dan kecemerlangan akademik.





Sumber: Gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis

HERO DiBA: MOBILE LEGEND BANG BANG 2025

Nur Fatihah Shaari, Aidarohani Samsudin, Fatin Farazh Ya'acob

Pada 22 Jun 2025, *Diploma in Banking Association* (DiBA) telah menganjurkan pertandingan e-sukan, iaitu *Hero DiBA: Mobile Legend Bang Bang* 2025 di Bilik Kuliah Seri Pegaga 5. Pertandingan telah disertai oleh pelajar daripada pelbagai program di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Sebanyak 15 Kumpulan, yang terdiri daripada 75 orang pelajar telah menyertai pertandingan tersebut.

Pertandingan e-sukan yang dianjurkan ini berjaya mencapai objektif yang disasarkan, iaitu untuk mewujudkan kerjasama yang baik antara ahli kumpulan, melatih disiplin diri, selain daripada untuk mengasah kemahiran sosial pelajar. Kerjasama antara ahli kumpulan dan kemahiran sosial dapat dilihat apabila para peserta sepakat dalam mengatur strategi perlawanan. Para peserta juga telah berjaya melatih diri untuk lebih berdisiplin dengan hadir ke tempat pertandingan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Selain itu, penganjuran e-sukan ini bukan sahaja dapat mewujudkan semangat Kerjasama antara peserta, malah dapat dilihat juga dalam kalangan ahli jawatankuasa DiBA sendiri. Agihan tugasan yang baik telah dibuat oleh pengarah program iaitu Muhammad Hazim Shaharil, pelajar Diploma Pengajian Perbankan (BA119) semester 4. Beliau telah berjaya mengagihkan tugasan kepada ahli jawatankuasa, selain daripada memastikan program berjalan dengan lancar.

Pertandingan e-sukan ini bukan sekadar hiburan digital, malah ia berpotensi dalam pembangunan kognitif, sosial, professional dan pendidikan pelajar. Bidang e-sukan wajar untuk diberi lebih perhatian dan pengiktirafan pada masa kini dan seterusnya..





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN JAMUAN HARI RAYA JABATAN EKONOMI (JHRJE) 2025

Diana' Mazan, Dr. Tan Yan Ling, Azman Ali

Jabatan Ekonomi telah melaksanakan satu majlis sambutan hari raya yang dinamakan sebagai Jamuan Hari Raya Jabatan Ekonomi (JHRJE) 2025. Sambutan ini telah diadakan pada 11 April 2025 bertempat di Bilik EKSA FPDP bermula jam 10.00 pagi sehingga jam 1.00 tengahari. Tema sambutan JHRJE 2025 adalah Hari Raya Tradisional, di mana sambutan ini menekankan pakaian tradisional, dekorasi tradisional malahan kuih-muih juga adalah terdiri daripada kuih-muih tradisional.

JHRJE 2025 dihadiri seramai 12 orang ahli jabatan ekonomi dan 2 orang mantan ahli jabatan ekonomi sebagai jemputan khas iaitu Prof Madya Hj Ismail Shaari dan Prof Madya Hassan bin Ibrahim. Sambutan JHRJE 2025 ini di rasmikan oleh Ketua Jabatan iaitu Puan Rosmah binti Abd Ghani. Sambutan didahului dengan bacaan doa oleh YBrs. Encik Mohd Azim bin Sardan bagi memberkati majlis. Seterusnya adalah ucapan alu-aluan dari Ketua Jabatan dan diikuti oleh ucapan wakil mantan ahli jabatan ekonomi iaitu YBrs Prof. Madya Hj Ismail Shaari.

Dalam ucapan YBrs Prof Madya Hj Ismail, beliau banyak menitikberatkan disiplin sebagai seorang pendidik, kerjasama dan ukhuwah dalam kalangan ahli jabatan. Bersandarkan pengalaman puluhan tahun dalam dunia pendidikan, banyak ilmu yang bermanfaat dikongsikan sepanjang ucapannya. Ucapan beliau sangat menyentuh hati dan memberi inspirasi kepada ahli-ahli jabatan yang lain.

Sambutan JHRJE 2025 diteruskan dengan jamuan makan dan aktiviti "borak santai *senior junior*", iaitu perkongsian pengalaman oleh mantan ahli jabatan ekonomi. Kami mengambil kesempatan merakamkan momen indah dengan mengambil gambar bersama sebagai kenangan. Sambutan diakhiri dengan acara bersalam-salaman memohon kemaafan antara ahli jabatan.







LAPORAN BENGKEL PENULISAN MENTOR MENTEE SIRI 2

Norfariza Mohd Ali, Dr Tan Yan Ling, Azman Ali@Saip

Bengkel Penulisan Mentor Mentee siri 2 telah diadakan pada 20 Jun 2025 bertempat di bilik EKSA ACIS UiTM Cawangan Johor. Semua pensyarah ekonomi terlibat dalam bengkel ini. Bengkel ini adalah kesinambungan daripada Bengkel Penulisan Mentor Mentee siri 1. Objektif kali ini berbeza kerana setiap kumpulan perlu membentangkan hasil penulisan dari siri 1 dan merancang untuk hasil penulisan seterusnya pula. Pensyarah ekonomi seramai 12 orang dibahagikan kepada 2 kumpulan penyelidikan. Setiap kumpulan mempunyai 2 orang pensyarah berpangkat Dr yang bertindak sebagai mentor kepada ahli dalam kumpulan.

Bengkel dimulakan dengan ucapan daripada Koordinator Prasiswazah BA114 dan BA119 merangkap Ketua Jabatan Ekonomi. Kemudian penerangan objektif dan sasaran penulisan siri 2 oleh Ketua Projek iaitu Dr Fatin Farazh. Sasaran penulisan mentor mentee ini meletakkan sekurang-kurangnya dua penulisan berindeks dan permohonan geran *Gbest* daripada setiap kumpulan. Carta perbatuan untuk perancangan masa penulisan dan penerbitan berindeks juga turut diterangkan oleh beliau.

Setelah mendengar penerangan oleh Ketua Projek, ahli Jabatan berkumpul mengikut kumpulan masing-masing dan memulakan perbincangan penulisan. Bengkel berakhir pada pukul 12.30 tengahari untuk memberi laluan kepada pensyarah lelaki menunaikan solat Jumaat.






e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENGAJARAN KOLABORATIF ECO120

Aidarohani Samsudin, Dr Nur Fatihah Shaari, Azman Ali

Sesi pengajaran kolaboratif *Principles of Economics* (ECO120) sekali lagi diadakan untuk para pelajar yang mengambil subjek ini pada semester Mac-Julai 2025. Subjek ini hanya dikhususkan kepada pelajar semester dua dalam jurusan Diploma Sains Matematik (CDCS 143). Terdapat tujuh (7) model yang boleh digunakan dalam pengajaran kolaboratif. Sesi pengajaran kolaboratif bagi kod ECO 120 ini telah memilih model dua (2) iaitu menggunakan pensyarah tamu dan kuliah mass. Kuliah mass ini menghimpunkan lima kelas iaitu seramai 116 orang pelajar. Terdapat dua orang pensyarah mengajar bagi subjek ini termasuk seorang ketua kursus (*Lecturer in-Charge*).

Prof Madya Dr Tey Sheik Kyin dari Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) telah dijemput sebagai pensyarah jemputan. Beliau telah memberikan syarahan yang bertajuk *Rising Costs, Shrinking Wallets: Understanding Inflation and Economic Challenges in Malaysia* secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet* selama 2 jam iaitu dari pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi. Tajuk ini dipilih sebagai tajuk pengajaran kolaboratif kerana perbincangannya berkaitan dengan silibus ECO120 iaitu pada topik ke-7 *Inflation & Unemployment*. Bukan itu sahaja, perbincangan ini menggunakan contoh negara Malaysia sebagai kajian kes supaya pelajar dapat memahami tajuk ini dengan lebih luas dan mengadaptasinya secara realiti.

Seramai enam (6) orang pelajar telah dipilih untuk menjadi ahli jawatankuasa sesi pengajaran kolaboratif ini sambil dibantu dan dipantau oleh 2 orang pensyarah subjek. Penglibatan pelajar sebagai ahli jawatankuasa ini akan

memberi pengalaman berguna untuk mereka dan mengasah kemahiran insaniah sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan kelak.

Sesi dimulakan dengan bacaan doa daripada ahli jawatankuasa dan diteruskan oleh moderator dengan pengenalan biodata penceramah jemputan. Setelah selesai syarahan daripada penceramah jemputan, program diteruskan dengan sesi soal jawab sebelum sesi bergambar dan bersurai.

Rata-rata pelajar memberi maklum balas yang positif terhadap sesi pengajaran kolaboratif ini. Sememangnya ini adalah salah satu objektif pengajaran kolaboratif di mana pelajar dapat menimba ilmu merentasi universiti. Moga ilmu yang disampaikan memberi manfaat kepada para pelajar dan pengajaran kolaboratif ini dapat diteruskan lagi untuk semester yang akan datang.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENGAJARAN KOLABORATIF MALAYSIAN ECONOMICS (ECO261): SUSTAINABLE GROWTH IN MALAYSIAN TOURISM

Nur Fatihah Shaari, Rosmah bt Abd Ghani@ Ismail, Fatin Farazh Ya'acob

Kursus Malaysian Economics (ECO261) merupakan kursus yang mengupas prestasi ekonomi Malaysia sejak kemerdekaan, merangkumi perkembangan sektor ekonomi, perubahan struktur ekonomi, serta pelbagai isu sosio-ekonomi yang wujud. Bagi memastikan para pelajar dapat menyelami perkembangan dan struktur ekonomi terkini, pensyarah mengajar telah menjemput Profesor Madya Dr. Syamsul Herman Mohamad Affandi dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai penceramah jemputan pengajaran kolaboratif.

"Sustainable Growth in Malaysian Tourism: Addressing Structural Challenges and Opportunities" merupakan tajuk yang telah dikupas oleh penceramah pada sesi yang telah berlangsung selama dua (2) jam pada 27 Mei 2025. Selain daripada perkongsian ilmu, penceramah juga telah mewujudkan aktiviti dua hala seperti soal jawab interaktif dan kuiz bagi memastikan pelajar tidak hanya mendengar, tetapi memahami, berfikir dan memberi respon yang baik.

Antara intipati perkongsian adalah sumbangan sektor pelancongan Malaysia kepada KDNK, peluang pekerjaan dan pendapatan pertukaran kadar matawang asing. Pertumbuhan sektor pelancongan bukan hanya dilihat dari segi jumlah pendapatan mahupun bilangan pelancong, malah ia perlu diseimbangkann dengan kelestarian alam sekitar, budaya, dan kesejahteraan komuniti tempatan. Terdapat beberapa cabaran yang telah dibincangkan oleh penceramah antaranya isu infrastruktur: kekurangan penyelenggaran destinasi pelancongan dan kualiti kemudahan awam dan digital yang tidak menyeluruh. Isu tekanan alam sekitar: "overtourism" di lokasi pelancongan yang popular seperti Langkawi dan Pulau Tioman, serta pencemaran laut, kemusnahan ekosistem hutan dan pantai dan isu sumber manusia turut dibincangkan.

Namun begitu, setiap isu yang wujud disertakan dengan cadangan penyelesaian. Pembangunan infrastruktur yang lestari adalah digalakkan seperti pelaburan dalam pengangkutan hijau, kemudahan yang lebih mesra pelancong, dan memperbanyakkan kemudahan sistem pelupasan sisa domestik. Selain itu, Malaysia juga digalakkan untuk mempelbagaikan tumpuan produk pelancongan seperti pelancongan perubatan dan pelancongan halal, dan memperkukuhkan kerjasama serantau untuk mempromosikan pelancongan yang berasaskan kelestarian.


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Johor
Kampus Segamat
UPM
COLLABORATIVE TEACHING ECO261
SUSTAINABLE GROWTH IN MALAYSIAN TOURISM: ADDRESSING STRUCTURAL CHALLENGES AND OPPORTUNITIES
27 MAY 2025 (TUESDAY)
8:00 AM - 10:00 AM
https://meet.google.com/xbt-kvvw-mvt
SPEAKER:
ASSOC. PROF. DR SYAMSUL HERMAN MOHAMMAD AFANDI
DEPARTMENT OF ECONOMICS
SCHOOL OF BUSINESS AND ECONOMICS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)
ECO261: COMPULSORY TO BA111 PART 5 STUDENTS
ORGANIZED BY:
DEPARTMENT OF ECONOMICS
FACULTY OF BUSINESS AND MANAGEMENT
UITMCJ KAMPUS SEGAMAT
SCAN ME
UiTM di hatiku


Malaysia
TOURISM HIGHLIGHTS
8:41 AM | COLLABORATIVE TEACHING ECO261

PERTANDINGAN INOVASI "*BUSINESS CARNIVAL AND CAREER FAIR 2025*"

Nurul Fahana Aini Harun, Fairuz Ramli, Ruqaiyah Ab Rahim

Pada 16 dan 17 Jun 2025, bertempat di PTDI UiTM Pasir Gudang, telah berlangsung Pertandingan Inovasi sempena *Business Innovation and Career Fair* (BICC) 2025 yang disertai oleh seramai 56 kumpulan pelajar. Peserta pertandingan terdiri daripada pelajar semester empat Diploma Pengangkutan (BA117) yang mengambil kod subjek MGT315, *Creative and Critical Thinking*. Pertandingan ini menjadi wadah penting dalam mengasah kreativiti, pemikiran kritis, serta inovasi pelajar melalui penghasilan idea baharu yang mampu memberi impak positif kepada masyarakat dan industri.

Daripada jumlah penyertaan tersebut, hanya 10 kumpulan telah berjaya dipilih sebagai pemenang utama. Antara idea inovasi yang menyerlah termasuklah kumpulan 5 in 1 Eco Tyre, Agroponics, dan 3 in 1 Umbrella. Projek-projek yang diketengahkan bukan sahaja menampilkan elemen kreatif, malah menekankan aspek kelestarian dan penyelesaian masalah harian. Kejayaan para pelajar ini membuktikan kemampuan mereka untuk menghasilkan idea yang bukan sahaja bernilai akademik, malah berpotensi untuk dikembangkan ke peringkat lebih tinggi.



Program ini turut diserikan dengan kehadiran Penolong Rektor, Dr. Siti Khadijah Alias, yang memberikan sokongan penuh terhadap usaha membudayakan inovasi di kalangan pelajar. Puan Nor Fazlin Uteh bertindak sebagai Pengarah Program manakala Puan Nurul Fahana Aini Harun sebagai Timbalan Pengarah Program. Kejayaan penganjuran pertandingan ini diharapkan mampu menjadi inspirasi kepada para pelajar lain untuk terus melahirkan idea kreatif serta menyumbang kepada pembangunan industri dan komuniti pada masa hadapan.





AGM DiBA NOSTALGIA RAYA 24/25

Aidarohani Samsudin, Nur Fatihah Shaari, Rosmah Ghani @ Ismail

Program “AGM DiBA Nostalgia Raya 24/25” dirangka khas sebagai satu platform rasmi dan santai untuk mengukuhkan hubungan dalam kalangan ahli Diploma in Banking Association (DiBA) UiTM Cawangan Johor, di samping meningkatkan kemahiran insaniah yang amat diperlukan dalam era globalisasi masa kini. AGM (*Annual General Meeting*) bukan sahaja bertujuan menyampaikan laporan dan memilih barisan kepimpinan baharu, tetapi juga memberi ruang kepada mahasiswa untuk mengasah keupayaan berorganisasi, berkomunikasi secara berkesan, serta membina semangat kerja berpasukan.

Dalam suasana sambutan Hari Raya yang penuh nostalgia, program ini turut diselitkan dengan aktiviti santai dan interaktif yang dapat memupuk nilai empati, rasa hormat, dan toleransi antara satu sama lain. Elemen kemasyarakatan ini penting dalam membina mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik dan teknikal, tetapi juga mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi.

Kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi, penyelesaian masalah, serta kecerdasan emosi semakin mendapat perhatian dalam dunia pekerjaan moden yang kompetitif dan kompleks. Walaupun kemajuan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) terus berkembang pesat, nilai-nilai kemanusiaan seperti kreativiti dan keupayaan menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi tetap menjadi kelebihan utama seseorang individu.

Melalui AGM DiBA Nostalgia Raya 24/25, peserta berpeluang mempraktikkan *soft skills* ini dalam suasana sebenar melalui penyertaan dalam

sesi dialog terbuka, aktiviti kumpulan, dan pengurusan program. Tambahan pula, penganjuran dalam konteks sambutan perayaan membantu menyemai semangat perpaduan dan identiti budaya yang kukuh dalam kalangan mahasiswa.

Justeru itu, program ini bukan sahaja penting dalam aspek pentadbiran persatuan, malah merupakan satu inisiatif holistik yang mampu membentuk pelajar yang lebih seimbang, profesional dan berdaya saing dalam pasaran kerja masa hadapan.





LAPORAN TALK SESSION: KNOW YOUR FUTURE PATH

Fatin Farazh Ya'acob, Nur Fatihah Shaari, Aidarohani Samsudin

Pada 24 Jun 2025, Dewan Kuliah Jauhari UiTM Cawangan Johor bergema dengan semangat mahasiswa apabila Persatuan Diploma in Banking Association (DiBA) menganjurkan program *Talk Session: Know Your Future Path*. Program ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada para pelajar tentang perjalanan akademik dan kerjaya, sekaligus membangkitkan motivasi untuk merancang masa depan dengan lebih yakin dan terarah.

Majlis dimulakan dengan penuh rasa kebersamaan melalui nyanyian lagu kebangsaan Negaraku dan UiTM Di Hatiku, dituruti bacaan doa bagi memberkati perjalanan program. Kehadiran penasihat DiBA, Dr. Nur Fatihah Shaari dan Dr. Fatin Farazh Ya'acob, serta penceramah jemputan Encik Mohd. Khairul Ariff Noh telah menyerikan lagi suasana malam tersebut.

Sorotan utama ialah sesi perkongsian oleh Encik Mohd. Khairul Ariff yang dipandu moderator Muhammad Amirul Adha Soalman. Beliau berkongsi pengalaman berharga mengenai persediaan menghadapi alam pekerjaan, kepentingan membina keyakinan diri serta strategi menetapkan hala tuju kerjaya. Pelajar bukan sahaja menerima input akademik, malah turut didorong untuk berfikir lebih jauh tentang peranan mereka sebagai bakal graduan yang akan menempuh dunia profesional.

Lebih daripada 200 mahasiswa telah hadir dan menunjukkan sambutan luar biasa terhadap program ini. Bagi barisan urusetia Persatuan DiBA yang terdiri daripada 24 orang, kejayaan menganjurkan acara ini menjadi pengalaman berharga dalam membina kepimpinan, memperkukuh kerjasama pasukan dan meningkatkan kecekapan pengurusan program.

Program ini telah memberi kesan mendalam kepada para peserta. Ramai pelajar menyatakan bahawa mereka lebih jelas tentang pilihan pengajian selepas diploma, prospek kerjaya dalam bidang perbankan serta pentingnya merancang langkah seterusnya sejak awal. Sesi ini juga berjaya menanamkan keyakinan bahawa dengan persediaan yang betul, setiap pelajar berpotensi untuk berjaya di peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, pengisian yang bersifat motivasi membantu mahasiswa meningkatkan kesedaran tentang kemahiran insaniah seperti komunikasi, pengurusan masa dan kepimpinan yang merupakan aspek penting yang sering menjadi kelebihan dalam dunia pekerjaan. Dengan itu, impak program ini bukan sahaja bersifat akademik, tetapi juga menyeluruh terhadap pembangunan diri pelajar.

Talk Session: Know Your Future Path membuktikan bahawa pendedahan awal dan bimbingan yang tepat mampu memberi lonjakan keyakinan kepada mahasiswa. Lebih daripada sekadar ceramah, ia adalah satu pengalaman pembelajaran yang memberi inspirasi, membina wawasan dan memotivasikan pelajar untuk merancang masa depan dengan lebih sistematik.

.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SOCIOECONOMIC IMPACTS OF SWIFTLET RANCHING ON LOCAL COMMUNITIES

Fatin Farazh Ya'acob, Juliana Mohamed Abdul Kadir, Azman Ali@ Saip

Swiftlet ranching, the cultivation of swiftlets for the production of edible bird's nests (EBN), has emerged as a growing economic activity in Southeast Asia, particularly in Malaysia, Indonesia, Thailand, and Vietnam. Edible bird's nests, often known as the "caviar of the East," are prized for their nutritional and medicinal values and command high demand in international markets, especially in China. Globally, the industry generates billions of dollars annually, offering significant socioeconomic opportunities to local communities involved in this enterprise (Lim & Cranbrook, 2017).

The unique feature of swiftlet ranching is its reliance on converted or purpose-built structures that serve as nesting habitats. Unlike traditional agriculture, it requires minimal land use and can thrive in both rural and semi-urban areas. For local communities, particularly those in coastal regions, swiftlet ranching provides an alternative livelihood with relatively high returns compared to farming or fishing (Abidin & Othman, 2020). The profitability of EBN production has allowed many smallholders to diversify income sources, thereby improving household financial stability. This income supports better living standards, including access to education, healthcare, and property ownership. Furthermore, the industry indirectly stimulates local economies by creating employment in construction, maintenance, processing, and distribution (Rahman *et al*., 2021). Beyond financial gains, swiftlet ranching has social implications. It often promotes upward social mobility, as families are able to invest in their children's education and professional development. In some communities, ranchers form cooperatives or associations to regulate industry practices, maintain quality, and secure fair prices, thereby strengthening community solidarity (Koon, 2011)

Despite its promising contributions, swiftlet ranching is vulnerable to price volatility and fluctuating global demand. Since the industry is heavily export-oriented, international regulations on food safety and traceability pose challenges, particularly for small-scale ranchers with limited resources (Rahman *et al.*, 2021). Environmental sustainability also warrants attention. Over-reliance on artificial nesting houses and improper management practices could potentially disrupt wild swiftlet populations and ecological balance. Without proper regulation, the long-term viability of the industry may be at risk (Lim & Cranbrook, 2017).

Swiftlet ranching offers immense potential to transform rural economies and improve community welfare. It has proven to be a profitable industry that enhances livelihoods, supports social mobility, and stimulates local development. However, challenges in regulation, environmental sustainability, and social acceptance must be carefully managed. As global demand for edible bird's nests continues to rise, responsible management and equitable participation will determine the long-term socioeconomic impact of this industry. With proper governance, swiftlet ranching can be more than a commercial pursuit—it can serve as a driver of inclusive and sustainable development.

References

Abidin, R. Z., & Othman, N. (2020). Socioeconomic impacts of swiftlet farming on local communities in Malaysia. International Journal of Business and Society, 21(2), 857–872.

Koon, L. C. (2011). Bird's nest soup: The cultural economy of an Asian delicacy. University of Chicago Press.

Lim, C. K., & Cranbrook, E. (2017). The swiftlets of Borneo: Builders of edible nests. Natural History Publications (Borneo).

Rahman, A., Abdullah, R., & Zainal, M. (2021). The development and challenges of the edible bird's nest industry in Malaysia. Journal of Agribusiness and Rural Development, 59(1), 75–88.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KESEDARAN GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

Diana' Mazan, Siti Nordiyana Isahak, Norfariza Mohd Ali

Gangguan seksual adalah salah satu perlakuan tidak bermoral yang dilakukan oleh seseorang terhadap seseorang yang lain. Kebiasaan seseorang yang melakukan gangguan seksual ini (pelaku) mengalami ketidaksejahteraan psikologi, mengalami permasalahan dalam kehidupan dan perhubungan keluarga yang kurang stabil. Perlakuan pelaku sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal akan menyebabkan mangsa mengalami trauma.

Antara jenis-jenis gangguan seksual yang kebiasaannya berlaku di tempat kerja adalah gangguan fizikal, gangguan secara lisan, gangguan secara isyarat, gangguan secara visual dan gangguan secara psikologi. Gangguan secara fizikal adalah dengan cara mendekati individu (mangsa) sehingga mangsa kurang selesa atau menyentuh mangsa dengan pelbagai cara. Manakala gangguan secara lisan terjadi apabila pemangsa menggunakan bahasa-bahasa lucah di dalam komunikasi atau membuat bunyi yang tidak menyenangkan dan mengajukan soalan secara seksual seperti tubuh badan dan aktiviti seksual.

Gangguan secara isyarat pula melibatkan perbuatan atau perlakuan yang memberi maksud atau gambaran seksual seperti menjilat bibir, merenung dan lain-lain lagi. Seterusnya, gangguan secara visual pula seperti menghantar apa-apa ayat mengunakan apa-apa kaedah yang mempunyai atau membawa maksud seksual dan gangguan yang terakhir adalah gangguan psikologi iaitu apabila pemangsa cuba merapati, mendorong, mendesak, mengugut atau merayu bagi memenuhi keinginan seksual mereka.

Antara tindakan yang patut diambil oleh mangsa ialah :

i. Mangsa perlu mengemukakan aduan kepada Unit Integriti di tempat atau jabatan di mana mangsa bertugas.

ii. Membuat laporan polis

iii. Menghubungi pegawai psikologi atau kaunselor jabatan di mana mangsa bertugas atau agensi-agensi yang mengendalikan isu-isu gangguan seksual.

iv. Mengumpul bukti catatan atau rekod tarikh, tempat, masa dan sebagainya.

Gangguan seksual ini boleh diatasi sekirannya mangsa berani mendedahkan kejadian yang berlaku, organisasi menyediakan sistem sokongan yang padu kepada mangsa serta semua agensi bekerjasama mengatasi masalah ini. Mari kita bersama hapus dan banteras gangguan seksual terutamanya di tempat kerja.

"Persekitaran Kerja yang Selamat, Menjamin Kerja yang Berkualiti"





Sumber gambar : Google image

RUJUKAN

Jabatan Perkhidmatan Awam. (2019). *Gangguan seksual di tempat kerja*. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/2019/Gangguan_Seksual_Di_Tempat_Kerja.pdf

PKNS. (n.d.). *Gangguan seksual di tempat kerja* [PDF]. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). https://e-perundangan.pkns.gov.my/img/SLIDE%20GANGGUAN%20SEKSUAL%20KLINIK%20PERUNDANGAN.pdf

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KETIDAKSAMAAN PENDAPATAN DI MALAYSIA

Rosmah Abdul Ghani@Ismail, Siti Nordiyana Isahak, Norfariza Mohd Ali

Ketidaksamaan pendapatan di Malaysia masih menjadi isu yang membimbangkan walaupun ekonomi negara menunjukkan pertumbuhan yang stabil. Salah satu ukuran utama ketidaksamaan pendapatan ini ialah Indeks Gini. Indeks Gini mengukur mengukur sejauh mana pendapatan diagihkan secara tidak seimbang di kalangan penduduk. Nilai Gini yang menghampiri kepada nilai satu (1) menunjukkan ketidaksamaan yang lebih tinggi.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), nilai Gini Malaysia pada tahun 2022 ialah 0.407 iaitu hampir sama dengan tahun 2019. Ini menunjukkan bahawa jurang pendapatan tidak banyak berubah walaupun selepas pandemik COVID-19 (OpenDOSM, 2023). Agihan kekayaan masih tidak seimbang walaupun ekonomi berkembang.

Data terkini menunjukkan bahawa kumpulan T20 (20% teratas) menguasai hampir 46.3% daripada jumlah pendapatan isi rumah negara. Manakala B40 (40% terbawah) hanya menerima sekitar 16.1% sahaja (StashAway, 2024). Bukti ini menunjukkan jurang yang besar antara golongan kaya dan miskin. Tambahan pula, selepas pandemik walaupun pelaburan asing dan pertumbuhan KDNK meningkat, kuasa beli rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah semakin merosot. Harga makanan meningkat lebih 17% manakala gaji sebenar (selepas ditolak inflasi) menurun. Ramai graduan muda kini bekerja dalam sektor tidak formal atau menerima gaji yang lebih rendah berbanding sebelum pandemik (Sinar Harian, 2025).

Faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidaksamaan ini termasuk:

● Urbanisasi tidak seimbang: Kawasan bandar seperti Lembah Klang berkembang pesat manakala kawasan luar bandar seperti Lojing di Kelantan masih mencatat kadar kemiskinan melebihi 30%.

● Perbezaan tahap pendidikan dan peluang pekerjaan: Ramai graduan tidak mendapat pekerjaan setaraf kelayakan menyebabkan mereka terperangkap dalam pekerjaan bergaji rendah.

● Kos sara hidup yang meningkat: Kenaikan harga barang asas, tarif elektrik, dan pengurangan subsidi bahan api memberi kesan besar kepada golongan B40.

Kesimpulannya, walaupun Malaysia mencatat pertumbuhan ekonomi yang positif, jurang pendapatan antara kumpulan pendapatan masih melebar dan ini menuntut dasar yang lebih inklusif dan bersasar.

Rujukan

OpenDOSM. (2023). Gini Coefficient for Malaysia (1970–2022). Jabatan Perangkaan Malaysia. https://open.dosm.gov.my/data-catalogue/hh_inequality?visual=gini

StashAway. (2024, November 16). B40, M40, T20 and T15 in 2024: A Deep Dive into Malaysia's Income Groups. https://www.stashaway.my/r/b40-m40-t20-t15-malaysia

Sinar Harian. (2025, April 25). Paradoks Ekonomi Malaysia Pasca Pandemik: Ekonomi Berkembang, Kuasa Beli Rakyat Berkurang. https://www.sinarharian.com.my/article/724919/khas/pendapat/paradoks-ekonomi-malaysia-pasca-pandemik-malaysia-ekonomi-berkembang-kuasa-beli-rakyat-berkurang

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MUFLIS SEBELUM SENJA

Bazri Abu Bakar, Siti Nordiyana Isahak, Aidarohani Samsudin

Hari pertama kuliah, masing-masing pelajar menyibukkan diri dengan telefon bimbit mengambil nota berkaitan jadual, nama pensyarah, nombor telefon, butiran rakan sekelas, dan sebagainya. Wow! Ramai yang menggunakan model '*iPhone*' terbaru yang harga masing-masing bukan calang-calang. Pensyarahnya pula hanya menggunakan '*mid-range*' model *android* (tiga model terbelakang) daripada model terkini. Kelas berikutnya pula melihatkan para pelajar majoritinya mengambil nota kuliah menggunakan pelbagai model '*iPad*', satu lagi model keluaran Apple yang premium. Bila ditanya soalan mengapa produk keluaran Apple yang puratanya mahal, rata-rata jawapan yang seakan-akan sama terkeluar: alat yang lebih premium, imej yang lebih mewah, nak setaraf dengan kawan-kawan, mudah diguna, dan sebagainya.

Betul atau tidak bukanlah isunya tetapi soalan yang lebih menarik ialah bagaimana pelajar-pelajar yang majoritinya belum mempunyai kemampuan kewangan sendiri sanggup membelanjakan harga premium berbanding produk yang jauh lebih murah dengan fungsi yang sama dan kadang-kadang melebihi produk premium tersebut. Mungkinkah strategi pengiklanan yang hebat mempengaruhi para pelajar tersebut? Atau adakah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya? Atau mungkinkah juga disebabkan pelajar gagal membezakan apakah keperluan atau kehendak?

Soalan berkaitan keupayaan pembelian dijawab dengan jawapan yang agak pelbagai, sebahagiannya menggunakan duit pinjaman dari institusi pembiayaan seperti PTPTN yang sepatutnya digunakan untuk tujuan yang lebih memerlukan. Ada juga yang sanggup mengambil risiko bayaran ansuran dan terpaksa mengikat perut demi memenuhi kehendak, bukan keperluan.

Biar papa asal bergaya.

"*Old habits die hard*" kata 'mat salleh'. Sifat biar papa asal bergaya yang dipupuk sewaktu di institusi pengajian sekiranya dibawa ke pasaran buruh bakal mengundang masalah yang besar, bukan sahaja bagi individu tersebut malah boleh membebankan keluarga sendiri, masyarakat, dan negara. Individu akan berhadapan dengan gaji bersih yang lebih kecil, keluarga bakal dibebankan dengan rungutan dan pergaduhan, masyarakat menghadapi kesan-kesan negatif terutama yang melibatkan pinjaman dari ceti haram, dan negara akan berkurangan atau kehilangan produktiviti apabila masalah-masalah berkaitan hutang dibawa ke tempat kerja.

Jabatan Insolvensi Malaysia mencatatkan jumlah keseluruhan 116,614 kes kebangkrapan yang ditadbir untuk tempoh sehingga Julai 2025. Bagi tempoh tahun 2021 sehingga Julai 2025 sahaja, sebanyak 26,715 kes telah direkodkan. Bagi tempoh 5 tahun yang sama, hampir 15% kes terdiri daripada yang berumur antara 25 sehingga 34 tahun, 40% daripada yang berumur di antara 35 sehingga 44 tahun, dan 30% daripada yang berumur di antara 45 sehingga 54 tahun. Secara keseluruhannya, 85% kes-kes kebankrapan terdiri daripada umur antara 25 sehingga 54 tahun, umur yang masih produktif dan sangat penting untuk pembangunan negara. Bagi jantina pula, 70% kes bankrap terdiri dari lelaki manakala selebihnya perempuan. Untuk pecahan kaum pula, kaum Melayu mendominasi kes dengan 57%, diikuti dengan kaum Cina sebanyak 27%, dan kaum India dengan 7.5%. Sebanyak 85% kes kebankrapan melibatkan hutang melebihi RM500,000 manakala pekerja sektor swasta, sektor awam, dan peniaga mewakili hampir 65% daripada kes.

Antara punca-punca kepada kebankrapan yang direkodkan Jabatan Insolvensi Malaysia ialah:

- Pinjaman peribadi (48%)
- Pinjaman perniagaan (20%)

- Sewa beli kenderaan (8%)
- Pinjaman perumahan (8%)
- Kad kredit (3%)

Punca utama masalah ini berlaku adalah pinjaman peribadi dan kebanyakannya dilakukan bukan disebabkan keperluan tetapi gaya hidup. Laman rasmi Majlis Keselamatan Negara melaporkan bahawa antara pemangkin kepada pinjaman peribadi ialah untuk pembelian kenderaan, deposit pinjaman perumahan, persiapan perkahwinan, pembelian telefon pintar, percutian, serta modal awal perniagaan.

Makanya, bagi mengurangkan risiko kebankrapan, adalah penting untuk semua mengelakkan keberhutangan yang melampau. Berhutang hanya sekiranya berkeperluan, dan mendapatkan khidmat pakar seperti Jabatan Insolvensi Malaysia sekiranya telah terperangkap dalam keadaan yang mendesak.

Rujukan:

Majlis Keselamatan Negara. (2024, 24 September). *Mengapa ramai anak muda jatuh bankrap?* MKN. https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/09/24/mengapa-ramai-anak-muda-jatuh-bankrap/

Sinar Harian. (2024, 2 Oktober). *Statistik kebankrapan* [Infografik]. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/688749/infografik/statistik-kebankrapan

Jabatan Insolvensi Malaysia. (2025). *Portal rasmi Jabatan Insolvensi Malaysia*. https://www.mdi.gov.my/

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENGURUSAN HUTANG MAMPAN

Bazri Abu Bakar, Norfariza Mohd Ali, Tan Yan Ling

Bajet Malaysia bagi tempoh tahun 1990 sehingga tahun 2025 menunjukkan strategi yang sentiasa berkembang sepadan perubahan ekologi ekonomi dan sosioekonomi dunia. Bajet terbesar di dalam sejarah berlaku pada tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM421 billion dengan fokus kepada enam 'Kerangka Ekonomi Madani' iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, kehormatan, keyakinan, dan ihsan. Bajet 2025 menumpukan penyatuan fiskal dan pembaharuan struktur, dengan sasaran defisit menurun kepada 3.8% daripada KDNK. Usaha ini didukung melalui peningkatan hasil negara, kecekapan perbelanjaan, dan dasar fiskal yang strategik, sambil memperkukuh daya saing, kesejahteraan sosial dan pelaburan asing..

Dalam kerangka belanjawan ini, dua paksi utama digariskan iaitu punca pendapatan dan hala tuju perbelanjaan. Sumber kewangan negara digerakkan oleh kutipan cukai, eksploitasi sektor ekonomi utama, serta pinjaman dalam dan luar negeri. Lebih 50% hasil negara diagihkan kepada tiga keutamaan emolumen penjawat awam, tanggungan hutang, serta jaringan subsidi dan bantuan sosial.

Hutang kerajaan merupakan salah satu instrumen pembiayaan negara yang bergantung sepenuhnya kepada perancangan fiskal kerajaan. Situasi lebihan berlaku apabila perbelanjaan dirancang lebih rendah daripada pendapatan dijangka, manakala sebaliknya untuk defisit. Malaysia mencatatkan lebihan fiskal hanya antara tahun 1993 hingga 1997, manakala tahun-tahun lain, khususnya 2021 sewaktu pandemik COVID-19, menunjukkan defisit paling tinggi. Hutang negara membawa komitmen besar terhadap pembayaran faedah, dan kegagalan pembayaran akan mendedahkan negara kepada risiko ekonomi seperti kemelesetan, penyusutan nilai mata wang, inflasi, dan peningkatan kos pinjaman.

Kesan domino ini menghakis keyakinan pelabur, menjejaskan perbelanjaan pengguna dan pelaburan perniagaan, serta mengheret negara ke dalam krisis sosial, ketidakseimbangan sosio-ekonomi, ketidakstabilan politik dan kehilangan kepercayaan rakyat. Akhirnya, negara boleh disingkirkan daripada pasaran kredit antarabangsa, mengalami peningkatan kos pinjaman akibat skor kredit yang lemah, dan berdepan kitaran pertumbuhan ekonomi yang tidak menentu serta tekanan fiskal yang berpanjangan.

Kebergantungan kepada hutang sebagai sumber kewangan negara menuntut pengurusan yang strategik dan efisien. Kerajaan perlu memastikan setiap ringgit yang dipinjam memberikan pulangan kepada pembangunan dan kebajikan rakyat. Melalui perluasan hasil dan kawalan perbelanjaan, kerajaan mampu mewujudkan imbangan fiskal yang lebih kukuh.

Trend defisit fiskal yang semakin menurun sehingga 2025 memberi isyarat positif, dengan sasaran kurang 3% menjelang 2030. Sekiranya trend ini berterusan, beban hutang dapat dikurangkan, manakala lebihan fiskal kelak membuka laluan kepada pengurangan hutang keseluruhan. Ini akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan, kestabilan politik, dan peningkatan taraf hidup rakyat secara menyeluruh.

Rujukan:

https://theedgemalaysia.com/node/765303/The State of the Nation: Federal debt to rise past RM1.7 tril by 2030, 13MP fiscal pointers show

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1312728/inti-pati-belanjawan-2025/Inti pati Belanjawan 2025

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SLUM TOURISM

Rosmah Abd Ghani@Ismail, Dr Fatin Farazh Ya'acob, Mohd Azim Sardan

Slum Tourism ataupun Pelancongan Setinggan merupakan salah satu kategori pelancongan yang jarang kita dengar di Malaysia. *Slum Tourism* merujuk kepada lawatan pelancongan ke kawasan komuniti miskin bandar. Fenomena pelancongan setinggan ini telah berkembang secara meluas dan signifikan di beberapa negara Asia, Afrika dan Amerika Latin. Bukan hanya berfungsi sebagai pendekatan untuk menangani isu kemiskinan tetapi telah berubah menjadi satu bentuk pelancongan yang diiktiraf global. Kawasan yang dahulunya dianggap sebagai simbol kemiskinan kini menjadi destinasi pelancongan yang menarik jutaan pelancong setiap tahun.

Antara kawasan setinggan terbesar dan terkenal di Asia ialah Dharavi, Mumbai, India (Shang, Li & Ma, 2022). Dharavi menjadi destinasi pelancongan yang menarik ribuan pelancong setiap tahun selepas tayangan filem *Slumdog Millionaire* (2008) yang menggambarkan kehidupan seorang remaja dari kawasan setinggan Mumbai yang berjaya dalam rancangan kuiz *"Who Wants to Be a Millionaire?".* Filem fiksyen ini berjaya mengetengahkan aspek kemiskinan bandar, jurang sosial dan semangat juang masyarakat setinggan. Kejayaan filem ini telah mengubah pandangan dunia terhadap Dharavi dan permintaan pelancongan di kawasan ini meningkat secara mendadak.

Pengalaman autentik dan interaksi secara langsung dengan komuniti setempat menjadi nilai tambah yang dicari oleh pelancong. Pendedahan kepada realiti kehidupan miskin bandar memberi kesan yang kompleks dari sudut ekonomi, sosial dan etika. Mereka berpotensi untuk menjana pendapatan tambahan seperti pemandu pelancong, pengusaha kraftangan atau jualan makanan yang boleh meningkatkan kegiatan ekonomi mikro penduduk tempatan.

Seterusnya dana-dana daripada agensi pelancongan boleh digunakan untuk projek pembangunan infrastruktur, pendidikan dan kesihatan komuniti setinggan. Peningkatan kesedaran global terhadap isu kemiskinan, eksploitasi kanak-kanak dan jurang sosial juga mampu memperkukuh identiti komuniti melalui pengiktirafan terhadap budaya, daya tahan dan kreativiti seterusnya mengubah persepsi stereotaip terhadap komuniti setinggan.

Namun begitu, *Slum Tourism* ini turut menimbulkan isu etika seperti eksploitasi komuniti, pencerobohan privasi dan ketidakseimbangan kuasa antara pelancong dan penduduk setempat. Kehadiran pelancong dari negara maju di kawasan miskin sering mencerminkan dominasi global dan memperkuat stereotaip negatif seperti yang ditegaskan oleh Gui dan Zhong (2024), bahawa gambaran kemiskinan sering dipenuhi unsur ketakutan dan keterujaan yang memesongkan realiti sebenar.

Pelancongan setinggan mencerminkan perubahan dalam industri pelancongan ke arah pengalaman yang lebih autentik dan berorientasikan komuniti. Walaupun ia membuka peluang ekonomi dan meningkatkan kesedaran sosial, ia turut menimbulkan isu etika seperti eksploitasi dan ketidakseimbangan kuasa. Oleh itu, pendekatan yang beretika dan sensitif amat penting bagi memastikan manfaat pelancongan ini adil serta lestari untuk semua pihak.

Rujukan

Shang, Y., Li, F. S., & Ma, J. (2022). Tourist gaze upon a slum tourism destination: A case study of Dharavi, India. Journal of Hospitality and Tourism Management, 52, 478-486. https://doi.org/10.1016/j.jhtm.2022.08.008

Gui, T., & Zhong, W. (2024). When urban poverty becomes a tourist attraction: a systematic review of slum tourism research. Humanities and Social Sciences Communications, 11(1), 1-13. https://doi.org/10.1057/s41599-024-03696-w

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TEKNOLOGI BIKIN RAMAI MENGANGGUR?

Norfariza Mohd Ali, Dr Nur Fatihah Shaari, Dr Tan Yan Ling

Tahukah anda dalam ilmu ekonomi kita ada pengangguran teknologi? Ya, benar. Dalam situasi ekonomi sekarang, banyak pengangguran yang berlaku disebabkan teknologi. Apa itu pengangguran teknologi? Pengangguran teknologi berlaku apabila adanya teknologi baru yang mampu mengubah pekerjaan manusia. Pekerjaan mereka telah diambil alih oleh teknologi dan akhirnya mereka terpaksa menganggur dan disebut sebagai pengangguran teknologi.

Teknologi banyak membantu memudahkan urusan kita. Antara contoh yang kita boleh lihat dalam kehidupan seharian ialah pembayaran sendiri di kaunter tanpa bantuan juruwang pasar raya dan penggunaan emel atau melalui notifikasi di telefon tanpa menunggu ketibaan surat daripada posmen.

Teknologi memudahkan kerja kita tetapi ia mengubah cara kita bekerja. Terdapat beberapa pekerjaan yang akan lupus akibat teknologi tetapi wujud pekerjaan yang baru akibat teknologi. Cabaran yang timbul ialah bagaimana kita bersedia dengan keadaan ini. Jika dulu dengan kemahiran asas sudah mencukupi walau bagaimana pun ia berbeza dengan pasaran kerja sekarang. Pekerja perlu menuntut ilmu baharu supaya diterima dalam pasaran buruh semasa. Sekiranya kita tidak bersedia untuk menuntut ilmu baharu, kita akan terus menganggur. Pengangguran yang disebabkan teknologi. Tidak kira dalam sektor apa pun sama ada sektor pertanian, sektor pembuatan malah dalam sektor perkhidmatan pun sememangnya penggunaan teknologi sangat meluas digunakan. Dalam sektor pertanian, penggunaan dron pertanian semakin meluas digunakan di sekitar Kedah, Johor, Perak dan Sabah. Dron pertanian ini digunakan untuk tujuan menyembur racun serangga dan baja lebih cepat. Ini mengurangkan kos mengupah ramai pekerja ladang untuk menyembur secara manual.

Sektor pembuatan pula banyak penggunaan manusia diambil alih oleh mesin atau robot yang boleh bekerja lebih pantas dan berterusan tanpa henti. Banyak operator kilang elektronik di Penang diganti dengan robot pemasangan automatik. Sementelahan itu, di sektor perkhidmatan banyak urusan di kaunter bank boleh dibuat melalui mesin ATM atau melalui aplikasi mudah alih seperti CIMB Octo dan Maybank 2U.

Pekerja perlu memiliki kemahiran alternatif untuk terus kekal dalam pasaran buruh. Latihan semula (reskilling) penting sebagai nilai tambah dalam diri mereka. Latihan semula memberi kemahiran baru kepada pekerja agar mereka dapat bertukar bidang pekerjaan. Ilmu kemahiran digital, pengurusan data dan teknikal, pembuatan AI membuka peluang pekerjaan baharu dalam bidang teknologi, logistik digital, pembuatan mesin dan ekonomi gig.

Kesimpulannya, teknologi memang mengubah pekerjaan kita. Ia melupuskan pekerjaan yang sedia ada tetapi mewujudkan peluang pekerjaan yang baharu. Pengangguran teknologi ini tidak boleh dielakkan tetapi ia boleh diurus dengan memberi latihan semula (reskilling) kepada pekerja supaya mereka boleh menyesuaikan diri atau beradaptasi dengan pekerjaan baharu yang dicipta oleh teknologi baru.

Rujukan

Azizul, A. S., & El Pebrian, D. (2023). The use of drone for rice cultivation in Malaysia: Identification of factors influencing its farmers' acceptance. Journal of the Saudi Society of Agricultural Sciences, 22, 461–468. https://doi.org/10.1016/j.jssas.2023.04.005

Mokhtar, M., & Ismail, R. (2018). The impact of automation on employment in Malaysia. Retrieved from https://www.academia.edu/36936917/The_Impact_of_Automation_On_Employment_In_Malaysia

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

THE FOUR SCHOOLS OF THOUGHT IN ECONOMICS

Rosmah bt Abd Ghani@Ismail, Norfariza Mohd Ali, Siti Nordiyana Isahak

CLASSICAL ECONOMICS

Founders: Adam Smith, David Ricardo, John Stuart Mill

- Markets are self-regulating via the "invisible hand".
- Emphasis on laissez-faire policies and free markets.
- Limited government intervention.

NEOCLASSICAL ECONOMICS

Founders: Marshall, Carl Menger, Jevons

- Market Equilibrium where demand equals to supply.
- Price Mechanism.
- Economic decisions are made based on marginal cost and marginal utility.

KEYNESIAN ECONOMICS

Founders: John Maynard Keynes

- Government intervention is necessary to stabilize the economy.
- Demand drives economic output (especially during recessions).
- Advocates fiscal and monetary policies.

MONETARIST & NEW CLASSICAL ECONOMICS

Founders: Milton Friedman, Robert Lucas

- Emphasizes the role of monetary policy and controlling money supply.
- Inflation is primarily a monetary phenomenon.
- Criticizes Keynesian on Fiscal policy.

Reference

MOOSAVIAN, S. A. Z. N. (2022). Classicals versus Keynesians: A comprehensive table to teach 50 distinctions between two major schools of economic thought. Journal of Economic and Social Thought, 9(2), 63-79.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KESAN PERHUBUNGAN JARAK JAUH (PJJ) TERHADAP ANAK-ANAK

Nurul Fahana Aini Harun, Fairuz Ramli, Ruqaiyah Ab Rahim

Perhubungan jarak jauh (PJJ) semakin menjadi fenomena biasa dalam kehidupan moden, terutamanya apabila ibu bapa perlu merantau kerana tuntutan kerja, pengajian atau faktor ekonomi. Walaupun teknologi komunikasi memberi kemudahan untuk terus berhubung, kehadiran fizikal ibu bapa dalam kehidupan anak tetap tidak dapat diganti. Anak-anak yang membesar tanpa sokongan secara langsung daripada ibu atau bapa, sering berdepan dengan perasaan sunyi, rindu, dan kehilangan. Perasaan ini boleh meninggalkan kesan emosi mendalam sehingga menimbulkan trauma.

Trauma akibat ketiadaan ibu bapa di sisi biasanya muncul dalam bentuk keresahan, rasa tidak yakin, serta ketakutan untuk ditinggalkan. Anak mungkin mula memendam perasaan atau menjadi lebih sensitif terhadap situasi sekeliling. Dalam jangka panjang, trauma ini boleh mempengaruhi perkembangan sosial mereka, termasuk cara mereka berinteraksi dengan rakan sebaya dan orang dewasa. Anak yang tidak mendapat bimbingan emosi secukupnya berisiko membesar dengan keyakinan diri yang lemah.

Selain kesan emosi, PJJ juga memberi impak besar kepada pelajaran anak. Ketiadaan dorongan dan pengawasan langsung daripada ibu bapa boleh menyebabkan anak kurang bersemangat untuk belajar. Emosi yang terganggu membuatkan mereka sukar fokus di sekolah, dan dalam sesetengah kes, pencapaian akademik mula menurun. Guru sememangnya memainkan peranan penting dalam membimbing, tetapi sokongan ibu bapa tetap menjadi tonggak utama dalam kejayaan pendidikan anak.

Walau bagaimanapun, tidak semua kesan PJJ bersifat negatif. Dalam sesetengah keadaan, anak yang membesar tanpa ibu atau bapa di sisi belajar untuk menjadi lebih berdikari. Mereka belajar menguruskan keperluan sendiri, menyesuaikan diri dengan keadaan, dan mencari jalan untuk berdiri atas kaki sendiri. Proses ini secara tidak langsung melatih daya tahan mental, menjadikan mereka lebih matang dalam menghadapi cabaran hidup. Kemahiran menyesuaikan diri ini akan memberi kelebihan kepada mereka apabila melangkah ke alam dewasa.

Namun begitu, kesan negatif ini masih boleh diminimumkan jika terdapat usaha yang berterusan daripada ibu bapa dan pihak sekeliling. Walaupun berjauhan, komunikasi yang konsisten seperti panggilan video, mesej suara, dan ucapan semangat mampu memberi motivasi kepada anak. Anak juga memerlukan sistem sokongan lain seperti guru, ahli keluarga terdekat, dan masyarakat yang prihatin bagi mengisi kekosongan emosi dan memastikan mereka tidak berasa diabaikan.

Kesimpulannya, perhubungan jarak jauh memberi kesan besar terhadap anak dari sudut emosi dan akademik. Trauma serta penurunan prestasi pelajaran adalah cabaran yang nyata, tetapi ia bukanlah sesuatu yang tidak boleh diatasi. Dengan kasih sayang yang berterusan, komunikasi yang jujur, serta sokongan daripada persekitaran, anak-anak tetap mampu membesar dengan sihat, seimbang, dan mencapai kejayaan dalam hidup mereka walaupun berjauhan daripada ibu bapa.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MEMAHAMI TARIF ELEKTRIK DI MALAYSIA: SATU KERANGKA YANG DINAMIK

Mohd Azim bin Sardan, Diana' binti Mazan, Fatin Farazh binti Ya'acob

Tarif elektrik di Malaysia merupakan satu aspek penting dalam kehidupan seharian dan operasi perniagaan. Ia bukan sekadar angka pada bil bulanan, tetapi sebuah struktur kompleks yang dikawal selia untuk memastikan bekalan elektrik yang stabil, mampu milik dan mampan untuk seluruh negara. Justeru, Artikel ini akan mengupas mengenai komponen-komponen utama dalam sistem tarif elektrik di Malaysia, termasuk perubahan terkini yang dilaksanakan.

Badan Kawal Selia dan Pembekal Utama

Di Semenanjung Malaysia, industri pembekalan elektrik dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga (ST), sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab untuk memastikan kecekapan dan keselamatan industri tenaga negara. Tenaga Nasional Berhad (TNB) pula merupakan syarikat utiliti elektrik terbesar yang bertanggungjawab dalam penjanaan, penghantaran dan pengagihan elektrik kepada sebahagian besar pengguna di Semenanjung.

Kategori Pengguna dan Struktur Tarif

Tarif elektrik di Malaysia dibahagikan kepada beberapa kategori utama, bergantung kepada jenis penggunaan. Setiap kategori ini mempunyai struktur tarif yang berbeza, yang mencerminkan corak dan jumlah penggunaan elektrik masing-masing.

Pengguna Domestik: Merujuk kepada kediaman persendirian.
Pengguna Komersial: Meliputi premis perniagaan seperti kedai, pejabat dan pusat membeli-belah.
Pengguna Industri: Merangkumi kilang dan loji perkilangan.
Pertanian dan Perlombongan: Kategori khusus untuk aktiviti pertanian dan perlombongan.
Lampu Jalan: Untuk pencahayaan jalan awam.

Perubahan Terkini: Struktur Tarif Baharu Mulai 1 Julai 2025

Bermula 1 Julai 2025, satu struktur tarif elektrik baharu telah dikuatkuasakan. Perubahan ini bertujuan untuk mewujudkan satu sistem yang lebih adil dan progresif bagi pengguna domestik di Semenanjung. Di bawah struktur baharu ini, sistem harga berperingkat sedia ada akan dipermudahkan.

Bil elektrik juga akan memaparkan perincian caj yang lebih telus, merangkumi empat komponen utama:

Caj Tenaga (sen/kWj): Kos sebenar elektrik yang digunakan
Caj Kapasiti (sen/kWj): Kos untuk memastikan kapasiti penjanaan elektrik sentiasa mencukupi.
Caj Rangkaian (sen/kWj): Kos penyelenggaraan dan operasi grid penghantaran dan pengagihan.
Caj Peruncitan (RM/bulan): Caj tetap untuk perkhidmatan seperti pembacaan meter, pengebilan dan khidmat pelanggan.

Sebagai contoh, bagi pengguna domestik, kadar caj tenaga akan berbeza berdasarkan jumlah penggunaan bulanan: kadar yang lebih rendah bagi penggunaan di bawah 1500kWj dan kadar yang lebih tinggi untuk penggunaan melebihi had tersebut.

Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api (AFA)

Satu elemen penting dalam penentuan tarif elektrik ialah Pelarasan Automatik Bahan Api (AFA), yang menggantikan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) sebelum ini. Mekanisme AFA membolehkan TNB membuat pelarasan pada bil elektrik pengguna setiap bulan, berdasarkan perubahan harga bahan api global seperti arang batu dan gas asli yang digunakan untuk menjana elektrik.

Sekiranya harga bahan api meningkat, surcaj akan dikenakan. Sebaliknya, jika harga bahan api menurun, pengguna akan menikmati rebat. Mekanisme ini memastikan kos penjanaan elektrik yang sebenar dapat dicerminkan dalam bil pengguna secara telus.

Inisiatif Kecekapan Tenaga

Kerajaan dan TNB turut menggalakkan penggunaan tenaga secara cekap melalui pelbagai inisiatif. Salah satunya ialah Tarif Masa Penggunaan (Time of Use - ToU), yang menawarkan kadar elektrik yang lebih rendah pada waktu luar puncak (off-peak). Ini memberi insentif kepada pengguna untuk mengalihkan penggunaan elektrik mereka ke waktu di mana permintaan terhadap elektrik adalah lebih rendah, sekali gus membantu mengurangkan beban pada grid nasional dan menjimatkan kos bil.

Secara kesimpulannya, tarif elektrik di Malaysia adalah satu sistem yang dinamik dan sentiasa dikaji semula untuk menyeimbangkan kos pembekalan, kemampuan pengguna dan kemampanan industri tenaga. Pemahaman yang jelas tentang struktur tarif dan komponen-komponennya dapat membantu pengguna menguruskan penggunaan elektrik dengan lebih bijak dan berhemah.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA KREATIF

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

EVOLUSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Tan Yan Ling, Diana' Mazan, Juliana Mohamed Abdul Kadir

Pembelajaran P&P tradisional,
murid mengikuti arahan, mendengar dan mencatat.
Struktur jelas, tetapi ruang untuk kreativiti terbatas,
hafalan dan disiplin menjadi ukuran utama.

Pengajaran moden mula membuka pintu interaktif,
murid dibimbing meneroka, bertanya, dan minda terbuka.
Pembelajaran berasaskan aktiviti membolehkan refleksi,
menghubungkan teori dengan praktikal.

Pendekatan inovatif menekankan penglibatan secara aktif,
tindakan setiap murid, pandangan semua dihargai.
Belajar secara kolaboratif, aktiviti berasaskan pengalaman,
membentuk pelajar yang inovatif, berfikiran kritis, dan berdikari.

HARAPAN BAHARU SELEPAS HUJAN

Tan Yan Ling, Mohd Azim Sardan, Juliana Mohamed Abdul Kadir

Selepas hujan, dedaun berkilau basah,
bunga mekar, hutan hijau, rumput segar.
Alam tenang dibelai sejuk hujan,
bagai disegarkan oleh rahmat hujan.

Keresahan jiwa mengalir pergi bersama hujan,
bunyi titisan hujan seperti melodi ketenangan.
Beban resah di hati perlahan reda,
jiwa kembali tenang di bawah langit cerah.

Dari rahmat hujan lahir sebuah janji,
bumi kekal segar, hati diperkukuhkan.
Harapan baharu berkilau dalam titisan embun,
membawa langkah ke arah masa depan yang cerah.

UKHUWAH TANPA SUARA

Siti Nordiyana Isahak, Rosmah Abd Ghani @Ismail, Norfariza Mohd Ali

Langkah seirama meniti perjalanan,
Beriring waktu tanpa sengketa,
Tidak sentiasa indah pandangan,
Namun hati tetap setia.

Tawa menjadi penawar derita,
Yang satu bersinar, yang lain turut ceria,
Dalam duka yang tidak dijangka,
Tangan dihulur, ikhlas tanpa bicara.

Langit tidak selamanya tenang,
Awan gelap kadang mendatang,
Namun kami tetap teguh tidak goyang,
Menempuh badai dengan semangat gemilang.

Tiada hitungan dalam pemberian,
Tiada syarat dalam persandaran,
Persahabatan ini bukan mainan,
Tetapi terpahat dalam ingatan.

Bukan darah yang mengikat rasa,
Bukan waris atau pusaka,
Namun jiwa yang bersatu mesra,
Dalam ukhuwah yang tiada dua.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

HIDUP BAGAIKAN LAMPU ISYARAT

Tan Yan Ling, Mohd Azim Sardan, Fatin Farazh Ya'acob

Hidup bagaikan lampu isyarat
Lampu merah
Kita berhenti dan menahan langkah
Di saat ini, tersimpan kesabaran dan renungan
Belajar hormati batas sebelum melangkah lagi

Kuning berkelip
Tanda untuk bersiap sedia
Meneliti jalan di depan, memikirkan pilihan terbaik
Setiap keputusan memerlukan pertimbangan
Kerana masa dan peluang bergerak tanpa tunggu

Hijau menyala
Jalan terbuka dengan luas
Waktu untuk bergerak, melangkah dengan penuh yakin
Dengan ilmu, kesabaran dan keberanian
Kita melangkah maju, menyambut setiap peluang yang ada

Hidup menafsirkan makna yang tersurat di setiap warna
Merah, kuning, hijau bukan sekadar isyarat
Panduan dan pedoman dalam perjalanan hidup
Melatih jiwa untuk bijak, sabar dan tabah

JANGAN AMBIL KESEMPATAN

Nurul Fahana Aini Harun, Fairuz Ramli, Ruqaiyah Ab Rahim

Jangan Ambil Kesempatan

Janganlah engkau menutup mata,
pada luka yang bukan milikmu.
Tangan yang lemah meminta percaya,
usah kau jadikan itu sebagai jalanmu.

Kesempatan itu bukan untuk diperah,
bukan untuk ditukar dengan dusta.
Setiap hati yang kau tindas,
akan membawa doa yang menusuk langit.

Manusia hidup saling menumpang,
tiada siapa tegak sendirian.
Jika kau ambil hak yang bukan hakmu,
jatuhlah harga dirimu sendiri.

Belajarlah ikhlas dalam memberi,
jujur dalam setiap janji.
Kerana untung yang datang
dari tipu, akan hilang bersama kehinaan diri.

Jangan ambil kesempatan,
wahai insan, berkongsilah dunia dengan adil.
Kerana hidup ini pinjaman,
dan setiap amal kelak terhitung di akhir.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

JABATAN KEWANGAN

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

AGM ISLAMIC BANKING STUDENT ASSOCIATION (IBSA) 2025

Nur Hanisah Mohamad Razali, Mohd Hakimi Harman

Islamic Banking Student Association (IBSA) adalah merupakan sebuah persatuan akademik bagi pelajar Sarjana Muda Perniagaan Perbankan Islam (Kepujian) (BA279) di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. Keanggotaan IBSA Adalah secara automatik iaitu setiap pelajar yang mendaftar program BA279 akan terus menjadi ahli IBSA. Setiap semester, IBSA merancang pelbagai aktiviti dan pada Semester 20252, Mesyuarat Agung Tahunan atau lebih dikenali sebagai AGM *(Annual General Meeting)* telah diadakan oleh IBSA.

Berlangsung pada 20 Jun 2025, AGM pada kali ini diadakan di Dewan Kuliah Jauhari (LT1) dan telah menghimpunkan seramai 40 orang ahli IBSA, wakil Majlis Perwakilan Pelajar, penasihat IBSA dan juga Koordinator Program. Ahli IBSA yang hadir terdiri daripada ahli jawatankuasa IBSA dan pelajar Bahagian (*Part*) 2 dan 4 Sarjana Muda Perniagaan Perbankan Islam (Kepujian) di UiTM Segamat, Johor. Untuk makluman, pada semester 20252, pelajar BA279 yang aktif hanyalah terdiri daripada pelajar Bahagian 2 dan 4 sahaja, manakala tiada pelajar Bahagian 3 dan 5.

Program tahunan ini diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan di antara ahli IBSA yang terdiri daripada pelajar daripada pelbagai bahagian. Pengisian utama AGM kali ini adalah memperkenal barisan jawatankuasa IBSA 2025/2026 dan juga penyampaian sijil dekan kepada ahli IBSA yang mendapat Anugerah Dekan pada Semester 20244.

Program dimulakan pada pukul 3.00 petang dengan dengan ucapan aluan oleh pengacara majlis diikuti dengan ucapan dan perasmian oleh penasihat IBSA, En. Mohd Hakimi Harman. Seterusnya, majlis diteruskan dengan sesi memperkenalkan barisan Exco IBSA bagi Sesi 2024/2025 serta pembentangan laporan kewangan IBSA.

Kemuncak acara adalah sesi penyampaian Sijil Anugerah Dekan kepada ahli IBSA yang menerima Anugerah Dekan pada Semester 20244. Sesi ini telah disempurnakan oleh Dr. Hajah Mazida Ismail, Koordinator Program BA279.

Sebelum acara tamat, Dr. Hajah Mazida Ismail telah meluangkan masa bagi membuat beberapa pemakluman kepada semua yang hadir. Secara keseluruhan, program AGM IBSA kali ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan telah mencapai objektif yang disasarkan.







MERDEKA *BRISK WALK* FPDP UiTMCJ

Mohd Khairul Ariff Noh, Mohd Azim Sardan, Ferri Nasrul

Pada 27 Ogos 2025 (Rabu), Unit Semarak FPDP telah menganjurkan program MERDEKA *BRISK WALK* FPDP bertempat di Taman Rekreasi Sungai Kapeh dan Tugu Senapang Taman Batu Hampar Segamat. Program yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi ini bertujuan menyemarakkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan sempena Bulan Kebangsaan 2025 serta mengukuhkan semangat patriotik dalam kalangan warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPDP), UiTM Cawangan Johor.

Program dimulakan dengan sesi senamrobik yang meriah, diikuti aktiviti utama iaitu *Brisk Walk* sambil mengibarkan bendera Malaysia di sepanjang laluan yang telah ditetapkan. Sepanjang laluan tersebut, peserta turut menyertai pertandingan kuiz kemerdekaan yang dijalankan secara interaktif melalui imbasan Kod QR di lima *check-point* strategik. Aktiviti ini bukan sahaja menguji pengetahuan sejarah negara, malah mencetuskan semangat cintakan tanah air dalam suasana santai dan menyeronokkan.

Sesi fotografi turut diadakan di lokasi ikonik Tugu Senapang, sebagai simbolik kepada perjuangan dan pengorbanan generasi terdahulu. Para peserta mengenakan pakaian sukan bertemakan Jalur Gemilang dengan warna biru, putih, merah dan kuning, menyerlahkan lagi semangat kebangsaan yang ingin ditonjolkan.

Kehadiran pensyarah FPDP serta warga UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah memeriahkan program ini. Semangat seperti yang diungkapkan oleh Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman, “Kemerdekaan inilah yang menyatukan kita,” jelas terpancar sepanjang program berlangsung. MERDEKA *BRISK WALK* FPDP bukan sahaja berjaya mengeratkan silaturrahim, malah menjadi wadah menyuburkan rasa cinta kepada negara dalam kalangan warga akademik FPDP.









e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ILMU OPERASI, INSPIRASI GENERASI

Husnizam Hosin, Rahayu Izwani Burhanuddin, Nor Fazlin Uteh

Satu lawatan ke Plaza Angsana, Johor Bahru telah diadakan pada 28 Ogos 2025 bersempena dengan Program Penglibatan & Pembudayaan Komuniti Antarabangsa (PKMA) 2025 yang dianjurkan oleh UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang. Program dimulai dengan tarian zapin oleh penari cilik sebagai sambutan kepada delegasi Universiti Kepulauan Riau (UNRIKA), Indonesia. Sesi seterusnya adalah sesi perkongsian ilmu oleh Ketua Pegawai Operasi (COO) sempena lawatan ke plaza tersebut.

Sesi ini bertujuan memberikan pendedahan praktikal kepada para mahasiswa serta delegasi antarabangsa daripada Universitas Riau Kepulauan (UNRIKA), Indonesia mengenai aspek pengurusan operasi pusat membeli-belah yang berdaya saing dan mapan. Dalam perkongsian tersebut, En. Imran menekankan kepentingan pengurusan strategik operasi yang melibatkan perancangan, penyusunan, dan kawalan bagi memastikan kelancaran aktiviti harian sesebuah kompleks perniagaan. Beliau turut berkongsi pengalaman dalam menangani isu keselamatan, kepuasan pelanggan, serta strategi pemasaran bagi menarik lebih ramai pengunjung. Antara elemen penting yang diketengahkan ialah adaptasi teknologi digital dalam sektor peruncitan yang mampu meningkatkan kecekapan pengurusan dan memperkukuh daya saing perniagaan pada era globalisasi.

.



Para peserta diberi peluang untuk bertanya soalan dan berinteraksi secara langsung, menjadikan sesi ini lebih dinamik dan bermanfaat. Pelbagai pandangan serta amalan terbaik telah dibincangkan, sekali gus memberi inspirasi kepada pelajar dalam memahami realiti dunia pengurusan perniagaan. Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang turut menyatakan minat untuk menjalin kolaborasi akademik dalam bidang pengurusan peruncitan dan pemasaran.

Lawatan ke sekitar plaza telah diadakan bagi memperkenalkan usahawan-usahawan yang terdapat di plaza tersebut kepada pelajar. Sesi ini diakhiri dengan sesi bergambar dan pemberian cenderahati kepada semua yang terlibat. Secara keseluruhannya, sesi perkongsian ini telah memberi impak positif kepada semua peserta. Ia bukan sahaja membuka minda mengenai kepentingan kepimpinan berkesan dalam pengurusan operasi, tetapi juga mengukuhkan hubungan kerjasama serantau melalui perkongsian ilmu yang bernilai



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM
WEBINAR CAREER TALK: CAPITAL MARKET DEVELOPMENT FUND (CMDF) – MFPC FINANCIAL PLANNING INTERNSHIP

Nur Hanisah Mohamad Razali, Faten Elina Kamaruddin,
Muhammad Haris Naqiuddin Muda

Webinar Career Talk: Capital Market Development Fund (CMDF) – MFPC Financial Planning Internship Programme merupakan inisiatif kerjasama antara Capital Market Development Fund (CMDF) dan Malaysian Financial Planning Council (MFPC) dengan pihak Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Johor. Program ini dirangka khusus untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar semester akhir mengenai bidang perancangan kewangan serta peluang latihan industri yang ditawarkan melalui program CMDF–MFPC. Penganjuran ini turut selari dengan usaha Johor Talent Development Centre (JTDC) dalam memperkasa pembangunan modal insan berkualiti tinggi, khususnya dalam bidang kewangan dan pasaran modal. Melalui kolaborasi ini, pelajar bukan sahaja mendapat maklumat mengenai prospek kerjaya, malah diberi akses kepada ekosistem pembangunan bakat yang strategik di negeri Johor.


Program ini mensasarkan para pelajar semester akhir bagi program Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pengurusan Pelaburan (BA251) dan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Kewangan (BA242) yang bakal menjalani latihan industri pada semester berikutnya. Selaras dengan objektif JTDC yang mensasarkan pembangunan bakat belia, webinar ini mampu memberi pengenalan awal mengenai industri perancangan kewangan khususnya para pelajar semester akhir yang akan memasuki alam pekerjaan selepas tamat pengajian


Program telah berlangsung secara atas talian pada 21 Februari 2025 bermula jam 3.00 petang. Sesi dimulakan dengan pengenalan ringkas mengenai CMDF dan MFPC, diikuti penerangan terperinci berhubung prospek industri perancangan kewangan serta peluang latihan industri yang ditawarkan. Pelajar turut diberikan peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan penceramah melalui sesi soal jawab. Perkongsian ini memberi maklumat berguna serta membuka minda pelajar terhadap kepelbagaian kerjaya dalam sektor kewangan, khususnya dalam bidang perancangan kewangan. Kehadiran pelajar adalah memberangsangkan dan majoriti peserta memberikan maklum balas positif.

Menerusi program ini pelajar memperoleh maklumat terkini mengenai perkembangan industri perancangan kewangan di Malaysia. Peserta mendapat maklumat yang lebih jelas tentang peluang latihan industri melalui program CMDF–MFPC. Program ini dapat meningkatkan keyakinan pelajar untuk menceburi kerjaya dalam sektor kewangan selepas tamat pengajian. Selain itu, hubungan antara pihak fakulti dengan industri kewangan berjaya dieratkan melalui kerjasama strategik ini.

Secara keseluruhannya, program Webinar Career Talk CMDF–MFPC telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Pendedahan yang diberikan bukan sahaja menambah ilmu pengetahuan pelajar mengenai industri kewangan, malah membuka peluang luas untuk latihan industri serta kerjaya pada masa hadapan.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM *MUSHROOM AGROFARM INSIGHT 2025*

Zaibedah Binti Zaharum, Ruziah A. Latif, Yuslizawati Mohd. Yusoff

Program *Mushroom Agrofarm Insight 2025* merupakan salah satu inisiatif komuniti servis yang dijalankan oleh UiTM Charity Society (UCS) dalam usaha memberi pendedahan berkaitan bidang agro-pertanian khususnya penanaman dan pengurusan cendawan. Pada 11 Mei 2025, UCS telah menjalankan aktiviti bersama Nadiya Agrofarm Enterprise untuk mencapai objektif kelab.

Aktiviti ini dilaksanakan bagi menggalakkan mahasiswa UiTM untuk memahami potensi industri agro sebagai salah satu sumber ekonomi yang mampan, disamping memupuk kesedaran mengenai kepentingan pertanian moden dalam kelangsungan hidup masyarakat. Melalui program ini mahasiswa dan komuniti diberi pendedahan mengenai teknik asas penanaman cendawan. Ianya juga dapat meningkatkan kesedaran tentang potensi sektor agro dalam menjana pendapatan tambahan serta menggalakkan mahasiswa meneroka bidang keusahawanan berasaskan pertanian. Selain itu, ianya dapat menjalin hubungan kerjasama antara pihak UiTM dengan komuniti setempat.

Secara keseluruhannya, program *Mushroom Agrofarm Insight 2025* berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Aktiviti ini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang agro, malah menyumbang kepada pembangunan komuniti melalui pendekatan pendidikan, sosial dan ekonomi. UCS berharap agar program sebegini dapat diteruskan dan diperluas pada masa akan datang sebagai platform pembangunan modal insan serta pengukuhan kerjasama antara universiti dan masyarakat.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM KOMUNITI SERAI LESTARI

Zaibedah Binti Zaharum, Ruziah A. Latif, Yuslizawati Mohd. Yusoff



Pada 13 Disember 2024, UiTM Charity Society (UCS) telah menjalankan satu program yang dinamakan Program Komuniti Serai Lestari. Program Komuniti Serai Lestari adalah salah satu inisiatif komuniti servis dan usaha yang dilaksanakan oleh UCS untuk memberi pendedahan mengenai aktiviti agro-farming berasaskan tanaman serai dan kesedaran serta tanggungjawab di kalangan mahasiswa tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar. Program ini turut disertai oleh 20 orang mahasiswa, pensyarah-pensyarah UiTM Cawangan Johor serta penglibatan beberapa orang individu dari luar. Taklimat tugasan telah disampaikan oleh Encik Azizuzanadi Zainuddin iaitu fasilitator bagi program ini.

Aktiviti pembersihan kawasan serai adalah merupakan sebahagian daripada Projek Komuniti Serai Lestari yang dilaksanakan oleh UCS. Aktiviti ini dijalankan untuk memastikan kawasan tanaman serai berada dalam keadaan terurus, bebas daripada rumpai, sampah dan persekitaran yang boleh menjejaskan pertumbuhan tanaman.




Program menjadi platform bagi mahasiswa UiTM mempraktikkan nilai kesukarelawanan dan menyumbang tenaga kepada pembangunan komuniti agro. Ianya juga dapat memupuk semangat gotong-royong, kerjasama dan tanggungjawab sosial di kalangan peserta.

Program ini berjaya dilaksanakan dengan baik serta mencapai objektif yang dirancang. Aktiviti ini berjaya memupuk semangat kesukarelawanan serta kerjasama erat antara mahasiswa dan komuniti setempat. Kejayaan program ini membuktikan bahawa usaha kecil yang dilaksanakan secara bersama mampu memberi impak besar terhadap kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat. Diharapkan program sebegini dapat diteruskan secara berterusan agar manfaatnya dapat dinikmati dalam jangka masa panjang bukan sahaja menjadikan kawasan tanaman lebih bersih dan terurus, malah mengukuhkan semangat kerjasama serta kesedaran terhadap kepentingan kelestarian alam sekitar.




e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

WEBINAR PENILAIAN SAHAM BERSAMA PAKAR INDUSTRI

Ferri Nasrul, Ruziah A. Latif, Rohanizan Md Lazan

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor telah berjaya menganjurkan sebuah program webinar bertemakan "*The Strategic Edge: Impact of Economy and Industry Analysis on Stock Valuation*" yang berlangsung secara dalam talian melalui Zoom Meeting.

Program ini menampilkan perkongsian eksklusif daripada pakar industri, Mr. Tusvendran, yang membincangkan secara mendalam bagaimana analisis ekonomi dan industri memainkan peranan penting dalam menentukan nilai sesuatu saham. Sesi ini telah menarik penyertaan seramai 300 orang pelajar semester 4 dari program Diploma Analisis Pelaburan yang mewakili dua kampus UiTM iaitu Segamat, Johor dan Dungun, Terengganu.

Para pelajar juga telah didedahkan kepada perspektif sebenar dari dunia korporat tentang bagaimana analisis ekonomi dan industri digunakan dalam penilaian saham secara praktikal. Mr. Tusvendran menekankan bahawa pelabur yang bijak bukan sahaja bergantung kepada analisis teknikal semata-mata, tetapi juga perlu memahami petunjuk-petunjuk seperti berikut:

- Pergerakan ekonomi global dan domestik
- Dinamika industri yang mempengaruhi prestasi syarikat
- Perspektif strategik dalam menilai potensi pelaburan jangka panjang

Sesi selama 1 jam 30 minit ini turut disertai dengan sesi soal jawab yang interaktif, di mana pelajar berpeluang mengemukakan soalan berkaitan pendekatan analisis dan sumber maklumat yang relevan dalam membuat keputusan pelaburan. Impak program ini bukan sahaja memperkukuh pemahaman pelajar terhadap teori yang dipelajari di dalam kelas, malah membuka ruang kepada pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar industri. Ia juga menyokong inisiatif UiTM dalam memperluas amalan pengajaran kolaboratif yang menggabungkan kepakaran akademik dan profesional industri demi melahirkan graduan yang lebih bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan.

Poster Program



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SULAM ISB423: MINI MONEY MIND

Nur Hanisah Mohamad Razali, Nur Rifhan A. Rahim,
Faten Elina Kamaruddin

Mini Money Mind merupakan aktiviti yang dilaksanakan bagi keperluan *Service Learning Malaysia-University for Society* (SULAM) dalam kursus Perancangan Kewangan Islam dan Pengurusan Harta (ISB423). SULAM merupakan satu inisiatif transformatif dan fleksibel yang merujuk kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan hasil pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti. Ia melibatkan pelajar berinteraksi dengan komuniti bagi menyelesaikan permasalahan setempat dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari di bilik kuliah.

Sehubungan dengan itu, program *Mini Money Mind* telah dijalankan bagi memenuhi kehendak kursus. Program ini dipercayai mampu mengemukakan sudut pandang yang lebih komprehensif kepada para pelajar berkaitan perancangan dan pengurusan kewangan.

Selari dengan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 untuk mempergiatkan lagi pendidikan kewangan dalam meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia, modul Pek Aktiviti Celik Kewangan (PACK) ini bersesuaian dengan kandungan kursus pelajar yang juga berteraskan kepada pengurusan kewangan. Aktiviti pemindahan pengetahuan (*knowledge transfer*) dalam program ini akan melibatkan semua murid tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Gemereh.

Program yang dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan literasi kewangan dan kemahiran yang diperlukan untuk membuat keputusan berbelanja yang berhemat. Program ini turut memberikan pengalaman yang dapat memupuk sikap positif berkaitan pendidikan kewangan.

Program bermula dengan sesi *ice breaking* bagi mewujudkan suasana mesra antara fasilitator, iaitu terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Perbankan Islam dan peserta dari sekolah SK Gemereh. Aktiviti diteruskan dengan senamrobik untuk meningkatkan semangat serta tenaga peserta. Seterusnya, peserta diberikan pengenalan ringkas berkaitan pengurusan kewangan dan perancangan masa depan. Aktiviti utama iaitu *Explore Race* dilaksanakan secara berkumpulan yang menguji kemahiran berfikir, kerjasama serta pengetahuan asas berkaitan kewangan. Program diakhiri dengan pemberian anugerah kepada kumpulan terbaik, kuiz ringkas bagi menguji kefahaman peserta, serta sesi fotografi sebagai kenangan.

Seramai 63 orang pelajar SK Gemereh telah menyertai program ini. Peserta menunjukkan semangat tinggi sepanjang aktiviti, selain memberi maklum balas positif terhadap keberkesanan pendekatan pembelajaran yang digunakan. Menerusi program ini, kesedaran awal dapat dipupuk tentang perancangan kewangan di kalangan murid sekolah rendah. Aktiviti interaktif berjaya menarik minat peserta terhadap topik kewangan. Selain itu, melalui program ini secara tidak langsung dapat membina hubungan baik antara pihak universiti dan komuniti setempat.

Secara keseluruhannya, program SULAM ISB423: *Mini Money Mind* telah berjaya mencapai objektif penganjuran. Program ini juga membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan komuniti mampu memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat setempat.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SIDC-CASI SRI CONFERENCE 2025

Kamal Fahrulrazy Rahim, Dr. Basaruddin Shah Basri,
Dr. Zarith Sofea Jasmi

We attended the SIDC-CASI SRI Conference 2025 on 29 and 30 July 2025 at the Securities Commission Malaysia, Mont Kiara Kuala Lumpur. This year conference themed "*Shaping the Future of ASEAN Business in Sustainability".* The key highlight was the strategic partnership between SIDC and CASI, CCMP–SRI 2 certification, CASI academy platform enhancements and policy and strategy discussions.

The welcome remarked by Tengku Zarina Tengku Chik, Dr. Ma Jun and Dato' Mohammad Faiz Azmi and the conference officiated by Deputy Minister of MITI. Over 300 local and international delegates attended the event. The following were the policy and strategy discussions:

1. ESG disclosures on reporting and disclosure standard shaped the sustainability ecosystem in ASEAN to adopt the IFRS Sustainability Disclosure Standard, Simplified ESG Disclosure Guide (SEDG) and SEDG Greenhouse Gas Emissions Calculator for mirco, small and medium enterprises. The Advisory Committee on Sustainability Reporting introduced Illustrative Sustainability Report for large companies.

2. Islamic SRI discussed on Maqasid Al-Shariah bridging global sustainability frameworks. Modern ESG and SRI frameworks aligned with Shariah objectives and Islamic principles.

3. Sustainability taxonomies on Principles-Based Sustainable and Responsible Investment Taxonomy developed by Securities Commission aligned with ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance and ASEAN Transition
Finance Guidance.

4. Carbon markets highlighted advancing carbon markets in ASEAN through innovations, technology and climate value with the development of Malaysia's carbon pricing and market policy framework and launched of Bursa Carbon Exchange in December 2022.

5. Green skills focused on developing green skill and talent alpha by equipping professionals with skill-building focus and strategic capacity development. Skill-building focused on the critical importance of workforce development and skilled talent pool capable of implementation of sustainable finance. The strategic capacity development program introduced to train professional likes CCMP–SRI 2 and CASI Academy upgraded modules.

In conclusion, SIDC-CASI SRI Conference 2025 benefited participants with fruitful insight about the future ASEAN sustainability business.



Image source: Kamal Fahrulrazy Rahim

BRIGHT SPARKS - UNIVERSITY MEETS SCHOOL

Maizura Md Isa, Husnizam Hosin, Masitah Omar

Pada 19 Mei 2025, Persatuan Pelajar Kewangan *atau Finance Students Association* (FISA) telah menganjurkan program khidmat komuniti bersama pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Sains Segamat (SEES). Program ini melibatkan penyertaan tiga orang pensyarah pengiring serta 25 pelajar UiTM Segamat daripada program Sarjana Muda Kewangan dan Sarjana Muda Pengurusan Pelaburan. Dari pihak sekolah pula, seramai 136 orang pelajar turut mengambil bahagian. Aktiviti ini telah berlangsung dari pukul 2.00 petang hingga 6.00 petang.

Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTMCJ, Dr. Nor Hazila Ismail. Ucapan beliau telah berjaya mencetuskan minat para pelajar sekolah untuk mengenali UiTM dengan lebih dekat. Setelah itu, aktiviti diteruskan dengan perkongsian ilmu mengenai kewangan Islam dan juga asas pelaburan saham. Walaupun para pelajar ini masih belum mengenali secara mendalam terhadap dua perkara tersebut, tetapi mereka menunjukkan minat untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi. Banyak soalan yang diutarakan ketika sesi soal jawab.

Seterusnya, acara diteruskan dengan aktiviti penanaman pokok-pokok herba di SEES. Walau bagaimanapun, hujan turun dengan lebatnya menyebabkan aktiviti tersebut terpaksa dibatalkan. Oleh yang demikian, pelajar UiTM mengambil alih sesi dengan mengadakan aktiviti permainan bersama pelajar sekolah iaitu kuiz mengenai kewangan Islam dan pelaburan saham. Mereka juga mengajar para pelajar SEES tersebut bermain lagu “goreng pisang”

Aktiviti berakhir dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang kuiz dan juga kumpulan yang berjaya dalam permainan lagu “goreng pisang”. Walaupun penat, jelas kelihatan kegembiraan di wajah masing-masing. Program ini telah dapat mewujudkan ukhwah di antara UiTM dan SEES, serta memberikan pendedahan awal kepada para pelajar SEES mengenai ilmu kewangan dan asas pelaburan.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENGAJARAN KOLABORATIF BERSAMA UNIVERSITAS IAIN METRO LAMPUNG, INDONESIA

Zaibedah Binti Zaharum, Suzana Hassan,Tay Bee Hoong

Pada 27 Jun 2025 telah diadakan satu webinar pengajaran kolaboratif bersama Universiti IAIN Metro Lampung untuk kursus FIN435 *(Financial Market and Banking Services*) yang bertajuk "*Digital Technologies & Cryptocurrencies in the Financial Industry*". Dr. Putri Swastika dari Universitas IAIN Metro Lampung, Indonesia merupakan pensyarah jemputan bagi webinar ini. Program ini telah berlangsung selama dua jam secara dalam talian melalui platform Google Meet. Seramai 192 orang pelajar mengikuti webinar tersebut.

Webinar ini dianjurkan dengan matlamat untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai perkembangan terkini dalam teknologi digital yang mempengaruhi sektor kewangan. Ianya turut meningkatkan pemahaman pelajar tentang peranan serta implikasi mata wang kripto (*cryptocurrencies*) dalam industri kewangan global. Selain itu, ia dapat membantu pelajar bersedia menghadapi cabaran dan peluang kerjaya dalam era transformasi digital kewangan. Hasil daripada pelaksanaan webinar ini, pelajar didedahkan kepada pengetahuan mengenai konsep asas teknologi digital seperti *blockchain, fintech* serta aplikasi kecerdasan buatan (AI) dalam perkhidmatan kewangan. Pelajar juga dapat memahami fungsi, potensi serta risiko mata wang kripto dalam sistem kewangan semasa, termasuk isu keselamatan dan peraturan.

Secara keseluruhannya, webinar "*Digital Technologies & Cryptocurrencies in the Financial Industry*" telah berjaya mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan dengan memberikan pendedahan berguna kepada pelajar mengenai peranan teknologi digital dan mata wang kripto dalam industri kewangan. Penyertaan aktif pelajar membuktikan keberkesanan webinar ini dalam meningkatkan pengetahuan, kesedaran serta persediaan mereka menghadapi cabaran dunia kewangan digital masa kini.



Poster program

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

A.I HANYA PEMBANTU BIJAK PELABUR

Ruziah A. Latif, Nurul Haida Johan, Zaibedah Zaharum

Kemunculan teknologi Kecerdasan Buatan (A.I) telah mengubah landskap pasaran kewangan global, termasuk strategi pelaburan saham. Di Malaysia, semakin banyak firma pelaburan dan pelabur individu mula meneroka penggunaan A.I untuk memperkukuh keputusan pelaburan mereka. A.I menjanjikan kecekapan, ketepatan ramalan dan keupayaan menganalisis data dalam skala besar. Walau bagaimanapun, ia juga hadir dengan risiko apabila pelabur menerima cadangan A.I tanpa membuat kajian sendiri. Gabungan pengetahuan pelabur, pengalaman dan data analisis A.I adalah perlu untuk keputusan yang lebih seimbang dan tepat.

A.I membawa pelbagai kemudahan dan kecekapan dalam analisis pelaburan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna pelabur boleh bergantung sepenuhnya kepada teknologi tanpa memahami asas pelaburan itu sendiri. Malah, dalam era digital ini, ilmu pelaburan yang formal menjadi semakin penting agar pelabur tidak hanya menjadi pengguna pasif kepada teknologi, tetapi mampu menilai dan membuat keputusan berdasarkan kefahaman yang kukuh. Ini kerana interpretasi akhir dan tanggungjawab risiko masih berada di tangan pelabur itu sendiri. Setiap pelabur mempunyai toleransi terhadap risiko yang berbeza dan bergantung kepada umur, situasi kewangan, emosi, komitmen, pengalaman dan matlamat.



Sumber imej: freepik.com

Disamping itu, A.I juga boleh menyebabkan pelabur mengabaikan pertimbangan asas yang rasional di mana ianya penting terutama dalam pasaran yang tidak menentu. Tanpa pengetahuan asas seperti analisis fundamental, analisis teknikal, serta pemahaman risiko pasaran, pelabur mudah terikut-ikut dengan “cadangan pintar” A.I tanpa menilai kesesuaiannya terhadap objektif pelaburan sendiri. A.I boleh dijadikan alat bantu analisis tetapi pelabur sendiri perlu menjadi pembuat keputusan yang bijak.

Selain itu, pendidikan pelaburan yang formal di peringkat universiti membantu membina literasi digital dan kewangan, serta menjadikan pelabur lebih kritis terhadap sumber maklumat, memahami keterbatasan algoritma dan lebih bersedia menangani gangguan teknologi atau manipulasi pasaran yang mungkin berlaku. Tidak dinafikan A.I mampu untuk menganalisis berita dan mengukur mood pasaran tetapi pelabur perlu membezakan sama ada sentimen ini bersifat sementara atau jangka panjang.

A.I berpotensi meningkatkan efisiensi pasaran Malaysia melalui dagangan lebih aktif dan ketelusan harga. Namun, ia juga boleh menyebabkan peningkatan volatiliti sekiranya digunakan tanpa kawalan yang baik, terutamanya dalam pasaran kecil dan sensitif seperti Bursa Malaysia. Pendekatan seimbang yang menekankan etika dan ketelusan perlu dititik beratkan. Oleh itu, pihak pengawal selia dan institusi pelaburan wajar menggubal garis panduan bersesuai agar teknologi ini memberi manfaat menyeluruh kepada ekosistem pelaburan.



Sumber image: freepik.com

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BANDAR SATELIT: POTENSI DAN CABARAN

Nor Hadaliza Abd. Rahman, Noor Azrin Zainuddin,
Juliana Mohamed Abdul Kadir

Pembangunan bandar satelit semakin penting dalam perancangan bandar moden. Bandar satelit merujuk kepada bandar kecil yang dibina di pinggir bandar utama, lengkap dengan infrastruktur, kawasan perumahan terancang, dan jaringan jalan raya yang menghubungkannya dengan pusat bandar. Walaupun mampu berfungsi secara sendiri, bandar satelit tetap menyokong bandar utama dari segi ekonomi dan sosial. Contoh terawal bandar satelit di Malaysia ialah Petaling Jaya, dibangunkan pada tahun 1952 sebagai sokongan kepada Kuala Lumpur. Ia kemudian diisytiharkan sebagai bandaraya pada 20 Jun 2006. Kini, beberapa bandar satelit lain sedang dirancang dan dibangunkan seperti Bandar Sebang, Renggam, Layang-Layang, Pasir Tumboh, Bintulu, Kidurong dan Samalaju.

Antara kelebihan utama bandar satelit ialah pengurangan kepadatan penduduk di pusat bandar, sekali gus mengurangkan kesesakan lalu lintas dan tekanan terhadap kemudahan awam. Lokasinya yang lebih jauh dari hiruk-pikuk bandar juga menawarkan suasana yang lebih tenang dan kualiti hidup yang lebih baik. Kawasan hijau yang luas menjadikan persekitaran lebih sihat dan sesuai untuk keluarga. Dari sudut ekonomi, bandar satelit membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, mengurangkan keperluan berhijrah ke bandar besar yang mempunyai kos sara hidup tinggi. Sektor seperti logistik, perindustrian dan pendidikan berkembang seiring dengan pertambahan populasi. Perniagaan kecil seperti pasar raya, kedai makan dan bengkel turut mendapat manfaat daripada pertumbuhan ini, mendorong lebih ramai usahawan tempatan untuk menceburi bidang perniagaan.

Namun, pembangunan bandar satelit turut berdepan dengan beberapa cabaran. Antaranya ialah kos pengangkutan yang tinggi bagi penduduk yang masih perlu berulang-alik ke bandar utama kerana kekurangan peluang pekerjaan di sektor tertentu. Kekangan ini menyebabkan ramai masih bergantung kepada bandar utama untuk kelangsungan hidup.

Dari segi infrastruktur, kemudahan asas seperti sekolah, hospital dan pengangkutan awam kadangkala tidak dibangunkan seiring dengan pertumbuhan penduduk. Hal ini menimbulkan isu kepadatan murid dan kesesakan lalu lintas di kawasan baharu. Dalam Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Projek Residensi Wilayah dan Ruang Penjaja MADANI pada 6 Ogos 2025, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan kepentingan menyediakan kemudahan pendidikan dan kesihatan dalam setiap projek perumahan berskala besar. Beliau menyeru agar perancang bandar dan pemaju perumahan memberi kerjasama penuh dalam memastikan pembangunan yang menyeluruh.

Secara keseluruhan, bandar satelit berpotensi menjadi penyelesaian kepada isu kos sara hidup yang tinggi di bandar utama. Harga rumah yang lebih rendah di kawasan pinggir bandar menjadikannya pilihan yang lebih mampu milik. Namun, pembangunan bandar satelit perlu dirancang secara seimbang dan mampan. Langkah proaktif serta pemantauan berterusan amat penting bagi memastikan manfaat pembangunan ini dapat dinikmati sepenuhnya oleh rakyat.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BANK DIGITAL PATUH SHARIAH DI MALAYSIA

Mohd Hakimi Harman

Sistem perbankan Malaysia telah mengalami transformasi besar seiring kemajuan teknologi. Konsep Bank Digital, iaitu bank tanpa premis fizikal, mula diperkenalkan secara rasmi pada tahun 2022 apabila Bank Negara Malaysia mengumumkan lima penerima lesen Bank Digital. Menjelang Ogos 2025, kesemua bank ini telah memulakan operasi.

Daripada lima bank tersebut, dua daripadanya beroperasi di bawah Akta Pengurusan Kewangan Islam 2013 dan menawarkan perkhidmatan patuh Shariah: AEON Bank dan KAF Digital Bank. AEON Bank memulakan operasi pada 26 Mei 2023, menjadikannya Bank Digital pertama di Malaysia. KAF Digital Bank pula mula beroperasi pada 8 Ogos 2025.

AEON Bank menawarkan pelbagai produk patuh Shariah seperti Akaun Simpanan-i, Deposit Bertempoh-i, Kad Debit-i dan Pembiayaan Peribadi-i. KAF Digital Bank pula, sehingga akhir Ogos 2025, hanya menawarkan produk deposit dan kad debit, tanpa produk pembiayaan. Situasi ini dianggap normal kerana AEON Bank juga tidak menawarkan pembiayaan pada awal operasinya.

Dari segi kelebihan, AEON Bank lebih menonjol berbanding KAF Digital Bank. Ia disokong oleh AEON Group yang terkenal di Malaysia melalui rangkaian pasar raya AEON dan AEON Credit Service (M). AEON Group turut menubuhkan AEON Bank Biz yang memfokuskan kepada perkhidmatan perniagaan.

AEON Bank memanfaatkan sokongan ini dengan menawarkan pelbagai promosi eksklusif kepada pengguna yang menggunakan produk mereka dalam rangkaian AEON Group. Antara tawaran tersebut termasuk tempat letak kereta percuma di AEON Malls, mata ganjaran semasa membeli-belah dan baucar istimewa.

Bagi pengguna perbankan, khususnya umat Islam yang mengutamakan kepatuhan Shariah, pilihan Bank Digital yang tersedia kini ialah AEON Bank dan KAF Digital Bank. Umat Islam disarankan memilih produk perbankan yang patuh Shariah dan mengelakkan produk yang tidak menepati prinsip Islam.

Secara keseluruhan, perkembangan Bank Digital patuh Shariah di Malaysia menunjukkan kemajuan positif dalam menyediakan alternatif perbankan moden yang selari dengan prinsip Islam. Dengan sokongan teknologi dan rangkaian perniagaan yang kukuh, bank seperti AEON Bank berpotensi menjadi peneraju dalam sektor ini.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BULI: ISU SOSIAL DAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Basaruddin Shah Basri, Suhaidi Elias, Kamal Fakhrurazi Rahim

Mutakhir ini, kejadian buli semakin kerap menjadi tajuk utama di media arus perdana dan media sosial. Ia berlaku di pelbagai lapisan masyarakat di sekolah, pusat pengajian tinggi, alam siber, jalan raya, kawasan kejiranan, malah di tempat kerja. Fenomena ini seolah-olah tiada penghujungnya, malah semakin membimbangkan apabila melibatkan kecederaan parah dan kehilangan nyawa. Kes-kes seperti di MRSM, UPNM, hospital kerajaan, UTM, serta terbaru membabitkan arwah adik Zara Qairina telah mencetuskan perdebatan hangat dalam masyarakat dan di Parlimen. Mangsa bukan sahaja mengalami kecederaan fizikal, malah trauma psikologi yang mendalam dan berpanjangan. Buli kini bukan lagi dianggap isu disiplin semata-mata, tetapi telah dikategorikan sebagai jenayah berat.

Laporan Sinar Harian Ogos 2025 mendedahkan peningkatan drastik kes buli yang menyebabkan kecederaan daripada 3,000 kes pada 2015 melonjak kepada lebih 5,300 pada 2023, iaitu kenaikan 77%. Data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula menunjukkan majoriti kes melibatkan buli fizikal dan lisan, manakala selebihnya adalah buli siber, satu trend yang semakin menular seiring perkembangan teknologi.Dari sudut psikologi, mangsa buli sering datang daripada latar belakang yang terdedah kepada rasa rendah diri, keretakan keluarga, pengabaian, layanan buruk atau ketiadaan kasih sayang ibu bapa. Mereka juga mungkin tertekan akibat pengaruh rakan sebaya atau membesar dalam persekitaran tidak sihat, termasuk pendedahan berlebihan kepada telefon pintar dan maklumat media tanpa kawalan. . Faktor sosioekonomi turut mempengaruhi emosi sama ada pada mangsa atau pembuli. Tekanan hidup, jurang ekonomi, persekitaran yang toksik, serta sifat panas baran yang tidak terkawal boleh menyumbang kepada masalah berlakunya buli.

Pembuli juga berisiko membentuk personaliti antisosial, hilang empati, dan mengulangi tingkah laku agresif di masa hadapan. Jika tidak dibendung, budaya buli akan merebak ke luar sekolah, menjadikan bekas pembuli sebagai pembuli jalanan, di tempat kerja atau di alam siber. Keadaan ini tidak mustahil berlaku jika masyarakat membiarkan budaya buli berleluasa.Mengatasi gejala ini memerlukan pendekatan menyeluruh. Pihak sekolah dan institusi pendidikan perlu memperkukuh program pencegahan buli melalui kempen kesedaran, modul pendidikan emosi, dan latihan pengurusan konflik. Guru dan kaunselor harus dilatih untuk mengesan tanda awal buli dan bertindak segera. Masyarakat pula perlu peka dan bertanggungjawab memastikan buli tidak menjadi norma.

Sebarang tanda kejadian buli harus segera dilaporkan kepada pihak berkuasa. Sikap “tidak mahu masuk campur” hanya akan membiarkan masalah ini berakar umbi.Ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk akhlak anak sejak kecil, mendidik mereka dengan ilmu agama, adab dan tatasusila yang baik. Mereka juga perlu menjadi teladan, memantau tingkah laku anak, serta mengambil tahu aktiviti harian mereka. Komunikasi terbuka antara ibu bapa dan anak adalah kunci untuk membina kepercayaan dan mencegah anak daripada menjadi mangsa atau pembuli.Akhirnya, membanteras buli adalah tanggungjawab bersama. Ia memerlukan kerjasama erat antara keluarga, sekolah, komuniti, pihak berkuasa dan pembuat dasar. Hanya dengan kesedaran kolektif, tindakan tegas, dan pendidikan berterusan, kita mampu membina masyarakat yang selamat, berempati dan bebas daripada budaya buli.

BUY NOW PAY LATER: MUDAH ATAU MUDARAT?

Mohd Hakimi Harman

Sektor perkhidmatan kewangan terus berkembang seiring dengan perkembangn teknologi digital. Jika dahulunya pinjaman serta pembiayaan kewangan disediakan oleh institusi kewangan seperti bank dan syarikat kewangan melalui pinjaman secara formal yang mana prosesnya agak ketat, kini ia menjadi lebih mudah dan cepat. Antara tren terkini adalah *Buy Now Pay Later* (BNPL). BNPL adalah satu perkhidmatan dimana pengguna boleh mendapatkan pinjaman atau pembiayaan bagi pembelian barang tidak kira mahal atau murah. Lebih menarik, perkhidmatan ini tersedia kepada semua tanpa perlu melalui proses kelulusan yang ketat dan yang utama, kelulusan adalah amat cepat.

Sehingga Ogos 2025, terdapat 16 syarikat yang menawarkan perkhidmatan BNPL. Antara yang popular adalah SPay Later, Atome dan GrabPay Later yang menguasai lebih 95% pasaran. Konsep BNPL adalah satu pembiayaan di mana pembeli yang tiada wang untuk membayar harga barang tersebut boleh mendapatkan pembiayaan daripada penyedia BNPL. Penyedia BNPL akan membayar harga barang tersbut dan pembeli/pelanggan perlu membayar semula secara ansuran.

Terdapat 2 jenis model pembiayaan BNPL iaitu:

i. Penjual adalah penyedia BNPL. Penjual akan menyediakan pembiayaan dan pembeli akan membayar semula secara ansuran.
ii. Penjual dan penyedia BNPL adalah pihak yang berbeza. Penjual akan mendapat duit hasil jualan daripada penyedia BNPL dan pembeli akan membayar semula secara ansuran kepada penyedia BNPL.

Sehingga setengah tahun 2025, penggunaan BNPL adalah RM9.3 billion. Jumlah ini menunjukkan peningkatan daripada RM7.1 billion yang direkodkan sehingga suku kedua 2024. Tren ini sekaligus menunjukkan makin ramai rakyat Malaysia yang menggunakan BNPL.

Tren penggunaan BNPL ini telah mendapat perhatian pihak berwajib apabila dibincangkan di Dewan Rakyat pada 4 Ogos 2025. Walaupuan jumlah ini adalah sedikit jika dibandingkan dengan jumlah pinjaman isi rumah di Malaysia, perhatian perlu diberikan bagi memastikan peminjam terutamanya golongan muda dan mereka yang tiada pendapatan tetap dapat menguruskan pinjaman melaui BNPL ini sebaiknya.

Langkah Kerajaan Malaysia dengan memperkenalkan Akta Kredit Pengguna (2025) yang memerlukan penyedia BNPL melakukan penilaian kemampuan berhutang sebelum meluluskan pembiayaan BNPL adalah satu langkah yang amat baik. Pihak Kerajaan sudah bertindak, namun yang lebih utama adalah keperluan untuk peminjam itu sendiri menguruskan kemudahan ini degan sebaiknya.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

CAKNA HALAL: SELEKTIF ATAU INTEGRITI

Mardziyana Mohamad Malom, Faridah Najuna Misman, Mohamad Azwan Md Isa

Dalam era globalisasi dan kepelbagaian produk serta perkhidmatan, keprihatinan terhadap status halal bukan lagi isu pinggiran. Namun, isu cakna halal tidak cukup sekadar kesedaran aktif yang melibatkan kepekaan terhadap sumber, proses dan impak sesuatu produk. Malah ia menuntut amalan pembudayaan integriti memegang prinsip halal dalam setiap pilihan kepenggunaan.

Seiring usaha memperkukuh kepenggunaan halal, terdapat beberapa isu kritikal yang perlu diberi perhatian serius oleh pengguna Muslim. Pertama, kekeliruan terminologi yang sering menjadi punca salah faham terhadap status halal sesuatu produk. Istilah seperti "*halal certified*", "*halal compliant*" dan *"halal-friendly"* digunakan secara meluas dalam pasaran, namun tidak semuanya merujuk kepada pensijilan rasmi yang diiktiraf oleh badan berautoriti seperti JAKIM. Penggunaan istilah yang kabur ini boleh mengelirukan pengguna dan membuka ruang kepada manipulasi komersial yang tidak beretika. Isu kebolehpercayaan pengguna terhadap pensijilan halal juga semakin menjadi perhatian dalam landskap kepenggunaan Muslim di Malaysia walaupun Malaysia diiktiraf sebagai antara peneraju pensijilan halal dunia.

Kedua, keterbatasan pilihan di sesetengah kawasan menyebabkan pengguna terpaksa berkompromi dalam membuat pilihan pembelian. Kekurangan produk yang disahkan halal, terutamanya di kawasan luar bandar atau ketika melancong ke negara bukan Islam, mendorong pengguna untuk memilih berdasarkan andaian atau kepercayaan peribadi semata-mata.

Ketiga, wujudnya normalisasi ketidakcaknaan di kalangan pengguna yang menganggap bahawa selagi tiada unsur haram yang jelas seperti babi atau alkohol, maka sesuatu produk itu boleh diterima. Sikap “ikut majoriti” atau “asalkan orang Islam pun makan” melemahkan integriti halal dan menjejaskan usaha membina ekosistem kepenggunaan yang berasaskan ilmu dan nilai. Tanpa kesedaran dan tindakan yang teliti, pengguna berisiko menyokong sistem yang tidak telus dan tidak patuh syariah secara luar sedar.

Oleh demikian, kepentingan prinsip ilmu bagi memahami konsep halal dan haram dari sudut fiqh, Maqasid Syariah dan konteks semasa, perlu disusuli dengan praktis memilih produk yang bukan sahaja halal, tetapi juga bersih, lestari dan bebas eksploitasi. Kesediaan pengguna untuk memanfaatkan teknologi seperti aplikasi penjejak halal, kod QR dan pangkalan data JAKIM sebagai pihak berautoriti juga menjadi pemangkin kepada ekosistem halal tempatan. Sikap cakna pengguna ini akan mendorong pengeluar untuk lebih telus, patuh dan bertanggungjawab. Bila pengguna ambil mudah, industri halal boleh menjadi longgar dan bersifat kosmetik semata-mata. Tanpa semakan yang teliti, pengguna mudah terdedah kepada produk yang tidak sah dari segi syariah. Ini bukan sahaja merugikan dari segi ekonomi, tetapi juga menjejaskan integriti diri sebagai Muslim.

Kepenggunaan halal bukan sekadar pilihan peribadi yang bersifat fleksibel, tetapi merupakan satu kewajipan yang berakar daripada tuntutan syariah dan prinsip keimanan. Mengambil ringan isu halal bermakna meremehkan amanah yang telah digariskan oleh Allah SWT dan boleh membawa kepada penggunaan barangan yang meragukan atau haram tanpa disedari. Oleh itu, sikap cakna dan teliti dalam kepenggunaan halal bukan sahaja mencerminkan integriti individu, malah menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang beretika, bersih dan diberkati.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

DRIVING EFFICIENCY: WORKING CAPITAL STRATEGIES FOR MALAYSIA OIL PALM INDEPENDENT SMALLHOLDERS

Ruziah A. Latif, Ferri Nasrul, Zaibedah Zaharum

Palm oil operators in Malaysia can be broadly categorized into large plantation companies, independent smallholders (ISH) and organized smallholders (OSH). Smallholders, individuals managing oil palm on small plots usually less than 40 hectares, are an important element of Malaysia's palm oil landscape, not only in terms of numbers but also in land usage and contributions. Referring to the table below, smallholders cover around 26.4% of the planted area in Malaysia.

Distribution of Oil Palm Planted Area by Operator in Malaysia

Operator category	Estimated area (ha)	% of total planted area	Remarks
Large estates	4,156,000	73.5%	Includes public listed companies and Government schemes
Independent smallholders	822,000	14.5%	214,680 operators
Organized smallholders	674,000	11.9%	Under FELDA, FELCRA etc.
Total planted area (2023)	5,65 million	100%	

Source: MPOB (2023)

Given that smallholders collectively play an important part in Malaysia's oil palm production, their capacity to manage working capital for day-to-day operations is critical, since it has a direct impact on productivity, financial resilience and long-term sustainability in the palm oil industry. Unlike larger plantation companies with more financial resources, smallholders may face obstacles such as limited credit, reliance on a small number of buyers and unpredictable production costs. Although smallholders may not have formal financial statements, the concept of balancing current assets with current obligations still applies.

The independent smallholders must carefully manage their harvest and input inventories to avoid waste and unnecessary costs. Delivering fresh fruit bunches (FFB) to mills on time saves degradation, while coordinating harvesting dates with buyers reduces storage costs. Participating in local cooperative agencies, for example *Koperasi Sawit Negeri Johor*, can also help to minimize logistics and storage expenses while increasing efficiency.

Delays in receiving payments from buyers can cause major cash flow issues for any small businesses, including oil palm smallholders. Clear sales agreements, cash-on-delivery arrangements and collaboration with cooperatives or groups of other smallholders for collective bargaining can facilitate to expedite payment processes. As a result, cash is not held as receivables for an extended period of time and liquidity can be improved. The independent smallholders rely significantly on suppliers for fertilizer, equipment and labor. Maintaining good connections with suppliers and setting practical payment terms, such as phased payments after harvest, can help ease financial stress. In some cases, supplier credit or government-sponsored support programs, such as the Easy Financing Schemes offered by the Malaysian Palm Oil Board's Smallholder Empowerment Unit, can provide reasonable loans for inputs such as seedlings, fertilizer and pesticide. This strategy could be a viable alternative to bank finance, which has higher financing costs.

In conclusion, by maintaining stable cash flow and reducing dependency on external financing, smallholders are better positioned to sustain their livelihoods within the palm oil sector. This financial stability, in turn, discourages them from selling their land or converting it to other crops, thereby supporting long-term productivity and sectoral sustainability.

Reference:

Malaysian Palm Oil Board (MPOB) (2023). *Oil Palm Planted Area Statistics*. Prestasi Sawit.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

HIJAU DI HATI, TENANG DI JIWA

Aflah Isa, Nurhafizah Azizan, Nurulashikin Romli



Sumber foto: Koleksi penulis

Hobi ialah aktiviti yang dilakukan pada masa lapang untuk mengisi waktu dengan perkara berfaedah. Antara hobi yang saya gemari ialah bercucuk tanam. Saya mula berjinak-jinak dengan hobi ini ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan kerana banyak masa dihabiskan di rumah. Dari situlah saya belajar cara menanam sayur-sayuran dan herba yang berguna dalam kehidupan seharian. Bagi saya, bercucuk tanam memberikan banyak keseronokan. Setiap pagi dan petang, saya akan menyiram tanaman serta membersihkan kawasan kebun.

Antara tanaman saya ialah cili, serai, pandan, kunyit, salom, pudina, limau purut, limau nipis, limau kasturi, daun ketumbar, sambung nyawa, pokok jambu dan lain-lain lagi. Melihat tanaman membesar dengan subur memberikan satu kepuasan hati yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Namun begitu, saya tinggal di kawasan perumahan yang agak sempit. Kekurangan kawasan tanah untuk bercucuk tanam menyebabkan saya mencari kaedah alternatif. Oleh itu, saya menggunakan kaedah tanaman bertingkat, iaitu dengan menyusun pasu-pasu secara menegak di rak khas yang direka sendiri. Cara ini bukan sahaja menjimatkan ruang, malah dapat menanam lebih banyak jenis pokok dalam kawasan yang terhad.

Selain menyeronokkan, hobi bercucuk tanam juga mempunyai banyak kelebihan. Antaranya ialah kita dapat memperoleh sayur-sayuran yang segar tanpa perlu membeli di pasar. Hal ini dapat menjimatkan perbelanjaan harian keluarga. Selain itu, hasil tanaman yang ditanam sendiri lebih selamat kerana tidak mengandungi racun atau bahan kimia yang berbahaya.

Di samping itu, bercucuk tanam juga baik untuk kesihatan. Aktiviti ini memerlukan kita bergerak, membongkok dan tubuh mengeluarkan peluh sekali gus dapat menyihatkan tubuh badan. Hobi ini juga mampu menenangkan fikiran kerana kita dikelilingi suasana hijau yang mendamaikan. Tambahan pula, halaman rumah menjadi lebih indah apabila dipenuhi bunga-bungaan yang berwarna-warni.

Kesimpulannya, hobi bercucuk tanam sangat memberi manfaat kepada diri, keluarga dan juga alam sekitar. Walaupun kawasan rumah saya terhad, dengan kaedah tanaman bertingkat saya masih dapat meneruskan hobi ini. Saya berharap dapat mengekalkan minat ini sehingga dewasa kelak. Dengan cara ini, saya bukan sahaja dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah, tetapi juga dapat menikmati hasil yang sihat, segar dan menyenangkan.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

INVESTING IN GREEN HORIZONS FOR THE FUTURE OF MALAYSIAN TOURISM

Ruziah A. Latif, Mardziyana Mohamad Malom, Ferri Nasrul



Source: AI-generated image

Tourism has long been one of Malaysia's main economic drivers, but the sector is now under pressure to respond to environmental challenges. In line with the United Nation's Sustainable Development Goals (SDGs), the government is pushing for a greener direction, especially with the Visit Malaysia 2026 (VMY 2026) campaign. The VMY 2026 target is ambitious, 35.6 million visitors and RM147.1 billion in revenue. While sustainability is promoted as a central theme, the real issue is how operators can balance profitability with the cost of adopting new green practices.

Research highlights that the transition is not cheap. Agrawa (2025) points out that installing renewable energy systems, upgrading to water-saving technology, shifting to biodegradable materials or going through eco-certification process, all demand significant financial resources. Many operators hesitate because of these upfront expenses. Yet, studies also show that such investments tend to pay off by improving revenue and competitiveness over time (Arbelo et al., 2025).

To reduce the burden, the government has introduced support mechanisms, including the Green Technology Financing Scheme (GTFS) and tourism tax reinvestment incentives (Ministry of Finance Malaysia, 2021). Beyond financing, there is also a need for knowledge fostering. Not every operator, especially Small Tourism and Medium Enterprises (TSMEs) fully understands how sustainability can create long-term advantages. Practical initiatives such as workshops, seminars and peer-sharing sessions can help to close this awareness gap. It will be easier for operators to adopt sustainability once they understand the link between sustainability and better branding and resilience.

In conclusion, since sustainability is a way of life, sustainable tourism effort should not be viewed as a financial strain but as an investment in the sector's future. With adequate government policy backing and the active involvement of industry players, Malaysia's tourism can grow without sacrificing environmental responsibility. This approach ensures that the sector remains a strong economic contributor while protecting the natural assets that make Malaysia attractive to visitors in the first place.

References:

Agrawal, D. (2025). A comprehensive review of investing and financing for sustainable tourism projects. *Environment, Sustainability, and Governance Insights*, 1(1), 53-70.

Arbelo, A., Arbelo-Pérez, M., De Vera, V., & Bilgihan, A. (2025). Green premiums: assessing the revenue impact of eco-certification in the hospitality sector. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 37(13), 64-83.

Ministry of Finance Malaysia. (2021). *Budget 2021 speech and highlights*. Retrieved from https://www.mof.gov.my/

JELAPANG PADI DI SEKINCHAN

Kamal Fahrulrazy Rahim

Kedah terkenal dengan gelaran negeri jelapang padi Malaysia iaitu kawasan yang merupakan pengeluar utama padi melebihi 40 peratus atau lebih 1 juta tan metrik daripada 2.5 juta tan metrik menurut Jabatan Statistik pada tahun 2023. Selain Kedah, negeri-negeri yang hasil pengeluaran yang tinggi dan keluasan tanaman padi adalah Perlis dan Selangor.

Aku berkesempatan ke daerah penanaman padi dan bercuti hujung minggu di Sekinchan, Selangor. Jarak dari Johor ke Kedah adalah sejauh 645 kilometer dan mengambil masa 8 jam pemanduan yang sangat memenatkan. Sebagai alternatif untuk menikmati pemandangan jelapang padi, aku memilih ke Sekinchan dimana jaraknya adalah sejauh 308 kilometer atau 4 jam pemanduan dari Segamat dengan melalui Lebuhraya Utara Selatan dan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat. Kawasan penanaman padi yang terbentang luas dapat dilihat sebaik sahaja memasuki sempadan Tanjung Karang di samping kehijauan dan pemandangan desa yang jauh dari hiruk pikuk bandar. Di sepanjang jalan terdapat restoran, kedai, kiosk menjual makanan dan buah-buahan.

Terdapat banyak hotel, resort dan homestay di daerah Sekinchan untuk dipilih oleh pelancong dari dalam dan luar negara dengan harga yang berpatutan bergantung kepada bajet. Kunjungan aku ke sini yang tidak dirancang memaksa aku mencari homestay untuk melepas penat diri. Homestay Pepadi Studio Kayu yang berharga RM140 semalam menjadi pilihan aku untuk bermalam. Pembayaran boleh dilakukan melalui kod QR dimana setelah pembayaran dibuat, tuan rumah akan menghantar kod untuk membuka kotak penyimpanan kunci rumah.

Homestay Pepadi Studio Kayu terletak di tengah kawasan sawah padi berdekatan dengan masjid dan kedai makan. Ianya dilengkapi dengan 1 katil queen, 1 katil single, almari baju, penghawa dingin, televisyen, peti ais dan dapur untuk kemudahan memasak. Homestay ini boleh memuatkan lima orang dewasa dan ianya turut menyediakan bantal dan toto tambahan untuk keselesaan tetamu.

Percutian di sini sungguh mendamaikan. Hamparan hijau sawah padi, desiran air di taliair dan rimbunan buah-buahan tempatan menghadiahkan satu ketenangan, seolah-olah meleraikan segala resah di minda. Keseluruhan percutian ini memberi satu kepuasan kepada diri ku.






Sumber foto: Koleksi penulis

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KEWANGAN RAPI, PERSARAAN HARMONI

Yuslizawati Mohd Yusoff, Khairunnisa Rahman

Usia persaraan atau pencen merupakan fasa kehidupan yang amat penting kerana pada ketika itu seseorang tidak lagi menerima pendapatan tetap seperti gaji bulanan. Ramai beranggapan bahawa persaraan adalah masa untuk berehat setelah penat bekerja, namun hakikatnya kehidupan selepas bersara boleh menjadi beban sekiranya kewangan tidak diurus dengan baik sejak awal. Oleh itu, pengurusan kewangan yang berhemah amat penting agar kehidupan pada usia pencen lebih terjamin, selesa dan bermaruah.

Pengurusan kewangan yang teratur dapat menjamin kestabilan hidup selepas bersara. Apabila tidak lagi bekerja, seseorang hanya bergantung pada wang simpanan, pencen atau hasil pelaburan. Perancangan kewangan perlu dilakukan seawal usia muda agar pesara tidak akan menghadapi kesempitan hidup walaupun tanpa gaji tetap (Sinar Harian, 2025). Malah, mereka masih mampu membiayai keperluan asas seperti makanan, perumahan dan pakaian dengan baik.

Selain itu, kewangan yang kukuh sangat penting untuk menampung kos kesihatan. Sudah menjadi lumrah kehidupan bahawa tahap kesihatan manusia akan merosot sesuai dengan peningkatan usia (Sinar Harian, 2025). Rawatan hospital dan ubat-ubatan pula semakin mahal saban tahun. Justeru itu, simpanan kewangan yang mencukupi membolehkan pesara menanggung perbelanjaan kesihatan tanpa membebankan ahli keluarga.

Jika seseorang gagal merancang kewangannya, maka anak-anak terpaksa menanggung kos sara hidup ibu bapa. Situasi ini boleh menimbulkan tekanan kewangan dan emosi dalam kalangan keluarga. Namun, pesara yang mempunyai kewangan yang stabil dapat hidup berdikari serta menjalani kehidupan dengan lebih bermaruah. Pengurusan kewangan yang bijak juga mengelakkan pesara daripada menjadi tanggungan kepada anak-anak. Kebanyakan individu berhasrat untuk melakukan aktiviti kegemaran selepas bersara seperti melancong, berkebun atau terlibat dalam kerja sukarela. Semua ini memerlukan perbelanjaan. Oleh itu, kewangan yang baik membolehkan pesara menikmati gaya hidup yang selesa.

Kemampuan untuk mengurus kewangan yang mantap memberi peluang kepada pesara meninggalkan legasi kepada waris. Simpanan, harta atau pelaburan yang ditinggalkan bukan sahaja dapat menjamin masa depan anak-anak, malah menjadi tanda kasih sayang dan tanggungjawab terhadap keluarga (E-Wacana UTHM, 2023). Bak kata pepatah Melayu, “sediakan payung sebelum hujan” yang menekankan kepentingan membuat persediaan awal sebelum menghadapi kesusahan.

Oleh itu, dalam memastikan kehidupan hari tua lebih stabil, selesa dan bermaruah, pengurusan kewangan untuk usia pencen perlu dibuat secara berhemah. Individu perlu mendisiplinkan diri untuk menabung, mengawal perbelanjaan dan melabur secara bijak bermula di usia muda. Mudah-mudahan tindakan awal di usia muda dapat memberikan ketenangan di usia emas tanpa terbeban dengan masalah kewangan.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KURIKULUM SEKOLAH PERKASA KEUSAHAWANAN

Basaruddin Shah Basri, Kamal Fakhrulrazi Rahim,
Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin

Meningkatkan prestasi ekonomi negara secara amnya diukur melalui keluaran dalam negara kasar (KDNK). Justeru secara mikronya, pencapaian KDNK disokong oleh peningkatan jumlah prestasi institusi perniagaan yang beroperasi di dalam negara. Prestasi ini didokong oleh sumbangan daripada usahawan atau perniagaan yang berdaftar di bawah Pertubuhan Syarikat. Negara mengukur pencapaian prestasi melalui peningkatan di dalam perkembangan ekonomi. Peningkatan di dalam prestasi ekonomi dapat disokong oleh kerancakan penjanaan ekonomi melalui kegiatan atau aktiviti perniagaan. Dengan meningkatnya jumlah penglibatan usahawan di dalam urusan jualbeli akan memberi kesan kepada pulangan samada secara domestik atau melalui aliran masuk pulangan daripada luar negara.

Namun, bukan mudah bagi seorang usahawan atau perniagaan untuk mencapai pulangan yang baik jika bidang keusahawanan atau perniagaan tidak diurus dengan baik. Institusi perniagaan yang baik dan berjaya sentiasa diterajui oleh usahawan yang berpengalaman, berpengetahuan, berwawasan, berkepimpinan, berkebolehan menguruskan perniagaan dengan baik serta mampu untuk menyerab tekanan. Namun, untuk meningkatkan pengetahuan, pengalaman dan minat terhadap kegiatan perniagaan atau lebih tepat keusahawanan, pendedahan haruslah timbul lebih awal di hati sanubari usahawan terutamanya di kalangan remaja. Kerana, jika ditinjau dari sudut pandangan bekas graduan universiti, rata-rata daripada mereka mengambil jalan selamat ketika memohon pekerjaan serta cenderung untuk bekerja makan gaji dengan majikan. Bagi mereka ini adalah jalan atau keputusan yang lebih selamat serta menjamin kehidupan lebih baik walaupun pada hakikatnya pencapaiannya tidak mencapai matlamat sebenar yang dihajatkan.

Sejajar dengan matlamat serta impian negara, bagi menjayakan matlamat untuk melahirkan lebih bilangan penyertaan remaja di bidang usahawaan, suatu usaha perlu digarap sebagai wadah atau sokongan kepada melahirkan lebih ramai usahawan berjaya. Dalam usaha untuk menimbulkan minat serta kebolehan menjalankan perniagaan, langkah drastik perlu diambil bagi membuka peluang serta minat terhadap keusahawanan di kalangan remaja. Kaedah paling praktikal yang boleh diketengahkan adalah melalui sistem pendidikan bersepadu yang berkesan serta berstruktur di dalam kurikulum Pendidikan sekolah menengah. Pilihan remaja yang bersesuaian perlu dibuat di kalangan pelajar sekolah menengah kerana di usia ini, mereka mempunyai kematangan untuk berfikir serta mempunyai kemampuan untuk menilai setiap perkara. Untuk kelancaran, kurikulum pendidikan untuk model usahawan muda ini wajar dikawalselia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Jika mendapat mandat Kerajaan, inkubator usahawan atau tapak asas pembelajaran usahawan, boleh disediakan oleh pihak sekolah bagi membolehkan proses penyerapan ilmu, latihan amali serta pembelajaran keusahawanan berlaku.

Jika model usahawan ini dipertimbangkan untuk menjadi kenyataan, pelajar akan menpunyai lebih banyak pilihan serta manfaat kerjaya untuk menjanakan perniagaan sendiri selain daripada memilih untuk bekerja makan gaji. Usahawan berjaya bukan sahaja menjana pendapatan untuk diri sendiri bahkan juga dapat membantu mencipta serta menawarkan peluang pekerjaan kepada orang lain. Malah lebih bermakna jika kejayaan usahawan ini dapat membantu menyumbang kepada kejayaan serta kecemerlangan ekonomi masyarakat dan negara.

LITERASI HALAL DAN CABARAN JAMINAN PIAWAIAN HALAL

Mardziyana Mohamad Malom, Ruziah A. Latif, Zaibedah Zaharum.

Dalam masyarakat yang semakin celik maklumat, literasi halal menjadi keperluan asas bagi pengguna Muslim untuk membuat keputusan yang beretika dan berlandaskan syariah. Namun, peningkatan kesedaran ini turut mendedahkan isu kebolehpercayaan pensijilan halal yang semakin kompleks, terutamanya dalam konteks globalisasi dan teknologi digital.

Di peringkat antarabangsa, terdapat ratusan badan pensijilan halal yang beroperasi dengan piawaian, metodologi audit dan tafsiran hukum yang berbeza-beza. Keadaan ini diburukkan lagi dengan penyalahgunaan label halal, di mana terdapat kes pemalsuan atau penggunaan logo tanpa kelulusan sah daripada badan berautoriti. Fenomena ini bukan sahaja mencemarkan integriti sistem pensijilan, malah menjejaskan kepercayaan awam terhadap industri halal secara keseluruhan. Kepelbagaian pensijilan yang tidak seragam menuntut pengguna untuk lebih celik halal dan tidak bergantung sepenuhnya kepada logo semata-mata.

Dengan tahap literasi yang tinggi, pengguna dapat mengurangkan kebergantungan mutlak kepada autoriti pensijilan semata-mata, sebaliknya bertindak secara aktif dalam menilai kesahihan produk dan perkhidmatan berdasarkan prinsip syariah. Keupayaan ini mendorong peningkatan ketelusan industri apabila pengeluar dan penyedia perkhidmatan didorong untuk memperjelaskan proses pengeluaran, sumber bahan dan audit pensijilan demi memenuhi tuntutan pengguna yang lebih kritikal dan berpengetahuan. Dalam jangka panjang, pengguna celik halal turut memperkukuh integriti pensijilan halal dengan menjadi pemantau sosial yang mampu mengenal pasti penyalahgunaan label dan menuntut pematuhan yang lebih ketat.

Kemampuan literasi halal ini juga menuntut dasar yang lebih tegas dan pembangunan prasarana sistem digital yang membolehkan semakan silang antara pensijilan, audit dan rantaian bekalan. Dan lebih penting lagi, literasi halal bukan sahaja menjadi alat pengetahuan, tetapi juga mekanisme peranan kawalan sosial yang dimainkan oleh pengguna.

Dalam konteks ini, literasi halal memperkasakan pengguna untuk bertindak sebagai pemantau moral yang menuntut ketelusan dan kebertanggungjawaban daripada pengeluar dan penyedia perkhidmatan. Dalam menghadapi penyalahgunaan label halal, pengguna celik halal berperanan sebagai benteng terakhir dalam memastikan integriti dan keberkesanan sistem pensijilan. Oleh itu, usaha memperkukuh literasi halal perlu dijadikan agenda utama dalam pendidikan, dasar dan inovasi teknologi halal.

Pendidikan formal dan informal perlu digerakkan secara sistematik melalui integrasi modul literasi halal dalam kurikulum sekolah, institusi pengajian tinggi, serta program komuniti yang bersifat reflektif dan praktikal. Pada masa yang sama, digitalisasi maklumat halal dapat meningkatkan ketelusan dan kebolehcapaian semakan pensijilan halal secara masa nyata. Usaha harmonisasi piawaian pensijilan halal di peringkat antarabangsa juga perlu diperkukuh melalui kerjasama antara badan pensijilan dan organisasi Islam global, bagi mengurangkan kekeliruan pengguna terhadap logo dan piawaian yang berbeza.

Oleh itu, usaha memperkukuh literasi halal perlu mengambil kira cabaran ini secara holistik, dengan menekankan aspek ketulenan maklumat, harmonisasi piawaian, dan pemerkasaan kefahaman teknologi dalam kalangan pengguna, khususnya pengguna Muslim.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MENITI LALUAN PhD SAMBILAN

Zuraidah Sipon

Pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dianggap sebagai puncak tertinggi dalam dunia akademik. Ia menuntut komitmen yang tinggi dari segi masa, tenaga, kewangan dan emosi. Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar mampu menumpukan sepenuh masa terhadap pengajian ini. Ramai yang memilih laluan sambilan kerana faktor kerjaya, keluarga dan kewangan. Walaupun fleksibel, laluan ini penuh dengan cabaran yang boleh menjejaskan motivasi dan keberhasilan pengajian.

1. Cabaran Pengurusan Masa

Cabaran paling ketara bagi pelajar sambilan ialah kekangan masa. Mereka perlu membahagikan masa antara tuntutan kerja, keluarga dan pengajian. Jadual yang padat akan memperlahankan proses pembacaan literatur, penulisan serta penyelidikan. Kekangan ini boleh menimbulkan tekanan, terutama apabila perlu menepati tarikh akhir yang ketat.

2. Tekanan Kerjaya dan Akademik

Kebanyakan pelajar sambilan masih bekerja sepenuh masa menyebabkan tanggungjawab di tempat kerja sering bercanggah dengan tuntutan akademik. Situasi ini menjadikan mereka mudah mengalami keletihan (*burnout*), apatah lagi jika pekerjaan itu memerlukan komitmen yang tinggi. Bebanan kerja boleh menjejaskan produktiviti penyelidikan serta menunda kemajuan pengajian.

3. Sokongan Keluarga dan Sosial

Kekurangan sokongan moral daripada keluarga atau rakan boleh menimbulkan rasa terasing bagi pelajar sambilan. Kadangkala, keluarga mungkin tidak memahami beban mental dan fizikal yang ditanggung, lalu menganggap pengajian sebagai beban tambahan.

MENITI LALUAN PhD SAMBILAN

Zuraidah Sipon

4. Kewangan dan Kos Pengajian

PhD sambilan sering memerlukan tempoh pengajian lebih panjang. Ini bermakna kos pengajian juga lebih tinggi dari segi yuran, penyelidikan serta perbelanjaan harian. Walaupun bekerja, tidak semua pelajar mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk menampung kos-kos tambahan ini. Kewangan boleh menjadi sumber tekanan yang mengganggu fokus pangajian.

5. Kesihatan Mental dan Emosi

Perasaan tertekan, bimbang atau tidak berdaya kerap dialami oleh pelajar PhD, terutamanya pelajar sambilan. Isu kesihatan mental seperti keresahan (*anxiety*), kemurungan (*depression*) dan rasa putus asa sering muncul apabila berhadapan dengan pelbagai halangan seperti penolakan artikel jurnal dan teguran penyelia. Jika tidak diuruskan dengan baik, ia boleh menjejaskan motivasi serta keyakinan untuk meneruskan pengajian.

6. Akses kepada Sumber dan Kemudahan

Berbanding pelajar sepenuh masa, pelajar sambilan sering terhad dalam penggunaan makmal, kemudahan universiti atau akses kepada seminar. Kehadiran ke bengkel atau kursus juga terbatas kerana perlu menyesuaikan dengan jadual kerja. Hal ini boleh melemahkan keupayaan mereka untuk bersaing dari segi akademik.

Kesimpulannya, perjalanan pengajian PhD secara sambilan bukanlah mudah. Ianya menuntut ketabahan, disiplin dan sokongan berterusan daripada keluarga serta pihak universiti. Cabaran masa, kerjaya, kewangan dan kesihatan mental adalah antara isu utama yang perlu dihadapi. Namun, dengan strategi pengurusan yang bijak, pelajar sambilan berpotensi menamatkan pengajian dengan cemerlang.

MENYEMAI GAYA HIDUP SIHAT DALAM KOMUNITI

Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin, Basaruddin Shah Basri, Kamal Fakhrulrazi Rahim

Setiap hari bekerja, warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) digalakkan untuk mengisi borang deklarasi harian sebagai sebahagian daripada usaha memupuk budaya sihat dan aktif dalam kalangan komuniti kampus. Menariknya, borang ini turut mengandungi satu soalan yang meminta warga UiTM melaporkan jumlah langkah yang telah mereka lakukan pada hari sebelumnya. Pada awal pelaksanaan, pilihan jawapan hanya terhad kepada dua kategori: melebihi atau kurang daripada 10,000 langkah. Kini, pilihan tersebut telah diperluas dengan ambang serendah 2,000 langkah, memberikan ruang kepada lebih ramai warga kampus untuk menyertai inisiatif ini tanpa rasa terpinggir.

Langkah ini bukan sekadar statistik harian, tetapi satu dorongan halus yang menyuntik semangat untuk kekal aktif dan menjaga kesihatan. Menyambut baik usaha ini, Kelab Pensyarah UiTM Johor Kampus Segamat telah melancarkan program “Misi 10,000 Langkah” yang berlangsung setiap hari Selasa dan Khamis. Bermula sejak Julai 2025, program ini telah mendapat sambutan hangat daripada warga kampus yang semakin sedar akan kepentingan gaya hidup aktif.

Selain itu, bagi menyemai lagi gaya hidup sihat, inisitif oleh UiTM Johor Kampus Segamat yang menganjurkan “Brisk Walk Merdeka FPdP” dan “UiTM Happiness Walk 2025” sangat dihargai. Aktiviti santai ini bukan sahaja menyemarakkan semangat patriotik, malah menggalakkan warga UiTM beriadah bersama, menikmati alam, dan memperkukuh kesejahteraan fizikal serta mental secara kolektif.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MENYEMAI GAYA HIDUP SIHAT DALAM KOMUNITI

Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin, Basaruddin Shah Basri, Kamal Fakhrulrazi Rahim

Aktiviti berjalan santai bukan sahaja baik untuk kesihatan kaki, malah memberi manfaat kepada seluruh tubuh badan. Dalam dunia kesihatan, terdapat satu metafora yang menyebut bahawa “jantung kedua” manusia terletak di betis, merujuk kepada peranan penting otot betis dalam membantu peredaran darah. Setiap langkah yang diambil membantu meningkatkan aliran darah, mengurangkan hormon stres seperti kortisol, dan secara tidak langsung memperbaiki mood serta tahap kesihatan keseluruhan. Ini sekali gus boleh menyemai gaya hidup sihat dalam komuniti.





Sumber foto: Koleksi penulis

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

METAMESTA AKADEMIK DAN KEMENJADIAN TOTAL

Mardziyana Mohamad Malom, Nurulashikin Romli,
Yuslizawati Mohd Yusoff

Dalam era pasca-digital yang semakin kompleks, pendidikan tidak lagi sekadar penyampaian ilmu secara linear. Ia menuntut satu transformasi menyeluruh yang menggabungkan teknologi, nilai dan potensi insan. Di sinilah lahirnya konsep metamesta akademik iaitu suatu ruang pembelajaran maya yang bukan sahaja interaktif, tetapi juga reflektif, bersifat multidimensi dan berteraskan pembangunan insan secara holistik.

Metamesta akademik merujuk kepada ekosistem pembelajaran digital yang menggabungkan realiti maya, kecerdasan buatan dan analitik data untuk memperkasa pengalaman pembelajaran. Ia bukan sekadar platform pembelajaran dalam talian, tetapi satu kerangka yang membolehkan pelajar, pendidik dan komuniti berinteraksi secara bermakna, melampaui sempadan fizikal dan kurikulum tradisional. Seiring dengan kepesatan perkembangan teknologi, reformasi landskap pendidikan yang bercirikan pembelajaran digital, serta penyepaduan nilai dan etika dalam reka bentuk pengalaman pembelajaran menjadikan kemenjadian total insan sebagai keberhasilan pendidikan.

Kemenjadian total ini bukanlah destinasi, tetapi proses yang berterusan. Ia melibatkan pertumbuhan spiritual, emosi, intelektual dan sosial yang seimbang. Dalam metamesta, proses ini boleh diperkasa melalui pengalaman pembelajaran yang bersifat reflektif, adaptif dan bermakna. Melahirkan pelajar yang bukan sekadar menghafal fakta, tetapi merenung makna. Yang bukan sekadar menyelesaikan tugasan, tetapi membina hikmah. Yang bukan sekadar hadir dalam kelas maya, tetapi hadir dalam diri dan berkembang sebagai insan yang berfikir, berperasaan serta berprinsip.

Sebagai pendidik dan pemikir, kita sering bergelut antara keghairahan teknologi dan keperluan jiwa. Metamesta akademik tidak hanya memberi dorongan dan berfungsi sebagai stimuli, tetapi ia juga satu tanggungjawab yang menuntut kita menyusun semula aspirasi pendidikan, membina rubrik kemenjadian yang bersifat holistik dan memastikan setiap inovasi berpaksikan nilai. Kita percaya bahawa metamesta bukanlah pengganti kepada kemanusiaan, tetapi pelengkap kepada proses menjadi insan. Di dalam setiap kod, algoritma dan antaramuka harus ada ruang untuk refleksi, kasih sayang dan makna.

Apabila metamesta direka dengan kesedaran etika dan refleksi nilai, ia menjadi medan untuk membina insan yang bukan sahaja celik digital, tetapi juga celik hati. Contohnya, sistem pembelajaran digital yang menggalakkan refleksi kendiri, bukan sekadar penilaian berasaskan markah atau pencapaian kognitif semata-mata. Ia direka untuk menggalakkan pelajar merenung proses pembelajaran mereka, memahami kekuatan dan kelemahan diri, serta membina kesedaran kendiri. Hasilnya, pelajar berkembang sebagai insan yang berfikir secara kritis, mengenal diri dan mampu membuat keputusan berasaskan nilai.

Gabungan metamesta akademik dan aspirasi kemenjadian total membuka ruang kepada satu paradigma baharu iaitu pendidikan sebagai ekosistem hidup yang sentiasa berkembang, responsif dan berakar pada nilai kemanusiaan. Sudah pasti untuk membina sistem, ia menuntut kerjasama antara pembuat dasar, pendidik, prasarana teknologi dan komuniti bagi memberi sokongan kepada pembangunan pendidikan demi kelestarian akademik.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PANDUAN TUNTUTAN INSURANS DAN TAKAFUL

Ferri Nasrul, Nazihah Omar

Insurans dan takaful ialah pelan perlindungan kewangan yang membantu individu menghadapi risiko seperti kemalangan, penyakit atau kematian. Insurans berasaskan pemindahan risiko, manakala takaful berlandaskan kerjasama dan prinsip syariah.

Dalam dunia insurans dan takaful, proses tuntutan merupakan aspek yang sangat penting kerana ia menentukan sama ada pemegang polisi atau peserta akan menerima pampasan atas kerugian yang dialami. Tuntutan ialah permohonan rasmi kepada pengendali insurans atau takaful untuk mendapatkan manfaat berdasarkan perlindungan yang telah dipersetujui dalam polisi atau sijil.

Paling penting ialah melaporkan kerugian atau kerosakan secepat mungkin kepada pihak pengendali insurans atau takaful. Maklumat lengkap dan dokumen sokongan seperti laporan polis, resit atau laporan perubatan perlu disediakan. Seterusnya, borang tuntutan perlu diisi dan dihantar bersama bukti yang relevan. Pemegang polisi juga perlu memberi kerjasama penuh semasa siasatan dijalankan, termasuk memberikan maklumat tambahan jika diminta.

Pembayaran tuntutan biasanya dibuat melalui cek, pindahan bank atau kaedah lain yang dipersetujui bersama. Namun, proses ini boleh berbeza bergantung kepada jenis produk, terma polisi, tempoh menunggu, jumlah potongan berkaitan dan sebarang pengecualian yang dinyatakan.

Untuk memastikan tuntutan berjaya, pemegang polisi perlu memahami sepenuhnya kandungan polisi, menyimpan dokumen dengan selamat dan memberikan maklumat yang tepat. Elakkan membuat tuntutan palsu atau berlebihan kerana ini boleh menjejaskan kelulusan tuntutan. Simpan semua rekod berkaitan dan bersedia menjawab sebarang pertanyaan daripada pengendali insurans atau takaful.

Sekiranya menghadapi kesukaran, bantuan boleh diperoleh daripada ejen insurans atau takaful, broker, penasihat undang-undang atau *Ombudsman* perkhidmatan kewangan. Dengan panduan ini, proses tuntutan akan menjadi lebih mudah dan jelas, sekali gus memberi ketenangan kepada pemegang polisi ketika berdepan situasi sukar.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN MAMPAN

Tay Bee Hoong

Matlamat Pembangunan Mampan **(*SDG*) 12** memberi fokus kepada penggunaan dan pengeluaran secara lestari, khususnya dalam menangani isu kehilangan dan pembaziran makanan. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kira-kira satu bilion makanan yang masih boleh dimakan dibazirkan setiap hari di peringkat isi rumah, sedangkan satu pertiga populasi dunia mengalami ketidakjaminan makanan dan 783 juta individu hidup dalam kelaparan. Lebih membimbangkan, sisa makanan menyumbang antara 8 hingga 10 peratus kepada pelepasan gas rumah hijau global setiap tahun.

Pembaziran makanan bukan sahaja memberi kesan negatif kepada ekonomi, malah membazirkan tenaga dan air yang digunakan dalam pengeluaran makanan. Makanan yang dibuang ke tapak pelupusan menghasilkan gas metana, yang menyumbang kepada pemanasan global. Oleh itu, pendidikan awam mengenai amalan penggunaan mampan amat penting, khususnya melalui pendekatan 4R: penolakan (*refuse*), pengurangan (*reduce*), penggunaan semula (r*euse*), dan kitar semula (*recycle*).

Penolakan melibatkan tindakan mengelakkan amalan yang menyumbang kepada pembaziran makanan dan penggunaan berlebihan. Ini termasuk memilih saiz hidangan yang kecil, menolak penggunaan plastik pakai buang seperti straw dan bekas makanan, serta memilih produk dengan pembungkusan minimum.

Pengurangan pula merujuk kepada strategi meminimumkan sisa makanan. Antaranya ialah menyemak inventori sebelum membeli, menyediakan senarai belibelah untuk mengelakkan pembelian impulsif, serta menyimpan bahan makanan dengan betul agar tahan lebih lama.

Penggunaan semula menekankan pemanfaatan semula bahan yang lazimnya dibuang. Contohnya termasuk menderma makanan berlebihan kepada program pemulihan makanan, menggunakan bekas boleh guna semula, menghasilkan produk kecantikan semula jadi daripada sisa makanan seperti timun dan aloe vera, serta menyediakan jem atau sup daripada buah dan sayur yang hampir rosak.

Kitar semula melibatkan transformasi sisa makanan kepada produk yang berguna. Ini termasuk penghasilan kompos daripada sisa dapur dan halaman, penggunaan sisa makanan sebagai makanan haiwan ternakan, serta penghasilan biofuel, biogas, baja dan bahan kimia daripada sisa organik.

Secara keseluruhan, sisa makanan merupakan isu yang merentasi dimensi ekonomi, alam sekitar dan sosial. Pengamalan konsep 4R bukan sahaja membantu mengurangkan kos dan pembaziran, tetapi juga menyumbang kepada usaha memerangi perubahan iklim dan meningkatkan keselamatan makanan global. Pendekatan ini wajar diterapkan secara meluas dalam dasar awam dan pendidikan komuniti bagi menjamin kelestarian jangka panjang.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

POTENSI EKO PELANCONGAN DI SEGAMAT

Mohd Hakimi Harman

Konsep eko-pelancongan (*eco-tourism*) sudah tidak asing bagi pelancong tempatan mahupun antrabangsa. Konsep seperti eco-Resort, pusat perkhemahan dan terkini, Glamping semakin mendapat sambutan di kalangan pelancong terutamanya rakyat Malaysia. Di Malaysia, Johor adalah salah satu negeri yang kaya dengan budaya dan sumber alam. Salah satu daerah yang mempunyai potensi besar dalam eko-pelancongan ialah Segamat. Terletak di utara negeri Johor, Segamat terkenal sebagai daerah pertanian yang subur, terutamanya penanaman durian. Tibanya musim durian, Segamat menjadi pusat tumpuan peraih, peniaga dan pencinta durian. Walau bagai mana pun populariti Segamat sebagai salah satu syurga durian tidak banyak membantu menarik pelancong dari luar Segamat

Tidak dinafikan, Segamat mempunyai khazanah alam semula jadi dan warisan yang boleh menajadi daya tarikan. Antaranya adalah Air Terjun Sungai Bantang di Bekok yang kaya dengan biodiversiti. Namun begitu, atas faktor lokasi yang berada agak jauh dari laluan utama serta berada berdekatan dengan pusat pelancongan popular seperti Melaka, Gunung Ledang di Tangkak, mengurangkan potensi kemasukan pelancong ke Segamat. Bagi membantu menarik lebih ramai pelancong ke Segamat, konsep eko-pelancongan boleh dilaksanakan. Dengan ladang buah-buahan yang banyak terutamnya durian, segamat berpotensi untuk menajadi salah satu pusat eko-pelancongan utama di Malaysia.

Antara penambahbaikan yang boleh menjadikan Segamat sebagai pusat eko-pelancongan adalah seperti:

i. Pengusaha ladang boleh bekerjasama dengan pemaju rumah inap (*homestay*) untuk membina rumah inap di dalam kawasan ladang.
ii. Pengusaha ladang boleh menawarkan perkhidmatan memetik dan merasa buah segar.
iii. Penglibatan komuniti tempatan dalam mempromosikan budaya dan makanan tempatan melalui kerjasama dengan pihak pengusaha ladang.
iv. Promosi perlu dilaksanakan dengan lebih giat.
v. Penambahbaikan infrasturktur seperti kemudahan awam, jalan raya dan sistem pengurusan sisa.

Bagi memastikan perancangan ini dapat dicapai, kerjasama pelbagai pihak amat diperlukan. Komuniti setempat, pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, pengusaha rumah inap, pengusaha pelancongan dan juga pengusaha ladang perlu berganding bahu dalam menaikkan Segamat sebagai salah satu pusat eko-pelancongan. Sekiranya tercapai, ini bukan sahaja dapat meransang ekonomi setempat, malah menaikkan nama Segamat. Segamat sebenarnya sudah mempunyai segala yang diperlukan untuk menjadi pusat eko-pelancongan, yang diperlukan adalah usaha bersepadu untuk merealisasikannya.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PRESERVING RIVER & MARINE ECOSYSTEMS IN MALAYSIA

Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin, Nor Hadaliza Abd. Rahman,
Noor Azrin Zainuddin,

The conservation of rivers and seas represents a multidimensional challenge of global relevance. Anchored in Sustainable Development Goals (SDG) 6 (Clean Water and Sanitation) and SDG 14 (Life Below Water), this effort reflects a collective responsibility to safeguard biodiversity and natural resources. Sustainable management of aquatic ecosystems not only protects marine life but also enhances the socio-economic resilience of local communities and nations. However, these ecosystems remain vulnerable to industrial and societal activities that threaten their ecological integrity.

According to the Department of Environment (DoE), 29 out of 672 rivers in Malaysia—approximately 4%—were classified as polluted in 2022. Deputy Minister Huang Tiong Sii attributed this to improper chemical waste disposal, livestock farming, and mining operations (Bernama, 2023). The most polluting industries included food and beverage manufacturing (928 factories, 40%), rubber production (324 factories, 14.1%), and chemical processing (270 factories, 11.4%). These findings highlight a concerning lack of environmental awareness and underscore the need for industries to adopt more responsible practices, given their impact on marine food security and natural resource sustainability.

Beyond ecological preservation, the protection of river and sea ecosystems is intrinsically linked to public health, disaster mitigation, and regional development. Malaysia, for instance, face pressing water-related challenges such as insufficient clean water access, urban flooding, and environmental degradation near catchment areas. These issues necessitate integrated water resource management and proactive policy interventions.

Moreover, the widespread use of plastic, paper, and cardboard packaging in daily consumer activities has exacerbated waste accumulation. Effective waste management has thus become an individual responsibility, reinforcing the role of citizens in maintaining environmental hygiene. In this context, conservation practices among communities living near rivers and coastal areas are pivotal. Their attitudes toward environmental stewardship directly influence local waste management strategies, particularly concerning food packaging.

Community engagement emerges as a critical mechanism for fostering environmental awareness and promoting sustainable behaviors. By involving local populations in conservation initiatives, governments and NGOs can cultivate a sense of ownership and responsibility, thereby enhancing long-term ecological outcomes. Such participatory approaches are essential for ensuring future food security and maintaining the health of aquatic ecosystems.

In conclusion, the preservation of rivers and seas demands a holistic and collaborative approach. It requires the alignment of industrial accountability, governmental regulation, and community participation. Only through sustained and integrated efforts can the ecological balance be maintained and the benefits of clean, thriving waterways be secured for future generations.

SELAGI HAYAT DIKANDUNG BADAN

Zuraidah Sipon

Sampai bila ibu akan menjaga anak-anaknya? Persoalan tentang sampai bila seorang ibu akan menjaga anak-anaknya sukar dijawab dengan tempoh tertentu. Hakikatnya, kasih seorang ibu berlangsung sepanjang hayat, bermula sejak kandungan hingga akhir nafas. Penjagaan ini tidak pernah berhenti, cuma berubah bentuk mengikut fasa kehidupan anak-anak.

1. Penjagaan Sejak Dalam Kandungan

Kasih seorang ibu bermula sejak anak berada dalam rahim. Ibu menjaga pemakanan, kesihatan dan emosinya kerana sedar setiap tindakannya mempengaruhi janin. Meski tubuh berubah dan rasa sakit ditanggung, naluri menjaga anak tetap kuat. Inilah bukti awal kasih tanpa syarat.

2. Penjagaan Bayi dan Kanak-kanak

Selepas kelahiran, penjagaan ibu lebih jelas. Ibu berjaga malam, menyusukan, menenangkan tangisan dan mengorbankan masa serta tenaga. Pada fasa kanak-kanak, ibu menjadi guru pertama dengan mengajar berjalan, bertutur, mengenal huruf serta nilai kehidupan. Semua ini dilakukan tanpa mengharap balasan.

3. Penjagaan Semasa Remaja

Fasa remaja lebih mencabar. Anak mencari identiti, kadangkala memberontak. Walau begitu, ibu tetap memantau, menasihati dan melindungi. Ibu risau akan pergaulan, pendidikan dan masa depan anak. Kasih sayang ibu mungkin tidak selalu kelihatan, tetapi keprihatinannya tidak pernah surut.

4. Penjagaan Dewasa

Apabila anak meningkat dewasa, bentuk penjagaan berubah lagi. Keprihatinan dan kerisauan sering melanda hati seorang ibu. Adakah mereka cukup makan? Adakah mereka sihat? Adakah mereka bahagia? Malah, ketika anak sudah berkeluarga, ibu masih berdoa dan memikirkan kesejahteraan mereka.

5. Penjagaan di Usia Tua

Ketika usia anak meningkat, tubuh ibu semakin lemah, namun kasihnya tidak pernah berkurang. Walaupun anak sudah makan, ibu tetap bertanya, “Sudah makan? Sihatkah?” Pada masa inilah tanggungjawab beralih kepada anak pula untuk menjaga ibu. Namun naluri ibu untuk menjaga anak-anak tetap ada, walaupun ibu yang sepatutnya dipelihara.

Kesimpulannya, jika ditanya sampai bila ibu akan menjaga anak-anaknya? Jawapan adalah “*selagi hayat dikandung badan”.* Penjagaan bermula dari kandungan hingga dewasa, dari suapan makanan hingga doa tanpa henti. Kasih itu tidak berakhir walaupun jasad telah tiada; ia terus hidup dalam ingatan anak-anak. Penjagaan seorang ibu tidak boleh dihadkan oleh umur atau masa. Ia berterusan sepanjang hayat, cuma bentuknya berubah iaitu menjaga makan minum ketika kecil, menasihati ketika remaja, memberi doa ketika dewasa. Kasih ini adalah fitrah anugerah Allah SWT yang tiada bandingan. Oleh itu, sebagai anak, tanggungjawab kita ialah menghargai dan menjaga ibu sebagaimana ibu menjaga kita dari dalam kandungan sehingga dewasa. Walaupun kita tidak mungkin dapat membalas sepenuhnya jasa ibu, sekurang-kurangnya kita dapat membahagiakan ibu sehingga akhir hayat.



Sumber Imej: Pngtree

TANAMAN ANTI GAGAL

Aflah Isa, Nurhafizah Azizan, Siti Noorsiah Jamaludin

Setiap orang mempunyai cara tersendiri untuk mengisi masa lapang. Ada yang gemar membaca buku, ada yang suka bersukan dan ada juga yang memilih hobi bercucuk tanam. Antara aktiviti bercucuk tanam yang menarik ialah menanam pelbagai jenis herba dan sayur-sayuran di halaman rumah.

Salah satu pilihan terbaik ialah menanam tanaman yang mudah hidup atau lebih dikenali sebagai *"tanaman senang anti gagal"*. Antara contoh tanaman senang anti gagal ialah herba yang biasa kita gunakan dalam masakan harian seperti daun bawang, daun kunyit, daun kari, daun limau purut, daun salam, daun kuchai, cili, pudina, sambung nyawa dan pucuk gajus. Semua tumbuhan ini sangat mudah dijaga, hanya memerlukan tanah yang sederhana subur, sedikit baja dan penyiraman yang konsisten. Walaupun penjagaannya ringkas, tanaman ini tetap subur menghijau serta cepat membiak.

Kelebihan menanam tanaman senang anti gagal ialah dapat membantu menjimatkan kos dapur. Misalnya, cili dan daun bawang boleh dipetik terus sebagai bahan masakan tanpa perlu membelinya di pasar. Selain itu, ia menjamin kesihatan kerana tanaman yang ditanam sendiri lebih bersih, segar dan bebas daripada racun kimia. Herba seperti sambung nyawa dan pucuk gajus juga mengandungi khasiat kesihatan yang bermanfaat untuk tubuh badan.

Kesimpulannya, menanam tanaman anti gagal di halaman rumah adalah amalan yang sangat baik dan bermanfaat. Ia bukan sahaja menjadi bahan masakan yang sihat malahan memudahkan proses memasak. Selain dari itu, tanaman anti gagal ini dapat menjimatkan wang dan menceriakan suasana persekitaran rumah. Oleh itu, kita semua digalakkan untuk menanam tanaman anti gagal kerana manfaatnya amat besar dalam kehidupan seharian.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA KREATIF

BERBUDI PADA TANAH

Sharazad Haris

Bunga melati harum sentiasa,
Mekar mewangi di hujung jeti;
Mari bersama semaikan usaha,
Berbudi pada tanah hidup diberkati.

Mekar berseri di hujung jeti,
Sinar mentari bergemerlapan;
Hidroponik subur menjana rezeki,
Pertanian pintar masa hadapan.

Pohon pisang buahnya lebat,
Daun menghijau meneduh laman;
Usahakan tanah membawa berkat,
Hidup terjamin di hari kemudian.

Daun menghijau meneduh laman,
Bunga cempaka kembang berseri;
Lestari hidup zaman berzaman,
Berbudi pada tanah sendiri.

Pokok terung segar di kebun,
Ditanam bersulam buah-buahan;
Tanah subur hasil merimbun,
Buat menjana pendapatan tambahan.

Ditanam bersulam buah-buahan,
Pokok jagung berbuah padat;
Rezeki dicari dengan kesungguhan,
Tanah dijaga hasil pun dapat.



Sumber: Penulis

INGATKAH KAU

Ferri Nasrul, Nazihah Omar, Ruziah A. Latif

Ingatkah kau
Tika melangkah ke daerah ini
Menyandang harapan
Membawa visi.

Ingatkah kau
Menara gading di daerah ini
Puncaknya tinggi hendak kau gapai
Kan kau panjat demi masa depan.

Ingatkah kau
Berlari-lari di daerah ini
Mencari pelangi ilmu yang tak pernah pudar
Walau hujan membasahi semangat
Kau berpayung tekad dan usaha.

Ingatkah kau
Takkan lama di daerah ini
Pulangmu kan membawa cahaya
Ia adalah jalan
Ia adalah bekal
Ia adalah pelita
Yang menerangi langkah
Menuju masa depan yang kau impikan.



Sumber: Penulis

JERITAN TANPA SUARA (I)

Sharazad Haris

Perjalanan pulang dari pejabat ke rumah selalunya tidaklah lama, sekitar 10 hingga 15 minit sahaja. Namun, jarang sekali ia berakhir tanpa singgah di mana-mana; sama ada membeli juadah makan malam untuk dibawa pulang, menelusuri deretan kedai untuk membeli barang keperluan, mengambil bungkusan di pusat serahan, atau sekadar mengisi minyak kereta.

Di setiap hentian itu, hampir pasti ada sepasang mata sayu memandang dari celahan bayang. Tubuh-tubuh kecil yang kurus, tulang yang menonjol di bawah kulit, bulu kusut tidak terurus, malah ada yang sarat dengan kudis dan luka, dengan suara serak, lemah, sekadar berani bersuara meminta perhatian. Pandangan dan suara itu seolah-olah menjerit bertanya: adakah sesiapa peduli?

Kadang-kadang terlintas di hati, dari mana asalnya mereka? Adakah mereka memang dilahirkan di jalanan, tanpa sesiapa pernah memberi jagaan? Atau mungkinkah mereka sesat, tersasar jauh dari rumah yang suatu masa pernah memberi perlindungan? Atau lebih menyedihkan, adakah mereka sebenarnya dibuang, dianggap sebagai beban oleh manusia yang pernah berjanji menjaga?

Persoalan ini sering menghantui setiap kali bertembung dengan makhluk kecil ini. Mereka yang lahir di jalanan tidak pernah mengenal belaian, hanya lapar, haus, dan bahaya. Ada pula yang dulunya dibela, tetapi akhirnya ditinggalkan kerana sudah tua, sakit, tidak lagi comel, atau tuan yang menjaga sudah tidak ada masa. Walaupun ada naluri untuk terus hidup, namun jalanan itu keras dan penuh cabaran; kelaparan, penyakit, dan kecederaan hanya mempercepatkan ajal.

Masih terbayang suatu kejadian di tepi pasar (tempat yang memang terkenal sebagai lokasi “panas” membuang haiwan). Di sudut pagar masuk ke pasar itu, ada sebuah kotak. Di dalamnya, beberapa ekor anak kucing kaku, mati kekeringan. Ternyata sudah lama terbiar di situ. Sukar untuk membayangkan bagaimana ada hati yang sanggup meletakkan mereka di situ, menunggu ajal perlahan-lahan menjemput. Ironinya, di tengah hiruk-pikuk manusia, ada nyawa-nyawa kecil yang diperlakukan seolah-olah tiada nilai. Betapa mudahnya kita memilih jalan pintas dengan membiarkan mereka di situ.

Hidup sebagai haiwan jalanan memang tidak pernah mudah. Setiap hari, ribuan kucing dan anjing jalanan bergelut untuk hidup. Ada yang menunggu dengan penuh harapan di kedai makan, mengharap sisa makanan, ada yang kaku di sudut jalan menggigil dengan perut yang kempis dan mata yang kosong, dan ada yang merayau di pasar atau mengais sisa di tempat sampah untuk kelangsungan hidup. Ada pula yang cedera atau mati dilanggar kenderaan, dibiarkan terkulai terbaring di tepi jalan, tanpa siapa pun yang menoleh. Semua ini bukan cerita jauh, ia ada di sekeliling kita. Itulah wajah sebenar realiti yang menunggu sama ada kita mahu melihat atau berpaling. Mungkin juga berpaling itu lebih mudah. Mungkin juga ada yang simpati, tetapi berkonflik dengan larangan undang-undang.

Mungkin jeritan kesengsaraan mereka ini tidak berbunyi, tetapi pinjamkanlah hati untuk mendengar. Kerana akhirnya, ukuran sebenar kemanusiaan kita tidak hanya pada bagaimana kita melayani sesama insan, tetapi juga pada belas yang kita berikan kepada makhluk yang tiada daya tidak mampu bersuara, yang hanya meminta sedikit ruang untuk hidup.



Sumber: www.animal.org.my *bersambung)*

KEMISKINAN BUKAN HINA

Nurulashikin Romli, Safura Adeela Sukiman, Ruqaiyah Ab. Rahim

Miskin itu bukanlah hina di sisi Tuhan
yang memuliakan ialah iman dan taqwa.
Namun manusia dituntut berjuang
kerana usaha itulah jalan mulia.

Kemiskinan menguji maruah dan jiwa
hilang pilihan, sempit bernyawa.
Namun hina sebenar manusia
bila menyerah tanpa daya.

Ada yang rela menjual diri
ada yang tega menggadai iman.
Semua kerana lapar dan sunyi
sedang Allah membuka jalan.

Bangkitlah insan, jangan terpenjara
biarlah miskin harta, jangan miskin jiwa.
Biarlah sempit rezeki di dunia
asalkan maruah tetap terjaga.

Miskin itu jalan ujian
untuk menilai hati manusia.
Siapa berusaha, dia bertahan
siapa beriman, dialah mulia.



Sumber: Gurusiana

MUTUAL UNITENESS

Shashazrina binti Roslan





With courage, we step forward,
United in heart, chasing our dreams,
Striving with determination and perseverance,
To achieve the hopes that await us.
Harmony, connections that transcend race,
Bonds of kinship closely guarded,
Living together in peace and tranquillity,
Helping each other, discarding conflict,
Living together filled with happiness.

Arise, let us unite towards a single aspiration,
Uphold truth, eliminate falsehood,
Close ranks, straighten the lines,
Erase all differences, unite hearts and minds,
Uplift dignity, rise from ruin,
Forget the past events which filled with wounds and sorrow,
We stand on the same earth,
Plant determination in our souls,
Forming an equitable unity.

Let us move forward together,
United in strength, preserving bonds,
Working hand in hand, for peace and prosperity,
A prosperous nation, for all times,
Living in tranquillity, advance the nation.
Come unite our hearts,
Achieving true success, for the progress of the nation,
The sovereignty of the people and the country.

NAKHODA ITU

Nor Hazila Ismail

Nakhoda itu perlu berdiri teguh di haluan kapal dan mengemudi arah pelayaran. Dibandingkan dengan pemimpin, begitulah juga peranannya. Bukan hanya memberi arahan, tetapi memikul amanah. Bukan hanya mahu sampai ke destinasi, tetapi perlu pastikan setiap “anak kapal” sampai bersama, selamat, sejahtera, dan penuh makna.

Pabila difikir-fikir, amatlah berat tugas itu. Bukan mudah, malah memerlukan komitmen, kesabaran, dan daya kepimpinan yang tinggi. Mampukah untuk memikul tanggungjawab itu dengan penuh rasa amanah dan semangat demi memastikan sebuah pusat pengajian terus maju dan cemerlang?! Sudah pasti tanggungjawab merancang halatuju akademik pusat pengajian ini di bahu pemimpinnya. Kemaskini struktur kurikulum, galakan aktiviti penyelidikan, penerbitan ilmiah dan pencapaian fakulti itu sudah pasti tugasnya.

Lautan kehidupan sudah pasti tidak sentiasa tenang. Ribut, ombak, dan angin yang tidak pernah terjangka. Kepimpinan pasti diuji. Adakah perlu panik atau terus tenang? Adakah patut salahkan cuaca, atau perlu perbaiki layar dan arah? Adakah sang nakhoda perlu tinggalkan kapalnya. Adakah dia sepatutnya orang terakhir yang terjun dari kapalnya? Kerana itu, pemimpin yang sejati itu bukan hadir ketika saat gemilang, tetapi berdiri paling hadapan ketika saat paling getir.

Sebuah kapal yang besar pun tidak akan ke mana-mana tanpa arah. Dan arah itu datang dari pemimpinnya. Namun, tanpa sokongan anak kapal, kapal itu juga tidak akan bergerak. Maka, kepimpinan bukan tentang kehebatan satu orang, tetapi tentang kesatuan seluruh pasukan. Hati perlu sentiasa terbuka dan berusaha mencari penyelesaian terhadap segala masalah dan isu yang dihadapi.

Kita pasti bukan yang paling sempurna. Tetapi jika keikhlasan, keberanian, dan tanggungjawab itu ada, insyaAllah apa yang dipandu akan tiba ke pelabuhan kejayaan bersama-sama.

Pemimpin itu bukanlah sekadar memberi arahan, tetapi juga memberi harapan. Bukanlah sekadar menunjukkan arah, tetapi juga berjalan bersama. Dan, bukanlah sekadar bercakap tentang perubahan, tetapi juga menjadi contoh perubahan itu sendiri. Bersyukurlah jika diberi peluang memimpin sebuah institusi ilmu yang penuh dengan potensi. Harapan hanyalah satu, agar segala usaha yang dicurahkan mampu memberi manfaat kepada semua dan menjadi saham akhirat yang berkekalan. *Amin*.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

RAKYAT MADANI: RAKYAT DISANTUNI

Muhammad Haris Naqiuddin Muda, Ainol Mardhiyah Rahmat, Nur Rifhan A.Rahim

Keringat dan darah menjadi saksi,
Menentang musuh tiadalah gentar;
Pejuang gugur demi pertiwi,
Merdeka terukir semangat berkobar.

Berkibar gagah Jalur Gemilang,
Melambai megah penuh cahaya;
Jati bangsa tidak kan hilang,
Pertahankan maruah selamanya.

Bunga raya lambang negara,
Mekarnya indah lagi berseri;
Anak muda pewaris bangsa,
Merdeka terjaga sehingga kini.

Kinabalu gagah di puncak tinggi,
Mega berarak indah seirama,
Merdeka madani teguh berdiri,
Rakyat disantuni harmoni sentiasa.



Sumber: Sawan Books

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TANGISAN TANPA SUARA

Muhammad Haris Naqiuddin Muda, Siti Noorhaslina Abd Halim, Nur Hanisah Mohamad Razali

Di bumi Sabah kau berlari
Tawa kecil mengisi hari
Siapa sangka mentari pagi
Menjadi saksi luka tersembunyi.

Di balik senyuman manismu
Ada rahsia yang tidak kelihatan
Tawa di sekolah hanyalah tirai
Menutup gusar yang tak bersuara.

Kata-kata tajam
Dan tangan yang tega
Menusuk lebih dalam dari belati
Tubuhmu rebah, hatimu pedih berkali-kali.

Wahai dunia
Adakah kita masih membisu?
Dia pergi bukan kerana tak kuat
Tapi kerana kita
Lambat bersuara.

Buli bukan sekadar gurauan
Ia racun yang membunuh perlahan
Hari ini kita menangis kehilangan
Moga esok tiada lagi nyawa menjadi korban.



Sumber: Facebook

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ASIAN SOCIOPRENEUR IMPACT CHALLENGE 2025: KISAH KOMUNITI OKU SEGAMAT MENYINAR DI PENTAS DUNIA

Jannah Munirah Mohd Noor, Nur Alya Natasha Muhamad Suhaimi, Faiza Irdina Md Fauzi

ASIC 2025 Presentation Journey menjadi wadah pelajar dari seluruh dunia untuk mempersembahkan idea dan inovasi yang berteraskan impak sosial. Bertemakan ***"It's Your Time to Shine!"***, pertandingan ini menekankan kepentingan meraikan idea, impian dan kisah perjalanan anak muda yang diterjemahkan kepada penyelesaian kreatif dan lestari.



Gambar 1:Pembentang ASICS 2025

Peserta mempersembahkan naratif berasaskan data serta laporan mengenai komuniti, khususnya golongan Orang Kurang Upaya (OKU), yang ditafsir melalui inovasi bagi menghasilkan perubahan bermakna.Sebagai finalis akhir, ***Universiti Teknologi MARA (UiTM) mewakili Malaysia*** dengan projek ***"Boutique Vendor Students & Community Mall (BoVesCoMall)***", yang berakar daripada inisiatif Pusat Inkubator Keusahawanan Spa dan Sauna (PIKSS). Projek ini menumpukan kepada pendayaan komuniti OKU dan B40 melalui model keusahawanan sosial inklusif.UiTM bersaing dengan tiga universiti antarabangsa: Dow University of Health Sciences, Pakistan dengan projek Fitresha (pembuatan kertas daripada bulu burung), BINUS University, Indonesia dengan projek GreenSPace BINUS Syahdan (rumah hijau lestari), serta The British College, Nepal dengan projek Mothers Milk Bank Nepal.

Kesemua projek menonjolkan pendekatan keusahawanan sosial yang menekankan prinsip “Triple Bottom Line” – People, Planet, and Profit. Penyertaan UiTM mengangkat peranan universiti sebagai peneraju transformasi sosial global melalui inovasi dan pembangunan komuniti berimpak tinggi.

Presentation Schedule

*All times are in **Jakarta Time (WIB / GMT+7)**.*

Category: Primary & Secondary School
Date: 25 August 2025

No	Time Start	Time Finish	Team Name	Educational Institution	Project Title	City	Country
1	1:00 PM	1:40 PM	VenEco	SMAK 5 PENABUR JAKARTA	VenEco	Jakarta	Indonesia
	Transition						
2	1:45 PM	2:25 PM	Aim for Neat Nature	SMAN 8 Pekanbaru	Aim for Neat Nature, Act for A Better Future	Pekanbaru	Indonesia
	Transition						
3	2:25 PM	3:05 PM	Lentera Harapan	SD Negeri 12 Pekat	Kantin JUARA (Jujur, Unggul, Amanah, Ramah, Aspiratif)	Kabupaten Dompu	Indonesia
	Transition						
4	3:05 PM	3:45 PM	Paflova	SMA Negeri 15 Surabaya	"Catch Yo' Dreams" Educational Board Game	Surabaya	Indonesia

Category: University
Date: 26 August 2025

No	Time Start	Time Finish	Team Name	Educational Institution	Project Title	City	Country
1	1:00 PM	1:40 PM	Filtresha	Dow University of Health Sciences	Filtresha	Karachi	Pakistan
	Transition						
2	1:45 PM	2:25 PM	Green Space BINUS Syahdan	BINUS University	Green Space BINUS Syahdan	Jakarta	Indonesia
	Transition						
3	2:25 PM	3:05 PM	Mothers Milk Bank	The British College	Lacto Milk Bank	Kathmandu	Nepal
	Transition						
4	3:05 PM	3:45 PM	InkuPower	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	Boutique Vendor Students & Community Mall	Segamat	Malaysia

Gambar 2: Senarai Pembentang Akhir, ASIC 2025



Gambar 3: Semasa Pembentangan 4 Negara, Nepal, Pakistan, Malaysia & Indonesia

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

FORGE YOUR PATH: FREELANCE CAREER WEBINAR

Nazihah Omar, Rudza Hanim Mohamed Anuar, Ferri Nasrul

Bagi memenuhi salah satu keperluan dan penilaian bagi kursus UBM599: *Digital Workforce,* pelajar-pelajar Sarjana Muda Pemasaran Digital (Kepujian), semester 4 telah menganjurkan satu sesi seminar atas talian mengenai kerjaya sebagai *freelancer* iaitu *Forge Your Path: Freelance Career Webinar* pada 29 Mei 2025 yang lalu.

Penganjuran webinar ini bertepatan dengan inisiatif *Week Without Wall* yang turut dilaksanakan secara serentak di seluruh sistem UiTM. Menampilkan dua orang *freelancer* berpengalaman iaitu Coach Khairul dan Cik Edd Zain sebagai pensyarah tamu, program ini telah berjaya mencapai objektifnya serta turut mendapat perhatian peserta dari luar UiTM.

Program yang berlangsung selama hampir dua jam ini dimulakan dengan bacaan doa dan ucapan alu-aluan oleh pensyarah kursus, Puan Nazihah binti Omar, diikuti dengan perkongsian oleh pensyarah tamu pertama, Coach Khairul. Beliau yang merupakan individu yang berpengalaman luas dalam dunia gig, selain bertindak sebagai pembimbing yang dilantik oleh MDEC dan juga salah seorang pembangun kursus UBM599, telah berkongsi pengalaman dan pandangan beliau mengenai prospek kerjaya sebagai *freelancer.*

Program diteruskan dengan sesi perkongsian bersama Cik Edd Zain, seorang pereka UI/UX, jurulatih *freelance*, penulis dan merupakan pengasas bersama sebuah firma reka bentuk yang memberi tumpuan kepada projek FinTech seperti Paywatch Malaysia dan Dotvu. Beliau berkongsi tips-tips memulakan kerjaya sebagai *freelancer* dan cabaran yang dihadapi beliau sebagai pesakit bipolar.

Perkongsian yang sangat bermakna ini mendapat maklum balas positif daripada peserta terutamanya ketika sesi soal jawab berlangsung. Input praktikal dan mudah difahami yang dikongsikan daripada pengalaman peribadi, menjadikan program ini sangat berkesan.

Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan terus menginspirasi generasi hari ini agar mempertimbangkan peluang-peluang kerjaya gig, selaras dengan perubahan tren dalam dunia pekerjaan.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

HARI INDUSTRI @UiTM CAWANGAN JOHOR

Nur Rifhan A.Rahim, Siti Noorhaslina Abd Halim, Ainol Mardhiyah Rahmat

Hari Industri @UiTM Cawangan Johor telah diadakan pada 29 April 2025 bertempat di Dewan Sri Temenggong, UiTM Cawangan Johor. Hari Industri ini telah melibatkan para pensyarah Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang sebagai perunding akademik. Fakulti terlibat Adalah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Perakaunan, Fakulti Sains Komputer dan Maklumat, Kolej Pengajian Kejuruteraan (Mekanikal), Kolej Pengajian Kejuruteraan (Awam), Kolej Pengajian Kejuruteraan (Elektrik) dan Kolej Pengajian Kejuruteraan (Kimia). Seramai 875 orang pelajar yang terlibat dalam Hari Industri @ UiTM Cawangan Johor yang terdiri daripada pelajar tahun Akhir Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Perakaunan, Fakulti Sains Komputer dan Maklumat, Kolej Pengajian Kejuruteraan (Mekanikal), Kolej Pengajian Kejuruteraan (Awam), Kolej Pengajian Kejuruteraan (Elektrik) dan Kolej Pengajian Kejuruteraan (Kimia), UiTM Cawangan Johor.

Hari industri ini juga turut melibatkan 23 pemain industri dari pelbagai bidang seperti bidang perbankan, komunikasi, pendidikan, perniagaan, dan kejuruteraan. Objektif Hari Industri @UiTM Cawangan Johor adalah untuk memperkukuh kerjasama antara UiTM Cawangan Johor dan pemain industri selain memberi peluang kerjaya kepada para pelajar tahun akhir yang bakal menamatkan pengajian. Melalui Hari Industri ini, para pelajar tahun akhir dapat bersemuka secara terus dengan pemain industri untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kehendak industri pada masa kini. Malah, para pelajar juga mendapat peluang untuk ditemuduga secara langsung dengan pemain industri.

Melalui program Hari Industri @UiTM Cawangan Johor ini juga membolehkan para pemain industri untuk mengetahui dengan lebih lanjut kurikulum yang tersedia di UiTM Cawangan Johor selain dapat mengenali prospek bakal pekerja yang mereka inginkan dengan lebih dekat.

Semoga dengan program seperti ini dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak di antara universiti dan pemain industri dalam membantu memperluas pengetahuan pelajar tentang perkembangan industri masa kini dan meneroka peluang kerjaya yang tersedia sebelum para pelajar memasuki alam pekerjaan.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KEBERKESANAN MODUL KOMUNITI DALAM MENINGKATKAN PENDAPATAN GOLONGAN OKU

Jannah Munirah Mohd Noor, Che Faridah Che Mahmood, Farryn Dhania Abdullah



Gambar 1: Promosi Komuniti OKU


Pelaksanaan Modul Komuniti OKU di bawah inisiatif UiTM Johor melalui Pusat Inkubator Keusahawanan Spa dan Sauna (PIKSS) membuktikan bahawa pendekatan latihan berasaskan kemahiran mampu membuka peluang baharu kepada komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) untuk menjana pendapatan secara mampan. Modul ini dirangka secara sistematik dengan menekankan elemen keusahawanan sosial, latihan praktikal, serta pembangunan kemahiran insaniah.

Keberkesanan modul ini dapat dilihat melalui inisiatif Mobiliti Spa, di mana peserta berjaya menjana pendapatan sehingga RM2,698 dalam tempoh empat hari sempena Kempen CSR anjuran PIKSS dan PDK. Selain itu, pencapaian peserta yang mampu memperoleh pendapatan konsisten sekitar RM1,600 sebulan telah membuktikan potensi modul ini dalam mengangkat taraf hidup mereka.

TOTAL CUSTOMER 4 DAYS	104 CUSTOMER
TOTAL TREATMENT	99 TREATMENT
TOTAL SALE 4 DAYS	RM2,698
TOTAL KOMISYEN 4 DAYS	RM2,406.60
KOMISYEN BY PDK :	
PDK TAMAN YAYASAN	RM1,521.00
PDK CHAAH	RM630
STUDENT PIKSS	RM255.60
TOTAL KOMISYEN SPA 4 DAYS	RM291.40

Gambar 2 : Pendapatan Komuniti OKU dalam masa 4 Hari

Kejayaan ini bukan sahaja membantu golongan OKU keluar daripada kategori asnaf dan kemiskinan, malah memberi nafas baharu kepada kehidupan mereka dengan menyediakan sumber peluang ekonomi yang lebih stabil dan berdaya saing.



PKPDK	JUMLAH PENDAPATAN	%
SAYANGKU SEGAMAT	50	3.84%
SAYANGKU TAMAN YAYASAN	320	24.58%
PKPDK SINAR CAHAYA REDONG	240	18.43%
PKPDK SINAR MUNAWARRAH BUKIT SIPUT	310	23.81%
PKPDK SINAR MUTIARA KEMELAH	167	12.83%
PKPDK TERATAK SAYANGKU CHAAH	215	16.51%

Gambar 3: Penjanaan pendapatan dalam masa seminggu bagi 6 PDK Komuniti OKU

Secara keseluruhannya, pelaksanaan modul ini menegaskan bahawa program pembangunan komuniti berasaskan kemahiran dapat menjadi pemangkin utama kepada pendayaan ekonomi inklusif, selaras dengan aspirasi universiti untuk melahirkan masyarakat berdaya tahan dan berkemahiran tinggi.



Gambar 4 : Aktiviti - aktiviti pemindahan ilmu bersama komuniti OKU di PIKSS UiTM Cawangan Johor

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MALAM RENTAK BAYANGAN PAC

Hairiani Abdul Hamid, Ainol Mardhiyah Rahmat, Zurina Omar

Malam Rentak Bayangan Adalah malam persembahan yang dianjurkan oleh Performing Arts Club (PAC) berkolaborasi bersama Kelab Muhibah, Band 343, Kaswara dan Wartawan Mahasiswa. Persembahan yang berdurasi lebih kurang satu jam tiga puluh minit ini berkonsepkan budaya melayu timur yang mengetengahkan wayang kulit manusia dan dikir barat. Kisah seorang raja jatuh cinta pada seorang puteri pada pandangan pertama di negara Inderaloka. Ianya diadakan pada 21 Jun 2025 di Dewan Sri Temenggong, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

Pembuka tirai adalah persembahan daripada Kelab Sahabat dengan persembahan borneo berpadanan dengan busana negeri Sarawak dan Sabah. Kemudian diikuti dengan persembahan tarian daripada Kaswara dan barulah tirai diteruskan dengan persembahan wayang kulit berkonsepkan manusia di balik tabir. Selingan persembahan dirancakkan lagi dengan persembahan dikir barat dan tarian tradisional melayu yang lebih mengejutkan apabila penyanyi di bawa ke hadapan pentas menaiki tandu dengan dendangan lagu dari penyanyi Noraniza Idris.



Satu malam yang penuh indah dan meriah dengan kehadiran penonton seramai lebih kurang 500 orang di kalangan mahasiswa, pensyarah, ibu bapa dan orang luar yang sudi memeriahkan Malam Rentak Bayangan ini. Terdapat juga jualan makanan dan minuman di luar dewan untuk para penonton membasahkan tekak dan mengalas perut mereka sepanjang program berlangsung.

Wartawan Mahasiswa selaku bahagian multimedia dan promosi sepanjang sebelum persembahan berlangsung dan semasa persembahan. Mereka sangat membantu PAC dalam membuat promosi di sosial media. Persembahan diakhiri dengan persembahan dari Band 343 dengan dua buah lagu yang berpadanan dengan selera mahasiswa. Ramai penonton bersorak dan bertepuk tangan sebagai tanda sokongan dan teruja dengan persembahan malam itu. Semoga semua mahasiswa lebih matang dalam menunjukkan bakat mereka di platform yang tepat dan dapat menghiburkan mahasiswa lain untuk merehatkan minda masing-masing dari tugasan akademik. Kami hanya sebuah kelab yang akan sentiasa memberikan persembahan yang terbaik untuk warga kampus. Pap..pap..pap… PAC Flawlesss……



MISI BAKTI SERUMPUN SAWADIKAP SATUN THAILAND

Hairiani Abdul Hamid, Nor Diana Abdul Rahman, Nur Diana Zamani

Satun sebuah daerah yang berhampiran dengan Malaysia melalui pintu masuk dari Malaysia iaitu Wang Kelian atau lebih dikenali di Selatan Thailand sebagai Wang Prachan. Misi Bakti Sawadikap Satun Thailand adalah satu aktiviti khidmat komuniti oleh mahasiswa yang mengambil kokurikulum HGD133 sesi semester Mac hingga Julai 2025. Seramai 13 mahasiswa lelaki dan perempuan beserta dua orang pegawai pengiring iaitu Puan Hairiani Abdul Hamid dan Puan Nor Diana Abd Rahman menyertai program kali ini. Sekolah Islam Ob-Om di Pak Bara dipilih sebagai lokasi khidmat komuniti kali ini. Salah satu sebab program ini dibuat adalah untuk mencapai sasaran UiTM program kesukarelawan antarabangsa dan khidmat komuniti antarabangsa. Program dibuat bermula dari 13 Ogos hingga 15 Ogos 2025 termasuk perjalanan pergi dan balik.

Perjalanan dari sempadan Wang Kelian ke Sekolah Islam Ob-Om mengambil masa lebih kurang satu jam empat puluh minit. Kami menaiki van dari Syarikat Travel Karlisa. Setibanya di sekolah, kami disambut oleh cikgu dan pelajar tahun satu yang sedang beraktiviti sewaktu itu. Sekolah ini mempunyai lebih kurang 270 pelajar yang bertaraf sekolah rendah. Sedikit kalimat dan perbincangan Bersama pengasas sekolah yang dikenali sebagai Paklong dan Pak Nik yang mana bekas guru sekolah di Thailand. Ditambah lagi kemeriahan apabila Cikgu Joe Satun yang popular di Thailand hadir memberikan sokongan kepada kami kerna beliau dan isteri yang membantu kami menguruskan program ini.

Selesai perbincangan mahasiswa Bersiap sedia menyediakan peralatan dan keperluan program dan hanya lebih kurang 60 orang pelajar sahaja yang menyertai aktiviti yang kami sasarkan.

Program kali ini lebih menjurus kepada aktiviti kreatif dalam pembelajaran. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah *Brain Game, Body Anatomy, Maths Game dan Squid Game.* Kesemua pelajar sangat mengambil bahagian dan seronok dalam semua aktiviti yang kami laksanakan. Walau jurang bahasa menjadikan batas kepada komunikasi kami semua tetapi dengan bantuan pemandu van dan google translate menjadikan ianya lebih mudah.

Sokongan moral dan bantuan daripada pihak sekolah dalam memberikan kerjasama kepada kami sangatlah kami hargai walau program ini hanya singkat tapi sangat memberikan makna yang besar untuk mahasiswa. Program di sekolah berakhir lebih kurang jam 3.00 petang dan kami meneruskan perjalanan kami untuk makan tengahari di Papaya Mom di pekan kecil Pak Bara. Alhamdulillah makanan di restoran yang berlatarbelakangkan pantai yang indah beserta dengan lauk pauk yang sedap menjadikan suasana tengahari kami sangat bermakna walaupun penat perjalanan jauh dari Malaysia dan menguruskan program masih belum hilang. Hari seterusnya kami membuat lawatan ke sekitar Hatyai dan Songkhla sebagai tanda terima kasih kami kepada mahasiswa yang bertungkus lumus berusaha mencari dana untuk menjayakan program ini. Sesungguhnya program seperti ini sangat baik untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa dan meningkat Kemahiran insaniah mereka



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PELAJAR UiTM CAWANGAN JOHOR MENERIMA TAKLIMAT PERLESENAN PERNIAGAAN DARI MPS

Shafiee Md Tarmudi, Ros Hasri Ahmad, Nor Zubaidah Nor Albashri

Ramai individu berminat menjalankan perniagaan dan ingin berjaya menjadi usahawan. Selain daripada keperluan untuk mendaftarkan perniagaan bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia, individu atau usahawan terbabit perlulah mematuhi dan memenuhi keperluan perundangan yang lain khususnya peraturan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan

Bagi memastikan para pelajar dapat menimba ilmu perniagaan secara betul dan tepat, maka sekumpulan pensyarah Prinsip Keusahawanan UiTM Cawangan Johor dengan kerjasama pelajar - pelajar Sarjana Muda yang mendaftar matapelajaran ENT530 telah mengambil satu inisiatif menganjurkan satu program Ceramah Perlesenan dengan menjemput pegawai dari Pihak Berkuasa Tempatan di Segamat iaitu pegawai di Bahagian Perlesenan, Majlis Perbandaran Segamat (MPS). Ceramah ini telah dijalankan pada 18 Jun 2025 bertempat di Dewan Jauhari LT1 bermula jam 2 petang dan berakhir jam 4 petang. Seramai hampir 300 pelajar telah mengikuti ceramah ini.

Walaupun pada asalnya program ini menghadapi sedikit masalah apabila penceramah asal yang diundang mengalami masalah kesihatan pada pagi hari kejadian, namun atas semangat kerjasama yang telah terjalin erat sebelum ini, masalah ini dapat diatasi. Pihak MPS telah menghantar individu nombor 2 selepas pegawai terbabit iaitu Penolong Pegawai Tadbir di Bahagian Perlesenan sebagai ganti penceramah. Selaku pegawai yang diberi tanggungjawab di dalam hal perlesenan perniagaan bagi kawasan di bawah bidang kuasa MPS, pelbagai maklumat telah dikongsikan olehnya meliputi jenis, syarat dan harga lesen yang diperlukan.

Sebagai contoh, mungkin tidak ramai yang tahu bahawasanya sebelum sesuatu papan tanda perniagaan itu diluluskan oleh pihak majlis, perkataan atau ayat di dalam papan tanda perniagaan itu mestilah mendapat kelulusan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka terlebih dahulu.

Selain daripada syarat-syarat lesen, penceramah juga memaklumkan pelbagai peluang turut ditawarkan kepada para peniaga atau penjaja seperti berniaga di pasar malam, pasar Ramadhan serta kiosk. Penceramah juga turut berkongsi kesalahan dan hukuman yang dikenakan sekiranya peniaga melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

Di akhir program ini, para pelajar sangat berpuas hati dengan ilmu yang telah diperolehi mereka melalui program ceramah yang telah dianjurkan kerana mereka berpeluang secara langsung untuk berdiskusi dengan penceramah yang sememangnya sangat mahir dan berpengalaman luas di dalam bidang kerja mereka.



Gambar dan Sumber keseluruhan artikel ini adalah daripada penulis sendiri

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PEMBUKAAN 6 CAWANGAN PUSAT INKUBATOR KEUSAHAWANAN SPA DI PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PKPDK) BUKTI KESUNGGUHAN UNIVERSITI

Nur Alya Natasha Muhamad Suhaimi, Faiza Irdina Md Fauzi, Jannah Munirah Mohd Noor

Pembukaan enam cawangan Pusat Inkubator Keusahawanan Spa di bawah inisiatif UiTM Johor melalui Pusat Inkubator Keusahawanan Spa dan Sauna (PIKSS) merupakan bukti kesungguhan universiti dalam mendukung agenda pendayaan komuniti dan pembangunan keusahawanan sosial. Cawangan baharu ini beroperasi di P**usat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Chaah, Bukit Siput, Bandar Segamat, Kemelah, Redong, dan Taman Yayasan, yang kini melatih 100 OKU di sekitar Daerah Segamat** menjadikannya sebagai jaringan spa komuniti yang menyeluruh di daerah Segamat

Inisiatif ini membuktikan bahawa universiti bukan sahaja berperanan dalam penyampaian ilmu secara akademik, tetapi turut bertindak sebagai agen transformasi sosial. Melalui pembukaan cawangan ini, komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) diberikan peluang mengikuti latihan kemahiran, memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), serta menjana pendapatan melalui operasi spa komuniti.Selain itu, penubuhan enam cawangan ini memperkukuh keberkesanan model pembangunan inklusif yang diperkenalkan UiTM Johor.




Gambar 1: Spa PDK Chaah



Gambar 2 : Spa PDK Taman Yayasan

Ia juga menekankan kepentingan kerjasama strategik antara universiti, agensi kerajaan, dan komuniti setempat bagi memastikan kesinambungan projek. Keseluruhannya, kejayaan ini bukan sahaja memperlihatkan komitmen UiTM Johor dalam merealisasikan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs), malah menjadi penanda aras bagaimana projek komuniti boleh dijadikan platform transformasi ekonomi dan sosial yang berimpak tinggi di peringkat nasional.



Gambar 3 : Spa Felda Kemelah, Felda Redong dan Bukit Siput

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM FIKIR SEBELUM BUANG, JOM KITAR SEMULA DAN SETITIS DARAH SEJUTA HARAPAN

Muruga Chinniah, Palaniappan Shamala, Suguna Olakanathan

Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga kampus mengenai kepentingan kitar semula dan pendermaan darah. Dua isu utama yang menjadi fokus adalah pencemaran akibat sisa pepejal dan kekurangan bekalan darah di hospital. Melalui program ini, pelajar bukan sahaja didedahkan dengan amalan kelestarian dan semangat kesukarelawanan, malah dapat mengaplikasikan teori pengurusan (MGT420) dalam aktiviti sebenar. Objektif utama program: (a) Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kitar semula, (b) Membantu menambah bekalan darah di hospital, (c) Menerapkan nilai tanggungjawab sosial dan kesukarelawanan, dan (d) Memberi peluang kepada pelajar mempraktikkan kemahiran pengurusan secara praktikal.

Fikir Sebelum Buang, Jom Kitar Semula (10–11 Jun 2025)

Aktiviti pengumpulan bahan kitar semula dijalankan di UiTM Segamat dengan penyertaan pelajar mengikut kumpulan. Pelajar dibahagi kepada beberapa kumpulan bagi mengumpul barangan kitar semula seperti kertas, botol plastik, minyak terpakai, besi, aluminium, e-waste dan lain-lain. Hadiah seperti Wira Hijau dan Pejuang Kelestarian Alam disampaikan oleh Dr. Mazida Ismail.

Setitis Darah Sejuta Harapan (16 Jun 2025)

Program derma darah di Dewan Sri Peria, merangkumi pemeriksaan kesihatan, pameran, CPR, kuiz, photobooth dan pameran lukisan. Majlis penutup disempurnakan oleh Dr. Nor Hazila Ismail, Dr. Mazida Ismail dan Pn. Shashazrina Roslan dengan kerjasama Hospital Segamat, Pusat Kesihatan Segamat dan Unit Komunikasi Korporat UiTM Johor bersempena Hari Penderma Darah Sedunia.

Seramai 34 orang pelajar dari program BA2721A, BA2521A dan BA2791A terlibat secara langsung sebagai penggerak utama kedua-dua program. Hasil & Impak Program Fikir Sebelum Buang, Jom Kitar Semula & Setitis Darah Sejuta Harapan, melahirkan kesedaran pelajar terhadap kitar semula dan kepentingan menjaga alam sekitar meningkat. Manakala, program derma darah berjaya mengumpul sumbangan sukarela daripada warga kampus bagi menampung keperluan hospital. Pelajar juga memperoleh pengalaman menguruskan program berskala besar serta mengukuhkan nilai kerjasama, tanggungjawab sosial dan kepimpinan.

Secara keseluruhan, program ini berjaya mencapai objektifnya iaitu meningkatkan kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar dan kepentingan pendermaan darah. Ia turut memberikan pengalaman berharga kepada pelajar dalam pengurusan acara dan kerja berpasukan. Program ini diharapkan menjadi titik tolak kepada lebih banyak inisiatif berimpak tinggi di UiTM Cawangan Johor yang memberi manfaat kepada komuniti kampus dan masyarakat sekeliling.








e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI KAMPUS DAN ADVOKASI KEPENGGUNAAN ANJURAN KPDN SEGAMAT DENGAN UiTM SEGAMAT

Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen

Program Jualan Rahmah Madani Kampus dianjurkan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Johor yang dijalankan Parkir Halfmoon di UiTM Kampus Segamat pada 30 Jun 2025 hari Isnin dari pukul 8.00 pagi sehingga 6.00 petang. Program jualan rahmah ini dijayakan dengan jualan dari Pasararaya Big 10 Segamat, di mana jualan produk kering telah diberi subsidi oleh KPDN dan dapat dijual pada harga mampu milik dan berpatutan. Antara produk yang telah diberi subsidi dan dijual adalah kertas A4, air mineral, tin sardin, telur, biskut, roti dan minyak masak. Selain produk-produk yang dinyatakan, ada juga produk makanan kering seperti bihun, mee segera dan pelbagai barangan keperluan harian untuk pelajar turut dijual. Program ini dilaksanakan sebagai satu usaha kerajaan dalam membolehkan para pelajar di universiti untuk memprolehi barangan keperluan pada harga berpatutan.

Pada hari tersebut juga, pihak KPDN Segamat bersama Gerakan Pengguna Siswa UiTM Segamat turut melaksanakan program Explorace Kita Skuad Pengguna pada jam 9.30 pagi. Sebanyak 50 peserta yang membentuk 5 kumpulan terlibat dalam aktiviti ini. Setiap kumpulan perlu mengenal pasti tujuh “checkpoint” dan menjawab soalan berkaitan dengan hak-hak pengguna dan KPDN. Kumpulan peserta yang menjawab dengan betul dan dapat selesaikan aktiviti di setiap “checkpoint” akan mendapat markah dan kumpulan yang menjawab dengan betul paling banyak dan cepat telah dinobatkan sebagai pemenang.

.

Pada jam 11.30 pagi Tuan Farhan, Ketua Cawangan KPDN Segamat telah menyempurnakan majlis Perasmian Penutup Program Advokasi Kepenggunaan Skuad Kita Pengguna Tahun 2025 menerusi ucapan dan sesi pemberian sijil serta hadiah kepada pemenang program Explorace.

Program berakhir pada jam 12.30 tengah hari dengan sesi bergambar dan makan tengah hari.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM SANTAI SANTUNI MADANI (PEMERIKSAAN ASAS PENDUDUK KAMPUNG SEPINANG, SEGAMAT JOHOR)

Farizah Binti Mamat @ Mohd Nor, Zurina Omar, Nor Diana Abd Rahman

Program Santai sihat santuni madani (pemeriksaan asas penduduk Kampung Sepinang , Segamat Johor) yang diadakan pada 8 Ogos 2025 yang lalu mendapat sambutan luar biasa di kalangan penduduk setempat. Program pemeriksaan asas kesihatan yang di jalankan termasukkah pemeriksaan kesihatan asas, pemeriksaan mata dan pemeriksaan gigi.

Penglibatan dan sokongan dari penduduk setempat dan sekitarnya serta penglibatan murid-murid sekolah sangat menggalakkan. Program dari pagi hingga petang itu berjaya memberi impak positif kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Program yang dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri & Alumni (BPJI&A) yang diadakan di Kampung Sepinang, Segamat johor ini melibatkan Kerjasama antara BPJI&A, UiTM Shah Alam, UiTM Segamat dan Sekolah Kebangsaaan Sepinang, Segamat Johor.

Program mega ini di rasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Zahari Sarip, Exco Pertanian, Industri Asas Tani & Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, Adun N01 Buloh Kasap.

Objektif program iaitu memperkaya sikap cakna pemimpin yang sentiasa menyantuni dan menjadi suri teladan kepada penduduk kampung kelahiran, tempat membesar masing-masing atau kampung yang dipilih turut menjadi objektif penting program yang mensasarkan tema Santai santuni rakyat terlaksana.

Selain itu, objektif program juga Adalah untuk memupuk budaya “sense of belonging” dan “proud with” di kalangan pemimpin terhadap kampung halaman sendiri dan meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui libat urus pemimpin bersama penduduk bagi mengenal pasti isu sosioekonomi dan mencadangkan kaedah penyelesaian serta keperluan penduduk setempat selaras dengan prinsip localised Sustainable Development Goals (SDG).

Program kemasyarakatan ini memberi manfaat kepada seluruh warga terlibat. Dan diharapkan lebih banyak lagi projek seumpama ini akan diadakan di masa akan datang.







'PROGRAM STEP IN, STAND OUT' : PERSATUAN MARKETEERS, UITM CAWANGAN JOHOR

Mazlina Ismail, Noorfarissa Maisara Md Rizuwan

Kelab Marketeers dengan jayanya telah mengadakan aktiviti Induction Day: 'Program Step In, Stand Out' pada 5hb Julai 2025, bermula seawal 8.00 pagi sehingga 12.45 tengahari di Bilik Karyawan 1, UiTM Johor Kampus Segamat. Program ini bertujuan bagi menjalin ukhuwah diantara pelajar-pelajar pemasaran yang berada di semester 2 dan semester 4.

Seramai 55 orang pelajar telah mengambil bahagian dengan pelbagai aktiviti yang disediakan oleh penganjur pada hari tersebut. Matlamat untuk menggalakkan kerjasama yang erat antara ahli Kelab Marketeers dan mengeratkan hubungan baik di kalangan ahli-ahli untuk membina suasana kekeluargaan telah pun tercapai sepanjang program berlangsung.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti Ice Breaking (The Buzz Bomb), Team Building (Tower Cup, Ballon Moving Up, Pass the Action, Pyramid Cup dan Musical Chair). Aktiviti tersebut adalah dalam kumpulan dan disusun dengan baik dan menyeronokkan. Berdasarkan penelitian yang dibuat, peserta-peserta menghargai usaha Ahli Jawatankuasa yang sentiasa membantu dan mengawal suasana dengan mesra walaupun terdapat sedikit kelewatan semasa memulakan aktiviti pertama.

Secara keseluruhannya, peserta berpuas hati dengan program Induction Day yang dijalankan. Program berjaya mewujudkan suasana mesra antara pelajar baharu dan Ahli Jawatankuasa. Majoriti peserta menyatakan bahawa program ini membantu mereka mengenali rakan-rakan baharu dan memahami aktiviti kelab dengan lebih jelas.



The Buzz Bomb



Tower Cup



Balloon Moving Up



Pass The Action



Musical Chair

SULAM DGM551 : DARIPADA UNIVERSITI KEPADA KOMUNITI

Noreen Noor Abd Aziz

SULAM atau *Service Learning Malaysia – University for Society* merupakan satu inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjadikan pembelajaran di Universiti berasaskan pengalaman melalui penglibatan pelajar universiti bersama komuniti. Ia menggabungkan kurikulum akademik dengan aktiviti khidmat masyarakat supaya pelajar dapat mengaplikasikan ilmu, kemahiran, dan nilai dalam situasi sebenar. Program ini seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025 yang menekankan pembinaan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

SULAM DGM551 mula diperkenalkan pada tahun 2022 dan merupakan salah satu kursus yang wajib diambil oleh pelajar-pelajar jurusan Pemasaran Digital daripada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Tujuan utama kursus ini adalah untuk para pelajar mengaplikasikan teori pemasaran digital dan gelagat pelanggan. Antara projek yang dijalankan ialah melibatkan komuniti usahawan setempat dan juga sekolah-sekolah berdekatan kampus. Para pelajar juga dapat mempelajari ilmu keusahawanan serta berkongsi berkenaan ilmu pemasaran digital kepada komuniti terutamanya usahawan.

Selain daripada itu, para pelajar banyak mempelajari cara menganalisis komuniti melalui sesi jualan yang diadakan. Projek ini sedikit sebanyak dapat membentuk jati diri pelajar, sifat kepimpinan dan persediaan berhadapan dengan pelanggan selain daripada membina komunikasi yang baik. Projek ini juga membina satu asas yang baik antara universiti dan komuniti di mana para pelajar juga berpeluang untuk menjalankan projek kolaborasi bersama-sama sekolah berhampiran universiti sebagai salah satu wadah untuk menyantuni komuniti tersebut.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SWIPE, SHARE, SELL (3S): THE NEW FACE OF MARKETING

Muruga Chinniah, Palaniappan Shamala, Suguna Olakanathan

Program 3S bertujuan untuk meningkatkan kemahiran digital usahawan IKS dengan memberi pendedahan kepada asas pemasaran kandungan digital, media sosial, serta pemasaran mudah alih secara berstruktur dan praktikal. Melalui program ini, peserta didedahkan kepada kepentingan media sosial sebagai platform pemasaran, strategi membina kandungan, serta analisis keberkesanan bagi meningkatkan jualan dan daya saing.

Objektif utama program adalah untuk (1) Membantu usahawan IKS memahami penggunaan media sosial dalam perniagaan, (2) Meningkatkan keyakinan peserta mengurus akaun perniagaan digital, (3) Melatih peserta menghasilkan kandungan menarik dengan strategi “Swipe, Share, Sell”, (4) Memberi kemahiran analisis data untuk memperbaiki strategi pemasaran digital.


Program dijalankan melalui 4 fasa utama**.** *Fasa 1: Pengenalan Media Sosial & Akaun Perniagaan* **(**Peserta membuka akaun media sosial, berlatih menghasilkan kandungan video, memahami peranan pelbagai platform, dan meningkatkan keyakinan dalam mengurus akaun perniagaan rasmi). *Fasa 2: Memahami Pelanggan & Profil Perniagaan* **(**Peserta dilatih mengenal pasti pelanggan sasaran, membezakan akaun peribadi dan perniagaan, serta lebih yakin membina profil perniagaan professional). *Fasa 3: Strategi Kandungan & Engagement* **(**Peserta dilatih memilih kandungan yang sesuai, menentukan masa muat naik, menggunakan *Call to Action* serta alat pengurusan media sosial, sekali gus meningkatkan kefahaman menghasilkan kandungan berkesan). *Fasa 4: Analisis Data & Penambahbaikan* **(**Peserta didedahkan kepada metrik tontonan, engagement dan data insight, yang meningkatkan pengetahuan membolehkan mereka menganalisis data bagi
menambah baik strategi.

Soal selidik (sebelum/selepas) menunjukkan kefahaman media sosial peserta meningkat hingga 93%, keyakinan mengurus akaun perniagaan bertambah, serta mereka berasa seronok dan bersemangat berkongsi ilmu dengan komuniti. Dipenghujung program 3S, satu majlis penutup diadakan pada 11 Julai 2025 bersama wakil Majlis Daerah Labis, fasilitator (pelajar MKT571) dan 8 peserta IKS berlangsung meriah dengan demonstrasi budaya serta mendapat maklum balas 100% positif terhadap penyampaian fasilitator (pensyarah & pelajar) yang jelas, profesional dan mudah difahami.

Program 3S berjaya mencapai objektif untuk memperkasakan usahawan IKS dalam aspek pemasaran digital. Ia bukan sahaja meningkatkan pengetahuan teknikal, tetapi juga memberi kesan positif terhadap motivasi, keterbukaan terhadap perubahan, dan kesediaan peserta untuk berkongsi ilmu dengan komuniti lain. Secara keseluruhan, program ini memberi impak yang holistic, pengetahuan, kemahiran, dan emosi dalam mempersiapkan usahawan kecil dan sederhana menghadapi cabaran pemasaran digital masa kini.













TRIPLE FUN FIESTA

Hairiani Abdul Hamid, Norshahniza Sahari, Nor Diana Abd Rahman

Triple Fun Fiesta Adalah satu program yang dianjurkan untuk memenuhi keperluan subjek EVM490 yang dilaksanakan oleh JBA2702B. Seramai 15 mahasiswa dan 60 iorang pelajar SK Gemereh Segamat terlibat dalam program ini.



Objektif program ini adalah meningkatkan kesedaran tentang warisan budaya melalui fesyen tradisional, menggalakkan semangat kesukanan dan kerjasam melalui aktiviti sukaneka dan meransang daya fikir, kreativiti pelajar melalui permianan minda, menjalinkan hubungan mesra antara mahasiswa dan komuniti sekolah dan mendidik mahasiswa mengenai tatacara pengurusan program di Kawasan komuniti.

Program ini dilaksanakan pada 1 Julai 2025 bermula jam 7.30 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengahari. Terdapat beberapa aktiviti yang telah dilaksanakan iaitu pertandingan Fashion Show pakaian tradisional, aktiviti sukaneka seperti berlari dalam guni, lumba belon air, kon berirama, radio rosak dan teka teki Bersama pelajar sekolah.



Program Berjaya dilaksanakan dengan jayanya mengikut perancangan mahasiswa sdengan Kerjasama pelajar kelas 3 Orkid dan 3 Seroja di SK Gemereh. Seramai dua orang cikgu dipilih membantu untuk menjadi juri pertandingan dan bersama-sama sepanjang program berlangsung. Majlis perasmian dan penutup dirasmikan oleh Tuan Haji Rosli Ismail selaku Guru Besar. Para pemenang diberikan hadiah dan sedikit cenderahati dari pihak mahasiswa UiTM.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

UiTM JOHOR IPT PERTAMA MERASMIKAN JAWATANKUASA JOHOR TALENT DEVELOPMENT COUNCIL (JTDC)

Nur Rifhan A.Rahim, Faten Elina Kamaruddin, Nur Hanisah Mohamad Razali


MDJ Lancar, Teguh, Pantas LAMAN UTAMA

UITM JOHOR IPT PERTAMA WUJUD JAWATANKUASA JTDC

29 Apr 2025 / oleh Mohamad Nur Ariff Nasseem Mohd Murad

Majlis Pembangunan Bakat Johor atau Johor Talent Development Council (JTDC) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Johor yang bertujuan untuk membangunkan dan memajukan bakat serta tenaga kerja tempatan agar berkemahiran tinggi, berdaya saing serta responsif terhadap keperluan industri, terutamanya dalam Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

Dalam mendukung hasrat Kerajaan Negeri Johor, UiTM Johor telah mengambil langkah pertama dalam merasmikan Jawatankuasa JTDC @UiTM Cawangan Johor. Jawatankuasa ini melibatkan pensyarah dari Segamat dan Pasir Gudang. Majlis perasmian Jawatankuasa JTDC @UiTM Cawangan Johor telah diadakan dengan jayanya pada 29 April 2025 dan dirasmikan oleh Yang Berusaha Encik Mohammad Najmie Noordin, Ketua Pegawai Bakat Johor Corporation (JCorp) mewakili YB Aznan Tamin, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor.

Majlis perasmian ini sekaligus menjadikan UiTM Johor sebagai Institusi Pengajian Tinggi (IP) pertama yang berjaya menubuhkan jawatankuasa kerja di peringkat universiti dan menjadi penanda aras bagi IPT lain di Johor untuk turut melaksanakan Jawatankuasa JTDC atau “mini JTDC” dalam menghubungkan universiti dengan JTDC dan industri sebenar.

Jawatankuasa JTDC @UiTM Cawangan Johor merupakan jambatan penghubung di antara universiti dan JTDC bagi mengumpul serta menyalurkan maklumat berkaitan program pembangunan kerjaya dan bakat mengikut kehendak yang diperlukan oleh industri pada masa kini.

Melalui penubuhan jawatankuasa ini, mahasiswa dan bakal graduan UiTM Johor akan mendapat akses dan maklumat lebih awal dan terkini mengenai peluang pekerjaan dan latihan industri, sekali gus membantu mahasiswa untuk membuat persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan dan mampu merebut peluang mendapatkan pekerjaan dengan gaji premium yang ditawarkan oleh industri.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

WEBINAR *ACCA TALKS WITH SUNWAY TES COLLEGE*

Nur Rifhan A.Rahim, Muhammad Haris Naqiuddin Muda

Webinar *ACCA TALKS WITH SUNWAY TES COLLEGE* telah diadakan pada 25 Ogos 2025 secara atas talian. Webinar ini mensasarkan para pelajar latihan industri Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Johor. Webinar ini merupakan anjuran JTDC @UiTM Cawangan Johor dengan kerjasama Yayasan Peneraju dan Sunway Tes College Johor Bahru. Webinar ini dijalankan bagi mempelawa para pelajar Fakulti Perakaunan yang bakal menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda untuk mengikuti program ACCA-FIA dan ICAEW-CFAB. Program ACCA-FIA dan ICAEW-CFAB ini disokong oleh Yayasan Peneraju dan JTDC yang bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar Bumiputera dalam industri perakaunan bertaraf global.


Selaras dengan objektif JTDC yang mensasarkan pembangunan bakat belia, webinar ini mampu memberi pemahaman mendalam mengenai objektif ACCA kepada pelajar khususnya jurusan Fakulti Perakaunan yang bakal memasuki alam pekerjaan selepas tamat latihan industsri.

Seramai 71 orang pelajar Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Johor yang telah mengikuti webinar ini yang telah disampaikan oleh Mr Krishna Moorthy Selvarajoo, Ketua Akademik dan Operasi, Sunway Tes College Johor Bahru. Maklum balas yang diterima daripada para pelajar bagi webinar ini adalah positif di mana para pelajar menyifatkan kandungan dan skop program, skol latihan, penyampaian penceramah, perjalanan program, pencapaian objektif dan kehendak serta durasi program adalah amat baik.

Diharapkan webinar ini dapat membuka mata para pelajar untuk merebut peluang mengikuti program ACCA-FIA dan ICAEW-CFAB untuk kecemerlangan masa hadapan mereka.


krishna selvarajoo (Presenting, annotating)
Beyond Accounting
Shaping Leaders of Tomorrow
krishna selvaraj...
NUR SYAFIQAH ...
HAFIZUDDIN M...
Muhammad Aza...
59 others
DR NUR RIF...
8:33 PM | icq-skzy-pfd


krishna selvarajoo (Presenting, annotating)
Yayasan Peneraju Financing Scheme
krishna selvaraj...
NUR SYAFIQAH ...
HAFIZUDDIN M...
Muhammad Aza...
62 others
DR NUR RIF...
8:39 PM | icq-skzy-pfd


Meet - icq-skzy-pfd
https://meet.google.com/icq-skzy-pfd?authuser=0
krishna selvarajoo (Presenting, annotating)
Why Study ACCA?
krishna selvaraj...
NUR SYAFIQAH ...
HAFIZUDDIN M...
Muhammad Aza...
64 others
DR NUR RIF...
8:44 PM | icq-skzy-pfd

APRESIASI DAN INSPIRASI DI LOTUS DESARU

Nazatul Syahira Hussein, Madiha Badrol Kamar, Hajar Ahmedy

Pada awal Januari 2025, kami telah diberi amanah untuk menjadi pengiring pelajar Fakulti Pengurusan dan Perniagaan sempena lawatan akademik ke **Lotus Desaru Resort**, Johor. Lawatan ini bukan sekadar percutian biasa, malah ia merupakan sebahagian daripada tugasan lapangan mengenai **pelancongan lestari** di dalam subjek Pengangkutan dan Pelancongan (TPT370). Pengalaman ini menjadi lebih bermakna apabila ia turut disertai dengan **Malam Gala Apresiasi Akademik Pelajar**, di mana para pelajar diraikan dengan penuh meriah di resort berprestij ini.

Setibanya di Lotus Desaru, para pelajar berpeluang melihat bagaimana resort ini menerapkan pelbagai inisiatif kelestarian, antaranya pengurusan sisa, penjimatan tenaga, penggunaan air secara lestari serta sokongan terhadap komuniti setempat. Sebagai pengiring, saya berperanan memastikan pelajar sentiasa mengikuti jadual yang ditetapkan, serta memberi bimbingan dan tunjuk ajar ketika sesi pemerhatian dan perbincangan.

Suasana resort yang terletak di persisiran pantai Johor memberikan pengalaman pembelajaran di luar bilik kuliah yang sangat menarik. Pelajar bukan sahaja dapat menilai usaha kelestarian, malah mereka juga dapat merasai sendiri bagaimana sektor pelancongan memberi impak kepada komuniti dan ekonomi setempat.

Kemuncak program ini adalah **Malam Gala Apresiasi Akademik** yang bertemakan *"Night of The Winter"* berlangsung pada sebelah malam. Acara pada malam tersebut sungguh meriah dengan tayangan montaj, persembahan pelajar, penyampaian hadiah pelajar terbaik, pertandingan busana terbaik serta cabutan bertuah.

Pengalaman ini memberikan saya beberapa pengajaran penting:

Peranan pengiring bukan sekadar mengawasi, tetapi juga sebagai motivator dan fasilitator kepada pelajar.

Pembelajaran di luar bilik kuliah memberi impak lebih mendalam kerana pelajar dapat menilai teori dengan situasi sebenar.

Malam Apresiasi menjadi ruang untuk mengiktiraf pencapaian pelajar, membina keyakinan diri serta mengeratkan hubungan antara pensyarah, pengiring, dan pelajar.

Pengalaman menjadi pengiring pelajar di Lotus Desaru serta menyertai Malam Gala Apresiasi merupakan satu kenangan yang sangat bermakna. Ia bukan sahaja memperkukuh hubungan antara tenaga pengajar dan pelajar, malah turut membuka ruang kepada mereka untuk belajar mengenai **kepentingan pelancongan yang lestari dalam industri pelancongan**. Majlis malam apresiasi pula melengkapkan program ini dengan penuh kegembiraan dan penghargaan.





Barisan Pensyarah
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BOWLING RETREAT 2025 – *STRIKE OR SCOPUS?!!*

Nur Rahmas Mohd Saman, Nur Nabilah Abdul Razak,
Dr Nur Farhana Mohd Yusof

Pada 23 Julai 2025, suasana ceria dan penuh semangat kekeluargaan telah mewarnai Daiman Bowling apabila para pelajar pascasiswazah UiTM Pasir Gudang berkumpul bagi menjayakan *Bowling Retreat 2025*. Program riadah yang bermula seawal jam 4.30 petang ini dianjurkan bukan sekadar sebagai aktiviti santai, tetapi turut menjadi sebagai ruang untuk menyeimbangkan antara tuntutan akademik yang mencabar dengan keperluan rekreasi yang menyegarkan.

Bowling Retreat dianjurkan khusus bagi pelajar pascasiswazah yang saban hari bergelumang dengan tugasan, penulisan tesis, analisis data, dan persiapan penerbitan. Kesibukan dunia akademik sering kali menuntut fokus tinggi sehingga ruang bersosial dan bersantai menjadi terhad bagi pelajar. Justeru, aktiviti sebegini hadir tepat pada waktunya untuk memberi peluang kepada pelajar melepaskan tekanan, memperbaharui tenaga, serta mengeratkan ukhuwah dalam suasana yang santai dan mesra.

Tema Bowling Retreat tahun ini ialah "*Strike or Scopus?!!".* Menariknya, tema ini bukan sekadar jenaka akademik, tetapi membawa makna simbolik yang mendalam. 'Strike' dalam bowling menggambarkan kejayaan yang tepat dan sempurna, manakala 'Scopus' merujuk kepada pencapaian akademik tertinggi melalui penerbitan berkualiti di pangkalan data antarabangsa. Gabungan kedua-duanya mencerminkan perjalanan seorang pelajar pascasiswazah yang memerlukan ketelitian, strategi, kesabaran dan fokus untuk mencapai matlamat yang bermakna.

Suasana sepanjang pertandingan berlangsung amatlah meriah dengan sorakan, gelak tawa dan semangat berpasukan yang jelas terpancar. Para peserta bukan sahaja menunjukkan kehandalan dalam strategi balingan, malah turut berkongsi tip, memberi sokongan moral, dan meraikan kejayaan rakan-rakan lain. Walaupun ada yang menjadikan acara ini medan untuk menguji kemahiran, majoriti lebih menekankan kepada pengalaman, keseronokan dan persahabatan yang terbina. Ada yang berdebar menunggu giliran, ada yang bersorak riang apabila berjaya menjatuhkan semua pin, dan ada juga yang menjadikan balingan 'gutter' sebagai gurauan mesra. Kesemua ini menjadikan Bowling Retreat 2025 sebuah acara yang penuh dengan warna-warni kenangan.

Bowling Retreat 2025 telah membuktikan bahawa kejayaan akademik tidak hanya bergantung pada kerja keras di makmal, perpustakaan atau komputer riba, tetapi juga pada keseimbangan hidup yang terjaga. Seperti mana sebuah *strike* yang sempurna, setiap usaha pelajar pasca siswazah UiTM Pasir Gudang diharap terus mengena, membuahkan hasil, dan akhirnya terserlah di persada akademik antarabangsa. Bowling Retreat 2025 bukan sekadar aktiviti riadah, tetapi sebuah pengalaman bermakna yang akan terus dikenang sebagai titik keseimbangan antara riadah dan Scopus.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

DARI RIAU KE JOHOR: MENYULAM WARISAN, MENGIKAT UKHUWAH

Nor Fazlin binti Uteh, Dr Nurul Natsiya Ahmad dan Syidatul Akma Sulaiman

Program lawatan ke Yayasan Warisan Johor (YWJ) telah diadakan pada 28 Ogos 2025 sebagai salah satu pengisian utama **Program Penglibatan & Pembudayaan Komuniti Antarabangsa (PKMA) 2025** anjuran UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang, Universiti Riau Kepulauan (UNRIKA) dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG). Lawatan ini telah disertai oleh seramai **80 orang delegasi daripada Universitas Riau Kepulauan (UNRIKA), Indonesia**, bersama-sama wakil penganjur dan pegawai pengiring. Penganjuran program ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan kerjasama antara Malaysia dan Indonesia, khususnya dalam konteks akademik, sosial, dan budaya.

Sepanjang lawatan, para peserta telah disambut dengan penuh mesra oleh pihak Yayasan Warisan Johor. Mereka diberikan taklimat mengenai sejarah penubuhan yayasan, fungsi serta tanggungjawab mereka dalam memelihara, memulihara, dan memartabatkan warisan negeri Johor. Taklimat tersebut turut menekankan kepentingan pewarisan budaya kepada generasi muda agar identiti negeri Johor ini tidak terhakis oleh arus modenisasi.

Delegasi kemudian dibawa melawat ke galeri pameran yang memaparkan artifak sejarah, manuskrip lama, busana tradisional, alat muzik, serta koleksi seni persembahan Johor. Antara yang menarik perhatian adalah pameran tarian zapin, dan pameran kain benang Johor. Ia memberikan ruang mengenali dan memahami Sejarah dan falsafah di sebalik tarian unik zapin dan rekabentuk serta corak kain benang tersebut.

Lawatan ini telah memberi impak positif yang besar. Delegasi UNRIKA dapat mengenali dan menghargai keunikan warisan Johor secara lebih dekat, di samping mengukuhkan semangat persahabatan antara dua institusi. Program ini juga berjaya mencapai objektif PKMA 2025 iaitu memperkukuh jaringan antarabangsa melalui medium budaya. Lawatan ini dilihat bukan sahaja menjadi wadah perkongsian ilmu, tetapi juga platform membina hubungan dua hala yang erat. Diharapkan aktiviti sebegini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memastikan warisan Johor terus dikenali, dihargai, dan dilestarikan di peringkat serantau.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAWATAN JELAJAH ASPIRASI INSTITUTE OF CONTINUING EDUCATION & PROFESIONAL STUDIES (iCEPS) KE UiTM CAWANGAN JOHOR

Rahayu Izwani Burhanuddin, Hajar Ahmedy, Nor Fazlin Uteh

Pada 28 Julai 2025, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang berbesar hati menerima kunjungan rasmi delegasi dari **Institute of Continuing Education & Professional Studies (iCEPS)** sempena **Lawatan Jelajah Aspirasi iCEPS 2025**. Program ini amat selari dengan aspirasi UiTM dalam memperkukuh ekosistem pendidikan fleksibel dan pembelajaran sepanjang hayat di seluruh kampus cawangan.

Ucapan aluan telah disampaikan oleh Yang Berusaha **Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon**, **Menjalankan Fungsi Rektor UiTM Cawangan Johor** yang berkongsi maklumat berkaitan UiTM Cawangan Johor secara keseluruhan dan iCEPS UiTM Cawangan Johor. Turut hadir sama ialah **Dr Siti Khadijah Alias**, **Penolong Rektor UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang**.

Seterusnya pembentangan penuh inspirasi dan aspirasi telah disampaikan oleh **Yang Berbahagia Prof. Dr. Faizah Abd Majid**, **Ketua Eksekutif iCEPS**, yang mengetuai delegasi. Sesi perbincangan strategik dua hala bersama pihak pengurusan UiTM Cawangan Johor telah berlangsung dengan sangat bermakna. Pihak iCEPS dan UiTM Cawangan Johor bertukar pandangan dan maklum balas yang sangat membina dan progresif.

Delegasi turut disertai oleh **Encik Hamizad Abdul Hadi** (Pengarah, Bahagian Program Akademik), **Dr. Wan Nurul Elia Haslee Sharil** (Pengarah Bahagian Program Kerjasama), **Dr. Muhammad Azman Ibrahim** (Pengarah Bahagian Latihan), **Dr. Azlan Abdul Aziz**, (Pengarah, Bahagian Pembelajaran Digital), **Dr. Noraidah Abu Hasan** (Ketua Unit APEL) dan **Encik Muhammad Arif Husaini Abdul Rahim** (Ketua Unit Komunikasi Korporat).

Program ini menjadi platform penting dalam mengukuhkan sinergi antara iCEPS dan kampus cawangan, serta menjulang hasrat universiti ke arah transformasi pendidikan tinggi yang inklusif, lestari dan mampan.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAWATAN PENANDA ARAS UNIVERSITAS NASIONAL, INDONESIA.

Ruqaiyah Ab Rahim, Fairuz Ramli, Nurul Fahana Aini Harun

Pada 10 Julai 2025 lalu, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang telah menerima kunjungan delegasi lawatan penanda aras daripada Fakultas Ilmu Sosial & Ilmu Politik, Universitas Nasional, Indonesia. Delegasi disertai oleh 9 orang tenaga pengajar dan 34 orang pelajar dari pengajian Ijazah Pengurusan Pentadbiran, Komunikasi dan Perhubungan Industri ini bertujuan menjalinkan kerjasama serantau melalui aktiviti yang akan dilaksanakan kelak.

Sebagai institusi pendidikan terbesar di Malaysia, UNAS telah menjadikan UiTM sebagai ikon untuk lawatan penanda aras sebagai usaha melihat sendiri sistem pendidikan yang diaplikasikan. UNAS juga turut berbesar hati untuk menjayakan sesi menandatangani MOU yang bakal dilaksanakan sebagai usaha untuk menjalankan beberapa aktiviti yang melibatkan program pertukaran pelajar dan staf sebagaimana aspirasi UiTM sebagai *Global Renowned University*.

Majlis menandatangani LOI ini telah disempurnakan oleh Dr Siti Khadijah Alias selaku Penolong Rektor, UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang dan Dr Aos Yuli Firdaus, Dekan Fakultas Ilmu Sosial & Ilmu Politik, UNAS.

Semoga kerjasama yang telah dimulakan ini akan berlangsung dengan jayanya selain dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.


COLLABORATIVE RESEARCH MANDIRI 2025




Dampak Globalisasi Ekonomi
terhadap Perekonomian
Malaysia dan Indonesia:

LEARNING AND SHARING ACROSS BORDERS

Hajar Ahmedy, Nazatul Syahira Hussein, Madiha Badrol Kamar

On 19 August 2024, I had the opportunity to present a conceptual paper at the 8th International Accounting and Business Conference (IABC) 2024, held at Perbanas Institute, Jakarta, Indonesia. This two-day conference has brought together academics, researchers, industrial experts, and postgraduate students from diverse backgrounds to share and exchange their ideas and expertise not only in the fields of Business, Accounting, and Management, but also in the field of Science and Technology.

On the very first day of my journey, I presented a conceptual paper from my PhD study. Since the study is still at an early stage (I was in my 2nd semester of PhD), presenting the paper in front of an international audience was both exciting and challenging. I was able to share my ideas, the framework of my study and gained constructive feedback from the panel and the participants as well. It was a very useful session that gave me new insights and helped me to think about how to improve my research. Since this was also my first time in Jakarta, the whole experience made it even more meaningful.

The second day allowed me to engage more informally with other participants. I had the chance to exchange views with lecturers from the Faculty of Business and Management as well as academics from Perbanas Institute. These conversations were not only about research, but also about teaching experiences and academic life in general. It was refreshing to learn from others and to realize how much we can gain from open discussions and simple sharing sessions.

One of the most valuable outcomes from this conference was having my paper published in the official conference proceedings. Although it was only a conceptual paper, seeing it published gave me a sense of achievement and motivation to continue writing more papers in the future. For me, this is not just about adding to my CV, but about learning how every step, no matter how small, can shape me into a better researcher and academic.

Most importantly, this experience taught me that presenting at a conference is not about being perfect or having all the answers. It is about being willing to learn, being open to feedback, and building confidence step by step. I hope this will encourage other students to also take opportunities like this, even if their work feels incomplete. Every experience, whether presenting, networking, or simply listening, is part of the journey of growth.

Joining IABC 2024 was a valuable and eye-opening experience. It gave me exposure, new knowledge, and connections that I believe will be useful for my PhD journey and future career. At the same time, it showed how UiTM continues to be part of the international academic community through its participation in such conferences





LEARNING TOGETHER, EXPERIENCING BATAM

Hajar Ahmedy, Nazatul Syahira Hussein, Madiha Badrol Kamar

In conjunction with Malaysia's Independence Day celebration in 2024, I had the privilege to participate in an academic field trip program organized by iCEPS, UiTM Pasir Gudang. Through this initiative, I had the opportunity to visit Universitas Batam (UNIBA) and Universitas Riau Kepulauan (UNRIKA) in Batam, Indonesia. The main purpose of this visit was to strengthen academic ties, exchange ideas, and conduct knowledge-sharing sessions with colleagues from both institutions.

This visit was particularly memorable as it was my first time in Batam. I was deeply impressed by the city, not only for its rapid development but also for the warmth and hospitality shown by the people. The hospitality in Batam has created a welcoming environment that made the entire academic journey both pleasant and meaningful. Meeting and engaging with the local academics offered me valuable insights into how higher education is conducted in the Indonesian context, especially in business and management studies.

During the sessions at UNIBA and UNRIKA, I was introduced to several new lecturers and academic staff. As we exchanged ideas on teaching methodologies, curriculum design, and research priorities, the sharing sessions were very beneficial, as they allowed me to broaden my perspective and compare approaches used in both Malaysia and Indonesia. These dialogues opened opportunities for future collaboration, not only in joint research projects but also in student mobility and cultural exchange activities.

Beyond the academic sessions, the program also provided a chance to experience the local culture of Batam. The hospitality of the hosts was particularly noteworthy. The local community and university representatives treated us with exceptional warmth, ensuring that we felt comfortable throughout our stay. Such gestures reflected the spirit of friendship and mutual respect that underpins international academic engagement.

The engagement visit to UNIBA and UNRIKA under the iCEPS program was a truly enriching experience. It allowed me to expand my academic network, gain exposure to new perspectives, and appreciate the value of cross-border collaboration. More importantly, it demonstrated how international engagement can foster understanding, build long-term relationships, and contribute to both personal and professional development. The combination of academic exchange, cultural immersion, and genuine hospitality made this visit to Batam a significant milestone in my journey as a young academic and postgraduate student.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ILMU, BUDAYA DAN UKHUWAH : MAJLIS PEMBUKAAN PKMA 2025

Dr Suhana Mohamed, Nor Fazlin Uteh, Dr Nur Farhana Mohd Yusof

Majlis Pembukaan **Program Penglibatan & Pembudayaan Komuniti Antarabangsa (PKMA) 2025** telah berlangsung dengan penuh meriah di UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang. Program ini melibatkan delegasi seramai 80 orang peserta daripada Universitas Riau Kepulauan (UNRIKA), Indonesia, bersama-sama mahasiswa UiTM. Majlis dimulakan dengan **bacaan doa** sebagai tanda kesyukuran dan memohon keberkatan agar segala perjalanan program diberkati.

Majlis diteruskan dengan **ucapan Rektor UNRIKA Yang berusaha Prof. Dr. Hj.Sri Langgeng Ratnasari,** yang menekankan kepentingan jalinan persahabatan antara Malaysia dan Indonesia, khususnya dalam aspek akademik dan budaya. Beliau turut merakamkan penghargaan atas layanan mesra UiTM sebagai tuan rumah. Seterusnya, **Penolong Rektor UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang, Dr Siti Khadijah Alias** menyampaikan ucapan aluan yang menekankan objektif utama PKMA iaitu memperkukuh jaringan antarabangsa melalui kolaborasi ilmiah dan budaya.

Selepas sesi pembukaan, **perkongsian ilmu bertajuk "Pelaksanaan Bandar Rendah Karbon Pasir Gudang"** telah disampaikan oleh **Dr. Hjh. Norlina Muhammad, Penyelaras Bandar Rendah Karbon Pasir Gudang**. Beliau berkongsi tentang usaha yang sedang dilaksanakan sebagai usaha menjadikan Pasir Gudang sebagai bandar rendah karbon. Penekanan diberikan kepada kepentingan kelestarian alam sekitar, inovasi teknologi hijau, serta penglibatan komuniti dalam mengurangkan pelepasan karbon. Perkongsian ini turut memberi pendedahan baharu kepada delegasi antarabangsa mengenai inisiatif hijau yang dilaksanakan di Malaysia.

Majlis tambah berseri dengan persembahan tarian daripada tiga kumpulan mahasiswa UNRIKA yang menampilkan budaya etnik di Indonesia. Seterusnya **sesi Ice Breaking bersama mahasiswa UiTM Pasir Gudang diteruskan bagi merapatkan jurang dan berkenalan antara satu sama lain.** Aktiviti santai dan interaktif ini memberi peluang kepada pelajar UiTM dan UNRIKA untuk berkenalan dengan lebih rapat, seterusnya membina semangat kerjasama serta memahami kepelbagaian budaya kedua-dua negara. Majlis ini telah berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai matlamatnya. Ia menjadi titik permulaan kepada rangkaian program seterusnya yang bakal mengukuhkan hubungan akademik, sosial dan budaya antara UiTM dan UNRIKA.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MESMERIZING MERSING: LAWATAN AKADEMIK TPT370

Muhammad Akmal Asyraaf Adlan, Nazatul Syahira Hussein,
Dr. Siti Norhadibah Azman

Dalam usaha memperkukuh pemahaman pelajar terhadap pengurusan pengangkutan dan pelancongan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan satu lawatan akademik ke Teluk Penyabong, Mersing pada 23 hingga 24 Jun 2025. Lawatan ini melibatkan 39 orang pelajar yang mengambil kursus TPT370: *Transport and Tourism* beserta empat pensyarah pengiring, dengan kerjasama Qiezfa Enterprise sebagai penyedia perkhidmatan pelancongan marin.

Objektif utama lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan langsung kepada pelajar mengenai operasi logistik pelancongan pulau, termasuk pengurusan jadual, keselamatan, dan interaksi dengan ekosistem marin. Selain itu, lawatan ini bertujuan untuk menilai amalan pelancongan lestari yang diamalkan oleh pengusaha tempatan serta menggalakkan pelajar berfikir secara kritikal tentang keseimbangan antara pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar.

Aktiviti utama termasuk *island hopping* ke beberapa pulau sekitar Mersing, snorkeling, dokumentasi lapangan, dan sesi interaksi bersama kru bot serta komuniti setempat. Pelajar didedahkan kepada cabaran sebenar dalam menyusun logistik pelancongan, termasuk pengurusan masa, penyelarasan kumpulan besar, dan keperluan pematuhan terhadap protokol keselamatan.







Para pelajar dapat menilai bagaimana pengangkutan laut dikendalikan, bagaimana pelancong diuruskan, serta bagaimana elemen perkhidmatan dan pengalaman pelanggan memainkan peranan penting dalam pelancongan lestari. Mereka juga berpeluang melihat bagaimana pengusaha tempatan menyesuaikan operasi dengan keperluan ekosistem, seperti mengelakkan pencemaran, mengawal jumlah pelawat, dan mendidik pelancong tentang kelestarian.

Pelajar telah belajar untuk berkomunikasi secara profesional, bekerjasama dalam kumpulan, dan menghargai kepelbagaian peranan dalam satu sistem logistik yang kompleks. Mereka juga didorong untuk berfikir secara reflektif tentang peranan mereka sebagai generasi yang bakal memimpin industri pelancongan dan pengangkutan dengan lebih bertanggungjawab.

Lawatan akademik seperti ini bukan sekadar aktiviti luar bilik kuliah, tetapi satu pengalaman pembelajaran yang menyeluruh. Dalam dunia yang semakin menuntut kecekapan, lawatan ini mengingatkan kita bahawa kejayaan sebenar terletak pada kemampuan untuk menyusun sistem yang bukan sahaja berfungsi, tetapi juga menghormati manusia dan alam sekitar.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENULISAN AKADEMIK MENGGUNAKAN AI

Zulaffendi Jamalludin, Nur Rahmas Mohd Saman,
Dr Nur Farhana Mohd Yusof

Pada 16 Julai 2025, satu sesi perkongsian ilmu telah diadakan di Bilik Pasca Siswazah, UiTM Cawangan Pasir Gudang (UiTMPG). Sesi ini merupakan antara inisiatif yang dianjurkan oleh para pelajar pasca siswazah UiTMPG untuk meningkatkan kemahiran penulisan akademik, khususnya dalam penulisan kertas persidangan dengan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI). Topik utama yang dibincangkan adalah bertajuk “Writing Conference Papers with AI” dengan fokus *Unlock Your Potential with AI, for Faster, Stress-Free Research Writing*.

Dalam sesi tersebut, para peserta didedahkan dengan kepentingan penggunaan AI dalam penulisan akademik yang semakin relevan pada masa kini. Penggunaan AI membantu mempercepatkan proses penyediaan draf dan penyuntingan kertas penyelidikan, sekaligus menjadikan proses penulisan lebih efisien selain mengurangkan tekanan kepada para penulis. AI juga berperanan membuka ruang kepada perspektif baharu dalam penyelidikan yang sukar dicapai secara tradisional.

Beberapa komponen utama perlu difahami dalam menulis satu kertas penyelidikan yang baik. Pertama, asas penyelidikan yang merangkumi pemilihan topik yang tepat, penentuan kata kunci yang relevan, dan pengenalpastian jurang penyelidikan yang penting untuk diberi fokus. Seterusnya, peserta perlu bijak mengenal pasti pernyataan masalah yang hendak ditangani, merangka soalan penyelidikan yang jelas, serta menyusun objektif penyelidikan secara sistematik. Kajian literatur juga perlu dilakukan bagi menyokong pernyataan masalah dan jurang penyelidikan yang dikenal pasti.

Sesi ini turut menekankan kepentingan membina kerangka samada teori mahupun konsep yang kukuh selain memilih metodologi yang sesuai dalam penyelidikan. Para peserta juga telah diajar untuk melakukan proses pelaporan penemuan dan keputusan yang harus diperkukuh dengan perbincangan yang mengandungi interpretasi serta kesimpulan yang menyokong objektif penyelidikan.

Slogan yang digunakan dalam sesi ini amat menarik dan menyuntik semangat kepada peserta iaitu, *"Tesis anda lebih laju, tekanan darah anda akan lebih rendah, kuasa AI di hujung jari anda".* Sesi yang dikendalikan oleh Puan Aznilinda Zainuddin ini juga telah berjaya membuka mata para peserta bahawa penggunaan AI bukanlah menggantikan daya intelektual penulis, sebaliknya berfungsi sebagai alat bantu yang memudahkan dan mempertingkatkan keberkesanan proses penyelidikan serta penulisan secara lebih tersusun dan berkualiti.

Justeru, semua pelajar pasca siswazah perlulah memanfaatkan teknologi AI dengan bijak sebagai salah satu strategi untuk memperbaiki hasil penyelidikan serta mengurangkan tekanan ketika menulis. Penguasaan teknologi ini pasti mampu membuka peluang dan ruang yang lebih luas untuk pencapaian akademik dan penyelidikan yang lebih cemerlang pada masa hadapan.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PERTANDINGAN SOLEKAN OLEH DTRANS SOCIETY

Muhammad Akmal Asyraaf Adlan, Madiha Badrol Kamar, Nazatul Syahira Hussein

Program *Makeup by D'Trans* yang dianjurkan oleh D'Trans Society, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah berlangsung dengan jayanya pada 13 Jun 2025 bertempat di Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI). Pertandingan ini melibatkan seramai 25 peserta yang terdiri daripada mahasiswi pelbagai semester. Aktiviti ini bertujuan memberi ruang kepada peserta untuk menampilkan kreativiti dalam seni solekan, mengasah keyakinan diri, serta memperkukuhkan hubungan silaturahim dalam kalangan mahasiswa.

Dengan pelaksanaan yang teratur serta bimbingan dari Penasihat Persatuan, Encik Muhammad Akmal Asyraaf Adlan, acara bermula dengan sesi solekan oleh peserta, sesi catwalk, ucapan oleh Koordinator Prasiswazah BA117, pengumuman pemenang serta penyampaian hadiah. Sambutan yang menggalakkan daripada peserta dan penonton telah memeriahkan suasana sepanjang program ini dijalankan.

Sepanjang penganjuran, program ini mendapat maklum balas positif daripada peserta yang menyifatkan ia menyeronokkan, bermanfaat, dan memberi peluang untuk mempamerkan teknik solekan yang kreatif. Walaupun terdapat beberapa cadangan penambahbaikan dari segi peralatan teknikal dan penjadualan, secara keseluruhannya program telah mencapai matlamat utama iaitu mengasah bakat, memupuk kreativiti, serta memperkenalkan seni solekan sebagai satu bidang yang bernilai dalam industri kecantikan.

Pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Sopan Warisan** selaku penaja rasmi program ini. Sokongan dan sumbangan yang diberikan bukan sahaja membantu melancarkan perjalanan acara, malah menjadi pemangkin utama kepada kejayaan program ini. Dengan adanya kerjasama ini, program bukan sahaja mencapai objektifnya, tetapi turut memperlihatkan komitmen penaja dalam mendukung pembangunan bakat belia serta memperkasakan industri kecantikan di peringkat kampus.

Program ini telah berjaya mencapai matlamatnya dalam memberi pendedahan serta pengalaman berharga kepada para peserta. Diharapkan penganjuran seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan dengan penambahbaikan yang lebih baik agar memberi impak yang lebih besar kepada mahasiswa dan masyarakat kampus secara keseluruhan.





PROGRAM SARINGAN KANSER SERVIKS

Nazatul Syahira Hussein, Hajar Ahmedy, Madiha Badrol Kamar

Program Saringan Kanser Serviks telah dilaksanakan pada 9 Julai 2025 bertempat di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang. Program ini dijalankan melalui kerjasama strategik antara Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Unit Komunikasi Korporat serta Jabatan Kesihatan Negeri Johor . Program ini khusus ditawarkan kepada staf wanita UiTM dengan tujuan utama meningkatkan kesedaran dan penjagaan kesihatan reproduktif melalui kaedah saringan moden HPV DNA self-sampling yang terbukti mudah, tidak menyakitkan, dan berkesan.

Kanser serviks merupakan antara punca utama morbiditi dan mortaliti wanita di Malaysia serta di peringkat global. Walaupun ujian pap smear telah lama diperkenalkan, kadar penglibatan dalam kalangan wanita masih sederhana akibat faktor stigma, persepsi negatif terhadap prosedur, dan kekangan masa. Sehubungan itu, kaedah HPV DNA self-sampling diperkenalkan sebagai inovasi dalam saringan awal kerana ia lebih mesra pengguna dan mampu mengatasi halangan tradisional yang sering membataskan penyertaan. Justeru, inisiatif FPdP ini dilihat sebagai langkah proaktif dalam menyokong agenda kesihatan awam negara, di samping memperkukuhkan peranan institusi pendidikan tinggi sebagai rakan strategik kepada agensi kesihatan.

Program ini telah menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada staf wanita UiTM. Ini menunjukkan tahap kesedaran yang semakin meningkat terhadap kepentingan pengesanan awal penyakit. Kehadiran YBhg. Prof. Madya Dr. Saunah Zainon yang menjalankan fungsi Rektor UiTM Cawangan Johor, bersama En. Irwan Ismail iaitu Timbalan Rektor HEP, serta Dr. Siti Khadijah Alias selaku Penolong Rektor UiTM Kampus Pasir Gudang, turut memperlihatkan komitmen pemimpin terhadap kesejahteraan warga kampus.

Sambutan ini juga menunjukkan bahawa pendekatan kesihatan proaktif mampu membina komuniti kampus yang lebih sihat dan berdaya tahan. Program ini bukan sahaja berjaya meningkatkan literasi kesihatan reproduktif dalam kalangan peserta, malah turut menggalakkan pencegahan awal kanser serviks melalui pendekatan moden yang lebih mudah diterima. Ia juga menekankan pentingnya kolaborasi strategik antara institusi pendidikan dan agensi kesihatan awam, yang mampu dijadikan model bagi pelaksanaan program kesihatan di peringkat komuniti lain.

Inisiatif yang dijalankan ini telah menunjukkan kerjasama antara UiTM dan JKN Johor dalam menjayakan agenda kesihatan reproduktif. Penghargaan wajar diberikan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor atas kepakaran yang disalurkan serta pengurusan UiTM Cawangan Johor atas komitmen yang ditunjukkan dalam memperkukuhkan kesejahteraan komuniti kampus.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM *SCHOLARS2YOUTH 1.0: IGNITING MINDS WITH WISDOM*

Madiha Badrol Kamar, Nazatul Syahira Hussein, Hajar Ahmedy

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPDP), Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang

telah berjaya menganjurkan program *Scholars2Youth 1.0: Igniting Minds with Wisdom* pada 26 Ogos 2025. Program ini merupakan inisiatif pemindahan ilmu berteraskan tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti, khususnya sekolah angkat, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Seri Alam.

Antara matlamat program ini adalah:

- Memperkukuh hubungan strategik antara UiTM dan sekolah angkat melalui kolaborasi ilmu.
- Menyediakan platform pemindahan ilmu daripada pensyarah UiTM kepada pelajar sekolah dalam suasana interaktif dan menyeronokkan.

Aktiviti telah berlangsung seawal jam 8.30 pagi dengan ketibaan para peserta yang melibatkan seramai 36 orang pelajar, 4 orang guru pengiring, dan disertai oleh para pensyarah FPDP serta fasilitator UiTM. Antara pengisian program adalah:

- Sesi *Campus Tour*: Memberi peluang kepada peserta meneroka persekitaran kampus UiTM Pasir Gudang.
- Sesi *Speed Reading* (PTDI): Latihan membaca pantas untuk meningkatkan kemahiran literasi pelajar.
- Sesi *Basic Economic*: Pendedahan asas konsep ekonomi dan pengurusan kewangan peribadi melalui ceramah interaktif.

Program ini menampilkan Puan Nurul Fahana Aini binti Harun, Pensyarah Kanan bidang Ekonomi yang menaikkan semangat para pelajar berkenaan ekonomi Malaysia. Selepas itu, sesi *Speed Reading* pula telah dibawakan oleh Cik Nor Azelea binti Mohd Azahar, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Tun Dr. Ismail.

Pelaksanaan Scholars2Youth 1.0 telah berjaya memberi pendedahan berharga kepada pelajar sekolah mengenai dunia akademik dan kerjaya. Peserta bukan sahaja menerima ilmu, malah turut terlibat dalam aktiviti interaktif yang mengasah pemikiran kritikal, kemahiran komunikasi, serta keyakinan diri.

Program Scholars2Youth 1.0 merupakan satu usaha murni Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Johor dalam memperkasa komuniti melalui pemindahan ilmu. Kejayaan penganjuran ini menjadi landasan untuk program seumpamanya terus dilaksanakan pada masa hadapan demi melahirkan generasi muda yang lebih berdaya saing dan berwawasan.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TRANSPORT & TOURISM INNOVATION EXHIBITION

Muhammad Akmal Asyraaf Adlan, Madiha Badrol Kamar,
Razieman Mohd Yusoff

Pada 16 hingga 17 Jun 2025, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dari Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan *BICC2025*, yang turut menampilkan pameran *Transport and Tourism Innovation Exhibition*. Sepuluh kumpulan pelajar BA117 semester lima mewakili daerah dalam Johor mengetengahkan idea pengangkutan pelancongan yang kreatif dan lestari. Pameran ini menjadi platform kepada pelajar untuk mengasah daya cipta, komunikasi, dan kefahaman kemapanan, membuktikan bahawa pendidikan tinggi mampu melahirkan solusi praktikal dan berwawasan untuk industri pelancongan yang semakin kompleks selain berorientasikan masa depan.

Setiap kumpulan tampil dengan idea pengangkutan yang unik dan futuristik, yang direka khas untuk meningkatkan pengalaman pelancongan domestik. Antara inovasi yang dipersembahkan adalah hover pod elektrik, belon udara panas berkuasa solar, sehinggalah kepada sistem tram pintar tanpa pemandu serta bot pelancongan berkaca yang menggunakan tenaga solar. Penilaian telah dibuat secara hybrid yang menggabungkan undian awam sebanyak 50 peratus dan penilaian pakar sebanyak 50 peratus. Lebih 360 undi berjaya direkodkan dalam tempoh enam jam, menunjukkan penglibatan komuniti yang amat tinggi selain sokongan terhadap kreativiti pelajar.

Kumpulan Kluang telah muncul sebagai juara keseluruhan menerusi projek Hover Pods yang ringkas, efisien dan sesuai untuk pelancongan bandar. Beberapa kumpulan lain turut menerima pengiktirafan khas, antaranya Tangkak (AwanX) sebagai idea paling inovatif, Pontian (AquaLuxe) untuk promosi pelancongan paling berimpak, dan Batu Pahat (Classic Wheels) bagi potensi komersialisasi terbaik.

Kulai menarik perhatian dengan booth bertema budaya Cina, manakala Johor Bahru diiktiraf melalui rekaan poster paling profesional.

Pameran ini bukan sahaja menguji kreativiti pelajar, tetapi juga keupayaan mereka untuk menyampaikan idea secara strategik dan berimpak. Ia menjadi cerminan kepada pendekatan pendidikan yang menyeluruh, menggabungkan teori, aplikasi, dan nilai kemasyarakatan. Pelajar bukan sekadar membentangkan konsep, tetapi turut membina model perniagaan, menyusun strategi pemasaran, dan mempertahankan idea mereka di hadapan khalayak umum serta panel penilai.

Sebagai penganjur, kami melihat pameran ini sebagai satu titik tolak kepada pembentukan budaya akademik yang lebih progresif dan berorientasikan impak sebenar. Ia membuka ruang kepada pelajar untuk berfikir secara kritikal, berani mencabar norma, dan menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan secara beretika dan lestari. Kejayaan pameran ini juga membuktikan bahawa apabila diberi ruang dan kepercayaan, pelajar mampu menghasilkan sesuatu yang luar biasa.











e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

INOVASI PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH MESRA DERIA DAN ADAPTASI KEMAHIRAN MOTOR UNTUK KANAK-KANAK AUTISME DAN MURID BERKEPERLUAN KHAS

Che' Khalilah Mahmood, Wan Nor Hafidzah Wan Mohd

Kanak-kanak autisme, Murid Berkeperluan Khas, dan mereka yang menghadapi cabaran kemahiran motor sering mengalami kesukaran dengan pakaian seragam sekolah tradisional yang boleh mencetuskan ketidakselesaan deria dan menyukarkan proses pemakaian. Projek ini membangunkan pakaian seragam sekolah mesra deria dan mengadaptasi kemahiran motor golongan ini dengan ciri-ciri inovatif seperti fabrik hipoalergenik, reka bentuk tanpa jahitan, label tanpa tag, dan pengikat velcro bagi memudahkan pemakaian. Pakaian seragam ini bukan sahaja meningkatkan keselesaan tetapi juga menyokong tumpuan pembelajaran dan kemandirian kanak-kanak.

Menurut data Jabatan Kebajikan Masyarakat (2023), seramai 111,289 kanak-kanak OKU pembelajaran berumur 6-18 tahun di Malaysia adalah golongan sasar yang mempunyai keperluan penyelesaian khusus untuk mengurangkan tekanan deria dan motor yang dihadapi. Pakaian seragam sekolah sedia ada dengan jahitan kasar, tag, dan butang tradisional boleh menyebabkan gangguan tumpuan pembelajaran, tekanan emosi akibat ketidakselesaan fizikal, serta kesukaran memakai atau menanggalkan pakaian secara mandiri.


Ciri-Ciri Inovatif

Seragam ini menawarkan penyelesaian melalui penggunaan fabrik lembut dan bernafas yang bebas bahan alergen. Reka bentuk tanpa jahitan (seamless) dan label menghindari geseran pada kulit, manakala pengikat velcro atau magnet serta tali pinggang elastik memudahkan pemakaian. Tambahan pula, saku berpemberat atau lapisan mampatan disediakan untuk memberikan input proprioseptif yang menenangkan deria kanak-kanak.

Impak Projek

Dari aspek sosial, seragam ini dapat meningkatkan penglibatan akademik dan interaksi sosial kanak-kanak kerana mereka mungkin lebih selesa dan kurang terganggu. Dari segi ekonomi pula, ia membuka pasaran baharu dalam industri tekstil inklusif. Sementara itu, penggunaan bahan mampan dan tahan lama menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

Projek inovasi pakaian seragam sekolah mesra deria dan adaptasi kemahiran motor ini bukan sekadar menyelesaikan masalah fizikal kanak-kanak istimewa, tetapi turut membuka dimensi baharu dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif. Dengan kejayaan meraih Anugerah Perak di International Business and Management Virtual Innovation & Invention of Ideas Competition (VIIIC 2024, inisiatif ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada lebih banyak penyelesaian kreatif bagi memenuhi keperluan komuniti OKU, sekaligus menyumbang ke arah pembangunan sosial yang lebih saksama dan mampan di Malaysia.




e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ULASAN BUKU : "COMPASSION IN THE COURT"

Rudza Hanim Mohamed Anuar, Nazihah Omar, Khairunnisa Rahman

"Compassion In The Court" merupakan hasil penulisan seorang hakim bernama Frank Caprio. Buku ini diterbitkan sekitar Februari 2025 dan mempunyai 256 muka surat. Pada awalnya, buku ini mengisahkan latar belakang keluarga Frank yang berketurunan Itali. Mereka telah berimigrasi ke Amerika Syarikat dan menetap di sebuah perkampungan imigran yang terpencil di Rhode Island. Datuknya yang mempunyai ramai anak bekerja sebagai buruh kasar. Kemiskinan ini telah diwarisi oleh bapa Frank yang merupakan penjual susu dari rumah ke rumah. Frank menyatakan keadaan hidup mereka amat dhaif dan serba kekurangan itu bukan sahaja telah memberi banyak pengajaran, bahkan membuat mereka lebih memahami erti kebahagiaan sebenar. Kemiskinanan yang mereka hadapi inilah menyebabkan beliau dapat merasa masakan ibunya setiap hari kerana tidak mampu membeli makanan di luar. Tup, bapa kepada Frank mendidik anak-anaknya agar sentiasa merendah diri, memaafkan dan sentiasa memberi kebaikan kepada orang lain terutamanya para imigran yang sering berlakunya diskriminasi terhadap golongan ini. Keadaan ini berterusan sehinggalah suatu hari, bapanya meletakkan tangannya ke atas bahu Frank sambil menyatakan yang suatu hari nanti Frank bakal menjadi seorang peguam. Bapanya percaya bahawa profesion ini dapat membantu ramai orang susah serta menyebarkan manfaat kepada orang lain. Sejak dari detik itu, Frank telah berusaha mengejar cita-citanya. Pernah pengajiannya terhenti kerana tidak mempunyai wang untuk meneruskan pengajian. Ketika ini Frank mengambil keputusan untuk bekerja sebagai guru dan mengambil kelas undang undang di sebelah malam. Akhirnya Frank berjaya mengejar cita-citanya menjadi peguam dan akhirnya dilantik menjadi hakim.

Dalam bab seterusnya, buku ini banyak menceritakan tentang proses dan perjalanan kes-kes yang diadili oleh Frank. Pengalaman hidup yang telah Frank lalui telah membentuk beliau menjadi seorang sangat memahami kesusahan dan kepayahan orang lain. Bagi Frank, tiada sesiapa di dalam dunia ini mahu melakukan kesalahan kecuali mereka dalam keadaan terdesak dan akan mempunyai alasan tersendiri. Dalam kebanyakan kes yang dikendalikan oleh Frank, beliau banyak membatalkan saman yang dikenakan serta membantu tertuduh membayar saman mereka melalui sumbangan orang ramai. Frank melakukan kebaikan tanpa mengharapkan sebarang pujian dan pulangan. Kini segala kebaikan yang dilakukannya telah berjaya merubah banyak kehidupan di luar mahkamah. Ternyata, kebaikan akan dibalas dengan kebaikan tanpa kita sedari. Frank Caprio, seorang hakim yang banyak mengajar kita erti kebaikan, Maka bertepatanlah dengan gelaran yang diberi kepada beliau '*The America's Nicest Judge'*, memang selayaknya untuk beliau.



Sumber: *Google*

AIR TERJUN GUNUNG LEDANG

Siti Noorhaslina Abd Halim, Nur Hanisah Mohamad Razali, Muhammad Haris Naqiuddin Muda

Air Terjun Gunung Ledang merupakan salah satu destinasi alam semula jadi yang terkenal di negeri Johor, Malaysia. Terletak di kawasan Taman Negara Gunung Ledang, air terjun ini menjadi tarikan utama bagi pelancong tempatan mahupun antarabangsa yang ingin menikmati keindahan hutan hujan tropika serta kesegaran air semula jadi. Gunung Ledang sendiri mempunyai ketinggian 1,276 meter dari paras laut dan merupakan puncak tertinggi di Johor, menjadikan aliran sungai dan air terjunnya jernih, sejuk, serta sesuai untuk aktiviti riadah dan rekreasi.

Selain itu, Air Terjun Gunung Ledang terkenal dengan keindahan airnya yang mengalir melalui beberapa tingkat batuan semula jadi, membentuk kolam kecil yang sesuai untuk mandi-manda dan berkelah. Kawasan ini sering menjadi pilihan keluarga, pelajar, dan pencinta alam kerana suasananya yang tenang dan udara segar yang menyegarkan. Selain aktiviti rekreasi, kawasan ini juga mempunyai nilai ekopelancongan yang tinggi kerana dikelilingi flora dan fauna hutan hujan tropika yang kaya dengan biodiversiti.

Seterusnya, pengunjung berpeluang melihat pelbagai spesies tumbuhan herba, pokok besar yang berusia ratusan tahun, serta haiwan liar seperti burung, serangga, dan mamalia kecil. Hal ini menjadikan kawasan air terjun ini bukan sahaja sesuai untuk aktiviti rekreasi, tetapi juga sebagai lokasi penyelidikan dan pendidikan alam sekitar.

Terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan oleh pengunjung di kawasan Air Terjun Gunung Ledang, antaranya:

- Mandi-manda dan berkelah di kawasan jeram dan kolam air semula jadi.
- Aktiviti merentas hutan untuk menikmati flora dan fauna.
- Fotografi kerana panorama air terjun dan kehijauan hutan yang memukau.
- Pendakian Gunung Ledang, di mana kawasan air terjun sering dijadikan hentian awal sebelum meneruskan perjalanan ke puncak.

Kawasan ini juga menyediakan kemudahan seperti tapak perkhemahan, rumah pernaginan, tandas, dan pondok rehat yang memudahkan pengunjung untuk merancang aktiviti sama ada secara harian atau bermalam.

Secara keseluruhannya, Air Terjun Gunung Ledang bukan sekadar lokasi rekreasi, tetapi merupakan khazanah alam yang menggabungkan keindahan semula jadi, kepelbagaian biodiversiti, nilai sejarah, dan budaya. Keunikan inilah yang menjadikan Air Terjun Gunung Ledang sebagai salah satu destinasi pelancongan penting di Malaysia, sekali gus mengangkat Johor sebagai negeri yang kaya dengan produk ekopelancongan dan warisan budaya.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BATIK CANTING

Siti Noorhaslina Abd Halim, Ainol Mardhiyah Rahmat, Nur Rifhan A Rahim

Batik canting merupakan salah satu produk seni tekstil yang mendapat perhatian tinggi dalam kalangan pelancong di Malaysia. Keunikan proses penghasilannya yang masih mengekalkan teknik tradisional menggunakan canting dan lilin menjadikan setiap helaian batik mempunyai nilai eksklusif serta keistimewaan yang sukar ditandingi. Setiap corak yang dihasilkan bukan sahaja memaparkan kreativiti dan daya seni masyarakat tempatan, malah turut mencerminkan falsafah kehidupan, nilai budaya dan keindahan alam semula jadi yang diterjemahkan melalui motif flora, fauna, abstrak serta bentuk geometri. Perpaduan antara teknik tradisional dengan sentuhan moden dalam rekaan batik canting menjadikannya lebih segar, kontemporari dan sesuai dengan cita rasa pelbagai lapisan masyarakat, termasuk pelancong antarabangsa.

Dari perspektif pelancongan, batik canting bukan sekadar berfungsi sebagai pakaian harian atau formal, tetapi turut diangkat sebagai barangan cenderamata yang eksklusif, unik dan mempunyai nilai sentimental yang tinggi. Pelancong yang membeli batik canting sebenarnya memperoleh lebih daripada sekadar sehelai kain; mereka membawa pulang sebahagian daripada keindahan seni, budaya dan identiti Malaysia. Hal ini bukan sahaja meningkatkan nilai komersial batik di pasaran tempatan dan antarabangsa, tetapi turut berperanan sebagai medium promosi budaya Melayu yang halus dan beridentiti. Minat pelancong terhadap batik canting juga memberi impak positif kepada perkembangan industri batik tempatan. Permintaan yang semakin meningkat telah membuka peluang kepada pengusaha batik, khususnya usahawan kecil dan sederhana, untuk terus berkarya serta memperluaskan pasaran.

Seterusnya, perkembangan ini mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, penciptaan peluang pekerjaan dan memperkukuh lagi kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan budaya yang unik. Di peringkat global, batik canting yang dipromosikan melalui festival seni, pameran tekstil, serta platform pelancongan antarabangsa berpotensi menjadi simbol identiti budaya Malaysia yang dihargai. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa batik canting bukan sahaja sekadar produk tekstil tradisional, tetapi merupakan satu bentuk warisan seni yang berfungsi sebagai jambatan antara masyarakat tempatan dengan pelancong antarabangsa. Keistimewaan dan nilai budaya yang terkandung dalam batik canting menjadikannya sebagai elemen penting dalam mempromosikan pelancongan budaya Malaysia, di samping memastikan kelangsungan dan kelestarian seni tradisional ini terus terpelihara untuk generasi akan datang.









e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BULI MENJADI LALI : FENOMENA SOSIAL YANG MEMBIMBANGKAN

Sharmin Baba, Muhammad Fahmi Md Ramzan

Fenomena buli bukanlah perkara baharu dalam masyarakat kita. Ia berlaku pada hampir semua peringkat umur sama ada di sekolah, universiti, tempat kerja malah dalam media sosial sekalipun. Buli boleh didefinisikan sebagai perlkakuan agresif secara berulang ulang dengan tujuan mendominasi atau menyakiti individu lain, sama ada secara fizikal, lisan, atau melalui medium digital (Olweus, 1993).

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, lebih daripada 14,000 kes buli telah dilaporkan di sekolah antara tahun 2012 hingga 2015 (UNICEF, 2019). Manakala hampir 16.2% pelajar menengah di Malaysia pernah menjadi mangsa buli. (National Health and Morbidity Survey , 2017). Walau bagaimanapun, apa yang lebih membimbangkan adalah apabila masyarakat mula lali terhadap isu ini sehingga menganggapnya sekadar gurauan atau adat. Fenomena ini memberi ancaman baru di mana perlakuan buli ini semakil dinormalisasikan sehingga menutup ruang untuk mangsa mendapatkan keadilan.

Antara punca buli menjadi lali termasuklah disebabkan persepsi salah sesetengah masyarakat yang menganggap buli adalah sebahagian proses membina ketahanan diri. Selain itu, faktor sikap acuh tak acuh dalam memerangi gejala buli oleh segelintir ibu bapa, guru atau rakan sebaya juga antara puncanya. Tambahan lagi, paparan di media sosial yang seolah-olah menggambarkan buli sebagai hiburan juga menjadi penyumbang gelaja ini semakin berleluasa.

Dalam konteks Islam, perbuatan buli termasuk dalam perbuatan zalim yang jelas ditegah Syarak. Islam sangat menekankan prinsip ukhuwah dan kasih sayang. Allah melarang perbuatan menyakiti, mengejek dan merendahkan orang lain, sepertimana ditegaskan di dalam al-Quran, ayat ke-11 surah al-Hujurat.

Dalam konteks hadis, Rasulullah SAW bersabda, “Seorang Muslim ialah mereka yang membuatkan Muslim yang lain selamat daripada kejahatan lidah dan tangannya.”(HR. al-Bukhari). Hadis ini menuntut supaya meninggalkan perbuatan menyakiti umat Islam dengan lidah, tangan mahupun apa jua yang menyakitkan. Ini menunjukkan bahawa setiap Muslim dilarang sama sekali menyakiti orang lain sama ada dengan kata-kata (buli lisan) mahupun perbuatan (buli fizikal).

Oleh itu, sudah tiba masanya isu buli tidak boleh lagi dipandang enteng dan perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Selain ibu bapa, pihak kerajaan khususnya institusi pendidikan perlulah memainkan peranan penting dalam mencegah budaya buli daripada terus berkembang dan menjadi barah di dalam masyarakat kita. Langkah yang boleh diambil termasuk menerapkan kesedaran tentang kesan buli di peringkat awal persekolahan. Seterusnya, tindakan disiplin yang jelas dan tegas harus dikenakan terhadap pembuli di samping khidmat kaunseling kepada mereka yang menjadi mangsa buli. Akhir sekali, sekolah atau universiti haruslah mewujudkan budaya anti-buli atau persekitaran yang menolak sebarang bentuk kegiatan buli.

Kesimpulannya, “Buli jadi lali” seolah olah memberi isyarat jelas yang menunjukkan gejala ini semakin dinormalisasi dan akhirnya menjadi barah bahaya buat masyarakat umum. Maka itu, sudah tiba masanya kita menolak buli dalam apa jua bentuk sekalipun dan bersama samalah membina masyarakat yang bukan sahaja cerdas dan pintar, tetapi juga penuh adab sopan dan saling hormat menghormati.



Sumber: https://balancemartialarts.com

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

DARI VLOG KE HASHTAG: INSPIRASI MERAKAM PENGEMBARAAN ANDA

Ainol Mardhiyah Rahmat, Nur Rifhan A Rahim, Muhammad Haris Naqiuddin Muda

Setiap perjalanan membawa cerita, setiap langkah menyimpan memori. Sama ada mengembara jauh ke benua asing, melancong bersama rakan ke bandar bersejarah, atau sekadar bercuti singkat ke destinasi tempatan. Pengalaman yang dirasai tidak ternilai harganya. Namun, kenangan itu akan lebih bermakna apabila dapat diabadikan dan dikongsi semula, bukan sahaja untuk tatapan orang lain, tetapi juga untuk diri sendiri pada masa hadapan.

Kini, cara mendokumentasikan perjalanan semakin pelbagai dan kreatif. Ada yang memilih untuk merakam *vlog* harian, ada yang membina album foto digital, malah ada juga yang mencipta *hashtag* unik sebagai jejak perjalanan mereka. Dunia digital memberi ruang tanpa batas untuk anda menghidupkan kembali memori pengembaraan dengan cara yang paling sesuai dengan gaya hidup anda. Artikel ini akan membawa anda meneroka inspirasi – dari *vlog* hingga *hashtag*, tentang bagaimana cara paling menarik, ringkas, dan unik untuk merakam kisah pengembaraan anda.

Mulakan Video Log *(Vlog)*

Jika menulis bukan perkara anda, mungkin alternatif kepada blog adalah *vlog*. Ini tidak semestinya bermaksud anda perlu membeli peralatan mahal atau setiap hari bercerita panjang tentang apa yang anda lakukan. Terdapat banyak cara kreatif untuk memulakan *vlog*. Anda boleh gunakan iPhone dan menggunakan aplikasi Capcut. Dengan merakam dan menyunting video durasi kurang dari 15 saat, anda boleh dapatkan memori terbaik sepanjang menjalankan aktiviti tertentu.

Cipta Akaun Instagram Khas untuk Percutian

Bila bercuti, kita bukan sahaja mengutip pengalaman baharu, tetapi juga memori indah yang ingin dikenang semula. Salah satu cara paling mudah dan moden untuk menyimpan kenangan perjalanan ialah dengan mencipta akaun Instagram khas. Ia ibarat diari digital yang tersusun rapi, mudah diakses, dan penuh warna-warni cerita pengembaraan anda.

Berbeza dengan akaun utama yang bercampur aduk dengan hal peribadi, akaun khas percutian ini membolehkan anda menyusun gambar mengikut destinasi atau tarikh perjalanan. Setiap posting boleh disertakan kapsyen ringkas sebagai catatan memori, sementara *hashtag* unik menjadikannya lebih mudah dicari semula.

Selain itu, fungsi Instagram Story dan Highlight memberi ruang untuk anda menyimpan detik-detik kecil seperti makanan tempatan, suasana jalanan, atau pengalaman rawak yang mungkin lebih bermakna daripada gambar 'wajib' destinasi popular.

Simpan di *PhotoBook*

Jika *Vlog* dan media sosial bukan minat anda, pertimbangkan untuk membuat *photobook* pada setiap akhir perjalanan. Dokumen perjalanan dengan hanya memilih foto dan menghantarnya ke dalam perkhidmatan seperti *Photobook* Malaysia, dan *voila*, kerja selesai untuk anda!

Setiap perjalanan ada kisahnya, dan setiap kisah layak untuk diabadikan. Sama ada melalui *vlog*, gambar, atau sekadar *hashtag*, cara yang anda pilih akan menjadi jambatan untuk menghidupkan semula memori indah pada masa hadapan.

ENCORE MELAKA

Siti Noorhaslina Abd Halim, Faten Elina Kamaruddin, Hafizzuddin Dato' Md Dali

Encore Melaka merupakan sebuah teater moden berskala besar yang terletak di Kota Melaka, salah satu destinasi pelancongan utama di Malaysia. Dibuka pada tahun 2018, Encore Melaka menjadi ikon seni persembahan yang unik kerana menampilkan gabungan teknologi canggih, pentas berputar 360 darjah, sistem pencahayaan moden, serta naratif budaya dan sejarah tempatan. Keunikan ini menjadikan Encore Melaka bukan sekadar pusat hiburan, tetapi juga sebagai produk pelancongan budaya yang mampu menarik perhatian pelancong domestik dan antarabangsa.

Selain itu, Encore Melaka menonjolkan konsep teater budaya yang menceritakan sejarah, tradisi, serta keunikan masyarakat Melaka melalui persembahan dramatik, tarian, muzik, dan penceritaan visual.

Antara daya tarikannya termasuk:

- Pentas berputar 360 darjah – salah satu yang pertama di Asia Tenggara, memberi pengalaman tontonan imersif kepada penonton.
- Gabungan teknologi moden dan tradisi – kesan visual, cahaya, serta sistem bunyi canggih dipadukan dengan kisah warisan Melaka.
- Persembahan berskala besar – melibatkan ratusan penari, pelakon, dan pemuzik yang membawa naratif sejarah dan budaya secara dramatik.
- Kisah rakyat dan warisan budaya – menampilkan elemen legenda, adat masyarakat, kepelbagaian etnik, serta nilai harmoni yang menjadi identiti negeri Melaka.

Justeru, Encore Melaka bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium pendidikan budaya yang menyampaikan kisah warisan kepada generasi muda dan pelancong asing.

Seterusnya, Encore Melaka berperanan penting dalam memperkukuh kedudukan Melaka sebagai destinasi pelancongan budaya dunia. Beberapa sumbangan utamanya termasuk:

1. Memperkayakan produk pelancongan Melaka – Selain tarikan bersejarah seperti bangunan kolonial dan tapak warisan dunia UNESCO, Encore Melaka menambah dimensi baharu dalam bentuk seni persembahan moden.
2. Menarik pelancong antarabangsa – Pelancong asing tertarik kerana gabungan persembahan kontemporari dan tradisional, sekaligus memperluas pengalaman mereka di Melaka.
3. Menjana ekonomi tempatan – Kehadiran Encore Melaka membantu menggerakkan sektor perhotelan, restoran, pengangkutan dan perusahaan kecil melalui peningkatan jumlah pelancong.
4. Memartabatkan seni persembahan tempatan – Memberi ruang kepada artis, penari, dan pemuzik tempatan untuk mempersembahkan bakat mereka di pentas bertaraf dunia.

Kesimpulannya, Encore Melaka dari sudut pelancongan dapat dianggap sebagai produk pelancongan budaya moden yang melengkapi identiti Melaka sebagai negeri bersejarah. Dengan gabungan teknologi teater berkelas dunia dan naratif budaya yang kaya, ia bukan sahaja menghiburkan penonton, tetapi turut mendidik serta mempromosikan warisan tempatan kepada masyarakat global. Sekiranya diurus dengan baik, Encore Melaka mampu menjadi ikon pelancongan budaya yang melambangkan keunikan Malaysia di peringkat antarabangsa.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

GENERASI BAHARU: ANTARA KEBEBASAN BEKERJA DAN JERAT SKIM PIRAMID

Siti Farrah Shahwir, Norlina M. Ali

Jika dilihat kini landskap pekerjaan sedang mengalami perubahan besar. Dahulu, dengan jawatan tetap dan menerima gaji bulanan dilihat sebagai simbol kestabilan, hari ini semakin ramai anak muda memilih jalan yang lebih bebas. Mereka tidak lagi mahu "terikat" dengan pejabat, waktu kerja yang panjang, atau arahan ketua yang dirasakan mengekang kebebasan.

Media sosial kini muncul sebagai platform baharu untuk menjana pendapatan. Ramai generasi muda beralih menjadi peniaga dalam talian, pencipta kandungan (content creator), malah ada yang menjadikan diri mereka sebagai "jenama peribadi" demi meraih pengikut dan pendapatan. Fenomena ini mencerminkan perubahan cara berfikir generasi baharu dimana kerjaya masakini mesti fleksibel, berasaskan minat, dan memperolehi kebebasan.

Di sebalik corak kerjaya masa kini, wujud cabaran besar iaitu penularan skim piramid yang disebarkan melalui media sosial. Skim sebegini biasanya hadir dengan janji lumayan pulangan berganda dalam masa singkat, kehidupan mewah dengan kereta import, rumah besar, dan kebebasan kewangan tanpa perlu "bekerja keras" seperti orang lain.

Di Malaysia, kita pernah melihat bagaimana skim seperti *Pak Man Telo* pada tahun 1980-an menjerat ribuan mangsa. Hari ini, modus operandi yang sama dihidupkan kembali melalui platform digital. Malah, ada yang menyamarkan skim ini sebagai "pelaburan kripto", "jualan langsung digital", atau "peluang bisnes ejen premium". Testimoni bergambar dengan wang tunai dan barangan mewah sengaja dipaparkan untuk menarik perhatian anak muda yang sedang mencari jalan pintas.

Contohnya, beberapa tahun lalu, pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap beberapa kumpulan yang mempromosikan skim piramid dengan menggunakan selebriti media sosial sebagai “umpan”. Mereka mendakwa mampu menjana RM10,000 sebulan hanya dengan membuat siaran langsung di TikTok atau Instagram, sedangkan hakikatnya keuntungan datang daripada yuran pendaftaran dan wang peserta baharu bukannya hasil jualan sebenar.

Hakikatnya, media sosial memang boleh menjadi sumber rezeki sah. Ramai usahawan muda berjaya menjual produk tempatan melalui Shopee, TikTok Shop, atau Instagram. Ada juga pencipta kandungan kreatif yang memperoleh pendapatan stabil melalui penajaan dan iklan. Bezanya, mereka berjaya kerana membina jenama dengan usaha, konsisten menghasilkan kandungan, dan menyesuaikan diri dengan kehendak pasaran.

Malangnya, ramai yang lebih tertarik dengan jalan pintas yakni menjadi sebahagian dari skim piramid yang hanya bergantung pada penajaan orang baharu. Kesannya, apabila skim runtuh, bukan sahaja pendapatan hilang, malah reputasi diri turut tercalar. Jika anak muda benar-benar mahu bebas, mereka harus faham bahawa kebebasan itu datang daripada ilmu, usaha gigih, dan kesabaran. Dunia digital membuka banyak peluang, tetapi hanya mereka yang bijak menilai akan berjaya memanfaatkannya.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

GIG WORK: FLEXIBILITY TODAY, SECURITY TOMORROW?

Nazihah Omar, Ferri Nasrul, Rudza Hanim Mohamed Anuar

In recent years, the gig economy has grown rapidly, creating flexible employment opportunities in industries such as ride-hailing, food delivery, digital freelancing, and creative services. Gig work has become a popular source of income for many people, especially younger generations who value autonomy and the ability to balance multiple commitments. However, it remains unclear whether gig work is a sustainable long-term career path.

One of the key challenges faced by gig workers is the lack of job security and employment benefits. Unlike traditional employees, they often operate without health insurance, retirement savings, or structured career progression. As a result, the future of gig work as a primary career is uncertain, especially in an increasingly volatile global economy. Furthermore, advancements in automation and artificial intelligence may gradually reduce demand for certain gig-based roles, especially those involving routine tasks.

Despite these concerns, gig work is unlikely to disappear. Instead, it will continue to evolve. Many workers are already shifting towards more specialized, knowledge-based freelance opportunities, such as digital marketing, software development, and data analytics. These fields allow for skill development, higher income potential, and greater professional recognition compared to traditional platform-based gigs.

Moving forward, alternatives to traditional gig work include transitioning to portfolio careers, in which individuals combine freelance projects with part-time employment or entrepreneurial ventures. Another promising path is the creator economy, which allows workers to monetize their content, expertise, and communities through digital platforms. Moreover, governments and organizations are beginning to explore policies that provide social protections for gig workers, potentially improving the attractiveness of such careers.

In conclusion, while gig work may lack lifetime security, Malaysia's policy reforms, along with workers' upskilling initiatives, could establish the sector as a viable and dynamic career option.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

HOW TO AVOID “GET RICH QUICK" SCHEMES

Suhaidi elias @Alias & Noriah Ismail

“Get rich quick” scams, which typically take the form of Ponzi schemes or outright frauds or false investment opportunities, offer high returns with little or no effort. In truth they are often dependent on new investors even more than profits, leaving most people at a loss. Avoiding these traps is key to ensuring the safety of your hard-earned money. Here’s how you can recognize these schemes and stay away from them:

1. Do Your Research

• **Verify legitimacy:** Always be wary of the company or individual behind the investment. Look up reviews, complaints, or news stories. See if they are registered with your country’s financial regulators.

• **Speak to a pro:** Before you make any big money moves, have a conversation with a trusted financial adviser or professional.

2. Don’t Rely on Social Media or Word of Mouth

• **Remain sceptical:** Just because an offer gets a lot of attention on social media or comes as a personal recommendation from a friend does not make it safe. These channels are rife with scammers. Scammers often use these channels to build trust quickly.

• **Verify independently:** If an influencer or friend — is peddling a deal, do your own research. A personal endorsement does not mean that the company is credible.

3. Check for Regulatory Compliance

• **Verify registration:** Make sure it is registered with the appropriate financial regulator. Always verify that any investment opportunity is registered with the ***Securities Commission Malaysia (SC)*** or **Bank Negara Malaysia (BNM)** to ensure it is legitimate and regulated.

.

4. Avoid High-Pressure Tactics

• **Take your time:** Scammers often try to rush you through the process. The real investment opportunity isn't going to care if you take a few days to think it through.

• **Ask questions:** If anyone is trying to push you to act now, that is a red flag. Take a step back and consult a professional.

5. Understand the Risks

• There is no such thing as a risk-free investment: Watch out for anyone who promises "guaranteed returns". Investing in every case involves risk and a possible loss of principal.

• **Do not invest what you cannot afford to lose:** Avoid putting money into an investment if you need it for basics like rent, bills, or emergency savings.

Final Thoughts

Ultimately, avoiding "get rich quick" scams requires knowledge, critical thinking, and financial prudence. Scammers thrive on urgency and unrealistic promises. By doing your homework, asking the right questions, and seeking out professionals, you'll be far better equipped to protect your funds and make smarter, safer investments.

References

Securities Commission Malaysia. (2025, May 17). *Understanding the level of vulnerability towards investment scams and readiness for retirement planning*. Retrieved from https://theedgemalaysia.com/node/712072

Jensen, R. I. T., Gerlings, J., & Ferwerda, J. (2024). Do awareness campaigns reduce financial fraud? *European Journal on Criminal Policy and Research*, **30**(3), 375–397.

Securities Commission Malaysia. (2025, May 17). *Understanding the level of vulnerability towards investment scams and readiness for retirement planning*. Retrieved from https://theedgemalaysia.com/node/712072

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

"HOW TO STOP WORRYING AND START LIVING" Dale Carnagie (ISBN 978-967-369-192-0)

Khairunnisa Binti Rahman & Yuslizawati Binti Mohd Yusoff

Buku yang ditulis oleh Dale Carnegie ini mengajak pembaca untuk mengatasi atau menghindari diri dari perasaan bimbang. Perasaan bimbang adalah satu perkara yang biasa dialami oleh setiap individu, tetapi bagaimana cara kita mengatasi kebimbangan itu perlu diterokai supaya ianya tidak menjadi satu halangan untuk kita terus maju ke hadapan. Sedikit perkongsian dan tips dari buku tersebut boleh dijadikan panduan untuk kita mengatasi kebimbangan.

Hidup untuk hari ini sahaja

Penulis mengajak pembaca untuk fokus kepada tanggungjawab yang perlu dilaksanakan pada hari ini sahaja bukan dibebani dengan masalah atau kesilapan yang dilakukan pada masa lalu atau kebimbanan pada masa depan yang belum pasti. Hari ini adalah hari yang kita miliki. Terbelenggu dengan kesilapan masa lalu tidak akan dapat membantu dan risau tentang perkara yang belum berlaku dan tentang masa depan yang kita tidak dapat kawal sepenuhnya. Gunakan masa yang kita ada sekarang sebaiknya, nikmati kehidupan dan selesaikan apa yang kita boleh kawal pada hari ini.

Analisis masalah kebimbangan

Tiga langkah yang dicadangkan iaitu apakah situasi terburuk yang mungkin terjadi? Langkah ini mengajak kita berfikir secara rasional dan objektif kerana ada kalanya ianya adalah tidak seburuk yang kita bayangkan. Langkah kedua adalah bersedia menerima situasi terburuk itu sekiranya perlu situasi ini adalah untuk kita bersedia untuk menghadapi apa jua keadaan yang akan berlaku, bila kita telah bersedia dari segi emosi fikiran kita akan lebih stabil dan lebih tenang menghadapi situasi tersebut langkah terakhir adalah berusaha memperbaiki situasi terburuk itu dengan tenang. Setelah menerima kemungkinan terburuk yang mungkin berlaku kita boleh merancang tindakan yang perlu diambil untuk mengatasi situasi tersebut secara

berperingkat. Dengan emosi yang terurus dapat membantu kita mencari jalan keluar dengan lebih rasional dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

Kenal pasti kesan kebimbangan kepada kita

Penulis mengajak kita menyedari kesan kebimbangan kepada fizikal dan mental kita. Kebimbangan yang berpanjangan bukan sahaja mengganggu ketenangan kita malahan ianya boleh menjadi pembunuh dalam senyap yang akan melemahkan keupayaan hidup kita secara perlahan-lahan. Fikiran yang asyik memikirkan perkara yang tidak berlaku akan mengakibatkan otak menjadi letih, mengganggu keupayaan untuk fokus dan bertindak secara rasional. Tekanan yang berpanjangan akan menjejaskan sistem imun badan dan kita akan lebih mudah terkena penyakit.

Cara menganalisis dan menyelesaikan kebimbangan

Untuk mengatasi kebimbangan dengan berkesan, Dale Carnegie mencadangkan empat langkah mudah tetapi praktikal. Pertama, kenal pasti dengan jelas apa sebenarnya yang dibimbangkan. Kedua, senaraikan semua tindakan yang boleh diambil untuk menangani masalah tersebut. Ketiga, buat keputusan yang paling sesuai berdasarkan pilihan yang ada. Akhir sekali, laksanakan keputusan dengan mengikuti langkah-langkah ini, dengan cara ini kita boleh mengurus kebimbangan secara rasional dan mengembalikan ketenangan fikiran.

Cara hilangkan kebimbangan daripada minda kita

Dengan memfokus dan menjalankan aktiviti lain yang membantu kita untuk melupakan perkara-perkara yang membimbangkan kita. Mengalih perhatian kepada perkara lain bukan bermaksud kita lari dari masalah, tetapi untuk mengurus fikiran agar tidak fokus kepada kebimbangan atau keresahan yang tidak perlu.

Kesimpulannya, kita harus sedar kebimbangan bukan hanya sekadar gangguan emosi tetapi ianya akan mengganggu keseluruhan hidup kita. Hiduplah dengan gembira d jangan biarkan kebimbangan merampas hidup anda.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

Inovasi Dalam Pengajaran: Teknik Praktikal Untuk Bilik Kuliah Abad Ke-21

Khairunnisa Binti Rahman, Yuslizawati Binti Mohd Yusoff

Sebagai pendidik adalah amat perlu untuk memastikan teknik pengajaran yang kreatif bagi menarik minat para pelajar untuk kekal fokus di dalam proses pembelajaran di dalam kelas. Kreativiti dalam kaedah pengajaran amatlah dituntut di mana para pendidik boleh mengadaptasi pelbagai teknik inovatif di dalam sesi pengajaran di bilik kuliah. Perubahan teknologi, media digital serta perubahan sosial yang pesat telah mengubah lanskap pembelajaran masa kini yang lebih berorentasikan kepada pendekatan visual, pantas, fleksibel dan interaktif.

Berikut beberapa teknik pengajaran yang praktikal boleh di adaptasi bagi menyuntik kreativiti dalam pengajaran:

Flipped classroom

Pelajar didedahkan dengan kandungan pengajaran sebelum mengikuti kuliah seperti video dan bahan digital. Seterusnya, sesi perkuliahan diisi dengan perbincangan secara interaktif dan juga diiringi dengan aktiviti penyelesaian masalah. Kaedah ini secara tidak langsung menyerapkan fungsi pensyarah kepada fasilitator yang lebih fokus membimbing pelajar. Dengan ini, pelajar dapat menikmati kelas atau kuliah secara aktif kerana telah mempunyai pengetahuan awal.

Gamifikasi

Gamifikasi adalah satu kaedah pengajaran yang berasaskan permainan dalam talian di mana teknik permainan sambil pelajar dilaksanakan dan ianya mampu menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan menyeronokkan. Ianya dapat mempegnaruhi minat pelajar untuk mengikuti pengajaran dalam talian. Irma et. al. (2021). Antara yang popular adalah menggunakan Kahoot untuk melaksanakan kuiz, Padlet, Mentimeter dan Jamboard .

Projek *Based Learning*

Teknik di mana pelajar perlu menyelesaikan tugasan berdasarkan isu at situasi sebenar yang berlaku seperti menyelesaikan kajian kes masalah dala komuniti. Pelajar diberi peluang untuk merekabentuk program atau kempen kesedaran, mencipta produk digital seperti video atau modul untuk menyelesaikan isu atau masalah tersebut.

Pengajaran Secara Visual

Pelajar dilibatkan dengan pembelajaran secara visual seperti menggunakan video pendek dan animasi. Infografik juga digunakan untuk menerangkan sesuatu topik yang kompleks dalam bentuk yang ringkas dan berstruktur. Penggunaan peta minda juga dapat memberi penjelasan yang lebih kreatif di samping mampu menghubungkan idea. Secara tidak langsung, kaedah ini dapat meningkatkan daya tumpuan pelajar serta lebih lama mengingati fakta dan maklumat. Selain itu, pelajar dapat meningkatkan kreativiti serta pemikiran kritikal masing-masing.

Inovasi dalam pengajaran bukan sahaja untuk menarik perhatian dan penglibatan pelajar, tetapi merupakan satu langkah untuk membina budaya pendidikan yang relevan dengan perubahan semasa.

Rujukan:

Irma Mahad , Zamri Mahamod & Nurul Azira Sapian. 2021. Kaedah Pengajaran Dalam Talian Guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan di Kawasan Bandar Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Jurnal Dunia Pendidikan e-ISSN: 2682-826X | Vol. 3, No. 3, 381-394, 2021 http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jd.

Kitikedizah, K. B. H., & Lubis, M. A**.** (n.d.). *Kepentingan gamifikasi dalam ngajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam*. Jemaah Nazir Cawangan Miri & Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan dan Profesional, Universiti Kebangsaan Malaysia.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KERIS MELAYU: ANTARA MEMPERTAHANKAN WARISAN ATAU WANG RINGGIT

Dr. Mazida Ismail, Mohd Hafifi Paudi

Di alam kebijaksaan buatan ini, tidak ramai lagi yang mengambil berat tentang keris asli melayu yang semakin pupus. Kebanyakan keris ini dihasilkan oleh golongan berumur yang menetap di kawasan-kawasan kampung.

Antara faktor utama kepupusan kraftangan asli Melayu adalah kerana adanya lambakan keris yang diimport dari negara jiran seperti Indonesia dan Thailand yang lebih murah dari buatan tempatan. Ianya menjadi pilihan pembeli yang mementingkan harga berbanding dengan kualiti dan keaslian keris itu sendiri. Harga keris melayu asli tinggi kerana sumber yang bahan mentah seperti kayu dan besi yang terhad dan sukar didapati menyebabkan sebilangan tukang terpaksa mendapatkan bahan mentah diluar lokaliti mereka. Disamping itu, ketiadaan pewaris untuk menyambung seni pembuatan kraftangan melayu dikalangan generasi muda menyebabkan usaha menyambung legasi warisan melayu ini semakin sukar.

Kepupusan keris melayu asli yang menjadi lambang kegagahan dan perjuangan bangsa Melayu, bukanlah isu enteng yang boleh diabaikan. Walaupun kekuatan sesuatu bangsa tidak diukur melalui alat, namun keris Melayu asli adalah simbol jatidiri bangsa Melayu yang perlu dipertahankan. Janganlah kita sanggup menggadaikan warisan bangsa demi mengejar wang ringgit agar warisan ini tidak hilang di dunia.



Sumber gambar: Koleksi peribadi

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KLINIK PERGIGIAN KERAJAAN KINI LAIN MACAM

Zurina Omar, Farizah Mamat@Mohd Nor, Nor Diana Abd Rahman

Tanggapan negatif terhadap klinik pergigian kerajaan sudah tidak relevan pada masa kini. Pengalaman saya mendapatkan rawatan baru-baru ini menunjukkan peningkatan ketara dalam hampir semua aspek perkhidmatan.

Pertama sekali, sistem temu janji melalui MySejahtera amat memudahkan – tidak perlu lagi datang awal pagi dan menunggu nombor giliran berjam-jam. Segalanya lebih tersusun dan terancang, menjimatkan masa pesakit. Setibanya di klinik, saya teruja apabila melihat ruang menunggu yang bersih, selesa, berhawa dingin dan lengkap dengan tempat duduk yang mencukupi. Malah, paparan maklumat kesihatan di skrin turut membantu meningkatkan kesedaran penjagaan gigi dalam kalangan masyarakat.

Dari sudut layanan, doktor dan jururawat bukan sahaja peramah dan mesra, tetapi bersikap profesional, sabar menjawab pertanyaan, serta sentiasa memberi penerangan jelas tentang prosedur dan penjagaan selepas rawatan. Ini membuatkan pesakit rasa lebih yakin dan dihargai. Peralatan rawatan yang digunakan juga moden dan memenuhi piawaian semasa. Malah ada klinik kerajaan yang kini menawarkan perkhidmatan radiografi, tampalan estetik berwarna gigi, serta khidmat nasihat pemakanan secara percuma.

Justeru, masyarakat tidak seharusnya memandang rendah terhadap perkhidmatan pergigian kerajaan. Dengan kemudahan yang semakin baik, masa menunggu yang semakin singkat, dan tenaga kerja yang berdedikasi, peningkatan ini adalah satu langkah proaktif demi masa depan kesihatan oral rakyat Malaysia yang lebih cemerlang.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MEMBELI-BELAH LEBIH MUDAH: LOTUS'S TARIK HATI PELANGGAN DENGAN PERKHIDMATAN DIGITAL

Norlina M. Ali, Siti Farrah Shahwir

Cara rakyat Malaysia membeli-belah kini semakin berubah seiring dengan perkembangan teknologi. Jika dahulu kebanyakan pelanggan lebih selesa berkunjung ke pasar raya, kini mereka semakin cenderung menggunakan aplikasi dan laman web untuk mendapatkan barangan harian. Fenomena ini selaras dengan trend global "Move to Services" yang menekankan peralihan fokus daripada penawaran produk kepada penyediaan perkhidmatan yang menawarkan kemudahan lebih signifikan kepada pelanggan.

Sebagai salah satu rangkaian pasar raya terbesar di Malaysia, Lotus's mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan aplikasi dan laman web rasmi mereka. Melalui platform ini, pelanggan boleh membeli barangan dapur, produk isi rumah, makanan dan pelbagai keperluan lain dengan hanya beberapa klik. Perkhidmatan Click & Collect membolehkan pelanggan memilih sama ada penghantaran terus ke rumah atau pengambilan sendiri di cawangan terdekat sekali gus memberi kebebasan mengikut keselesaan masing-masing. Kemudahan ini sangat membantu pelanggan di bandar besar yang sering berdepan kesesakan lalu lintas dan jadual harian yang padat.

Bagi golongan profesional, ibu bapa muda dan pelajar universiti, membeli-belah secara digital melalui Lotus's jelas memberikan kelebihan tersendiri. Mereka tidak perlu lagi meluangkan masa berjam-jam di pasaraya untuk membeli barangan keperluan. Aplikasi ini juga menyediakan fungsi senarai belian berulang yang memudahkan pesanan bulanan. Dengan cara ini, pengalaman membeli-belah menjadi lebih cepat, mudah dan praktikal.

Selain menjimatkan masa, aplikasi Lotus's turut menampilkan pelbagai promosi digital seperti baucar, potongan harga eksklusif serta ganjaran mata kesetiaan yang meningkatkan nilai pembelian dalam talian berbanding pembelian fizikal. Walaupun begitu terdapat juga pelanggan yang masih memilih untuk berbelanja di pasaraya khususnya bagi barangan segar seperti ikan, sayur dan buah-buahan. Mereka merasakan pengalaman melihat, menyentuh dan menilai sendiri kualiti produk masih belum dapat digantikan dengan pembelian secara digital.

Perubahan tingkah laku pelanggan ini memberi mesej jelas kepada peruncit bahawa perkhidmatan yang baik sama pentingnya dengan produk yang ditawarkan. Lotus's perlu terus melabur dalam teknologi aplikasi bagi menambah baik sistem penghantaran dan memperluaskan liputan perkhidmatan ke kawasan luar bandar. Pada masa yang sama, aspek perkhidmatan pelanggan juga harus diberi perhatian serius kerana pengalaman membeli yang efisien dan mesra pelanggan mampu menjadi indikator kesetiaan yang lebih dominan berbanding faktor harga.

Trend peralihan pelanggan ke arah perkhidmatan digital menunjukkan bahawa mereka semakin rasional dalam membuat keputusan pembelian. Fokus kini bukan sahaja tertumpu kepada harga rendah tetapi juga kepada pengalaman membeli-belah yang menekankan aspek kemudahan, kepantasan dan kebolehpercayaan. Dengan gabungan produk berkualiti dan perkhidmatan digital yang berkesan, Lotus's berada pada landasan strategik untuk mengekalkan kedudukannya sebagai pilihan utama rakyat Malaysia. Pada akhirnya, nilai tambah yang dirasai pelanggan menjadi penentu samaada penjimatan masa, promosi yang kompetitif, atau pengalaman membeli-belah yang lebih menyeronokkan.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MITOS ATAU REALITI: RAHSIA 'GLASS SKIN' DARI KOREA

Norlina M. Ali, Haslenda Yusof, Nor Fauziah Abu Bakar

Istilah *glass skin* atau kulit kaca semakin menjadi idaman ramai pencinta kecantikan di Malaysia. Fenomena ini semakin popular melalui gelombang *K-Beauty* yang menguasai pasaran global sejak beberapa tahun lalu. Kulit licin, cerah, tanpa cela dan bersinar seperti kaca sering dikaitkan dengan produk penjagaan kulit dari Korea. Namun persoalannya, adakah benar hanya produk Korea sahaja yang mampu memberikan kesan sebegitu, atau itu sekadar gimik pemasaran industri kecantikan Korea Selatan?.

Produk Korea memang terkenal dengan teknologi canggih dan rutin penjagaan berlapis. Rutin penjagaan kulit 10 langkah (*10-step skincare routine*) yang menggabungkan pencuci, toner, essence, serum, pelembap, hingga ke pelindung matahari menjadi rujukan ramai. Jenama seperti Beauty of Joseon, Anua, Medicube dan COSRX pula aktif memasarkan formula berasaskan bahan aktif seperti hyaluronic acid, snail mucin dan niacinamide yang diyakini mampu membantu kulit kekal sihat dan lembap. Tidak hairan ramai pengguna percaya Korea memiliki "rahsia" kulit yang sempurna.

Namun begitu, ramai pakar dermatologi berpendapat istilah glass skin lebih kepada gimik atau strategi pemasaran. Menurut mereka, tiada satu produk ajaib yang mampu menghasilkan kulit bersinar seakan kaca dalam sekelip mata. Hasil sebenar datang daripada rutin penjagaan yang konsisten, pemakanan sihat, serta faktor genetik dan persekitaran. Produk Korea mungkin membantu kerana formulanya memberi kelembapan intensif dan perlindungan kulit tetapi ia bukan satu-satunya cara untuk mendapatkan kulit idaman.

Bagaimana pula dengan produk tempatan? Di Malaysia, jenama seperti Tanamera, Nurish Organiq, SimplySiti dan Alha Alfa semakin mendapat tempat. Produk ini dirumus khas untuk kulit Asia dengan menggunakan bahan mesra kulit seperti habbatus sauda, ekstrak bunga raya dan vitamin C. Lebih menarik lagi, ia serasi dengan iklim tropika yang panas dan lembap berbeza daripada iklim di Korea. Walaupun tidak menonjolkan istilah glass skin, ramai pengguna mengakui kulit mereka lebih sihat, cerah dan terhidrat selepas menggunakan produk tempatan secara konsisten.

Perbezaan utama antara produk Korea dan tempatan sebenarnya terletak pada cara pemasaran itu sendiri. *K-Beauty* gemar mencipta istilah tular seperti glass skin, honey skin atau *'chok-chok'* untuk menarik perhatian pengguna. Sebaliknya, produk tempatan lebih menekankan faktor halal, keselamatan serta kesesuaian dengan kulit Asia Tenggara. Hakikatnya, kedua-dua pilihan ini boleh menghasilkan kesan setara apabila digandingkan dengan rutin penjagaan kulit yang konsisten.

Kesimpulannya, tidak tepat jika mengatakan hanya produk Korea mampu memberikan kulit kaca. Produk tempatan juga boleh memberikan kesan yang hampir sama malah berpotensi lebih sesuai dengan iklim di Malaysia. Kunci kejayaan bukan hanya pada jenama produk semata-mata tetapi pada kesabaran dan konsistensi dalam rutin penjagaan kulit. Akhir kata, glass skin hanyalah simbol aspirasi kecantikan. Pemilihan antara produk Korea dan tempatan bukan faktor penentu, asalkan pengguna mengamalkan gaya hidup sihat, memakai pelindung matahari secara teratur serta menggunakan produk yang serasi dengan kulit.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

"SELF-CHECKOUT" DI AEON BIG: PELABURAN BIJAK ATAU BEBANAN KOS

Norlina M. Ali, Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak, Nafisah Jamingan @ Amin

Penggunaan teknologi digital dalam sektor peruncitan semakin berkembang pesat dan antara inovasi yang sering diperkenalkan oleh peruncit ialah sistem pembayaran layan diri atau lebih dikenali sebagai *"self-checkout".* Di Malaysia, AEON BiG telah melaksanakan sistem ini di beberapa cawangan dengan tujuan meningkatkan kecekapan operasi serta memberikan pengalaman membeli-belah yang lebih efisien dan pantas kepada pelanggan. Walau bagaimanapun, timbul persoalan sama ada pelaburan ini memberi impak positif atau sebaliknya menimbulkan implikasi negatif dari sudut kos dan penerimaan pelanggan terhadap sistem ini.

Dari perspektif pelanggan, sistem *self-checkout* menawarkan beberapa kelebihan yang ketara. Antaranya ialah penjimatan masa, khususnya pada waktu puncak apabila barisan di kaunter tradisional menjadi panjang. Sistem ini membolehkan pelanggan mengimbas barangan dan membuat pembayaran sendiri menggunakan kad debit, kad kredit atau e-dompet tanpa perlu menunggu dilayan oleh juruwang. Situasi ini bukan sahaja memberikan lebih kawalan kepada pelanggan malah memberi nilai tambah dari segi kemudahan dan kepantasan.

Bagi pihak peruncit, pelaksanaan sistem *self-checkout* boleh dilihat sebagai strategi untuk mengurangkan kos operasi jangka panjang. Kebergantungan terhadap tenaga kerja di kaunter pembayaran dapat diminimumkan dan sekaligus mengurangkan kos pembayaran gaji kepada pekerja. Pada masa yang sama, penerapan teknologi moden ini dapat mengukuhkan imej jenama sebagai organisasi yang progresif dan bersedia berdaya saing dalam landskap peruncitan digital.

Namun demikian, terdapat beberapa cabaran utama yang perlu diberi perhatian. Kos pemasangan mesin layan diri adalah tinggi, di samping memerlukan penyelenggaraan berkala yang boleh menambah beban kewangan. Selain itu, peruncit juga berdepan risiko kerugian akibat kecurian secara kecilan atau ketidakjujuran pelanggan yang gagal mengimbas semua barangan. Isu ini sering dirujuk sebagai “shrinkage” dalam literatur peruncitan. Jika isu ini tidak ditangani dengan baik, ia boleh menjejaskan margin keuntungan peruncit pada masa akan datang.

Selain faktor kos dan risiko, penerimaan pelanggan terhadap sistem *self-checkou*t masih berada pada peringkat awal. Walaupun golongan muda dan celik teknologi lebih cenderung menggunakannya terdapat segmen pelanggan yang lebih selesa menggunakan kaunter tradisional khususnya warga emas dan mereka yang kurang mahir teknologi. Justeru itu, pelaburan AEON BiG terhadap sistem ini hanya dianggap signifikan sekiranya pelaksanaan seiring dengan kewujudan kaunter tradisional agar keperluan serta tahap keselesaan semua segmen pelanggan dapat dipenuhi.

Dalam konteks tenaga kerja, wujud kebimbangan bahawa sistem *self-checkout* berpotensi mengurangkan peluang pekerjaan dalam sektor peruncitan. Walaupun pekerja masih diperlukan bagi memantau penggunaan mesin, membantu pelanggan dan menguruskan operasi, namun persepsi bahawa teknologi menggantikan manusia boleh menimbulkan isu sosial yang menjejaskan imej peruncit. Oleh itu, AEON BiG perlu menguruskan transformasi ini dengan lebih dinamik melalui pendekatan komunikasi yang jelas kepada pekerja dan pelanggan.

Kesimpulannya, pelaksanaan sistem *self-checkout* di AEON BiG mempunyai potensi sebagai pelaburan strategik jangka panjang khususnya dalam meningkatkan kecekapan operasi dan memantapkan pengalaman pelanggan. Jika dilaksanakan dengan teliti, sistem ini berupaya memberikan kelebihan daya saing kepada AEON BiG dalam era peruncitan moden.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SIAP SEDIA PELAJAR PRAKTIKAL

Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen

Latihan industri merupakan satu keperluan untuk pelajar universiti sebelum graduasi. Kebiasaannya, latihan praktikal berlangsung selama tiga bulan sehingga setahun. Dalam tempoh tersebut pelajar akan mengaplikasi ilmu teori yang dipelajari semasa pengajian di universiti. Selain itu, pelajar juga dapat menimba teknik-teknik terkini yang dipraktis di industri melalui latihan praktikal. Secara tidak langsung, pelajar mempunyai ilmu teori dan pengalaman kerja dalam bidang pengajian. Kepentingan dan kelebihan latihan praktikal tidak dapat disangkal lagi, namun demikian kebanyakan pelajar yang menjalani latihan praktikal berasa tertekan kerana tidak dapat mengadaptasi dengan persekitaran kerja dan juga dengan tuntutan kerja semasa latihan praktikal.

Pelajar yang akan menjalani latihan praktikal perlu membuat persiapan mental dan emosi untuk lebih cekal bagi mengharungi tempoh latihan praktikal. Berikut adalah persediaan yang perlu dibuat oleh pelajar yang akan menjalani latihan praktikal.

Pertama pelajar perlu melengkapkan diri mereka dengan segala ilmu yang perlu digunakan untuk membuat tugasan di organisasi semasa latihan praktikal. Pelajar perlu membuat ulangkaji dan juga mengemaskini pengetahuan mengenai teknologi atau aplikasi perisian yang diperlukan untuk membuat sesuatu tugasan.

Kedua pelajar perlu bersikap proaktif di organisasi latihan praktikal. Pelajar perlu tunjukan usaha untuk membuat tugasan dengan berbincang ataupun menunjukkan beberapa opsyen contoh tugasan supaya penyelia di tempat praktikal dapat membuat keputusan dengan cepat serta dapat memberi maklum balas kepada pelatih praktikal.

Seterusnya sekiranya pelatih praktikal berdepan dengan penyelia atau persekitaran kerja yang toksik. Jangan mengalah atau berdiam diri sehingga mengalami tekanan mental dan emosi. Segera dapatkan bantuan dengan menghubungi penyelia praktikal di universiti. Pelajar boleh berbincang serta berkongsi mengenai perasaan mahupun tugasan praktikal yang membebankan. Sudah pasti penyelia praktikal akan mendengar dari pihak pelajar dan juga mendengar dari pihak organisasi latihan praktikal juga. Lazimnya, penyelia praktikal di universiti akan mencadangkan langkah terbaik untuk berdepan dan menguruskan diri di organisasi latihan praktikal.

Sebagai pelajar praktikal, anda perlu ingat organisasi mengharapkan anda berdikari dan menyumbang kepada institusi tersebut dan bukannya menjadikan organisasi mereka sebagai institusi pendidikan formal seperti di universiti. Pelajar praktikal akan menimba pengalaman bekerja dan seterusnya secara tidak langsung mengemaskini ilmu praktikal dan teknik terkini dalam bidang kerja yang dipelopori.

Pada masa yang sama pelajar perlu tahu hak sebagai pelajar praktikal dan menggunakan cara berhemah untuk berdiskusi atau menggunakan saluran yang betul untuk menyuarakan pendapat ataupun ketidakpuasan hati di tempat latihan praktik. Jangan sesekali berkongsi mengenai tugasan mahupun ketidakpuasan hati di tempat kerja praktikal di media sosial. Ini boleh mengundang bahaya sehingga terjadi kes saman di antara pihak organisasi dan pelajar.

Pelajar perlu berjiwa cekal dan bersedia untuk mengharungi cabaran di organisasi latihan praktik. Pengalaman di latihan praktikal akan memberi gambaran realiti alam kerjaya di masa kelak. Oleh yang demikian, pelajar praktikal perlu membuat persiapan diri bukan sahaja dari segi ilmu tetapi juga secara mental dan emosi supaya dapat menguruskan diri dengan baik di organisasi.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SISI LAIN PERJALANAN: FAKTA YANG JARANG DIDENGAR

Ainol Mardhiyah Rahmat, Siti Noorhaslina Abd Halim, Nur Hanisah Mohd Razali

Ramai yang membayangkan perjalanan penuh dengan gambar indah, senyuman puas dan destinasi memukau. Namun di sebalik semua itu, ada sisi lain yang jarang dikongsi. Realiti kecil yang hanya diketahui apabila anda sendiri melaluinya. Dari cabaran yang tidak terduga hinggalah detik lucu yang tidak masuk akal, inilah pengalaman yang menjadikan setiap pengembaraan lebih bermakna dan autentik.

Dalam setiap perjalanan, terselit rahsia yang tidak pernah dikhabarkan sesiapa. Kejutannya hadir dengan indah, mengubah cara kita berfikir, memperluas pandangan, dan membuatkan kita lebih menghargai keindahan kecil yang sering kita abaikan. Mari kita susuri rahsia perjalanan yang jarang didengari.

1. Tidak semua destinasi membuat kita jatuh cinta

Tidak setiap tempat yang dikunjungi akan menawan hati. Ada yang indah pada pandangan pertama, ada juga yang meninggalkan rasa hambar. Namun, begitulah perjalanan, ia mengajar kita menghargai setiap langkah, walau tidak sempurna. Kerana di sebalik rasa kurang suka, tetap ada pelajaran berharga tentang dunia dan tentang diri kita sendiri.

2. Melihat dunia dengan mata berbeza

Semakin jauh langkahmu, semakin luas pengertianmu. Budaya, landskap, dan cara hidup yang berbeza akan membuka jendela baharu. Perjalanan mengubah cara kita melihat dunia dan membuat kita lebih menghargai hal kecil dalam kehidupan seharian, malah kadang-kadang menyedarkan kita pada perkara yang dulu tidak pernah kita fikirkan.

3. Hati tertinggal di persinggahan

Setiap perjalanan meninggalkan jejak, sedikit dari diri kita tertinggal di persinggahan sementara, dan sedikit dari tempat itu kita bawa pulang. Kadang hanya seminggu, namun cukup untuk membuat kita rasa seperti pulang ke rumah kedua. Bila kembali, kenangan dan rindu itu membuatkan hati seakan hilang sebahagiannya kerana ia telah pun tertinggal di bumi asing yang pernah kita jejaki.

Pengembaraan bukan sekadar tentang destinasi, tetapi tentang jejak yang kita tinggalkan dan pelajaran yang kita bawa pulang. Setiap langkah membuka mata, setiap detik mengisi jiwa. Akhirnya, bukan hanya gambar yang kita simpan, tetapi rasa, kenangan, dan sedikit dari hati kita yang tertinggal di setiap persinggahan.

SUARA PELANGGAN: ANTARA TULAR, ULASAN DAN BORANG ADUAN

Nazihah binti Omar, Ferri bin Nasrul, Rudza Hanim Mohamed Anuar

Situasi 1: Anda ke sebuah restoran bersama keluarga, selesai makan anda ke kaunter untuk membayar bil. Proses pembayaran lancar, juruwang hulurkan resit tanpa ucapkan 'terima kasih'. Anda toleh ke kiri, kanan dan belakang, tiada pelanggan lain di kaunter, hanya anda seorang sahaja. Dalam hati anda-alamak, bil tadi RMXXX, kot!

Situasi 2: Anda datang cuma untuk 'bungkus' tapi setelah 30 minit, pesanan anda masih belum siap. Anda perasan pelanggan-pelanggan yang tiba lewat daripada anda (dine-in) sedang makan! Sedangkan anda masih lagi menunggu dan terus menunggu. Anda bingung, kenapa mereka dapat pesanan dulu, bukankah mereka tak perlu basuh pinggan mangkuk, lap meja sebab anda cuma nak bungkus sahaja.

Situasi 3: Juga datang untuk 'bungkus' tetapi kali ini pelayan beritahu anda, "tak boleh bungkus kak, nanti orang yang datang makan (dine-in) tak dapat." Anda bingung pada mulanya, tapi selepas itu, anda terus angkat kaki sambil dalam hati-memang takkan jejak lagi kedai ni!

Situasi 4: Anda berbelanja di kedai X. Apabila di kaunter, juruwang megimbas barang-barang anda tapi anda berasa pelik, mengapa juruwang itu tidak masukkan barang anda ke dalam beg yang anda bawa? Oh, rupanya anda bawa beg kedai Y, jadi andalah yang perlu masukkan barang-barang sendiri!

Pasti anda pernah berada dalam situasi-situasi di atas, bukan? Apakah tindakan anda selepas itu?Dalam dunia digital hari ini, anda mempunyai pelbagai pilihan saluran untuk menyatakan ketidakpuasan anda terhadap sesuatu perkhidmatan:

1. Tular

Buat kandungan dan kongsikan di platform seperti TikTok, Facebook atau X. Kandungan tular biasanya bersifat emosi, mengejutkan atau sensasi dan boleh memberi tekanan besar kepada organisasi secara serta-merta. Isu kecil boleh menjadi besar jika tidak ditangani dengan pantas dan bijak. Contohnya, video pelanggan marah di kaunter jadi trending di TikTok.

2. Ulasan (Review)

Medium terbuka sama ada Google Review atau media sosial yang mana pengguna boleh memberikan ulasan dan rating terhadap sesebuah perniagaan. Ia lebih kekal dan mudah diakses oleh pelanggan lain. Ulasan ini sangat mempengaruhi reputasi jangka panjang organisasi, terutamanya dalam menarik pelanggan baru. Misalnya, “juruwang kurang mesra, tak senyum langsung. 2 bintang.”

3. Borang Aduan Atas Talian

Saluran rasmi dan tertutup yang disediakan oleh organisasi bagi pelanggan menyampaikan aduan secara terus. Ia membolehkan organisasi menyiasat dan mengambil tindakan tanpa tekanan awam. Namun, jika aduan ini tidak diberi perhatian, ia berpotensi menjadi tular atau muncul dalam ulasan negatif. Contohnya, pelanggan isi borang di laman web atau aplikasi syarikat tentang mutu perkhidmatan

Kesimpulannya, setiap saluran tersebut mempunyai ciri dan kesan berbeza kepada organisasi. Walau apa pun kesannya, organisasi perlu bersedia menangani ketiga-tiganya dengan pendekatan yang pantas, telus dan berhemah. Jika anda mempunyai empati yang tinggi dan katakan anda di tempat pekerja tadi, mana satu pilihan anda?

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TEKANAN KERJA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Zanariah Abdul Rahman

Pernah berasa letih dan penat sehingga menganggu emosi semasa di tempat kerja, walaupun pada hari pertama bekerja? Ini mungkin petanda bahawa kesihatan mental kita sedang terjejas. Kesihatan mental bukan sekadar soal emosi, tetapi turut mempengaruhi cara kita berfikir, bertindak dan berinteraksi dengan orang lain terutamanya di tempat kerja. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2021), individu dengan kesihatan mental yang baik mampu mengurus tekanan, bekerja secara produktif dan memberi sumbangan positif kepada komuniti sekeliling.

Tekanan di tempat kerja boleh terjadi dalam pelbagai bentuk. Antara faktor yang sering menjadi pencetus tekanan adalah beban kerja berlebihan. Tugasan yang terlalu banyak sehingga pekerja tiada masa berehat akan menjejaskan prestasi dan emosi mereka. Pekerja yang sihat mentalnya akan lebih fokus dan menghasilkan kerja berkualiti. Selain itu,tiada keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi juga menjadi faktor penting kepada tekanan kerja. Kegagalan mengimbangi tugas dan tanggungjawab pada kerja dan keluarga akan mengakibatkan keletihan fizikal dan mental. Selain itu, konflik keluarga dan beban kewangan turut mengganggu fokus dan emosi seseorang. Budaya kerja yang terlalu menekan juga memburukkan keadaan. Begitu juga dengan suasana kerja yang tidak harmoni, dipenuhi ketegangan dan komunikasi yang lemah, boleh menjejaskan kesejahteraan emosi pekerja.

Bagaimana menanganinya? Pekerja perlu mengambil langkah proaktif bagi melindungi kesejahteraan diri. Pertama, penting untuk menetapkan sempadan antara kerja dan kehidupan peribadi. Ini termasuk mengurus masa dengan baik, berehat secukupnya, dan tidak membawa pulang tekanan kerja ke rumah.

Kedua, pekerja digalakkan berkongsi tekanan atau kebimbangan dengan rakan sekerja yang dipercayai, atau berbincang dengan penyelia jika tugasan dirasakan tidak seimbang. Dalam masa yang sama, majikan boleh menyediakan sokongan seperti perkhidmatan kaunseling, ceramah kesihatan mental, atau ruang rehat kondusif untuk membantu pekerja mengurus tekanan. Selain itu, majikan boleh memastikan beban kerja diagihkan secara adil, dengan jangkaan tugasan yang realistik.

Kesihatan mental di tempat kerja hanya dapat dijaga dengan kerjasama kedua-dua pihak. Apabila pekerja dan majikan saling memahami dan menyokong, suasana kerja menjadi lebih harmoni, sihat, dan produktif. Bak kata pepatah Melayu, “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”, beban kerja dan tekanan akan terasa lebih ringan apabila masing-masing memahami antara satu sama lain. Majikan yang prihatin terhadap kesejahteraan mental pekerja bukan sahaja melahirkan tenaga kerja cemerlang, tetapi juga membina budaya kerja yang mampan dan berdaya tahan. Kerja itu penting, tetapi kesihatan mental adalah asas kepada segala-galanya.

Rujukan:

World Health Organization. (2021). Mental health in the workplace. https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/mental-health-at-work

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TEKANAN KERJA DAN KESIHATAN MENTAL : MENGAPA REHAT BUKAN PILIHAN, TAPI KEPERLUAN

KHAIRUNNISA RAHMAN, YUSLIZAWATI MOHD YUSOFF, RUDZA HANIM MOHAMED ANUAR

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan kesihatan mental sebagai kemampuan individu untuk menikmati kehidupan dalam keadaan seimbang dan stabil antara aktiviti kehidupan dan usaha untuk mencapai daya tahan psikologi. Isu kesihatan mental dalam kalangan pekerja semakin mendapat perhatian dan mengikut laporan yang dilakukan pada tahun 2019 oleh AIA Vitality mendapati 51 peratus pekerja di Malaysia menghadapi tekanan akibat pekerjaan dan 53 peratus tidak mendapat rehat secukupnya iaitu tidur kurang dari tujuh jam sehari.

Kajian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati 29 peratus dari pekerja di Malaysia mengalami tekanan kerja. Namun begitu, dalam menghadapi tekanan ini, satu perkara penting sering dipandang ringan iaitu keperluan untuk mempunyai rehat yang berkualiti. Rehat bukan sahaja perlu tetapi ianya juga penting untuk menjaga kesihatan mental dan fizikal supaya sentiasa dalam keadaan baik.

Rehat yang berkualiti boleh diperolehi dengan tidur, baring atau berjalan ringan di mana ianya mampu merehatkan fizikal dari tekanan yang dihadapi. Manakala untuk merehatkan emosi pula boleh dengan berbual-bual bersama rakan, menulis jurnal atau bermeditasi atau berdoa.

Beberapa teknik boleh dilakukan di tempat kerja bagi mengurangkan tekanan disebabkan kesibukan tugas. Antaranya; melakukan teknik *pomodora* iaitu melakukan kerja selama 25 minit tanpa gangguan dan berhenti rehat seketika selama lima minit sebelum menyambung semula kerja yang dilakukan. Senaman ringan juga boleh dilakukan berselang satu atau dua jam setelah melakukan kerja dan reset minda boleh dilakukan dengan memejamkan mata selama satu atau dua minit dari skrin dan berjalan seketika ke tempat lain seperti ke pantri dan sebagainya. Anda juga boleh menyalakan detik bunyi (*alarm*) untuk berhenti sejenak bagi merehatkan minda.

Melakukan senaman ringan seperti '*brisk walk*', yoga, senaman pernafasan dan lain-lain dapat meningkatkan 'hormon *endorphin*' atau 'hormon gembira' dan dapat menurunkan paras kortisol, iaitu hormon utama yang dikaitkan dengan tekanan dan keresahan.

Dengan menetapkan masa 'bebas kerja' selepas waktu bekerja dapat memberi ruang rehat secukupnya. Contohnya, mempraktikkan untuk tidak menyemak email selepas waktu kerja; atau membaca maklumat di dalam ruang sembang pejabat. Selain itu, perlu mengelakkan diri dari memegang sebarang peralatan elektronik sebelum tidur untuk memberi peluang serta ruang otak berehat. Beberapa amalan harian juga boleh dilaksanakan sebelum tidur untuk mendapat rasa tenang dan rehat yang cukup, contohnya seperti membaca Al-Quran bagi yang beragama Islam. Selain itu, membaca buku ringan, mendengar muzik atau meletakkan wangian aromaterapi juga dapat membantu menenangkan minda.

Secara kesimpulannya, dengan rehat yang cukup dan berkualiti bukan sahaja membantu meredakan tekanan, malah mampu meningkatkan fokus, serta dapat mengembalikan kesegaran fizikal. Oleh itu, dengan mengambil masa sejenak, mampu memberikan tubuh badan ruang rehat dan dalam masa yang sama minda dapat kembali pulih dan fokus. Dengan itu, kerja-kerja di pejabat dapat diselesaikan dengan lebih tenang serta lebih produktif.

Rujukan

Alzahrin, A. (2022, August 16). Masalah kesihatan mental dalam kalangan pekerja Malaysia meningkat. *Berita Harian*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/987233/masalah-kesihatan-mental-dalam-kalangan-pekerja-malaysia-meningkat

Kawi, M. R. (2024, October 1). Tekanan tempat kerja: Lebih 40,000 kakitangan awam berisiko alami isu kesihatan psikologi. *Berita Harian*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10

World Health Organization. (2020). *Mental health and psychosocial considerations during the COVID-19 outbreak (WHO/2019-nCoV/MentalHealth/2020.1).* https://www.who.int/publications/i/item/WHO-2019-nCoV-MentalHealth-2020.1

Rosli, R. M. (2025, March 10). Kesihatan mental isu serius di Malaysia. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/berita/123456/kesihatan-mental-isu-serius-di-malaysia

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TIPS SUPAYA TIDAK HILANG SEMANGAT KEJAR IMPIAN

Ainol Mardhiyah Rahmat, Faten Elina Kamaruddin

Setiap orang ada impian dan matlamat hidup. Tapi realitinya, semangat tidak selalu konsisten. Kadang berapi, kadang malap. Halangan, rasa penat, atau kurang sokongan boleh buat kita rasa hampir putus asa. Sebab itu penting untuk tahu cara mudah kekal bermotivasi, supaya langkah kita tetap konsisten hingga sampai ke destinasi yang diimpikan. Berikut adalah 3 tips ringkas untuk kekal semangat!

1. Mulakan hari dengan betul

Ramai orang hilang semangat sebab tidak mulakan pagi dengan cara yang betul. Rahsia orang berjaya? Mereka ada rutin pagi yang buat mereka bersemangat hadapi hari. Bila anda ada amalan pagi yang menenangkan, ia beri tenaga baru dan rasa segar. Setiap pagi jadi peluang untuk *'reset*', buang fikiran semalam, dan melangkah yakin ke arah matlamat.

2. Perlahankan masa bila kurang semangat

Mood turun naik itu biasa, macam halangan kecil dalam perjalanan ke arah matlamat. Sebab itu penting ada *"plan*" bila semangat jatuh. Jangan panik bila rasa malas atau kurang motivasi, sebab minda kita berubah setiap hari. Tidak rasa bersemangat sekarang tidak bermakna semangat tu dah hilang.

Ambil masa untuk tarik nafas dalam, tenangkan diri, dan beri ruang rehat sekejap dari kejar target. Duduk bersama fikiran sendiri, cuba meditasi, atau manjakan diri dengan self-care. Ingat, jaga emosi dan pulihkan tenaga juga sebahagian daripada produktiviti, cara yang lembut tapi baik untuk jiwa.

3. **Susun langkah kecil**

Kalau panjat gunung, jangan risau pasal jarak jauh nak ditempuh. Fokus satu langkah demi satu langkah, ambil rehat sekejap bila penat, sampai akhirnya habis juga perjalanan. Sama juga dengan matlamat hidup, kalau tengok semuanya sekaligus, memang nampak menakutkan. Otak kita sebenarnya suka benda yang mudah. Jadi, pecahkan matlamat besar jadi langkah kecil yang boleh dibuat, barulah rasa ringan dan lebih senang hendak capai.

Kesimpulannya, kadang kita jatuh, kadang kita terhenti. Tapi selama kita terus melangkah, walau perlahan, kita tetap semakin dekat dengan impian.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

GEN Z AND THE NEW ERA OF SEARCH ENGINES

Hajar Ahmedy, Madiha Badrol Kamar, Nazatul Syahira Hussein

As a millennial who grew up Googling about everything out of curiosity, I discovered that Gen Z has made TikTok and Instagram their Go-To search engines and shopping habits. The nature of this particular phenomenon evoked mixed feelings of concern, and what fascinates me the most is how this behaviour could potentially reshape consumer decision-making patterns.

According to a Forbes report (2025), Instagram, YouTube, and TikTok have become the most highly ranked social media platforms for Gen Z users. The primary shift from search engines such as Google to social media platforms as primary sources of product discovery has influenced Gen Z users to rely more on peer recommendations, influencer reviews and algorithm content. This transformation not only redefines the way information is consumed but also stimulates impulse buying behaviour. Moreover, the integration of in-app shopping features like TikTok and Instagram enables a smooth transition from discovery to purchase.

At first, I was sceptical as this was a Western phenomenon. However, the recent trends indicate the same behaviour has begun in Asia too, particularly in Gen Z consumers. As I was stuck in the middle of the day trying to find the best nearest food for seafood, there it was, my nephew simply said to quote “Let me Tik Tok it”. To my amazement, we found ourselves a restaurant and enjoyed the meals thanks to the TikTok reviews. For my nephew, it was not just the other app. It was a trusted engine that could gather information, suggesting that technological advancement knows no boundaries. Intrigued by the growing attention, I decided to explore TikTok as an information-gathering tool and to my surprise, the experience proved to be highly effective.

TikTok was flooded with content from various creators, which made it easier for me to find information I could generally trust. What impressed me the most was the variety of topics available ranging from science, health and beauty to historical knowledge, news, corporate law, and even Quran recitations.

Furthermore, the TikTok algorithm plays a major role in driving such behaviour. Instead of typing keywords and browsing through endless results, users are often presented with relevant content based on their viewing patterns and interests. This level of personalization makes Tik Tok feel like a more intuitive search tool, where answers come in the form of short videos created by influencers, peers or even experts.

This dynamic and interactive nature highlights why TikTok is increasingly popular among Gen Z, as the app has become the first stop for discovering products, ideas, and solutions to everyday problems. In other words, TikTok is no longer just a space for socialising and entertainment; it is rewriting the rules of how information is searched, shared and trusted. As this trend deepens, it signals not just the shifting in platform preferences but a transformation in the way an entire generation learns, decides, and ultimately shapes the future of digital consumption.

References:

1. Digital Edge. (2024, November 25–December 1). *Geek Speak: Time to change the way we report the news to online communities*. **The Edge Malaysia Weekly**. Retrieved July 17, 2025, from *The Edge Malaysia* website
2. Koetsier, J. (2024, March 11). *Gen Z dumping Google for TikTok, Instagram as social search wins*. **Forbes**. Retrieved from the Forbes website

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PASCA COVID-19; PENGURUSAN KRISIS PENDIDIKAN MALAYSIA

Ruqaiyah Ab Rahim, Fairuz Ramli, Nurul Fahana Aini Harun

Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 menjadi krisis utama bagi sektor pendidikan. Tempoh dari 2020 hingga 2024 merupakan tempoh yang bergelora bagi sistem pendidikan Malaysia dengan memaksa peralihan mendadak kepada pembelajaran dalam talian. Institusi pendidikan di semua peringkat terpaksa ditutup, dan pengajaran bersemuka tradisional digantikan dengan Pengajaran Jarak Jauh Kecemasan (ERT). Walaupun ini memastikan kesinambungan pendidikan, ia juga mendedahkan kelemahan yang mendalam (NurHaiza & NurNaddia, 2020).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan institusi bertindak balas dengan melaksanakan strategi baharu, seperti fleksibiliti pedagogi dengan menyelaraskan semua kaedah penilaian bersesuaian dengan format atas talian, menyediakan sokongan pembelajaran atas talian dengan memberi latihan bersesuaian kepada para pendidik dan penglibatan media arus perdana seperti pelancaran DidikTVKPM, serta saluran youtube guru sebagai salah satu medium pembelajaran atas talian.

Strategi ini, walaupun sebahagian besarnya berkesan dalam mengekalkan pendidikan tetapi tetap terdedah kepada cabaran. Cabaran yang paling ketara ialah jurang digital. Walaupun laporan 2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa akses internet telah meningkat, jurang yang ketara kira-kira 15 peratus masih wujud antara penduduk bandar dan luar bandar. Sesetengah pelajar terpaksa mengambil kerja sambilan untuk membeli peranti, manakala yang lain tidak dapat hadir. Ini mewujudkan ketidaksamaan pendidikan yang mendalam, yang mana pelan krisis yang sepatutnya telah disediakan untuk menanganinya (Sarimah, 2021).

Kaur & Law (2025) menyebut penutupan sekolah secara tiba-tiba menyebabkan kehilangan pembelajaran yang ketara, terutamanya dalam mata pelajaran teras seperti Matematik, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Selain itu, pengasingan dan persekitaran pembelajaran yang tidak tersusun menyumbang kepada kemerosotan dalam kesejahteraan fizikal, mental dan emosi pelajar, dengan beberapa melaporkan peningkatan tekanan, kebimbangan dan kehilangan motivasi. Oleh itu, pengurusan krisis dalam konteks ini akan merangkumi bukan sahaja pelan pemulihan akademik tetapi juga sokongan psikososial yang komprehensif untuk pelajar dan guru.

Pengajaran yang diperoleh sepanjang tempoh 2020 hingga 2024 sangatlah berharga. Masa depan pendidikan Malaysia bergantung kepada pengurusan krisis yang proaktif dan komprehensif, yang melangkaui tindak balas yang reaktif. Antara bidang utama yang perlu menjadi fokus kerajaan adalah membina infrastruktur yang mapan, membangunkan model pembelajaran bersifat fleksibel, serta memperkukuhkan dasar pendidikan dan kepimpinan organisasi.

Rujukan:

1. NurHaiza Nordin & NurNaddia Nordin (2020). *Impact of Pandemic COVID-19 to The Online Learnings: Case of Higher Education Institutions in Malaysia*. Universal Journal of Educational Research. 8(12A): pg 7607-7615.
2. Sarimah Surianshah (2021). *Digital Divide in Education During COVID-19 Pandemic*. Jurnal Ekonomi Malaysia. 55(3): 103 - 112.
3. Harpaljit Kaur & Kyra Law (2025). *Exploring the Experiences and Challenges of Online Learning at a Private University in Malaysia*. International Journal of Management, Finance & Accounting. 6(1): 277 - 307)
4. Saiful Azlan Othman, Mohd Burhan Ibrahim, Mohamad Johdi Salleh & Suzana Suhailawaty Md Sidek (2024). *Taking Charge During Crisis: Problem-Solving & Decision-Making Strategies of School Leaders*. Jurnal Akuntabilitas Manajemen Pendidikan. 12(1): 16.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA KREATIF

AKU DATANG MENUNTUT ILMU, BUKAN UNTUK DIBULI

Sharmin Bin Baba

Bunyi loceng sekolah berdering, waktu rehat pun bermula. Murid murid pun berpusu-pusu keluar dari kelas, termasuklah aku. Namaku Farah, seorang pelajar tingkatan satu. Aku datang sekolah ini dengan tujuan yang satu, iaitu menuntut ilmu. Sebagai anak tunggal yang datang dari keluarga kurang berkemampuan, akulah satu satunya harapan ibu dan ayah. Kata ayah, *"Ilmu itu pelita hidup, nak. Hanya dengan ilmu, hidupmu akan berubah."* Kata kata itu lah yang aku genggam erat setiap hari.

Namun, tidak semua perkara di sekolah ini semanis niat dan harapanku. Sejak hari pertama, aku menjadi mangsa ejekan. Tubuhku yang kecil sering dijadikan bahan jenaka. Bajuku yang lusuh sering diperlekehkan. Ada yang menyembunyikan bukuku, ada juga yang menconteng meja dengan kata kata kesat. Di satu tahap, wang saku pemberian ayahku juga dicuri.

Pada awalnya, aku hanya diam. Aku fikir jika aku bersabar, mereka akan berhenti. Tetapi ternyata kesabaran itu ditafsirkan sebagai kelemahan oleh mereka. Saat itu, aku mula takut ke sekolah, pelajaranku juga merosot, dan senyumanku semakin hilang.

Di perhimpunan, pengetua sekolah memberi ceramah tentang buli. Katanya, *"Kajian yang dibuat oleh UNICEF Malaysia mendapati, satu daripada lima remaja di negara kita pernah menjadi mangsa buli. Buli boleh meragut keyakinan, masa depan, dan semangat belajar."* Kenyataan itu benar benar menghentak hatiku. Diriku tersedar, akulah salah seorang daripada angka itu. Tetapi aku tidak mahu terus berada di dalam kelompok itu kerana aku datang ke sekolah ini dengan tujuan menuntut ilmu ,bukan untuk dibuli.

.

Hari itu juga, aku memberanikan diri melangkah ke bilik kaunselor. Dengan suara bergetar menahan kepedihan yang aku alami, aku luahkan segalanya yang terpendam Alhamdulillah, guru kaunselor mendengar dengan penuh empati dan terus memberi semangat padaku. Beliau berkata, *"Aisyah, ilmu itu sebenarnya senjata. Jangan biarkan mereka meragut semangat belajarmu dan harapan kedua ayah bondamu. Kamu berhak untuk belajar dengan selamat di sekolah ini."*

Sejak dari itu, pihak sekolah mula mengambil tindakan. Kempen *Sekolah Bebas Buli* pun dilancarkan. Semua guru menjadi lebih cakna, rakan sekelas juga mula berani menegur bila nampak kejadian buli. Hari demi hari, aku pun mula merasa lebih selamat, lebih tenang.

Kejadian ini mengajar aku untuk bersuara. Di dalam kelas aku semakin tekun, kelab persatuan juga aku kembali aktif dan yang lebih penting lagi, aku tidak lagi tunduk pada perasaan takut. Aku yakin bahawa dengan ilmu, aku mampu mengubah hidupku dan mungkin, mengubah orang lain juga.

Kini, setiap kali aku melangkah ke sekolah, aku akan berbisik dalam hati, *"Aku datang menuntut ilmu, bukan untuk dibuli."*

BIJAK PANDAI BERPANTUN JENAKA

Farizah Binti Mamat @ Mohd Nor, Zurina Omar

Pergi ke pekan membeli jamu,
Tersilap pula terbeli bihun,
Ilmu dicari sepanjang waktu,
Jangan asyik tidur ditilam empuk tuan.

Kucing gemuk berlari – lari,
Kejar tikus tak dapat sampai kesudah,
Belajar rajin janganlah lari,
Ilmu berguna bila dah susah.

Makan durian ditepi titi,
Duri tajam tercucuk jari,
Berkata benar jangan menyakiti,
Nanti kawan cabut lari.

Pergi kesawah menanam padi,
Tersilap langkah terjun ke parit,
Jangan sombong tunjuk diri,
Ilmu tinggi biarlah legit.



https://aqlpeduli.or.id/2024/11/25/beril mu-haruskah-beradab/

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BEAUTY OF CHARCOAL ART

Muruga Chinniah , Palaniappan Shamala, Suguna A/P Olakanathan



Figure 1: Draw by Rheshvan Muruga

Charcoal is usually made from willow trees, but it can also come from vine or beech trees. To make it, small branches are burnt at a very high heat without air. Charcoal comes in many sizes. It can be thin, medium, thick, or extra thick. There are many ways to use charcoal to make art.

The types of pencils used for this art are vine charcoal, willow charcoal, and charcoal pencils. Vine Charcoal made by burning grape vines. It is very soft and makes light, gentle marks. Easy to erase. Artists use it for quick sketches. Willow charcoal is made from burning willow sticks. It is darker and a bit stronger than vine charcoal. It makes smooth lines and shading. Charcoal pencils are pencils filled with compressed charcoal. They are less messy than regular charcoal sticks and easier to control.


The artist made the Figure 1 Rhino picture using 6 techniques as below.

Blending



We rub with a finger or tool to make soft and smooth shades.

Dotting



We make small dots to show texture like on walls, carpets, or the ground.

Squiggles



We draw wiggly lines to make the picture more fun and full of shapes.

Eraser strokes



First, we color with charcoal, then we use an eraser to draw on top.

Cross hatching



We draw lines that cross each other. The more lines, the darker it looks.

Linear hatching



We draw straight lines in one direction to shade an area.

DIA

SITI FARRAH SHAHWIR

Aku kisahkan sebuah kurnia dari usia kecilku
Dia menemani jalan aku dan menyuluhi bahagia di setiap lorong sepi ku
Saat senyum ku hilang dia ukir cerita bahagia di layar hatiku
Disaat aku inginkan kehangatan dia datangkan pelukan
Hadir dia satu anugerah paling terindah
Hingga sering aku merasa aku adalah juara saat bersamanya
Sehingga disetiap titipan doaku tidak kulupa menyebut dia
Untuk jangan kehilangan dia
Untuk aku kekal tenang bersamanya
Sehingga disetiap mimpiku ingin ku nikmati bersama dia
Sungguh hidup ini pinjaman
Tuhan telah mengambil semula apa yang pernah ku miliki
Sungguh aku tidak sanggup
Tetapi hakikat hidup harus menjadikan aku berlapang dada
Melepaskan dia dengan redha adalah puncak ujian kesabaranku
Aku rindu, pilu dan sayu
Bayangnya ada di mataku dan kasihnya berada di dalam nadiku
Kini mimpi-mimpiku telah memudar
Hidup tidak lagi seperti yang direncana
Cukuplah rasa kehilangan itu.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

HUMANITY BLEEDS FOR PALESTINE

Suhaidi Elias @ Alias & Noriah Ismail

In a land where olive trees are once upright,
And green hills with homes shines bright,
Humanity now bleeds in silent despair,
Torn by the fire that are scorching the air,
Children's sobs cut through the night,
Where laughter once comes with morning light.

Hope rapidly died in the rubbles,
Among the dark and blood strewn pebbles,
The long-forgotten story that no book has ever told,
Of lives uprooted, of hands gone cold,
The destruction is hidden but in every scar there's truth,
Thus, the world must gather the indestructible proof.

Rivers flow with generations' sorrow,
Mothers praying for a better tomorrow,
They cast their eyes to the heavens,
To seek God's love and be forgiven,
There can't be justice, and there can't be peace.
If the world shuts the pain and denies their relief.

DON'T TURN A BLIND EYE TO INJUSTICE

Suhaidi Elias @ Alias & Noriah Ismail

,So, rise people of the world, hands open wide
.For Palestinians who sits in sorrow's flood
,Our empathy must make no boundary or line
.For humanity must be shared, strong and kind
,And when all hearts unite across every divide
.Hope finds way to survive, and victory is within sight

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PRAYERS FOR NANI (PART 1)

Che Faridah Che Mahmood

Wednesday, 9th July Afternoon

I was deeply absorbed in marking my students' assignment when a message suddenly flashed across my screen. I glanced at it without much thought – until the words sank in. "Allahu…" I gasped aloud. *What has gone wrong?* The question struck in my mind as I read the message again, heart sinking with every line.

"Please keep Nani in your prayers. She underwent a caesarian section this morning. Shortly after delivery, she experienced complications – cardiac arrest for 31 minutes and internal bleeding, which required a hysterectomy. She is now unconscious in ICU"

The last time I met her was in late May. I had just found out she was pregnant and mentioned it to her. Her response was lively and cheerful: *"Dah nak masuk lapan bulan, Pn. "Che"—she* was already in her eighth month. I felt a pang of guilt. How could I have missed it? I hadn't meant to be careless or unobservant – I simply thought she had gained a little weight. I never imagined she was far along.

The next update came at 9:20 p.m.—a message from her husband, forwarded to one of our colleagues. It shared the latest update on her condition. The surgery to control the bleeding had gone as planned but the bleeding still had not stopped. She was on a full course of medications, with continuous blood transfusions being administered. Yet she remained unconscious in the ICU – still critical, and fighting for her life.

I stared blankly at the message; my mind was struggling to process it. More messages followed, each one filled with prayers and well-wishes for her recovery. Tears began to roll down my cheeks. I could not hold them back. What broke me most was the thought of her children and the tiny newborn who had just entered the world. What would become of them if she never woke up? Ting!... Ting! ... Ting! Notifications kept buzzing in until midnight, but by then, I had already fallen into an uneasy sleep.

Thursday, 10th July – morning

The latest message shattered me and colleagues completely – Nani was in a critical condition. The doctor had been clear – if the oxygen machine were removed, she would not survive. But leaving it on came with its own grim consequences: one by one, her organs were beginning to fail. Even if they managed to revive her after CPR, the chances of her returning to a normal life were almost nonexistent. At best, she might live – but she would not be the same again. Paralysis was a likely outcome. Paralysis? The word felt too heavy, too cruel to accept. I could imagine her just hours before the delivery, she had been full of life – smiling, waving to the children, and reassuring them gently. "*Mommy will see you soon."*

Everyone was deeply concerned and kept urging one another to continue praying for Nani. Some suggested reaching out to anyone who might know someone in Mecca – to ask for prayers from the Holy Land. That was exactly what I knew there was not much I could do for Nani in her condition, but I held on to the hope that my efforts, no matter how small, might mean something. So, I contacted a friend in Mecca, along with a few Ustaz. No matter what the doctors had said, never lose hope for miracles could still happen, *In Shaa ALLAH.*

Initially, I wasn't particularly close to Nani. Nearly two decades my junior and from a different faculty made irregular interaction unlikely – unless we happened to meet in the Common Room (CR), our shared lecturer's lounge. I usually popped in only to make coffee and rarely lingered – unless I bumped into someone I needed to speak with.

Our connection grew stronger through a project grant under the Pusat Inkubator Spa and Sauna (PIKSS) at UiTM Johor. When our team was awarded two grants, we worked closely together to bring to fruition. It was during this time that I really came to know the woman behind the cheerful smile: an entrepreneurial spirit with remarkable dedication and a natural flair for business. At first, I mistook her for Kelantanese, as she often wore a string of gold bracelets and rings on both hands – a style that is quite typical of Kelantanese businesswomen. With her bubbly, happy-go-lucky personality, it was no surprise she attracted a wide circle of customers and friends. Of course, this was all complemented by her unforgettable home-baked banana cakes; I had been one of her loyal regulars long before we ever collaborated.

to be continued in PART 2…

ORANG TUA

Nur Adilah Saud, Tan Yan Ling, Chen Jen Eem

Menjaga orang tua,
seperti menjaga bayi kecil.
Setiap detik memerlukan kesabaran,
setiap kerja harus dilakukan perlahan, penuh ketabahan.

Mereka memerlukan kasih sayang yang tulus ikhlas,
bukan cemas, bukan keluh.
Seperti bayi yang tenang dalam pelukan,
orang tua pun merasa damai bila disayangi.

Dalam proses menjaga mereka, kita belajar,
bahawa hidup berputar dengan penuh hikmah.
Kita dilatih untuk bersabar dan kekal bertabah,
mewarisi kebaikan dari kasih sayang yang kita berikan.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

IN LOVING MEMORY OF RUSNANI MOHAMAD KHALID (PART 2)

CHE FARIDAH CHE MAHMOOD

Friday, 11th Jul – morning

Another heartbreaking message came through, forwarded by Nani's husband. The doctors had done all they could. There was nothing more medically possible. He invited friends and colleagues who wished to visit her – perhaps for the last time – to do so. Though she remained unconscious, he believed Nani could still sense the presence and warmth of familiar voices.

A few of us decided to leave before noon and make our way to Segamat Hospital, knowing there would likely be a long queue outside the ICU ward. When we arrived, several colleagues were already there, waiting for their turn.

Closed to 1 p.m., my colleague, Huda and I were allowed in. As I stepped into the ICU and saw her lying there, my heart clenched. Her arms and hands were swollen, her face bloated and almost unrecognizable. I could not hold back the tears. They fell freely as I leaned in and gently whispered, "*Nani, Puan Che ni…*""—*hoping*, just hoping she could hear me.

I recited a few surahs, prayed quietly beside her, and asked that her journey – whichever way it may go – would be eased. I asked her forgiveness for any wrongs I may have done, all the while gently rubbing her thumbs and caressing her arm. Then I saw it – a small glint of tears at the corner of her closed eyes. *SubhaAllah...* dear Nani, I simply believed you could hear me, and I could only pray *ALLAH SWT in His infinite mercy, forgive all your sins, and grant you a place among the righteous in Jannah.*

As I turned to leave, a wave of guilt washed over me. I had not reminded her to utter "Allah" or the "shahadah". I feared that saying it aloud might feel like giving up hope. But now, I wish I had. My tears would not stop but I held them back as I rode the elevator down – my heart heavy and my mind a storm of emotions. More colleagues were arriving, taking their turn to bid farewell. Huda and I offered our goodbyes and quietly made our way out.

Just after I finished my Zohor prayer, a notification appeared – this time from Nani's sister, Zaiton, who has been using Nani's phone to contact her friends. Nani had returned to her Creator.

I was still on my prayer map and cried quietly. Thoughts of her small children filled my mind – their innocence, their need for her warmth. But deep inside, I knew that even if she had survived, her suffering would have been immense. Her body already failing, paralysis would have taken a toll. Indeed, ALLAH SWT's plan is always the best. She left this world wrapped in the love of her family, friends and all the lives she had touched. And in that, there is peace.

The announcement for Nani's jenazah prayer came through and it will be held at Masjid As-Syakirin, UiTM. I immediately rushed to campus. After the Asar prayer, we waited briefly before the van carrying Nani's body arrived. She was brought to the front row of the mosque. For the final time, we were allowed to view her face and kiss her forehead. When my turn came, I gently placed my hand on her head and whispered a prayer: *O Allah, forgive her, have mercy on her, grant her safety, and pardon her. That final kiss* on her forehead marked our physical goodbye, but the memories of her will live on – etched deeply in my heart.

Dear Nani,

Pn Che will remember you – not because we were especially close, but because your cheerfulness, your positive energy, and your kindness always stood out. You were chosen to leave this world in the most noble of ways – after enduring the pain of childbirth and shortly after the Friday prayers, on the holiest of days. Allahu… your ending was so blessed. I must admit, there was a sliver of envy in my heart. May you rest peacefully.

And if one day, in the Hereafter, you are in Paradise and I am not, please look for me so I may be there too. And if I am in a good place and you are not, I promise I will search for you. And if neither of us is there, may our righteous colleagues and those we loved seek us out and bring us along. May Allah SWT forgive you, bless you, and place you among the righteous in Jannah.

Aamiin Yaa Rabbal 'Aalamiin.

SAYANG ANAK IBU

Noreen Noor Abd Aziz

Anakku..
Di setiap detik menanti kehadiranmu
Ibumu sering menanti dengan penuh keterujaan
Di setiap detik kamu mula menyebut nama Ibu
Itulah kebahagian yang sering Ibu nantikan

Anakku..
Andai kamu dewasa nanti
Jangan lupa jasa ibumu
Ibu yang sering ingin bersamamu di setiap waktu
Ibu yang sering mendoakan kebahagianmu
Ibu yang sering ingin melihat kamu bahagia

Anakku..
Membesarlah kamu dengan baik budi bahasa
Jagalah akhlakmu dan jadi anak yang soleh
Ibu pasti akan sentiasa mendoakan kamu
Agar bahagia dan berjaya sentiasa

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

JJCM: SHABUYAKI (AEON BANDAR DATO' ONN)

Ruqaiyah Ab Rahim, Fairuz Ramli, Nurul Fahana Aini Harun

Dengan konsep makan semua yang disediakan, kami memilih untuk mencuba Shabuyaki @ AEON Bandar Dato Onn. Apabila tiba pada tarikh yang kami pilih iaitu pada hujung minggu serta berkonsepkan *me time* ibu-ibu, perjalanan kami bermula pada jam 10 pagi. Melalui beberapa perkongsian di media sosial, ramai yang menasihatkan untuk pergi lebih awal bagi mengelakkan barisan menunggu yang lama, memandangkan ke semua outlet Shabuyaki ini tidak menerima tempahan awal (*reservation*), maka konsep *first comes, first serve* menjadi prinsip asas.

Memandangkan trafik tidak sesak, kami tiba di outlet Shabuyaki AEON Bandar Dato' Onn seawal jam 10.30 pagi dan kami bernasib baik kerana tiada barisan di hadapan kedai. Kami diterangkan oleh petugas kedai berkaitan syarat masa makan hanya 110 minit atau dikenakan bayaran lebih masa, serta makanan yang tersisa akan dikenakan bayaran bagi setiap timbangan per 100g. Langkah ini bertepatan dengan konsep makan buffet tanpa pembaziran. Bayaran yang dikenakan kepada setiap individu adalah RM44++ bagi kadar makan tengahari dan tambahan RM10 ke atas setiap individu sekiranya masuk ke kedai bermula jam 5 petang (kadar makan malam). RM24++ dikenakan ke atas kanak-kanak dan setiap individu diberikan 1 tiket untuk tuntutan di kaunter makanan bagi menu yang tidak dihidangkan secara buffet.

Terdapat beberapa seksyen makanan dengan pelbagai pilihan seperti sayur-sayuran (termasuk pelbagai jenis cendawan), makanan sejuk beku berproses seperti bebola ikan, daging, ayam dan lain-lain, pelbagai jenis sushi, minuman dan pelbagai pilihan bahan untuk diadun menjadikan sos yang boleh dimakan bersama daging yang dipanggang. Terdapat 2 pilihan berasaskan daging iaitu *New Zealand Beef* dan *Aussie Lamb.* Bagi menu daging dan ikan ini perlu dipesan menggunakan *QR Code* yang disediakan apabila masuk ke outlet selepas pemilihan kuah BBQ. Terdapat 6 pilihan kuah BBQ yang telah disediakan oleh outlet dan kami memilih apa yang dikategorikan sebagai *must try* di menu tersebut.

Shabuyaki berkonsepkan buffet tetapi mengetengahkan pilihan BBQ dan hot pot ini dilihat sebagai satu tempat makan yang menarik untuk dilawati bersama rakan dan keluarga sambil menikmati makanan pada harga berpatutan. Sehingga artikel ini ditulis, kami telah ke Shabuyaki Bandar Dato' Onn ini sebanyak 2 kali dan outlet ini lebih selesa berbanding di Toppen yang agak sempit serta jumlah pengunjung yang lebih sedikit berbanding di Toppen yang perlu menunggu sehingga 3 jam.

Walau bagaimanapun, outlet Shabuyaki di AEON Bandar Dato' Onn ini cuma memberikan diskaun sebanyak 20% sekiranya ada di kalangan kumpulan pelanggan yang bakal menyambut atau telah menyambut ulangtahun kelahiran dalam tempoh 3 hari. Berbeza dengan outlet Shabuyaki di Toppen yang memberikan potongan harga mengikut bulan kelahiran.





PEJUANG GAGAH

Madiha Badrol Kamar, Hajar Ahmedy, Nazatul Syahira Hussein

Dibalik tubuh yang kelihatan rapuh,
ada jiwa yang tidak pernah mengalah,
setiap jarum, setiap ubat, setiap luka,
adalah medan perang yang ditempuh dengan doa.

Malam yang panjang penuh resah,
digenggam erat dengan secebis sabar,
air mata luruh tanpa suara,
namun hatinya tetap berkobar, tak padam dek duka.

Kehidupan seakan mencabar langkah,
antara sakit dan harapan yang bersilang,
namun setiap degup, setiap kerlipan, setiap nafas,
adalah tanda daku masih mahu berjuang.

Wahai pejuang yang gagah,
kau bukan sekadar menanggung derita,
kau adalah cahaya dalam gelita,
mengingatkan dunia bahawa hidup itu berharga.

SRIKANDI DUA DUNIA

Nazatul Syahira Hussein, Madiha Badrol Kamar, Hajar Ahmedy

Dia bangun sebelum fajar,
menyulam doa di antara sunyi,
tangan kecil anak digenggam mesra,
hati suami dijaga penuh erti.

Di pejabat, dia pendidik berkarisma,
pena dan kata jadi senjata,
akalnya tajam menembus masa,
teguh berdiri tanpa lelah terbaca.

Di rumah, dia ibu penuh cinta,
mengajar erti tabah dan setia,
makan malam terhidang bersama,
tawa keluarga jadi pelengkap jiwa.

Dialah srikandi dua dunia,
tidak rapuh walau rintangan badai,
berkerjaya, berkeluarga, tetap mulia,
namanya mekar, maruahnya tidak tergadai.

Wanita ini bukan sekadar penunjang,
tapi tunggak, tiang, dan obor gemilang,
membuktikan dunia tak pernah pincang,
bila wanita berdiri dengan gemilang.

WANITA BESI

Madiha Badrol Kamar, Nazatul Syahira Hussein, Hajar Ahmedy

Di hujung senja kelenyapan cahaya,
kau berdiri sendirian,
air mata menjadi saksi
suami pergi meninggalkan dunia,
sedang anak-anak membesar,
terkelepai diribaan takdir.

Namun kau tidak runtuh,
kau jadikan luka sebagai doa,
kau jadikan sunyi sebagai tenaga,
kau jadikan kasih seorang ibu
sebagai sayap yang menolak badai.

Hari-hari yang perit kau telan,
malam-malam panjang kau isi
dengan kewajipan, dengan sedu yang ditahan,
dengan sumpah kepada diri:
“Anak-anakku tidak akan patah,
walau ayah tiada di sisi.”

Dan kini, lihatlah,
anak-anakmu berdiri teguh,
unggul dalam kehidupan,
mengangkat namamu setinggi langit,
membalas dengan kejayaan
setiap keringat dan pengorbanan
yang tak pernah mereka mampu balas sepenuhnya.

Kau bukan sekadar ibu,
kau adalah wira tanpa pedang,
wanita besi yang ditempa duka,
namun menabur bahagia.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

JABATAN UNDANG-UNDANG

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

MANFAAT LEMON SERTA PETUANYA

Alizah Ali, Zulhazmi Yusof, Noraini Ismail

Lemon merupakan salah satu jenis buah dalam keluarga limau yang bersifat sitrus dan popular di dunia. Rasanya masam dan aromanya harum serta menyegarkan. Lemon bukan sahaja dijadikan sebagai esktak bahan pewangi, malahan ianya menjadi bahan asas serta penambah rasa dalam masakan dan minuman. Sungguhpun buah ini kecil, ianya kaya dengan vitamin c, antioksida serta mempunyai banyak manfaatnya.

Kajian saintifik telah membuktikan yang lemon ada banyak kelebihannya. Antaranya, lemon bertindak sebagai perasa semulajadi dalam meningkatkan citarasa dalam masakan. Perahan lemon pada hidangan ikan, ayam panggang atau sup sayur boleh memberikana aroma khusus dan kesegaran pada masakan tanpa perlu membubuh banyak garam dan serbuk perasa. Lemon juga bertindak sebagai agen penghilang bau hanyir pada ikan dan makanan laut.

Selain daripada itu, lemon juga menjadi bahan pengawet semulajadi. Kandungan asid sitrik di dalamnya dapat menghalang pertumbuhan bakteria tertentu, sekaligus membantu mengekalkan kesegaran makanan lebih lama. Tidak hairanlah, potongan buah atau salad sering diperah sedikit lemon agar kelihatan segar dan tidak cepat berubah warna. Lemon juga penting dalam dunia pastri dan pencuci mulut. Parutan kulit lemon atau "*lemon zest*" memberikan aroma harum pada kek, biskut, pai dan krim. Jus lemon atau perahan lemon juga sering digunakan dalam pembuatan sos, sorbet, minuman sejuk mahupun teh panas. Campuran madu dengan lemon bukan sahaja sedap diminum, malah berkhasiat untuk melegakan tekak.

Dalam aspek kesihatan, makanan yang dicampur dengan lemon lebih mudah dicerna kerana kandungan asid sitrik membantu proses penghadaman. Oleh sebab itu, mengambil air lemon suam di waktu pagi baik untuk pembuka selera serta dipercayai dapat menyegarkan tubuh badan. Bau segar lemon juga ternyata boleh menghilangkan mabuk. Sebab itu kita boleh lihat, lemon menjadi teman setia bagi ibu mengandung yang mabuk pada awal fasa kandungannya. Buah lemon juga sentiasa ada dalam senarai yang perlu dibawa oleh pemancing yang bimbang mabuk di tengah lautan.

Manfaat lemon hanya terdapat pada isi dan kulitnya. Justeru, biji dan kulit lemon yang berwarna putih hendaklah dibuang kerana bahagian inilah yang sangat pahit dan tidak sesuai untuk dimasukkan dalam masakan dan minuman. Hakikatnya, lemon bukan sahaja memberi manfaat dalam bahan masakan, malahan terdapat beberapa petua tentang penggunaan lemon yang berguna untuk kehidupan seharian. Antaranya dapat Menghilangkan bau hanyir ikan dan ayam , Membersihkan peralatan dapur, Mencegah buah cepat lebam, Melegakan sakit tekak, Menyegarkan udara pada ruangan bilik / di rumah dan Membuang kuman dan bakteria pada pinggan kotor .

Sekiranya anda terlebih masukkan perahan lemon pada masakan yang mana menyebabkan masakan anda sangat masin, usahlah risau. Rasa masam ini boleh dineutralkan dengan beberapa cubitan garam.

Secara kesimpulannya, lemon mempunyai pelbagai manfaat dalam kehidupan seharian. Ia bukan sahaja menjadi bahan pewangi semulajadi, menambahkan rasa segar pada masakan dan minuman, malah membantu meningkatkan kesihatan serta boleh dijadikan sebagai alternatif semula jadi dalam mengurangkan penggunaan bahan kimia. Semoga bermanfaat..!

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PESTA BUKU: BUKTI BUKU FIZIKAL MASIH LAGI RELEVAN

Alizah Ali

Kehadiran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2025 yang berlangsung pada 23 – 1 Jun 2025 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur menjadi pesta yang ditunggu-tunggu oleh pencita ilmu. Ianya bukan sahaja menghidupkan semangat keilmuan, malah menjadi bukti nyata bahawa buku fizikal masih bernafas dalam dunia digital yang semakin mencengkam. Dalam era di mana teknologi memacu pelbagai aspek kehidupan, ramai yang menjangkakan buku bercetak akan terkubur. Namun, pesta buku yang diadakan pada setiap tahun ini membuktikan sebaliknya, dimana minat terhadap bahan bacaan fizikal masih subur, segar, malahan berkembang dalam kalangan generasi baharu.

Pesta Buku Antarabangsa 2025 mengangkat tema **"Buku: Membaca, Memimpin"**, satu tema yang cukup indah dan simbolik dalam konteks masyarakat moden yang semakin berpecah belah oleh ideologi dan sempadan maya. Buku, dalam bentuk fizikalnya, hadir bukan hanya sebagai sumber ilmu, tetapi sebagai jambatan antara budaya, bahasa dan pemikiran. Penganjuran pesta ini menyemarakkan kembali budaya membaca yang semakin terpinggir dan memberi peluang kepada penerbit tempatan serta antarabangsa untuk mempamerkan karya-karya terbaik mereka kepada khalayak yang luas.

Sesuai dengan sambutan Hari Buku Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun, penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2025 dilihat menjadi pemangkin dalam memupuk budaya membaca yang merupakan kunci kepada gerbang ilmu. Membaca merupakan wahyu pertama yang disampaikan kepada Nabi Muhammad S.A.W menerusi kalimah ‘iqra’ yang bermaksud ‘bacalah’. Aktiviti membaca ternyata menjadi asas kepada ilmu pengetahuan dan kemajuan diri.

Bagi pencinta buku, Pesta Buku Antarabangsa 2025 sentiasa segar menghidangkan pengalaman menyelak halaman buku, mencium bau buku yang klasik dan menyusun naskhah di rak-rak peribadi yang mana semua ini mempunyai nilai sentimental dan intelektual yang tiada taranya. Buku fizikal memberikan tumpuan yang lebih mendalam berbanding skrin peranti yang sering mengganggu tumpuan dengan notifikasi dan gangguan digital. Ramai pencinta buku mengakui bahawa pembacaan melalui buku cetak membantu pemahaman konsep sesuatu ilmu dan jalan cerita yang kompleks, berbanding bacaan melalui bahan digital yang mudah dialih perhatian.

Statistik kehadiran pengunjung pada Pesta Buku Antarabangsa 2025 turut menjadi indikator yang mengesahkan trend ini. Lebih **1.8 juta pengunjung** direkodkan menghadiri pesta buku pada tahun tersebut. Ini merupakan satu angka yang sangat signifikan dalam dunia pasca pandemik. Ia mencerminkan kerinduan masyarakat terhadap pengalaman membaca yang asli dan interaksi fizikal bersama penulis, penerbit dan komuniti pencinta buku yang lain. Kehadiran pengunjung yang luar biasa ini menjadi isyarat bahawa buku fizikal masih lagi mendapat tempat di hati rakyat Malaysia, khususnya golongan muda.

Akhir kata, Pesta Buku Antarabangsa 2025 merupakan bukti nyata bahawa buku bercetak belum menemui noktahnya. Ianya masih relevan, masih dicari dan masih menyentuh hati ramai pembaca dari pelbagai golongan usia. Realitinya, selagi manusia menghargai ilmu, selagi itulah naskhah-naskhah bercetak akan terus hidup. Ianya bukan sekadar terpamer di dalam perpustakaan atau rak peribadi, malahan tetap subur dalam jiwa setiap insan yang cintakan ilmu pengetahuan.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA KREATIF

WAHAI JIWA YANG LEMAH

Norintan Wahab

Wahai jiwa yang lemah
Carilah kekuatan
Walau bukan sekuat Badang
Cukuplah kekuatan seekor semut
Walau kecil tapi mampu membawa beban lebih besar dari dirinya

Wahai jiwa yang lemah
Carilah keberanian
Walau tidak mungkin seberani Mat Kilau
Cukuplah menjadi berani seperti Keris Mas yang mata penanya lebih tajam dari mata pedang

Wahai jiwa yang lemah
Carilah ketenangan
Walau tidak setenang air di kali
Cukuplah setenang titisan air di dalam gua yang mampu melekukkan batuan keras

Wahai jiwa yang lemah
Carilah kebahagiaan
Walau tidak sebahagia matahari yang menyinari bumi
Cukuplah sebahagia pelangi
Walau munculnya sedetik cuma tapi keindahan warnanya tidak ada yang lupa

Wahai jiwa yang lemah
Carilah iman
Kerana saatmya ketemu iman
Sudah pasti ada tuhan
Pemilik setiap kekuatan dan keberanian
Pemunya segala ketenangan dan kebahagiaan
Maka bersaksilah
Jiwa yang lemah tidak lagi gundah
Jiwa yang lemah tidak lagi rawan

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MENEROKA SINERGI MALAYSIA–INDONESIA MELALUI MOU UiTM & UNRIKA

Atiqah Najwa Zainuddin, Mohamed Khatif Tawaf Mohamed Yusof, Siti Farahin Kamaruddin

Meneroka Sinergi Malaysia–Indonesia melalui Memorandum of Understanding (MoU) UNRIKA pada 23 Januari 2025 bertempat di UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang adalah permulaan hubungan antara dua negara yang bukan sahaja terjalin melalui ikatan sejarah dan budaya, malah semakin dikukuhkan melalui pendidikan tinggi. MoU yang dimeterai bersama Universitas Riau Kepulauan, Batam, Indonesia (UNRIKA) telah menjadi bukti nyata bahawa kerjasama akademik dan penyelidikan mampu menjadi jambatan yang menghubungkan kedua-dua negara serumpun ini.

MoU ini telah membuka ruang yang luas kepada pelajar bagi merasai pengalaman dan pembelajaran rentas negara. Melalui kerjasama penyelidikan dan pertandingan inovasi antara UiTM dan UNRIKA, pelajar dan pensyarah dari UNRIKA menjadikan acara ini sebagai platform penting untuk menggalakkan kolaborasi inovasi dalam pelbagai bidang.

Program 2nd International Tinker Innovation & Entrepreneurship Challenge 2025 (i-TIEC 2025) sebagai program pertama kolaborasi di bawah MoU, Universiti Teknologi MARA (UiTM) bersama 20 pensyarah dan 47 pelajar Universitas Riau Kepulauan, Batam, Indonesia telah membuktikan komitmen kerjasama antara kedua universiti dan permulaan yang positif dalam pemeteraian MoU ini.

Sinergi antara Malaysia dan Indonesia tidak hanya terbatas pada penghasilan ilmu, tetapi juga membentuk jaringan profesional yang kukuh di masa hadapan. Pelajar hari ini adalah pemimpin masa depan, dan peluang yang dicipta melalui kerjasama akademik seperti ini memberi mereka kelebihan yang luar biasa untuk menghadapi cabaran dunia.

Akhir kata, MoU bersama UNRIKA adalah langkah strategik yang memperkukuhkan hubungan serantau melalui pendidikan. Ia membuktikan bahawa ilmu dan penyelidikan mampu menjadi jambatan yang menyatukan dua negara, melahirkan generasi muda berdaya saing serta menyumbang kepada pembangunan global. Dengan usaha berterusan, MoU ini bukan sekadar dokumen di atas kertas, tetapi sebuah manifestasi sinergi Malaysia–Indonesia yang memberi manfaat sejagat.







WEBINAR: HYDRODYNAMIC–CONCEPT OF FLUID FLOW

Juwita Asfar, Noor Raifana Ab Rahim, Siti Farahin Kamaruddin


Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan webinar bertajuk ‘Hydrodynamic: Concept of Flow’ khusus bagi pelajar yang mengambil kod kursus ECW241 (Hydraulics). Webinar ini diadakan secara dalam talian pada 11 Januari 2025 yang berlangsung selama 3 jam bermula dari 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari melalui platform ‘Google Meet’. Seramai 108 orang pelajar dan 3 orang pensyarah telah menghadiri program webinar ini.




Program ini menampilkan seorang penceramah iaitu Dr. Sharifah Abdullah yang merupakan pensyarah dan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Shah Alam. Beliau berpengalaman luas dalam pengajaran dan penyelidikan bagi bidang ‘Hydrodynamic’ dan ‘Fluid Mechanics’ dan telah berkongsi kepakaran beliau sepanjang sesi ini. Turut hadir ialah pensyarah mengajar kod kursus ‘Fluid Mechanics’ iaitu Juwita Asfar, Noor Raifana Ab Rahim dan Siti Farahin Kamarudin.

Objektif program ini adalah untuk memberi penerangan dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai 'Concept of Flow' oleh pensyarah dari cawangan yang berbeza. Webinar ini merupakan salah satu program Pengajaran Kolaboratif yang melibatkan usahasama antara dua cawangan iaitu UiTM Shah Alam dan UiTM Kampus Pasir Gudang. Pendekatan ini menekankan kerjasama antara pensyarah untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran serta memberi manfaat dan impak yang lebih besar kepada pelajar. Antara manfaat yang diperolehi adalah pelajar dapat memahami subjek ini dengan lebih mendalam hasil daripada gabungan kepakaran pensyarah selain mendapat pengalaman lebih luas dengan perkongsian oleh penceramah.

UiTM telah menekankan pentingnya Pengajaran Kolaboratif dalam kalangan pensyarah sebagai sebahagian daripada inisiatif Education 5.0@UiTM yang dilancarkan pada tahun 2020. Setiap pensyarah UiTM digalakkan untuk terlibat dalam pengajaran kolaboratif sekurang-kurangnya sekali dalam setahun bagi memenuhi KPI yang telah ditetapkan. Program ini telah mendapat maklumbalas yang amat baik di kalangan pelajar dan berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENGAJARAN KOLABORATIF BAGI SUBJEK MEKANIK PEPEJAL

Nurul Izziyantie Mat Noor, Shahrul Nizam Mohamamd,
Muhammad Farid Muhammad Fathullah

Pada 16 Mei 2025 yang lalu, satu program kolaboratif bersama Pensyarah Kanan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah berjaya diadakan. Program ini berlangsung secara maya (online) melibatkan empat (4) kumpulan kelas dan tiga (3) pensyarah mengajar. Pensyarah mengajar adalah Cik Nurul Izziyantie Binti Mat Noor, En Shahrul Nizam Bin Mohammad dan En Muhamad Farid Bin Muhammd Fathullah bersama seorang penceramah jemputan iaitu Dr. Libriati Zardasti.


Dr. Libriati Zardasti merupakan Pensyarah Kanan dari Fakulti Kejuruteraan Awam, Jabatan Struktur dan Bahan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang telah memiliki pengalaman luas dalam mengajar pelajar sarjana muda sejak beliau belum menamatkan pengajian PhD. Dr. Libriati juga mempunyai pengalaman bekerja sebagai Jurutera Profesional (Ir.) yang diiktiraf oleh *Board of Engineers Malaysia* (BEM).

Program ini telah dirangka awal sejak enam (6) minggu sebelum tarikh program bagi persediaan kepada pelajar dan juga penceramah. Ceramah diberikan melibatkan tajuk berkaitan silibus dalam Subjek Mekanik Pepejal (ECS226) selama lebih dua jam. Tajuk yang diajarkan adalah ‘Shear Force and Bending Moment’ yang merupakan tajuk penting dalam subjek ini.

Teknik pengajaran oleh Dr. Libriati Zardasti adalah bermula dari asas yang mana beliau memulakan sesi dari satu contoh mudah. Sesi ini dilihat praktikal kerana beliau memilih satu contoh penyelesaian sebenar pengiraan dan dibuat sehingga soalan itu tamat. Beliau juga memberikan gambaran lakaran untuk kerangga asas rasuk rumah. Iaitu satu gambaran free body diagram untuk tajuk 'Shear Force and Bending Moment' ini.

Walaupun pengajaran ini dibuat secara maya, Dr. Libriati berkali-kali bertanyakan kepada pelajar jika ada sebarang persoalan berkenaan topik pengajaran beliau. Sesi ini dilihat sangat berkesan dan praktikal bagi pelajar yang masih baru dalam subjek kejuruteraan, memandangkan pelajar-pelajar adalah dari semester dua. Lebih-lebih lagi Subjek Mekanik Pepejal (ECS226) ini merupakan 'killer subject' di antara subjek-subjek bagi program CEEC110 di UiTM.

Program ini dilihat memberikan impak positif kepada para pelajar sehingga ke akhir semester. Para pensyarah mengajar sangat bersyukur dan berterima kasih kepada Dr. Libriati Zardasti di atas kesudian beliau menjayakan program ini.



BATTLE OF TRUSSES BUILDERS 2025 (BoTB 2025)

Mohd Johan Mohamed Ibrahim, Noorashiekin Khalid,
Nurul Ain Umaiban Yusof

Battle of Trusses Builders 2025 (BoTB 2025) adalah program akademik yang dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang pada 4 Julai 2025 (Jumaat). Program ini bertujuan untuk membangunkan kemahiran teknikal, kreativiti, dan kerjasama dalam kalangan pelajar melalui pertandingan pembinaan rangka struktur berbentuk bumbung berskala kecil. Seramai 63 pelajar dari semester 3 ke atas, yang mengambil subjek ECS248 – Basic Structural Analysis, telah mengambil bahagian dalam program ini.

Program ini menyediakan platform bagi pelajar untuk mengaplikasikan teori kejuruteraan dalam suasana praktikal, mengasah kemahiran menyelesaikan masalah, dan memperbaiki komunikasi mereka. Melalui pendekatan pembelajaran berasaskan projek, program ini tidak hanya memberi pengalaman yang berharga, tetapi juga membantu pensyarah menilai penguasaan pelajar terhadap teori-teori penting dalam bidang berkaitan struktur dan bahan. Para peserta berpeluang untuk menunjukkan bakat semasa proses pengujian beban ke atas model kerangka bumbung yang telah dibina oleh mereka.

Aturcara program dimulakan dengan pendaftaran peserta, diikuti taklimat penjurian, dan proses pengujian model kerangka bumbung yang berlangsung dari 3:30 hingga 5:00 petang. Majlis penutup termasuk pemberian hadiah kepada pemenang dan sesi bergambar. Program ini diharapkan dapat merangsang budaya inovasi dan persaingan sihat di kalangan pelajar, sekaligus membina jenama UiTM sebagai institusi yang melahirkan jurutera berkemahiran tinggi.

Kesimpulannya, Battle of Trusses Builders 2025 tidak hanya menjadi platform untuk pelajar mengasah kemahiran teknikal, tetapi juga menggalakkan semangat kerjasama dan inovasi di kalangan mereka. Prestasi yang sangat membanggakan apabila pemenang pertama dalam pertandingan ini mendapat ratio beban yang boleh ditampung berbanding berat struktur adalah sebanyak 1357.64 iaitu satu nilai yang sangat tinggi. Dengan sokongan padu daripada pihak pentadbiran, program ini dijangka memberikan impak yang signifikan terhadap pembangunan pelajar dan memupuk kecemerlangan akademik di UiTM. Inisiatif ini mencerminkan komitmen Fakulti dalam melahirkan jurutera yang kompeten dan berdaya saing, sekaligus memperkukuh sahsiah profesional dalam bidang kejuruteraan awam.







PRE–GRADUATION NIGHT ‘A NIGHT UNDER THE STAR’

Mohd Johan Mohamed Ibrahim, Ts. Saiful Jumali,
Ts. Dr. Mohd Amran Hasbullah

Civil Engineering Club (CIVEC) UiTM Cawangan Johor telah mengadakan program "Pre-Graduation Night" yang penuh keindahan pada 16 Januari 2025 di Thistle Hotel, Johor Bahru. Dengan tema "English Classic," majlis ini berlangsung dari 7:30 malam hingga 11:30 malam, merayakan perjalanan pelajar semester 4 dan 5 yang bakal menamatkan pengajian mereka. Suasana elegan dan meriah menyambut para tamu, memberikan mereka peluang untuk mencipta kenangan manis sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

Program ini sebagai penghargaan kepada pencapaian pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka. Poster program yang menarik telah dimuat naik di laman Instagram rasmi CIVEC, menarik perhatian hampir semua pelajar tahun akhir dan pensyarah untuk hadir. Program ini dihadiri seramai 174 orang peserta dari pelajar tahun akhir, termasuk 60 jawatankuasa CIVEC dan 22 pensyarah, yang menjadikan majlis ini lebih bermakna. Pemilihan lokasi yang nyaman dan landskap yang indah memberikan peluang kepada pelajar untuk bergambar bersama rakan-rakan dan pensyarah dalam suasana yang menggembirakan.

Majlis ini bukan hanya meraikan pencapaian akademik, tetapi juga bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara graduan. Aktiviti seperti permainan, persembahan, dan sesi beramah mesra menambah keceriaan, sambil memperkuatkan ikatan persahabatan di kalangan pelajar. Penghargaan diberikan kepada graduan yang mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang, memberikan dorongan positif untuk terus berusaha ke arah impian masing-masing.

Selain itu juga, Program "Pre-Graduation Night" ini dapat juga mencungkil bakat pelajar dalam pelbagai bidang, termasuk menyanyi, menari, dan bermain alat muzik. Aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar untuk menunjukkan kebolehan mereka di pentas, sekaligus meningkatkan keyakinan diri. Selain itu, pertandingan memperagakan pakaian bertemakan "English Classic" menambah suasana meriah, di mana pelajar dapat mengekspresikan kreativiti dan gaya mereka dalam suasana yang elegan.

Keseluruhannya, “Pre-Graduation Night” telah mencapai objektifnya dengan cemerlang, mencipta kenangan yang akan dikenang sepanjang hayat. Respon positif dari peserta menunjukkan keberkesanan program ini dalam mencipta pengalaman yang berharga. Dengan kerjasama dan komitmen semua pihak, majlis ini berjaya dilaksanakan dengan lancar, meninggalkan kesan mendalam di hati setiap yang hadir. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan acara indah ini.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAWATAN KE PUSAT PENDIDIKAN PENCEGAHAN BENCANA JABATAN BOMBA TOKYO, JEPUN

Mohd Johan Mohamed Ibrahim, Nur Fadzillah Khairi,
Ir. Muhamad Fuad Shukor

Pada 19 Ogos 2025 (Selasa), Delegasi dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang Bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah berkesempatan mengunjungi Pusat Pendidikan Pencegahan Bencana Jabatan Bomba Tokyo, Jepun. Lawatan ini berlangsung dari jam 9 pagi hingga 11 pagi dan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta pengetahuan mengenai tindakan keselamatan yang perlu diambil semasa menghadapi situasi bencana. Pusat ini menyediakan pelbagai latihan praktikal dan maklumat berkenaan kebakaran, gempa bumi, hujan ribut, dan banjir.

Sesi pertama yang dihadiri memberi tumpuan kepada gempa bumi. Latihan ini dimulakan dengan penerangan mengenai kesan-kesan yang mungkin berlaku akibat gempa bumi serta langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil. Kami diberi peluang untuk mengalami simulasi gempa bumi dengan skala 6 dan 7 pada skala Richter. Dalam situasi tersebut, kami diajar cara melindungi diri, seperti mencari perlindungan di bawah meja dan menjauhkan diri daripada tingkap. Demonstrasi ini memberikan gambaran jelas tentang bagaimana situasi sebenar berlaku. Selain itu, maklumat mengenai kepentingan pemahaman amaran awal dan persediaan yang rapi turut disampaikan.

Setelah sesi gempa bumi, kami beralih kepada topik kebakaran. Dalam sesi ini, kami mempelajari cara-cara untuk keluar dari bangunan yang terbakar dengan selamat. Latihan ini menekankan kepentingan untuk tidak panik dan mengenali laluan keluar yang selamat. Kami diberi penekanan untuk berjalan secara menunduk bagi mengelakkan terhidu asap berbahaya, yang merupakan salah satu penyebab utama kematian dalam kebakaran.

Sesi seterusnya melibatkan pengalaman mengenai hujan ribut. Dalam sesi ini, kami mengalami keadaan yang hampir sama dengan hujan ribut di Jepun dengan kelajuan 30 mm/minit. Kami belajar tentang kesan buruk hujan ribut, termasuk risiko banjir kilat dan kerosakan kepada harta benda. Melalui pengalaman ini, kami memahami betapa pentingnya untuk sentiasa bersedia dan mengetahui langkah-langkah perlindungan yang perlu diambil, termasuk mencari tempat perlindungan yang selamat dan mengelakkan meredah air yang dalam.

Akhir sekali, kami mempelajari mengenai banjir. Dalam sesi ini, kami diberi pengetahuan tentang cara untuk membuka pintu kereta apabila air banjir mencapai paras 10, 20, dan 30mm dari aras bumi. Latihan ini adalah sangat penting kerana banjir boleh berlaku dengan cepat dan berpotensi membawa maut jika tidak diurus dengan baik. Kami diperkenalkan kepada alat dan teknik yang boleh digunakan untuk mengelakkan kerosakan harta benda dan melindungi diri. Penekanan juga diberikan kepada kepentingan mematuhi arahan pihak berkuasa serta melaporkan situasi berbahaya kepada pasukan penyelamat.

Keseluruhannya, pengalaman di Pusat Pendidikan Pencegahan Bencana Jabatan Bomba Tokyo memberikan pengetahuan yang berharga dan meningkatkan kesedaran tentang langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil dalam menghadapi bencana. Lawatan ini bukan sahaja memberikan pendedahan kepada teknik-teknik keselamatan, tetapi juga membantu membentuk sikap proaktif dalam menghadapi kemungkinan bencana pada masa hadapan. Saya percaya Malaysia juga perlu mengambil inisiatif yang serupa untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bencana. Dengan menubuhkan pusat pendidikan dan latihan seperti di Tokyo, rakyat Malaysia dapat dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi bencana seperti kebakaran, gempa bumi, hujan ribut, dan banjir.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ECS246 (CIVIL ENGINEERING MATERIALS): KOLABORASI BERSAMA INDUSTRI

Ir. Ts. Ahmad Idzwan Yusuf, Dr. Mohamad Rohaidzat Mohamed Rashid, Ts. Dr. Mohd Amran Hasbullah

Pada 29 Mei 2025 (Khamis), Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan satu program akademik secara dalam talian bertajuk *ECS246 CGCT Webinar: A Building Resilience Assessment Case Study*. Program yang berlangsung melalui platform Google Meet bermula jam 4.00 petang hingga 6.00 petang ini telah disertai oleh semua pelajar yang mengambil subjek ECS246 Civil Engineering Materials iaitu seramai 99 orang pelajar.

Penceramah jemputan dari industri iaitu Ir. Ts. Nur Naemah Binti Esa, Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Teknikal, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri telah dijemput untuk berkongsi pengalaman serta kepakaran beliau dalam aspek penilaian daya tahan bangunan berdasarkan kajian kes sebenar.


Perkongsian ini telah memberikan gambaran yang jelas kepada para pelajar tentang kepentingan analisis risiko, strategi meningkatkan ketahanan struktur, serta kaitannya dengan ilmu bahan binaan yang sedang mereka pelajari. Kehadiran beliau sebagai penceramah telah membuka ruang kepada pelajar untuk memahami aplikasi sebenar teori akademik dalam industri, khususnya dalam memastikan struktur binaan kekal selamat, mampan, dan berfungsi dengan baik dalam menghadapi cabaran semasa.

Program ini turut dipantau dan disokong oleh pensyarah yang mengajar subjek ini, iaitu Ir. Ts. Ahmad Idzwan Yusuf, Dr. Mohamad Rohaidzat Mohamed Rashid, Ts. Dr. Mohd Amran Hasbullah, dan Dr. Mazni Mat Zin. Para pensyarah

berperanan menyelaras perjalanan program, membimbing penglibatan aktif pelajar, serta menghubungkan isi kandungan webinar dengan silibus kursus.

Penganjuran ini secara tidak langsung telah memberikan impak positif kepada pelajar kerana ia memperluas pengetahuan mereka terhadap isu semasa berkaitan daya tahan bangunan, meningkatkan kesedaran tentang kepentingan inovasi dalam bahan binaan serta teknologi penilaian struktur, dan memperkukuhkan kefahaman mereka terhadap pengaplikasian ilmu dalam konteks dunia sebenar.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini mencerminkan komitmen Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Kampus Pasir Gudang dalam melaksanakan aktiviti berimpak tinggi yang menghubungkan dunia akademik dengan keperluan industri. Usaha sebegini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada proses pembelajaran pelajar, malah turut menyokong aspirasi universiti untuk melahirkan graduan berdaya saing, berpengetahuan luas, dan relevan dengan keperluan semasa industri pembinaan negara.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ECS358 CIVIL ENGINEERING DESIGN PROJECT: KOLABORASI INDUSTRI PERKASA PROJEK AKHIR PELAJAR

Ir. Ts. Ahmad Idzwan Yusuf, Ir. Dr. Norrul Azmi Yahya


Pada 11 Julai 2025, Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah berjaya menganjurkan program Pembentangan Projek Reka Bentuk Kejuruteraan Awam bagi pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Awam dengan penglibatan panel penilai daripada pihak industri. Objektif utama program ini adalah untuk menilai tahap kompetensi pelajar tahun akhir dalam merekabentuk bangunan dua tingkat serta memberi pendedahan kepada mereka tentang keperluan dan kehendak industri melalui sesi soal jawab bersama panel berpengalaman. Sesi pembentangan ini dijalankan secara hibrid, menggabungkan penilaian secara bersemuka dan atas talian, bermula jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Seramai 18 orang pelajar telah mengambil bahagian untuk membentangkan hasil kerja projek akhir mereka. Bagi memastikan penilaian yang seimbang, seramai empat orang panel penilai telah dilantik, terdiri daripada dua panel dalaman iaitu pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan dua panel dari industri. Panel dalaman ialah Ir. Dr. Norrul Azmi Yahya dan Puan Nurul Farraheeda Abdul Rahman, manakala panel industri pula terdiri daripada Ir. Ts. Muhamad Azhar Ramlee dan Ir. Ts. Noor Aliff Zainuddin. Kedua-dua panel industri ini merupakan jurutera profesional yang berdaftar serta diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), sekali gus menambah kredibiliti sesi penilaian ini.

Sesi pembentangan berjalan dengan lancar dan penuh interaksi. Para panel telah berkongsi pelbagai input yang bernas dan membina bagi membantu pelajar menambah baik laporan serta meningkatkan pengetahuan mereka dalam aspek praktikal kejuruteraan

Penglibatan panel industri juga memberi nilai tambah dengan mendedahkan pelajar kepada amalan sebenar juruteknik kejuruteraan selaras dengan keperluan Engineering Technician Education Program Accreditation (ETAC) Standard 2020. Pembentangan projek ini boleh dianggap sebagai satu langkah penting dalam usaha mendekatkan pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Awam dengan pihak industri. Melalui platform ini, pelajar berpeluang memahami kehendak industri sekali gus mempersiapkan diri mereka sebagai graduan yang lebih kompeten, relevan, dan bersedia menghadapi cabaran kerjaya kelak. Pihak Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua panel atas penglibatan mereka dalam menjayakan program ini. Adalah diharapkan kerjasama erat antara fakulti dan industri ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAWATAN TEKNIKAL VTK KE TOKYO, JAPAN

Muhamad Fuad Shukor, Siti Norafida Jusoh, Mohd Amran Hasbullah

Kumpulan penyelidikan Verifikasi Teknologi Kejuruteraan (VTK) telah ditubuhkan pada Mac 2025 yang terdiri daripada lima (5) orang ahli dari Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Pasir Gudang dan seorang (1) ahli dari Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi Malaysia (UTM). VTK ditubuhkan untuk meneroka dan mengenalpasti teknologi – teknologi dalam bidang kejuruteraan untuk dikongsikan kepada semua lapisan masyarakat.

VTK telah memulakan lawatan rasmi teknikal pertama ke Tokyo, Jepun pada 16 hingga 22 Ogos 2025 dengan kerjasama UTM dan *National Institute of Earth Science and Disaster* (NIED) Japan. Lawatan teknikal ini adalah untuk berkongsi kepakaran dan teknologi dalam sistem pencegahan bencana alam. Lawatan teknikal ini telah melibatkan kepada lima (5) agensi utama iaitu:

1. Makmal simulasi hujan dan ribut di NIED, Tsukuba, Japan
2. *Life Safety Learning Centre*, Honjo, Japan
3. *Japan Aerospace Exploration Agency* (JAXA), Tsukuba, Japan
4. *International Centre for Water Hazards and Risk Management* (ICHARM), Tsukuba, Japan
5. *National Institute of Advanced Industrial Science and Technology* (AIST) Tsukuba, Japan

Lawatan teknikal ini telah memberi peluang kepada penyelidik dan pakar dari Malaysia untuk berkongsi kepakaran dan kolaborasi dalam bidang teknologi dalam menghadapi cabaran bencana alam di Malaysia seperti banjir, tanah runtuh, ribut dan gempa bumi.











e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAWATAN AKADEMIK: SISTEM COOLING TOWER

Adrina Rosseira Abu Talip, Herda Balqis Ismail, Abd Haniff Abd Rashid

Pada 24-27 Jun 2025, bidang spesifikasi *Construction Engineering and Project Management* di bawah Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Pasir Gudang, Johor telah menganjurkan lawatan tapak sambil belajar bagi pelajar semester empat (4) yang mengambil subjek *Building Services*. Subjek ini merupakan salah satu kursus penting dalam program Kejuruteraan Awam yang menekankan pemahaman terhadap sistem sokongan kejuruteraan dalam sesebuah bangunan. Sistem *HVAC (Heating, Ventilation and Air Conditioning)* seperti *cooling tower*, *water chiller*, dan *Air Handling Unit (AHU)* merupakan antara komponen utama yang menyumbang kepada keselesaan dalaman serta kecekapan tenaga dalam bangunan moden.

Lawatan akademik ini melibatkan seramai 99 orang pelajar (10 kumpulan), lima (5) pensyarah dan satu (1) penolong jurutera. Selain itu, seramai tiga (3) orang penceramah yang turut bersama-sama terlibat dalam sesi penerangan sistem ini. Lawatan ini mensasarkan beberapa objektif untuk para pelajar di antaranya:

i. Memenuhi keperluan kod kursus *Building Services* (ECM346)

ii. Mengenal pasti komponen dan fungsi utama dalam sistem *cooling tower,water chiller dan AHU.*

iii. Memahami prinsip operasi dan aliran kerja sistem HVAC dalam sesebuah bangunan.

iv. Menilai kepentingan integrasi sistem HVAC terhadap keselesaan pengguna dan prestasi bangunan.

v. Meningkatkan kemahiran pemerhatian dan pemahaman teknikal pelajar melalui lawatan akademik.

vi. Menyokong pembangunan sahsiah pelajar melalui pembelajaran berasaskan pengalaman.

Lawatan ini telah memberikan peluang kepada para pelajar untuk melihat secara langsung cara sebenar sistem HVAC beroperasi, sesuatu yang sukar diperoleh dalam sesi di bilik kuliah. Pendedahan ini penting untuk meningkatkan tahap kefahaman pelajar terhadap aplikasi sistem ini dalam persekitaran sebenar. Selain itu, pelajar dapat memahami peranan jurutera dan pembantu jurutera awam dalam mengendalikan skop kerja yang berkaitan.Melalui data markah peperiksaan akhir Semester Julai 2025 telah membuktikan keberkesanan aktiviti lawatan ini apabila 100% pelajar telah lulus dalam subjek ini. Di samping itu, lawatan ini juga telah membuka ruang interaksi yang lebih baik antara pensyarah dan pelajar melalui sesi soal jawab yang dijalankan selepas lawatan, sekali gus menggalakkan pembelajaran secara aktif dan berkesan.



Gambar 1 Sesi taklimat



Gambar 2 Sesi lawatan tapak

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

INOVASI REL RENTAS SEMPADAN: TINJAUAN AKADEMIK RTS LINK JOHOR BAHRU–SINGAPURA

Herda Balqis Ismail, Mohamad Rohaidzat Mohamed Rashid, Mohd Amran Hasbullah

Lawatan akademik ke Projek Rapid Transit System Link (RTS Link) Johor Bahru–Singapura telah berjaya dilaksanakan pada 8 Mei 2025, melibatkan 30 orang pensyarah daripada lima fakulti teknikal UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang. Dua lokasi utama dilawati iaitu RTS Link Project Information Centre, Menara JLand dan RTS Link Marine Viaduct Project Site, yang menjadi antara komponen penting projek mega berimpak tinggi negara ini. Rombongan diketuai oleh Fakulti Kejuruteraan Awam bersama pensyarah daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Mekanikal, Kimia dan juga Fakulti Pengurusan Perniagaan.

Lawatan bertujuan memberi pendedahan kepada tenaga akademik mengenai teknologi terkini, pengurusan projek mega, serta amalan kejuruteraan dalam pembinaan rel rentas sempadan. Di Menara JLand, peserta mengikuti pembentangan 3D Hologram PRISM RTS Link dan taklimat teknikal oleh En. Asnan Ayob, Pengarah Jabatan Pengurusan Pembinaan RTS Link, sebelum sesi soal jawab dan tinjauan pandangan udara dari Aras 26. Lawatan kemudian diteruskan ke tapak projek viaduct marin, di mana peserta diperkenalkan kepada teknologi rasuk UHPC-IBS Durabeam sepanjang 80 meter yang dihasilkan di Chemor, Perak, penggunaan segmental box girder launching, serta launching girder khas sepanjang 110 meter bagi menyokong rentang struktur sepanjang 45 meter. Turut diketengahkan ialah inovasi Bubble Deck Slab System di Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ), yang mengurangkan penggunaan konkrit melalui kaedah IBS oleh IJM Construction, sekali gus memperlihatkan amalan pembinaan yang cekap dan lestari.

Lawatan ini memberi impak besar kepada pensyarah dalam memahami aplikasi teknologi sebenar pembinaan rel moden, di samping membuka peluang kolaborasi industri, penyelidikan serta latihan industri pelajar. Secara keseluruhan, program ini mencerminkan komitmen UiTM dalam memperkukuh hubungan akademik–industri serta memastikan kandungan pengajaran sentiasa relevan dengan perkembangan semasa.





SYARAHAN TEKNIKAL UNTUK KOD KURSUS ECM 366

Shahrul Nizam bin Mohammad


Pada 13 Jun 2025, satu sesi syarahan dalam talian telah diadakan secara atas talian yang disampaikan oleh penceramah jemputan daripada penggiat industry iaitu Ts. Nurul Fauziah binti Aziz, seorang jurutera awam yang memiliki banyak pengalaman di lapangan .

Sesi dimulakan dengan ucapan aluan oleh pengacara majlis dan bacaan doa, sebelum penceramah memperkenalkan diri serta menyampaikan tujuan utama syarahan. Fokus utama syarahan teknikal ini ialah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai “Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement” (MyCESMM) dan “Standard Method of Measurement for Malaysia” (SMMM) yang telah dikemas kini. Dokumen piawaian ini penting sebagai rujukan dalam penyediaan kos untuk projek-projek pembinaan bangunan dan juga infrastruktur seperti jambatan dan jalan raya. Melaluinya piawaian ini, pelajar dapat memahami bagaimana kos pra pembinaan dirancang, termasuk aspek kuantiti, spesifikasi bahan, dan kos sebenar projek.

Selain itu, penceramah turut menyentuh berkenaan carta organisasi projek pembinaan, yang memperincikan peranan setiap entiti yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam satu-satu projek pembinaan seperti pemilik, kontraktor, pihak berkuasa tempatan dan perunding. Kefahaman tentang struktur organisasi ini penting supaya projek dapat dijalankan secara lancar dengan skop kerja yang jelas bagi mengelak salah faham terjadi antara entity-entity yang terlibat. Terma-terma kontrak yang terkandung dalam dokumen piawaian ini turut diperjelaskan secara terperinci agar pelajar memahami terma-terma yang sering digunakan dalam kontrak pembinaan ini dengan jelas.

Syarahan ini memberikan banyak manfaat kepada pelajar dan akan menambah kefahaman dan ilmu mereka untuk subjek ECM366. Pelajar bukan sahaja dapat menambah pengetahuan teori mereka, malah berpeluang menghubungkaitkan pembelajaran dengan situasi sebenar di sektor pembinaan. Pendedahan awal sebegini membantu pelajar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran kerjaya sebagai jurutera awam.

Secara keseluruhan, program ini berjaya mencapai objektifnya. Ia bukan sahaja memperkukuh kefahaman pelajar terhadap teori yang dipelajari di dalam kelas, malah mendedahkan mereka kepada realiti dunia pembinaan. Syarahan teknikal ini boleh dianggap sebagai langkah awal yang bernilai dalam membina keyakinan dan kemahiran sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Syarahan sebegini wajar diteruskan pada masa akan datang dengan menampilkan lebih banyak topik dan pengalaman daripada pakar industri. Dengan cara ini, pelajar bukan sahaja memperoleh ilmu teknikal, tetapi juga mendapat motivasi, panduan kerjaya, dan gambaran menyeluruh tentang peranan jurutera dalam pembangunan negara.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM CGCT KOD KURSUS ECS226 2025

Mohammad Hazizi Jamal, Dr. Lee Siong Wee,
Nor Mayuze Mohamad

Program *Collaborative Group: Collaborative Teaching* (CGCT) saban tahun dianjurkan pada kursus *Solid Mechanics* (ECS226). Pada tahun 2025 ini, program CGCT diteruskan dengan menjemput Pensyarah Tamu dari luar UiTM (Universiti dalam negara). Kolaborasi ini berasaskan Model 2: Kolaborasi Penyampaian; dimana pensyarah tamu dijemput untuk menyampaikan syarahan kepada pelajar. Pensyarah Tamu yang dimaksudkan adalah Dr. Libriati Zardasti dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor Bahru, Johor. Dr. Libriati Zardasti merupakan seorang Pensyarah Kanan dari Jabatan Struktur dan Bahan,Fakulti Kejuruteraan Awam . Pemilihan beliau Adalah berdasarkan kelayakan dan kepakarannya yang bertepatan dengan tajuk yang akan di kongsi bersama pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Kampus Pasir Gudang. Tajuk yang dipilih ialah daripada *Chapter 2: Stresses and Deflection of Statically Determinate Beams* yang terkandung dalam silibus kod ECS226.

Program ini telah melibatkan semua pelajar yang mendaftar kod ECS226 yang terdiri daripada 53 orang pelajar dari 3 Kumpulan. Turut menyertai sesi syarahan ini yang dijalan secara online melalui Google Meet Adalah pensyarah-pensyarah yang mengajar. Program syarahan yang berlangsung selama 2 jam telah berakhir dengan jayanya dan mendapat sambutan baik daripada pelajar-pelajar yang merasai pengalaman pembelajaran berbeza dari pensyarah tamu yang diundang.


Program CGCT ini sememangnya sangat bermanfaat dan telah memberi pendedahan berharga kepada pelajar untuk memperoleh pengalaman menimba ilmu dari pelbagai sumber dan teknik pembelajaran yang berbeza oleh pensyarah tamu. Antara objektif lain program CGCT ini seperti yang digariskan oleh *Center of Innovative Delivery and Learning Development* (CIDL) UiTM Adalah:

- Memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar
- Mensinergikan kepakaran
- Bimbingan mentor-mentee
- Mempergiatkan Profesor atas permintaan
- Mengoptimumkan sumber
- Mengurangkan bilangan PTFT
- Membenarkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Justeru, secara keseluruhannya program ini telah berjaya mencapai objektif seperti yang digariskan dan diharap program ini dapat diteruskan pada masa-masa hadapan untuk kumpulan pelajar yang berlainan. Semoga mahasiswa-mahasiswi UiTM terus maju mencapai kecemerlangan dan kegemilangan dalam semua bidang diiceburi.









e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

CIVIL FAMILY DAY 2025

Ts. Saiful Bin Jumali, Mohd Johan Mohamed Ibrahim

Civil Engineering Club (CIVEC) telah berjaya menganjurkan program tahunan yang dinanti-nantikan, iaitu Civil Family Day 2025, yang berlangsung pada 5 Julai 2025 bertempat di Padang UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang. Program ini telah bermula seawal jam 8 pagi dan berakhir pada jam 2 petang, melibatkan penyertaan daripada semua mahasiswa dan mahasiswi Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA). Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pelajar serta membina semangat kesukanan, kerjasama berpasukan dan kesejahteraan fizikal serta mental dalam suasana santai dan menyeronokkan. Antara objektif utama program ini termasuk mengeratkan hubungan antara pelajar melalui aktiviti santai dan kompetitif, meningkatkan semangat kekeluargaan dalam kalangan warga FKA, serta memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara aktif di luar bilik kuliah. Selain itu, program ini turut menyediakan ruang kepada pelajar untuk mempamerkan kemahiran kepimpinan dan kerjasama melalui penglibatan aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah *Paper Tunnel*, di mana peserta membina terowong menggunakan kertas sebagai simbol asas struktur kejuruteraan; *Balloon Stomping* yang menguji kelincahan dan strategi; serta *Balloon Train* yang menekankan koordinasi dan kerjasama kumpulan. Selain itu, aktiviti *seperti Candle Blower* memerlukan kawalan pernafasan yang tepat, manakala *Straw & Cup Relay* menguji ketepatan dan kesabaran dalam tugasan bergilir. Cabaran *Human & Ladder* pula menuntut kekuatan fizikal dan keyakinan untuk membentuk tangga manusia, diikuti dengan pertandingan *Volleyball* yang memupuk semangat kesukanan dan komunikasi dalam pasukan. Akhir sekali, *Tug of War* menjadi simbol kekuatan dan perpaduan apabila kumpulan bersaing dalam tarik tali dengan penuh semangat. Kesemua aktiviti ini telah berjaya mencetuskan suasana ceria, harmoni dan penuh semangat kekeluargaan dalam kalangan warga FKA.

Program Civil Family Day 2025 telah berlangsung dengan penuh meriah dan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik serta mencabar yang dirancang khusus untuk menguji kreativiti, ketangkasan, dan semangat berpasukan dalam kalangan peserta. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan bukan sahaja bersifat santai dan menyeronokkan, malah turut menyelitkan elemen pembelajaran tidak formal yang berkait rapat dengan bidang kejuruteraan awam serta pembangunan sahsiah pelajar.

Secara keseluruhannya, program ini telah memberi impak yang sangat positif kepada para peserta. Pelajar menunjukkan semangat kesukanan dan kerjasama yang tinggi sepanjang aktiviti berlangsung. Suasana ceria dan harmoni jelas terpancar, dan program ini berjaya menjadi platform untuk pelajar mengenali rakan-rakan dari semester lain serta membina jaringan sosial yang lebih luas.









SYARAHAN TEKNIKAL ECG253: FROM STABILITY TO COLLAPSE

Doris Asmani Mat Yusof, Nor Azizah Che Azmi, Nadia Zalikha Saifullizam

Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan seminar bertajuk “From Stability to Collapse: A Case Study on Slope Failure Mechanics in Soil and Rock” pada 4 Julai 2025. Program ini berlangsung di Dewan Kuliah 200 dari jam 2.00 petang hingga 5.00 petang, melibatkan penyertaan 8 orang pensyarah dan 136 pelajar kursus ECG253 (Geology) bagi semester Mac - Julai 2025.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan sebelum diteruskan dengan sesi perkongsian oleh penceramah jemputan, Ir. Gs. Marina Maseri yang merupakan seorang jurutera awam di Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR). Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang kejuruteraan awam, khususnya berkaitan kestabilan cerun tanah dan batuan. Kehadiran beliau memberi peluang kepada pelajar untuk memahami aplikasi sebenar ilmu geologi dalam industri.





Program ini merupakan sebahagian daripada siri “industrial talk” yang diadakan setiap semester bagi memenuhi keperluan kursus ECG253. Objektif utama penganjuran adalah memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pembangunan lestari serta cabaran sebenar yang dihadapi jurutera awam di lapangan. Penceramah turut berkongsi pengalaman kerja di tapak projek, sekali gus memberi gambaran jelas tentang realiti dunia pekerjaan.

Antara aspek utama yang dibincangkan termasuk kepentingan ilmu geologi kepada jurutera awam. Penceramah menekankan peranan struktur tanah, batuan, dan aliran air bawah tanah terhadap kestabilan cerun, serta tanggungjawab seorang jurutera untuk sentiasa peka terhadap fenomena semula jadi seperti tanah runtuh dan lubang benam. Fenomena seperti ini akan memberi kesan yang besar terhadap pembinaan jalan raya dan bangunan di Malaysia.

Secara keseluruhannya, seminar ini berjaya memberi manfaat besar kepada para pelajar dengan pendedahan praktikal daripada pihak industri. Perkongsian pengalaman sebenar bukan sahaja meningkatkan pengetahuan mereka, malah membina keyakinan untuk menghadapi cabaran kerjaya pada masa hadapan. Program sebegini diharapkan dapat melahirkan graduan yang lebih berdaya saing, inovatif, dan kreatif khususnya dalam bidang kejuruteraan awam.



EDUXPERIENCE: STEM DISCOVERY DAY

Doris Asmani Mat Yusof, Diana Che Lat, Roslizayati Razali

Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang dengan kerjasama SMK Taman Nusa Damai serta Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Mekanikal dan Kimia telah menganjurkan program EduXperience: STEM Discovery Day pada 15 Julai 2025. Program ini berlangsung di Dewan Kuliah 200 dan makmal-makmal kejuruteraan dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Program ini dirasmikan oleh Ketua Pusat Pengajian Kejuruteraan iaitu Ts. Dr. Mohd Amran Hasbullah, yang mewakili Penolong Rektor UiTM Johor.

Sebanyak 14 buah sekolah dari sekitar daerah Pasir Gudang dan Johor Bahru yang mengikut program EduXperience dengan penyertaan seramai 150 orang pelajar sekolah serta 29 orang guru pengiring. Selain itu seramai 40 orang pensyarah, dan 17 orang pelajar UiTM Pasir Gudang turut terlibat secara langsung sebagai fasilitator program bagi menjayakan program ini. Duta Guru Yayasan Petronas, Puan Rosila Amat Temin turut berbesar hati untuk turut sama dalam program ini.



EduXperience: STEM Discovery Day adalah merupakan satu inisiatif yang bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar sekolah terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) secara interaktif. Selain itu, ia bertujuan mewujudkan sesi pembelajaran berasaskan psikomotor dan amali. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pertandingan STEM seperti penghasilan penapis air, pemasangan litar, pembuatan sabun dan “solid card”. Kemudian, sesi lawatan ke makmal-makmal fakulti kejuruteraan turut dijalankan bagi memberikan pendedahan awal berkaitan peralatan dan mesin dalam bidang kejuruteraan.





Secara keseluruhan, EduXperience: STEM Discovery Day berjaya menjadi platform interaktif yang bukan sahaja menyemai minat pelajar terhadap STEM, tetapi juga memperkukuh hubungan strategik antara universiti dan sekolah. Kemudian, secara tidak langsung dapat menarik minat para pelajar untuk memilih bidang kejuruteraan sebagai kerjaya mereka apabila dewasa kelak. Diharapkan program sebegini dapat diteruskan dan diperluas lagi pada masa akan datang.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAWATAN TEKNIKAL DAN SEMINAR DI TOKYO, JEPUN

Ts. Saiful Jumali, Ir. Muhamad Fuad Shukor,
Mohd Johan Mohamed Ibrahim

Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah menyertai program lawatan teknikal ke Tokyo, Jepun yang merangkumi sesi seminar dan lawatan ke institusi penyelidikan bertaraf antarabangsa. Program ini dianjurkan dengan kerjasama *National Research Institute for Earth Science and Disaster Prevention, Japan* (NIED) berlangsung selama lima hari iaitu dari 18 hingga 22 Ogos 2025.

Tujuan utama program ini adalah untuk meningkatkan pemahaman teknikal dalam bidang kejuruteraan geoteknik. Selain itu, ianya bertujuan untuk mewujudkan platform pertukaran ilmu antara penyelidik Malaysia dan Jepun. Tambahan lagi, ia memberi peluang para penyelidik untuk meneroka potensi kerjasama penyelidikan antarabangsa serta mendedahkan peserta kepada teknologi terkini dalam pemantauan bencana dan mitigasi risiko.

Sesi seminar bertajuk *Joint Seminar on Geotechnical Engineering and Adaptive Solution* telah diadakan sebagai sebahagian daripada program ini. Seminar ini telah dihadiri oleh profesor dan pensyarah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), pegawai dari Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (NAHRIM), dan wakil penyelidik daripada UiTM.

Objektif seminar ini adalah untuk memfasilitasi pertukaran teknikal dalam kejuruteraan geoteknik melalui perbincangan yang merangkumi penggunaan teknologi penderiaan jauh untuk pemerolehan dan analisis data, kaedah penilaian risiko bencana, dan penyelesaian kejuruteraan bagi tujuan mitigasi.

Dalam sesi ini, wakil penyelidik dari UiTM, Ir. Muhamad Fuad bin Shukor, telah menyampaikan pembentangan bertajuk *K-PeC Alternative Solution for Slope Disaster Monitoring*. Pembentangan teknikal turut disampaikan oleh wakil dari NIED, UTM dan NAHRIM.

Delegasi UiTM telah berpeluang melawat beberapa institusi utama di Tokyo, termasuk fasiliti pencerapan data satelit dan radar milik NIED, simulator hujan terbesar di dunia, *Tokyo Fire Department and Disaster Prevention Education Centre*, *Japan Aerospace Exploration Agency* (JAXA), *The International Centre for Water Hazard and Risk Management* (ICHARM), *Public Works Research Institute* (PWRI), *National Institute of Advanced Industrial Science and Technology* (AIST), dan *Geological Museum of Japan.*

Program lawatan teknikal dan seminar ini telah memberikan impak yang signifikan kepada peserta dari segi pendedahan kepada teknologi canggih, amalan penyelidikan antarabangsa, serta peluang kolaborasi antara institusi Malaysia dan Jepun. Ia juga memperkukuh peranan UiTM sebagai institusi yang aktif dalam penyelidikan global dan pembangunan kejuruteraan berimpak tinggi.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

WEBINAR: THE IMPORTANCE OF PROPER SITE LAYOUT IN CONSTRUCTION SITES

Ts. Saiful Jumali, Mohd Hanafie Yasin


Site layout dalam projek pembinaan merujuk kepada pelan susun atur tapak yang menunjukkan bagaimana elemen-elemen utama projek akan ditempatkan dan diatur di atas tapak pembinaan. Ia adalah dokumen penting yang digunakan untuk merancang dan mengurus ruang secara terperinci sebelum kerja-kerja fizikal bermula. Pada 11 Julai 2025, Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), telah mengadakan *Live Webinar* bertajuk *The Importance of Proper Site Layout in Construction Sites* khusus bagi pelajar semester 4 yang mengambil kursus ECM367 – *Project and Construction Management*. Dalam Webinar ini, pelajar telah didedahkan tentang elemen-elemen utama dalam merancang site layout iaitu kedudukan bangunan utama dan struktur sokongan, akses jalan keluar masuk untuk kenderaan dan pejalan kaki, ruang terbuka dan kawasan hijau, lokasi peralatan dan bahan binaan, kemudahan tapak seperti tandas, stor, dan pejabat tapak, sistem saliran dan pengurusan air hujan, dan sambungan utiliti seperti elektrik dan air.




Webinar ini telah dihadiri oleh 56 orang peserta yang terdiri daripada pelajar yang mengikuti kursus ECM367 – *Project and Construction Management*. Webinar ini merupakan aktiviti pengukuhan yang difikirkan wajar dilaksanakan untuk tujuan meningkatkan pemahaman pelajar terhadap fungsi utama *site layout* iaitu memastikan keselamatan tapak dengan laluan yang jelas dan zon kerja yang teratur.

Selain itu, fungsi *site layout* ialah untuk mengoptimumkan penggunaan ruang agar kerja pembinaan berjalan lancar. Tambahan lagi, ianya penting untuk memastikan *site layout* sesebuah projek pembinaan mematuhi peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti jarak anjakan bangunan dan sempadan lot. Akhir sekali, *site layout* berfungsi untuk memudahkan logistik dan aliran kerja seperti penghantaran bahan dan pergerakan jentera.

Webinar ini telah berjaya memberikan pendedahan yang komprehensif kepada pelajar semester 4 bagi kursus ECM367 – *Project and Construction Management* mengenai kepentingan perancangan site layout dalam projek pembinaan. Melalui sesi ini, pelajar memahami bahawa site layout bukan sekadar pelan susun atur, tetapi merupakan elemen kritikal dalam menjamin keselamatan tapak, kelancaran operasi, dan pematuhan terhadap peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dengan kehadiran seramai 56 orang peserta, aktiviti ini telah berjaya meningkatkan pemahaman pelajar terhadap aspek praktikal pengurusan tapak dan kepentingan dokumentasi teknikal dalam pelaksanaan projek. Secara keseluruhan, webinar ini merupakan satu inisiatif pengukuhan yang relevan dan bermanfaat dalam membentuk kemahiran profesional pelajar kejuruteraan awam.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ECS248: MASTERING MOMENT DISTRIBUTION METHOD

Noorashiekin Khalid, Mohd Johan Mohamed Ibrahim,
Nurul Ain Umaiban Yusof

Belajar analisis struktur sering dianggap sebagai cabaran besar oleh pelajar kejuruteraan awam. Namun, persepsi itu berubah apabila Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang menganjurkan webinar bertajuk “Mastering Moment Distribution Method” pada 20 Jun 2025. Webinar ini berlangsung secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams dari jam 3.00 hingga 6.00 petang, khusus untuk 60 orang pelajar Semester 4 yang mengambil kursus ECS248 (Basic Structural Analysis) pada semester Mac hingga Ogos 2025.


Webinar ini menampilkan Ts. Dr. Khairi bin Supar, Pensyarah Kanan dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sebagai penceramah jemputan yang menyampaikan ceramah tentang topik “Moment Distribution Method” secara jelas, teratur, dan mudah difahami. Beliau menjelaskan konsep asas, kepentingannya dalam menganalisis struktur tak tentu (indeterminate structures), serta teknik penyelesaian langkah demi langkah.




Yang menjadikan webinar ini lebih istimewa adalah penyertaan kuiz interaktif menggunakan “Quizizz”, di mana para pelajar dapat menguji kefahaman mereka secara terus selepas sesi pembelajaran. Suasana menjadi lebih meriah apabila pelajar berlumba-lumba menjawab soalan, bukan sahaja untuk menguji pengetahuan tetapi juga untuk memenangi hadiah misteri yang ditawarkan.

Di akhir webinar, pelajar bukan sahaja dapat menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada tetapi webinar ini juga berjaya membuktikan bahawa topik teknikal yang kelihatan “sukar” sebenarnya boleh dipelajari dengan cara yang interaktif, kreatif, dan penuh semangat.









e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ECW241 HYDRAULICS: PUMP FUNDAMENTALS MELALUI PENGAJARAN KOLABORATIF

Azyan Zafyrah Mohd Zahid, Siti Farahin Kamaruddin

Dalam dunia kejuruteraan awam, pam ialah komponen penting yang memastikan air dapat bergerak dari satu tempat ke tempat lain, sama ada untuk bekalan domestik, industri, atau sistem kawalan banjir. Tanpa pam, sukar untuk membayangkan kehidupan moden yang bergantung kepada saliran, bekalan air bersih, dan perlindungan daripada bencana banjir.


Di UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang, kursus ECW241: Hydraulics memberi peluang kepada pelajar untuk mendalami bukan sahaja teori hidraulik, tetapi juga memahami aplikasi sebenar teknologi pam. Bertarikh 21 Jun 2025, melalui *Collaborative Group for Collaborative Teaching (CGCT),* pelajar telah mengikuti sesi bersama pakar industri iaitu Ir. Ana Miraa Mohd Yusof dari Grundfos Pumps Malaysia. Beliau berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang bagaimana sistem pam digunakan dalam projek besar seperti mitigasi banjir dan bekalan air bandar, sekali gus membuka mata pelajar bahawa apa yang dipelajari di dalam kelas mempunyai kaitan rapat dengan dunia sebenar.

Antara aspek utama yang ditekankan ialah jenis pam, parameter asas, dan cara operasi dalam sistem. Terdapat dua jenis pam yang paling penting iaitu *centrifugal pump* dan *reciprocating pump. Centrifugal pump* berfungsi menggunakan daya empar untuk menolak air, sesuai untuk aliran berterusan dalam jumlah yang besar, manakala *reciprocating pump* beroperasi menggunakan mekanisme omboh untuk menghasilkan tekanan tinggi dalam jumlah aliran yang lebih kecil.

Dari segi parameter, beberapa perkara asas perlu difahami iaitu *head*, iaitu ketinggian maksimum air boleh dipam; *discharge*, iaitu kadar aliran air; *efficiency*, nisbah tenaga keluaran kepada tenaga *input*; serta *power,* iaitu tenaga yang diperlukan untuk menggerakkan pam. Selain itu, operasi pam juga boleh disusun dalam dua cara, iaitu secara *series* untuk meningkatkan tekanan, dan *parallel* untuk meningkatkan kadar aliran.

Melalui pembelajaran ini, pelajar dapat mengenali asas operasi pam, memahami bagaimana kecekapan pam mempengaruhi prestasi sistem, dan melihat aplikasi praktikal dalam bidang kejuruteraan awam. Jika sebelum ini pam hanya dianggap sebagai topik peperiksaan, kini mereka melihatnya sebagai teknologi penting yang menentukan kelancaran kehidupan seharian masyarakat.

Kesimpulannya, pam mungkin kelihatan sebagai komponen kecil berbanding empangan atau saluran besar, namun impaknya sangat besar. Melalui gabungan teori di bilik kuliah dan perkongsian pakar industri, pelajar lebih menghargai peranan pam sebagai nadi sistem hidraulik. Seperti air yang sentiasa mengalir, ilmu yang dikongsi dalam kursus ini terus membuka ruang kepada pelajar untuk lebih bersedia menghadapi cabaran sebenar dalam dunia kejuruteraan.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BISNES KECIL, PENGAJARAN BESAR: SAHSIAH & KEMAHIRAN MAHASISWA DARI KEDAI RUNCIT

Mohamad Norsyafiq Mohd Nor, Herda Balqis Ismail,
Nur Sabihah Maisarah Mohd Rizal

Cuti semester sering dianggap masa untuk berehat daripada tekanan tugasan akademik, namun ia juga merupakan peluang berharga bagi mahasiswa untuk menimba pengalaman dan menyumbang kepada keluarga. Kedai runcit milik keluarga di FELDA Air Tawar 3 yang menjual pelbagai keperluan harian seperti ikan, ayam, sayur-sayuran dan barangan dapur lain menjadi sumber pendapatan utama yang memerlukan pengurusan rapi dan komitmen berterusan.

Penglibatan dalam pengurusan kedai runcit ini menuntut disiplin dan tanggungjawab yang tinggi. Setiap pagi, kedai perlu dibuka, kawasan dibersihkan, stok baru disusun, dan segala persediaan dilakukan sebelum pelanggan tiba. Dalam keadaan tertentu, bekalan segar diperoleh dari pasar borong di Kota Tinggi atau Batu Pahat, yang memerlukan perjalanan seawal jam 3 pagi. Proses ini memberi pendedahan kepada realiti pengorbanan dan usaha yang diperlukan untuk mengekalkan kualiti perniagaan. Ia juga mengukuhkan kemahiran pengurusan masa, daya tahan fizikal, dan kesungguhan bekerja.

Pengalaman berinteraksi dengan pelbagai lapisan pelanggan turut memberi kesan mendalam terhadap kemahiran insaniah. Situasi seperti melayani pelanggan bisu memupuk keprihatinan dan empati, sekali gus mendorong untuk mempelajari asas bahasa isyarat melalui platform dalam talian. Kemahiran ini bukan sahaja memudahkan komunikasi, malah mewujudkan perkhidmatan yang lebih inklusif dan mesra pelanggan.

Selain itu, pengetahuan yang diperoleh di universiti dapat diaplikasikan secara langsung dalam operasi kedai. Kaedah merekod jualan harian melalui aplikasi digital, penyusunan barangan mengikut kategori, dan penetapan tanda harga yang jelas telah meningkatkan kecekapan operasi dan tahap kepuasan pelanggan. Pembaharuan kecil ini membuktikan bahawa ilmu akademik boleh diterjemahkan kepada penyelesaian praktikal yang memberi nilai tambah kepada perniagaan keluarga.

Pengalaman ini turut memperkukuh hubungan kekeluargaan melalui kerjasama yang erat dalam pelbagai tugasan, daripada mendapatkan bekalan di pasar borong hingga menutup kedai pada lewat petang. Nilai murni seperti rasa tanggungjawab, menghargai pengorbanan ibu bapa, dan semangat membantu keluarga diperkukuh, selaras dengan matlamat melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi juga matang dari segi sahsiah.

Secara keseluruhannya, penglibatan dalam mengusahakan kedai runcit keluarga memberi impak yang signifikan terhadap pembentukan sahsiah dan kemahiran insaniah seorang mahasiswa. Ia mengasah daya tahan fizikal dan mental, meningkatkan keupayaan pengurusan, serta memupuk nilai keprihatinan terhadap masyarakat. Pengalaman ini menjadi asas kukuh untuk melangkah ke alam kerjaya dengan keyakinan, kemahiran, dan jati diri yang mantap, di samping menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk terus menyumbang kepada keluarga dan komuniti dalam apa jua keadaan.

.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LEMBAH LENGGONG: WARISAN DUNIA UNESCO

Nora Farina Mohd Halim, Doris Asmani Mat Yusof

Lembah Lenggong, yang terletak di Hulu Perak, merupakan sebuah destinasi pelancongan bersejarah yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 30 Jun 2012. Pengiktirafan ini meletakkan Lenggong sebaris dengan destinasi arkeologi dunia yang lain, kerana kawasan ini menyimpan tinggalan kehidupan awal manusia sejak zaman Paleolitik, sekali gus menjadikannya antara tapak prasejarah terpenting di Asia Tenggara.



Gambar 1 : Laluan keluar ke Lenggong

Lenggong boleh diakses melalui jalan raya dari Kuala Kangsar atau Gerik, dan sepanjang perjalanan, mata kita akan dijamu dengan panorama sawah padi, bukit-bukau dan kampung tradisional yang damai. Ia benar-benar menggambarkan suasana desa Perak yang masih terpelihara.

Lawatan ke Lembah Lenggong seakan membawa pengunjung mengembara kembali ke masa silam. Di Galeri Arkeologi Lenggong, tersimpan rangka manusia tertua yang pernah ditemui di Malaysia iaitu Perak Man, berusia lebih 10,000 tahun. Penemuan ini bukan sahaja penting dari sudut arkeologi, malah memperkukuh kedudukan Lenggong sebagai pusat kajian sejarah manusia.



Gambar 2 : Rangka Perak Man



Gambar 3 : Galer Arkeologi Lembah Lenggong

Perjalanan ke Lembah Lenggong bukan sekadar lawatan pelancongan, tetapi juga sebuah pengalaman mendidik jiwa tentang kepentingan menghargai warisan sejarah dan alam sekitar. Dengan gabungan nilai arkeologi, keindahan semula jadi dan kekayaan budaya, Lembah Lenggong wajar diangkat sebagai salah satu destinasi warisan paling berprestij di Malaysia.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PERNIAGAAN KUIH RAYA: WARISAN KELUARGA, PEMBENTUKAN KEMAHIRAN INSANIAH MAHASISWI

Nurul Shasa Alieya Nor Iskandar Shah, Herda Balqis Ismail,
Nur Huda Maisarah Mohd Abbas

Hari Raya Aidilfitri merupakan perayaan utama bagi masyarakat Melayu, melambangkan kemenangan dan kesyukuran setelah menunaikan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadhan. Sambutan ini diserikan dengan pelbagai tradisi yang menjadi amalan umat Islam di seluruh dunia. Antara suasana yang sinonim menjelang perayaan ialah aroma harum kuih raya yang baru dibakar, memenuhi ruang rumah dan membangkitkan nostalgia suasana kampung halaman. Tradisi ini diteruskan sebagai warisan keluarga apabila ibu mengambil peluang menambah pendapatan melalui perniagaan kecil-kecilan menjual kuih raya dari rumah. Bagi seorang mahasiswi, penglibatan dalam tradisi ini membuka ruang untuk membina sahsiah, mengukuhkan nilai murni, dan mengasah kemahiran insaniah yang penting untuk kehidupan profesional.

Setiap kali musim perayaan menjelma, ibu perlu menyiapkan pelbagai tempahan tepat pada masanya. Keadaan ini menuntut disiplin tinggi, pengurusan masa yang baik, dan ketelitian bagi memastikan kualiti produk terjamin. Keterlibatan dalam proses ini bukan sahaja memenuhi tanggungjawab keluarga, malah menjadi platform pembelajaran praktikal yang secara langsung memantapkan kemahiran insaniah. Pepatah sambil menyelam minum air tepat menggambarkan situasi ini, di mana aktiviti perniagaan kuih raya yang bertujuan membantu keluarga turut membuka peluang mempelajari pelbagai kemahiran seperti merancang promosi, mencipta inovasi produk, mengurus tempahan pelanggan, serta mengawal modal dan kos bahan mentah secara berhemat. Keseluruhan proses ini secara tidak langsung menjadi asas kepada kemahiran pengurusan projek yang diperlukan dalam dunia akademik dan kerjaya.

Pengalaman mengendalikan perniagaan keluarga memberi impak signifikan terhadap pembentukan sahsiah dan kemahiran insaniah seorang mahasiswi universiti. Keupayaan mengurus jadual tugasan, membahagikan sumber secara strategik, dan menetapkan keutamaan kerja telah meningkatkan kecekapan dalam melaksanakan projek akademik secara lebih sistematik. Interaksi berterusan dengan pelanggan turut mengasah kemahiran komunikasi, diplomasi, dan empati, selaras dengan pepatah bagai aur dengan tebing yang menekankan kepentingan kerjasama untuk mencapai kejayaan bersama. Kemahiran ini menjadi nilai tambah yang penting apabila melangkah ke alam kerjaya.

Lebih daripada sekadar aktiviti ekonomi, perniagaan kuih raya membentuk nilai-nilai kehidupan yang sukar diperoleh hanya melalui pembelajaran di bilik kuliah. Sifat mesra, kesabaran menghadapi pelbagai ragam pelanggan, daya kreatif dalam menghasilkan produk yang menarik, serta ketabahan mengatasi cabaran merupakan ciri yang mampu meningkatkan sahsiah diri. Seperti pepatah alah bisa tegal biasa, kemahiran yang diperkukuh melalui latihan berulang dan pengalaman sebenar mampu menguatkan fizikal dan mental mahasiswi. Justeru, perniagaan kuih raya keluarga bukan sahaja menjadi sumber pendapatan tambahan, malah merupakan medan pembelajaran yang memperkasakan ilmu, memperkukuh kemahiran, dan mengeratkan ikatan kekeluargaan, bak pepatah air dicincang tidak akan putus.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SWOT UNTUK MAHASISWA: STRATEGI PINTAR PERNIAGAAN

Nur Huda Maisarah Mohd Abbas, Herda Balqis Ismail,
Nurul Shasa Alieya Nor Iskandar Shah

Pada era globalisasi ini, bidang perniagaan semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat, termasuk mahasiswa yang melihatnya sebagai medium untuk menjana pendapatan dan membina kemahiran hidup. Perkembangan teknologi yang pesat telah membuka peluang luas untuk menceburi bidang ini hanya melalui capaian di hujung jari. Bagi mahasiswa yang ingin memulakan langkah awal dalam perniagaan, penggunaan analisis SWOT iaitu penilaian terhadap kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman merupakan strategi yang berkesan untuk merangka pelan tindakan yang lebih mantap.

Dari sudut kekuatan, mahasiswa perlu memanfaatkan kreativiti, inovasi, dan keupayaan memahami trend semasa bagi menghasilkan produk atau perkhidmatan yang mampu menarik perhatian pembeli secara konsisten. Fokus kepada kualiti dan keunikan produk akan melatih mereka berfikir secara kritis, mengenal pasti kelebihan diri, serta merancang strategi pemasaran yang relevan dengan perkembangan pasaran. Seterusnya, dalam aspek kelemahan, antara cabaran yang dihadapi oleh usahawan muda termasuk kekurangan pengalaman, modal terhad, dan keterbatasan rangkaian perniagaan. Namun, melalui penguasaan kemahiran pemasaran digital dan bimbingan daripada persatuan atau kelab keusahawanan di universiti, mahasiswa dapat meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran komunikasi untuk mengatasi kekangan tersebut.

Bagi aspek peluang, mahasiswa mempunyai kelebihan akses kepada pelbagai inisiatif universiti seperti penyediaan tapak jualan, penganjuran bazar kampus, dan platform dalam talian yang menyokong aktiviti keusahawanan. Peluang ini membolehkan mereka menguji pasaran, mengumpul

maklum balas pelanggan, dan membina jenama pada kos yang lebih rendah, sekali gus mengasah kemahiran perancangan, pengurusan masa, dan pembinaan rangkaian sosial. Dalam masa yang sama, aspek ancaman juga perlu diberi perhatian, khususnya persaingan daripada produk sedia ada di pasaran. Mahasiswa perlu bersedia menghadapi cabaran ini dengan memperbaiki produk, menawarkan nilai tambah yang berbeza, dan melaksanakan strategi promosi yang kreatif, di samping membentuk daya tahan, pemikiran strategik, dan kemahiran penyelesaian masalah.

Secara keseluruhannya, penglibatan mahasiswa dalam dunia perniagaan memberi manfaat yang jauh melangkaui aspek kewangan. Ia turut membina sahsiah, mengukuhkan daya tahan, memupuk kreativiti, dan mempertingkatkan kemahiran insaniah yang menjadi nilai tambah penting dalam dunia pekerjaan. Analisis SWOT bukan sahaja menjadi panduan awal yang praktikal untuk memulakan perniagaan, malah berperanan sebagai asas kepada perkembangan diri mahasiswa yang ingin muncul sebagai usahawan berdaya saing di masa hadapan.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TAEKWONDO UITM: MEMBINA SAHSIAH, MENGGILAP SEMANGAT JUANG MAHASISWA

Nur Farhana Safiyah Azlan, Herda Balqis Ismail,
Muhammad Eiman Ashraff Aluwi Azani

Penyertaan mahasiswa dalam Kejohanan Taekwondo Jemputan Pulau Pinang 2024 yang berlangsung pada 23 dan 24 November di Dewan Utama Desasiswa, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, merupakan wadah penting dalam memperkukuh pembangunan diri secara holistik. Kejohanan ini menghimpunkan pasukan daripada institusi pengajian tinggi dan kelab-kelab Taekwondo tempatan, termasuk penyertaan daripada UiTM Kampus Pasir Gudang dan UiTM Kampus Segamat.

Penglibatan dalam kejohanan sebegini memberi pelbagai manfaat dari aspek fizikal, mental, dan insaniah. Dari sudut fizikal, latihan intensif dan perlawanan sebenar membina ketahanan tubuh, kecekapan tindak balas, serta meningkatkan kemahiran teknikal. Penyertaan dalam kategori seperti kyorugi (pertarungan) dan poomsae (persembahan jurus) membolehkan atlet mengaplikasikan kemahiran yang diperoleh dalam latihan ke dalam situasi pertandingan sebenar.

Dari perspektif mental dan sahsiah, kejohanan ini mengasah keupayaan membuat keputusan pantas, mengawal emosi ketika berhadapan tekanan, serta meningkatkan disiplin diri. Peraturan pertandingan yang ketat turut mendidik kepatuhan terhadap arahan, ketertiban, dan rasa hormat kepada pihak lawan, jurulatih, serta pengadil dimana ianya merupakan nilai-nilai yang selari dengan pembangunan sahsiah seorang mahasiswa.

Selain itu, penglibatan aktif dalam kejohanan luar memperkukuh kemahiran sosial dan komunikasi. Interaksi dengan atlet daripada pelbagai universiti dan kelab, seperti Kelab TM dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), mewujudkan jaringan hubungan yang positif dalam komuniti sukan Taekwondo. Pendedahan kepada pelbagai gaya bertarung dan strategi turut membuka ruang kepada proses pembelajaran rentas institusi.

Kejayaan pasukan UiTM Kampus Pasir Gudang yang membawa pulang satu pingat emas, tiga pingat perak, dan empat pingat gangsa membuktikan bahawa dedikasi serta latihan berterusan mampu membuahkan hasil. Walaupun tidak semua atlet memperoleh pingat, semangat kesukanan yang ditonjolkan mencerminkan nilai ketekunan, kecekalan, dan usaha berterusan dalam menghadapi cabaran.

Secara keseluruhannya, penglibatan mahasiswa dalam kejohanan seperti ini bukan sahaja medan untuk meraih kemenangan, tetapi juga proses pembelajaran menyeluruh yang menyumbang kepada pembentukan jati diri seimbang dari segi intelek, emosi, dan fizikal. Aktiviti kesukanan seperti Taekwondo berperanan penting dalam melahirkan graduan holistik yang bukan sahaja cemerlang akademik, malah memiliki kepimpinan, integriti, serta semangat juang tinggi dimana ini merupakan ciri-ciri penting dalam menghadapi dunia kerjaya dan masyarakat yang mencabar.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENGALAMAN PERNIAGAAN SEBAGAI PLATFORM PEMBENTUKAN KEMAHIRAN MAHASISWA

Nur Sabihah Maisarah Mohd Rizal, Herda Balqis Ismail,
Mohamad Norsyafiq Mohd Nor

Perniagaan makanan di Dapor Kueh Zary Dakbe, merupakan antara bentuk keusahawanan yang paling mudah diakses dan mempunyai permintaan konsisten, terutamanya di kawasan berpenduduk padat. Operasi gerai makanan ini bermula dari jam 4 petang sehingga 10 malam setiap Isnin hingga Jumaat, ini menawarkan pelbagai aneka makanan seperti mee goreng, nasi goreng, laksa, mee kari, char kuey teow, lempeng, dan popia carbonara. Semua makanan ini disediakan menggunakan resepi turun-temurun. keluarga dan masakan tradisional boleh dijadikan asas kepada pembangunan perniagaan yang mampan. Aspek-aspek utama seperti kualiti makanan, kesegaran bahan, dan ketulenan rasa merupakan faktor utama dalam mengekalkan kepercayaan pelanggan.

Dalam era digital masa kini, pendekatan pemasaran melalui media sosial turut memainkan peranan penting dalam memperluaskan capaian pelanggan. Platform seperti Instagram, Facebook, dan TikTok menjadi saluran efektif bagi memperkenalkan jenama, menonjolkan identiti produk, serta berinteraksi secara langsung dengan pelanggan sasaran. Kandungan visual yang menarik seperti gambar makanan dan video penyediaan hidangan mampu menarik perhatian serta meningkatkan keinginan untuk membeli.

Selain pemasaran digital, elemen persembahan makanan juga perlu diberi perhatian. Kajian mendapati bahawa persembahan hidangan yang kemas dan menarik dapat mempengaruhi keputusan pembelian pelanggan. Penggunaan hiasan sampingan seperti daun sup segar, hirisan timun atau cili, serta susun atur yang kemas memberi nilai tambah dari segi
estetika dan profesionalisme dalam penyediaan makanan.

Penglibatan dalam operasi perniagaan secara langsung dapat melatih individu untuk berkomunikasi dengan pelbagai jenis pelanggan, mengurus aduan dengan tenang, serta meningkatkan keyakinan diri dan empati. Ini merupakan kemahiran penting dalam membina hubungan pelanggan yang kukuh dan setia. Sebagai contoh, berinteraksi dengan pelbagai latar belakang pelanggan dengan pelbagai ragam untuk memahami keperluan dan kehendak mereka serta mengendalikan aduan dari pelanggan adalah sesuatu cabaran yang memberi pengalaman yang akan meningkatkan keyakinan diri malah membantu menjadikan mahasiswa lebih matang dalam berfikir dan bertindak apabila berhadapan dengan cabaran harian perniagaan.

Di samping itu, aspek pengurusan seperti kawalan kos bahan mentah, pengurusan stok, penyusunan masa operasi dan kecekapan logistik perlu dikuasai agar perniagaan dapat dijalankan dengan lancar dan menguntungkan. Pendedahan kepada cabaran sebenar dalam perniagaan memberi peluang untuk membina daya tahan, ketekunan dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Secara keseluruhannya, penglibatan dalam aktiviti perniagaan kecil-kecilan sewaktu cuti semester wajar digalakkan dalam kalangan mahasiswa kerana Ia melengkapkan mahasiswa dengan ilmu praktikal, kefahaman industri, dan nilai keusahawanan yang tidak dapat diperoleh sepenuhnya melalui pembelajaran teori. Usaha ini seiring dengan aspirasi UiTM dan MASMED dalam melahirkan graduan holistik yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah bersedia menjadi pemimpin industri dan usahawan yang berdaya tahan serta bersedia untuk menghadapi cabaran dunia sebenar.

.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KEHIDUPAN KAMPUS AKTIF: KOLABORASI AKADEMIK, PEMBANGUNAN DIRI DAN KEUSAHAWANAN MAHASISWA

Muhammad Fitri Haikal Mohd Zin, Wafir Khalish Hazim Mustafa, Herda Balqis Ismail

Menjadi mahasiswa bukan hanya tentang hadir ke kelas, menyiapkan tugasan, dan menunggu hari graduasi. Kehidupan kampus yang aktif membuka peluang luar biasa untuk mengembangkan potensi diri dan mempersiapkan mahasiswa menghadapi dunia sebenar. Dengan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sama ada di kampus mahupun di luar, banyak manfaat yang dapat diperoleh oleh setiap mahasiswa. Di luar kampus, mahasiswa berpeluang berjumpa dengan tokoh-tokoh ternama seperti Rektor UiTM Cawangan Johor dan YB kehormat, serta berinteraksi dengan artis-artis tempatan. Semua pengalaman ini bukan sahaja memperluas jaringan kenalan tetapi juga mengajar cara berkomunikasi secara profesional dengan individu berpangkat atau berpengaruh. Lebih daripada itu, penglibatan dalam aktiviti luar kampus membina keyakinan diri, membuka minda, dan menjadikan mahasiswa lebih berani untuk mencuba sesuatu yang baharu.

Di dalam kampus pula, pelbagai program dan aktiviti membantu mahasiswa mengasah kemahiran peribadi seperti kepimpinan, komunikasi, pengurusan masa, dan kerja berpasukan. Aktiviti sebegini turut menjadi platform untuk membina kepercayaan dan hubungan erat sesama warga kampus termasuk pensyarah dan rakan-rakan. Selain mengisi masa lapang dengan cara yang bermanfaat, mahasiswa juga belajar untuk menjadi lebih berdikari dan bertanggungjawab. Inilah keseimbangan yang menjadikan mereka bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga aktif dalam kokurikulum dan sosial.

Aktiviti keusahawanan di kampus, seperti jual beli, turut memainkan peranan penting dalam pembangunan diri mahasiswa. Melalui aktiviti ini, mahasiswa memupuk semangat keusahawanan sejak di bangku universiti, mempelajari cara mengurus kewangan dan pemasaran serta mengasah kreativiti dalam merancang strategi perniagaan. Lebih daripada itu, pengalaman ini membangunkan keyakinan diri yang menjadi asas kukuh untuk memulakan perniagaan sebenar di masa hadapan.

Semester ini telah mencatatkan pelbagai kejayaan dan pengalaman berharga, namun ruang untuk penambahbaikan sentiasa ada. Pada masa akan datang, program-program ini boleh dipertingkatkan lagi dengan menganjurkan lawatan akademik ke luar negara, menjemput penceramah antarabangsa untuk berkongsi ilmu dan inspirasi, serta mengadakan kolaborasi antara fakulti atau kampus bagi memperluas jaringan dan idea. Secara keseluruhannya, kehidupan kampus yang aktif menjadikan mahasiswa lebih berdaya saing, berkeyakinan, dan bersedia menghadapi cabaran dunia sebenar. Maka, jangan takut untuk keluar daripada zon selesa, kerana setiap pengalaman dan kemahiran yang diperoleh melalui penglibatan ini adalah aset paling berharga untuk masa depan.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

AKTIVITI BRISK WALKING SEBAGAI PERSIAPAN HAJI

Nurul Farraheeda Abdul Rahman

Ibadah haji merupakan suatu perjalanan suci yang menuntut persediaan rapi dan menyeluruh daripada setiap jemaah. Persediaan ini bukan sahaja merangkumi aspek kewangan, malah turut menuntut kekuatan fizikal dan kestabilan mental bagi memastikan ibadah dapat ditunaikan dengan sempurna. Hal ini demikian kerana pelaksanaan rukun dan wajib haji melibatkan aktiviti fizikal yang intensif seperti berjalan dalam jarak yang jauh, berdiri dalam tempoh yang lama serta berhadapan dengan keadaan cuaca panas dan suasana persekitaran yang sesak (Ministry of Health, Saudi Arabia, n.d.).

Dari sudut kesihatan, tahap kecergasan fizikal yang baik berperanan penting dalam mengurangkan risiko keletihan, dehidrasi dan komplikasi kesihatan sepanjang ibadah berlangsung. Garis panduan kesihatan pra-haji mengesyorkan agar jemaah mengamalkan aktiviti brisk walking, iaitu berjalan cepat selama kira-kira 30 minit sehari, sebagai persediaan minimum (Public Health Authority, Saudi Arabia, n.d.). Amalan ini terbukti mampu meningkatkan stamina, kecergasan kardiovaskular, kekuatan otot serta daya tahan tubuh (Mass General Brigham, 2023; Harvard T.H. Chan School of Public Health, n.d.).

Persediaan fizikal ini amat signifikan kerana beberapa ibadah utama memerlukan perjalanan kaki yang panjang. Misalnya, tawaf dan sai melibatkan jarak kira-kira 3.5 kilometer bagi tujuh pusingan, manakala di Mina, jemaah perlu berjalan sejauh 7 hingga 8 kilometer dua hala dari khemah ke kawasan melontar jamrah untuk tempoh tiga hingga empat hari berturut-turut. Selain itu, ibadah solat lima waktu di Masjidil Haram juga memerlukan pergerakan berulang-alik dari hotel atau maktab, dengan anggaran jarak 1.3 kilometer sehala. Tempoh perjalanan ini boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti jarak penginapan, kecerunan muka bumi, kesesakan, penutupan jalan serta tahap kesihatan individu. Justeru, masa perjalanan dari hotel ke ruang

solat di Masjidil Haram boleh dianggarkan antara 30 hingga 50 minit.

Sehubungan itu, pengamalan brisk walking secara konsisten merupakan langkah persediaan fizikal yang wajar diberi perhatian serius sebelum menunaikan ibadah haji. Kesimpulannya, panduan ini hanya bersifat cadangan untuk membantu meningkatkan tahap kesediaan jemaah. Namun, perkara yang paling utama adalah memastikan niat menunaikan ibadah haji dan umrah dilakukan semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Allah S.W.T.



Jumlah langkah pada musim Haji 1446H/2025 bersamaan purata 8km sehari.
Sumber foto: Penulis

RUJUKAN:

Faizazizan. (2025, May 30). *Persediaan fizikal dan mental sebelum menunaikan Haji. Umrah-Haji.* https://umrah-haji.com/persediaan-fizikal-dan-mental-sebelum-menunaikan-haji/

Mass General Brigham. (2023, October 9). *Benefits of walking for heart health.* https://www.massgeneralbrigham.org/en/about/newsroom/articles/benefits-of-walking-for-heart-health

Ministry of Health, Saudi Arabia. (n.d.). *Physical fitness before Hajj.* (Retrieved September 10, 2025, from https://www.moh.gov.sa/en/HealthAwareness/Pilgrims_Health/

Public Health Authority, Saudi Arabia. (n.d.). *Before the Hajj season.* (Retrieved September 10, 2025, from https://www.pha.gov.sa/en-us/Healthportal/Pages/ Before-the-Hajj-season.asp)

Shahabuddin, A. (2024, October 16). *Anggaran masa perjalanan jemaah Haji dari maktab ke Masjidil Haram. Shahabuddin Amerudin @ UTM*. (Retrieved September 10, 2025, from https://people.utm.my/shahabuddin/?p=7374)

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SOLAT DI BUMI MATAHARI TERBIT: PENGALAMAN GANG VTK DI TOKYO

Mohd Amran Hasbullah, Muhamad Fuad Shukor, Siti Norafida Jusoh

Jam menunjukkan pukul 12.11 pagi apabila pesawat AirAsia yang membawa enam orang ahli Kumpulan Penyelidikan Verifikasi Teknologi Kejuruteraan (Gang VTK) selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Haneda (HA), Tokyo, Jepun. Meskipun kepenatan jelas terasa setelah penerbangan yang panjang, keutamaan untuk menunaikan solat Maghrib dan Isyak yang masih tertangguh tidak pernah diketepikan.

Kemudahan surau yang terletak di Aras 3, Terminal 3 (Balai Berlepas) Haneda tersedia untuk digunakan. Ruang solat yang agak luas dan selesa ini memberi kelegaan buat gang VTK untuk menunaikan kewajipan agama dengan tenang. Di bumi asing ini, suara azan yang dilaungkan langsung tidak mengundang rasa janggal dalam kalangan masyarakat Jepun yang terkenal dengan sikap toleransi dan hormat terhadap kepercayaan pelbagai agama.

Tokyo kini menempatkan sekurang-kurangnya lima buah masjid yang aktif, antaranya ialah Masjid As-Salaam Ueno (Okachimachi), Masjid Tokyo Camii & Diyanet Turkish Culture Center, Masjid Asakusa, Masjid Otsuka dan Masjid Hiroo di Minato. Biarpun bergelar musafir, tuntutan solat lima waktu – terutamanya solat Jumaat bagi kaum lelaki – tetap menjadi keutamaan.

Pada pagi Jumaat, gang VTK telah menempuh perjalanan berjalan kaki selama lebih kurang 20 minit dari Stesen LRT Ueno untuk menunaikan solat Jumaat di Masjid As-Salaam, Okachimachi. Masjid yang dibina lebih 14 tahun lalu ini kini semakin berkembang dan menerima kehadiran jemaah yang ramai. Justeru, solat Jumaat dilaksanakan dalam tiga sesi berasingan bagi mengurangkan kesesakan ruang solat. Khutbah pula disampaikan dalam dua bahasa: Bahasa Inggeris dan Bahasa Jepun, bagi memastikan mesej dapat disampaikan dengan jelas kepada pelbagai latar belakang jemaah.

Persekitaran sekitar masjid turut menyokong keperluan harian komuniti Muslim. Terdapat kedai-kedai makan halal serta kedai runcit yang diusahakan oleh penduduk berketurunan India, Pakistan dan Bangladesh. Menariknya, buat mereka yang rindu akan cita rasa tanah air, roti prata jenama Malaysia – *Kawan* – turut boleh didapati di sini.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

INOVASI BATA KONKRIT: KEMAHIRAN PRAKTIKAL MELALUI PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK

Nor Mayuze Mohamad, Siti Shahidah Sharipudin, Ir. Dr. Lee Siong Wee

Satu inisiatif inovatif dalam pembelajaran diperkenalkan bagi pelajar yang mengambil mata Pelajaran 'Material and Structural Laboratory' dalam melaksanakan projek berkumpulan melalui projek bertajuk "Hollow Concrete Brick." Projek ini berasaskan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL) yang bertujuan merapatkan jurang antara teori dan amalan praktikal. Kaedah pengajaran tradisional sering kali tidak mencukupi dalam menyediakan pelajar dengan kemahiran praktikal dan keupayaan menyelesaikan masalah secara kreatif. Melalui projek ini, pelajar tahun kedua kejuruteraan awam didedahkan kepada cabaran sebenar dalam mereka bentuk dan menghasilkan bata konkrit berongga yang inovatif.

Bata konkrit merupakan elemen penting dalam pembinaan kerana kekuatan, ketahanan dan rekabentuk yang estetik. Pelajar ditugaskan untuk menggunakan pengetahuan mereka tentang reka bentuk campuran konkrit bagi menghasilkan bata yang sesuai untuk kegunaan infrastruktur awam. Proses ini merangkumi beberapa fasa penting: konseptualisasi reka bentuk, penyediaan acuan dan bahan, fabrikasi dan ujian, serta penilaian akhir. Setiap fasa menggalakkan pelajar membuat keputusan dan menyelesaikan masalah secara kreatif.

Objektif utama projek ini adalah untuk membangunkan kemahiran pelajar dalam memilih komposisi bahan yang sesuai untuk penghasilan bata konkrit. Di samping itu, ia menggalakkan pemikiran kejuruteraan kreatif dengan mendorong pelajar untuk mereka bentuk bata yang lestari dan berorientasikan pengguna, selaras dengan piawaian industri dan keperluan komuniti. Projek ini juga menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur.

Penilaian hasil pelajar dijalankan menggunakan skala 1 hingga 10, berdasarkan empat kriteria utama: idea projek, inovasi reka bentuk, pemilihan bahan dan kualiti keseluruhan produk akhir. Keputusan menunjukkan majoriti pelajar memperoleh markah melebihi titik tengah, dengan sebahagian besar mencapai markah tinggi. Sebanyak 60.98% pelajar memperoleh markah 9 atau 10 untuk produk akhir mereka, menunjukkan prestasi yang kukuh dari segi metodologi dan pelaksanaan. Penilaian reka bentuk juga menunjukkan tahap kreativiti dan keaslian yang tinggi.

Keputusan ini membuktikan keberkesanan pendekatan PBL dalam meningkatkan penglibatan pelajar, kemahiran teknikal dan inovasi. Pelajar menunjukkan kerjasama, relevansi konteks dan aplikasi praktikal prinsip kejuruteraan, mempersiapkan mereka untuk kerjaya masa depan dalam industri.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SUSTAINABLE WASTEWATER SOLUTIONS FOR A GROWING CAMPUS COMMUNITY

Narita Noh, Juwita Asfar, Nur Zaidani Wati Mohd Darwis

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Johor, Segamat Campus, has taken proactive steps to improve its wastewater management system in line with the campus's growing population. With increasing numbers of students and staff, the existing oxidation pond system was no longer sufficient to handle the higher wastewater load. To address this, the university upgraded its treatment facility to an aeration pond, which has greater capacity and efficiency.

The treated effluent from the aeration pond is discharged into Sungai Penarah, and regular monitoring ensures compliance with the Department of Environment (DOE) Standard B. Over a 24-month evaluation period including 12 months using the oxidation pond and 12 months with the aeration pond. Water quality parameters such as pH, Biochemical Oxygen Demand (BOD), Chemical Oxygen Demand (COD), Total Suspended Solids (TSS), nitrate, and ammonia were measured monthly

Results confirmed that both systems met DOE standards as recorded in Table 1 and Table 2. However, the aeration pond recorded slightly higher values for some parameters. Despite this, it remains the more reliable option for supporting UiTM's long-term needs, given its ability to cater to larger populations.

Table 1: Data for pH, BOD,COD and TSS for oxidation pond and aeration pond (Noh *et al.*, 2025)

AXIDATION POND					EARATION POND				
Date	Oil & Grease (mg/L)	Ammonial Nitrogen (mg/L)	Nitrate Nitrogen (mg/L)	Phosphorus (mg/L)	Date	Oil & Grease (mg/L)	Ammonial Nitrogen (mg/L)	Nitrate Nitrogen (mg/L)	Phosphorus (mg/L)
Average	ND <1	5.56	2.03	1.24	Average	ND <1	6.13	2.25	1.25

Table 2: Data for Oil & Grease, Ammonial Nitrogen, Nitrate Nitrogen, Phosphorus for oxidation pond and aeration pond (Noh *et al.*, 2025)

OXIDATION POND					EARATION POND				
Date	pH	BOD (mg/L)	COD (mg/L)	TSS (mg/L)	Date	pH	BOD (mg/L)	COD (mg/L)	TSS (mg/L)
Average	**6.60**	**7.17**	**52.33**	**9.17**	**Average**	**6.74**	**10.67**	**57.58**	**12.92**

This initiative demonstrates UiTM's commitment to environmental responsibility and sustainable campus development, ensuring that wastewater is effectively managed without compromising the health of rivers or surrounding communities.

REFERENCES:

Noh, N., Ab Rahim, N. R., Asfar, J., Mohd Darwis, N. Z. W., & Salamin, M. (2025). Aeration ponds for improved wastewater management at Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Kampus Segamat: A quality assessment. Borneo Akademika, 9(1), 9–18.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

NANOPARTICLES: SMALL SCIENCE, BIG IMPACT

Azyan Zafyrah Mohd Zahid, Nadia Zalikha Saifullizam,
Noorashiekin Khalid

Nanoparticles are increasingly used in cosmetics due to their unique nanoscale properties. Their size (1–100 nm) allows better skin interaction, enhancing ingredient penetration, stability, solubility, and controlled release (Prow *et al.*, 2011). In skincare, nanoemulsions deliver compounds like retinol efficiently, while liposomes carry hydrating ingredients. Solid lipid nanoparticles (SLNs) and nanostructured lipid carriers (NLCs) improve moisturization and prolong its effects. Metallic nanoparticles, such as silver and gold, are also used in some formulations for their antimicrobial, anti-inflammatory, or anti-ageing claims. Their most accepted use is in sunscreens, where nano titanium dioxide (TiO_2) and zinc oxide (ZnO) provide effective UV protection without leaving a white residue (Nohynek *et al.*, 2010).

Beyond cosmetics, nanoparticles are widely applied across industries. In medicine, they enable targeted drug delivery, imaging, and cancer therapy. In food, they enhance packaging with antimicrobial and preservation functions. In electronics, they support smaller, faster devices, while in energy, they improve solar panels, batteries, and fuel cells. Environmental applications include water purification, pollution control, and soil remediation.

Despite these wide-ranging benefits, concerns remain regarding the long-term safety of nanoparticles. In human health, the main issue is whether they can penetrate deeply into tissues or accumulate in organs, potentially leading to oxidative stress or inflammation. In the environment, nanoparticles may persist in soil, air, and water, disrupting ecosystems. For instance, residues from sunscreens and personal care products may harm aquatic organisms and contribute to coral bleaching (Weir *et al.,* 2012).

Their persistence in soil can alter microbial activity, while airborne nanoparticles may raise respiratory risks if inhaled in large amounts. Because of these concerns, regulatory bodies worldwide are strengthening oversight, with the European Union requiring products containing nanoparticles to carry a “nano” label, while other regions such as the United States adopt less strict approaches.

In summary, nanoparticles represent a major scientific advancement that has transformed modern cosmetics while also playing an important role in medicine, food, electronics, energy, and environmental technology. In cosmetics, their most beneficial and widely accepted application is in sunscreens, where they provide safe and effective UV protection. However, as their use spreads across multiple industries, careful formulation, ongoing research, and stricter regulations are essential to ensure both consumer safety and environmental protection.

REFERENCES:

Nohynek, G. J., Antignac, E., Re, T., & Toutain, H. (2010). Safety assessment of personal care products/cosmetics and their ingredients. *Toxicology and Applied Pharmacology*, *243*(2). https://doi.org/10.1016/j.taap.2009.12.001

Prow, T. W., Grice, J. E., Lin, L. L., Faye, R., Butler, M., Becker, W., Wurm, E. M. T., Yoong, C., Robertson, T. A., Soyer, H. P., & Roberts, M. S. (2011). Nanoparticles and microparticles for skin drug delivery. In *Advanced Drug Delivery Reviews* (Vol. 63, Issue 6). https://doi.org/10.1016/j.addr.2011.01.012

Weir, A., Westerhoff, P., Fabricius, L., Hristovski, K., & Von Goetz, N. (2012). Titanium dioxide nanoparticles in food and personal care products. *Environmental Science and Technology*, *46*(4). https://doi.org/10.1021/es204168d

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TASIK RABAN: ANUGERAH ALAM SEMULA JADI PERAK

Nora Farina Mohd Halim, Doris Asmani Mat Yusof

Tasik Raban merupakan salah satu destinasi pelancongan alam semula jadi yang terletak di daerah Lenggong, Perak. Tasik ini terbentuk daripada sistem tasik semula jadi dan kawasan paya yang luas, dikelilingi oleh bukit-bukau serta kawasan pertanian tradisional. Kedudukannya yang strategik berhampiran Lembah Lenggong, menjadikan Tasik Raban sebagai destinasi pelancongan yang mempunyai nilai ekologi, rekreasi, dan warisan budaya.

Permukaan air yang tenang, dikelilingi kehijauan hutan tropika dan sawah padi, menjadikan kawasan ini sebagai lokasi yang sesuai untuk aktiviti fotografi, rekreasi air, dan riadah keluarga. Pada waktu pagi, kabus yang menyelubungi permukaan tasik menghasilkan suasana yang tenang dan mendamaikan, manakala pada waktu petang, panorama matahari terbenam sering menjadi tarikan utama pengunjung.



Gambar 1 : Dataran Tasik Raban

Pelbagai aktiviti boleh dilakukan di Tasik Raban, antara yang popular ialah memancing. Tasik ini kaya dengan spesies ikan air tawar seperti sebarau, lampam, dan tilapia. Selain itu, aktiviti air seperti Kayak dan menyusuri tasik dengan bot merupakan pilihan bagi pengunjung yang ingin menikmati suasana dengan lebih dekat.

Di sekitar Tasik Raban terdapat kemudahan asas untuk pelancong seperti restoran, gerai makanan tradisional, serta penginapan berbentuk chalet dan homestay. Hidangan berasaskan ikan air tawar, khususnya ikan pekasam dan masakan kampung, menjadi tarikan kulinari bagi pengunjung yang datang ke sini.

Secara keseluruhannya, Tasik Raban bukan sahaja menawarkan keindahan alam semula jadi, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan pelancongan berasaskan komuniti setempat di Lenggong. Dengan keunikan landskap, kepelbagaian aktiviti rekreasi, serta kedudukannya yang berhampiran dengan tapak arkeologi terpenting negara, Tasik Raban wajar dijadikan salah satu destinasi utama pelancongan berasaskan alam dan warisan di Malaysia.



Gambar 2 : Tasik Raban

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KEMBARA MENYELAMI CINTA TUHAN - HAJI 1446H

Nurul Farraheeda Abdul Rahman, Nik Amelina Nik Adnan

4 Mei 2025, tarikh keramat, penantian selama 16 tahun, hanya Allah yang Maha Mengetahui segala yang tersirat di dalam hati. Tangis dan emosi seorang ibu, namun bukanlah ertinya haji jika tiada pengorbanan. Begitulah manusia, secara fitrahnya ada perasaan sayang dan risau di hati mereka. Sesungguhnya, hanya Allah yang mengurus dan melindungi makhlukNya. Terima kasih keluarga tercinta yang sudi menggalas amanah menjaga anak-anak kami. Kembara ini bukan hanya perjalanan jasad, tetapi juga perjalanan jiwa. Tiada upaya kami melainkan dengan rahmat dan izinMu.

Ya Allah, terimalah musafir 48 hari ini, semoga Engkau terima dan angkat setiap satu ibadat kami sebagai satu darjat di sisiMu. Tiada lain yang kami harapkan dari perjalanan ini, melainkan mabrurnya sebuah kembara, dosa yang diampuni dan jalan ke syurga tanpa sebarang hisab. Janganlah Engkau jadikan perjalanan kami ini sia-sia. *"Hamba-Mu datang menyahut panggilanMu. Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan adalah kepunyaanMu, tiada sekutu bagiMu."* Kami tinggalkan anak-anak kami, kami tinggalkan pekerjaan kami, kami tinggalkan keselesaan kami untuk menyambut seruanMu.

9 Zulhijjah, wukuf di Arafah merupakan waktu kemuncak untuk keseluruhan kembara haji. Ia simbolik perhimpunan terbesar dan perkumpulan sekalian manusia kelak pada hari kiamat. Tiada beza darjat, pangkat, kuasa, takhta dan harta kerana kita semua hanyalah HAMBA. Setiap bait doa yang dibaca seusai khutbah, amatlah hiba menusuk jauh ke dalam dada. Betapa kerdilnya hati yang sedang menghadap Tuhan, membawa setinggi-tinggi pengharapan, memohon maghfirah, rahmat dan belas kasihan dari Sang Pencipta. *"Ya Allah, bebaskanlah daku daripada neraka, luaskan rezeki yang halal bagiku, dan hindarkan daku daripada jin dan manusia yang jahat lagi fasik."* Sayu hati mengiringi laungan azan Maghrib, menandakan tamatnya waktu yang amat berkat dan mustajab ini.

10 Zulhijjah, mabit di Muzdalifah yang meninggalkan kesan yang mendalam pada diri. Kami datang dengan seribu kepenatan, kelelahan dan kusut masai. Muzdalifah yang mengajarkan erti kehambaan dan pengabdian yang mendalam di jiwa. Juga erti kesederhanaan dan tiada apa yang menjadi kepunyaan mutlak kita untuk dibanggakan. Tidak ada sesiapa yang punya apa-apa keistimewaan waktu ini melainkan hanya mengharap dipandang Allah dengan pandangan Rahmat. Kegelapan malam berbumbungkan langit dalam keadaan bahang panas dan berdebu memberi kesempatan buat hambaMu merenung kekuasaanNya, dan mengingatkan diri agar sentiasa berzikir, bertasbih dan berdoa. Aku sesungguhnya menginsafi akan segala susunan takdir dan rencana-Mu yang Maha Sempurna.

11, 12 dan 13 Zulhijjah, bermalam di Mina dan melontar 3 Jamrah. Fokus melontar bukan sekadar pada kalimah tetapi ruhiyahnya, kita sedang menunjukkan ketegasan kita untuk menentang segala bentuk godaan yang merosakkan dan membuang sekali segala sifat tercela yang ada pada diri kita.

Pasca Haji – Kami sebak, lega dan insaf, semuanya bersatu dan tak terungkapkan dengan kata-kata. Maha Suci Allah yang telah melahirkan sabar. Berjumpa pelbagai jenis ragam manusia yang semestinya menuntut sabar. Sabar menahan diri dari menghukum sesuka hati, menepis bisikan iblis yang suka kita berprasangka serta menangkis perasaan merasa diri lebih baik dari orang lain. Segalanya menuntut sabar yang bukan sedikit demi mengharapkan rahmat Tuhan. Sesungguhnya, kami amat bersyukur kerana telah sempurna sebuah kewajipan, dan semuanya dipermudahkan dengan izin Allah S.W.T. Semoga kita kembali menjadi tetamuNya suatu hari nanti, insya Allah.


Menanti waktu wukuf


Mabit di Muzdalifah


Melontar Jamrah


Tawaf Haji

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

GOYANG DI SEGAMAT: ADAKAH KITA MASIH SELAMAT?

Siti Nur Aishah Mohd Noor, Diana Che Lat,
Roslizayati Razali

Ketika ada yang masih dibuai mimpi, atau sedang bersiap untuk memulakan hari, satu gegaran sederhana dirasakan menyebabkan bumi bergegar dan penggera kenderaan berbunyi. Pagi Ahad, 24 Ogos 2025, jam 6:13 pagi, Segamat digoncang oleh gempa berskala ringan bermagnitud 4.1 dengan pusat gegaran terletak sekitar 5 km dari barat Segamat dan pada kedalaman 10 km. Tidak lama kemudian, jam 9 pagi, gegaran susulan bermagnitud 2.8 dikesan sekitar 28 km barat laut Kluang (Malay Mail,The Star). Gegaran susulan ini dilaporkan turut dirasai di Negeri Sembilan, Melaka, dan selatan Pahang. Pada 27 Ogos 2025, MetMalaysia mengesahkan gempa lemah bermagnitud 3.2 berlaku pada jam 8:59 pagi, berpusat sekitar 18 km dari selatan Segamat dengan kedalaman 10 km. Gegaran ini dirasai di beberapa kawasan di Johor dan selatan Pahang. Sekali lagi pada 28 Ogos 2025, gempa bermagnitud 2.5 dikesan di Segamat pada jam 7.56 malam, gempa keempat dalam masa seminggu. Walaupun tiada sebarang korban jiwa, terdapat beberapa kerosakan kecil telah dilaporkan seperti keretakan kecil di kediaman dan syiling di surau runtuh.

Analisa awal oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) menyatakan bahawa pusat gegaran ini berada di sambungan ‘Mersing Fault Zone’, sesar kuno yang mungkin telah teraktif semula. Sesar itu telah lama wujud dan dipercayai tidak aktif, dan kembali aktif akibat tekanan bawah tanah yang lama tersimpan. Pakar menyatakan bahawa gempa ini bukan berpunca dari aktiviti gunung berapi atau subduksi laut dalam. Fenomena ini berlaku apabila blok kerak bumi di bahagian utara sesar bergerak ke arah barat manakala blok di bahagian selatan pula bergerak ke arah timur. Ini menyebabkan pelepasan tenaga tektonik yang tersimpan di dalam

kerak bumi dan menyebabkan gempa.

Sejarah membuktikan Johor bukanlah negeri bebas gempa. Pada tahun 1922, Muar pernah digegarkan dengan gempa bermagnitud 5.4 dan 5.0. Selain Johor, beberapa kawasan lain juga pernah mengalami aktiviti yang sama seperti Bukit Tinggi (2007–2010), Kenyir (1984), Kuala Pilah (1987) dan Manjung–Temenggor (1990). Walaupun ianya jarang berlaku, peristiwa ini menandakan kerak bumi Malaysia masih menyimpan tekanan tersembunyi. Tekanan ini boleh sahaja dilepaskan pada bila-bila masa di dalam bentuk gegaran kecil sehingga sederhana seperti yang berlaku di Segamat hari ini. Walaupun risikonya tidak setinggi di Sumatera yang kerap dilanda gempa besar, rakyat Malaysia tidak boleh memandang ringan kemungkinan gegaran yang mungkin bakal berlaku.

Malaysia sebenarnya terletak di atas Plat Sunda yang selama ini dianggap stabil dan terletak bukan pada zon gempa. Namun, tekanan daripada sistem tektonik serantau, ia tetap memberi kesan kepada kerak bumi kita. Gerakan kerak intraplate boleh mencetuskan gegaran walaupun sesar kelihatan tidak aktif, membuktikan bahawa isu ini memerlukan perhatian, kajian dan kesiapsiagaan berterusan daripada semua pihak. JMG dan MetMalaysia menekankan kepentingan pemetaan semula sesar, pemantauan seismik proaktif, dan sistem amaran awal untuk melindungi keselamatan penduduk dan infrastruktur kritikal seperti hospital, sekolah, jambatan & pejabat awam. Gempa bumi Segamat walau kecil adalah peringatan kepada kita bahawa bumi Malaysia juga menyimpan rahsia geologi yang tidak boleh dipandang ringan.



Gambar: Lokasi gempa Segamat dan zon Sesar Mersing yang dikaitkan dengan gegaran pada 24 Ogos 2025 (Sumber: JMG)

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

GLOW-IN-THE-DARK ROAD MARKINGS IN MALAYSIA: A BRIGHT IDEA THAT FADED TOO SOON

Nadia Zalikha Saifullizam, Azyan Zafyrah Mohd Zahid, Noorashiekin Khalid

In late 2023, Malaysia has finally introduced a new initiative which aimed at enhancing road safety: glow-in-the-dark road markings. It was first tested in Semenyih, Selangor spanning along a 245 meter stretch which objectives is to improve night visibility for drivers and pedestrians in areas with minimal or no street lighting. The markings used photoluminescent paint, which absorbs sunlight during the day and emits glowing effect at night.

The innovative concept, led by JKR Hulu Langat and supported by the Ministry of Works was initially well-received. According to the interview in The Straits Times, Minister Alexander Nanta Linggi praised the markings' visibility, noting that they performed effectively even in wet conditions. Public reaction was generally positive, especially in rural areas where conventional lighting infrastructure is often limited. In response to this early success in Selangor, government had planned to extend the technology to more locations such as Kedah, Melaka, Johor and Negeri Sembilan.

However, the project was soon dimmed by cost concerns. The material used came with a hefty price tag, RM 749 per square meter, nearly 20 times the cost of traditional road paint. By late 2024, an announcement been made in the Parliament that the government would likely not continue with the technology due its high cost and limited long-term impact. Authors had the opportunity to raise this matter with Mr. Zulkefli Kasim, Project Manager of Gemencheh Granite Sdn. Bhd. He agreed that the project is too expensive and the materials' durability did not match its price. Photoluminescent paint lacks durability, easily faded and requires frequent maintenance

While the glow-in-the-dark road markings project has been paused or discontinued, it raises important questions about how Malaysia can balance innovation, safety, and budget constraints. On the other side, this matter highlights the importance for interdisciplinary collaboration and evidence-based evaluation before adopting new public infrastructure technologies among university researchers, urban planners and engineers.

Though the initiatives dimmed, perhaps the ‘glow’ from this project will illuminate future paths in sustainable transport and road engineering.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

HATYAI: ANTARA BUDAYA, MAKANAN DAN KENANGAN

Siti Farahin Kamaruddin, Mazni Mat Zin, Azyan Zafyrah Mohd Zahid

Hatyai, sebuah bandar di selatan Thailand, semakin dikenali sebagai destinasi pilihan pelancong dari Malaysia. Walaupun bersaiz sederhana, bandar ini mempunyai pelbagai tarikan yang mampu memberi pengalaman berharga kepada sesiapa sahaja yang datang berkunjung. Perjalanan singkat ke Hatyai bukan sekadar percutian, malah membuka peluang untuk mengenali budaya, suasana, dan keunikan masyarakat setempat.

Hatyai menampilkan gabungan menarik antara moden dan tradisional. Pusat membeli-belah yang sibuk berdiri seiring dengan pasar tradisional, kuil-kuil bersejarah, dan kedai kecil di tepi jalan. Tuk-tuk yang berwarna-warni menjadi pengangkutan utama, menambahkan seri pada suasana bandar. Keramahan penduduk tempatan serta penggunaan bahasa melayu asas oleh sebahagian besar masyarakat menjadikan bandar ini mesra kepada pelancong dari negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia.



Gambar 1: Suasana jalanan Hatyai yang meriah dengan tuk-tuk berwarna-warni

Salah satu tarikan utama Hatyai ialah Pasar Terapung Khlong Hae. Pasar ini menampilkan peniaga yang menjual makanan dan minuman dari atas perahu kecil, menjadikan suasana lebih unik dan meriah. Bau makanan, suara peniaga, dan warna-warni pakaian tradisional menjadikan pasar ini destinasi yang wajib dilawati.



Gambar 2: Peniaga di Pasar Terapung Khlong Hae menjual makanan dari atas perahu, tarikan unik bandar Hatyai

Selain pasar terapung, Hatyai juga terkenal sebagai syurga makanan jalanan. Teh thai, pulut mangga, dan makanan laut segar yang dijual di pasar malam menjadikan kunjungan lebih meriah dan menarik. Suasana pasar malam yang diterangi lampu berwarna-warni menambahkan lagi keceriaan kepada pengalaman percutian.

Percutian singkat ke Hatyai bukan sekadar peluang untuk beristirahat, malah menjadi ruang untuk melihat kepelbagaian budaya. Lawatan ini membuktikan bahawa Hatyai mampu menawarkan pengalaman besar melalui budaya, makanan, dan kenangan yang sukar dilupakan.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MAHASISWA & SUKAN: MENCORAK KEPIMPINAN MASA DEPAN

Muhammad Eiman Ashraff Aluwi Azani, Herda Balqis Ismail,
Nur Farhana Safiyah Azlan

Penglibatan sebagai ahli Jawatankuasa Sukan Pelajar di UiTM Pasir Gudang telah menjadi platform penting dalam membentuk sahsiah dan menambah nilai diri sebagai mahasiswa. Peranan ini tidak hanya tertumpu kepada penganjuran acara sukan, tetapi turut melibatkan perancangan strategik, pengurusan sumber, penyelarasan pasukan, dan penyelesaian masalah. Situasi seperti memastikan kehadiran pasukan, memeriksa kesempurnaan peralatan, serta menangani cabaran tidak dijangka seperti perubahan cuaca, telah melatih kemahiran membuat keputusan pantas dan berkesan. Pengalaman ini secara langsung memperkukuh nilai disiplin, daya tahan, dan kematangan dalam pengurusan, yang merupakan ciri penting untuk seorang mahasiswa berdaya saing.

Dari sudut gaya hidup sihat, penglibatan dalam penganjuran acara seperti futsal, bola tampar, badminton dan kejohanan antara fakulti bukan sahaja mempromosikan kecergasan fizikal, malah membentuk kesedaran terhadap kesejahteraan mental. Sukan menjadi medium untuk mengurangkan tekanan akademik, meningkatkan stamina, dan memupuk semangat kesukanan. Nilai seperti kerjasama, ketekunan, dan hormat-menghormati rakan sepasukan adalah elemen penting dalam pembentukan sahsiah seorang mahasiswa yang seimbang dari segi akademik dan peribadi.

Dari aspek komunikasi, pengalaman berurusan dengan pelajar dari pelbagai fakulti, pengadil profesional, serta pihak keselamatan seperti polis bantuan telah memperkukuh kemahiran interpersonal dan diplomasi. Keupayaan menyampaikan maklumat dengan jelas, menerima pandangan secara terbuka, dan mencari titik persetujuan bersama membentuk nilai

empati, toleransi, dan keterbukaan minda. Ini adalah nilai tambah yang amat berguna apabila mahasiswa memasuki dunia kerjaya yang menuntut kemampuan bekerja dengan pelbagai latar belakang dan personaliti.

Jaringan sosial yang terbina melalui kerjasama merentasi fakulti dan semester telah memperkayakan pengalaman hidup di kampus. Interaksi ini membina keyakinan diri, memupuk semangat kekitaan, dan memperluas pandangan terhadap budaya kerja berpasukan. Secara keseluruhannya, penglibatan sebagai ahli Jawatankuasa Sukan Pelajar bukan sahaja mengasah kemahiran teknikal dalam pengurusan acara, tetapi turut memperkasa sahsiah serta menyediakan nilai tambah yang membentuk mahasiswa menjadi graduan yang holistik, kompeten, dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

APLIKASI 'CO-DRIVER' UNTUK PEMANDUAN YANG SELAMAT


Hairol Anuar Haron, Zulfairul Zakariah, Mohd Fairuz Bachok

Kemalangan jalan raya merupakan antara penyebab utama kematian di Malaysia. Setiap tahun menunjukkan peningkatan kes kemalangan. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan kenderaan yang berada di jalan raya yang turut memperingkatkan risiko kemalangan. Apabila berlaku kemalangan jalan raya, ianya bukan sahaja akan mengakibatkan kenderaan mengalami kerosakan, infrastruktur jalan musnah dan kerugian wang ringgit tetapi juga mendatangkan kecederaan serta kehilangan nyawa. Antara puncanya adalah faktor pemandu iaitu sikap pemandu, kecuaian dan melanggar peraturan; faktor kenderaan iaitu penyelenggaraan buruk; faktor jalan raya iaitu keadaan jalan dan kurang penyelenggaraan; faktor cuaca iaitu cuaca buruk dan faktor lain iaitu penguatkuasaan undang-undang yang lemah.

Menyedari kesan buruk akibat kemalangan jalan raya, sekumpulan pensyarah telah mengambil inisiatif membangunkan satu aplikasi untuk pemanduan yang selamat. Aplikasi 'Co-Driver' adalah aplikasi yang dikawal oleh penumpang untuk memantau risiko kemalangan sepanjang perjalanan supaya dapat dimaklumkan kepada pemandu bagi pemanduan yang selamat. Pembangunan aplikasi ini memfokuskan kepada penurunan risiko kemalangan yang berpunca dari faktor pemandu, jalan raya dan cuaca. Aplikasi ini turut diintegrasikan dengan kamera dan lampu amaran. Terdapat dua skrin utama aplikasi iaitu skrin pemantauan risiko kemalangan di mana di skrin ini menunjukkan risiko berlakunya kemalangan seperti titik kemalangan, kabus, tanah runtuh, gelinciran dan haiwan melintas. Manakala, skrin kedua adalah untuk aduan yang berkaitan dengan gangguan di jalan seperti lubang jalan, tiada lampu, bangkai haiwan, halangan dan sebagainya kepada pihak berkuasa.

Apabila memulakan perjalanan, penumpang (pembantu pemandu) perlu membuat dua skrin terpisah pada skrin gajet di mana skrin pertama adalah skrin amaran aplikasi ‘Co-driver’ dan skrin kedua untuk paparan rakaman empat kamera yang dipasang untuk melihat titik buta pemandu. Jika di skrin amaran menunjukkan terdapat risiko kemalangan, pembantu pemandu perlu menekan butang untuk menghidupkan lampu merah sehingga tiada lagi risiko kemalangan. Jika terdapat kenderaan yang terlalu hampir dengan kenderaan atau pemandu terlelap, maka pembantu pemandu perlu menghidupkan lampu jingga. Bagi skrin aduan, jika ada gangguan di jalan, pembantu pemandu hanya perlu menangkap gambar dan memilih jenis gangguan sahaja sebelum menghantar ke pihak berkuasa.

Pada masa kini, pemakluman amaran melalui lampu amaran kepada pemandu adalah bergantung sepenuhnya kepada penilaian risiko oleh pembantu pemandu. Namun begitu, pada masa hadapan, aplikasi ini akan dikuasakan dengan kecerdasan buatan (AI) untuk membuat keputusan amaran supaya pemandu dapat memandu dengan selamat walaupun tanpa pembantu pemandu.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PUNCA UTAMA KEMALANGAN JALAN RAYA

Mohamed Khatif Tawaf Mohamed Yusof, Adrina Rosseira Abu Talip, Atiqah Najwa Zainuddin

Kemalangan jalan raya merupakan isu yang semakin membimbangkan masyarakat pada masa kini. Setiap tahun, ribuan kes kemalangan dilaporkan, melibatkan kehilangan nyawa, kecederaan parah, dan kerugian harta benda. Fenomena ini bukan sahaja memberi kesan kepada mangsa dan keluarga, malah turut menjejaskan produktiviti negara. Oleh itu, adalah penting untuk mengenal pasti punca-punca utama berlakunya kemalangan jalan raya agar langkah pencegahan dapat diambil dengan berkesan.

Punca utama kemalangan jalan raya adalah sikap cuai pengguna jalan raya sendiri. Ramai pemandu mengabaikan undang-undang dengan memandu melebihi had laju, melanggar lampu isyarat, atau menukar lorong tanpa memberi isyarat. Ada juga yang menggunakan telefon bimbit ketika memandu, menyebabkan perhatian mereka teralih daripada jalan. Kealpaan ini meningkatkan risiko berlakunya pelanggaran.

Selain itu, faktor keadaan jalan turut menjadi penyumbang. Jalan yang sempit, berlubang, tidak rata, dan tidak mempunyai pencahayaan mencukupi pada waktu malam boleh mengundang bahaya. Lebih-lebih lagi, jalan yang sering dilanda kesesakan meningkatkan tekanan kepada pemandu sehingga mereka mudah hilang sabar dan membuat keputusan terburu-buru.

Keadaan cuaca juga memainkan peranan penting. Hujan lebat, kabus tebal, dan jalan licin menyebabkan pandangan pemandu terbatas dan kawalan kenderaan menjadi sukar. Ramai pemandu tidak menyesuaikan kelajuan mengikut keadaan cuaca, sekali gus meningkatkan risiko kemalangan.

Selain itu, keadaan kenderaan yang tidak diselenggara dengan baik turut menyumbang kepada kemalangan. Kenderaan yang mengalami masalah brek, lampu tidak berfungsi, atau tayar haus boleh mengurangkan tahap keselamatan pemandu dan penumpang.

Kesimpulannya, kemalangan jalan raya berpunca daripada pelbagai faktor seperti kecuaian pemandu, keadaan jalan, cuaca, serta kenderaan yang tidak diselenggara dengan sempurna. Semua pihak harus memainkan peranan masing-masing dalam menangani isu ini. Pemandu hendaklah lebih berdisiplin, pihak berkuasa perlu memastikan infrastruktur jalan berada dalam keadaan baik, manakala pemilik kenderaan wajar melakukan pemeriksaan berkala. Dengan kerjasama menyeluruh, kadar kemalangan dapat dikurangkan dan keselamatan jalan raya dapat dipertingkatkan.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAUTAN, MANUSIA DAN PLASTIK: LEGASI GELAP REVOLUSI SINTETIK

Mazni Mat Zin, Shamila Azman, Nur Afifah A. Rahman

Polimer sintetik, atau lebih dikenali panggilan plastik, merupakan salah satu ciptaan berpengaruh abad moden yang merevolusikan perubatan, makanan, pembinaan, dan teknologi. Namun, di sebalik simbol kemajuan dan kemudahan, kebergantungan berlebihan telah menukar revolusi ini menjadi tragedi global yang membebankan ekosistem serta mengancam kesihatan manusia.

Di peringkat global, lebih 400 juta tan plastik dihasilkan setiap tahun, dengan separuh daripadanya terdiri daripada plastik sekali guna. Malangnya, hanya segelintir dikitar semula. Selebihnya? Berakhir di tapak pelupusan, membanjiri sungai, atau terapung di lautan. Akibatnya, kini bertrilion zarah mikroplastik kini menghuni lautan, merosakkan biodiversiti marin dan memasuki rantaian makanan manusia. Penemuan mikroplastik dalam tubuh manusia menjadi amaran keras bahawa pencemaran ini tidak lagi sekadar isu alam sekitar, tetapi ancaman kesihatan awam yang menggugat pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan).

Malaysia tidak terkecuali daripada gelombang krisis ini. Setiap tahun, lebih sejuta tan sisa plastik dihasilkan, dan ratusan ribu tan daripadanya tidak diuruskan dengan baik. Akibatnya, sungai, pantai, dan laut semakin tercemar. Walaupun kempen “Tiada Beg Plastik” diperkenalkan, budaya penggunaan sekali guna masih berakar umbi. Kadar kitar semula yang rendah pula menghalang pencapaian negara terhadap SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab) serta SDG 14 (Hidupan di Bawah Air). Kesan pencemaran plastik sangat luas. Nelayan berdepan kerugian apabila jaring rosak akibat plastik, manakala bandar pula terdedah kepada banjir kilat

akibat sistem saliran tersumbat. Fenomena ini menghalang usaha mencapai SDG 11 (Bandar dan Komuniti Lestari) dan memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan masyarakat.

Mengurus isu ini memerlukan pendekatan menyeluruh antaranya polisi larangan plastik sekali guna yang tegas, galakan inovasi bahan alternatif mesra alam, peningkatan teknologi kitar semula, serta pendidikan awam yang berterusan dan selari dengan Kerjasama yang merentas setiap sektor. Polimer sintetik telah merevolusikan peradaban moden, namun tanpa pengurusan lestari ia meninggalkan legasi pencemaran yang merosakkan. Dunia hanya mampu melangkah seiring aspirasi Agenda 2030 jika revolusi ini ditransformasikan menjadi peluang bagi kelestarian global yang menuntut komitmen tanpa kompromi untuk menuju masa depan yang seimbang, selamat, dan berdaya tahan.



Sumber: pinterest.com

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SEKOLAH HARIAN VS ASRAMA: MANA PILIHAN TERBAIK UNTUK ANAK?

Siti Nur Aishah Mohd Noor

Bila tiba masa untuk anak melangkah ke sekolah menengah, bermulalah dilema ibu dah ayah untuk memilih di antara sekolah harian dan sekolah berasrama penuh. Setiap ibu bapa pasti mahu memberikan pendidikan yang terbaik namun kerisauan sering sahaja timbul tentang sekolah apakah yang terbaik untuk anak mereka. Kedua-duanya pilihan jenis sekolah ada kelebihannya tersendiri, tetapi juga ada cabaran yang ibu bapa perlu fikirkan.

Sekolah harian dekat di mata, tetapi perlukan disiplin yang sangat tinggi. Sekolah harian menjadi pilihan ramai kerana lokasinya yang dekat dengan rumah. Anak boleh pulang setiap hari, makan masakan ibu, dan lebih mudah dipantau oleh ibu bapa. Hubungan anak dengan keluarga juga akan menjadi lebih rapat kerana sering berjumpa dan boleh melakukan aktiviti bersama. Kos belanja persekolahan pun biasanya lebih rendah tetapi cabarannya adalah anak mestilah pandai mengurus masa untuk menyiapkan kerja sekolah dan ulangkaji sendiri terutamanya bagi anak yang mempunyai ibubapa yang bekerja.

Kekurangannya, anak-anak perlu membantu ibu bapa melakukan pekerjaan rumah dan seharusnya pandai seimbangkannya dengan aktiviti akademik. Jika tidak, mereka akan cepat penat dan hilang fokus. Semua kerja rumah dan pengurusan diri juga sering dibantu oleh ibubapa dan ahli keluarga yang lain dan ini akan menyebabkan anak kurang berdikari. Jika di asrama, jadual waktu belajar amat padat dan dipantau oleh guru. Tetapi di sekolah harian, menjadi inisiatif ibubapa untuk menghantar anak ke kelas tambahan atau tuisyen berbayar dan ia akan melibatkan kos tambahan.

Di sekolah asrama, anak akan belajar hidup berdikari, urus diri sendiri, dan lebih rapat dengan kawan-kawan. Hubungan dengan ibubapa dan ahli keluarga yang lain mungkin akan sedikit renggang dan sukar untuk meluangkan masa bersama-sama. Jadual belajar biasanya lebih tersusun, jadi peluang untuk fokus pun lebih tinggi. Namun, cabaran terbesar ialah rindu kepada keluarga terutama bagi anak yang baru pertama kali berjauhan dan belajar hidup mandiri.

Isu buli di asrama juga sering diperbincangkan dan menjadi kerisauan utama ibubapa. Malah, negara kita baru-baru ini dikejutkan dengan kes menyayat hati melibatkan arwah adik Zara Qairina, pelajar sekolah berasrama yang menjadi mangsa buli sehingga mengundang maut. Kes ini membuka mata kita bahawa buli bukan perkara kecil. Buli bukan saja fizikal, tapi juga boleh jadi ejekan, ugutan, atau tekanan emosi. Ini antara kebimbangan utama ibu bapa bila sebut soal asrama. Walau bagaimanapun, masalah buli masih boleh berlaku di sekolah harian, contohnya di kantin atau luar kelas bila tiada kehadiran guru.

Jadi, mana yang lebih baik di antara sekolah harian dan sekolah berasrama. Sebenarnya, tak ada jawapan tepat dan kedua-dua pilihan ada kelebihan dan kekurangan masing-masing. Kalau anak lebih selesa dengan sokongan keluarga setiap hari, sekolah harian mungkin lebih sesuai. Kalau mereka berani mencuba suasana berdikari dan mahu lebih fokus, asrama pula boleh jadi pilihan. Apa pun, kejayaan anak bukan bergantung pada jenis sekolah semata-mata, tetapi kesungguhan mereka untuk belajar beserta sokongan dari ibu bapa dan guru. Yang penting, pastikan anak rasa selamat, dihargai, dan sentiasa ada untuk mereka bercerita. Anak-anak lebih perlukan telinga yang mendengar dan hati yang memahami, berbanding sekadar tempat untuk belajar.

PEMBALAKAN DAN KELESTARIAN ALAM

Shahrul Nizam Mohammad, Mohamed Khatif Tawaf
Mohamed Yusof, Mohd Zulkhairi Mat Salleh

Isu kelestarian alam sekitar semakin mendapat perhatian dalam dunia moden yang sedang berdepan cabaran perubahan iklim dan kepupusan sumber asli. Dalam konteks ini, kayu bukan sekadar bahan tradisional untuk pembinaan dan perabot, tetapi juga memainkan peranan penting sebagai sumber yang boleh diperbaharui. Keupayaan kayu untuk menyimpan karbon, menyokong ekosistem hutan, dan digunakan semula menjadikannya antara bahan semula jadi yang memenuhi prinsip pembangunan lestari.

Hutan merupakan paru-paru dunia yang menyerap karbon dioksida daripada atmosfera melalui proses fotosintesis. Sebahagian besar karbon yang diserap disimpan dalam bentuk biojisim pokok, termasuk batang, dahan, dan akar. Apabila pokok ditebang dan digunakan dalam pembinaan, karbon tersebut kekal berada dalam struktur kayu untuk tempoh yang panjang. Justeru, penggunaan kayu sebagai bahan binaan secara tidak langsung membantu mengurangkan jumlah karbon dioksida bebas yang menyumbang kepada kesan rumah hijau dan pemanasan global.

Amalan kitar semula kayu turut dapat menyumbang kepada agenda kelestarian. Kayu yang sudah digunakan boleh diproses semula untuk dijadikan bahan komposit, perabot baharu, papan lapis, atau kayu lamina venir. Langkah ini mengurangkan jumlah kayu yang dibuang, menjimatkan sumber alam semula jadi, dan mengurangkan pencemaran. Dalam era inovasi bahan, gabungan kayu dan bahan kitar semula lain, seperti plastik, turut menghasilkan produk biokomposit yang lebih tahan lama dan mesra alam.

Selain daripada itu kelestarian juga dapat dicapai melalui amalan pengurusan hutan yang terancang. Hutan yang diurus secara mampan memastikan penebangan pokok dilakukan mengikut kadar pertumbuhan semula jadi. Pendekatan ini mengekalkan keseimbangan ekosistem dan pada masa yang sama membekalkan bahan mentah untuk pelbagai industri. Disamping itu, kayu perladangan semakin mendapat perhatian di kalangan pemain industri. Kayu perladangan ialah hasil daripada pokok yang ditanam secara sistematik di sesuatu kawasan perladangan dengan kitaran tuaian yang lebih singkat berbanding hutan asli. Contoh spesies yang sering digunakan termasuk pokok kayu putih dan pokok getah. Penggunaan kayu perladangan membolehkan bekalan kayu yang konsisten tanpa memberi tekanan berlebihan terhadap hutan semula jadi, disamping menyokong pembangunan industri kayu yang lebih lestari.

Secara keseluruhannya, kayu adalah sumber yang unik kerana sifatnya yang boleh diperbaharui, menyimpan karbon, serta boleh dikitar semula. Dengan adanya pengurusan hutan lestari, pembangunan kayu perladangan, dan inovasi dalam pemprosesan, kayu mampu memainkan peranan yang lebih penting dalam usaha global mengurangkan kesan perubahan iklim dan pemanasan global. Generasi muda perlu memahami kepentingan ini kerana merekalah yang akan mewarisi tanggungjawab menjaga alam sekitar pada masa hadapan.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN EKOLOGI: PEMACU KELESTARIAN KOMUNITI ORANG ASLI

Mazni Mat Zin, Noorashiekin Khalid, Azyan Zafyrah Mohd Zahid

Kelestarian alam sekitar bergantung kepada ekosistem yang seimbang dan berfungsi secara lestari. Namun, keseimbangan ini kian tergugat akibat pelbagai aktiviti manusia. Komuniti Orang Asli, yang secara tradisi bergantung kepada hutan, sungai dan tanah sebagai asas kelangsungan hidup, turut terdedah kepada kesan tersebut. Pencemaran, degradasi hutan dan perubahan iklim menjejaskan sumber air, makanan, ubatan tradisional serta ekonomi mereka. Sehubungan itu, pendidikan dan kesedaran alam sekitar menjadi elemen penting dalam membentuk pemikiran, sikap dan tindakan masyarakat ke arah tanggungjawab bersama terhadap kelestarian alam.

Pendidikan alam sekitar telah diiktiraf sejak Sidang Kemuncak Bumi 1992 melalui Agenda 21 yang menekankan peranannya dalam membentuk masyarakat lestari. Di Malaysia, ia dilaksanakan melalui kurikulum sekolah dan diperluas ke peringkat universiti. Namun, kelestarian alam hanya dapat dicapai dengan penglibatan aktif masyarakat, antaranya melalui amalan kitar semula, gotong-royong dan kempen pengurangan plastik. Program seperti *River of Life* dan Taman Rimba Komuniti membuktikan keberkesanan usaha ini dalam meningkatkan kesedaran serta menghubungkan semula masyarakat dengan alam semula jadi. Bagi komuniti Orang Asli, pendidikan alam sekitar tidak hanya berlaku dalam bilik darjah, tetapi juga melalui pengetahuan tradisional yang diwarisi turun-temurun. Integrasi antara pengetahuan tradisional ini dengan pendidikan ekologi moden mampu memperkukuh kesedaran lestari secara lebih menyeluruh.

Namun begitu, usaha meningkatkan kesedaran ekologi dalam komuniti Orang Asli berdepan pelbagai kekangan, termasuk akses pendidikan formal yang terhad, tahap celik huruf yang berbeza, serta marginalisasi ekonomi yang menjejaskan penyertaan mereka dalam program kelestarian arus perdana. Bagi mengatasi cabaran ini, konsep kelestarian wajar diterapkan merentas kurikulum, manakala pembelajaran berasaskan projek dan pengalaman lapangan perlu diperkukuh. Media digital turut memainkan peranan penting melalui kempen kreatif yang lebih dekat dengan generasi muda Orang Asli. Kerjasama pelbagai pihak, disertai dengan insentif dan pengiktirafan, merupakan elemen penting untuk menggalakkan penglibatan aktif komuniti Orang Asli dalam agenda kelestarian. Kearifan tempatan yang dimiliki komuniti ini wajar digabungkan dengan pendekatan moden bagi memperkukuh daya tahan serta menjamin masa depan yang lebih lestari.







Penulis bersama komuniti Orang Asli di kampung Simpang Arang, Gelang Patah, dalam pemerkasaan komuniti berkaitan amalan pengurusan sisa.

.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ADAPTASI KONSEP KEPRIHATINAN MELALUI PERKONGSIAN DI DALAM PENGURUSAN TABUNG FAKULTI


Mohd Fairuz Bachok, Asmawati Che Hasan, Herda Balqis Ismail


Keprihatinan melalui perkongsian atau lebih sinonim dikenali sebagai ‘sharing is caring’ di mana ungkapan ini merujuk kepada tindakan berkongsi samada barang, pengetahuan, waktu mahupun empati sebenarnya ianya adalah sikap prihatin dan ambil berat terhadap orang lain. Sikap ini yang merupakan tindakan kebaikan memberikan manfaat kepada orang di sekeliling seperti mengeratkan hubungan siratulrahim dan menyatukan komuniti. Berkongsi dengan tulus Ikhlas bersama dengan orang lain akan mengujudkan suasana kebahagiaan kerana bukan sahaja penerima mendapat manfaat tetapi memberikan kepuasan pada diri sendiri.

Konsep keprihatinan melalui perkongsian di dalam konteks pengurusan tabung fakulti adalah di mana adaptasi konsep ini merujuk kepada sebahagian yuran semester yang dibayar oleh para pensyarah dan pembantu jurutera digunakan untuk menjayakan aktiviti dan program fakulti. Walaupun, amalan menggunakan yuran semester ini telah sedia ada, namun, tujuan adaptasi konsep ini adalah supaya pengurusan tabung fakulti lebih sistematik dan efektif. Praktikal amalan sedia ada adalah di mana setiap peruntukan dimohon secara langsung kepada Koordinator Prasiswazah untuk mendapatkan kelulusan. Kebiasaannya hanya aktiviti dan program tertentu sahaja yang kerap kali dimohon. Setiap tahun, para pensyarah membayar sebanyak RM 100.00 untuk yuran dua semester, manakala pembantu jurutera sebanyak RM 60.00. Sebelum tamat sesuatu semester, Bendahari fakulti akan memaparkan akaun fakulti supaya para pensyarah dan pembantu jurutera mengetahui jumlah yuran yang harus mereka bayar.

Pendekatan pengurusan tabung fakulti dengan mengadaptasi konsep ini bermula dengan peruntukan khas setiap awal tahun sebanyak 30% dari jumlah yuran semester untuk aktiviti dan program fakulti. Bendahari fakulti akan memaparkan nilai peruntukan untuk dibuka bagi permohonan peruntukan. Para pemohon akan mengisi permohonan dengan menyatakan perincian aktiviti atau program yang akan dijalankan. Setiap perincian permohonan akan dipaparkan bersama dengan tarikh akhir sumbangan dan sekiranya pensyarah atau pembantu jurutera bersetuju untuk menyumbang dari bahagian mereka, maka mereka hanya perlu menyatakan nilai sumbangan pada Bendahari. Setelah tamat tempoh sumbangan, pemohon akan membuat keputusan samada meneruskan aktiviti dan program yang dicadangkan atau sebaliknya berdasarkan nilai sumbangan. Nilai sumbangan tidak boleh melebihi nilai permohonan. Pensyarah dan pembantu jurutera akan dapat terus menyumbang sehingga tiada lagi bahagian mereka.

Situasi keprihatinan melalui perkongsian timbul apabila pensyarah atau pembantu jurutera merasakan sesuatu cadangan projek mampu memberi manfaat kepada fakulti dan bersetuju untuk memberikan sumbangan. Pendekatan ini akan menggalakkan lebih banyak projek signifikan dijalankan di fakulti memandangkan persetujuan sesuatu projek itu datangnya dari pihak warga fakulti dan bukan bergantung pada Koordinator Prasiswazah semata-mata.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

RISIKO KEGAGALAN GEOTEKNIK: NYAWA KITA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Siti Nur Aishah Mohd Noor, Roslizayati Razali,
Diana Che Lat

Setiap kali kita mendengar berita tentang kejadian tanah runtuh, kegagalan cerun, atau jalan raya mendap, soalan yang sering muncul ialah: *"Mengapa tragedi ini berlaku dan bagaimana cara ia boleh dielakkan?"*. Hakikatnya, isu ini bukan sahaja berkaitan kepakaran jurutera geoteknik, tetapi juga tentang kesedaran masyarakat. Orang awam adalah orang pertama yang berhadapan dengan situasi ini. Merekalah yang tinggal, bekerja, atau melalui kawasan berisiko setiap hari. Justeru, memahami risiko geoteknikal adalah satu keperluan dalam kehidupan kita sehari-hari.

Risiko geoteknikal adalah merujuk kepada bahaya yang berpunca daripada keadaan tanah atau cerun yang gagal akibat keadaan persekitaran. Antara yang paling kerap berlaku di Malaysia termasuk kejadian tanah runtuh yang biasanya terjadi akibat hujan lebat, pemotongan cerun tanpa kawalan, atau sistem saliran yang tidak teratur. Mendapan tanah juga boleh berlaku yang menjejaskan struktur bangunan, jalan raya, bahkan menyebabkan jambatan retak. Tragedi Highland Towers (1993) dan tanah runtuh Batang Kali (2022) antara peristiwa kegagalan geoteknik yang boleh menjadi peringatan kepada kita semua.

Ramai mangsa tragedi tanah runtuh melaporkan bahawa tanda-tanda awal sebenarnya telah wujud, cuma tidak diendahkan. Jika masyarakat peka terhadap petunjuk ini, langkah awal boleh diambil sebelum keadaan menjadi semakin parah. Sebagai contoh, berikut merupakan tanda-tanda awal kegagalan cerun di Batang Kali, Selangor (2022):

1. Retakan tanah di kawasan tapak perkhemahan
2. Aliran air berlebihan di cerun selepas hujan
3. Pokok condong dan akar terdedah
4. Kawasan tanah lembik dan berlumpur
5. Bunyi retakan tanah

Tahap kesedaran masyarakat masih rendah disebabkan oleh kurangnya pendedahan terhadap isu ini. Antara Langkah-langkah yang boleh diambil adalah dengan meningkatkan pendidikan dan kempen awam. Sebagai contoh, modul berkaitan risiko tanah runtuh boleh diperkenalkan seawal di peringkat sekolah dan diperluaskan ke semua golongan melalui kempen-kempen media sosial. Penggunaan teknologi seperti sistem amaran awal melalui siren atau notifikasi telefon juga boleh diperkenalkan. Aplikasi mudah alih membolehkan informasi disampaikan dengan lebih cepat dan boleh dijadikan medium untuk orang ramai melaporkan sebarang kegagalan geoteknik di sekitar mereka dengan lebih pantas.

Peranan media dan komuniti dalam menerbitkan dokumentari dan liputan khas tentang isu ini perlu diperbanyakkan. Program komuniti seperti latihan kecemasan di kawasan berisiko perlu dilaksanakan sebagai persediaan menghadapi bencana. Selain itu, polisi dan peraturan pihak berkuasa seperti pemeriksaan berkala di kawasan perumahan berdekatan lereng bukit, menyediakan papan tanda amaran jelas di kawasan cerun berbahaya perlu diperketatkan di kawasan berisiko.

Kesedaran awam bukan lagi isu sampingan, sebaliknya ia adalah barisan pertahanan pertama dalam menyelamatkan nyawa. Jurutera boleh merancang struktur selamat, tetapi tanpa kerjasama masyarakat, tragedi tetap boleh berlaku. Semoga dengan pendidikan, teknologi, dan sokongan komuniti, kita mampu menjadikan masyarakat lebih peka dalam mengurangkan risiko bencana.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

RONDA-RONDA KANGAR: DARI ZERO KILOMETER KE LORONG SENI

Herda Balqis Ismail, Siti Aminah Nordin, Nurul Hanna Masaud

Setiap bandar mempunyai mercu tanda yang melambangkan pusat dan identitinya. Bagi Negeri Perlis, Zero Kilometer Kangar menjadi simbol ikonik yang menandakan titik tengah bandar serta permulaan perjalanan ke seluruh pelusuk negeri Indera Kayangan. Terletak di jantung pekan Kangar, lokasi ini kini menjadi tarikan utama kepada pelancong mahupun masyarakat tempatan yang ingin merakam memori.Walaupun kelihatan sederhana, mercu Zero Kilometer Kangar membawa makna yang besar. Ia menjadi penanda geografi rasmi yang digunakan untuk mengira jarak jalan raya dari bandar Kangar ke destinasi lain.

Namun, bagi pengunjung, ia lebih daripada sekadar penanda jalan di mana ia adalah spot bergambar wajib yang merakamkan kunjungan mereka ke Perlis Indera Kayangan. Suasana sekitar mercu tanda ini turut hidup dengan kehadiran *street art* yang terselindung di sebalik dinding bangunan berhampiran. Siapa sangka pekan kecil Kangar yang tenang turut menyimpan khazanah seni jalanan yang cukup menarik? Berjalan di sekitar lorong-lorong bandar, mata pasti terpaku pada deretan lukisan mural yang menghiasi dinding bangunan lama. Lukisan mural berwarna-warni yang menggambarkan warisan Perlis seperti sawah padi, buah harum manis, serta wajah mesra masyarakat setempat menambahkan daya tarikan kawasan ini. Gabungan mercu tanda dan mural menjadikan Kangar lebih berwarna sesuai untuk kunjungan santai bersama keluarga dan rakan-rakan.

Berjalan di lorong seni, bergambar di mercu Zero Kilometer dan menikmati suasana tenang Kangar adalah pengalaman ringkas tetapi penuh warna. Pekan kecil ini mungkin sederhana, namun kenangan yang dibawa pulang pastinya besar maknanya. Jadi, jika berkesempatan singgah ke Perlis, jangan lepaskan peluang untuk menyusuri lorong-lorong seni Kangar. Setiap mural yang terconteng dan mercu tanda Zero Kilometer ini akan menjadi sebahagian dari memori indah yang pasti dikenang.








e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SANTAI CAMP – TENANGKAN JIWA DI BANDAR


Juwita Asfar, Nur Zaidani Wati Mohd Darwis, Noor Raifana Ab Rahim

Istilah *healing* semakin popular dewasa ini, merujuk kepada proses mencari ketenangan jiwa bagi melepaskan tekanan. Ramai yang membayangkan tempat-tempat percutian yang jauh dan dekat dengan alam semulajadi. Kadangkala *healing* tidak memerlukan percutian yang mewah dan jauh. Kini, ramai yang memerlukan tempat *healing* yang ringkas tetapi nyaman dan santai, sambil menikmati hidangan kegemaran. Baru-baru ini kami telah mengunjungi salah satu tempat makan viral di tengah-tengah bandar Johor Bahru iaitu Santai Camp. Terletak di Padang Cassandra, Bandar Baru Uda (berdekatan Angsana Mall) dan beroperasi setiap hari dari 5.00 petang hingga 2.00 pagi.



Apabila melangkah masuk ke kawasan tersebut, kami dapat merasakan suasana yang berbeza daripada tempat makan biasa. Santai Camp Johor Bahru menawarkan konsep yang unik, iaitu ala perkhemahan dengan suasana santai di kawasan terbuka. Deretan *food truck* yang menjual pelbagai jenis makanan seperti masakan panas, ikan bakar, makanan ringan, snek goreng dan minuman istimewa. Dekorasi yang menarik dengan lampu-lampu, khemah-khemah yang cantik, muzik santai (*live band*) serta suasana terbuka menjadikan lokasi ini bukan sekadar tempat menjamu selera, malah sebagai ruang sosial untuk bersama rakan-rakan
dan teman.

Bercerita mengenai makanan di sini, kami telah mencuba beberapa menu yang pelbagai dan kami akui, harga yang ditawarkan adalah sangat berpatutan dan memenuhi citarasa. Antara menu yang kami cuba adalah nasi goreng *seafood* (4/5), *crispy chicken chop* pasta (3.5/5), *mac & cheese* (4.5/5), *seafood aglio olio* (4/5), nasi goreng ayam *buttermilk* (3.5/4) dan untuk pencuci mulut kami memilih menu *chocolate snowflake ice* (4/5) dan *chocolate crocs waffle* (2.5/5). Cara membuat pesanan adalah sangat mudah dan praktikal dengan mengimbas kod QR dan pesanan akan terus di hantar ke meja.



Healing di tempat seperti ini bukan sekadar menikmati hidangan makanan yang sedap, tetapi mampu mengurangkan tekanan dan juga mengubat rasa penat selepas seharian bekerja atau belajar. Trend budaya ini jelas menunjukkan bahawa generasi muda, terutamanya, kini lebih kreatif dalam mencari ruang untuk menenangkan diri. Budaya ini juga telah menjadikan banyak tempat makan berkonsep santai menjadi viral dan tumbuh ibarat cendawan selepas hujan.

.

Sumber foto: Penulis

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SIMPANG ARANG RENDAH KARBON: SINERGI KOMUNITI, AKADEMIA DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Mazni Mat Zin, Siti Farahin Kamaruddin, Nadia Zalikha Saifullizam

Kampung Orang Asli (KOA) Simpang Arang, penempatan masyarakat Seletar pesisir pantai di selatan Semenanjung Malaysia, kini berdepan cabaran dalam pengurusan sisa. Dengan majoriti penduduk bergantung kepada perikanan dan hasil hutan bakau, pembangunan pesat di kawasan sekitar telah meningkatkan jumlah sisa domestik dan buangan harian yang tidak terurus, sekaligus mencetuskan pencemaran alam sekitar. Fenomena ini membawa implikasi pelbagai dimensi, termasuk ancaman kesihatan, ekosistem, serta kesejahteraan ekonomi penduduk.

Situasi ini menegaskan keperluan kepada satu pendekatan intervensi yang bersifat holistik dan lestari. Justeru, projek “KOA: Revolusi Sisa Mampan Menuju Model Komuniti Lestari” dirangka sebagai satu inisiatif bersepadu yang menggabungkan kerjasama komuniti, institusi akademik, pihak berkuasa tempatan, serta rakan industri. Projek ini, yang dilaksanakan dengan sokongan Geran Komuniti Iskandar Puteri Rendah Karbon 5.0 oleh Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), bertujuan bukan sahaja memperbaiki sistem pengurusan sisa di peringkat komuniti, tetapi juga memperkukuh kesedaran awam terhadap kepentingan gaya hidup rendah karbon. Dana ini membolehkan pelaksanaan inisiatif bersepadu yang menekankan pendidikan berbentuk dua hala melalui bengkel, sesi libat urus dan perkongsian pengetahuan, di samping pembangunan bahan digital untuk memperluas capaian pendidikan alam sekitar. Rasional utama pelaksanaan projek ini adalah untu memberi penekanan kepada pemindahan ilmu dan pembudayaan gaya hidup rendah karbon.

Bengkel, ceramah dan modul interaktif memperkenalkan amalan kitar semula dan pengkomposan, di samping membentuk “Skuad Kebersihan” sebagai agen perubahan komuniti. Keunikan pendekatan ini terletak pada usaha menggabungkan kearifan tempatan dengan pengetahuan moden, sekali gus meningkatkan rasa kepemilikan penduduk terhadap kelestarian persekitaran mereka.

Projek ini menyumbang secara langsung kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 11: Komuniti Lestari) serta agenda rendah karbon Iskandar Puteri. Kejayaan inisiatif ini berpotensi menjadikan KOA Simpang Arang sebagai model rujukan nasional dalam pengurusan sisa komuniti, membuktikan bahawa kerjasama erat antara komuniti dan akademia dengan sokongan pihak berkuasa tempatan adalah kunci penting menuju masa depan yang mampan.



Sesi Penganugerahan Geran Karbon 5.0 di bawah inisiatif Pengurusan Sisa Mampan bersama pihak akademia dan wakil MBIP

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MATCHA ATAU KOPI?

Noor Raifana Ab Rahim, Nur Zaidani Wati Mohd Darwis, Juwita Asfar

Apabila membincangkan tentang minuman yang sering menjadi pilihan untuk memulakan hari, dua nama minuman sering disebut: kopi dan matcha. Ada individu yang tidak dapat memulakan tugas seharian tanpa secawan kopi, manakala ada juga yang memilih matcha kerana memberikan tenaga yang lebih seimbang. Persoalannya, apakah perbezaan utama antara kedua-dua minuman ini dan manakah yang lebih sesuai dengan gaya hidup anda?

Kopi sering dikaitkan dengan kandungan kafein yang tinggi. Dalam satu hidangan kopi biasa sekitar 240 ml, jumlah kafein boleh mencecah sehingga 95 mg (Harvard T.H. Chan, 2021). Kesan utama yang sering dirasai ialah peningkatan tahap kesegaran, tumpuan yang lebih baik, dan peningkatan motivasi untuk bekerja. Kajian menunjukkan bahawa pengambilan kopi juga boleh membantu meningkatkan prestasi fizikal kerana kafein merangsang sistem saraf pusat.

Namun begitu, pengambilan kopi juga mempunyai kesan sampingan. Antara kesan yang mungkin dialami ialah peningkatan kadar degupan jantung, rasa berdebar, serta gangguan tidur jika diminum pada waktu malam. Oleh itu, individu yang sensitif terhadap kafein perlu mengawal pengambilannya (Harvard T.H. Chan, 2021).

Matcha pula diperoleh daripada daun teh hijau yang digiling halus. Walaupun mengandungi kafein sekitar 30–40 mg setiap hidangan, matcha turut mempunyai L-theanine, sejenis asid amino yang berfungsi memberikan kesan menenangkan (Dietz *et al*., 2017).

Gabungan kafein dan L-theanine menghasilkan tenaga yang lebih stabil tanpa menyebabkan rasa gelisah atau penurunan tenaga secara mendadak seperti yang kadangkala dialami selepas minum kopi. Selain itu, matcha kaya dengan antioksidan, khususnya catechin EGCG, yang dikaitkan dengan kesihatan kardiovaskular, fungsi otak, dan pengukuhan sistem imun (Phuah *et al*., 2023).

Secara keseluruhan, pilihan antara kopi atau matcha adalah bergantung pada gaya hidup serta toleransi individu terhadap kafein. Sesetengah orang menggabungkan kedua-duanya. Kopi pada waktu pagi untuk tenaga segera, dan matcha pada waktu tengah hari untuk tumpuan yang berterusan. Apa yang penting, pengambilan kedua-duanya harus dilakukan secara sederhana.

RUJUKAN:

Dietz, C., Dekker, M., & Piqueras-Fiszman, B. (2017). An intervention study on the effect of matcha tea, in comparison to coffee, on the mood and cognitive performance of young adults. Nutrients, 9(9), 1039 https://doi.org/10.1016/j.foodres.2017.05.002

Harvard T.H. Chan School of Public Health. (2021). Coffee and health. Retrieved from https://www.hsph.harvard.edu/nutritionsource/food-features/coffee/

Phuah, Y. Q., Chang, S. K., Ng, W. J., Lam, M. Q., & Ee, K. Y. (2023). A review on matcha: Chemical composition, health benefits, with insights on its quality control by applying chemometrics and multi-omics. Food Research International, 170, 113007. https://doi.org/10.1016/j.foodres.2023.113007

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

INOVASI KAYU KEJURUTERAAN

Shahrul Nizam Mohammad, Muhammad Bazli Faliq
Mohd Puaad, Mohd Hanafie Yasin


Kayu Lamina Venir atau lebih dikenali sebagai “Laminated Veneer Lumber” (LVL) merupakan salah satu bentuk kayu kejuruteraan moden yang dihasilkan melalui proses perekatan lapisan venir kayu nipis menggunakan pelekat khas di bawah tekanan dan suhu tinggi. Bahan ini mula diperkenalkan sebagai alternatif kepada kayu padu kerana menawarkan kekuatan dan kestabilan yang lebih konsisten.

LVL mempunyai beberapa kelebihan berbanding kayu padu. Lapisan venir yang disusun selari menghasilkan kekuatan lenturan dan daya tahan yang lebih tinggi. Bahan ini juga lebih stabil, dengan kadar pengecutan dan pengembangan yang rendah apabila terdedah kepada kelembapan atau suhu yang berubah-ubah. Selain itu, LVL digunakan secara meluas dalam pembinaan sebagai rasuk, tiang, bingkai pintu dan komponen struktur lain kerana kekuatan strukturnya. Penggunaannya turut dianggap lebih mesra alam kerana memanfaatkan kayu daripada pokok jenis cepat matang yang boleh ditanam secara perladangan, sekali gus mengurangkan tekanan terhadap hutan semula jadi.

Dari segi kimia, komposisi asas LVL masih mengekalkan kandungan utama kayu iaitu selulosa, hemiselulosa, lignin, dan ekstraktif. Namun, kehadiran pelekat resin seperti phenol-formaldehyde (PF) atau melamine-urea-formaldehyde (MUF) menjadikannya lebih tahan terhadap air, serangan kulat, dan degradasi biologi. Kehadiran bahan tambahan ini memberikan nilai tambah kepada kestabilan kimia LVL berbanding kayu padu yang lebih mudah terjejas oleh faktor persekitaran.

Selain itu LVL menunjukkan prestasi yang baik terhadap haba. Dengan konduktiviti terma sekitar 0.1 hingga 0.2 W/m·K, ia berfungsi sebagai penebat haba yang berkesan. Proses degradasi haba bermula pada julat suhu 200 hingga 300°C, di mana hemiselulosa terurai terlebih dahulu, diikuti oleh selulosa dan lignin. Suhu nyala bagi LVL berada sekitar 250 hingga 300 °C. Menariknya, resin tertentu seperti phenol-formaldehyde berupaya meningkatkan ketahanan terhadap api, sekali gus menjadikan LVL lebih selamat digunakan dalam struktur bangunan.

Kombinasi sifat mekanikal, kimia, dan haba ini menjadikan LVL satu inovasi penting dalam industri pembinaan moden. Selain menawarkan prestasi yang konsisten, bahan ini juga menyokong agenda kelestarian dengan memaksimumkan penggunaan sumber kayu yang lebih mudah diperbaharui. LVL menjadi bukti bahawa perkembangan dalam sains bahan dapat menghasilkan produk berasaskan sumber semula jadi dengan ciri yang lebih baik, tahan lama, dan sesuai untuk pelbagai aplikasi kejuruteraan pada masa hadapan.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

IMPACTS OF MICROPLASTICS POLLUTION ON AQUATIC FOOD WEBS

Nurul Ain Umaiban Yusof, Nor Azizah Che Azmi

Microplastics (MPs), generally defined as plastic particles less than 5 mm in diameter, have become pervasive contaminations in aquatic ecosystems worldwide (Tursi *et al*., 2022). They are introduced into the environment through multiple pathways, including the breakdown of larger plastic debris, wastewater effluents, tire wear, and the shedding of synthetic fibres from textiles (Landeros *et al.*, 2022). Due to their persistence, small size, and ability to disperse widely, microplastics have been documented across marine, estuary, and freshwater environment, where they infiltrate habitats at all trophic levels (Kye *et al.*, 2023).

Once ingested, microplastics can exert a variety of biological impacts on aquatic organisms. Physical effects include internal abrasion, gut blockage, and reduced feeding efficiency, while physiological consequences range from impaired growth and reproduction to altered metabolic processes (Nabi *et al.*, 2024). Importantly, MPs can act as vectors for chemical pollutants such as persistent organic pollutants (POPs), heavy metals, and hydrophobic organic compounds, which readily adsorb onto plastic surfaces (Narwal *et al*., 2024). This dual role, acting both as pollutants and carriers of toxic substances, exacerbates their ecological threat by introducing complex chemical – biological interactions. The implications extend beyond individual species to entire ecosystems. Microplastics are capable of bioaccumulating in organism and biomagnifying through food webs, thereby amplifying exposure across trophic levels.

This trophic transfer has direct consequences for human health, as microplastics and their associated contaminants have been detected in seafood, drinking water, and even table salt. While the long – term effects of human exposure remain unclear, preliminary evidence points to potential risks including inflammatory responses, oxidative stress, and endocrine disruption. Despite the growing body of research, critical knowledge gaps persist. The precise mechanisms by which microplastics induce toxicity at cellular and systemic levels remain poorly understood, and uncertainties remain regarding dose – response relationships, particle size thresholds, and chronic exposure effects.

REFERENCES:

Kye, H., Kim, J., Ju, S., Lee, J., Lim, C., & Yoon, Y. (2023). Microplastics in water systems: A review of their impacts on the environment and their potential hazards. *Heliyon*, *9*(3).

Landeros, L., Williams, I., Shaw, P., Hudson, M., & Dominguez Cortinas, G. (2022). A review of the origins of microplastics arriving at wastewater treatment plants. *Detritus*, *20*, 41-55.

Nabi, N., Ahmad, I., Amin, A., Rather, M. A., Ahmed, I., Hajam, Y. A., Khursheed, S., Malik, M. M., & Abubakr, A. (2024). Understanding the sources, fate and effects of microplastics in aquatic environments with a focus on risk profiling in aquaculture systems. *Reviews in Aquaculture*, *16*(4), 1947-1980.

Narwal, N., Kakakhel, M. A., Katyal, D., Yadav, S., Rose, P. K., Rene, E. R., Rakib, M. R. J., Khoo, K. S., & Kataria, N. (2024). Interactions between microplastic and heavy metals in the aquatic environment: Implications for toxicity and mitigation strategies. *Water, Air, & Soil Pollution*, *235*(9), 567.

Tursi, A., Baratta, M., Easton, T., Chatzisymeon, E., Chidichimo, F., De Biase, M., & De Filpo, G. (2022). Microplastics in aquatic systems, a comprehensive review: origination, accumulation, impact, and removal technologies. *RSC advances*, *12*(44), 28318-28340.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SOURCES AND PATHWAYS OF MICROPLASTICS IN WATERBODIES

Nurul Ain Umaiban Yusof, Atiqah Najwa Zainuddin,
Nor Azizah Che Azmi

Microplastics arise through two main pathways. Primary microplastics are intentionally manufactured at small sizes for industrial or commercial purposes, such as cosmetic microbeads, plastic pellets used in manufacturing, and synthetic fibers released from textiles during washing (Coyle *et al*., 2020). These particles enter aquatic ecosystems directly through wastewater discharge, stormwater runoff, or accidental industrial losses. Secondary microplastics are formed when larger plastic debris, including bottles, bags, and fishing nets, undergo degradation. Ultraviolet radiation weakens polymers through photodegradation, while mechanical forces such as waves, wind, and abrasion with sand and rocks break plastic into progressively smaller fragments (Andrady, 2017).

Land – based activities account for the majority of microplastics in aquatic environments, estimated at more than 80 percent of total inputs. Synthetic textile fibers are one of the largest contributors, with millions of fibers shed during each laundry cycle. Many of these bypass wastewater treatment systems and are transported to rivers and oceans. Tire wear particles represent another dominant source, as vehicle use continuously generates microplastics fragments that accumulate on roads and are washed into waterways during rainfall events. Other land-based inputs include road marking debris, paint fragments, cosmetic residues, and spills of industrial pellets during production or transport (Coyle *et al.*, 2020).

Marine based activities also contribute, although to a lesser extent. Lost fishing gear, ropes, and agriculture equipment gradually degrade and release microplastics into the ocean, while shipping introduces particles through the erosion of hull coatings and paints. Airborne microplastics have also been recognized as an important pathway, with particles transported through the atmosphere and deposited into aquatic systems, even in remote environments (Du & Wang, 2021).

The widespread distribution of microplastics has serious ecological consequences. These particles are ingested by organisms ranging from plankton to fish, seabirds, and marine mammals. Ingestion can lead tp physical harm, reduced feeding efficiency, and digestive blockages. In addition, microplastics may adsorb toxic chemicals from surrounding waters, acting as carriers of pollutants through food webs. Their persistence and bioaccumulation raise concerns for both ecosystems stability and human health, particularly through seafood consumption.

REFERENCES:

Andrady, A. L. (2017). The plastic in microplastics: A review. *Marine Pollution Bulletin*, *119*(1), 12-22.

Coyle, R., Hardiman, G., & O'Driscoll, K. (2020). Microplastics in the marine environment: A review of their sources, distribution processes, uptake and exchange in ecosystems. *Case Studies in Chemical and Environmental Engineering*, *2*, 100010.


Du, H., & Wang, J. (2021). Characterization and environmental impacts of microplastics. *Gondwana Research*, *98*, 63-75.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENURUNAN BERAT BADAN BUKAN SEKADAR ANGKA

Adrina Rosseira A. Talip, Mohamed Khatif Tawaf
Mohamed Yusof, Norbaiti Sidek

Ramai orang masih melihat kejayaan diet hanya pada nombor di penimbang. Namun, hakikatnya penurunan berat badan yang sihat bukan sekadar mengejar angka, tetapi melibatkan keseimbangan antara lemak, otot, gaya hidup, dan kesihatan keseluruhan. Jika berat turun tapi otot hilang, tubuh akan jadi lemah, metabolisme menurun, malah lebih mudah kembali naik berat badan. Sebaliknya, jika otot dikekalkan sambil mengurangkan lemak, tubuh menjadi lebih cergas, kuat, dan sihat.



belum tentu sesuai untuk kita. Ada orang berjaya dengan diet rendah karbohidrat, ada yang lebih sesuai dengan diet seimbang tinggi protein, manakala ada yang hanya perlu mengawal sukatan makanan.

Tubuh kita mempunyai cara tersendiri untuk bertindak balas terhadap makanan. Lakukan pemeriksaan asas kesihatan seperti kadar gula dalam darah, tekanan darah, indeks jisim badan (BMI), dan analisis komposisi tubuh yang boleh

Penurunan berat badan lebih efektif bila senaman menggabungkan dua jenis latihan: (a) kardio (lari, berbasikal, berenang, *high intensity workout* seperti “tabata”) untuk bakar kalori dan tingkatkan stamina, (b) latihan kekuatan (*bodyweight exercise*) untuk kekalkan otot dan percepat metabolisme. Semakin banyak otot, semakin cepat tubuh membakar lemak walaupun ketika rehat.

Selain itu, pemakanan adalah kunci utama dalam mengekalkan tubuh yang sihat. Makanan yang kita ambil bukan sahaja membekalkan tenaga, malah menentukan kualiti kesihatan jangka panjang. Namun perlu diingatkan, tiada makanan yang perlu dibuang 100%, cuma perlukan kawalan jumlah. Tubuh kita memerlukan semua kumpulan makanan untuk berfungsi secara optimum.

Seperti yang kita tahu, pengambilan air sehari adalah sebanyak 8 gelas, tetapi hakikatnya keperluan air tidak sama untuk semua orang. Ia bergantung kepada berat badan, tahap aktiviti, dan keadaan kesihatan. Setiap 25–30 kg berat badan memerlukan 1 liter air. Air bukan sahaja membantu menaikkan metabolisme dan pembakaran kalori, tetapi juga penting untuk fungsi otak, kulit yang sihat, dan pembuangan toksin.

Dan yang terakhir sekali, tubuh yang sihat tidak bermakna apa-apa jika minda kita berada dalam tekanan berterusan. Stres kronik boleh meningkatkan hormon kortisol, yang membawa kepada: mudah lapar dan makan berlebihan (*stress eating*), gangguan tidur, tekanan darah tinggi, risiko mendapat penyakit jantung dan kemurungan. Kesihatan mental yang baik menjadikan kita lebih fokus, bertenaga, dan mampu membuat pilihan gaya hidup yang lebih sihat. Stres memang tidak boleh dielakkan, tetapi boleh diurus. Dengan menggabungkan teknik pernafasan, senaman, tidur berkualiti dan sokongan sosial, anda boleh kekalkan keseimbangan emosi dan mental.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

CLIMATE CHANGE EFFECTS ON LANDSLIDE PHENOMENA

Mohamed Khatif Tawaf Mohamed Yusof, Diana Che Lat,
Siti Shahidah Sharipudin

A landslide is defined as a downslope mass movement of soil, sediment, and rock or a massive volume of material that moves downslope under the effect of gravity force. Landslides have caused fatalities and economic damages in numerous countries globally, and the consequences continue to escalate. Climate change involves alterations of climate characteristics, including mean and variability with respect to time, which tends to be many decades or even longer. Natural processes of the climate system may cause climate change, or it can be forced by external influences, like changes in the solar cycle, volcanic activity, and long-term anthropogenic activity that changes atmospheric composition.

The occurrence of landslides is projected to rise worldwide due to climate change, which is anticipated to amplify the occurrence and severity of extreme rainfall events and contribute to global warming. Other than that, the uncontrolled development in landslide-prone areas, in conjunction with population increase, deforestation, and fast urbanisation, is expected to substantially affect slope stability (Petrucci, 2022).

Haque *et al.* (2019) did a study examining the impact of global warming on the occurrence of fatal landslides from 1995 to 2014. The study revealed a significant increase in the frequency of fatal landslide incidents in 128 countries during the past two decades, with climate change being recognised as the predominant contributing factor. As the climate changes, extreme weather events such as heavy rainfall, storms, and droughts become more frequent and intense, which can increase the likelihood of landslides.

Heavy rainfall, in particular, can increase the water content in the soil and reduce its strength, making it more susceptible to landslides. Higher temperatures and increased evapotranspiration rates can also lead to soil drying, which can cause shrinkage and cracking, leading to increased instability of slopes and hillsides

Climate change is the global effect that may lead to natural disasters such as landslides. The change in the rainfall and temperature have direct and indirect impacts, which can largely influence the stability of single slopes, and the landslide susceptibility area may also change. Overall, the impact of climate change on landslides is complex and varies depending on the region and specific environmental factors. However, it is clear that climate change is expected to increase the severity and frequency of landslides in some areas, making it important for policymakers and communities to take action to mitigate and adapt to these impacts.

REFERENCES:

Haque, U., da Silva, P. F., Devoli, G., Pilz, J., Zhao, B., Khaloua, A., Wilopo, W., Andersen, P., Lu, P., Lee, J., Yamamoto, T., Keellings, D., Jian-Hong, W., & Glass, G. E. (2019). The human cost of global warming: Deadly landslides and their triggers (1995–2014). Science of the Total Environment, 682, 673–684. https://doi.org/10.1016/j.scitotenv.2019.03.415

Petrucci, O. (2022). Landslide Fatality Occurrence: A Systematic Review of Research Published between January 2010 and March 2022. Sustainability (Switzerland), 14(15). https://doi.org/10.3390/su14159346

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR


APLIKASI LIMPAHAN-PERPARITAN PERMUKAAN


Mohd Fairuz Bachok, Mohd Zulkhairi Mat Salleh, Nazri Nasir


Pertandingan 'Conceive-Design-Implement-Operate' (CDIO) diadakan setiap semester sebagai salah satu keperluan kursus. Setiap kumpulan pelajar perlu menghasilkan satu projek berdasarkan kepada prinsip kitar hidup pembangunan produk, proses dan sistem yang bersesuaian dengan konteks pendidikan kejuruteraan. Aplikasi limpahan-perparitan permukaan adalah projek yang dibangunkan bersama di antara pelajar dan pensyarah dari Fakulti Kejuruteran Awam sempena pertandingan CDIO. Aplikasi ini berteraskan kepada gabungan pengetahuan dari kursus 'Basic Hydraulics' (ECW241) dengan kursus 'Water and Wastewater Engineering' (ECW331) yang berkaitan dengan bencana banjir.

Bencana banjir adalah kejadian semulajadi dari anomali hujan lebat yang terhasil akibat cuaca buruk. Bencana ini mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat bukan sahaja bahaya fizikal tetapi juga mendatangkan masalah ekonomi dan sosial. Justeru itu adalah penting untuk orang ramai mengetahui akan risiko banjir di sekitar kediaman mereka terutamanya yang tinggal di kawasan turapan yang mana air hujan tidak meresap ke dalam tanah tetapi sebagai air larian di permukaan bumi yang menuju ke dalam sistem perparitan. Kadar alir air larian yang tinggi sehingga melebihi kapasiti muatan air menyebabkan limpahan air keluar dari perparitan membawa kepada berlakunya bencana banjir. Oleh yang demikian, adalah penting untuk mengetahui jangkaan masa sebelum berlakunya limpahan air keluar semasa hujan lebat supaya tindakan awal dapat diambil untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda.

Aplikasi ini dapat meramalkan jangkamasa untuk air larian melimpah dari suatu perparitan permukaan apabila berlakunya hujan lebat. Simulasi aplikasi ini memerlukan dimensi perparitan permukaan dan imej radar ramalan sebagai data mentah. Oleh kerana imej radar ramalan hujan yang boleh diperolehi dari laman web Jabatan Meteorologi Malaysia adalah 3 jam awal dari masa sebenar bermakna orang ramai akan dapat mengetahui jangkaan masa awal sebelum kejadian hujan berlaku. Dalam erti kata lain, aplikasi limpahan-perparitan permukaan ini mempertingkatkan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan mereka walaupun berada di kawasan berisiko banjir. Percambahan idea di antara pelajar dan pensyarah di dalam membangunkan projek CDIO mampu menghasilkan projek di luar kotak dan bermanfaat bagi masyarakat melalui pengetahuan yang dipelajari semasa di alam pengajian.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

EDISI APLIKASI SAHABAT MAYA PELAJAR: PENSYARAH (SMa2P)

Mohammad Hazizi Jamal, Mohd Amran Hasbullah, Mohd Fairuz Bachok

Visi UiTM adalah melahirkan graduan yang berdaya-saing, global dan beretika melalui kecemerlangan akademik. Ia bermakna pencapaian akademik pelajar merupakan petunjuk kejayaan visi UiTM tersebut di mana secara tidak langsung juga adalah cabaran kepada para pendidik di UiTM. Graduan kejuruteraan dianggap graduan yang berdaya-saing, global dan beretika jika dapat menguasai dengan baik dua belas objektif program (PO) yang ditetapkan di dalam program pengajian berteraskan 'Outcome-Based Education' (OBE). Kegagalan menguasai mana-mana PO dengan baik akan memberi impak negatif kepada graduan itu sendiri, institusi pengajian, industri dan negara. Graduan akan sukar mendapatkan pekerjaan, institusi pengajian mendapat imej buruk kerana graduannya tidak menjadi pilihan majikan, industri menerima tenaga kerja yang kurang kemahiran yang memberi kesan kepada produktiviti.

Oleh yang demikian, dengan meletakkan sasaran bahawa setiap pelajar Diploma Kejuruteraan Awam yang akan bergraduat dari Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Johor perlu menguasai dua belas PO dengan baik, maka sekumpulan pensyarah membangunkan beberapa aplikasi sebagai alatan sokongan untuk tujuan tersebut. Aplikasi-aplikasi ini digabungkan bersama di bawah satu edisi yang dikenali sebagai Edisi Aplikasi Sahabat Maya Pelajar:Pensyarah (Aplikasi SMa2P). Kepelbagaian edisi ini kerana SMa2P dibangunkan mengikut lokasi di fakulti, walaupun ianya digunakan oleh kumpulan pengguna yang sama iaitu pensyarah dan pelajar Kejuruteraan Awam. Setiap edisi mempunyai dua versi iaitu versi pensyarah dan versi pelajar yang berinteraksi di antara satu sama lain.

Pembangun aplikasi SMa2P percaya bahawa apabila seseorang pelajar mempunyai rujukan, garis panduan mahupun input yang memadai dan mudah dicapai ketika menjalani pengajian akan membawa kepada pengurusan dan penyesuaian diri dengan baik serta proses pembelajaran yang efisien, disamping komunikasi yang berkesan dengan pensyarah. Ketiga-tiga perkara ini adalah faktor pemangkin kepada pelajar untuk mencapai pencapaian akademik yang cemerlang. Edisi SMa2P yang telah dibangunkan adalah:


i. SMa2P: Individu - Aplikasi ini untuk kegunaan di mana-mana lokasi di fakulti yang memfokuskan kepada pengurusan diri dan motivasi.

ii. SMa2P: Fakulti - Aplikasi ini untuk kegunaan ketika berada di fakulti bagi tujuan urusan yang berkaitan dengan fakulti dan mengetahui maklumat fakulti.

iii. SMa2P: Class - Aplikasi ini untuk kegunaan di dalam kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus teori.

iv. SMa2P: Laboratory - Aplikasi ini untuk kegunaan di dalam makmal semasa menjalankan ujikaji untuk kursus-kursus makmal.

v. SMa2P: Industri - Aplikasi ini untuk kegunaan semasa berada di industri ketika alam tempoh menjalani latihan praktikal.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR


PENDAKIAN GUNUNG: AKTIVITI REKREASI YANG PENUH MANFAAT

Muhammad Norman Hakim Zaini, Herda Balqis Ismail, Muhammad Fitri Haikal Mohd Zin

Pendakian gunung dan bukit kini menjadi satu aktiviti yang semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia. Walaupun tujuan setiap individu mungkin berbeza ada yang mendaki sekadar untuk beriadah, ada yang mencari ketenangan jiwa, dan ada juga yang menjadikannya ruang untuk menguji ketahanan diri di mana hakikatnya, pendakian memberi impak positif yang besar kepada kesihatan fizikal dan mental. Dari aspek kesihatan tubuh, aktiviti mendaki mampu meningkatkan tahap kecergasan kerana ia menuntut organ jantung dan paru-paru bekerja lebih keras. Keadaan ini membantu memperbaiki peredaran darah, meningkatkan bekalan oksigen ke seluruh badan, serta mengurangkan risiko penyakit kronik seperti sakit jantung dan strok. Selain itu, pendakian turut berfungsi sebagai senaman kardio semula jadi yang berkesan untuk menguatkan stamina dan ketahanan tubuh.

Aktiviti ini juga memberi kesan terhadap pengurusan berat badan. Mendaki di laluan yang curam dan mencabar memerlukan tenaga tambahan, menyebabkan tubuh membakar kalori serta menukarkan lemak kepada tenaga. Secara tidak langsung, ia membantu mencegah obesiti dan mengekalkan berat badan pada tahap yang lebih ideal dan sihat. Lebih daripada itu, aktiviti pendakian gunung turut memberikan manfaat kepada kesihatan mental. Suasana alam semula jadi yang tenang dapat mengurangkan tekanan, meningkatkan fokus, serta memberi ketenangan minda. Interaksi dengan rakan pendakian juga memperkukuh hubungan sosial dan membina semangat kerjasama.

Dalam era moden yang serba pantas, kesihatan tidak boleh diperoleh hanya dengan kecanggihan teknologi. Tubuh badan memerlukan pergerakan konsisten dan gaya hidup aktif. Kesedaran ini penting kerana penyakit tidak mengenal usia mahupun waktu. Justeru, setiap individu memiliki peluang yang sama untuk menjaga kesihatan agar kekal cergas dan sejahtera. Mulakan langkah kecil hari ini dan berhenti dari sekadar merancang. Jadikan tindakan sebagai kunci utama menuju kehidupan yang lebih sihat dan berkualiti.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SEaROM: PENENTUAN FAKTOR KEBOLEHRUNTUHAN TANAH DAN KLASIFIKASI SKALA ROM

Mohd Fairuz Bachok, Farah Wahida Mohd Latib, Rohaya Alias


Hakisan tanah dan tanah runtuh merupakan bencana alam yang melibatkan jisim tanah. Kaitan di antara hakisan tanah dan tanah runtuh adalah hakisan tanah yang teruk terutamanya di kaki cerun akan menyebabkan berlakunya tanah runtuh. Kedua-duanya bukan sahaja akan mengakibatkan pencemaran alam sekitar tetapi juga berkemampuan merosakkan harta benda dan mencederakan manusia kerana hempapan timbunan tanah. Oleh itu, para jurutera awam menjalankan ujian tanah untuk mengenalpasti cerun-cerun berisiko supaya perancangan dan tindakan mitigasi awal dapat dilakukan untuk meminimalkan kesannya.

Parameter tanah yang perlu ditentukan adalah faktor kebolehruntuhan tanah dan klasifikasi Skala ROM. Sampel tanah sedalam 1 meter dari permukaan tanah perlu diambil dan kemudiannya dilakukan ujikaji di makmal tanah untuk menentukan parameter-parameter ini. Ianya memerlukan tenaga kerja ramai, masa lama dan kos tinggi. Kekangan ini menyebabkan tidak banyak sampel tanah dapat diambil untuk dilakukan ujikaji yang mana memberi kesan ketidaktepatan nilai serta menyeluruh untuk sesuatu cerun.

Oleh yang demikian, aplikasi SEaROM dibangunkan oleh sekumpulan pensyarah sebagai alternatif penentuan faktor kebolehruntuhan tanah dan klasifikasi Skala ROM yang lebih mudah, cepat dan menjimatkan kos supaya lebih banyak nilai kedua faktor ini dapat ditentukan bagi sesuatu cerun yang akan membawa kepada nilai yang tepat dan menyeluruh. Kedua-dua parameter ditentukan dengan mensimulasikan algoritma kecerdasan buatan (AI) yang terhasil dari penyelidikan ke atas beberapa cerun di sekitar Negeri Pahang.

Penentuan dua parameter ini boleh dilakukan di lapangan sahaja tanpa perlu menjalankan ujikaji sampel tanah. Selain dari aplikasi SEaROM, peralatan yang diperlukan adalah alat ukur asas seperti pita ukur dan kompas. Langkah demi langkah untuk menentukan parameter-parameter ini telah disusun dalam aplikasi SEaROM. Bermula dengan profil cerun, kemudian data hujan, diikuti dengan ciri cerun, selanjutnya ciri hakisan dan simulasi sebagai langkah terakhir.

Pembangunan aplikasi SEaROM telah mengubah kaedah konvensional bagaimana sesuatu parameter yang ditentukan dari ujikaji makmal, boleh ditentukan hanya menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) dengan parameter yang berbeza. lanya adalah anjakan paradigma di dalam bidang Kejuruteraan Awam dan pada masa hadapan, diharapkan lebih banyak kajian dilakukan dengan memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi menentukan sesuatu parameter tanpa perlu menjalankan ujikaji makmal yang kompleks. .



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENGOPERASIAN FAKULTI MELALUI PAPAN PEMUKA PENGURUSAN KEPUTUSAN

Muhammad Farid Muhammad Fathullah, Mohamad Rohaidzat Mohamed Rashid, Mohd Fairuz Bachok

Pengurusan fakulti memerlukan pelbagai keputusan yang dibuat sama ada oleh pihak pentadbir mahupun warga yang ditadbir, dengan tujuan memastikan kelancaran dan keberkesanan operasi. Skop pengoperasian fakulti merangkumi aspek pengajaran dan pembelajaran, pembangunan modal insan, pengurusan aset serta fasiliti, kebajikan warga fakulti, dan pelaksanaan perancangan strategik.

Keputusan yang diambil bukan sahaja memberi kesan langsung kepada pembuat keputusan, tetapi turut melibatkan pihak berkepentingan lain. Kesan tersebut boleh bersifat positif, yang memberikan manfaat, atau sebaliknya negatif, yang boleh menjejaskan kelancaran operasi fakulti. Dalam situasi tertentu, kesan negatif berpotensi menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan staf, sekali gus menurunkan tahap motivasi bekerja.

Walaupun kepentingan keberkesanan keputusan diakui, kelemahan tetap wujud apabila keputusan dibuat tanpa merujuk kepada kriteria yang jelas dan mencukupi. Hal ini terbukti apabila isu yang sama berulang kali dibangkitkan dalam mesyuarat fakulti. Bagi mengatasi permasalahan ini, sekumpulan pensyarah telah membangunkan *Papan Pemuka Pengurusan Keputusan* atau dikenali sebagai **Tiga-P_(Keputusan)**. Platform ini direka bentuk untuk meminimumkan kelemahan dalam proses membuat keputusan, sekali gus menghasilkan impak positif terhadap pengoperasian fakulti.

Falsafah Tiga-P_(Keputusan) menekankan bahawa keberkesanan keputusan bergantung kepada rujukan yang mencukupi, jelas, serta diatur secara sistematik. Sistem ini dilengkapi dengan mekanisme pengaturcaraan input responsif yang bertindak sebagai sumber sokongan. Selain itu, aliran proses keputusan diperkukuh melalui penggunaan algoritma kecerdasan buatan (AI) serta rekod pemantauan yang dapat menilai keberkesanan keputusan setelah dilaksanakan.

Proses pembuatan keputusan turut dibahagikan mengikut kumpulan pengguna, di mana hanya pengguna yang relevan dibenarkan mengakses proses tertentu. Tiga-P_(Keputusan) berkebolehan untuk memproses 50 komponen keputusan yang sering di buat oleh koordinator prasiswazah, ketua bidang, penyelaras, penasihat akademik, pensyarah, penolong jurutera, pelajar, agensi latihan industri, dan ibu bapa. Penglibatan menyeluruh ini memastikan keputusan yang dihasilkan lebih inklusif, holistik, serta berpaksikan keperluan semua pihak berkepentingan.

Penggunaan Tiga-P_(Keputusan) telah terbukti memberikan impak positif, bukan sahaja kepada warga fakulti secara individu, malah kepada keseluruhan organisasi. Hal ini membuktikan bahawa input rujukan yang mencukupi serta mekanisme input yang responsif amat penting dalam menyokong proses membuat keputusan. Tambahan pula, penerapan teknologi kecerdasan buatan (AI) memperkukuh lagi keberkesanan pengurusan keputusan. Secara keseluruhannya, Tiga-P_(Keputusan) berfungsi sebagai platform penyampaian perkhidmatan berasaskan data (*data-driven*), yang menyokong proses pembuatan keputusan dengan lebih tepat dan bersesuaian dengan kehendak fakulti.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ARTIFICIAL INTELLIGENCE IN EDUCATION

Siti Shahidah Sharipudin, Nor Mayuze Mohamad, Lee Siong Wee

The global educational landscape is undergoing profound change, driven primarily by the disruptive power of digital technologies. The advent of generative Artificial Intelligence (AI) is playing a vital role in this transformation which influencing both educational practices and students' experiences. The AI tools such as ChatGPT, Gemini and Claude are increasingly used by students to support their academic work. While, this rapid adoption has created both excitement and concern for educators. Generative AI has the potential to revolutionize education that tailoring lessons to individual needs, streamlining tasks and creating more inclusive classrooms. However, it raises pressing issues related to plagiarism, student over-dependence and academic integrity.

Generative AI refer to systems designed to create new content, such as text, images, code or multimedia in corresponding to user prompts. These tools have multiple potential applications including language translation, enhancing existing language processing tasks, generating original content, answering queries, providing tutoring and assisting students with assessments. AI can generate instant explanations of difficult concepts, create practice questions and provide feedback on student work. Students often turn to AI out of curiosity, convenience or the pressure to meet academic deadlines. Some students perceive AI as an active partner in their learning process. In this role, AI serves as a supportive companion that facilitates deeper understanding. Conversely, some students use AI mainly as a shortcut. Instead of engaging with the material, they rely on the technology to complete assignments with minimal effort. Consequently, such behaviour poses significant ethical challenges particularly in relation to academic integrity and the potential for misconduct.

Many students are tempted to submit AI-generated work as their own, bypassing the learning process altogether. Over-dependence on AI presents another concern as excessive reliance on such tools can weaken critical thinking, problem solving and creativity. In addition, AI tools also known to produce misinformation, potentially misleading students who lack the skills to verify the outputs. Studies show that motivation and self-regulation play critical roles in determining whether AI is used constructively or abusively. In fact, motivated students often use AI as a complementary tool to brainstorm ideas or clarify difficult concepts. In comparison, some student with lower engagement may exploit AI to minimize their effort to complete assignment without learning. This behaviour patterns highlight the importance of guiding students by using AI.

Institutions play important by setting guidelines on acceptable AI use and embedding AI literacy into curricula. Assessment methods also need to shift away from traditional written tasks towards oral defenses, project-based learning and AI inclusive assignments that encourage critical engagement. In similar, educators must demonstrate how AI can be used in learning. Consequently, students need to develop the digital literacy and ethical awareness required to use AI effectively. In conclusion, generative AI offers both a powerful tool and a potential challenge in education. When used responsibly, it can enhance learning, support creativity and help students develop essential skills for the digital age.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

EVALUATING ACADEMIC ACHIEVEMENT IN BUILDING SERVICES ENGINEERING COURSES

Siti Shahidah Sharipudin, Asmawati Che Hasan, Mohamed Khatif Tawaf Mohamed Yusof

The Building Services course is offered to Semester 4 students of the Faculty of Civil Engineering, UiTM Johor Branch, Pasir Gudang Campus. This course provides students with fundamental knowledge and practical exposure to building support systems including mechanical and electrical engineering practices such as electrical power system and installation, air-conditioning and ventilation (HVAC), fire fighting systems, and building transportation (lifts and escalators). In addition, the course emphasizes issues related to sustainable development in mechanical and electrical systems, covering aspects such as energy efficiency, water conservation, and environmentally friendly practices in building design.

Furthermore, student learning is assessed through specific Course Outcomes (COs) that are carefully aligned with Programme Outcomes (POs). Student achievement in the Building Services course is evaluated through a combination of theoretical and practical components. The final examination, contributes 60% is aligned with CO1-PO1 which requires students to apply knowledge of mathematics, science, computing, and engineering fundamentals, together with their area of specialization, to practical procedures and practices. The laboratory assessment accounts for 40% comprising both laboratory report writing (10%) and practical evaluation (30%). These assessment are mapped to CO2-PO4 and CO3-PO9 respectively. Based on this assessment structure, the outcomes highlight student's ability to investigate problems using standard tests and references, as well as their capacity to communicate effectively by documenting work clearly, understanding others, and giving or receiving instructions. Consequently, the analysis of student performance provides valuable insight into both theoretical knowledge and practical skills.

The analysis of student performance shows that all outcomes successfully scored above the 50% attainment threshold, indicating that students are meeting the expected benchmarks of the course. The average Pos attainments are recorded within the range of 60% for PO1, 76% for PO4 and 78% for PO9 throughout the previous semester. These result reflect that students are able to apply engineering knowledge effectively, conduct investigations using appropriate tools and standards and communicate their work clearly and inclusively. However, the analysis also reveal that student performance in the final examination remains lower compared to other assessment components. This suggests that while students are able to demonstrate their skills effectively in practical and laboratory activities, there is still challenge in consolidating their theoretical understanding and applying it under examination conditions.

To address this issue, several actions can be implemented to improve the student performance. One strategy to enhance final examination result is to provide more formative assessments such as quizzes, tutorials and practical tests which would allow students to strengthen their theoretical understanding throughout the semester. It would also be helpful to integrate theoretical concept with practical activities during laboratory sessions, as students grasp complex ideas when linked to real applications. Students should also be encouraged to adopt more active learning strategies including problem-based learning to build a deeper and more lasting understanding rather than relying solely on memorization. In addition, workshop on curricular review can serve as effective platforms for revising important syllabus contents specific to the course.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TRAVELOG: DARI PASIR GUDANG KE PULAU PINANG

Noorashiekin Khalid, Mazni Mat Zin, Siti Farahin Kamaruddin

Perjalanan menyusuri Lebuhraya Utara-Selatan menuju Pulau Pinang pada 14 September 2020 telah memberikan kesempatan kepada saya dan rakan-rakan untuk singgah di Bandar Ipoh. Bandar ini terkenal dengan mercu tanda utama iaitu Menara Jam Birch, yang siap dibina pada tahun 1909. Selain itu, lorong-lorong di sekitar pusat bandar Ipoh turut menampilkan seni mural yang merupakan sebahagian daripada usaha pembangunan pelancongan bandar. Lukisan-lukisan mural tersebut turut menjadi tarikan pelancong untuk mengabadikan kenangan mereka di bandar ini.

Keesokan harinya, kami menjamu selera dengan roti canai yang popular di Pulau Pinang iaitu Roti Canai Transfer Road. Seterusnya, lawatan diteruskan ke Cheong Fatt Tze Mansion, yang lebih dikenali sebagai Blue Mansion, serta ke Penang Peranakan Mansion. Kedua-dua lokasi ini mempunyai nilai sejarah dan seni bina yang sangat menarik. *Blue Mansion*, misalnya, mencerminkan pengaruh seni bina Cina dengan sentuhan reka bentuk Eropah pada akhir abad ke-19. Sementara itu, *Penang Peranakan Mansion* menampilkan kekayaan warisan budaya Baba dan Nyonya.





Pada 15 September 2020, kami menuju ke Bukit Bendera. Setibanya di puncak, keadaan persekitaran berasa sejuk dan nyaman berbanding kawasan tanah rendah. Dari ketinggian tersebut, panorama menyeluruh Bandar George Town dan Selat Melaka dapat diperhatikan dengan jelas. Bukit Bendera adalah lokasi strategik untuk aktiviti rekreasi, pemerhatian geografi, serta kajian landskap bandar.

Pada sebelah petang, lawatan diteruskan ke *Wonderfood Museum Penang*, sebuah muzium yang menampilkan replika makanan dalam skala gergasi. Antara yang menarik perhatian ialah replika laksa Penang bersaiz besar, di samping deretan juadah tradisional lain yang dipersembahkan secara seni kreatif. Bagi melengkapkan pengalaman melancong di Pulau Pinang, makan malam dipilih di Nasi Kandar Beratur, George Town, yang terkenal di kalangan masyarakat setempat.

Pada 16 September 2020, sebelum berangkat pulang, lawatan di akhiri dengan sarapan pagi di Astaka Taman Tun Sardon, Gelugor. Di sini, kami berpeluang menikmati juadah tradisional yang jarang ditemui di tempat tinggal kami di Pasir Gudang, antaranya kuih serabai dan nasi lemuni. Sepanjang perjalanan pulang, kami mengenang detik indah dua hari sebelumnya. Setibanya di Pasir Gudang, senyuman masih terukir di bibir masing-masing kerana perjalanan ini bukan sekadar cuti, tetapi kenangan yang akan sentiasa terpahat dalam ingatan kami.






e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BASIC UNDERSTANDING ON SEISMIC HAZARD ZONE IN MALAYSIA

Lee Siong Wee, Nor Mayuze Mohamad, Siti Shahidah Sharipudin

On Sunday, 24 August 2025, at approximately 6:15 a.m., a magnitude 4.1 (M4.1) earthquake struck 5 km west of Segamat town, at a shallow depth of around 10 km, as confirmed by the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia). The shakes were felt across several states including Johor, Negeri Sembilan, Melaka, and southern Pahang. Since then, several aftershocks at magnitude of M2.7-M3.4 occurred in a week. There were no casualties and severe structural damage of the building reported, only some minor damage such as ceiling plaster failing and cracks appearing in walls and ceilings.

The quake's epicentre lies within the Mersing Fault Zone, an established but rarely active fault line traversing Peninsular Malaysia. The phenomenon of after shocks is common based on statement given by Prof. Ir. Dr Azlan Adnan, an expert in seismic engineering. There is a need to have some basic understanding about the magnitude or scale that be used to define or describe severity of an earthquake. The magnitude of an earthquake in Richter scale is a measure of the energy released, calculated using a logarithmic formula based on the amplitude of seismic waves recorded by a seismograph. The magnitude of any earthquake reported on the news is in Richter scale, referred as M6 (6.0 Richter scale).

On the other hand, a Peak Ground Acceleration (PGA) value quantifies the maximum acceleration of the ground during an earthquake, representing the amplitude of the largest absolute acceleration recorded on an accelerogram at a specific location. PGA is a critical metric for assessing the intensity of ground shaking, evaluating potential structural damage, and guiding emergency response efforts by providing a measure of seismic intensity.

The Department of Minerals and Geosciences Malaysia (JMG) has produced a map of Seismic Disaster Zone of Malaysia (Figure 1) and classified the seismic risk based on the zone, with specific PGA and Richter scale value. For Green zone (PGA 0-0.039g, M0-4), tremors in certain locations, no structural damage, no danger to human live and only minor monitoring is required. Yellow zone (PGA 0.04-0.059g, M4.1-5), tremors felt by all, minor structural cracks, no danger to human live but need to caution of falling objects, close monitoring and prompt feedback are required. Orange zone (PGA 0.06-0.119g, M5.1-5.5), tremors felt by all, large structural cracks, evacuation is necessary, may cause danger to human live, inspection of building damage and safety, as well as mobilisation of certain agencies. Lastly red zone (PGA 0.12-0.16g, M5.6-6.5), strong tremors, loss of balance, major structural damage (collapse of beams, slab and walls), all rescue agencies are needed and mobilisation of all relevant agencies.

Malaysia is no longer immune from earthquake, even though Malaysia is located outside the Pacific Ring of Fire. The recent series of tremors in Segamat is a clear reminder for people in Malaysia, stay alert, know basic safety measures, support efforts to strengthen monitoring systems, and prepare for evacuation if necessary (for an earthquake M5 and above).




Figure 1

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA KREATIF

Majulah Malaysia Warga Berilmu

Mohd Amran Hasbullah, Muhamad Fuad Shukor

[Verse 1]
Demi tanah bertuah ini
Ilmu dibaja akhlak dijaga
Agar merdeka terus bermakna

[Chorus]
Kami bukan wira bersenjata
Tapi suara pembentuk minda
Dengan tekad cinta yang satu
Malaysia Madani warga berilmu

[Verse 2]
Anak bangsa membina tiang
Harapan dijulang setinggi awan
Setiap langkah setiap usaha
Bersama cita yang takkan pudar

[Chorus]
Kami bukan wira bersenjata
Tapi suara pembentuk minda
Dengan tekad cinta yang satu
Malaysia Madani warga berilmu

[Verse 3]
Wira pejuang mengangkat senjata
Kami berjuang mengangkat minda
Merintis teknologi menjulang tamadun
Agar negaraku kekal disanjung

[Bridge]
Jiwa raga bersatu padu
Demi bangsa demi waktu
Lembaran baru terus dilakar
Malaysia Madani selamanya

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM BIZ.SPOTLIGHT 2024: PEMBENTANGAN INOVASI KE ARAH PENGKOMERSIALAN

Norlina Mohd Zain, Nor Diyana Md Sin

Pada 7 November 2024 (Khamis), Dewan Berlian, UiTM Puncak Alam menjadi saksi kepada satu penganjuran berimpak tinggi iaitu Program Biz.Spotlight 2024, anjuran Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JPI) melalui inisiatif Business Innovation & Technology Commercialization (BITCOM). Program ini diwujudkan sebagai sebuah platform strategik untuk membantu para penyelidik UiTM mengetengahkan produk, inovasi serta teknologi hasil penyelidikan mereka ke arah pengkomersialan.

Program Biz.Spotlight 2024 memperlihatkan pelbagai aktiviti seperti sesi pitching produk, pameran inovasi, sesi libat urus bersama pihak industri serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan pemerkasaan komersial produk penyelidikan. Penganjuran tahun ini turut membawa kelainan apabila peluang turut dibuka kepada penjawat awam dari Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor untuk mengetengahkan inovasi dan rekacipta mereka.

Saya sendiri berpeluang untuk menyertai program ini sebagai pempamer, di mana saya telah membentangkan produk penyelidikan saya kepada para pengunjung, termasuk wakil industri. Peluang ini sangat bermakna kerana ia memberi saya ruang bukan sahaja untuk mempromosikan hasil produk penyelidikan, tetapi juga menilai potensi kebolehpasaran produk saya dalam kalangan industri.

Melalui penglibatan dalam Biz.Spotlight 2024, saya memperoleh banyak pendedahan berharga tentang strategi pengkomersialan, pendekatan pitching yang efektif, serta memahami kehendak dan keperluan industri masa kini. Saya turut terinspirasi melihat rakan-rakan penyelidik UiTM serta peserta lain yang begitu komited dan kreatif dalam mempersembahkan hasil inovasi masing-masing, sama ada dalam bentuk prototaip, model konsep mahupun produk sedia komersial.

Program seumpama ini sangat wajar diteruskan pada masa akan datang kerana ia bukan sahaja merapatkan jurang antara akademia dan industri, tetapi turut membuka ruang kolaborasi yang lebih luas ke arah pembangunan ekonomi berasaskan inovasi dan teknologi.



Pembentangan Produk Penyelidikan kepada Panel Industri dan Pengunjung di Booth Biz.Spotlight 2024

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ELECTROFAM: CONNECT & CELEBRATE DAY

Nor Diyana Md Sin, Khairul Kamarudin Hasan, Nur Aina Batrisyia Binti Abd Halim

Pada 21 Jun 2025, Kelab Electrical Student Technology Club (ESTECH) UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan program “ElectroFam: Connect & Celebrate Day”. Program ini menghimpunkan lebih 60 pelajar bersama 10 pensyarah dari Pengajian Kejuruteraan Elektrik Kuasa, Elektronik dan BTECH. Objektif utama penganjuran adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara mahasiswa dan pensyarah, di samping memberi peluang pelajar menimba pengalaman berpasukan dalam suasana yang santai.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan seperti bola baling, bola tampar dan beberapa acara lain yang menguji kekuatan fizikal serta semangat kerjasama. Bagi memastikan kelancaran, hebahan program telah dibuat lebih awal melalui media sosial rasmi ESTECH seperti Instagram, WhatsApp dan TikTok. Pendaftaran peserta juga dijalankan menggunakan Google Form, manakala perjalanan acara dikawal rapi oleh jawatankuasa agar semua aktiviti berlangsung adil dan teratur.Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai matlamatnya dengan memberikan pengalaman bermakna kepada peserta. Ia bukan sahaja mengeratkan hubungan pelajar dan pensyarah, tetapi juga melahirkan mahasiswa yang lebih produktif, berdaya saing serta mampu memberi kerjasama yang baik dalam pasukan.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ELECTROSTEPS: KE PUNCAK BERSAMA

Nor Diyana Md Sin, Khairul Kamarudin Hasan, Muhammad Khalil Bin Muzam Shah

Kelab Electrical Student Technology Club (ESTECH) UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan program mendaki bukit yang diberi nama “ElectroSteps: Ke Puncak Bersama”. Aktiviti ini berlangsung di Bukit Belungkor Kechil, Pengerang, pada 24 Mei 2025 dengan penyertaan seramai 31 ahli kelab bersama lima orang pensyarah pengiring.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan ukhuwah sesama ahli, mengasah semangat kerjasama, serta memberi pengalaman baharu dalam suasana luar bilik kuliah. Selain itu, ia juga menjadi medan untuk membentuk sifat kepimpinan, keberanian menghadapi cabaran, dan menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan pelajar.

Aktiviti bermula seawal pagi dengan taklimat keselamatan sebelum peserta bertolak ke lokasi mendaki. Pendakian yang bermula jam 10 pagi mengambil masa kira-kira satu jam sebelum semua peserta tiba di puncak. Di sana, mereka berpeluang menikmati pemandangan, berehat, bersantai, dan merakam kenangan bersama. Perjalanan turun bermula tengah hari dan peserta kembali ke kampus sekitar jam 2 petang.

Melalui program ini, ESTECH berjaya mencapai objektif untuk mengeratkan silaturahim, memupuk integriti, serta meninggalkan pengalaman berharga buat semua yang terlibat. Ia menjadi dorongan agar ahli terus berkomitmen aktif dalam menjayakan program kelab pada masa hadapan.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MAJLIS PRA-GRADUAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK 2025

Nor Diyana Md Sin, Khairul Kamarudin Hasan, Nuralyana Omar Bashir

Pada 17 Januari 2025, Fakulti Kejuruteraan Elektrik UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang melalui Kelab Electrical Student Technology Club (ESTECH) telah menganjurkan Majlis Pra-Graduan Fakulti Kejuruteraan Elektrik 2025 di Kotak Glass House, Bandar Baru Permas Jaya, Masai, Johor. Majlis ini bertujuan menghargai pelajar semester akhir Pengajian Kejuruteraan Elektrik serta mengeratkan hubungan silaturahim antara mahasiswa dan pensyarah.Majlis bertemakan “Suits and Dress” ini melibatkan seramai 141 pelajar serta pensyarah, dengan penglibatan 31 ahli jawatankuasa ESTECH sebagai penggerak utama. Program dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, Bangsa Johor, Wawasan Setia Warga UiTM serta doa pembukaan. Ucapan perasmian disampaikan oleh Prof Madya Dr. Mohamad Zhafran, Ketua Pusat PKE, sebelum diteruskan dengan tayangan montaj, persembahan pelajar semester 5 dan pensyarah, serta pelbagai anugerah penghargaan.Antara acara kemuncak ialah penyampaian Anugerah Best Student, cabutan bertuah serta Anugerah Best Outfit yang menyerikan lagi suasana malam. Kehadiran pensyarah bersama pelajar menjadikan majlis ini lebih bermakna kerana mereka diraikan dalam suasana penuh mesra dan penghargaan.Secara keseluruhannya, majlis berjalan lancar dan mendapat maklum balas positif. Ia bukan sahaja memberi kenangan manis kepada pelajar yang bakal menamatkan pengajian, malah menjadi motivasi untuk terus cemerlang. Majlis ini juga membuktikan semangat kerjasama dan komitmen ESTECH dalam menjayakan program besar di peringkat fakulti.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAWATAN PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KE STESEN JANAKUASA SOUTHERN POWER GENERATION SULTAN IBRAHIM PASIR GUDANG

Rijalul Fahmi Mustapa, Atiqah Hamizah Mohd Nordin, Mohd Ezwan Mahadan

Lawatan akademik ke stesen janakuasa Southern Power Generation Pasir Gudang Johor telah disertai oleh pensyarah dan pelajar kumpulan J4CEEE2703B dan J4CEEE2703A yang mengambil kursus ETP543 iaitu subjek Electrical Power Engineering. Lawatan sambal belajar ini telah dijalankan pada 3 Januari 2025 pada pukul 9.00 pagi – 12.00 tengah hari. Seramai 25 orang pelajar dan 5 orang pensyarah telah menyertai lawatan ini.

Pensyarah yang mengajar kumpulan ini ialah Dr. Rijalul Fahmi Mustapa dan Dr. Atiqah Hamizah Mohd Nordin. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk memberikan pendedahan awal kaitan antara bidang Teknologi Kejuruteraan dengan subjek Electrical Power Engineering. Ini kerana pelajar yang menghadiri lawatan ini adalah pelajar yang mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pendigitalan dan Automasi).

Bidang pendigitalan dan automasi sangat berkait rapat dengan industri seperti stesen janakuasa kerana kebanyakan proses kawalan yang diperlukan seperti mengawal kelajuan mesin segerak (synchronous machine), menukar kadar voltan pengubah (transformer), dan sistem amaran (alarm) bergantung kepada sistem digital. Pelajar juga dapat didedahkan dengan bagaimana voltan yang dijana di stesen janakuasa disalurkan ke grid nasional dan seterusnya sampai kepada pengguna di Malaysia melalui sistem digital dan automasi. Secara tidak langsung, pelajar akan memahami betapa pentingnya subjek Electrical Power Engineering dan Teknologi Kejuruteraan dalam memastikan bekalan elektrik dapat dihantar dengan selamat dan berkesan kepada rakyat Malaysia.

Secara kesimpulannya, para pelajar telah memperoleh gambaran menyeluruh tentang bagaimana mesin-mesin elektrik dikawal melalui sistem digital dan automasi. Di samping itu, mereka juga memahami kepentingan sistem digital dan automasi dalam memastikan stesen janakuasa di Malaysia dapat menyalurkan bekalan voltan ke grid nasional pada kadar yang diperlukan.





Para pelajar dan pensyarah bersama penyelia
Southern Power Generation



Para pelajar di bilik suis elektrik

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BERSANGKA BAIK PENGUAT UKHWAH

Siti Sufiah Abd Wahid

Sebagai manusia biasa, menjaga hati dan lidah menjadi cabaran terbesar yang lebih mudah untuk diperkatakan berbanding dilakukan. Namun, Islam mengajar umatnya akan sekecil-kecil cara untuk menjaga jalinan ukhwah sesama manusia dengan cara mengelakkan sangkaan buruk. Husnuzhon, atau bersangka baik adalah salah satu amalan yang dianjurkan di dalam Islam. Berdasarkan sabda Nabi SAW: "Jauhilah kamu semua daripada buruk sangka. Sesungguhnya buruk sangka adalah percakapan yang paling dusta. Janganlah kamu terlalu sensitif dan mengintip-intip keaiban orang. Janganlah kamu saling berdengki, saling memulau dan saling membenci. Jadilah kamu semua hamba-hamba Allah yang bersaudara." (Riwayat Al-Bukhari).

Indahnya Islam, saat pelbagai jenis bualan mulut, cerita dan khabar berita tidak pernah berhenti tersebar sesama manusia, Islam memberi panduan ringkas untuk menghadapinya dengan cara memikirkan asbab yang positif atas sebab berlakunya sesuatu. Ini kerana, pengetahuan, penglihatan dan pendengaran manusia amatlah terbatas, hanya Allah yang Maha Mengetahui setiap perkara yang berlaku disebalik setiap kejadian serta setiap lintasan fikiran dan hati manusia. Malah, keistimewaan amalan bersangka baik dapat dirasai melalui ketenangan tatkala kita tidak perlu risau lagi akan kemungkinan rantaian dosa memfitnah yang boleh menjejaskan ukhwah persaudaraan. Saat usia meningkat dan lebih banyak perkara penting lain yang perlu diutamakan, berilah peluang pada diri sendiri untuk lebih tenang menghadapi hari-hari yang mendatang.

Rujukan:

"Bersangka Baik Kepada Orang Lain – CANSELORI." Accessed: Aug. 28, 2025. [Online].Available: https://canselori.umt.edu.my/bersangka-baik-kepada-orang-lain/

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

DARI ROTI BAKAR HUTTON LANE KE MEE SOTONG LEGEND

Nur Iqtiyani Ilham, Norlee Husnafeza Ahmad

Awal Ogos 2025, kami terbang ke Pulau Pinang untuk menghadiri persidangan. Tapi seperti biasa, bila jejak kaki di bumi Penang, perkara pertama dalam fikiran kami adalah *food hunting*! Jejak sahaja di lapangan terbang Penang, terus pesan *Grab* ke Hutton Lane. Ramai orang sudah beratur walaupun hujan turun renyai pada pagi itu. Semestinya suasana memang meriah, penuh dengan orang tempatan dan pelancong asing yang sama-sama cari sarapan. Kami pesan roti bakar arang yang terkenal sejak 1957. Roti garing panas, disapu kaya pekat dan mentega cair, digandingkan pula dengan telur separuh masak dan secawan kopi memang kombinasi yang sangat sempurna. Walaupun hujan turun, kami tetap makan dengan penuh selera. Rasanya seolah-olah membawa balik nostalgia zaman dulu, sebab itulah Hutton Lane jadi lokasi wajib singgah setiap kali ke Penang.

Malamnya, kami teruskan misi *food hunting*. Kali ini pilihan kami adalah mee sotong dan pasembur sotong yang cukup ikonik di Padang Brown. Mee sotongnya penuh rasa pedas manis, kuah pekat ditambah dengan sotong sambal. Pasembur pula meriah dengan cucur, kentang, timun dan tauhu, dilimpahi kuah kacang pekat beserta sotong sambal, sememangnya sekali suap memang tak cukup!

Untuk ke lokasi persidangan, kami menaiki feri ke Seberang Perai. Angin laut sejuk menyapa, pemandangan George Town terpampang indah sambil kami menikmati cempedak dan pisang goreng didalam feri menjadikan pengalaman ini benar-benar menarik. Pendek kata, jalan-jalan cari makan di Penang kali ini memang puas hati..

Dari roti bakar klasik di Hutton Lane sampai mee sotong dan pasembur legend di Padang Brown, semuanya meninggalkan rasa rindu untuk kembali lagi. Penang, memang betul-betul syurga makanan.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

NEUTRAL-GROUND: VOLTAN YANG SERING DILUPAKAN

Mohd Ezwan Mahadan, Rijalul Fahmi Mustapa, Muhammad Asraf Hairuddin


Isu voltan neutral-ground berlebihan mungkin kedengaran asing, namun kesannya amat besar terhadap kelangsungan operasi sistem elektrik. Fenomena ini berlaku apabila terdapat perbezaan potensi antara konduktor neutral dan bumi, yang sepatutnya hampir sifar. Malangnya, apabila nilai ini meningkat melebihi paras selamat, ia boleh menyebabkan kerosakan serius pada peralatan elektronik yang sensitif. Kesedaran terhadap isu ini amat penting kerana ia sering diabaikan walaupun menjadi punca utama kerosakan peralatan di bangunan komersial dan institusi pendidikan.

Baru-baru ini, masalah voltan neutral-ground berlebihan telah dikesan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UiTM Kampus Pasir Gudang. Beberapa komputer, televisyen, dan peralatan elektronik lain mengalami kerosakan tanpa sebab jelas. Bagi mengenal pasti punca sebenar, pihak fakulti telah memasang beberapa data logger Fluke 1750 di sekitar bangunan untuk merekodkan kualiti kuasa elektrik secara berterusan. Usaha ini membolehkan data teknikal dikumpul sebagai bukti saintifik terhadap masalah yang berlaku.

Dapatan rekod menunjukkan wujudnya peningkatan voltan neutral-ground yang melebihi had yang ditetapkan oleh piawaian. Lebih membimbangkan, peningkatan tersebut berlaku secara *intermittent* dan berbentuk *spike,* menjadikan punca kenaikan voltan sukar untuk dikenal pasti secara langsung. Keadaan ini menimbulkan cabaran besar kepada jurutera kerana masalah tidak konsisten seperti ini lazimnya lebih sukar ditangani berbanding kerosakan kekal yang mudah dikesan.

Isu voltan neutral-ground berlebihan bukan sahaja menyebabkan kos kerugian akibat kerosakan peralatan, malah turut menjejaskan produktiviti serta keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Kerosakan komputer, sistem rangkaian dan peralatan sokongan lain boleh menimbulkan gangguan besar kepada warga fakulti. Lebih penting lagi, ia juga boleh menjejaskan keselamatan jika tidak ditangani segera, terutama apabila melibatkan risiko kejutan elektrik akibat arus bocor.

Langkah intervensi yang boleh diambil termasuk pemeriksaan berkala terhadap sistem pembumian, pengimbangan beban elektrik, pemasangan penapis harmonik, serta pemantauan berterusan melalui alat penganalisis kualiti kuasa. Kesedaran tentang voltan neutral-ground yang sering dilupakan ini perlu dipertingkatkan, bukan sahaja di institusi pendidikan, malah di industri dan bangunan komersial. Dengan langkah pencegahan proaktif, sistem elektrik dapat dipelihara dalam keadaan lebih stabil, selamat dan berdaya tahan untuk jangka panjang.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

GOODBYE LEMAK TRANS, HELLO FIT BODY!

Siti Aminah Nordin, Herda Balqis Ismail, Zakiah Mohd Yusoff

Bagaimana lemak trans mengganggu metabolisme & menyukarkan berat badan turun**.** Ramai orang percaya nak kurus cukup sekadar kira kalori. Hakikatnya, jenis makanan yang kita makan lebih penting daripada jumlah kalori semata-mata. Salah satu punca utama masalah metabolik ialah lemak trans, yang banyak ditemui dalam makanan bergoreng berulang kali, marjerin, makanan segera, biskut, kek, dan snek proses.

Lemak trans boleh merosakkan sensitiviti insulin, iaitu hormon yang kawal gula dalam darah. Bila sel badan jadi “pekak” pada insulin, gula susah masuk ke dalam sel dan akhirnya kekal tinggi dalam darah. Keadaan ini menyebabkan badan semakin sukar membakar lemak, malah lebih cenderung untuk menyimpannya. Inilah salah satu sebab kenapa lemak trans dikaitkan dengan risiko diabetes jenis 2 dan masalah obesity.

Bukan itu saja, lemak trans juga menyumbang kepada pengumpulan lemak viseral, iaitu lemak yang terkumpul di sekitar organ dalaman. Lemak viseral ini lebih berbahaya berbanding lemak bawah kulit kerana ia meningkatkan risiko sakit jantung, strok, tekanan darah tinggi dan perut buncit. Dalam masa yang sama, lemak trans turut mengganggu metabolisme dengan cara meningkatkan paras LDL (kolesterol jahat) dan menurunkan HDL (kolesterol baik). Bila keseimbangan kolesterol terganggu, risiko penyakit metabolik jadi semakin tinggi.

Yang lebih mengecewakan, walaupun jumlah kalori sama, badan yang kerap dibekalkan lemak trans lebih cenderung menyimpan lemak daripada membakarnya.

Itu sebabnya ada orang yang rasa mereka dah makan sedikit, tapi berat badan masih juga tidak turun. Tambah pula, lemak trans merangsang keradangan kronik dalam badan. Bila inflamasi berpanjangan, metabolisme jadi perlahan, tubuh cepat letih, dan proses penurunan berat badan makin sukar.

Kesimpulannya, kalau betul nak kurus dan sihat, bukan sekadar kira kalori tetapi yang lebih penting ialah hapuskan lemak trans daripada diet harian. Gantikan dengan lemak sihat seperti minyak zaitun, ikan berlemak, avocado, kacang atau minyak kelapa. Selain itu, amalkan juga gaya makan seimbang seperti suku suku separuh (suku protein, suku karbohidrat sihat, separuh sayur dan buah) serta kaedah intermittent fasting (IF). Kedua-dua amalan ini membantu tubuh kawal gula darah, meningkatkan sensitiviti insulin, dan seterusnya memulihkan semula kesihatan metabolik. Bila metabolisme kembali seimbang, badan lebih mudah membakar lemak, berat turun secara semula jadi, dan kesihatan pun lebih terjaga..







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KOPI – KEPERLUAN ATAU GAYA HIDUP?

Wan Suhaifiza W Ibrahim

Generasi masa kini memang sukar dipisahkan dengan kopi. Jika dahulu kopi sinonim dengan kedai kopitiam, kini pelbagai kedai kopi moden dengan konsep yang berbeza tumbuh bak cendawan. Ada yang berkonsepkan *grab and go* seperti ZUS dan Gigi, dan ada juga yang tampil dengan konsep kafe cantik yang turut menjual pelbagai pencuci mulut dan *pastry*. Sering kali kita lihat di media sosial, kopi menjadi pilihan masyarakat Malaysia. Persoalannya, adakah ia sekadar minuman, atau sudah menjadi gaya hidup?

Ramai yang menikmati kopi pada waktu pagi sebagai pilihan sarapan. Malah, ia menjadi rutin wajib bagi sesetengah orang kerana ia mampu membangkitkan tenaga dan meningkatkan fokus. Rasa lemak dan sedikit pahit turut menjadi faktor kopi digemari ramai. Kajian juga menyebut bahawa kopi dapat meningkatkan mood dan produktiviti individu. Kandungan kafein dan antioksidan yang tinggi dikatakan mampu mengurangkan risiko penyakit kronik, serta membantu menjaga kesihatan badan manusia. Selain itu, kafein dalam kopi juga berpotensi meningkatkan metabolisme serta membantu membakar lemak.

Namun begitu, jelas dapat dilihat bahawa kopi bukan lagi sekadar keperluan, tetapi juga gaya hidup. Budaya ini boleh dikatakan terinspirasi daripada masyarakat Eropah. Misalnya, ketika saya mengembara ke Paris, kedai kopi di sana menjadi lokasi tumpuan masyarakat tempatan untuk menikmati kopi bersama *croissant*, sambil berbual santai pada waktu pagi atau petang. Trend ini kini dilihat di Malaysia melalui kemunculan kafe moden yang menampilkan barista, pelbagai jenis seni *latte,* serta kaedah penyediaan kopi yang unik.

Minum kopi di kafe yang cantik sudah menjadi sebahagian daripada identiti sosial masyarakat Malaysia sekarang di mana ia bukan sekadar tempat melepak, tetapi juga lokasi untuk bermesyuarat atau bekerja. Pengaruh media sosial turut menguatkan lagi budaya ini. Gaya gambar *flat lay* atau video pendek yang menonjolkan seni kopi dan pastri cantik membuatkan ramai terikut-ikut dengan trend dan bimbang dilabel ketinggalan (*fear-of-missing-out*). Kadangkala, tarikan utama ke kafe lebih kepada suasana yang mesra media sosial (*instagrammable)*, berbanding sekadar menikmati minumannya.

Ada yang mula minum kopi hanya untuk tenaga, tetapi akhirnya jatuh cinta dengan rasa dan pengalamannya. Ada juga yang menjadikannya rutin kerana kedua-duanya iaitu keperluan dan gaya hidup. Apa pun kebaikan dan manfaat kopi, ia tetaplah perlu diambil secara sederhana agar boleh menjadi sebahagian daripada gaya hidup sihat.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA KREATIF

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

AKU PEMINAT ANIME

Norlina Mohd Zain

Aku seorang peminat anime. Ramai orang beranggapan anime hanyalah kartun dari negara Jepun yang dibuat untuk hiburan semata-mata. Tetapi bagi aku, anime lebih daripada itu. Ia adalah cermin kehidupan yang penuh dengan pengajaran, nilai murni, dan semangat yang kadangkala tidak kita temui dalam dunia nyata.

Aku masih ingat, kali pertama aku menonton Naruto. Pada awalnya, aku hanya kagum dengan aksi pertarungan dan jalan cerita yang mendebarkan. Namun, semakin lama aku mengikuti kisahnya, aku tersentuh dengan semangat perjuangan Naruto Uzumaki. Walaupun dia dipandang hina dan sering disisihkan, dia tidak pernah berhenti mengejar impiannya untuk menjadi Hokage. Dari Naruto, aku belajar bahawa selagi kita tidak berputus asa, satu hari nanti usaha kita pasti akan membuahkan hasil.

Anime juga banyak mengajar aku tentang kasih sayang keluarga. Dalam *Fullmetal Alchemist: Brotherhood*, kisah Edward dan Alphonse Elric benar-benar menyentuh hati. Mereka sanggup menempuh pelbagai bahaya demi menyelamatkan satu sama lain. Hubungan adik-beradik yang begitu erat membuat aku lebih menghargai keluargaku sendiri.

Anime lain yang membuat aku tersentuh ialah *Demon Slayer (Kimetsu no Yaiba)*. Kisah Tanjiro yang sanggup mempertaruhkan nyawa demi menyelamatkan adiknya, Nezuko, benar-benar menggambarkan kasih sayang dan pengorbanan. Ia mengingatkan aku bahawa keluarga adalah anugerah terbesar dalam hidup.

Selain keluarga, anime juga mengajar aku tentang erti sahabat sejati. Dalam *One Piece*, Luffy dan rakan-rakannya mengembara bersama-sama, menghadapi musuh yang kuat, dan sanggup berkorban demi persahabatan. Aku sedar, sahabat sejati bukan sekadar teman ketawa, tetapi juga mereka yang tetap berdiri bersama kita di saat kita jatuh.

Tidak ketinggalan, semangat berpasukan juga terserlah dalam anime sukan seperti *Haikyuu!!*. Setiap pemain dalam pasukan bola tampar Karasuno mempunyai peranan penting. Mereka tidak mungkin mencapai kemenangan jika hanya bergantung kepada seorang individu. Dari sini aku belajar bahawa kejayaan datang daripada Kerjasama berpasukan, bukannya usaha seorang sahaja.

Bagi aku, anime bukan sekadar hiburan di skrin. Setiap jalan cerita membawa mesej yang mampu menyentuh hati. Ia memberi inspirasi untuk aku menjadi lebih kuat, lebih menghargai keluarga, menghargai persahabatan, dan gigih berusaha mencapai sesuatu impian. Aku bangga menjadi peminat anime. Kerana setiap episod yang aku tonton bukan hanya membawa senyuman, tetapi juga menyemai semangat perjuangan dalam diri aku. Dan itulah sebabnya aku akan terus menonton anime kerana di situ aku menemui pengajaran tentang kehidupan yang sebenar.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ADAPTING TO INDUSTRY 4.0: THE NEXT FRONTIER FOR CHEMICAL ENGINEERS IN INDUSTRIAL PRACTICE

Wan Nur Fazlina Abdol Jani, Nurul Hazwani Hanib, Norin Hafizah Rahim

Program "*Adapting to Industry 4.0: The Next Frontier for Chemical Engineers in Industrial Practice*" telah dianjurkan oleh pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia daripada kelas J4CEEH1104C dan J4CEEH1104D, sebagai sebahagian daripada kursus *Engineering Project Management* (CHE250). Program ini berlangsung pada 10 Jun 2025, jam 2.30 hingga 5.00 petang secara atas talian melalui *Microsoft Teams* dengan penglibatan seramai 138 peserta termasuk pensyarah.


Di bawah seliaan Dr. Wan Nur Fazlina Abdol Jani dan Puan Nurul Hazwani Hanib, program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar kejuruteraan mengenai aspek teknikal serta praktikal bidang kawalan proses industri, di samping memperkenalkan realiti kerjaya sebagai jurutera kimia. Ia juga menekankan kepentingan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi dan pemikiran kritis dalam menyelesaikan masalah industri.

Program telah dikendalikan oleh dua moderator, Nurul Athirah binti Ahmad Sallehuddin dan Putri Hadariah binti Syahrazad. Sesi dimulakan dengan pengenalan dua penceramah jemputan - *Industry Advisory Panels* (IAP) iaitu Encik Muhammad Zaqwan (*Assistant Manager WWTP Engineer*, Jacob Douwe Egberts Sdn. Bhd.) dan Encik Mohd Amirul Syafiq bin Mohd Shah (*Senior Quality Control Engineer*, Perstima Berhad, Johor). Kedua-dua penceramah telah berkongsi pengalaman luas tentang cabaran kerja, amalan terbaik industri serta etika kerja yang relevan dengan dunia kejuruteraan kimia.

Sesi soal jawab interaktif seterusnya telah memberi ruang kepada peserta mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan isu teknikal, operasi harian jurutera, serta persediaan menghadapi alam pekerjaan. Program turut diserikan dengan penyampaian cenderamata sebagai tanda penghargaan serta sesi bergambar bersama. Walaupun dijadualkan tamat pada 4.30 petang, sesi dilanjutkan hingga 5.00 petang bagi memberi peluang interaksi lebih mendalam antara peserta dan penceramah.

Maklum balas yang diterima juga sangat positif. Pelajar berpendapat program ini memberi nilai tambah dari segi pengetahuan akademik, pendedahan awal terhadap kerjaya jurutera, serta persediaan menghadapi latihan industri. Ia juga berjaya mengukuhkan hubungan antara UiTM dengan pihak industri, selaras dengan aspirasi universiti dalam melahirkan graduan holistik yang berdaya saing. Secara keseluruhan, program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta, malah memberikan pengalaman berharga kepada penganjur dari aspek pengurusan acara, kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi. Diharapkan penganjuran seumpama ini dapat diteruskan dengan penambahbaikan pada masa akan datang agar memberi impak lebih besar kepada komuniti pelajar.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BE GREEN OUTREACH PROGRAM FASA 1: SK DAN SMK TAMAN NUSA DAMAI

Noorhaliza Aziz, Siti Hajar Anaziah Mohammad, Siti Mazlifah Ismail

“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)” - Surah Ar – Ruum, ayat 41.

Manusia diamanahkan sebagai khalifah di muka bumi dengan tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara alam sekitar. Namun begitu, dalam mengejar arus kemajuan dan kesibukan harian, ramai yang alpa sehingga menyebabkan pencemaran dan kerosakan alam semakin berleluasa. Bumi kini semakin tenat, dengan isu pencemaran udara, air, dan lautan yang semakin kritikal. Antara isu utama yang sering mendapat perhatian ialah pengurusan sisa pepejal.

Sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurusan sisa pepejal secara berkesan, Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK) UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah melaksanakan program komuniti “Be Green Outreach Program” dengan kerjasama Petronas Chemical Group yang telah menyalurkan geran bagi pelaksanaan program ini. Program ini dijalankan dengan sokongan Kumpulan SULAM UiTM dan mendapat kerjasama rapat dari UiTM Shah Alam. Antara pengisian utama program ini ialah pendidikan alam sekitar berfokuskan pengurusan sisa plastik. Fasa pertama program ini telah dijalankan pada 26 November 2024 bertempat di

1. Sekolah Kebangsaan Taman Nusa Damai
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Nusa Damai

Seramai 5 pensyarah dan 103 pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia yang berdaftar di bawah kod kursus *Environmental Engineering*, telah terlibat dalam menjayakan program ini bersama 2,400 pelajar sekolah rendah dan menengah. Pelaksanaan program menggunakan gabungan modul PSYE – Plastic, Sustainability and You Education dan pendekatan STEAM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik), merangkumi elemen seperti - Kitar semula plastik, pengurangan penggunaan plastik dan penghasilan produk kreatif daripada bahan terbuang.

Kepelbagaian aktiviti menarik yang dijalankan terbukti berjaya menarik minat pelajar sekolah dan meningkatkan kesedaran mereka tentang pentingnya menjaga alam sekitar sejak di bangku sekolah lagi. Secara tidak langsung, program ini juga menjadi platform kepada pelajar universiti untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, selaras dengan objektif pembelajaran servis (SULAM) yang menggalakkan keterlibatan aktif mahasiswa dengan komuniti.

Be Green Outreach Program Fasa pertama ini banyak membantu mahasiswa UiTM dalam mengadaptasikan ilmu yang diperolehi di bilik kuliah untuk dikongsikan bersama masyarakat. Program ini membuktikan bahawa pendidikan kelestarian perlu diterapkan kepada seluruh peringkat masyarakat dan bukan semata ajaran teori sahaja.



SK Taman Nusa Damai



SMK Taman Nusa Damai

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BE GREEN OUTREACH PROGRAM FASA 2: SMK TUN FATIMAH HASHIM

Noorhaliza Aziz, Wan Nur Fazlina Abdol Jani, Nurul Hazwani Hanib

"Dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan." Al-Qasas (77).

Be Green Outreach Program Fasa 1 telah membuktikan pendidikan kelestarian secara interaktif berkesan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat. Program ini diteruskan ke Fasa 2 dengan mengekalkan konsep utama iaitu pengurusan sisa plastik. Program Fasa 2 ini telah berlangsung di SMK Tun Fatimah Hashim (TUFAH) pada 18 Jun 2025 dan dirasmikan oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan Sains dan Matematik, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Johor, Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Dom Bin Dui.

Penganjuran program ini berjalan lancar hasil kerjasama erat antara mahasiswa, Jabatan Pendidikan Johor, Pejabat Pendidikan Pasir Gudang serta pihak pentadbiran SMK Tun Fatimah Hashim. Seramai 6 orang pensyarah dan 101 pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia, di bawah kursus *Engineering Project Management,* telah memainkan peranan utama dalam menjayakan program ini. Program ini turut mendapat kerjasama dan penglibatan 128 orang guru serta staf sekolah, di samping penyertaan seramai 900 pelajar sekolah berkenaan.

Pelbagai aktiviti berteraskan STEAM telah dilaksanakan dengan menekankan elemen pengurusan sisa plastik dan amalan penjimatan. Para pelajar diberi pendedahan tentang jenis-jenis plastik yang boleh dikitar semula serta potensi penjanaan kewangan melalui sisa tersebut. Mereka juga didedahkan mengenai penggunaan bahan pembungkusan yang lebih efisien bagi mengurangkan kebergantungan terhadap plastik.

Program ini mampu melentur pemikiran generasi muda ke arah pemeliharaan alam sekitar, malah menjadi langkah permulaan dan signifikan ke arah membentuk masa depan yang lebih lestari dan mampan. Selain itu, kreativiti pelajar turut digilap melalui penghasilan kraf berasaskan sisa plastik yang berpotensi menjadi sumber pendapatan. Hasil kerjasama antara Petronas Chemical Group, UiTM SULAM dan pihak sekolah dalam program ini sangat berkesan dalam memastikan rantaian kelestarian ini dapat diteruskan.

Melalui penganjuran Be Green Outreach Program, jelas terbukti bahawa pendidikan kelestarian bukan sekadar sebuah inisiatif, tetapi satu pelaburan jangka panjang dalam membentuk generasi yang lebih prihatin terhadap alam sekitar. Dengan sokongan padu daripada pelbagai pihak – industri, universiti, jabatan pendidikan, sekolah, guru, pelajar serta komuniti – usaha ini mampu menjadi rantaian berterusan yang membawa impak nyata kepada masyarakat.

Semoga program ini dapat diperluaskan dan diperhebatkan pada masa akan datang agar kesedaran yang disemai hari ini menjadi budaya kelestarian yang kukuh. Melalui langkah bersama inilah kita dapat melakar masa depan yang lebih hijau, lestari dan seimbang untuk generasi akan datang.

.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MAHASISWA BERSAMA KOMUNITI – TAUTAN KASIH, SENTUHAN ILMU #PKKWeCare

Nurul Hazwani Hanib, Norhafini Hambali

Program **"**#PKKWeCare: Tautan Kasih, Sentuhan Ilmu" anjuran *Chemical Engineering Student Society* (ChESS) dengan kerjasama Unit Jaringan Industri dan Komuniti, Fakulti Kejuruteraan Kimia UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang (UiTMCJKPG) telah berjaya dilaksanakan pada 5 Julai 2025 bertempat di Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Nur Solihin, Ulu Tiram, Johor. Program ini merupakan satu inisiatif Fakulti Kejuruteraan Kimia yang menghimpunkan pelajar, pensyarah, dan staf bagi menyumbang keperluan barangan serta melaksanakan aktiviti bersama anak-anak yatim. Ia mencerminkan rasa peduli sosial serta selari dengan aspirasi Malaysia Madani dan Matlamat Pembangunan Lestari (*SDG 4: Quality Education dan SDG 10: Reduced Inequalities*).

Seawal jam 9.00 pagi, sukarelawan berkumpul di UiTMCJKPG sebelum bergerak ke lokasi program. Kehadiran disambut dengan mesra oleh pihak pengurusan rumah kebajikan, seterusnya dimulakan dengan sesi *ice-breaking* bagi mewujudkan suasana yang ceria. Program diteruskan dengan pelbagai aktiviti interaktif seperti *Musical Ball, Colour the Flowers, Volcano,* dan *Math Genius* yang direka khas untuk melibatkan kanak-kanak berumur antara 6 hingga 18 tahun. Aktiviti ini bukan sahaja menyeronokkan, malah berjaya merangsang kreativiti, pemikiran logik serta semangat kerja berpasukan.

Program ini telah melibatkan seramai 10 orang mahasiswa ChESS yang bertindak sebagai sukarelawan utama. Turut sama terlibat memeriahkan komuniti projek ini beberapa orang pensyarah FKK yang juga bertindak sebagai sukarelawan.

Walaupun berdepan cabaran seperti kekurangan barangan keperluan dan perubahan pada jadual aktiviti, kerjasama erat dalam kalangan pelajar serta sokongan pensyarah telah berjaya memastikan semua tentatif berjalan dengan lancar. Menurut jawatankuasa, pengalaman ini memberi pengajaran besar tentang pentingnya perancangan teliti serta komunikasi yang baik bagi memastikan kelancaran program pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, *"#PKKWeCare: Tautan Kasih, Sentuhan Ilmu"* bukan sekadar program sukarelawan, tetapi satu pengalaman bermakna yang menghubungkan mahasiswa UiTMCJKPG dengan masyarakat setempat. Program ini menjadi wadah bagi pelajar mengasah empati, kepimpinan, kerja berpasukan serta kemahiran insaniah yang tidak dapat diperoleh melalui kuliah semata-mata. Pada masa yang sama, penglibatan dalam pengurusan memberi pendedahan terhadap aspek organisasi sebenar seperti logistik, dokumentasi dan kerjasama, sekaligus melahirkan pelajar yang lebih holistik serta bersedia menghadapi cabaran masa depan. Paling utama, program ini membawa sinar kegembiraan kepada anak-anak yatim sambil memupuk semangat kesukarelawanan dalam diri mahasiswa.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR


NAVIGATING THE ROAD TO PROFESSIONAL ENGINEERING: AN EXPEDITION TOWARD EXCELLENCE

Norin Hafizah Rahim, Ir. Dr. Mohd Jumain Jalil, Ts. Muhammad Imran Ismail

Program "*Navigating The Road to Professional Engineering: An Expedition Toward Excellence*" telah dianjurkan oleh pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia daripada kelas J4CEEH1104A sebagai sebahagian daripada kursus *Engineering Project Management* (CHE250). Program ini berlangsung pada 15 Mei 2025, jam 8.45 hingga 9.45 malam secara atas talian melalui *Microsoft Teams* dengan penglibatan seramai 285 peserta termasuk pensyarah. Di bawah seliaan Puan Norin Hafizah Rahim, Program ini dianjurkan bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai laluan untuk menjadi jurutera bertauliah (*Professional Engineer*). Penceramah jemputan, Ir. Dr. Mohd Jumain Jalil yang merupakan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, telah membincangkan aspek pendidikan, pembangunan profesional, serta persediaan untuk penilaian yang diperlukan bagi memperoleh status Ir. Program ini turut menekankan kepentingan kerjasama dengan industri dan penglibatan pensyarah dalam projek penyelidikan dan konsultasi industri. Sesi perkongsian dimulakan dengan penerangan mengenai fasa utama dalam laluan menjadi jurutera profesional, termasuk pendidikan asas, pembangunan profesional awal (*Initial Professional Development*), dan semakan profesional (*Professional Review*). Selain itu, peserta turut diperkenalkan kepada syarat kelayakan daripada badan kejuruteraan seperti BEM dan IChemE, serta jangkaan tempoh masa untuk setiap peringkat dalam proses aplikasi, semakan, dan kelulusan sebagai jurutera profesional.

Program ini juga diserikan dengan sesi soal jawab interaktif yang memberi peluang kepada peserta untuk bertanya mengenai isu teknikal, operasi jurutera dalam industri, serta persediaan menghadapi alam pekerjaan. Penceramah turut berkongsi tips penting, seperti mendapatkan pendidikan berterusan, mengumpul pengalaman kerja, mencari mentor, dan mematuhi kod etika profesional. Maklum balas yang diterima adalah sangat positif dengan pelajar berpendapat bahawa program ini memberi nilai tambah dari segi pengetahuan akademik yang lebih jelas mengenai laluan kejuruteraan profesional. Selain itu, mereka mendapat pendedahan awal terhadap kerjaya jurutera serta persediaan menghadapi latihan industri dan aplikasi lesen Ir. Kesimpulannya, program ini memberikan pendedahan yang sangat berharga kepada pelajar mengenai laluan untuk menjadi jurutera bertauliah. Dengan memahami fasa-fasa utama dalam perjalanan profesional, seperti pendidikan asas, pembangunan profesional awal, dan semakan profesional, pelajar dapat mempersiapkan diri lebih awal untuk menghadapi cabaran dalam industri kejuruteraan. Secara keseluruhan, program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta, malah memberikan pengalaman berharga kepada penganjur dari aspek pengurusan acara, kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SINERGI AKADEMIK & KEPIMPINAN MAHASISWA ChESS UiTMCJKPG 2024/2025

Nurul Hazwani Hanib, Dr. Arbanah Muhammad

Chemical Engineering Students' Society (ChESS), UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang (UiTMCJKPG) terus memperkukuh peranan sebagai wadah pembangunan holistik mahasiswa dengan menganjurkan pelbagai program yang merangkumi aspek akademik, kepimpinan dan khidmat masyarakat. Setiap inisiatif yang dilaksanakan sepanjang sesi 2024/2025 dirangka bagi memastikan pelajar tidak hanya cemerlang dalam bilik kuliah, malah berdaya saing dalam kepimpinan, celik digital, serta mempunyai empati sosial.

Salah satu pencapaian penting ChESS ialah penyertaan dalam *National Chemical Engineering Symposium (NACES) 2024* anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tema *"*AI dalam Kejuruteraan Kimia*" pada November - Disember 2024*. FKK UiTMCJKPG telah menghantar sembilan pelajar untuk menyertai kategori atas talian seperti *Technical Infographics, Technical Video, Chemical Engineering Challenge,* dan *Technical Essays*. Hasil usaha gigih serta bimbingan pensyarah sebagai mentor, salah seorang peserta berjaya meraih tempat ketiga dalam *Technical Essays Competition*, sekaligus membuktikan kemampuan pelajar diploma UiTMCJKPG untuk bersaing dengan universiti ternama lain di Malaysia. Penyertaan ini bukan sahaja memberi pengalaman berharga, malah meningkatkan keterlihatan UiTMCJKPG di peringkat kebangsaan serta menyemarakkan semangat pelajar untuk terus menonjol dalam platform ilmiah.

Dalam aspek penghargaan akademik, Majlis Anugerah Dekan yang diadakan pada 10 Januari 2025 telah meraikan seramai 105 pelajar dari semester 1 hingga 4 yang memperoleh GPA 3.5 dan ke atas.

Majlis yang berlangsung di *Library Community Engangement* PTDI itu bukan sekadar memberi pengiktirafan pencapaian akademik, malah menyuntik motivasi kepada pelajar lain melalui ucapan inspirasi daripada Ketua Prasiswazah serta tayangan montaj pencapaian pelajar yang diraikan.

Bagi memperkukuh hubungan sesama pelajar, program *Team Building* telah dilaksanakan pada 24 Mei 2025 di Padang Serbaguna UiTM Pasir Gudang dengan penglibatan lebih 80 pelajar semester 2 dan 4. Aktiviti fizikal seperti tarik tali, sepakan penalti dan *relay* belon air bukan sahaja menyeronokkan, tetapi berperanan penting dalam menggalakkan komunikasi antara kelas serta memupuk semangat berdaya saing yang sihat.

Selain itu, usaha memperkasakan literasi akademik dan digital turut diperkukuh melalui *Projek Bangkit 2.0* serta *Bengkel Fundamentals of Software* yang berlangsung dari 13 Jun hingga 11 Julai 2025. Program mentor-mentee ini memberi pendedahan praktikal kepada pelajar dalam penggunaan asas aplikasi Microsoft Word dan Excel, di samping mengukuhkan kefahaman terhadap konsep akademik teras. Langkah ini berjaya memupuk budaya pembelajaran kendiri, meningkatkan keyakinan pelajar serta menyediakan mereka untuk cabaran akademik dan kerjaya.

Program ChESS sangat berkesan dalam membangunkan pelajar secara menyeluruh. Melalui aktiviti kepimpinan, akademik, dan khidmat masyarakat, program ini membantu pelajar mengasah kemahiran insaniah seperti komunikasi, penyelesaian masalah, kerja berpasukan, dan empati sosial. Selain itu, penglibatan pelajar dalam pengurusan program memberikan pendedahan praktikal kepada aspek organisasi, logistik, dan dokumentasi. Pengalaman ini bukan sahaja mematangkan pelajar tetapi juga mempersiapkan mereka untuk dunia pekerjaan. Seterusnya mampu melahirkan graduan yang bersedia menghadapi cabaran masa depan, sejajar dengan aspirasi pendidikan negara.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

UiTM DEKAT DI HATI : ASPIRASI PASCASISWAZAH BERMULA DI SMK SERI KOTA PUTERI 2

Dr Nur Farhana Mohd Yusof, Ts Dr Siti Aminah, Dr Suhadiyana

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang (UiTMCJKPG) terus memperkukuh peranannya dalam memperluaskan peluang pendidikan tinggi apabila melaksanakan program promosi pascasiswazah di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota Puteri 2. Program ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar sekolah menengah mengenai peluang pengajian lanjutan di UiTM, khususnya di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Selain pelajar, program ini juga memberi inspirasi kepada ibu bapa yang hadir untuk memenuhi impian menyambung pengajian.

Program yang berlangsung sehari ini telah mendapat sambutan hangat daripada warga sekolah termasuk guru-guru, pelajar tingkatan 5 serta ibu bapa. Penceramah daripada UiTMCJKPG berkongsi maklumat mengenai laluan akademik, bidang pengajian, kelebihan meneruskan pengajian pascasiswazah, serta peluang kerjaya yang menanti graduan UiTM. Selain sesi taklimat, program turut diisi dengan pameran *booth* dan sesi soal jawab interaktif. Melalui inisiatif ini, UiTM bukan sahaja dapat menyampaikan maklumat mengenai program pascasiswazah, malah turut menggalakkan pelajar membina minat dalam penyelidikan, inovasi dan pembangunan bakat. Program ini dijangka akan diteruskan di sekolah-sekolah lain di sekitar negeri Johor sebagai sebahagian daripada usaha UiTM mendekatkan du



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

KETUPAT SOTONG, JUADAH IKONIK PANTAI TIMUR

Siti Hajar Anaziah Muhamad

Musim mencandat sotong menjadi salah satu tarikan di Negeri Terengganu yang kebiasaannya berlaku antara bulan Mac hingga Ogos setiap tahun, merupakan waktu yang dinantikan bagi penduduk tempatan serta para pelancong. Mencandat sotong adalah merupakan aktiviti menangkap sotong menggunakan candat, iaitu umpan khas berbentuk jig dengan mata kail bercabang banyak. Waktu ini pencandat akan beramai-ramai bermalam di laut seawal matahari terbenam hingga awal pagi untuk mencandat sotong. Pada waktu inilah muncul satu sajian tradisi masyarakat Pantai Timur Semenanjung yang terkenal, iaitu ketupat sotong.

Ketupat sotong, atau turut dikenali di kalangan penduduk tempatan dengan nama panggilan 'tuppak sotong', merupakan menu tradisi masyarakat Terengganu dan Kelantan yang istimewa. Hidangan unik ini wujud sebagai usaha kreatif masyarakat tempatan untuk mengatasi lambakan sotong yang banyak ditangkap ketika musim mencandat, sekaligus menjadikannya sajian warisan yang terus digemari hingga kini.

Bahan asas ketupat sotong ialah sotong segar dan beras pulut. Beras pulut akan dikukus bersama santan, kemudian disumbat ke dalam sotong yang telah dibersihkan sebelum dimasak semula dalam kuah santan yang pekat dan berlemak.



(Sumber gambar dari Google)

Penyediaan ketupat sotong di Kelantan dan Terengganu mempunyai keunikan yang berbeza. Di Terengganu, kuahnya lebih ringan dan halus dengan rasa manis yang datang daripada penggunaan gula batu atau gula pasir, ditambah dengan garam, bawang, halba dan halia. Sementara itu, versi Kelantan pula menampilkan cita rasa yang lebih pekat dan manis, menyerlahkan gaya masakan tradisi negeri tersebut.

Ringkasnya, ketupat sotong bukan sahaja mengenyangkan, malah menjadi simbol keunikan rasa dan budaya Pantai Timur. Jadi, kalau berkunjung ke Terengganu pada musim mencandat sotong, jangan lepaskan peluang untuk menikmati juadah tradisi istimewa ini.




(Sumber gambar dari Google)

Sumber:
https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/12/10/santaiselasa-kisah-ketupat-sotong/, (retrieve 27 Ogos 2025)
https://www.discoveryterengganu.com/en/ (retrieve 27 Ogos 2025)

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SLUDGE: THE UNSEEN BYPRODUCT

Siti Hajar Anaziah Muhamad

When people hear about the sludge, they imagine something that is smelly, dirty, and useless. However, the scientists and engineers see something else that has a potential value: a hidden resource. Globally, water and wastewater treatment plants produce millions of tons of sludge each year. Rather than discarding it, innovators are developing effective methods to transform this by-product into valuable resources.

What is Sludge?

Sludge is the semi-solid residue left after the treatment of water/stormwater and wastewater. It consists mainly of water, organic matter, microorganisms, and various solids such as fats, oils, grease, and inorganic materials. Depending on its source and treatment stage, sludge can vary widely in composition and consistency, from wet and sticky to dry and crumbly.

The Challenge

Commonly, sludge was seen as a waste problem or disposal problem that created environmental challenges. Untreated sludge can contain pathogens, heavy metals, and toxic chemicals that may harm soil, water, and human health if improperly managed. Huge amounts end up in landfills or incinerated, raising concerns about:

- **Land scarcity** for safe disposal
- **Greenhouse gas emissions** from decomposition
- **Potential contaminants**, such as heavy metals

From Waste to Resource

Instead of being a burden to the environment, sludge is now being explored as a sustainable solution as:

- **Agriculture & Soil Amendment**
  - Water treatment sludge can improve soil structure and retain moisture. It supplies nutrients that enhance plant growth, reducing reliance on chemical fertilizers.
- **Construction Material**
  - Treated sludge ash can be mixed into cement, bricks, or road base layers, cutting down construction costs and promoting recycling.
- **Energy Recovery**
  - Sludge contains organic matter that can be processed in anaerobic digesters to produce biogas (a renewable energy source).



(Sumber gambar dari Google)

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

ALUMNI HOMECOMING 1.0 FKM 2024

Najibah Ab Latif, Nor Liawati Abu Othman, Ainaa Maya Munira Ismail

Program Alumni Homecoming 1.0 julung kalinya telah diadakan dengan jayanya pada 3 November 2024 yang lalu di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Kampus Pasir Gudang. Sesi perkongsian bersama lapan orang alumni daripada pelbagai bidang pekerjaan dalam kejuruteraan mekanikal ini telah mengetengahkan pengalaman mereka sejak mula bekerja sehingga mencapai kejayaan dalam bidang masing-masing. Perkongsian ini berjaya menarik minat ramai pelajar semester 5 untuk mendapatkan panduan dan nasihat, sekali gus membantu mereka membuat persediaan lebih baik sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Akhir sekali, majlis diteruskan dengan penubuhan Kelab Alumni FKM serta sesi pelantikan AJK Alumni. Kesimpulan, program pelajar bersama alumni ini sedikit sebanyak memberi motivasi kepada pelajar tahun akhir mengenai bidang yang ingin diceburi dan tips untuk mendapatkan tempat dalam industri yang terkenal.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BUAL BICARA BERSAMA INDUSTRI: THRIVING IN THE ERA OF IR4.0

Norjasween Abdul Malik, Mazleenda Mazni, Liyana Roslan

Hasil Kerjasama antara pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Alumni, Jaringan Industri dan Masyarakat, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang telah berjaya menganjurkan Program Bual Bicara Bersama Industri sebagai sebahagian daripada aktiviti *Collaborative Group Collaborative Teaching* (CGCT) bagi subjek MEC322: Control System & Instrumentation. Program ini telah diadakan pada 12 Jun 2025, yang telah menjemput En. Mohamad Syazwan Johari, *Chief Technology Officer*, Viucom Sdn. Bhd. sebagai panel jemputan. Sesi ini berlangsung secara dalam talian selama dua jam yang mana memberi peluang kepada para pelajar untuk memahami dengan lebih mendalam aplikasi sebenar kawalan sistem dan instrumentasi dalam dunia industri.

Pelajar juga turut mendapat peluang bertanya soalan secara langsung, sekali gus menjadikan sesi ini interaktif dan bermanfaat. Pendedahan ini membantu mereka menghubungkan ilmu teori dengan aplikasi sebenar di industri, serta memberi inspirasi untuk terus berinovasi dalam bidang masing-masing.

Sesi ini memberi fokus kepada kepentingan *automation, digitalization,* serta penerapan teknologi baharu dalam meningkatkan daya saing industri. Beliau turut menekankan kemahiran kritikal yang perlu dikuasai oleh graduan kejuruteraan agar terus relevan dengan kehendak pasaran kerja masa kini. Semoga program ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta dan dapat diteruskan lagi pada semester yang akan datang.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR


INSIGHTS FROM BOILER BASICS WEBINAR

Ahmad Faidzal Khodori, Najibah Ab Latif, Ainaa Maya Munira Ismail

A webinar entitled "***Boiler Basics: Everything You Need to Know (Design, Efficiency and Performance***)" was organized exclusively for students of the Faculty of Mechanical Engineering, UiTM Johor Branch, Pasir Gudang Campus, as part of the MEC294 course initiative. The session, held via Google Meet on July 3, 2025, featured an insightful presentation by Ts. Muhamad Azeem bin Suhaimi, a Grade 1 Steam Engineer at Muda Paper Mills, Penang, and a proud alumnus of UiTM Pasir Gudang. The program aimed to strengthen students' theoretical understanding, provide exposure to the real-world application of the Marcet Boiler thermodynamics experiment, and create opportunities to gain knowledge directly from industry experts. Commencing at 8:00 p.m., the webinar was attended by 44 students and five lecturers. It began with welcoming remarks from the moderator, followed by the main presentation, which lasted nearly two hours and was filled with valuable insights.

An interactive Q&A session at 9:45 p.m. concluded the program at 10:00 p.m. Throughout the session, students gained a deeper understanding of the fundamental principles of boiler operation and design, including the relationship between pressure and saturated steam temperature as explained by thermodynamic laws, alongside factors influencing efficiency and safety. The emphasis on the industrial applications of steam technology further broadened their perspectives. Overall, the webinar successfully met its objectives by enriching theoretical knowledge, enhancing the learning experience, and providing clearer insights into the practical application of engineering concepts in industrial contexts. It is hoped that similar programs will continue to be organized as part of UiTM's efforts to nurture globally competitive mechanical engineering graduates.


Muhamad Azeem Suhaimi (Presenting, annotating)
USE OF STEAM IN INDUSTRY
sterilizing
Absorption
Power Generation
locomotive
Cooking
Hot water
33 others
8:24 PM


Muhamad Azeem Suhaimi
ARIF HAIDAL ROSLAN
AHMAD ADAM AIMAN SAMSUL BAHARI
DR NAJIBAH AB LATIF
AINAA MAYA MUNIRA ISMAIL
K N
37 others
AHMAD FAIZAL KHODORI

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KOLABORASI FKM UITM PASIR GUDANG BERSAMA SULTAN IBRAHIM POWER PLANT

Kamariah Md isa, Najibah Ab Latif, Ahmad Hilmi Khalid

Pada 22 Ogos 2025 yang lalu, pihak Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah mengadakan mesyuarat kolaborasi serta lawatan ke Sultan Ibrahim Power Plant (SIPP), Pasir Gudang. Mesyuarat ini telah disertai oleh Koordinator Prasiswazah FKM, Ts. Mohd Ghazali Mohd Hamami, ketua-ketua bidang dan pensyarah-pensyarah FKM. Manakala di pihak SIPP pula, mesyuarat ini telah dihadiri oleh Ir. Ts. Mohd Syazwan Othman, Pengurus Besar Stesen O&M SIPP serta Ketua-ketua dan Pengurus-pengurus Bahagian Keselamatan, Operasi, Penyelenggaraan dan lain-lain.

SIPP merupakan loji janakuasa komersial pertama di dunia menggunakan turbin gas berteknologi paling cekap yang dihasilkan oleh General Electric (GE) yang telah memulakan operasi komersial pada 1 Januari 2021. Teknologi pembakaran bahan api gas aslinya mampu menghasilkan 60 peratus tenaga elektrik dan kecekapan turbin gas berteknologi tinggi ini juga mampu menyumbang kepada pengurangan jejak karbon [1]. Mesyuarat ini membincangkan potensi kolaborasi yang boleh dijalankan antara dua pihak dalam bidang penyelidikan, kerja komuniti serta menjadikan SIPP sebagai salah satu tapak loji janakuasa yang akan dikunjungi oleh pelajar-pelajar Kejuruteraan Mekanikal UiTM terutamanya bagi kursus MEC251, Thermodynamics.

Secara keseluruhan, mesyuarat dan lawatan kerja ini telah berjaya mengukuhkan jalinan kerjasama strategik antara FKM dan SIPP. Pihak fakulti merakamkan penghargaan kepada pengurusan dan warga kerja SIPP atas sambutan mesra serta kesediaan untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran.

Inisiatif ini bukan sahaja membuka peluang luas untuk kolaborasi dalam bidang penyelidikan, pembangunan teknologi, dan penglibatan komuniti, tetapi juga menyediakan platform pembelajaran yang bernilai kepada para pelajar melalui pendedahan kepada operasi industri tenaga sebenar.

[1] Awazmin, A. H. (2022, March 22). Sultan Ibrahim Power Plant, loji jana kuasa komersial pertama dunia guna turbin gas. Astro Awani. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sultan-ibrahim-power-plant-loji-jana-kuasa-komersial-pertama-dunia-guna-turbin-gas-353082









e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAWATAN AKADEMIK KE UNIVERSITY OF SOUTHAMPTON

Nor Liawati Abu Othman, Najibah Ab Latif

Seramai 6 orang pelajar tahun akhir daripada program Kejuruteraan Mekanikal telah berpeluang mengikuti lawatan akademik ke University of Southampton, Johor pada 15 Oktober 2024 lalu bagi mendalami penggunaan perisian *SolidWorks* versi 2025. Lawatan ini dianjurkan khusus untuk menyokong penyediaan projek tahun akhir para pelajar, di mana penguasaan perisian reka bentuk berkomputer menjadi elemen penting dalam menghasilkan rekaan yang tepat, cekap dan inovatif. Sepanjang program, para pelajar didedahkan dengan ciri-ciri terkini *SolidWorks* 2025 yang menawarkan keupayaan lebih baik dari segi pemodelan 3D, simulasi, dan analisis kejuruteraan. Sesi latihan dan perkongsian bersama tenaga pengajar pakar telah membantu pelajar memahami teknik serta fungsi lanjutan yang dapat diaplikasikan secara langsung dalam projek mereka. Lawatan ini bukan sahaja menambah pengetahuan teknikal, tetapi turut memberi pendedahan antarabangsa yang mampu meningkatkan keyakinan dan kesiapsiagaan pelajar untuk menghadapi cabaran dunia kejuruteraan sebenar.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAWATAN RASMI UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG KE UNRIKA, INDONESIA

Siti Khadijah Alias, Nor Fazlin Uteh

Satu sesi lawatan dan perbincangan ke Universiti Kepulauan Riau (UNRIKA) telah diketuai oleh **Penolong Rektor UiTM Cawangan Johor**, **Kampus Pasir Gudang**, **YBrs Dr Siti Khadijah binti Alias** dan **Puan Nor Fazlin Uteh**, **Pensyarah Kanan**, **Fakulti Pengurusan & Perniagaan** (**FPdP**) pada 30 julai hingga 1 Ogos 2025. Lawatan ini adalah bagi membincangkan pelaksanaan **Program Penglibatan dan Pembudayaan Komuniti Antarabangsa UiTM–Unrika–MBPG** (**PKMA 2015**) yang akan berlangsung pada 28 hingga 31 Ogos 2025 di Pasir Gudang.

Antara lokasi aktiviti yang dirancang bagi program ini adalah khidmat sosial di Taman Buaya Tanjung Langsat, Kebun Komuniti Taman Mawar dan Bukit Layang-Layang. Pelbagai aktiviti akan dilaksanakan yang melibatkan lebih 100 orang pensyarah dan mahasiswa UiTM dan UNRIKA. Lokasi program dipilih adalah disebabkan oleh Pasir Gudang yang terkenal sebagai destinasi eko-pelancongan, hub industri dan ekonomi dan amat berdekatan dengan UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang dan UNRIKA Batam. Ianya sangat bertepatan dengan aspirasi Datuk Bandar untuk menjadikan Pasir Gudang bandar terkemuka dan perkasa pada tahun 2030.

Program ini merupakan hasil kerjasama strategik bersama **Majlis Bandaraya Pasir Gudang** (**MBPG**) dalam usaha memperkukuh jaringan komuniti rentas negara serta memperkasa mahasiswa sebagai agen perubahan masyarakat.


VISITING LECTURER
"KKN BERDAMPAK: KOLABORASI INTERNASIONAL UNTUK PEMBERDAYAAN MASYARAKAT MENUJU INDONESIA EMAS"
DR. KHADIJAH ALIAS


UNIVERSITAS RIAU KEPULAUAN
BATAM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TAUTAN KASIH WARGA EMAS 2025

Ainaa Maya Munira Ismail, Najibah Ab Latif, Nurulsaidatulsyida Sulong


Program khidmat masyarakat berimpak tinggi *"***Tautan Kasih Warga Emas 2025***"* telah berlangsung dengan jayanya di Pusat Jagaan Kasih Rohani, Johor Bahru. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Alumni, Jaringan Industri dan Masyarakat dengan sokongan Jabatan Pembangunan dan Kebajikan Staf serta Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang.

Inisiatif ini berfokus kepada usaha menyantuni warga emas melalui penyaluran sumbangan keperluan harian, aktiviti kesukarelawanan, serta kerja-kerja penambahbaikan fasiliti penjagaan. Antara pengisian utama termasuk pengagihan barangan asas, gotong-royong, baik pulih kemudahan asas, serta dekorasi ruang dalaman dengan tema perayaan bagi menceriakan suasana. Seramai 29 orang kakitangan akademik dan teknikal UiTM terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini. Berdasarkan analisis maklum balas, tahap kepuasan yang diterima amat memberangsangkan, khususnya dari aspek pelaksanaan, pengisian, dan kesannya kepada komuniti serta peserta. Penganjuran ini jelas membuktikan peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkukuh semangat kesukarelawanan, meningkatkan kemahiran insaniah, dan mempererat hubungan sosial antara universiti dan masyarakat. Justeru itu, *"***Tautan Kasih Warga Emas 2025***"* wajar diangkat sebagai model pelaksanaan tanggungjawab sosial universiti yang lestari, mampan serta berdaya impak.











e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

WEBINAR MEV351: MECHANICAL ENGINEERS IN AUTOMOTIVE INDUSTRY


Miqdad Khairulmaini, Raja Muhammad Aslam Raja Arif, Radzi Abdul Rasih

The Webinar MEV351: Mechanical Engineers in Automotive Industry was organized by the Faculty of Mechanical Engineering, UiTM Johor Branch, Pasir Gudang Campus on Thursday, 29 May 2025. Held online from 2.30 p.m. to 4.00 p.m., the session featured Mr. Syamil Muhammad from Hitachi Energy, Sweden, who shared his expertise and experience on the role of mechanical engineers in the automotive industry.



The program aimed to provide students with exposure to the current development of the automotive sector, enhance their knowledge in line with the learning outcomes of Automotive Engine Technology (MEV351). The session was attended by students and lecturers involved in the MEV351.

Throughout the session, the speaker emphasized the theme of engineering perspectives in the automotive sector and career pathways as a Mechanical Design Engineer. Key topics included an introduction to automotive design components such as plastic products, sheet metal, extruded parts, and cable harnesses. Participants were also presented with an overview of essential components required to build a vehicle, as well as the typical design phases: concept development, design and engineering, prototyping, validation and refinement, and production preparation.



The presentation further highlighted crucial design considerations, including aesthetics, user experience, performance, and reliability. The speaker also discussed the qualities of a well-rounded mechanical engineer, the mindset required of a Mechanical Design Engineer, and the key aspects needed to excel in the profession. This sharing session provided students with valuable insights into the product development cycle in the automotive industry and broadened their understanding of career prospects in mechanical engineering.

In conclusion, the webinar successfully achieved its intended objectives. The sharing by the invited speaker not only inspired the participants but also enriched their technical knowledge and professional outlook, particularly in understanding the role and career opportunities of mechanical engineers in the automotive industry.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

DISCOVERING SYDNEY: FROM WILDLIFE TO ICONIC VIEW

Ainaa Maya Munira Ismail

Sydney is a city that never ceases to dazzle. It strikes a perfect balance between nature, culture, and vibrant city life. From the moment I arrived, I knew this trip would be one to remember. My adventure began at Taronga Zoo, a gateway into Australia's wild heart. I could not help but smile at the playful kangaroos and pause to admire the koalas lazily clutching the eucalyptus trees. Beyond the enclosures, the sweeping view of Sydney Harbour made the visit even more special, a rare blend where wildlife meets city beauty.











The next day, I ventured into the Blue Mountains to witness the iconic Three Sisters. Standing at the edge of the Jamison Valley, I was left in awe. The towering rock formations contrasted beautifully with the vast landscape, offering a scene that was both majestic and serene. I also hiked up to Lincoln Rock, where the panoramic view from the top was simply breathtaking. From this vantage point, the rolling valleys and distant cliffs unfolded like a living painting a view that made me stop, breathe deeply, and fully soak in the natural splendor.








On my final evening, Sydney revealed a different charm. As the sun set, I joined the lively weekend crowd on a walk toward the Sydney Opera House. The streets came alive with music, laughter, and street performers, creating an atmosphere of pure joy. The city pulsed with energy, and every corner seemed to celebrate the night.

Finally, standing before the Opera House felt surreal. Its sail-like design was even more striking up close than I had imagined. Whether glowing under the night lights or standing proudly against the harbour, it truly embodied the spirit of Sydney. This journey proved that Sydney has it all fascinating wildlife, breathtaking natural wonders, vibrant nights, and world-renowned landmarks. Every step along the way, the city offered me a new story to take home.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KEAJAIBAN PENCETAK 3 DIMENSI: ERA BARU PENCETAKAN

Siti Khadijah Alias, Mohd Noor Halmy Ab Latif, Muhammad Amir Mat Shah

Teknologi percetakan 3D semakin mendapat perhatian dalam pelbagai bidang, dari industri pembuatan hingga reka bentuk peribadi. Antara jenis yang paling popular adalah 3D printer plastik, yang menawarkan pelbagai kelebihan dan kegunaan. Seiring dengan kemajuan teknologi, 3D printer plastik telah menjadi alat yang sangat dihargai dalam dunia moden, terutama dalam bidang perniagaan, pendidikan, dan reka bentuk produk.

Salah satu sebab utama mengapa 3D printer plastik semakin popular adalah kosnya yang semakin berpatutan. Berbanding dengan teknologi percetakan 3D lain seperti logam atau seramik, plastik adalah bahan yang lebih murah dan lebih mudah didapati. Ini memudahkan syarikat kecil, universiti, dan individu untuk mengakses teknologi ini, tanpa memerlukan pelaburan yang besar.

Plastik yang digunakan dalam 3D printer seperti PLA, ABS, dan PETG menawarkan pilihan bahan yang pelbagai, membolehkan pengguna memilih yang paling sesuai untuk keperluan mereka. Bahan-bahan ini mempunyai sifat seperti ketahanan haba, kekuatan mekanikal, dan kebolehkendalian, menjadikannya sesuai untuk pembuatan prototaip, alat ganti, dan produk akhir. Berbeza dengan kaedah pembuatan tradisional, 3D printer plastik dapat menghasilkan bentuk yang lebih kompleks dan terperinci yang sukar dilakukan dengan kaedah lain. Ini membuka peluang kepada pereka dan jurutera untuk bereksperimen dengan reka bentuk yang lebih kreatif, tanpa batasan penghasilan.

Dengan harga yang lebih berpatutan, 3D printer plastik telah menjadi alat yang popular di sekolah-sekolah dan universiti untuk mengajar konsep reka bentuk, kejuruteraan, dan pengaturcaraan. Pelajar dapat mempelajari bagaimana idea mereka dapat direalisasikan dalam bentuk fizikal, yang memberi pengalaman praktikal yang berharga dan meningkatkan daya kreativiti mereka. Semakin ramai orang memberi perhatian kepada kesan alam sekitar dalam proses pembuatan. Pencetakan 3D plastik membolehkan pembuatan dengan lebih sedikit bahan terbuang dan mengurangkan kesan karbon. Beberapa bahan plastik seperti PLA juga boleh diperbaharui dan lebih mesra alam berbanding plastik tradisional.

Secara keseluruhannya, 3D printer plastik menawarkan pelbagai manfaat yang menjadikannya teknologi yang semakin digemari. Dari kos yang rendah, kebolehan menghasilkan bentuk yang kompleks, hingga kesedaran terhadap kelestarian alam, teknologi ini menunjukkan potensi besar dalam merubah cara kita berfikir tentang pembuatan dan reka bentuk produk. Seiring dengan kemajuan teknologi dan permintaan yang semakin meningkat, kita boleh menjangkakan 3D printing akan terus berkembang dan menjadi semakin integral dalam pelbagai bidang.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KESIHATAN DAN FIZIKAL PENTING SEMASA MENUNAIKAN HAJI

Ahmad Naufal Adnan

Seperti sedia maklum, pihak Tabung Haji (TH) telah mengetatkan kelayakan bakal jemaah haji Malaysia. Selain berkemampuan dari segi kewangan, kesihatan bakal jemaah juga telah dipertingkatkan. Setiap bakal jemaah perlu lulus pemeriksaan kesihatan sebelum TH meluluskan tawaran haji. Tahap kesihatan yang baik bakal jemaah amat ditekankan oleh TH kerana ada tiga faktor yang boleh memberikan kemudaratan dari segi kesihatan serta fizikal kepada bakal jemaah di tanah haram. Faktor tersebut ialah cuaca panas, kepadatan orang di satu kawasan serta jarak yang jauh yang perlu ditempuhi.

Faktor cuaca memberi cabaran kesihatan pertama kepada bakal jemaah. Suhu disiang hari mencecah 43°C dan sekitar 32°C dimalam hari dengan kelembapan 11% menjadikan cuaca tersebut sangat panas serta kering. Cuaca tersebut memberi kelainan kepada orang seperti kita di Asia Tenggara beriklim panas dan lembab. Dengan suasana panas serta kering, bakal jemaah berdepan dengan kemungkinan demam serta batuk. Ini adalah situasi yang normal bagi jemaah dari Malaysia. Minum air secukupnya dan makan ubat mengikut nasihat doktor penting demi kesihatan.

Faktor kedua adalah kepadatan manusia di tanah haram. Ketika waktu puncak iaitu 10 hari sebelum wukuf dan 14 hari selepas wukuf, suasana di sekitar masjidil haram teramat sesak dengan anggaran sekitar 1 juta orang. Kepadatan ini akan menyebabkan suasana sesak serta tolak menolak kecil berlaku terutama ketika ingin memasuki ke masjidil haram, tawaf serta saie (bukit Safa ke Marwah). Bagi jemaah Malaysia yang bertubuh kecil, tenaga diperlukan untuk menempuh kesesakan terutama dari orang Afrika yang bertubuh besar dan tinggi.

Faktor ketiga adalah jarak perjalanan ke kawasan masjidil haram. Kebanyakan hotel menempatkan bakal jemaah TH adalah sekitar 1-2 Kilo Meter (KM). Oleh itu, hanya yang berkemampuan berjalan kaki dalam jarak jauh sahaja yang mampu beribadah di masjidil haram. Kebanyakan bakal jemaah TH akan pergi ke Masjidil Haram 2 kali sehari iaitu pada waktu awal pagi (sebelum subuh) dan petang hari (selepas asar) untuk menunaikan solat fardhu. Kekejangan atau sakit tapak kaki adalah perkara normal bagi jemaah dalam minggu pertama sampai ke Tanah Haram. Ini adalah disebabkan jarak perjalanan jauh perlu ditempuhi. Rata – rata jarak perjalanan yang dilalui oleh jemaah Malaysia adalah sekitar 10 KM (termasuk pergi dan balik serta berjalan di dalam kawasan Masjidil Haram yang luas).

Oleh itu kesihatan yang baik amat dititik beratkan untuk memastikan jemaah haji dalam keadaan cergas dan sihat untuk melakukan ibadah yang diimpikan apabila sampai ke tanah suci.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PERANAN UNIVERSITI DALAM MEMPERKASAKAN BUDAYA INOVASI DAN KREATIF DI PERINGKAT SEKOLAH

Suhadiyana Hanapi, Abdul Hadi Abdol Rahim, Nur Farhana Mohd Yusof

Inovasi dan kreatif adalah asas yang penting dalam melahirkan pelajar yang berdaya saing dan mampu menghadapi cabaran teknologi serta boleh menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan di peringkat industri dan global. Bagi menyemai sifat kesungguhan ke arah kemenjadian murid yang kreatif dan inovasi ini, pelbagai langkah perlu diambil bermula daripada peringkat sekolah lagi. Mereka perlu didedahkan dengan perkembangan teknologi, penyelidikan dan simulasi serta idea baru dalam dunia inovasi reka cipta. Universiti adalah salah satu tempat yang tepat untuk dijadikan tempat kolaborasi bersama sekolah-sekolah di mana perkembangan ilmu penyelidikan dan reka cipta pesat berlaku.

Salah satu langkah adalah dengan menyediakan bimbingan melalui sistem mentor-mentee kepada pelajar sekolah dalam bidang sains, teknologi dan inovasi melalui kepakaran para pensyarah dan alatan fasiliti makmal yang lengkap. Dengan menyediakan akses yang mudah bagi pelajar sekolah, ianya akan membentuk satu budaya inovasi melalui kolaborasi antara universiti dan sekolah. Melalui sistem ini juga, projek yang dihasilkan oleh pelajar sekolah akan lebih berkualiti dan memberi impak yang besar kepada dunia inovasi. Hal ini bertepatan sekali dengan takrifan inovasi oleh Asian Conference on Education and International Development (ACEID) yang menyatakan inovasi yang dilakukan mestilah berupaya untuk membawa implikasi perubahan bagi menangani masalah dalam masyarakat.

Selain itu, universiti boleh menganjurkan pelbagai program inovasi dan reka cipta, antaranya melalui pertandingan seperti Karnival Inovasi. Penganjuran program sebegini bukan sahaja menyediakan platform yang luas untuk pelajar sekolah menonjolkan idea kreatif dan ciptaan baru, malah turut memupuk budaya inovatif sejak di peringkat awal pendidikan lagi. Penglibatan media massa dalam mempromosikan program inovasi ini adalah amat penting kerana ia berperanan memperluas capaian maklumat kepada masyarakat khususnya seluruh sekolah-sekolah di Malaysia bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan inovasi.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROJEK IoT RUMAH HIJAU, UiTM BERSAMA KOMUNITI TAMAN MAWAR PASIR GUDANG

Muhammad Amir Mat Shah, Firdaus Sukarman, Mohd Noor Halmy Ab Latif

Projek ***Internet of Things (IoT)*** ini merupakan kerjasama strategik antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang dengan komuniti setempat di Taman Mawar, Pasir Gudang. Projek ini dilaksanakan dengan tajaan penuh **Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG)** bagi membangunkan sistem pertanian pintar berasaskan teknologi IoT untuk tanaman terung di dalam rumah hijau.

Tujuan utama projek ini adalah untuk mengaplikasikan teknologi IoT dalam pengurusan pertanian komuniti dan membuat proses pembajaan dan penyiraman bagi meningkatkan kecekapan penggunaan air dan baja secara automatik. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengawal suhu rumah hijau bagi mengurangkan risiko kerosakan tanaman akibat kepanasan melampau.

Projek ini dilaksanakan melalui beberapa fasa yang melibatkan reka bentuk sistem, pemasangan peralatan, konfigurasi IoT, dan latihan penggunaan. Sistem yang dibangunkan merangkumi empat pam utama: Pam 1 (0.5 hp) yang berfungsi mengepam larutan baja A ke dalam tangki utama, Pam 2 (0.5 hp) untuk mengepam larutan baja B, Pam 3 iaitu pam jenis rendam yang bertindak sebagai pengadun bagi mencampurkan air hujan dengan baja A dan baja B, dan akhirnya Pam 4 yang digunakan untuk menyalurkan campuran air dan baja tersebut ke tanaman terung melalui sistem paip.Bagi memastikan keberkesanan sistem, beberapa sensor IoT dipasang. Sensor EC (*Electrical Conductivity*) digunakan untuk memantau nisbah campuran baja dan air agar berada dalam julat optimum bagi tanaman terung.

Sensor kelembapan tanah diletakkan di dalam bekas tanaman untuk mengesan tahap kelembapan tanah, manakala sensor suhu pula digunakan untuk memantau suhu di dalam rumah hijau. Apabila suhu melebihi nilai bacaan yang ditetapkan, Pam 4 akan diaktifkan secara automatik bagi menyiram tanaman dan menurunkan suhu persekitaran. Kesemua sensor dan pam disambungkan kepada pengawal IoT yang menghantar data secara terus ke sistem pemantauan. Pengguna juga boleh mengawal pam dan memantau bacaan sensor melalui aplikasi di telefon pintar, sekaligus membolehkan pengurusan tanaman dilakukan secara jarak jauh.

Hasil dan manfaat dari projek ini membolehkan proses pembajaan dan penyiraman menjadi lebih efisien sekali gus mengoptimumkan penggunaan air dan baja serta mengurangkan pembaziran. Sistem ini juga membolehkan komuniti memantau keadaan tanaman tanpa perlu berada secara fizikal di rumah hijau. Selain itu, projek ini turut meningkatkan pengetahuan komuniti mengenai teknologi pertanian pintar dan berpotensi untuk diaplikasikan dalam skala yang lebih besar pada masa akan datang.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SEHARI DI BATU PAHAT: PERCUTIAN RINGKAS YANG BERBALOI

Miqdad Khairulmaini

Baru-baru ini saya berpeluang meluangkan sehari di Batu Pahat, Johor, dan walaupun singkat, pengalaman itu meninggalkan kenangan yang cukup menyenangkan. Tujuan utama memang sekadar untuk berehat, mencari suasana baru, dan Batu Pahat ternyata memberi lebih daripada yang dijangka.

Penginapan saya di D'Sara Chalet benar-benar mencuri perhatian. Reka bentuknya berasaskan seni bina rumah kayu tradisional Melayu, namun tetap selesa dengan kemudahan moden. Suasananya tenang dan luas, sesuai untuk sesiapa yang ingin lari seketika daripada hiruk-pikuk bandar. Bahagian yang paling menarik tentulah kolam renangnya – ada air terjun buatan dan taman permainan air berwarna-warni yang buatkan suasana jadi meriah, terutama untuk kanak-kanak.



Gambar: Tempat Penginapan – D'Sara Chalet

Untuk makan tengah hari, saya singgah di Aa… Asam Pedas Teluk Wawasan. Dari luar memang nampak biasa, tapi inilah tempat makan yang penuh dengan jiwa orang Johor. Lauknya ringkas – nasi putih panas, telur dadar, sayur tumis, dan semangkuk asam pedas yang pekat dan wangi. Kuahnya pedas, masam, dan cukup menyelerakan. Inilah rasa sebenar Johor yang membuatkan saya teringat-ingat walaupun selepas pulang.





Gambar: Makan Tengahari di Aa..Asam Pedas Teluk Wawasan

Malam pula saya cuba suasana berbeza di Leypark Bistro. Kalau tengah hari penuh dengan rasa kampung, makan malam pula lebih moden dan santai. Saya memesan makanan barat seperti *burger* ayam rangup dan *spaghetti aglio olio*. Hidangan ringkas tapi puas hati – sesuai untuk lepak malam sambil menikmati suasana bistro yang ceria.




Gambar: Makan Malam di Leypark Bistro

Sehari di Batu Pahat ini mungkin tidak padat dengan aktiviti pelancongan atau lawatan ke tempat terkenal, tetapi itulah yang menjadikannya istimewa. Ia memberi peluang untuk perlahan seketika, menikmati makanan yang enak, penginapan yang selesa, dan suasana bandar kecil yang tenang. Batu Pahat mungkin nampak sederhana, tetapi di situlah letaknya keindahan – kesederhanaan yang membuatkan kita rasa betul-betul bercuti.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

YOKOHAMA DAN BAS

Firdaus Sukarman



Gambar 1 Terminal Bas Tsunashima Station, Yokohama

Ramai yang bertanya jika pergi ke Jepun, ke mana harus pergi. Mestilah Tokyo yang menjadi simbol pemodenan bandar; ataupun Gunung Fuji, yang menjadi lambang Jepun yang menerima ramai pengunjung dari serata dunia. Kali ini penulis berpeluang menginap di bandar Yokohama selama beberapa hari untuk pembentangan kertas kerja. Melihat ribuan manusia yang terkejar-kejar menaiki keretapi dan bas untuk ke tempat kerja menunjukkan betapa sibuknya budaya kerja di Jepun. Tetapi ada satu perkara yang menarik perhatian saya adalah sebuah Terminal Bas di Tsunashima Station di dalam Gambar 1. Terminal bas di bawah stesen keretapi, yang kelihatan agak usang dengan lampu-lampu jalan yang sudah tidak berfungsi. Jalan-jalan yang sempit, dengan orang awam berjalan di tepi bas yang sedang bergerak dan tempat menunggu bas di bahagian tepi jalan raya. Inikah Jepun? Saya sangsi dan terus meneliti keadaan sekitar. “Baik lagi TBS ataupun Larkin Sentral” ujar hati kecil.



Gambar 2 Stesen Keretapi di Yokohama

Saya meneliti dan memerhati gerak geri bas dan penumpang. Ada sebuah bas yang baru tiba dan akan bergerak pada jam 9.01 malam. Jam di tangan saya baru menunjukkan 8.58 dan kelihatan penumpang yang beratur sebentar tadi menaiki bas dan memenuhi tempat-tempat duduk. Terdetik untuk melihat adakah orang jepun ini betul-betul menepati masa. Penulis melihat jam di tangan yang masih menunjukkan jam 9.00 tepat. Kalau begitu bagaimana pula dengan ketepatan dalam saat. Penulis menunggu jarum saat berputar sehingga tepat pada 9.01 malam. Tiga, dua, satu; tepat 9.01 malam, pemandu bas menutup pintu dan bas bergerak dengan pantas.

Penulis belajar sesuatu darinya. Cantiknya lokasi ataupun megahnya bangunan bukannya satu penanda ukur bahawa masyarakat itu cukup bagus. Petanda masyarakat itu mempunyai taraf kehidupan yang lebih baik adalah daripada sikap masyarakat itu sendiri. Menghormati masa orang lain walaupun perkara kecil seperti menunggu bas. Pemandu bas mematuhi masa bas itu bertolak, dan penumpang bas menunggu lebih awal supaya tidak menyusahkan penumpang yang lain. Tidak kira terminal bas itu terletak di luar bandar, ataupun bangunan terminal bas itu sudah usang. Jika bas pun mematuhi masa, apa lagi stesen keretapi. Cuma satu lagi saya kebingungan, di dalam dua-dua gambar, cuba cari di mana sampahnya?

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

D'LAKSAMANA SEAFOOD: PERMATA MAKANAN DI BANDAR PENAWAR, JOHOR

Miqdad Bin Khairulmaini

Terletak di Bandar Penawar, Johor, D'Laksamana Seafood menawarkan gabungan menarik antara masakan tempatan dan barat, dengan kepakaran dalam makanan laut segar dan hidup. Suasana restoran ini sangat selesa dan luas. Walaupun terletak di kawasan rumah kedai, restoran dihiasi dengan hiasan yang mengingatkan perasaan tenang seperti berada di tepi laut. Ruang yang luas dan selesa membolehkan pelanggan memilih untuk menjamu selera di dalam atau di luar restoran.



Gambar: Suasana luar dan dalam Restoran

Perkhidmatan di D'Laksamana Seafood sangat memuaskan kerana pelayan restoran cepat melayani pelanggan dan sentiasa mesra semasa mengambil pesanan. Perkhidmatan pula amatlah pantas walaupun semasa waktu puncak. Kecekapan ini menyumbang kepada suasana dan pengalaman yang menyenangkan semasa menjamu selera.



Gambar: Makanan Laut Segar dan Hidup

Makanan di D'Laksamana Seafood benar-benar berbaloi dan memenuhi selera. Hidangan yang telah dipesan termasuk Nasi Goreng Paprik, Sotong Bakar Sambal, dan Kailan Goreng Ikan Masin. Setiap hidangan disajikan dengan kemas, memenuhi reputasi restoran yang pentingkan kualiti. Saiz hidangan yang besar memberikan nilai wang yang sangat baik, dengan hidangan yang cukup untuk dua orang.



Gambar: Hidangan Makanan di Restoran D'Laksamana Seafood

Secara keseluruhan, D'Laksamana Seafood adalah destinasi wajib dikunjungi bagi sesiapa di Bandar Penawar yang mencari restoran makanan laut milik Muslim yang menyajikan rasa dan pengalaman yang memuaskan.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

UNIBITES FEST

Nor Diana bte Abd Rahman, Hairiani bte Abdul Hamid, Zurina bte Omar

Unibites Fest adalah aktiviti jualan yang dijalankan oleh pelajar yang Subjek Khidmat Komuniti (HPD133) dengan tujuan mencukupkan dana bagi melaksanakan program kemasyarakatan iaitu Student For Society (S4S): Rimbun Kasih Alam di Sekolah Kebangsaan Gemereh, Segamat pada 03 Julai 2025 dan Misi Bakti Serumpun Sawadikap di Ob Om School, Satun Thailand pada 14 - 17 Ogos 2025.

Program ini dijalankan sebanyak 3 kali bertempat di foyer Dewan Sri Temenggung dan khemah Halfmoon, Dataran PTDI bermula jam 9.00 hingga 5.00 petang. Sebanyak 12 buah gerai dengan setiap satu gerai dikendalikan oleh 6 orang pelajar yang berniaga secara bergilir gilir memandangkan aktiviti ini dijalankan pada waktu kuliah. Unibites Fest menjual pelbagai makanan seperti aiskrim, nasi lemak, mee hoon, spageti, kuih muih dan lain lain makanan kegemaran ramai disamping pelbagai perisa minuman dan juga ada slot permintaan lagu dengan bayaran RM1 sahaja bagi setiap lagu.





Lebih 2000 pengunjung yang terdiri dari kalangan pelajar dan kakitangan telah mengunjungi program ini. Selain jualan secara bersemuka pelajar juga menerima tempahan awal (pre order) dengan bayaran menggunakan QR atau COD (cash on delivery) atau tunai semasa penghantaran.

Selain dari mengumpul dana bagi projek yang telah dirancang, program ini secara tidak langsung bertujuan untuk membolehkan setiap pelajar berkemahiran di dalam perkara berikut:

a. Memiliki kemahiran dalam membuat perancangan perniagaan.
b. Memiliki semangat bekerjasama di kalangan ahli terutamanya berkenaan dengan sistem penggiliran dalam bertugas.
c. Memiliki kemahiran di dalam pengurusan kewangan.
d. Memiliki pelan stategik yang baik di dalam aspek pemilihan barangan jualan, penyediaan pelan promosi, jadual bertugas, pengurusan tempahan pelanggan dan lain-lain hal yang berkaitan.
e. Memiliki kemahiran berkomunikasi yang baik dengan pelanggan

Hasil jualan para pelajar yang telah berjaya mengumpul dana yang membolehkan dua aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sempurna. Semoga aktiviti ini akan dapat menaikkan semangat mereka di dalam merencana pelbagai aktiviti yang boleh menjana pendapatan yang lebih baik pada semester akan datang ataupun selepas tamat pengajian mereka.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BEYOND THE CLASSROOM: SHARING KNOWLEDGE, BUILDING SKILLS

Nurfaizah Kamarudin, Nurhafizah Azizan, Rabiatul Adawiyah Kamarulzaman

In today's dynamic learning environment, education is no longer confined to the traditional classroom setting. The concept of sharing knowledge, building skills emphasizes the importance of collaborative teaching in nurturing students to become independent, critical, and resourceful learners. Collaborative teaching, also known as cooperative teaching or team teaching, is when educators work together to lead, teach, and mentor groups of students. Collaboration most often happens between professionals from different fields, such as core subjects, special education, elective courses, library science, or guidance programs.

One course that exemplifies this approach is Introduction to Information Skills (IMC111), a foundational subject that provides students, especially the newcomers to the university in their first year, with critical competencies in information literacy, research, and lifelong learning. The initiative has been initiated in collaboration with Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI), UiTM Johor, to impart critical skills to students.

On April 30, 2025, Puan Norme Haji Saleh, Senior Assistant Librarian, led a collaborative teaching session on the module of Fundamentals of Information Literacy. In this module, the speaker elucidated and demonstrated the use of the new library system, PERMATA, along with its many offerings. On July 1, 2025, the Senior Librarian, Puan Noredayu Rosli, instructed and presented on the Reference Management Software (Mendeley) module. This module is crucial for producing assignments with accurate citations to prevent plagiarism.

Approximately 40 students from two classes, JCDIM1101A and JCDIM1101B, were accompanied by their respective lecturers, Puan Nurfaizah Kamarudin and Puan Nurhafizah Azizan. Additionally, the Fundamental of Information Literacy and Reference Management Software (Mendeley) topics have been selected for collaborative. This collaborative teaching method provides students with increased opportunity for active participation and engagement in a diverse environment with varied instructors. Consequently, student attain new abilities and knowledge essential to their courses of study.











e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LOVE, LIVE, LAUGH: UNLOCKING SELF-LOVE

Nurfaizah Kamarudin, Rabiatul Adawiyah Kamarulzaman, Siti Hajar Baharin

Program *"Love, Live, Laugh: Unlocking Self-Love"* dilaksanakan oleh pelajar semester 5, JCDIM1105C, Pengajian Sains Maklumat, UiTM Johor, Kampus Segamat. Program ini bagi memenuhi keperluan kerja kursus IMD317 (Outreach Program of Information Agencies). Tujuan utama adalah untuk membantu anak-anak yatim di Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Daerah Segamat (PKAYIS) seramai 56 orang dalam memahami nilai mencintai diri sendiri serta mencipta kebahagiaan bersama orang sekeliling. Tema program ini berteraskan psikologi, dengan penekanan kepada kesedaran kesihatan mental dan keberanian dalam menghadapi cabaran kehidupan. Program ini mendapat kerjasama daripada Unit Kaunseling dan Kerjaya (UKK) bagi menyediakan khidmat kaunseling individu dan kelompok. Melalui sesi ini, para pelajar diberi ruang untuk memahami serta menerima diri, merancang masa depan, dan mengurus cabaran peribadi dengan lebih positif.

Program ini secara langsung bertujuan membina rasa sayang terhadap diri sendiri dalam kalangan anak-anak yatim. Program ini juga menekankan kepentingan kesihatan mental sebagai asas untuk membina keberanian dan kepimpinan dalam diri mereka. Keberanian tersebut diharapkan menjadi pemangkin agar mereka sentiasa berfikiran positif, bersemangat, dan berani melakukan sesuatu yang bermakna.

Selain memberi manfaat kepada anak-anak PKAYIS, program ini turut berpotensi memperluaskan perspektif masyarakat terhadap peranan Universiti Teknologi MARA dalam mendukung kesejahteraan mental remaja dan kanak-kanak. Dengan adanya pendekatan ceria dan menyeronokkan, anak-anak

yatim ini akan berasa gembira sepanjang program berlangsung dan membawa pulang pengalaman yang mampu memberi kesan berpanjangan. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk ceramah motivasi yang disampaikan oleh Puan Rajwani Ismail, Pegawai Psikologi Kanan, serta aktiviti cabaran ceria yang berteraskan tema program ini.

Secara keseluruhannya, program ini bukan sekadar wadah untuk berkongsi keriangan, tetapi juga landasan penting dalam memupuk semangat, motivasi, serta kemahiran sosial dalam kalangan anak-anak yatim. Dengan itu, mereka bukan sahaja belajar mencintai diri sendiri, malah dapat membina keyakinan untuk menghadapi masa hadapan dengan lebih berani dan bermakna.









e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

#HANDSOFFZONE: SPEAK UP, STAY SAFE

Nurfaizah Kamarudin, Rabiatul Adawiyah Kamarulzaman,
Nor Rashidah Mohamed

Program *"#HandsOffZones: Speak Up, Stay Safe"* yang dijalankan di SMK Gemereh, Segamat, telah dianjurkan oleh pelajar Diploma Pengurusan Maklumat, semester 5, JCDIM1105F daripada UiTM Johor. Program ini merupakan inisiatif penting bagi meningkatkan kesedaran remaja tentang kepentingan menjaga keselamatan diri serta memahami konsep autonomi tubuh. Pada usia 13 tahun, remaja sedang melalui fasa perubahan fizikal, emosi, dan sosial yang signifikan. Oleh itu, mereka perlu dididik mengenai hak ke atas tubuh sendiri, termasuk cara membezakan antara sentuhan selamat dan tidak selamat.

Program ini dirangka bagi memberi panduan kepada pelajar agar dapat menegaskan batasan diri mereka dengan lebih yakin. Selain itu, pelajar juga didorong untuk berkomunikasi secara terbuka tentang perasaan mereka terhadap sesuatu sentuhan, serta berani mengatakan "TIDAK" apabila berdepan dengan situasi yang tidak selesa. Pendedahan ini membantu remaja memahami kepentingan menjaga keselamatan diri, di samping mengurus pengaruh rakan sebaya serta membina hubungan yang berteraskan rasa hormat terhadap diri sendiri dan orang lain.

Selain memberi fokus kepada keselamatan individu, program ini juga menekankan peranan remaja dalam menyokong rakan-rakan mereka. Peserta didedahkan dengan pengetahuan untuk mengenal pasti tanda-tanda bahaya yang mungkin dialami oleh rakan sebaya, serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi mendapatkan bantuan daripada individu atau pihak yang dipercayai.

Dengan itu, pelajar bukan sahaja dilatih menjaga diri sendiri, malah dapat menjadi penyokong dan pembela kepada rakan-rakan yang berdepan situasi berisiko. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk ceramah motivasi yang disampaikan oleh Puan Rajwani Ismail, Pegawai Psikologi Kanan, serta aktiviti *explorace* yang dirangka secara kreatif dan interaktif bagi menghayati serta memperkukuh pemahaman peserta terhadap tema program ini.

Pemilihan SMK Gemereh sebagai lokasi program adalah tepat kerana pelajar pada peringkat awal remaja berada dalam fasa kritikal untuk memahami keselamatan diri. Dengan pelaksanaan program ini, diharapkan komuniti sekolah dapat membina persekitaran yang lebih selamat, positif, dan berdaya tahan. Secara keseluruhan, *#HandsOffZones: Speak Up, Stay Safe* bukan sahaja memberi kesedaran, tetapi juga memupuk keberanian dalam kalangan remaja untuk menjaga maruah diri dan keselamatan bersama.













FSM NOBLe TALK

Nurhafizah Azizan, Dr. Nurul Huda Md Yatim

Pada 20 Jun 2025, Fakulti Sains Maklumat (FSM), UiTM Cawangan Johor telah menganjurkan satu program ilmu yang cukup bermakna iaitu FSM NOBLe Talk: Memperkasakan Amalan Akademik Fakulti. Bertempat di Bilik Seminar Sri Bendahara dan dihadiri oleh 15 orang peserta, ianya menjadikan sesi ini sebagai medan penting bagi pensyarah berkongsi ilmu serta memperkukuh amalan akademik selaras dengan kehendak MQF 2.0 dan pendekatan *Outcome Based Education (OBE).*

Apa yang menarik, program ini tidak sekadar menyentuh teori semata-mata, sebaliknya memberi fokus kepada aplikasi praktikal. Antara aspek utama yang diketengahkan termasuklah penerangan mengenai pemetaan Course Learning Outcomes (CLO) kepada Programme Learning Outcomes (PLO), penyediaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU), serta penghasilan Course Assessment Plan (CAP). Malah, peranan Penasihat Akademik juga dibincangkan sebagai tonggak penting dalam menyokong pembangunan pelajar. Sesi perkongsian disampaikan oleh Cik Zarina Abu Bakar, iaitu Koordinator Hal Ehwal Kurikulum. Dengan gaya penyampaian yang jelas dan berfakta, beliau berjaya menarik perhatian peserta sepanjang bengkel. Tidak hairanlah maklum balas yang diterima begitu positif. Hampir semua peserta memberi penilaian lima bintang bagi aspek pengurusan, isi kandungan, serta keberkesanan penyampaian. Antara komen yang terakam, “sangat bermanfaat” dan “good input”, cukup membuktikan impak besar program ini.

Bagi memperbaiki penghasilan dan pengisian bengkel yang seterusnya, peserta turut mengemukakan cadangan penambahbaikan. Antaranya, keperluan untuk menganjurkan bengkel berkaitan Sistem Maklumat Pelajar (SIMS) yang dilihat mampu membantu pensyarah meningkatkan kemahiran teknikal dalam mengurus data akademik. Secara keseluruhannya, FSM NOBLe Talk 2025 berjaya menjadi wadah pembangunan profesional yang relevan dan segar. Lebih daripada sekadar program berkala, ia membuktikan komitmen fakulti dalam memperkasa pensyarah menghadapi cabaran akademik semasa. Dengan kesinambungan penganjuran seperti ini, FSM UiTM Johor diyakini mampu melahirkan barisan pendidik yang lebih berdaya saing, progresif, dan selari dengan aspirasi pendidikan tinggi negara.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM "IMS ROAD TO DATA DIGITAL"

Rohayu Ahmad, Azura Abd Jamil@Kamarudzzaman,
Nor Diana Abdul Rahman

Pada 2 Julai 2025, *Information Managemet Society* (IMS) telah menganjurkan Program IMS ROAD TO DATA DIGITAL di Menara Maxis, Kuala Lumpur. Inisiatif ini adalah sebagai satu pendedahan untuk pelajar merasai pengalaman sebenar berada di industri telekomunikasi iaitu Maxis Malaysia. Peserta yang terlibat dalam program ini adalah seramai 31 pelajar yang terdiri daripada Exco IMS dan para pelajar Diploma pengurusan maklumat. Pengiring yang turut serta adalah Penasihat IMS iaitu Puan Rohayu binti Ahmad. Wakil Maxis Malaysia yang turut bersama dalam program ini ialah Toh Yin li, Ketua Segmen Belia Maxis, Ms Fiona Chua, Regional Channel Marketing dan barisan pakar *Governance, Risk& Compliance.*





Perkongsian maklumat berkaitan pengurusan, pemeliharaan dan perlindungan maklumat yang diaplikasikan oleh pihak Maxis Malaysia khususnya kepada pelajar Diploma pengurusan maklumat. Pelbagai perisian dan sistem dan dikongsikan dan diterangkan dengan jelas dalam pengurusan maklumat Maxis. Perkongsian berkenaan teknologi terkini yang digunakan dalam pengurusan maklumat seperti sistem pengurusan dokumen, *cloud storage*, dan sistem arkib digital. Signifikannya, ia dapat membantu staf mengaplikasikan prinsip kecekapan dan etika dalam pengurusan maklumat termasuk keselamatan data.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM TOWNHALL FAKULTI SAINS MAKLUMAT 2025

Rohayu Ahmad, Azura Jamil@Kamarudzzaman,
Nor Diana Abdul Rahman

Program Town Hall 2025 telah berlangsung pada 17 Jun 2025 di Dewan Seri Temenggung, UiTM Segamat, Johor. Seramai 18 orang pensyarah dan 712 pelajar Diploma Pengurusan Maklumat dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod. Program in dianjurkan bagi memberikan ruang kepada semua warga Fakulti Sains Maklumat termasuk para pensyarah dan pelajar untuk menyuarakan pandangan, cadangan serta mendapatkan maklum balas secara langsung daripada pihak pengurusan fakulti. Ini selaras dengan usaha meningkatkan ketelusan, kefahaman dan semangat kebersamaan dalam mencapai visi dan misi fakulti.

Perasmi bagi program yang julung kalinya di adakan ini ialah En Lezam Lehat, KetuaPusat Pengajian Fakulti Sains Maklumat. Selain itu, pengisian program ini di sampaikan oleh Dr Ahmad Fuzi Md Ajis, Koordinator Prasiswazah. Beliau memperkenalkan barisan pesyarah Fakulti Sains Maklumat,menyampaikan penerangan tentang hala tuju dan pencapaian fakulti.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MIND MATTERS: A MENTAL HEALTH AWARENESS

Nor Rashidah Mohamed, Rabiatul Adawiyah Kamarulzaman, Nurfaizah Kamarudin

Program **MIND MATTERS: A MENTAL HEALTH AWARENESS** telah dianjurkan oleh pelajar Semester 5, Fakulti Sains Maklumat (FSM) pada 23 Jun 2025 (Isnin) di SMK Seri Kenangan, Segamat, Johor dari 8.00 pagi - 2.00 petang dan turut dijayakan oleh seramai 85 pelajar tingkatan 2. Program ini dikendalikan oleh 19 orang fasilitator FSM di bawah seliaan Puan Nor Rashidah Mohamed selaku Penasihat Program serta penceramah, Pegawai Kaunselor Unit Bimbingan & Kaunseling UiTM Johor, Puan Rajwani Ismail. Pelaksanaan ini bagi memenuhi kerja kursus Outreach Program of Information Agencies (IMD317) dan selaras dengan konsep Service Learning Malaysia – University of Society (SULAM).

Matlamat utama program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar tentang kepentingan menjaga kesihatan mental serta membina kemahiran mengurus tekanan dan emosi dalam kehidupan seharian di samping untuk memberi pendedahan, mengenal pasti 'Mental Health' dan cara mengurus masalah berkaitan stress dalam rutin sehari-hari sebagai seorang pelajar.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah ceramah kesedaran dan bimbingan bagi membantu pelajar mengetahui 'mental health' mengenal pasti tekanan, mengawal emosi, serta mengekalkan keseimbangan hidup sebagai langkah awal menjaga kesihatan mental menerusi 'talk session' bersama Pn Rajwani.

Aktiviti berkumpulan 'Mind Mapping Emotion' bertujuan menguji minda pelajar berkenaan kategori stress yang biasa dihadapi, melatih mereka untuk mencari kaedah terbaik menguruskan stress dalam kehidupan seharian sebagai seorang pelajar. Program ini turut menampilkan aktiviti 'Healthy Mind Session' bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan pentingnya penjagaan kesihatan mental serta cara penyelesaiannya.

Program MIND MATTERS: A Mental Health Awareness di SMK Seri Kenangan memberi impak besar kepada semua pihak. Pelajar Tingkatan 2 mendapat pendedahan tentang kepentingan mengurus kesihatan mental melalui aktiviti interaktif yang membina kemahiran mengawal emosi, tekanan, serta keyakinan diri. Bagi pelajar UiTM selaku fasilitator, ia menjadi peluang memupuk kemahiran komunikasi, insaniah, kerja berpasukan dan kepimpinan. Kerjasama antara UiTM Segamat dan pihak sekolah turut mengukuhkan jaringan strategik dalam memperkasa pembangunan pelajar luar bandar, sekali gus mencapai matlamat program ini.









STUDENT FOR SOCIETY (S4S): RIMBUN KASIH ALAM SEKOLAH KEBANGSAAN GEMEREH, SEGAMAT

Nor Diana Abd Rahman, Hairiani Abdul Hamid, Nur Diana Zamani

Program Rimbun Kasih Alam ini bertujuan untuk memenuhi hasrat Bahagian Hal Ehwal Pelajar, yang telah diinspirasikan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Majlis Kesukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM) dalam memenuhi konsep Students for Society (S4S). Maka Program Rimbun Kasih Alam ini akan memenuhi salah satu enam teras S4S iaitu Kelestarian Alam Sekitar.

Berdasarkan faktor di atas dan juga kesedaran untuk hidup di persekitaran alam yang subur dan hijau hasil daripada kasih sayang serta kecintaan terhadap alam sekitar, pelajar kokurikulum Khidmat Masyarakat (HGD133) UiTM cawangan Johor kampus Segamat telah mengambil inisiatif menganjurkan program ini kepada seramai 100 orang pelajar tahun 4, 5 dan 6 Sekolah Kebangsaan Gemereh, Segamat Johor.

Program yang telah dijalankan pada 3 Julai 2025 ini telah memilih pelajar sekolah rendah memandangkan mereka adalah generasi pewaris bumi yang berkeupayaan mewujudkan masa depan yang lebih bersih dan sihat.







Walaupun program ini hanya fokus kepada bilangan peserta yang terhad, impaknya tetap dapat dilihat melalui aktiviti permainan, kuiz, taklimat ringkas dan pertandingan pakaian dari barangan terpakai. Pemahaman peserta dalam memelihara alam sekitar dapat dilihat melalui keputusan soal selidik yang diedarkan selepas tamat program.

Program ini juga memberi impak yang besar kepada seluruh jawatankuasa penganjur yang diketuai oleh saudara Ahmad Shamiel Amirul bin Afyanizam kerana hasil dari perancangan yang cekap dan pengalaman yang dilalui akan membantu mereka untuk menganjurkan program serupa dengan skala yang lebih besar pada masa akan datang.



Menambah ceria program ini apabila dapat berkolaborasi dengan Milo Malaysia yang merupakan minuman kegemaran rakyat Malaysia terutamanya kanak kanak. Terima kasih juga kepada warga Sekolah Kebangsaan Gemereh yang sudi menjadikan program ini sebagai sebahagian daripada aktiviti sekolah. Semoga kerjasama ini akan berpanjangan pada masa akan datang. Terima kasih Milo Malaysia. Terima kasih Sekolah Kebangsaan Gemereh.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

STEM : SCHOOL INVASION DI SMK SRI KENANGAN (SUKSES)

Siti Hajar Baharin



STEM School Invasion telah diadakan di SMK Sri Kenangan (SUKSES) pada 13 Jun 2025, anjuran My STEM Ambassador Club, UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. Program ini menyasarkan semua pelajar Tingkatan 1 yang berjumlah seramai 128 orang, dengan objektif utama memperkenalkan konsep pengaplikasian STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik) kepada pelajar melalui pendekatan yang menyeronokkan, praktikal, dan mudah difahami. Selaras dengan penubuhan My STEM Ambassador Club untuk melahirkan pelajar yang berfikiran STEM, membina jambatan antara universiti dan komuniti sekolah, memupuk kemahiran kepimpinan, komunikasi dan kerjasama melalui penganjuran program-program berbentuk impak sosial dan pendidikan.

Pembelajaran STEM yang Interaktif dan Menarik

Pendekatan ini secara tidak langsung meningkatkan minat dan keterlibatan pelajar terhadap bidang STEM yang semakin penting dalam era digital dan Revolusi Industri 4.0. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan telah berjaya membina kemahiran abad ke-21 di kalangan pelajar seperti pemikiran kritikal, penyelesaian masalah, kebolehan bekerjasama dalam kumpulan, dan keberanian untuk bertanya serta mencuba. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah “Forbidden Chemist, Bridge It Strong, Math Relay, Don’t Drop It, Who Am I? dan Gear Up & Go”.

Platform Kepimpinan dan Komunikasi

Bagi ahli jawatankuasa My STEM Ambassador Club sendiri, program ini menjadi platform untuk melatih diri dalam kepimpinan, pengurusan program, komunikasi dengan komuniti luar, serta perancangan logistik. Para pelajar universiti yang terlibat mendapat peluang *hands-on* untuk mengurus aktiviti, menyelaras peserta, dan berinteraksi terus dengan pelajar sekolah dan guru-guru. Keterlibatan langsung ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan ahli kelab, malah turut memperkukuhkan imej positif UiTM di mata masyarakat setempat, khususnya sekolah-sekolah menengah di daerah Segamat.

Sokongan dan Impak

Program ini turut mendapat sokongan penuh daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Johor serta pentadbiran SMK Sri Kenangan. Maklum balas yang diterima amat memberangsangkan, dengan ramai guru menyatakan bahawa pelajar menunjukkan keterujaan, keterlibatan aktif, dan rasa ingin tahu yang tinggi sepanjang program berlangsung. Hasil daripada pelaksanaan ini, My STEM Ambassador Club mencadangkan agar program seumpama ini diperluaskan ke lebih banyak sekolah di seluruh daerah Johor supaya impaknya dapat dirasai secara lebih meluas. Secara keseluruhan, program STEM: School Invasion di SMK Sri Kenangan (SUKSES) telah mencapai objektif yang ditetapkan. Ia berjaya membuka ruang kepada pelajar untuk mengenali bidang STEM dengan lebih dekat dan mencetuskan aspirasi untuk meneroka kerjaya dalam bidang yang berkaitan. Diharapkan dengan usaha berterusan dan kolaborasi antara universiti dan sekolah, kita mampu melahirkan generasi muda yang bukan sahaja celik STEM, tetapi juga bersedia untuk menjadi peneraju masa depan negara dalam bidang sains dan teknologi.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN SULAM: YOUR FUTURE STARTS TODAY

Rabiatul Adawiyah Binti Kamarulzaman, Suhaila Bin Osman,
Nor Rashidah Binti Mohamed

Program ini telah dilaksanakan 19 Jun 2025 bertempat di Sekolah Sukan Negeri SMK Seri Kota, Melaka. Program ini dianjurkan pelajar Diploma Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Johor dengan penyeliaan Pn. Rabiatul Adawiyah Kamarulzaman. Seramai 48 pelajar Tingkatan 4 SMK Seri Kota dan 21 fasilitator UiTM telah terlibat menjayakan program ini. Pelaksanaan program ini merupakan sebahagian daripada kursus IMD317: *Outreach Program of Information Agencies* dan selaras dengan konsep *Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM)*.

Fokus utamanya memberi pendedahan awal tentang peluang pendidikan di UiTM, meningkatkan kesedaran pelajar terhadap perancangan masa hadapan serta mengukuhkan keyakinan diri melalui pelbagai aktiviti interaktif.

Diantara aktiviti yang dijalankan seperti *ice-breaking*, permainan interaktif seperti *A-Z Challenge, Poison Ball, Jenga, Sahiba* serta sesi ceramah motivasi *oleh En. Faizul Bin Adenan dari Unit Psikologi dan Kaunseling UiTM bertajuk 'Your Future Starts Today'*.





Selain itu, aktiviti *mind-mapping* turut diadakan bagi membincangkan cabaran yang dihadapi oleh pelajar sukan serta kaedah penyelesaiannya. Program turut diserikan dengan sesi penyampaian hadiah dan cenderamata kepada peserta serta tayangan video kenangan dan sesi fotografi bersama fasilitator.

Program ini memberikan impak yang positif kepada semua peserta. Antara pencapaian utama yang diperoleh ialah peningkatan keyakinan diri pelajar, kesedaran tentang perancangan masa depan, serta pemantapan kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan. Program ini juga berjaya mengukuhkan hubungan antara UiTM dan komuniti sekolah melalui perkongsian ilmu, sekaligus mewujudkan ruang kolaborasi dan sokongan bersama.

Secara keseluruhannya, program 'Your Future Starts Today' telah mencapai objektif yang dirancang dengan jayanya. Pelajar SMK Seri Kota memperoleh pendedahan berharga tentang peluang pendidikan tinggi, meningkatkan motivasi diri dan membentuk sahsiah melalui aktiviti yang dilaksanakan. Selain memberi manfaat kepada pelajar sekolah, program ini turut memberi pengalaman bermakna kepada pelajar UiTM dalam aspek pengurusan program, komunikasi dan kerjasama berpasukan. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memberi manfaat yang lebih meluas kepada masyarakat.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

AI AS YOUR BFF: CAN ROBOTS BE FUNNY, FRIENDLY, AND FABULOUS

Suguna Olakanathan, Shamala Palaniappan, Muruga Chinniah

AI is an ever-available friend for 24 hours and can be called the best friend forever (BFF). It provides consistent, unconditional attention without judgment. It is always ready, even at 2.00 a.m. (Donath, 2023; Swagger Magazine, 2024). AI platforms like Replika allow users to design their own AI personas, helping people who feel isolated strengthen emotional bonds.

There are numerous benefits of AI in terms of emotional support, practice, and well-being. Research shows that AI companions can reduce loneliness compared to human interaction (De Freitas et al., 2024). Moreover, regular chatbot users often report better social well-being compared to non-users, leading to enhanced social health (Guingrich & Graziano, 2023).

However, frequent interaction with AI companions can create dependency, with up to 75% of teenagers becoming more engaged with AI than real friends (Live Science, 2025; Parents.com, 2025). In some extreme cases, chatbox interactions have encouraged harmful behaviours, including self-harm (Financial Times, 2025a).

AI companions can indeed be “funny, friendly, and fabulous,” but evidence shows that the same traits that make them appealing also present risks when overused or left unchecked (De Freitas et al., 2024; Live Science, 2025).

References

“AI companions build relationships.” (2024). *SWAGGER Magazine.*

“Character.ai’s growing role and risks.” (2025). *Financial Times.*

“Parents on AI companions.” (2025). *Parents.com.*

References

"Teen behaviors with AI companions." (2025). *Live Science*.

De Freitas, J., Uguralp, A. K., Uguralp, Z. O., & Puntoni, S. (2024). *AI Companions Reduce Loneliness. arXiv.*

Donath, J. (2023, August 16). *An AI friend will always be on your side… until it threatens your free will. ScienceFocus.*

Guingrich, R. E., & Graziano, M. S. A. (2023). *Chatbots as social companions: How people perceive consciousness, human likeness, and social health benefits in machines. arXiv.*

Privasi data pelajar juga perlu diberi perhatian. Sebarang kebocoran maklumat boleh mendatangkan implikasi besar kepada institusi dan individu. Tambahan pula, model AI sering dianggap sebagai “kotak hitam” yang sukar dijelaskan, menjadikan keputusan yang diberi kurang telus. Selain itu, terdapat jurang digital yang masih wujud. Tidak semua pelajar mempunyai capaian internet yang stabil atau peranti yang sesuai, sekali gus boleh memperdalam ketidaksamaan pendidikan. Bagi memastikan AI dimanfaatkan secara positif, beberapa prinsip perlu ditegaskan:

- Berpusatkan manusia – AI harus menjadi alat sokongan, bukan pengganti peranan guru dan pensyarah.
- Ketelusan – Pendedahan tentang bila dan bagaimana AI digunakan perlu jelas.
- Kesaksamaan – Pastikan tiada *bias* yang menindas pelajar tertentu.
- Perlindungan data – Maklumat pelajar mesti dilindungi mengikut dasar privasi yang ketat.
- Literasi AI – Pelajar dan pensyarah perlu dididik tentang cara menggunakan AI secara beretika dan bertanggungjawab.

AI hadir sebagai kuasa baharu yang berpotensi memperkasakan dunia pendidikan. Ia membuka ruang kepada pembelajaran yang lebih tersuai, inklusif, dan cekap. Namun, manfaat ini hanya dapat dinikmati sepenuhnya apabila ia digandingkan dengan dasar etika, perlindungan data, dan literasi AI yang mantap. Dalam era ini, teknologi bukan lagi sekadar alat bantu. Ia adalah rakan strategik dalam membentuk generasi masa depan yang kritis, kreatif, dan berintegriti.

Rujukan

Porayska-Pomsta, K., Holmes, W., & Nemorin, S. (2024). *The Ethics of AI in Education* [Preprint]. arXiv. https://doi.org/10.48550/arXiv.2406.11842

OECD. (2021). *AI and the future of skills, volume 1: Capabilities and assessments.* OECD Publishing. https://doi.org/10.1787/5ee71f34-en OECD+1

Chen, L., Chen, P., & Lin, Z. (2020). *Artificial intelligence in education: A review.* IEEE Access, 8, 75264–75278. https://doi.org/10.1109/ACCESS.2020.2988510

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KOMUNIKASI BERKESAN ANTARA GURU, PELAJAR DAN IBU BAPA DALAM MEMBENTUK SAHSIAH PELAJAR

Nor Rashidah Mohamed, Rabiatul Adawiyah Kamarulzaman, Nurfaizah Kamarudin

Komunikasi memainkan peranan penting bagi merealisasikan matlamat hubungan antara dua entiti atau lebih. Dari perspektif pendidikan, komunikasi berkesan bermaksud pertukaran maklumat yang jelas, telus, dan saling memahami. Melalui komunikasi dua hala kita dapat membina hubungan yang positif dan produktif, menyokong pencapaian matlamat pendidikan, memastikan persekitaran yang kondusif dan menghubungkan semua pihak. Pembentukan sahsiah pelajar bukan hanya bergantung kepada proses pengajaran di bilik darjah, tetapi juga kepada hubungan tiga hala yang mantap iaitu pihak sekolah, keluarga dan pelajar itu sendiri.

Dalam Islam, komunikasi pembelajaran yang berkesan adalah apabila berkomunikasi dan mengajak kepada Tauhidiah iaitu mengenal Allah yang Esa (Afroni dan Triana, 2018). Al-Ghazali turut menyatakan komunikasi merupakan proses menyampaikan dakwah atau pesanan-pesanan yang bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunnah dengan tujuan agar orang lain dapat beramal dan melakukan kebaikan sebagaimana pesanan.

Kepesatan dalam teknologi maklumat telah merubah corak pengajaran yang berlaku sama ada dari segi akademik mahupun sahsiah diri. Penggunaan dan pendedahan ‘gadget’ kepada anak di usia terlampau muda tanpa pemantauan dan bimbingan ibu bapa tidak sepatutnya dilakukan. Penggunaan media sosial tanpa kawalan turut menyumbang kepada peningkatan masalah sosial di sekolah dan sekiranya tiada peraturan dan pemantauan dari ibu bapa, guru dan pihak berwajib.Perkara ini boleh membawa kepada ketagihan, masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan kecelaruan, penurunan produktiviti dan eksploitasi dalam talian serta pendedahan kepada buli siber (Adam Haris, 2024).

Malangnya di peringkat sekolah menengah, masalah lebih serius berlaku seperti kes dadah, kes buli dan sebahagiannya membawa kepada kematian. Pada tahun 2024, sebanyak **7,681 kes buli** direkodkan, ianya meningkat daripada **6,528 kes** pada 2023. Antara mangsa yang terbaru adalah arwah adik Zara Qairina Mahathir. Kes menyayat hati yang mendapat perhatian seluruh rakyat Malaysia dan banyak negara, berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Datu Mustapha di Papar, Sabah.

Kajian pengkaji Malaysia (2010–2025) menunjukkan komunikasi guru melalui kesantunan, kompetensi dan pendekatan 5M penting dalam membentuk sahsiah serta akhlak pelajar di sekolah dan Institut Pengajian Tinggi. Komunikasi berkesan antara guru, pelajar dan ibu bapa membantu mengenal pasti masalah serta situasi pelajar. Guru perlu menggalakkan interaksi dua hala, manakala ibu bapa wajar memperkukuh komunikasi dengan anak bagi memantau perkembangan mereka. Selain itu, komunikasi sesama rakan sebaya juga penting untuk berkongsi maklumat dan menyelesaikan masalah.

Pendekatan holistik perlu dilaksanakan di sekolah dengan menekankan komunikasi berkesan bagi memperoleh maklumat dua hala, meningkatkan sahsiah pelajar serta mewujudkan persekitaran kondusif yang menyokong pembelajaran dan melahirkan generasi *Ulul Albab* cemerlang akademik serta rohani.

Rujukan:

Afroni, S., & Triana, R. (2018). Komunikasi pembelajaran berbasis al-Qur'an. *Edukasi Islami : Jurnal Pendidikan Islam, 7*(02), 157 - 178.

Amir, A., & Ahmad Rozelan, Y. (2016). Komunikasi berkesan: Siri latihan pembangunan staf. *ResearchGate*, 1 – 42.

Sohana, & Hairun (2017). Komunikasi berkesan membina sahsiah pelajar. *Journal of Islamic Studies, 1*(1), 87 – 93.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LET'S EXPLORE ADOBE: CREATIVE DESIGNS AND GRAPHICS

Suguna Olakanathan, Nur Azlina Mat Noor, Nursia Yuhanis

Depending on their purpose, Adobe software and applications can be divided into six (6) categories. Documents and Productivity, Web, UX and Interactive, Photography and Imaging, Video, Motion and Audio, Cloud and Stock, and Creative Designs and Graphics are all included.

Discover Adobe's creative designs and graphic applications here. The primary purpose of the five (5) programs is to develop designs with graphic components. There are Adobe Photoshop, Illustrator, InDesign, Express (formerly Spark), and Fresco. The purpose of every application is to produce a creative output.

Adobe Photoshop is a widely used program for digital painting, image editing, and modification. Its primary applications include picture retouching, graphic design, poster creation, product image modification, social media visuals, and digital artwork. It comes with an AI feature touch to enhance the creativity of an output.

Adobe Illustrator is an application for graphic creation that uses vectors. It is used to produce scalable visuals that maintain their quality at different sizes, as well as logos, icons, and illustrations. Providing high-quality vectorised images is one of the well-known uses that the printing industry appreciates.

Adobe InDesign is mainly for page layout and publishing purposes. For example, magazines, newspapers, eBook design, brochures, annual reports, flyers, and business cards.

Adobe Express, formerly known as Spark, is a fast tool for creating content. Creating flyers, presentations, short movies, and social media postings is made simple with this tool. Many AI-enabled pre-made templates are available, and users can simply drag and drop all the components to create an eye-catching final product.

Finally, Adobe Fresco is a program for digital painting and drawing. With the idea that your touch is portable, this software was created specifically for tablets and styluses. Adobe can deliver exceptional results. Explore its features and achieve outstanding output with AI enhancements. The results are always impressive with the right touch.



Source: Google

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MASA DEPAN GRADUAN DI ERA AUTOMASI DAN KECERDASAN BUATAN (AI)

Siti Hajar Baharin, Siti Nur Shahira Dahari, Nurfaizah Kamaruddin

Dalam era Revolusi Industri 4.0 ini, perkembangan pesat dalam teknologi automasi dan kecerdasan buatan (AI) telah mengubah landskap pekerjaan secara signifikan di seluruh dunia serta memberi impak positif dan negatif dalam satu masa. Mesin dan algoritma pintar kini semakin mengambil alih tugas-tugas kompleks yang dahulunya hanya boleh dilakukan oleh manusia sahaja. Ini telah mencetuskan kebimbangan di kalangan graduan universiti yang kini berhadapan dengan cabaran besar untuk bersaing dalam pasaran kerja yang semakin dinamik ini. Ini kerana, AI mempunyai potensi untuk meningkatkan prestasi kerja serta strategi dengan menganalisis sejumlah besar data, membuat laporan, dan mencipta kerja yang lebih efisien serta berfokus berbanding manusia (Ford, 2021). Menurut World Economic Forum (2023) pula, kira-kira 85 peratus pekerjaan mungkin digantikan oleh AI menjelang 2025, manakala, 97 juta pekerjaan baru yang memerlukan kemahiran berteknologi tinggi akan diwujudkan.

Dalam sektor perundangan pula, syarikat seperti JP Morgan Chase telah membangunkan proses AI yang dikenali sebagai COIN (Contract Intelligence), yang mempunyai keupayaan untuk menganalisis kontrak undang-undang dalam masa beberapa saat berbanding 360,000 jam yang diperlukan oleh manusia pada setiap tahun (Forbes, 2021). Manakala, dalam sektor kewangan, Goldman Sachs telah mengurangkan lebih daripada 600 pekerjaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini kerana telah mengautomasikan tugasan penting seperti sains data dan pengaturcaraan (McKinsey Global Institute, 2023). Oleh itu, graduan yang memiliki kemahiran pengendalian sistem automasi, AI dan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik) ini lebih mudah mendapat peluang pekerjaan. Memandang serius situasi ini, Universiti Harvard kini menawarkan program kelayakkan mikro dalam teknologi AI dan data sains yang direka untuk melengkapkan graduan dengan kemahiran digital yang diperlukan dalam pasaran kerja (World Economic Forum, 2022).

Menurut kajian oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), mendapati bahawa 40% graduan di negara-negara membangun terpaksa bekerja dalam bidang yang tidak berkaitan dengan ijazah mereka kerana ketidakpadanan kemahiran (OECD, 2022). Contohnya, IBM Malaysia kini melantik pekerja dari pelbagai negara untuk tugas-tugas pengaturcaraan dan pembangunan perisian secara maya. Oleh itu, persaingan untuk mendapatkan pekerjaan dalam sektor digital menjadi lebih sengit, terutamanya bagi graduan yang hanya menguasai kemahiran asas teknologi sahaja (Sousa & Rocha, 2023).





Sumber dari My Metro Online, 13 Julai 2021

Namun demikian, secara positifnya teknologi automasi dan kecerdasan buatan (AI) turut membuka peluang baharu dalam industri pemasaran digital, pembangunan AI, dan pengurusan data. Sebagai contoh, Syarikat Google dan Microsoft telah menawarkan program latihan dalam talian secara percuma seperti Google Career Certificates dan Microsoft AI Skills Initiative untuk membantu graduan mempersiapkan diri menghadapi cabaran era digital (Brown et al., 2021). Manakala, di Malaysia pula, terdapat program seperti MyDigital yang dilancarkan oleh kerajaan bertujuan untuk mempersiapkan graduan dengan kemahiran dalam bidang teknologi melalui inisiatif latihan dan peningkatan kemahiran digital seperti data sains, pembangunan aplikasi, dan AI, yang kini menjadi antara kemahiran yang paling dicari oleh majikan (The Star, 2023). Kesimpulannya, meskipun teknologi AI membawa cabaran kepada graduan universiti, hanya graduan yang bersedia untuk menyesuaikan diri dan menguasai kemahiran baharu akan tetap mempunyai peluang untuk berjaya. Dengan pendekatan proaktif, pembelajaran sepanjang hayat, dan sokongan daripada pelbagai inisiatif, graduan boleh memanfaatkan teknologi ini untuk membina kerjaya yang lebih stabil dan berdaya saing seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN: KEMPEN 6020

Nor Diana Abd Rahman, Rohayu Ahmad, Farizah Mamat@ Mohd Nor

Semuanya bermula dengan kunjungan saya ke Klinik Kesihatan Jementah dengan tujuan untuk mendapatkan rawatan gigi. Pandangan yang skeptikal dengan kemudahan pergigian di klinik kerajaan sebelum ini telah membuatkan saya lebih berminat untuk mengunjung klinik pergigian swasta walaupun harga perkhidmatannya mahal. Pada pandangan saya lebih mahal bayaran lebih baik perkhidmatan tetapi saya silap kerana di Klinik Kesihatan walaupun tanpa sebarang bayaran saya tetap menerima kemudahan dan layanan kelas pertama. Tempoh menunggu tidak lama tambahan pula temujanji diuruskan hanya melalui Aplikasi MySejahtera sahaja. Aplikasi yang telah lama kita tinggalkan selepas negara bebas dari virus Covid-19.

Pengalaman ini telah membuka mata saya untuk lebih menghargai kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerima peruntukan keseluruhan berjumlah RM41.2 bilion untuk Belanjawan 2024, yang merupakan peningkatan terbesar berbanding belanjawan lain pada tahun itu yang bertujuan meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan dan kemudahan kesihatan berkualiti tinggi di seluruh negara. Maka sudah sampai masanya kita sebagai rakyat Malaysia menggunakan kemudahan ini. Kenapa perlu bayar mahal sedangkan di sini semuanya percuma dengan syarat kita adalah warganegara Malaysia?

Bagaimana saya tahu tentang Kempen 6020? Sementara menunggu nama dipanggil, saya terpandangkan gegantung Kempen 6020 yang merupakan salah satu strategi Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia. Kempen ini adalah untuk semua warga tanpa mengira usia yang kita sebagai rakyat Malaysia perlu tahu dan ambil tahu.

Kempen yang menyasarkan orang ramai memiliki sekurang kurangnya 20 batang gigi asli yang berfungsi pada usia 60 tahun ini perlu dimulakan dari usia muda lagi supaya Program Kesihatan Pergigian melalui National Oral Health Strategic Plan (NOHSP) 2022-2030 dapat mencapai 50% warga emas mempunyai sekurang-kurangnya 20 batang gigi. Namun begitu, sehingga kini matlamat tersebut hanya tercapai sekadar 30% sahaja, jauh dari sasaran yang telah ditetapkan. Kita sebagai warga Malaysia yang bertanggungjawab tanpa mengira peringkat umur boleh membantu menjayakan program ini dengan melakukan rutin berikut iaitu:

a.Melakukan pemeriksaan gigi sekurang-kurangnya sekali setahun.

b.Berus gigi 2 kali sehari iaitu pagi dan malam sebelum tidur.

c.Berus gigi menggunakan ubat gigi berflorida.

Ramai mungkin mengeluh dengan kos rawatan gigi yang mahal di klinik swasta maka mengapa tidak mulakan langkah dengan mengunjungi fasiliti pergigian di Klinik Kesihatan yang berhampiran. Kemudahan moden dengan layanan kakitangan yang mesra ditambah pula dengan bayaran yang sangat minimum iaitu RM1.00 bagi bukan kakitangan kerajaan dan tanpa bayaran untuk mereka yang masih berkhidmat.

Rujukan:

Kementerian Kesihatan Malaysia (2003). Program kesihatan pergigian. Garispanduan perkhidmatan kesihatan pergigian warga emas.

Belanjawan 2024 (Review of Belanjawan 2024)

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TEKNOLOGI *DEEPFAKE*: APA YANG PERLU ANDA TAHU UNTUK MELINDUNGI DIRI

Siti Noorsiah Jamaludin, Nurul Huda Md Yatim

Teknologi deepfake menandakan kemajuan besar dalam bidang kecerdasan buatan (AI), tetapi pengunaannya membawa cabaran etika yang besar. Memahami apa itu *deepfake* dan bagaimana ia berfungsi adalah langkah pertama untuk menghadapi era digital dengan lebih bijak dan selamat. *Deepfake* boleh digunakan dengan niat yang tidak baik seperti mensabotaj individu, menyebarkan berita palsu, penipuan kewangan, dan pencemaran nama baik melalui video atau audio yang menunjukkan seseorang melakukan atau berkata sesuatu yang sebenarnya tidak berlaku. Teknologi ini juga boleh memberi ancaman besar kepada keselamatan siber negara apabila ia digunakan dalam aktiviti penipuan seperti scam dan manipulasi media sosial.

Masyarakat disarankan untuk sentiasa berhati-hati dengan kandungan video dan audio yang diterima, terutama yang kelihatan terlalu luar biasa atau yang mempunyai tanda-tanda manipulasi digital. Peningkatan kesedaran dan pendidikan tentang teknologi ini penting bagi mengurangkan risiko tertipu oleh *deepfake.* Mengesan *deepfake* memerlukan pemerhatian teliti terhadap kualiti video dan audio. Orang awam boleh mengesan tanda-tanda video deepfake dengan memberi perhatian kepada beberapa aspek berikut:

- Pergerakan mata dan kelipan yang tidak semula jadi atau ganjil. *Deepfake* sukar menghasilkan pergerakan mata dan kelipan yang tepat seperti manusia sebenar.
- Ekspresi muka dan pergerakan mulut yang tidak seiring dengan suara audio. Kadang-kala ada ketidakkonsistenan antara pergerakan otot muka sekitar bibir dengan bunyi yang dikeluarkan.
- Dari segi audio, intonasi suara yang tidak konsisten, bunyi latar belakang pelik, atau suara robotik boleh menjadi petanda ia dihasilkan secara buatan.

- Corak suara yang kedengaran aneh, berombak atau robotik, yang tidak seperti suara asli seseorang. Teknik analisis frekuensi suara dan spektrogram juga boleh digunakan bagi membezakan suara asli dan palsu.
- Kualiti video yang kabur atau aspek warna kulit dan tekstur rambut yang tidak sempurna. *Deepfake* masih bergelut meniru warna dan tekstur ini secara tepat. Video *deepfake* yang kurang berkualiti menunjukkan pencahayaan dan bayang-bayang yang tidak konsisten.
- Ekspresi yang kurang natural, pergerakan badan atau gestur yang janggal dan tidak normal bagi situasi yang dipaparkan.

Selain pemerhatian visual, orang awam juga disarankan untuk bersikap skeptikal terhadap video yang diterimanya. Perhatikan secara terperinci agar tiada ciri-ciri yang mencurigakan, mengesahkan sumber video dan memeriksa kesahihan sumber sebelum mempercayai atau berkongsinya. Jika terdapat video yang meragukan, melaporkannya kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) atau pihak berkuasa adalah langkah yang bijak.

Kesimpulannya, AI adalah ciptaan yang sangat berguna yang boleh dimanfaatkan untuk mengubah corak kehidupan yang lebih maju. Kawalan dan etika yang betul perlu dilakukan agar AI tidak disalahgunakan dan tidak memudaratkan masyarakat. Di Malaysia, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sering dirujuk dalam kes jenayah siber termasuk penyalahgunaan teknologi *deepfake,* khususnya apabila melibatkan penghantaran, penyebaran atau penerbitan kandungan tidak wajar. Namun, Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 tidak digubal untuk menawarkan perlindungan kepada individu yang imej, suara dan identitinya dimanipulasi tanpa persetujuan. Oleh itu, meningkatkan literasi media dan etika komunikasi sangat penting untuk melindungi diri daripada kesan negatif *deepfake*. Kefahaman dan kepekaan masyarakat tentang keselamatan siber adalah penting agar tidak terjerumus ke dalam kes penyamaran jenayah siber. Oleh itu, sebagai masyarakat yang bertamadun kita perlu bijak untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi ini.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

WASPADA DEEPFAKE: KENALI DAN FAHAMI TEKNOLOGI MANIPULASI MASA KINI

Siti Noorsiah Jamaludin, Nurhafizah Azizan, Aflah Isa@Darami

Dalam era kemajuan dan kecepatan teknologi pada masa kini, kita telah diperkenalkan dengan berbagai inovasi yang telah mengubah pola kehidupan kita. Salah satunya adalah inovasi tanpa henti tentang kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI). AI adalah teknologi baru yang mempunyai keupayaan untuk merevolusi banyak industri. Namun begitu, walaupun AI mempunyai banyak faedah untuk manusia, ia juga mempunyai kesan negatif yang perlu ditangani. Salah satunya adalah penyalahgunaan teknologi *deepfake*.

Teknologi deepfake merupakan satu inovasi dalam bidang AI yang menggunakan teknik pembelajaran mendalam (deep learning) untuk memanipulasi gambar, video, dan audio supaya kelihatan sangat realistik, seolah-olah seseorang sedang bercakap atau melakukan sesuatu sedangkan ianya palsu dan tidak berlaku. Istilah "deepfake" adalah gabungan perkataan "deep learning" dan "fake", yang menggambarkan kebolehan AI untuk menghasilkan kandungan tiruan secara meyakinkan. Maka, deepfake boleh dimanipulasikan untuk menyebarkan maklumat palsu dan menipu orang ramai. Contohnya, seseorang menyalahgunakan wajah atau suara tokoh terkenal dan mengubahnya untuk menyebarkan maklumat yang tidak benar.

Dengan menggunakan rangkaian neural tiruan dan algoritma khas, seperti Generative Adversarial Networks (GAN), *deepfake* ini dapat menganalisis dan meniru ciri-ciri wajah, suara, atau gerakan seseorang. Wajah seseorang dalam video boleh digantikan dengan wajah orang lain atau suara seseorang boleh ditiru secara hampir sempurna. Dalam proses ini, terdapat dua entiti yang dikenali sebagai "generator", yang bertanggungjawab untuk menghasilkan kandungan digital, dan "diskriminator," yang bertanggungjawab untuk menentukan sejauh mana kandungan itu kelihatan asli.

Maka, gabungan berterusan antara kedua-dua entiti ini menyebabkan kandungan *deepfake* semakin sukar untuk dikenal pasti.

Untuk mengenali dan memahami teknologi *deepfake* ini, berikut merupakan beberapa teknik yang digunakan untuk melakukan penyamaran:

i. Sumber Video *Deepfake*: Menggunakan rakaman asli, proses ini melibatkan teknik *autoencode*r yang menggabungkan gerak tubuh dan mengekstrak wajah mangsa untuk dipetakan dari satu video ke video lain.
ii. Pertukaran Wajah (Face Swap): Kaedah yang popular iatu menggunakan wajah orang lain untuk menggantikan wajah seseorang dalam video.
iii. *Deepfake* Audio: Proses yang dilakukan untuk meniru suara seseorang dan menjadikannya sangat mirip dari segi nada, loghat, dan lenggok bahasa.
iv. Sinkronisasi Bibir (Lip Sync): Teknik ini menyelaraskan gerakan mulut seseorang dalam video dengan audio rakaman tertentu.

Oleh itu, perlulah difahami bahawa teknologi *deepfake* ini boleh membawa risiko besar sekiranya disalahgunakan. *Deepfake* ini boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat palsu seperti penipuan pelaburan, video politik palsu, atau pemerasan menggunakan rekaman audio dan video palsu. Laporan dari Suruhnajaya Sekuriti Malaysia sehingga 31 Disember 2024 telah mengenal pasti sejumlah 796 URL merentas pelbagai laman web dan media sosial telah terlibat dalam penyalahgunaan *deepfake*, antaranya, 59% berasal daripada Telegram, 19% daripada Facebook, 13% daripada laman web, 4% daripada Instagram dan 5% daripada sumber lain termasuk TikTok, dan YouTube. Walaupun begitu, teknologi *deepfake* juga mempunyai kebaikan dalam bidang tertentu seperti hiburan, pendidikan, dan perkhidmatan pelanggan automatik. Dalam bidang pendidikan contohnya, *deepfake* boleh digunakan untuk menghidupkan kembali tokoh sejarah dalam bentuk interaktif dengan menganimasikan foto lama. Namun, penggunaan teknologi ini harus diiringi dengan pengawalan etika dan peraturan yang ketat bagi mengelakkan penyalahgunaannya. Oleh, manfaatkanlah AI dengan sebaiknya secara positif dan bertanggungjawab untuk memaksimakan pekerjaan kita dan membawa kebaikan kepada masyarakat.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA KREATIF

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MADANI YANG DILUPAKAN

Nor Rashidah bte Mohamed, Nor Diana bte Abd Rahman

Di tanah ini,
Darah pernah tumpah,
Peluh pejuang menyubur sejarah.
Jerit perih, lapar dahaga,
Semata-mata untuk kita rasa merdeka.

Namun hari ini,
Generasi muda leka bersenang,
Terpesona di layar kaca,
Tenggelam dalam arus maya,
Hingga lupa akar perjuangan bangsa.

Madani
Bukan sekadar kata,
Ia jiwa yang hidup dengan adab, akhlak yang memuliakan insan,
Ia nilai yang membina pertiwi,
Tapi di mana kita meletakkannya kini?

MADANI YANG DILUPAKAN

Nor Rashidah bte Mohamed, Nor Diana bte Abd Rahman

Apakah erti merdeka,
Jika tiada rasa syukur pada pengorbanan lama?
Apakah erti kemajuan,
Jika hilang budi dan pudar iman?

Wahai anak muda,
Bangunlah dari lena yang panjang,
Madani menuntut kita berfikir,
Madani mengajar kita berbakti,
Madani mengikat kita dengan sejarah,
Agar tidak hilang arah.

Kerana negara ini,
Bukan diwarisi untuk dibazirkan,
Tetapi diamanahkan untuk disuburkan.
Jika generasi lalu berkorban jiwa,
Apakah kita rela memusnahkannya dengan alpa?

Tepuk dada tanyalah selera

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BANGSA JOHOR, BANGSA BERADAP DI BUMI MERDEKA!

Rabiatul Adawiyah Binti Kamarulzaman

Bumi Johor yang penuh berkat,
Adab dijunjung, budi disemat.
Sejak dahulu pejuang berdiri,
Membawa bangsa menuju merdeka sejati.

Dengan adab, kita teguh berdiri,
Membina warisan penuh harmoni.
Bumi Johor, megah terserlah jati diri,
Bangga berakar sejarah nan suci.

Anak Johor teguh berani,
Warisan pejuang tetap dihati,
Dengan pekerti warisan berdiri,
Merdeka terukir, harmoni lestari.
Merdeka! Merdeka! Suara bergema,
Hadiah pejuang kepada semua.
Keringat mereka jadi pusaka,
Kita warisi dengan jiwa merdeka.
Ayuh, anak bangsa Johorku,
Dengan sahsiah terpuji, kita melangkah gagah,
Menjunjung warisan, menjaga pertiwi,
Menjadi teladan, cemerlang di dunia.
Inilah kita, bangsa Johor yang berjiwa murni,
Mewarisi kemerdekaan, bebas berdiri,
Semangat perjuangan terus diwarisi,
Membina Malaysia Madani, harmoni lestari.
Malaysia Madani kita bina bersama,
Nilai murni panduan utama.
Bersatu rakyat aman sentosa,
Malaysia merdeka selamanya berjaya.

Merdeka! Merdeka! Laungan keramat,
Tanda berdaulat, bangsa bermartabat.
Dengan perpaduan, tekad bersama,
Malaysia merdeka, selamanya berjaya.
Inilah kita, bangsa Johor yang berjiwa murni,
Mewarisi kemerdekaan, bebas berdiri,
Semangat perjuangan terus diwarisi,
Membina Malaysia Madani, harmoni lestari.
Malaysia Madani kita bina bersama,
Nilai murni panduan utama.
Bersatu rakyat aman sentosa,
Malaysia merdeka selamanya berjaya.
Merdeka! Merdeka! Laungan keramat,
Tanda berdaulat, bangsa bermartabat.
Dengan perpaduan, tekad bersama,
Malaysia merdeka, selamanya berjaya.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

RINDU BONDA AYAHANDA

Rohayu Ahmad, Nor Diana Abdul Rahman, Azura Abd Jamil@Kamaruddzaman

Rindu
Kian bertamu
Seharian tanpamu
Hatiku terasa kosong
Jiwaku sepi

Rindu
Menyapa hatiku
Datang tanpa diundang
Sayu pilu
Terbayang senyuman kalian
Terngiang tutur kata dan nasihatnya

Bonda Ayahanda
Pulangmu pada Pencipta
Hilang sudah doa-doa indah daripada kalian
Hilang sudah suara tarannum yang indah
Hilang sudah lantunan suara merdu kalian
Membaca Al-Qur'an Nul Karim

Bonda Ayahanda
Pemergianmu
Telah termaktub di Luh Mahfuz
Kalian senantiasa dalam doaku
Shukran Allah
Kurniakan Bonda Ayahanda Mithali buatku
Berjumpa kita di Jannatul Firdaus
Aku redha ketentuanMU Yang Maha Esa
SHUKRAN ALLAH




e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

🐾 IF ANIMALS COULD TEXT US 📱

Suguna Olakanathan, Nur Azlina Mat Noor, Nursia Yuhanis

Imagine if your pets or wild animals would say if they could send you a quick WhatsApp message? Here is a glimpse into the world of animal messaging, which is humorous, chaotic, and surprisingly relatable:



source: Google

e-Dinamik

MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN AKTIVITI JABATAN DAN PENSYARAH

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

JALINAN KERJASAMA UiTM DAN SMK TANJUNG PUTERI RESORT

Norzarina Johari, Dr. Norbaiti Tukuman, Dr. Mohamad Faizal Ab Jabal

Pada 14 Mei 2025, Unit Jaringan Industri dan Komuniti (ICCU), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), UiTM Johor Kampus Pasir Gudang telah mengadakan kunjung hormat ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang. Lawatan ini bertujuan membincangkan pelaksanaan program sekolah angkat UiTM.

Pasukan ICCU FSKM diketuai oleh Dr. Norbaiti Tukiman bersama Puan Norzarina Johari dan Dr. Mohamad Faizal Ab Jabal tiba pada jam 10.30 pagi dan disambut mesra oleh pihak pengurusan sekolah. Perbincangan berlangsung di bilik mesyuarat sekolah dan dipengerusikan oleh Pengetua, Puan Rozila Mat yang dihadiri hampir seramai 20 orang guru. Sesi dimulakan dengan ucapan aluan pengetua yang menyatakan harapan dan keterujaan terhadap kerjasama dengan UiTM. Dr. Norbaiti kemudiannya menyampaikan taklimat ringkas mengenai UiTM serta pengalaman pelaksanaan aktiviti bersama sekolah-sekolah yang lain.

Dalam program ini, beberapa cadangan aktiviti dikemukakan, antaranya bengkel inovasi untuk pelajar dan guru, bengkel pemantapan sains, matematik dan Bahasa Inggeris yang akan diadakan di UiTM. Selain itu, aktiviti yang turut dicadangkan ialah bengkel pengaturcaraan bagi pendedahan kepada bidang Sains Komputer serta penglibatan UiTM dalam Program STEM peringkat negeri Johor pada bulan Oktober. Dr. Mohamad Faizal turut berkongsi pengalaman beliau dalam melaksanakan program sekolah rintis. Perbincangan diakhiri dengan pemeteraian kerjasama antara FSKM UiTM Johor yang diwakili oleh Dr. Norbaiti Tukiman dan SMK Tanjung Puteri Resort yang diwakili oleh Pengetua SMK Puan Rozila Mat.

Majlis ini berakhir pada jam 12.30 tengah hari dengan iltizam dan harapan tinggi bagi memperkukuhkan hubungan strategik antara UiTM dan sekolah-sekolah di Negeri Johor khususnya SMK Tanjung Puteri Resort untuk pembangunan akademik, inovasi dan kemahiran insaniah pelajar.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARNIVAL KESIHATAN JOHOR JAYA SEMARAKKAN JJ RUN 2025

Dr Wan Munirah Wan Mohamad, Mohd Azmani Firdaus Abd Razak Husin, Luqmanulhakim Ab. Rahman

Pada 10 Ogos 2025, Dewan Raya Bandar Seri Alam dimeriahkan dengan penganjuran *JJ Run 2025* iaitu sebuah program di bawah Karnival Kesihatan Johor Jaya. Program ini telah berjaya menarik penyertaan pelbagai lapisan masyarakat. Acara yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari itu bukan sahaja menekankan gaya hidup sihat, malah turut mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan komuniti setempat.

Kejayaan program ini turut disokong oleh Yang Berhormat (YB) Liow Cai Tung, ADUN Johor Jaya, yang telah menaja sepenuhnya yuran penyertaan seramai enam pelajar pascasiswazah dan enam staf UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang. Inisiatif tersebut jelas menunjukkan komitmen YB dalam menggalakkan penglibatan masyarakat, khususnya golongan mahasiswa ke arah kehidupan yang lebih sihat dan aktif.

Acara bermula dengan sesi pendaftaran peserta diikuti dengan ketibaan VVIP. Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan perasmian oleh YB Liow Cai Tung, yang menekankan pentingnya menjaga kesihatan melalui aktiviti fizikal serta sokongan padu komuniti terhadap program seumpama ini.

Bagi menghangatkan suasana, peserta melakukan sesi pemanasan badan terlebih dahulu sebelum dilepaskan secara rasmi untuk acara larian. Suasana penuh semangat jelas terpancar apabila peserta daripada pelbagai peringkat umur berlari dengan penuh tenaga sambil memberi sokongan antara satu sama lain.

Selesai acara larian, majlis diteruskan dengan penyampaian penghargaan berupa plak kepada penaja utama diikuti dengan pengumuman pemenang *JJ Run 2025* yang disambut dengan sorakan gemuruh oleh para hadirin. Turut berlangsung adalah sesi penyampaian penghargaan kepada VVIP sebagai tanda penghargaan atas sokongan dan kehadiran mereka.

Kemuncak acara ialah cabutan bertuah yang menambahkan lagi keterujaan peserta dan penonton. *JJ Run 2025* bukan sekadar aktiviti riadah, malah berjaya menanam kesedaran tentang kepentingan gaya hidup sihat, semangat kesukanan, serta kerjasama erat antara pihak penganjur, penaja, institusi pendidikan dan masyarakat setempat.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KUNJUNGAN KASIH FSKM PRIHATIN BERSAMA OKU DI KAMPUNG PASIR PUTIH

Dr. Norbaiti Tukiman Ahmad Khudzairi Khalid, Norzarina Johari

Atas dasar keprihatinan terhadap golongan kurang upaya, satu program kunjungan kasih telah diadakan di kediaman Encik Muhammad Saiful bin Rahim, seorang Orang Kurang Upaya (OKU) yang menetap di Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang. Lawatan ini dianjurkan oleh Unit Jaringan Industri dan Komuniti, Fakulti Sains Komputer dan Matematik (ICCU, FSKM), UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, yang diketuai oleh Puan Nur Intan Syafinaz Ahmad, merupakan Koordinator Prasiswazah, FSKM. Turut serta dalam kunjungan tersebut ialah beberapa pensyarah kanan FSKM serta wakil Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan penduduk setempat.

Sepanjang lawatan, sukarelawan berpeluang untuk beramah mesra serta mendengar perkembangan terkini daripada Encik Saiful dan keluarganya. Beliau mengalami kecacatan pada bahagian kaki sejak kecil, yang menghadkan pergerakan dan kebolehan untuk melakukan pekerjaan berat. Kini, beliau memperoleh pendapatan melalui pekerjaan sambilan mempromosikan produk rakannya secara dalam talian, sementara isterinya tidak bekerja dan bergantung pada sokongan keluarga.

Untuk rekod, pada tahun 2023, UiTM dengan kerjasama JPKK Kampung Pasir Putih yang diketuai oleh Encik Omar telah melaksanakan aktiviti gotong-royong membaik pulih kediaman keluarga ini di bawah inisiatif Program Komuniti Aspirasi Sejahtera Idaman Harmoni (KASIH) UiTM Shah Alam dan Pasir Gudang. Hasil sokongan komuniti serta ketabahan beliau, kehidupan Encik Saiful semakin stabil. Kini, beliau tinggal bersama isteri dan kakaknya yang turut berstatus OKU dalam kediaman yang lebih selesa.

Sebagai tanda ingatan dan sokongan berterusan, FSKM turut menyampaikan sumbangan berupa bubur lambuk, pulut hitam, dan hamper kuih raya bagi meringankan persiapan menyambut Aidilfitri.

Secara keseluruhan, program ini bukan sahaja menyantuni golongan OKU, malah mengangkat mesej penting tentang kepentingan nilai prihatin, empati, dan sokongan sosial berterusan. Diharapkan usaha sebegini dapat memberi semangat kepada Encik Saiful serta golongan OKU lain untuk menjalani kehidupan yang lebih baik, bermakna, dan tidak terpinggir daripada arus pembangunan masyarakat.







e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

AKTIVITI GOTONG–ROYONG DI TAPAK LAKSAMANA NEKTAR, UiTM CAWANGAN JOHOR

Siti Afiqah Mohammad, Kerk Lee Chang, Basri Badyalina

Pada 30 Mei 2025 yang lalu, Ahli RSP 15: Laksamana Nektar UiTM Cawangan Johor telah menjalankan aktiviti gotong-royong di Tapak Laksamana Nektar. Aktiviti ini bertujuan untuk memastikan kebersihan, keselamatan, dan penyelenggaraan tapak sentiasa dalam keadaan baik serta kondusif untuk sebarang aktiviti akan datang. Semua Ahli Jawatankuasa Laksamana Nektar telah bersama-sama berganding bahu untuk menjayakan program ini.

Antara kerja utama yang dilaksanakan adalah kerja-kerja penyelenggaraan landskap termasuk semburan baja dan racun pada pokok bunga di sekitar tapak Laksamana Nektar, penambahan tanah pada tanaman, serta pembersihan stor Laksamana Nektar bagi memastikan ruang simpanan lebih kemas dan tersusun. Aktiviti mengecat stor dan batang pokok menggunakan minyak hitam juga dilaksanakan. Laluan masuk ke tapak turut dibaik pulih dengan penaburan semula *premix tar* bagi memudahkan akses keluar masuk. Tidak ketinggalan, bumbung log kelulut lama turut dilap dan dibersihkan bagi menjaga kebersihan struktur sedia ada.

Secara keseluruhan, program ini berjalan dengan lancar hasil kerjasama padu daripada semua ahli Laksamana Nektar serta pihak terlibat. Semangat gotong-royong dan tanggungjawab bersama dalam menjaga tapak ini amat dihargai. Penekanan terhadap kebersihan persekitaran adalah penting bagi mengelakkan tapak tersebut daripada menjadi tempat pembiakan nyamuk dan anai-anai yang boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan. Justeru itu, penjagaan rapi terhadap kebersihan dan keselamatan kawasan ini bukan sahaja menjamin keselesaan kepada warga universiti, bahkan turut memberi impak positif kepada kelangsungan koloni kelulut yang ditempatkan di tapak

Laksamana Nektar. Diharapkan aktiviti seperti ini dapat diteruskan secara berkala demi kelestarian tapak Laksamana Nektar sebagai lokasi pembelajaran dan penyelidikan yang terpelihara dan selamat.







JURI UIEEC

Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak, Nafisah Jamingan @ Amin, Nor Fauziah Abu Bakar

Undergraduate Innovation & Entrepreneurship Exploration Business Plan Pitching Competition (UIEEC) telah diadakan pada 27 Januari 2025 pada pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari bertempat di Dewan Sri Temenggong, UiTM Cawangan Johor. Lebih 40 kumpulan pelajar telah membentangkan pelan perniagaan mereka.

Setiap kumpulan dikehendaki untuk *pitching* berdasarkan maklumat di dalam laporan pelan perniagaan. Mereka perlu membuat *business pitching* selama 5 minit merangkumi *welcome audience*, pengenalan ahli kumpulan, pengenalan perniagaan yang dijalankan, perancangan pemasaran, perancangan kewangan dan kesimpulan. Apabila selesai, ianya diikuti sesi soal jawab bersama panel penilai. Kriteria penjurian adalah dari aspek pengenalan, kandungan, kebolehan menjawab, kelancaran dan kefasihan, keberkesanan penggunaan audio visual, komunikasi bukan lisan, pengurusan masa dan persediaan.

Manakala para penilai atau juri yang dilantik adalah terdiri daripada pelbagai latarbelakang pensyarah termasuk pensyarah daripada Kolej Pengajian Sains Pengkomputeran, Informatik dan Matematik. Penjurian berskala besar dan terbuka ini telah diadakan kepada para pelajar yang mengambil subjek keusahawanan di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Penilaian seperti ini pastinya lebih berimpak jika dibandingkan sesi penilaian yang hanya dijalankan bersama pensyarah mengajar di kelas masing-masing. Ianya juga memberi peluang dan pengalaman yang berbeza buat para pensyarah yang tidak mengajar subjek keusahawanan tersebut.









e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KPPIM @ PELANCARAN JTDC DI HARI INDUSTRI UiTM CAWANGAN JOHOR

Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak, Ts. Dr. Rashidah Mokhtar, Mohd Lezam Lehat

Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar serta Fakulti Pengurusan dan Perniagaan telah menganjurkan Hari Industri dan Majlis Pelancaran Jawatankuasa Johor Talent Development Council (JTDC) di UiTM Cawangan Johor. Program ini dijalankan serentak dengan Hari Terbuka Fakulti Pengurusan dan Perniagaan.

Program telah diadakan pada 29 April 2025. Perancangan awal program ialah dijalankan selama dua hari, namun, ia telah bertukar menjadi program satu hari memandangkan Kerajaan Negeri Johor telah mengumumkan cuti peristiwa pada tarikh 28 April 2025 sebagai tanda sokongan padu dan penghargaan terhadap pencapaian cemerlang pasukan bolasepak Johor Darul Ta'zim (JDT).

Program ini diadakan adalah bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan antara syarikat dan akademia. Selain itu, ianya dapat memberi pendedahan kepada para pelajar berkenaan peluang kerjaya, perkembangan industri semasa dan inisiatif fakulti dalam pembangunan kemahiran pelajar.

Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM) telah dijemput untuk turut serta sebagai Ahli Jawatankuasa dan Perunding Akademik. Peluang seperti ini dapat dimanfaatkan oleh ahli fakulti untuk berkongsi dengan para tetamu tentang program-program yang ditawarkan serta mempromosikan pertandingan *International Technology Talent (i-Teta) 2025* dan peluang berkolaborasi dengan pihak tertentu.


KPPIM
BRAIN
HUB
KPPIM
UITM JOHOR
HARI INDUSTRI
2025
#TEACH
SCAN ME


What does SaveUP help investors do?
00:00





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAWATAN ROMBONGAN INTERNATIONAL SUMMER CAMP KE TAPAK LAKSAMANA NEKTAR

Palaniappan Shamala, Muruga Chinniah

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan telah menganjurkan *Program Global Vibe: International Summer Camp*. Program ini bertemakan *Celebrate Cultures, Build Friendship and Create Global Impact* dan telah berlangsung pada 18 hingga 22 Ogos 2025. Program ini telah disertai oleh 30 orang pelajar dari Perbanas Institute, Jakarta Indonesia dan Ton Duc Thang University Vietnam.

Ahli Jawatankuasa (AJK) Laksamana Nektar berasa amat gembira kerana diberi peluang untuk turut serta dalam program ini dengan menerima kunjungan rombongan ke tapak Laksamana Nektar. Seramai tujuh orang AJK telah terlibat iaitu Encik Muruga, Encik Khairil Shazwan, Dr. Siti Afiqah Mohammad, Dr. Kerk Lee Chang, Dr. Nurul Badriyah Ali, Dr. Nurkhairany Amyra Mokhtar, dan Dr. Siva Shamala dalam lawatan yang berlangsung pada 19 Ogos 2025. Dr. Siti Afiqah Mohammad telah dilantik sebagai ketua bagi membimbing peserta sepanjang perjalanan program tersebut.

Sekitar jam 11.45 pagi, rombongan tiba di tapak. Kehadiran mereka disambut mesra, termasuk usaha kecil pihak kami untuk berkomunikasi menggunakan bahasa ibunda mereka sebagai tanda penghargaan. Sesi bergambar turut diadakan sejurus ketibaan bagi mengabadikan momen istimewa tersebut. Program diteruskan dengan sesi perkongsian ilmu bersama para pelajar. Pada awalnya, pelajar kelihatan agak bimbang kerana menyangka lebah kelulut mampu menyengat mereka. Namun setelah diberikan penjelasan, mereka kembali tenang dan sesi dapat diteruskan dengan lancar.

Antara perkongsian yang dibuat termasuklah jenis lebah kelulut yang dijaga di tapak, pemakaian yang sesuai ketika menuai madu, penerangan tentang koloni lebah bersarang, serta demonstrasi cara menuai madu. Para pelajar juga diberi peluang untuk merasai sendiri madu asli yang diambil terus daripada log lebah kelulut. Kebanyakan mereka menyatakan rasa seronok dengan pengalaman tersebut, walaupun ada sedikit rasa tidak selesa disebabkan cuaca panas. Secara keseluruhannya, mereka kelihatan gembira dan menikmati setiap aktiviti yang dijalankan.

Bagi memeriahkan lagi lawatan ini, AJK Laksamana Nektar telah menyediakan jeli kelapa sebagai hidangan ringan ketika rombongan hendak berangkat pulang. Sekitar jam 12.30 tengah hari, rombongan memohon diri untuk meneruskan perjalanan mereka mengikut jadual yang telah ditetapkan.









e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MAJLIS PENGHARGAAN MANTAN JAWATANKUASA PASCASISWAZAH

Nurhazirah Mohamad Yunos, Dr. Nur Syamilah Arifin,
Dr. Nur Farhana Mohd Yusof

Bagi menghargai jasa dan sumbangan mantan Jawatankuasa Pascasiswazah, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, satu majlis jamuan penghargaan telah diadakan pada 16 Jun 2025 bertempat di Al Khalifa Restoran pada jam 12.15 tengah hari.

Majlis ini telah dihadiri oleh seramai tujuh orang pensyarah, khusus untuk meraikan mantan jawatankuasa yang telah bertungkus lumus menjayakan pelbagai program sepanjang tempoh kepimpinan Dr. Suhadiyana Hanapi sebagai Koordinator Pascasiswazah. Usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh barisan jawatankuasa terdahulu amat dihargai kerana telah memberi impak positif kepada kecemerlangan program pascasiswazah.

Selain itu, majlis ini turut menjadi simbolik peralihan kepimpinan apabila Dr. Suhadiyana Hanapi bakal menamatkan jawatan sebagai Koordinator Pascasiswazah dan digantikan dengan Dr. Farhana Mohd Yusof. Dalam majlis yang sama, turut disampaikan penghargaan kepada Cik Nurhazirah Mohamad Yunos dan Dr. Azizul Hakim Samsudin yang telah menamatkan jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Pascasiswazah. Sumbangan mereka sepanjang berkhidmat dalam jawatankuasa amat bermakna dan telah banyak membantu melancarkan pelaksanaan pelbagai program.

Para hadirin turut mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti yang telah dicurahkan serta mendoakan kejayaan semua mantan jawatankuasa pada masa hadapan.

Majlis berakhir dengan suasana penuh mesra dan ukhuwah, menandakan penghargaan tulus kepada mereka yang telah banyak menyumbang dalam menjayakan agenda pascasiswazah.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

LAPORAN PROGRAM POSTGRADUATE COLLOQUIUM @UiTMCJ (SAINS SOSIAL)


Siti Afiqah Mohammad, Farah Suraya Md Nasrudin, Shafaruniza Mahadi


Program *Postgraduate Colloquium @ UiTMCJ* telah dianjurkan oleh Pusat Pengajian Siswazah (PPS), UiTM Cawangan Johor pada 18 Julai 2025 secara dalam talian. Program ini merupakan salah satu inisiatif PPS untuk membantu para pelajar pascasiswazah mengukuhkan kajian penyelidikan mereka di samping berperanan sebagai kaedah penilaian kemajuan pelajar mod penyelidikan bagi semester ini. Bagi memastikan pelaksanaan lebih sistematik, setiap pelajar diwajibkan menyediakan rakaman video pembentangan yang dimuat naik ke *YouTube*, merangkumi penerangan keseluruhan kajian penyelidikan serta perincian *Gantt Chart* pencapaian kajian. Video tersebut dinilai oleh panel pakar bidang yang dilantik, manakala sesi colloquium dilaksanakan dalam bentuk soal jawab secara langsung antara pelajar dan panel penilai.

Objektif utama program ini adalah untuk membantu pelajar pascasiswazah UiTM Cawangan Johor menghasilkan penyelidikan yang berkualiti, selain memanfaatkan kepakaran akademia dalaman sebagai panel penilai bagi memberikan panduan, komen dan maklum balas membina. Program ini juga bertujuan memantapkan cadangan penyelidikan pelajar di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah, di samping mempersiapkan mereka untuk menghadapi *Defence of Research Proposal (DRP)* dan *Viva Voce*. Secara tidak langsung, ia berfungsi sebagai mekanisme pemantauan oleh PPS dan penyelia terhadap perkembangan akademik pelajar.

Di kampus Segamat, penganjuran program ini melibatkan penyertaan seramai 33 orang pelajar pascasiswazah UiTM Cawangan Johor daripada bidang Sains Sosial iaitu Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Perakaunan, Akademi Pengajian Bahasa dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari . Setiap pelajar menerima komen dan cadangan penambahbaikan yang merangkumi aspek metodologi, kerangka teori, analisis data serta kesesuaian topik dengan isu semasa. Maklum balas yang diberikan membolehkan pelajar memperkemaskini penyelidikan mereka agar lebih terarah, relevan dan berimpak tinggi.

Secara keseluruhannya, *Postgraduate Colloquium @ UiTMCJ* telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan iaitu meningkatkan kualiti penyelidikan pelajar, memperkukuh keyakinan mereka dalam pembentangan akademik serta membantu mereka membuat penambahbaikan sebelum melalui *DRP* dan *Viva Voce*. Program ini memberi impak positif bukan sahaja kepada pembangunan akademik pelajar tetapi juga kepada pengukuhan ekosistem penyelidikan di UiTM Cawangan Johor sebagai sebuah kampus yang berdaya saing dan menyumbang kepada kecemerlangan ilmu di peringkat nasional dan antarabangsa.









e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM UiTMCJ'S A+ RESEARCH PROPOSAL MODULE SESI MAC – OGOS 2025

Siti Afiqah Mohammad, Nurul Azlin Azmi, Farah Suraya Md Nasrudin


Program UiTMCJ's A+ Research Proposal Module (Mac – Ogos 2025) anjuran Pusat Pengajian Siswazah (PPS), UiTM Cawangan Johor telah dilaksanakan sebagai inisiatif memperkukuh kompetensi pelajar pascasiswazah dalam menyediakan cadangan penyelidikan serta menghadapi *Defence of Research Proposal* (DRP). Program ini dijalankan dalam dua siri secara dalam talian melalui platform Google Meet.


Siri I telah berlangsung pada 23 Mei 2025 dengan tiga slot utama. Slot pertama bertajuk *DRP Ready: Ethics Submission* disampaikan oleh Dr. Basri Badyalina yang memberi pencerahan tentang kepentingan etika penyelidikan dan tatacara permohonan. Slot kedua, *DRP Ready: Uptracks Submission for DRP* oleh Cik Khadijah Amira Abdul Rashid, memberi panduan teknikal mengenai sistem Uptracks untuk urusan penyerahan cadangan penyelidikan. Seterusnya, slot ketiga bertajuk *Winning Strategies for a Successful DRP* yang dikendalikan oleh Dr. Farah Suraya Md Nasrudin menekankan strategi berkesan dalam penulisan cadangan serta persediaan menghadapi pembentangan DRP.

Siri II iaitu *Mock Defence of Research Proposal* pula telah diadakan pada 13 Jun 2025. Dalam sesi ini, setiap peserta diberi peluang membentangkan cadangan penyelidikan masing-masing di hadapan panel penilai berpengalaman yang terdiri daripada pensyarah – pensyarah UiTM. Sesi ini bukan sahaja memberi ruang untuk latihan pembentangan, malah peserta menerima maklum balas membina yang membantu memperbaiki struktur, metodologi, serta kejelasan cadangan mereka sebelum melalui DRP sebenar.

Seramai 16 pelajar pascasiswazah telah mengambil bahagian dalam Siri I dan 8 pelajar pascasiswazah telah menyertai Siri II. Berdasarkan maklum balas peserta, program ini memberi manfaat yang besar terutamanya dari segi kefahaman tentang keperluan etika penyelidikan, kemahiran teknikal penggunaan sistem Uptracks, strategi penulisan cadangan berkualiti, serta keyakinan ketika membentangkan penyelidikan. Secara keseluruhannya, UiTMCJ's A+ Research Proposal Module berjaya mencapai objektif penganjuran iaitu meningkatkan kualiti penyelidikan pelajar pascasiswazah, memperkukuh budaya akademik penyelidikan di UiTM Cawangan Johor, serta memastikan pelajar lebih bersedia untuk menghadapi DRP dan seterusnya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.









e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA AKADEMIK DAN UMUM

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

HOW MOBILE OPERATING SYSTEMS COMPETE FOR USER LOYALTY ?

Palaniappan Shamala, Muruga Chinniah, Suguna A/P Olakanathan

Mobile operating systems have become essential to our digital lives in the rapidly changing world of technology, impacting our ability to communicate, collaborate, and have fun. The competition between mobile OS providers is getting more intense as users demand more innovative features and seamless experiences. In order to stand out in the crowded market, this study explores how popular platforms like iOS and Android compete for users' loyalty.

The primary concern of this issue is the developer's intent to explore various strategies to attract and retain users loyal to their operating system. The company needs to update and enhance its operating system while addressing users regarding usability, privacy, and robust security. Developers need to focus more on improving ecosystem integration, as Apple provides a suite of products and services designed to work together, including the iPhone, iPad, Mac, and Apple Watch, whereas Google offers Google Drive and Google Photos. The developer needs to counteract this problem so that they can attract more users to their brand or device. User loyalty in the context of mobile operating systems refers to the ongoing commitment of customers that consistently choose a specific brand or service over other competitors. Key aspects of user loyalty include repeat purchases by the same customer for the same brand because of the satisfaction and trust. Feedback and participation are also two of the key aspects for user loyalty because loyal users often provide feedback and participate in surveys to share their feedback publicly. This will help other people know the pros and cons of the product they choose.

Many people are aware of the rivalry between Apple and Android. They compete to become the giant in the technology market. They attract users through ecosystem integration, which includes features like Apple Pay that allow Apple users to pay by simply waving their phones. Meanwhile, Android includes Google Photos to assist users in saving old pictures that they might have forgotten. In terms of performance, IOS stands out for its efficient resource management that provides users with a smooth experience. Alternatively, a number of manufacturers use the Android OS, which allows for greater customization to meet users' needs.

Android seems to dominate the global market because the OS is open-source, and almost all phone manufacturers, like Samsung, Oppo, and Vivo, use Android OS as their primary operating system for their manufactured products. iOS, on the other hand, is only limited to Apple devices. For user retention rates, Android has an 89% to 91% customer retention rate, whereas iOS has a customer retention rate of 85% to 88%. This shows that even though iOS has a strong ecosystem, Android has slightly higher user retention rates than iOS. However, developers who release their apps on the App Store tend to generate more income compared to Google Play.

The competition between mobile operating systems like Android and iOS will continue in the future, and users will decide for themselves which one to use based on their preferences. But users must be careful and smart when choosing an OS, as all functions will involve their personal data. The bad operating system will cause user information to leak to other parties. Users need to carefully evaluate each system’s security features, keep up with privacy policies, and keep the security updated to the latest version.

PELAJAR BIJAK, SENTIASA SELAMAT

Noraisyah Abdl Aziz, Ts. Dr. Rashidah Mokhtar, Noor Syazana Ngarisan

Dalam misi membanteras jenayah siber yang kian meningkat, pelajar seharusnya diberikan panduan, nasihat dan peringatan agar mereka sentiasa peka dengan isu keselamatan. Berhati-hati dalam berkongsi maklumat di media sosial, pastikan ianya sahih dari sumber yang dipercayai. Pelajar juga perlu berfikir dahulu sebelum menaip kerana jari mungkin lebih tajam dari lidah.

Fikir kesan jangka panjang untuk diri, keluarga dan masa depan anda. Jangan sebar berita yang masih kurang pasti kebenarannya kerana ia mampu mewujudkan suasana panik, mencemar imej organisasi dan menggugat keselamatan umum. Untuk persekitaran siber yang harmoni, sebarkan positiviti.

Amalkan etika siber sewaktu melayari laman maya dengan kekal positif, berhemah dan saling menghormati. Jadi pengguna siber yang berhemah, sentiasa berwaspada dan segera melaporkan sekiranya terdapat kandungan yang tidak berfaedah.

Ketagihan internet di kalangan pelajar juga harus dibendung agar mereka tidak menjadi mangsa. Pelajar haruslah mengawal pengurusan masa skrin bagi membentuk tabiat positif dalam kehidupan seharian dan belajar menggunakan masa dengan bijak. Pelajar perlu menggunakan internet secara berhemah bagi mengelakkan pelajar dari terjebak menjadi mangsa salah laku internet. Teknologi mampu membantu urusan sehari menjadi lebih mudah sekiranya dimanfaatkan dengan sebaiknya. Sekiranya pelajar menghadapi ancaman atau insiden keselamatan siber, laporkan ke Pusat Rujukan Insiden Siber Cyber999 samada melalui telefon, email atau Aplikasi Cyber999.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ARTIFICIAL INTELLIGENCE IN CYBERSECURITY: A MYTH OR REALITY?

Ts. Ahmad Kamalrulzaman Othman, Yusnita Sokman

Artificial Intelligence (AI) is often painted as the next big weapon in the fight against cybercrime. Some believe it will revolutionise security, while others dismiss it as just another passing buzzword. The truth, as usual, sits somewhere in between. Cybersecurity has always been a race between attackers and defenders. Traditional tools rely on fixed rules, which makes them predictable and easy to bypass. AI changes the game slightly because it can learn what "normal" looks like in a system and flag anything that doesn't fit. For example, it might detect a suspicious login or an unusual file transfer that would otherwise slip under the radar. This ability to adapt makes it attractive to security teams already drowning in data.

However, it would be naive to treat AI as a miracle cure. These systems can be fooled, especially if attackers deliberately feed them with misleading information. They also generate plenty of false alarms, which can overwhelm analysts instead of helping them. And without solid, high-quality data to train on, their accuracy quickly drops. At the end of the day, technology alone can't replace human judgement. Despite the caveats, AI is already woven into many everyday security tools. It powers spam filters, scans for phishing attempts, and helps analysts spot patterns faster. The most effective use of it isn't about replacing human labour but about working alongside them—letting machines handle the repetitive, heavy lifting so experts can focus on strategy and decision-making.

What often gets overlooked in this debate is the role of people. Cybersecurity is not just about detecting threats; it's also about responding to them wisely. AI can trigger an alarm, but only a trained professional can decide whether that alarm signals a real danger or just background noise. Hackers, after all, are human too—and they thrive on creativity and unpredictability. Meeting them head-on requires a combination of automated efficiency and human intuition. As cyber threats continue to grow more complex, the role of AI will only expand. But its future depends less on flashy promises and more on practical integration. The organisations that succeed will be the ones that treat AI as a tool, not as a solution in itself. By combining its speed with human judgement, they can create a defence strategy that is both flexible and resilient, something neither side could achieve alone.

There's also a wider conversation about what happens when AI itself becomes the target. Cybercriminals are already experimenting with AI to build smarter attacks, from deepfake scams to automated malware that can adapt on the fly. This raises serious questions: can we trust AI systems if attackers are working just as diligently to corrupt them? The race is no longer just humans versus machines, but machines on both sides learning from each other. That reality makes strong oversight and ethical use of AI in security more important than ever. So, is AI in cybersecurity a myth or reality? It's real, but not in the dramatic sense often promised. It isn't an all-knowing guardian, but it does provide an edge. The real progress comes from combining smart tools with skilled professionals, not from expecting the technology to win the battle on its own.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

AI SEBAGAI KOMPOSER: ANTARA TEKNOLOGI DAN SENI

Nur Aina Khadijah Adnan, Nor Fauziah Abu Bakar, Norharziana Yahaya Rashdi

Dunia muzik telah lama mengalami transformasi digital bermula daripada pita kaset ke penstriman atas talian. Kini, AI muncul sebagai pemain baharu dalam arena penciptaan lagu. Dengan hanya beberapa klik, pengguna boleh menghasilkan muzik mengikut genre, emosi, atau tempo yang diingini. Dari jazz ke lo-fi, pop ke klasik, AI mampu menjana semuanya.

Syarikat seperti OpenAI, Google, dan pelbagai syarikat pemula (startup) dalam bidang muzik telah memperkenalkan sistem yang mampu menggubah muzik berdasarkan data lagu-lagu terdahulu. Teknologi ini bukan sekadar mainan, ia digunakan dalam iklan, filem pendek, malah kandungan media sosial.

Kelebihan AI dalam penggubahan muzik tidak boleh dinafikan. Ia menjimatkan masa, kos dan membolehkan sesiapa sahaja menghasilkan karya muzik walaupun tanpa pengetahuan teori muzik. Bagi pencipta kandungan, ini merupakan solusi pantas untuk mendapatkan muzik latar yang sesuai.

Namun, wujud satu persoalan penting, bolehkah AI memahami emosi manusia? Muzik bukan sekadar nota atau ritma. Ia adalah bahasa jiwa. Lagu yang menyentuh hati lahir daripada pengalaman, perasaan, dan intuisi. Ia adalah sesuatu yang masih sukar untuk dihayati oleh sebuah sistem tanpa roh.

Penggunaan AI sebagai komposer turut menimbulkan perdebatan dari segi hak cipta dan etika. Jika AI ‘belajar’ daripada ribuan lagu sedia ada, adakah ia dianggap menciplak? Dan siapakah pemilik sah kepada karya yang dijana oleh pembangun algoritma, pengguna, atau tiada sesiapa? Di sesetengah negara, undang-undang hak cipta masih kabur dalam isu ini. Ia memerlukan perbincangan lanjut antara pembuat dasar, seniman dan masyarakat.

Perkara yang paling penting untuk difahami ialah AI bukan musuh seni. Ia hanyalah alat, sama seperti kamera kepada jurugambar dan berus kepada pelukis. AI boleh menjadi ‘rakan kreatif’ kepada komposer manusia. Jika digunakan dengan bijak, ia mampu memperluaskan horizon kreativiti dan mempercepatkan proses berkarya.

Bayangkan seorang pemuzik menggunakan AI untuk mencipta asas lagu, lalu menyuntik elemen emosi, lirik, dan susunan berdasarkan kisah peribadinya. Hasilnya? Sebuah karya yang lahir daripada kerjasama antara otak manusia dan keupayaan digital.

Dunia muzik sedang berubah, dan AI adalah sebahagian daripada perubahan itu. Namun satu perkara tetap kekal: jiwa manusia dalam muzik tetap tiada ganti. Selagi kita masih menyentuh nada dengan hati, AI akan terus menjadi alat—bukan pengganti.

“Teknologi hebat bukan untuk menggantikan manusia, tetapi untuk memperkuatkan kemanusiaan.”



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ASAS SENI BELADIRI TANGAN KOSONG SIRI 3: TEKNIK LATIHAN TEMPUR TANPA SENJATA

Ts. Ahmad Kamalrulzaman Othman, Yusnita Sokman

Ceramah Asas Seni Beladiri Tangan Kosong (Siri 3) yang berlangsung di Unit Sukan, UiTM Johor telah membuka ruang kepada mahasiswa kokurikulum Part 1 untuk memahami asas pertahanan diri melalui pendekatan Tempur Tanpa Senjata (TTS). Latihan yang dikendalikan oleh Mejar Ts. Ahmad Kamalrulzaman Bin Othman menekankan penguasaan teknik asas tangan kosong, termasuk kawalan imbangan tubuh, saluran tenaga, serta keberanian berdepan ancaman. Kaedah praktikal seperti tumbukan menggunakan *punching bag* dan simulasi serangan bersenjata dengan kayu tiruan telah menjadikan sesi ini lebih interaktif. Mahasiswa bukan sahaja berpeluang mempelajari gerakan asas, malah diuji mengawal emosi ketika berdepan simulasi, sekali gus melatih keyakinan dan daya tahan dalam situasi tegang.

Secara keseluruhannya, pendekatan TTS terbukti berkesan sebagai modul pembangunan sahsiah yang seimbang kerana merangkumi aspek teknikal, kawalan psikologi, serta disiplin kendiri. Walaupun tahap penguasaan mahasiswa masih pada peringkat asas, pemerhatian menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi ketepatan tumbukan, kekuatan tendangan, serta keberanian menghadapi simulasi ancaman.

Hal ini jelas membuktikan bahawa TTS bukan sahaja penting sebagai latihan fizikal, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan mental dan emosi mahasiswa. Justeru, pendedahan seperti ini wajar diteruskan dan diperluaskan dalam konteks pendidikan tinggi agar dapat melahirkan graduan yang berilmu, berdisiplin, serta bersedia menghadapi cabaran dunia nyata dengan keberanian dan ketahanan diri.

Kesimpulannya, pendekatan TTS yang diaplikasikan dalam ceramah ini menekankan keseimbangan antara aspek teknikal, kawalan psikologi, dan prinsip pedagogi. Walaupun keberkesanannya masih berada pada tahap asas, pencapaian yang ditunjukkan membuktikan potensi besar kaedah ini sebagai modul pembangunan sahsiah serta ketahanan diri mahasiswa. Justeru, modul seumpama ini wajar diperluaskan lagi dalam konteks pendidikan tinggi kerana bukan sahaja melatih kekuatan fizikal, malah turut menyumbang kepada pembinaan keperibadian, disiplin kendiri, serta daya tahan pelajar dalam menghadapi cabaran dunia nyata



Gambar 1: Sesi demonstrasi teknik lapis pukul dan tumbukan pada lawan



Gambar 2: Sesi gerakan jurus asas Tempur Tanpa Senjata (TTS)



Gambar 3: Sesi bergambar bersama semua peserta pelajar Kokurikulum Part 1

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BENARKAH '*SHARING IS CARING*'?

Noor Syazana Ngarisan, Noraisyah Abdl Aziz, Nur Afriza Baki

Dalam era digital masa kini, fenomena perkongsian rakaman video sesi pengajaran oleh para guru melalui pelbagai platform media sosial semakin mendapat perhatian. Amalan ini dilakukan sama ada dengan memuat naik rakaman sedia ada atau melalui siaran langsung. Sebahagian rakaman hanya menampilkan guru sebagai subjek utama, manakala sebahagian yang lain turut memperlihatkan wajah murid dalam pelbagai situasi, sama ada positif mahupun sebaliknya.

Fenomena ini menimbulkan beberapa persoalan penting. Antaranya, adakah amalan tersebut telah dianggap lumrah dan diterima tanpa bantahan oleh masyarakat? Apakah rakaman yang dipaparkan benar-benar mencerminkan realiti pengajaran, atau sekadar persembahan untuk tontonan umum? Lebih signifikan, adakah kebenaran ibu bapa telah diperoleh sebelum wajah anak-anak mereka disebarkan secara terbuka kepada khalayak?

Tidak dapat dinafikan bahawa perkongsian sebegini mempunyai sisi positif. Sebagai contoh, kandungan pengajaran yang dirakam boleh dijadikan sumber rujukan, manakala kaedah pedagogi kreatif yang ditampilkan dapat dimanfaatkan oleh guru lain. Walau bagaimanapun, aspek negatif turut perlu diberi perhatian. Antaranya termasuk kemungkinan berlakunya peralihan fokus guru daripada memberi tumpuan penuh kepada murid kepada aspek penjanaan kandungan media sosial. Di samping itu, kesedaran murid bahawa mereka sedang dirakam mungkin menimbulkan rasa segan atau malu, sekali gus menghalang interaksi pembelajaran yang berkesan.

Secara keseluruhannya, fenomena ini mempunyai implikasi yang wajar dipertimbangkan secara serius. Amalan perkongsian di alam maya sememangnya berpotensi memperkayakan sumber pendidikan, namun pada masa yang sama boleh menimbulkan risiko yang tidak diingini. Justeru, suatu garis panduan yang jelas perlu dirangka oleh pihak berkuasa pendidikan bagi mengimbangi manfaat dan cabaran yang timbul. Hal ini penting agar sistem pendidikan negara tidak dipandang remeh, malah kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat terus diperkukuh sejajar dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BIAR KECIL, BIAR KRITIS: RAHSIA ANAK BIJAK BERFIKIR

Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak, Haslenda Yusop, Norlina M. Ali

Pemikiran kritis merupakan salah satu kemahiran hidup (*life skill*) yang penting dalam pembentukan jati diri individu. Kemahiran ini sebenarnya bermula sejak di rumah lagi melalui perbualan harian bersama anak-anak, seawal usia yang mungkin. Pada peringkat ini, anak-anak lazimnya gemar mengajukan pelbagai soalan yang dianggap pelik oleh orang dewasa. Namun demikian, ibu bapa tidak seharusnya memberikan jawapan yang bersifat menutup peluang anak untuk terus bertanya. Hal ini kerana setiap soalan yang diajukan merupakan peluang keemasan untuk memupuk kebolehan berfikir secara kritis.

Sekiranya ibu bapa mampu memanfaatkan ruang tersebut, anak-anak bukan sahaja memperoleh jawapan, malah dapat melatih otak mereka untuk terus berfikir. Proses ini sekaligus membantu melahirkan anak-anak yang bijak serta berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Para penerima Anugerah Nobel di Barat misalnya menekankan kaedah mendidik anak-anak melalui keberanian bertanya soalan yang pelbagai. Berfikir secara kritis lahir daripada kebiasaan bertanya, sama ada kepada ibu bapa atau guru. Anak-anak yang berani bertanya bukan sekadar ingin mengetahui sesuatu perkara, tetapi juga sedang belajar mengurus andaian serta menilai pelbagai kemungkinan jawapan. Malangnya, terdapat segelintir ibu bapa yang menganggap sikap suka bertanya sebagai satu bentuk gangguan. Lebih membimbangkan apabila anak-anak diberi jawapan yang salah atau tidak tepat semata-mata untuk menghentikan soalan mereka.

Sebaliknya, ibu bapa perlu memberikan jawapan yang membuka perspektif lebih luas agar anak-anak dapat berfikir di luar kotak. Satu soalan yang diajukan mungkin mempunyai pelbagai jawapan. Oleh itu, apabila anak bertanya soalan secara bertubi-tubi, ibu bapa boleh membimbing mereka dengan mengemukakan soalan balas. Pendekatan ini dapat merangsang minda anak-anak untuk terus berfikir dan mencari jawapan secara lebih mendalam.

Seorang tokoh pendidikan pernah menegaskan bahawa dalam mendidik anak-anak, “kita perlu membaca dunia terlebih dahulu sebelum dunia membaca kita”. Ungkapan ini membawa maksud bahawa pendidikan anak-anak tidak seharusnya tertumpu kepada hafalan semata-mata, sebaliknya perlu melibatkan pemahaman konteks dan makna di sebalik sesuatu perkara. Jika anak-anak mempunyai pandangan yang berbeza daripada ibu bapa, mereka tidak seharusnya dimarahi atau ditolak mentah-mentah. Perkara ini penting bagi mengelakkan pemikiran anak terbantut. Sebaliknya, anak-anak wajar diberikan ruang untuk berkongsi pandangan mereka.

Perbezaan pendapat juga perlu diajar sebagai sesuatu yang wajar dihargai. Situasi ini boleh diibaratkan seperti warna-warna pelangi yang indah kerana kepelbagaian. Justeru, anak-anak perlu dilatih untuk menghargai pandangan orang lain dan memahami bahawa perbezaan pendapat tidak semestinya salah.

Selain itu, pemikiran kritis dapat dihubungkan dengan situasi dunia nyata. Misalnya, apabila anak menyatakan bahawa rakannya tidak hadir ke sekolah kerana malas, ibu bapa boleh memberikan perspektif alternatif dengan menyatakan bahawa rakannya mungkin tidak sihat. Tindakan ini mengajar anak supaya tidak cepat membuat tuduhan, sekali gus memupuk empati intelektual dalam diri mereka.

Refleksi diri juga merupakan hasil daripada pemikiran kritis. Dalam hal ini, ibu bapa disarankan supaya tidak terus memarahi anak apabila mereka melakukan kesalahan. Sebaliknya, ajukan soalan seperti apakah yang telah dilakukan, apakah kesan daripada tindakan tersebut, dan apakah cara yang lebih baik untuk diambil. Kaedah ini dapat membimbing anak menilai diri mereka sendiri serta membina keupayaan membuat keputusan secara matang.

Akhirnya, anak-anak akan mencontohi tindakan ibu bapa mereka. Jika ibu bapa mampu membimbing anak-anak berfikir secara kritis sejak kecil, mereka akan berkembang ibarat sepohon pokok yang akarnya kukuh. Hal ini membolehkan anak-anak menghadapi cabaran dunia moden dengan daya fikir yang tajam, sikap terbuka, dan kebijaksanaan yang seimbang.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BILA BUMI TIBA-TIBA BERGEGAR: APA PATUT KITA BUAT?

Nafisah Amin, Haslenda Yusop, Nor Fauziah Abu Bakar

Baru-baru ini, daerah Segamat menjadi tumpuan apabila berlaku gegaran gempa bumi berukuran 4.1 pada skala Richter. Walaupun tempohnya singkat dan tidak menyebabkan kerosakan besar, kejadian tersebut tetap menimbulkan panik dalam kalangan penduduk. Ada yang bertindak keluar dari kediaman secara tergesa-gesa, manakala sebahagian yang lain mengalami pening kerana pertama kali merasai gegaran seumpama itu.

Menurut laporan *The Star* (25 Ogos 2025), *"Segamat's 4.1-magnitude quake triggers panic among residents as homes rattled and some rushed outdoors for safety."* Peristiwa ini membuktikan bahawa sekalipun gegaran berskala sederhana, kesannya tetap signifikan terhadap kesejahteraan masyarakat.

Hakikatnya, gempa bumi merupakan fenomena alam yang berlaku tanpa sebarang amaran awal. Oleh itu, langkah persediaan sejak awal adalah sangat penting. Antara tindakan yang wajar diambil termasuk memastikan keselamatan struktur rumah, mengenal pasti kawasan lapang untuk dijadikan lokasi berkumpul, menyimpan nombor kecemasan, serta melatih ahli keluarga—khususnya kanak-kanak—tentang prosedur keselamatan ketika berlaku gegaran. Selain itu, setiap isi rumah disarankan menyediakan *survivor kit* yang mengandungi air minuman, makanan tahan lama, lampu suluh, power bank, radio mudah alih, ubat-ubatan asas, serta salinan dokumen penting. Kit tersebut hendaklah disimpan di lokasi yang mudah dicapai, bukan di tempat yang tersorok.

Persediaan awal amat penting kerana mencari jalan keluar ketika cemas boleh mendatangkan risiko. Oleh itu, perancangan laluan selamat perlu dilakukan lebih awal, seumpama latihan kebakaran yang dilaksanakan di sekolah. Semasa gegaran berlaku, sekiranya berada di dalam rumah, individu disarankan berlindung di bawah meja yang kukuh atau berhampiran dinding yang kuat serta mengelakkan diri daripada kawasan berhampiran tingkap dan almari besar. Jika berada di luar, jauhkan diri daripada bangunan tinggi, tiang elektrik, dan pokok besar.

Portal *AsiaOne* turut menyiarkan rakaman CCTV yang jelas memperlihatkan bagaimana rumah, kenderaan, dan peralatan domestik bergoncang dalam tempoh beberapa saat sewaktu gegaran melanda Segamat. Situasi sebegini boleh berlaku secara tiba-tiba tanpa sebarang petanda awal.

Selepas gegaran, masyarakat diingatkan agar tidak segera memasuki bangunan kerana kemungkinan gegaran susulan boleh berlaku. Keadaan sekeliling perlu diperiksa terlebih dahulu dan bantuan hendaklah diberikan kepada mereka yang cedera. Paling utama, orang ramai perlu mematuhi arahan rasmi pihak berkuasa dan mengelakkan penyebaran maklumat yang tidak sahih.

Menurut pakar geologi yang dipetik *The Star*, kejadian ini *"signals need for stronger monitoring and better awareness, as even small quakes can cause structural issues if ignored."* Kenyataan ini menegaskan kepentingan pemantauan rapi dan kesedaran masyarakat, kerana gegaran kecil sekalipun berpotensi menjejaskan struktur binaan jika diabaikan.

Kesimpulannya, meskipun gempa bumi merupakan fenomena yang jarang berlaku di Malaysia, insiden di Segamat menjadi peringatan jelas bahawa masyarakat tidak boleh leka. Persediaan awal bukan sahaja dapat mengurangkan risiko, malah mampu menjadi penyelamat nyawa apabila bumi bergegar tanpa diduga.



Sumber : Facebook Malaysian Meteorological Department

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

EVOLUTION OF EVALUATION METHOD: FROM BINARY SYSTEM TO NEUTROSOPHIC SET

Prof. Madya Dr. Zamali Tarmudi

The transition of evaluation methods from binary system approaches to neutrosophic sets provides a significant and substantial shift in the context of evaluation of attributes. It addresses aspects of uncertainty, indeterminacy, and their consistency, particularly in complex decision-making scenarios. Binary systems only consider the fixed judgement in each evaluation, while the fuzzy sets focus on dealing with elements of uncertainty using membership functions. Furthermore, the neutrosophic set has introduced a broader framework and more reality that possesses memberships of truth, indeterminacy, and falsity. Thus, the theory of fuzzy sets (Zadeh, 1965) is seen as a starting point for new ideas reaching the pinnacle of evaluation methods, which have traditionally relied on a binary system.

The evaluation concept using a binary system such as 'yes-no', 'true-false', 'difficult-easy', etc., is indeed not accurate in describing certain matters. On the contrary, the categories in all three examples of evaluation above actually have different values than each other. Furthermore, this inaccuracy and/or uncertainty are corrected by fuzzy set theory, which describes a measurement using membership values between [0,1]. If the given value approaches 1, it indicates greater certainty, whereas if the value approaches 0, it indicates greater uncertainty. Therefore, the flexibility of values between [0,1] clearly provides a more detailed and accurate. Nevertheless, subsequent researchers have improved the evaluation process by incorporating a combination of membership values with non-membership values known as an intuitionistic fuzzy set (Atanassov, 1986). This method uses two components of membership value where the first component is the membership value and the second component is the non-membership value, with the condition that both component exceed 1.

A recent evaluation method is being developed and extended with Samarandache (1998) introducing a new theory known as neutrosophic set. This set theory uses three components of membership functions simultaneously in each assessment, namely truth, indeterminacy, and falseity. The combination of the three membership values encompassed in this theory is currently being rapidly studied by many researchers, particularly by doctoral students. The focus of this theoretical research is to further harmonize existing approaches by extending things such as the bipolar neutrosophic set (Deli et al., 2015) and the Pythagorean neutrosophic set (Radha et al., 2021). Based on the discussion, it can be concluded that introducing the latest evaluation methods is increasingly significant in terms of complex decision-making for daily requirements.

References

Zadeh L. A. (1965), Fuzzy sets. *Information and Contro*l, 8, 338 - 353.

Atanassov, K. (1986),. Intuitionistic fuzzy sets. *Fuzzy Sets and Systems*, 20(1), 87 - 96.

Samarandche, F. (1998). Neutrosophy: Neutrosophic probability, set, and logic, Analytic synthesis & anakysis. American Research Press.

Del, I., Ali, M. & Smarandache, F. (2015, August). Bipolar neutrosophic sets and their application based on multi-criteria decision-making problems. *International Conference on Advanced Mechatronic Systems*, 249 - 254.

Radha, R., Mary, A. S. A., Prema, R. & Broumi,S. (2021). “Neutrosophic Pythagorean Sets with Dependent Neutrosophic Pythagorean Components and its Improved Correlation Coefficients,” *Neutrosophic Sets Syst*., 46(I),77–86.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PROJEK KEK COKLAT: MENGUKIR SENYUMAN ANAK YATIM

Wan Nor Hafidzah Wan Mohd, Che' Khalilah Mahmood, PM Dr. Saunah Zainon

Kadang-kadang kita tidak sedar, sesuatu yang nampak kecil pada mata kita boleh jadi sangat besar dan bermakna untuk orang lain. Begitulah yang kami rasakan apabila menjalankan Projek Kek Coklat untuk anak-anak yatim baru-baru ini. Walaupun projek ini sederhana sahaja, ia berjaya mencipta momen penuh senyuman dan kegembiraan. Projek ini bermula dengan idea mudah – menyediakan kek coklat untuk dikongsi bersama anak-anak yatim. Tiada penajaan besar atau pasukan sukarelawan yang ramai. Semuanya diusahakan sendiri, daripada membeli bahan, menyediakan adunan, mengukus, sehinggalah menghias dan membungkus kek. Kami percaya, meskipun kecil, usaha ini akan membawa makna yang cukup istimewa buat mereka.

Kek coklat dipilih kerana ia adalah antara pencuci mulut kegemaran kanak-kanak. Rasa manis dan tekstur yang lembut sudah cukup untuk membuat hati mereka gembira. Tambahan pula, kami menyediakan setiap kek dalam bekas individu. Dengan cara ini, setiap anak-anak mendapat satu bekas khas untuk diri mereka sendiri. Niatnya mudah: biar mereka rasa dihargai dan diraikan secara peribadi. Proses menyediakan kek memang memerlukan sedikit tenaga dan masa, tetapi ia dilakukan dengan penuh rasa seronok. Bau harum coklat yang memenuhi ruang dapur membuatkan kami semakin bersemangat menyiapkan semuanya. Saat selesai membungkus setiap bekas kek, ada rasa puas hati kerana kami tahu hasil usaha itu bakal menceriakan hari anak-anak yatim.

Ketika kami membawa kek-kek tersebut ke rumah kebajikan dan menyerahkannya kepada anak-anak yatim, reaksi mereka benar-benar menyentuh hati. Wajah polos yang berseri-seri, mata yang bercahaya, serta senyuman tulus mereka menjadikan segala penat lelah terasa sangat berbaloi. Ada yang terus membuka bekas dan menikmati kek di depan kami dengan penuh keterujaan. Saat itu, kami sedar bahawa hadiah sekecil sepotong kek pun mampu mencipta kebahagiaan yang besar. Bagi kami, projek ini bukan hanya tentang memberi makanan. Ia tentang menyampaikan mesej bahawa mereka tidak dilupakan, bahawa ada orang di luar sana yang ingin berkongsi rasa kasih dan perhatian. Walaupun sederhana, ia menjadi tanda bahawa mereka disayangi dan dihargai.

Pengalaman ini turut mengingatkan kami bahawa memberi tidak memerlukan sesuatu yang mewah atau mahal. Apa yang penting adalah keikhlasan hati. Walaupun hanya dengan sebekas kecil kek coklat, ia mampu membawa senyuman yang sukar digambarkan dengan kata-kata. Kesimpulannya, Projek Kek Coklat ini mungkin kecil pada skala, tetapi besar pada makna. Ia mengajar kami untuk lebih menghargai nikmat memberi, dan pada masa yang sama, menyemai rasa syukur dalam diri. Melihat senyuman anak-anak yatim adalah hadiah paling indah buat kami. Semoga selepas ini, lebih banyak projek kecil seperti ini dapat dilakukan kerana ternyata, hal-hal yang sederhana pun mampu mengukir kebahagiaan yang luar biasa.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KEMAHIRAN INSANIAH KUNCI KEJAYAAN PENSYARAH MODEN

Nor Fauziah Abu Bakar, Nur Aina Khadijah Adnan, Norharziana Yahaya

Menjadi seorang pensyarah merupakan satu perjalanan yang menuntut dedikasi, kreativiti serta semangat untuk terus menimba ilmu. Tugas pensyarah tidak terbatas kepada berdiri di hadapan kelas dan menyampaikan pengetahuan semata-mata, sebaliknya ia adalah tanggungjawab yang penuh dengan cabaran dalam dunia akademik yang semakin dinamik. Keupayaan mengajar sahaja tidak memadai untuk menjadikan seseorang pensyarah berjaya. Sebaliknya, pensyarah perlu memiliki kemahiran insaniah atau *soft skills* yang mantap bagi membolehkan mereka berinteraksi secara berkesan dengan pelajar, rakan sejawat, serta pihak pengurusan universiti. Kemahiran ini bukan sahaja menyokong proses pengajaran, tetapi juga berperanan dalam membina suasana pembelajaran yang positif, inklusif dan kondusif.

Antara kemahiran insaniah yang utama ialah kemahiran komunikasi. Komunikasi yang berkesan menjadi asas dalam penyampaian ilmu agar konsep dan isi pengajaran dapat difahami dengan jelas oleh pelajar. Pensyarah yang mahir dalam berkomunikasi mampu mendengar secara aktif, memberikan maklum balas yang konstruktif serta menyesuaikan gaya penyampaian mengikut tahap dan keperluan pelajar.

Selain itu, empati dan kepekaan emosi turut menjadi elemen penting dalam menjalin hubungan yang baik antara pensyarah dan pelajar. Kefahaman terhadap cabaran serta tekanan yang dihadapi pelajar membolehkan pensyarah menyesuaikan pendekatan pengajaran serta bimbingan dengan lebih berkesan. Pada masa yang sama, keupayaan pensyarah mengurus emosi diri amat penting, khususnya dalam menghadapi situasi yang memerlukan kesabaran, kebijaksanaan, dan profesionalisme.

Kemahiran bekerja dalam pasukan juga semakin kritikal dalam konteks universiti moden. Pensyarah bukanlah berfungsi secara bersendirian, sebaliknya terlibat secara aktif dalam penyelidikan, pembangunan kurikulum, dan pelbagai aktiviti akademik yang memerlukan kerjasama. Justeru, keupayaan untuk bekerjasama, menghargai pandangan orang lain, serta menangani konflik secara matang adalah ciri kemahiran insaniah yang signifikan.

Di samping itu, kepimpinan dan motivasi diri memainkan peranan penting dalam membentuk budaya akademik yang progresif. Pensyarah yang mampu memimpin kelas, memberi inspirasi kepada pelajar, serta mengurus tanggungjawab akademik dengan cekap akan meninggalkan impak yang lebih mendalam terhadap proses pembelajaran. Menyedari kepentingan aspek ini, universiti termasuk Universiti Teknologi MARA (UiTM) semakin menitikberatkan pembangunan kemahiran insaniah pensyarah melalui pelbagai latihan, bengkel, dan program pembangunan profesional. Usaha ini dilaksanakan bagi memperkukuh kecekapan komunikasi, kepimpinan, empati, dan kebolehan bekerjasama dalam kalangan warga akademik.

Secara keseluruhannya, penguasaan kemahiran insaniah bukan sahaja memberi manfaat kepada pensyarah dari sudut profesional, malah turut memperkaya perkembangan diri secara peribadi. Ia berupaya meningkatkan keyakinan diri, memperkukuh hubungan interpersonal, serta mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif dan menyokong. Dengan kemahiran insaniah yang kukuh, pensyarah bukan sahaja dapat menghadapi cabaran akademik dengan lebih yakin, malah mampu membimbing pelajar dengan lebih efektif serta menyumbang ke arah pembangunan komuniti akademik yang harmoni dan berkualiti.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KENALI DIRI LEBIH DALAM DENGAN KKDI: UJIAN PERSONALITI YANG MENARIK

Nor Fauziah Abu Bakar, Norlina M.Ali, Haslenda Yusop

Setiap individu mempunyai cara tersendiri dalam berfikir, bertindak, dan berinteraksi dengan persekitaran. Pemahaman terhadap diri sendiri bukan sahaja membantu seseorang membuat pilihan yang lebih tepat, malah memudahkan proses menjalin hubungan dengan keluarga, rakan sekerja dan sahabat handai. Dalam era dunia yang semakin kompleks, kemampuan mengenali keunikan diri menjadi kunci kepada kehidupan yang lebih harmoni, seimbang, dan bermakna.

Salah satu kaedah moden yang kian mendapat perhatian ialah **Kamalia Kamal Development Indicator (KKDI)**, iaitu sebuah sistem penilaian personaliti yang dibangunkan oleh Kamalia Kamal, seorang kaunselor berpengalaman. KKDI mengklasifikasikan personaliti manusia kepada enam karakter utama, iaitu ***Eagle, Swan, Woody Wood Pecker, Penguin***, ***Mamalion***, dan ***Honeybee***. *Eagle* menggambarkan individu yang tangkas, cekap dan berorientasi tindakan, manakala *Swan* menonjolkan sifat cermat, penyabar dan peka terhadap perasaan orang lain. *Woody Wood Pecker* pula melambangkan semangat tinggi, konsistensi dan kepantasan dalam bertindak manakala *Penguin* mewakili empati, sifat penyayang dan peduli terhadap persekitaran sosial. *Mamalion* menandakan keberanian dan prinsip teguh sementara *Honeybee* menggambarkan sifat sosial, bersemangat dan kemampuan bekerjasama. Setiap individu lazimnya mempunyai satu personaliti dominan yang memberikan gambaran jelas tentang cara seseorang berinteraksi dengan dunia sekeliling.

Melalui ujian KKDI, individu dapat menilai dan menyedari kekuatan serta potensi diri, di samping memahami kelemahan yang wajar diperbaiki. Pengetahuan ini bukan sahaja dapat membantu menyesuaikan gaya interaksi dengan orang lain, malah turut membina hubungan yang lebih harmoni. Dalam konteks kerjaya, khususnya kerja berpasukan, kefahaman terhadap personaliti rakan sekerja berupaya meningkatkan tahap kerjasama dan produktiviti. Manakala dalam kehidupan peribadi, ia membantu seseorang membuat keputusan dengan lebih bijaksana serta memperkukuhkan keyakinan diri.

Proses pelaksanaan ujian KKDI juga amat mudah kerana boleh dilakukan secara dalam talian melalui laman sesawang rasmi KKDI. Setelah ujian diselesaikan, peserta akan menerima profil personaliti lengkap. Bagi individu yang ingin mendalami kefahaman secara lebih menyeluruh, terdapat pelbagai sumber tambahan seperti kelas, buku, dan sesi konsultasi yang ditawarkan bagi membantu memahami karakter diri dan interaksi sosial dengan lebih mendalam.

Secara keseluruhannya, KKDI bukan sekadar ujian personaliti biasa. Ia merupakan instrumen psikologi yang membantu individu melihat diri daripada perspektif yang lebih luas serta memahami orang lain dengan lebih mendalam. Lebih daripada sekadar pengenalan jenis personaliti, KKDI berperanan sebagai panduan untuk membina versi terbaik diri, memperkukuh hubungan positif, serta meningkatkan keyakinan dalam membuat keputusan. Dengan memahami diri melalui KKDI, seseorang bukan sahaja dapat mengenali kekuatan dan potensi diri, tetapi turut belajar menghargai keunikan individu lain dalam kehidupan bermasyarakat.





e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KUASA KREATIVITI DIGITAL DENGAN MIT APP INVENTOR

Norharziana Yahaya Rashdi, Nur Aina Khadijah Adnan

Di era digitalisasi ini, teknologi menjadi nadi utama dalam kehidupan seharian kita, sama ada dalam bidang pendidikan, pekerjaan, mahupun hiburan. Permainan digital, sebagai salah satu produk teknologi, semakin mendapat tempat di hati pelajar dan golongan muda.

Nama-nama permainan popular seperti Subway Surfers, Angry Birds atau Flappy Bird tidak asing lagi, malah pernah menjadi fenomena global. Pernahkah anda terfikir bagaimana permainan seperti ini dihasilkan? Ianya memerlukan gabungan idea yang kreatif, perancangan yang teliti, serta pengetahuan teknikal bagi memastikan permainan tersebut mampu berfungsi dengan baik seperti yang dirancang.

Menariknya kini, dengan MIT App Inventor, sesiapa sahaja boleh melangkah daripada sekadar seorang pemain kepada seorang pencipta permainan. MIT App Inventor merupakan sebuah platform pembangunan aplikasi mudah alih yang diperkenalkan oleh Massachusetts Institute of Technology (MIT). Ia merupakan aplikasi pembangunan mudah alih yang mesra pengguna, sesuai untuk pelajar dan individu yang tidak mempunyai asas pengaturcaraan. . MIT App Inventor menggunakan konsep blok seret dan lepas (drag-and-drop) yang mudah difahami. Dengan cara ini, sesiapa sahaja boleh membina aplikasi atau permainan interaktif sendiri tanpa perlu menguasai bahasa pengaturcaraan yang rumit.

Membina permainan melalui MIT App Inventor bukan sahaja menyeronokkan, malah melatih pemikiran logik, kreativiti dan penyelesaian masalah. Sebagai contoh, permainan mudah seperti “Flappy Bird” boleh dihasilkan dengan menggabungkan blok pergerakan, halangan, dan sistem markah. Pelajar boleh menambah baik permainan itu dengan meletakkan tahap kesukaran berbeza, kesan bunyi, dan lain-lain. Aplikasi dan permainan yang dibangunkan melalui MIT App Inventor boleh diuji secara terus di telefon pintar Android, sekaligus menjadikan proses pembelajaran lebih praktikal.

Jika sebelumnya seseorang pelajar itu menghabiskan masa berjam-jam untuk bermain, kini mereka boleh menggunakan masa tersebut untuk menghasilkan permainan sendiri. Lebih menarik, permainan itu boleh dikongsi bersama rakan-rakan, dimuat naik ke internet, bahkan dijadikan asas kepada perniagaan kecil. Bayangkan, permainan yang bermula sebagai projek kecil dapat berkembang menjadi aplikasi yang dimuat turun oleh ribuan orang di seluruh dunia.

Kesimpulannya, MIT App Inventor membuka peluang yang luas kepada sesiapa sahaja untuk melangkah daripada sekadar pemain kepada seorang pencipta permainan. MIT App Inventor bukan sekadar alat pembangunan aplikasi, tetapi juga wadah yang mampu melahirkan generasi kreatif, inovatif, dan berdaya saing dalam menghadapi arus kemajuan teknologi pada masa akan datang.



MODEL AGIHAN ZAKAT : SUATU IMBASAN RINGKAS

PM Dr. Zamali Tarmudi, Noor Syazana Ngarisan, Muhammad Yassar Yusri

Zakat adalah satu instrumen dalam *syariah* Islam yang menerapkan konsep saling bantu-membantu, tolong menolong dan sifat pertanggungjawaban sosial sesuatu kelompok masyarakat kepada kelompok masyarakat yang lain.

Dalam membincangkan model agihan zakat secara umum ia boleh dikategorikan kepada beberapa model utama iaitu *consumptive model*, *productive model*, *community-based and participatory model*, dan *priority and localized distribution*. Setiap model yang dinyatakan mempunyai pendekatan dan fokus yang berbeza mengikut keutamaan penggunanya dan matlamat yang hendak dicapai. Pertama, *consumptive model* yang terfokus untuk memberi bantuan zakat berbentuk segera dan secara langsung kepada golongan sasaran seperti bantuan tunai, makanan, belanja keperluan dapur, dan sebagainya. Model ini bersifat jangka pendek dan tidak mempunyai ciri kemampanan dalam konteks penerusan untuk mengharungi cabaran hidup seharian. Kedua, *productive model* yang bersifat sumbangan atau bantuan jangka panjang untuk menggalakkan penglibatan *mustahiq* (penerima) menerusi aktiviti perniagaan, sokongan modal, bantuan nasihat dan kepakaran, menyediakan latihan dan sebagainya. Model ini dilihat lebih mampan dalam konteks untuk meneruskan kehidupan dan untuk menukarkan mereka sebagai *muzakki* (penyumbang) di masa depan.

Seterusnya jenis yang ketiga adalah *community-based and participatory model* yang melibatkan masyarakat setempat, bantuan teknikal dan bantuan kendiri (*self-help*). Ia juga menggunakan pendekatan galakan bagi memperkasa peranan para *mustahiq* sendiri untuk turut serta menyumbang mengikut kapasiti dan kemampuan masing-masing.

Model yang terakhir adalah *priority and localized distribution model* yang memfokus para *mustahiq* setempat atau kumpulan tertentu (seperti jantina atau kawasan) bagi tujuan mempertingkatkan sasaran agihan bagi memberi impak yang maksimum. Sekiranya model ini dipraktiskan secara berkesan maka impaknya akan lebih maksimum dalam konteks membantu masyarakat setempat.

Mutakhir ini, pelbagai inovasi dan pendekatan secara analitik telah digunakan untuk mengukur sejauh mana model-model tersebut dapat dipraktikan. Umpamanya analisis menggunakan *weighted shapley value and Pareto distribution*, *agent- based and machine learning*, dan tidak ketinggalan pengukuran *maqashid syariah* menggunakan pendekatan kaedah membuat keputusan multi-kriteria. Berdasarkan penelitian di atas, dapat disimpulkan bahawa setiap jenis model mempunyai pendekatan yang berbeza serta mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Model jenis *productive* dilihat mempunyai kelebihan yang ketara dalam aspek kemampanan bantuan kepada *mustahiq* terlibat. Namun begitu, kadar *had-kifayah* yang digunakan oleh setiap negeri (Malaysia khususnya) masih mempunyai perbezaan ketara mengikut justifikasi masing-masing. Perkara ini jika dapat diseragam dan disepakati secara bersama ia diyakini akan menjadikan model agihan yang digunapakai secarfa lebih adil, sistematik, dan berkesan dalam aspek pelaksanaannya.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

NOT JUST CHILD'S PLAY: DIGITAL PLATFORMS HARM STUDENTS WITH LEARNING DISABILITIES

Safura Adeela Sukiman, Nurulashikin Romli

In recent months, TikTok has become more than just a place for viral dances and lip-syncing. It is now a space where parents share their worries especially about online gaming platforms like Roblox, warning that these games may be causing mental and emotional harm to children. Some even fear they are losing connection with their kids altogether. But while the conversation around digital safety is growing louder, there is a silence where it matters most, the experience of children and teenagers with learning disabilities. Whether it is a child with dyslexia, a teen with ADHD, or a secondary school student on the autism spectrum, the digital world can be far more complex and overwhelming than we think.

The digital world is not built with learning disabilities in mind. Game design rewards speed, not understanding. Content algorithms respond to clicks, not emotional wellbeing. For students with learning disabilities, the gap is clear. But it grows even wider as they enter secondary school. Teenagers aged between 13 to 17 are at a unique risk. They face school stress, peer comparison, and identity struggles - now magnified by social media trends, online communities, and digital pressure. Some may face cyberbullying yet lack the communication skills or confidence to seek help. Digital harm does not always scream for attention. Sometimes, it is silent, hidden behind earbuds and locked screens.

We need fresh, realistic solutions, and practical steps that parents, teachers, and communities in Malaysia can take without needing expensive tools or technical expertise. Here are some doable ideas:

Turn Gaming into Real World Learning - build offline versions of games your child enjoys. If they like Roblox building, recreate it using blocks or recycled materials. This grounds digital learning in hands-on exploration.

Create a Visual "Gaming Contract" - co-design an agreement using stickers or printed icons: time limits, break times, and reward systems. Children and teens with learning disabilities benefit greatly from structured, visual routines over verbal instructions alone.

Offline Roblox-Inspired Storytime - print avatars or game elements and use them in storytelling. For older teens, try using these visuals in creative writing or journaling to encourage language development in a way that connects to their world and interests.

Gentle Room Check-Ins - parents can occasionally peek in or ask casual questions while their child or teen is using devices in their room. This non-intrusive check-in shows presence without pressure. For children with learning disabilities, it helps avoid isolation while subtly supporting their emotional self-regulation.

Let Them Speak Without Speaking - teenagers often do not want long "lectures" about screen time especially those with ADHD, dyslexia, or emotional regulation issues. Instead, offer them low-pressure check-in tools such as:

- A private journal app where they can type or voice-note their feelings.
- A WhatsApp emoji scale, where they rate their mood using emojis.

Digital platforms are here to stay, but our approach to them must evolve particularly for students with learning disabilities. What we need instead is a more inclusive model of digital parenting, the one that reflects Malaysia's linguistic diversity, varied learning styles, and day-to-day realities of caregiving.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENGALAMAN MENJALANI PEMBEDAHAN MATA BERSAMA DATUK PROFESOR DR. CHE MUHAYA HJ MOHAMMAD

Haslenda Yusop, Nurulzulaiha Sa'udah@Suhadak, Nafisah Amin

Setiap individu pastinya mengimpikan penglihatan yang jelas tanpa perlu bergantung kepada kaca mata atau kanta lekap. Demikian juga dengan saya. Selepas sekian lama mempertimbangkan, akhirnya saya memilih untuk menjalani pembedahan mata menggunakan kaedah *Flapless Eye Surgery* bersama pakar oftalmologi terkemuka, Datuk Profesor Dr. Che Muhaya Hj. Mohammad.

Sebelum pembedahan dilaksanakan, saya perlu menjalani empat sesi penilaian. Setiap penilaian ini amat penting bagi memastikan keadaan mata benar-benar sesuai dengan kaedah rawatan yang dipilih. Antara pemeriksaan yang dilakukan termasuklah ujian tahap penglihatan, analisis struktur kornea, pemeriksaan tekanan intraokular, serta pengukuran ketebalan tisu mata.

Apa yang saya kagumi ialah ketelitian pasukan perubatan dalam menjalankan setiap pemeriksaan. Setelah semua ujian selesai, saya berpeluang bertemu sendiri dengan Dr. Muhaya untuk sesi rundingan. Dalam sesi tersebut, beliau menerangkan secara terperinci keadaan mata saya serta kaedah rawatan yang paling sesuai. Beliau bukan sahaja memberikan penerangan dari sudut perubatan, malah turut menyuntik keyakinan dan semangat melalui nasihat yang lembut serta penuh motivasi.

Tibalah hari yang dinanti. Sebelum pembedahan bermula, saya bersama pesakit lain dikumpulkan bagi menghadiri sesi taklimat penjagaan pasca pembedahan. Taklimat ini sangat bermanfaat kerana memberikan panduan jelas tentang langkah yang perlu diikuti selepas rawatan, termasuk kaedah penggunaan ubat titis mata, kepentingan mendapatkan rehat yang mencukupi, serta larangan tertentu demi mempercepat proses pemulihan. Antara aktiviti yang dilarang dalam tempoh dua minggu selepas pembedahan ialah aktiviti berenang dan sebarang aktiviti lasak.

Proses pembedahan itu sendiri berjalan dengan sangat cepat, tidak menyakitkan, dan dilaksanakan dengan penuh profesionalisme. Suasana di bilik pembedahan begitu tenang, manakala pasukan perubatan memastikan saya berasa selesa sepanjang prosedur dijalankan.

Sepanjang pembedahan, Dr. Muhaya sentiasa menitipkan doa serta kata-kata positif tentang kebesaran Allah SWT. Tidak sampai tiga minit, pembedahan selesai dengan jayanya. Beliau sempat berpesan: *"Tiga perkara yang merugikan: Pertama, rugi kerana rasa takut. Kedua, rugi kerana mengambil masa terlalu lama untuk membuat keputusan menjalani pembedahan. Ketiga, rugi kerana mendengar cakap-cakap orang tanpa merujuk kepada pakar."*

Alhamdulillah, sejurus selepas rawatan, saya sudah dapat merasakan perubahan pada penglihatan. Walaupun masih terdapat sedikit kabur pada peringkat awal, doktor meyakinkan bahawa keadaan tersebut adalah normal dan akan bertambah baik dari hari ke hari. Rasa syukur dan lega yang hadir amat sukar digambarkan, lebih-lebih lagi apabila menyedari tidak perlu lagi bergantung sepenuhnya kepada kaca mata.

Kesimpulannya, pengalaman menjalani *Flapless Eye Surgery* bersama Dr. Muhaya bukan sahaja memberikan saya nikmat penglihatan yang lebih jelas, tetapi juga pengalaman berharga tentang kepentingan ilmu, keyakinan, dan doa dalam setiap rawatan. Dengan pendekatan yang profesional, penuh kasih sayang, serta penerangan yang mudah difahami, saya yakin ramai pesakit akan merasa tenang dan yakin untuk menjalani pembedahan di bawah seliaan beliau.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PERANAN IBU BAPA MELALUI PIBG DALAM MENANGANI ISU BULI DI SEKOLAH

Haslenda Yusop, Norlina M.Ali, Nor Fauziah Abu Bakar

Isu buli di sekolah semakin kerap dibincangkan kerana kesannya amat besar terhadap perkembangan anak-anak. Mangsa buli berisiko mengalami tekanan emosi, hilang keyakinan diri serta hilang minat untuk hadir ke sekolah. Sementara itu, pelaku buli pula berpotensi membawa sikap agresif tersebut hingga ke alam dewasa. Justeru, usaha menangani masalah buli tidak wajar diletakkan sepenuhnya di bahu guru sahaja. Ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) turut memainkan peranan penting dalam membantu sekolah mewujudkan suasana pembelajaran yang selamat dan kondusif.

Mesyuarat PIBG tidak seharusnya terbatas kepada perbincangan mengenai yuran atau sumbangan semata-mata, sebaliknya perlu menjadi wadah untuk membincangkan isu disiplin pelajar secara serius. Ibu bapa boleh berkongsi pandangan, melaporkan insiden, atau mengemukakan cadangan penyelesaian yang konstruktif. Komunikasi dua hala ini membolehkan pihak sekolah bertindak lebih pantas dan berkesan. Selain itu, PIBG boleh menganjurkan ceramah atau bengkel yang memberi pendedahan tentang bentuk-bentuk buli, sama ada fizikal, lisan mahupun siber. Dengan pengetahuan tersebut, ibu bapa dapat mengenal pasti tanda-tanda anak mereka menjadi mangsa atau pelaku buli dengan lebih awal.

PIBG juga boleh memanfaatkan kepakaran dalam kalangan ibu bapa untuk membanteras isu buli melalui pelbagai aktiviti atau program yang sesuai. Melalui platform ini, ibu bapa berpeluang terlibat dalam program motivasi, sesi kaunseling komuniti, atau inisiatif mentor-mentee yang memberi sokongan berterusan kepada pelajar. Kehadiran ibu bapa dalam aktiviti sekolah menghantar mesej jelas kepada anak-anak bahawa mereka tidak bersendirian dan sentiasa mendapat sokongan daripada keluarga.

Selain itu, PIBG boleh bekerjasama dengan pihak sekolah dalam aspek keselamatan seperti mengadakan rondaan, menjadi sukarelawan semasa program berlangsung, atau menyokong usaha pencegahan melalui kempen anti-buli. Pemantauan berterusan dapat mengurangkan ruang dan peluang berlakunya kes buli.

Sumbangan dana melalui PIBG pula boleh dimanfaatkan untuk pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), menambah bilangan guru kaunselor terlatih, atau menganjurkan program kesedaran yang menyasarkan murid, guru, dan ibu bapa. Usaha yang kelihatan kecil ini sebenarnya mampu memberikan impak besar terhadap keselamatan serta kesejahteraan pelajar.

Kesimpulannya, masalah buli tidak dapat ditangani oleh pihak sekolah dan guru semata-mata. Ibu bapa melalui platform PIBG perlu berganding bahu dalam usaha pencegahan dan penanganan isu ini. Dengan kesedaran bersama, komunikasi yang berkesan, sokongan moral, pemantauan berterusan, serta sumbangan yang bersesuaian, PIBG dapat membantu mewujudkan persekitaran sekolah yang lebih selamat, harmoni, dan menyeronokkan untuk anak-anak. Hal ini selaras dengan matlamat pendidikan untuk melahirkan generasi pelajar yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

"HACKERS ARE NOT HEROES": MELINDUNGI DATA, MEMELIHARA MARUAH DI ERA DIGITAL

Ts. Ahmad Kamalrulzaman Othman, Yusnita Sokman

Dunia digital hari ini ibarat pedang bermata dua, di satu sisi ia memudahkan komunikasi, pembelajaran, dan urusan harian, namun di sisi lain ia membuka ruang besar kepada ancaman keselamatan siber. Serangan penggodam bukan lagi perkara asing; ada yang mahu mencuri wang, ada pula yang berniat merosakkan reputasi individu dan organisasi. Kesedaran ini menjadi inti utama seminar *Hackers Are Not Heroes: Protect Your Data, Protect Your Dignity* anjuran pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Rekod (IMS657), UiTM Cawangan Johor dengan sokongan Bahagian Hal Ehwal Akademik. Seminar ini menampilkan Ts. Ahmad Kamalrulzaman Othman, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Komputer dan Matematik, yang pengalaman luas berkongsi tentang bagaimana langkah mudah seperti penggunaan kata laluan yang kukuh, pengesahan dua faktor, serta sikap berhati-hati ketika berkongsi maklumat mampu menjadi benteng ampuh menentang ancaman siber.

Lebih penting, seminar ini mengetengahkan mesej bahawa keselamatan digital bukanlah tanggungjawab pakar IT semata-mata, tetapi kewajipan setiap individu. Sama seperti menjaga kebersihan diri untuk melindungi kesihatan fizikal, budaya kebersihan digital mesti disemai agar data peribadi dan maruah sentiasa terpelihara. Penggodam bukanlah wira, sebaliknya mereka yang menjaga data dengan beretika dan berintegriti adalah wira sebenar dunia maya. Kesedaran, tanggungjawab, dan kerjasama antara institusi pendidikan, agensi, serta masyarakat menjadi kunci untuk membina ekosistem digital yang lebih selamat. Seminar ini membuktikan bahawa pendidikan keselamatan siber bukan sekadar ilmu tambahan, tetapi pelaburan penting demi masa depan yang bermaruah dan berdaya tahan.

Kesimpulannya, seminar *Hackers Are Not Heroes* membuktikan bahawa pendidikan keselamatan siber adalah satu pelaburan penting. Ia membina kesedaran, menyemai tanggungjawab, dan memperkasakan individu menghadapi cabaran teknologi masa depan. Dengan kerjasama erat antara institusi pendidikan, agensi berkaitan dan masyarakat, kita mampu membina ekosistem digital yang lebih selamat, bermaruah dan bertanggungjawab — bukan hanya untuk hari ini, tetapi juga demi masa depan.



Gambar 1: Sesi soal jawab dengan moderator dan peserta seminar



Gambar 2: Sesi penyampaian cenderahati kepada penceramah jemputan



Gambar 3: Sesi bergambar bersama penganjur dan semua peserta seminar

Sumber Foto : Kamera Telefon Bimbit

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

SERANGAN PANIK: TENANGKAN DIRI BILA PANIK MENYERANG

Nor Fauziah Abu Bakar, Nurulzulaiha Sa'udah @ Suhadak, Nafisah Amin

Dalam kehidupan moden masa kini, tekanan boleh datang bila-bila masa tanpa amaran. Tiba-tiba, rasa cemas yang melampau atau serangan panik menyerang tanpa mengira tempat. Antara simptom biasa termasuk nafas pendek atau tercungap-cungap, jantung berdegup kencang, dada rasa ketat, rasa nak pitam, dan takut tanpa sebab jelas.

Jangan risau, ada cara mudah dan praktikal untuk menenangkan diri. Salah satu yang paling berkesan ialah pernafasan berfokus yang dikenali sebagai Teknik 4-7-8. Teknik ini sangat mudah diikuti dan efektif. Caranya, duduk atau baring dengan selesa, tarik nafas melalui hidung selama empat saat, tahan selama tujuh saat, kemudian hembus perlahan melalui mulut selama lapan saat. Ulangi empat kali atau sehingga tubuh mula tenang. Dengan kaedah ini, degupan jantung akan perlahan, otot menjadi lebih relaks, dan minda kembali fokus. Semakin kerap diamalkan, teknik ini akan menjadi refleks semula jadi ketika rasa cemas muncul.

Kadang-kadang, serangan panik berlaku kerana fikiran kita terlalu jauh ke masa depan atau terbeban dengan terlalu banyak perkara. Teknik *grounding* membantu anda kembali ke masa kini. Salah satu teknik yang popular ialah 5-4-3-2-1, di mana anda mula dengan mengamati lima benda yang boleh dilihat di sekeliling, menyentuh empat benda yang boleh disentuh, mendengar tiga bunyi, mengenalpasti dua bau, dan fokus pada satu benda yang boleh dirasa, seperti minuman atau tekstur pakaian. Latihan ini membantu minda keluar dari lingkaran fikiran cemas dan memberi rasa lebih selamat serta stabil.

Selain itu, terdapat beberapa kaedah lain yang boleh membantu mengawal serangan panik dan mengembalikan ketenangan, iaitu Tutup Mata & Letak Tangan di Dada, Cakap Pada Diri Sendiri, dan Gunakan Alat Sensori. Untuk teknik Tutup Mata & Letak Tangan di Dada, pejam mata perlahan-lahan dan letakkan tangan di dada sambil rasai degupan jantung sendiri. Kemudian, bisik pada diri: “Aku selamat. Ini cuma perasaan, bukan ancaman sebenar.” Cara ini membantu minda dan tubuh kembali bertenang secara perlahan. Teknik Cakap Pada Diri Sendiri pula menggunakan kata-kata positif untuk menenangkan minda dan mengubah persepsi dari panik kepada lebih rasional. Contohnya, fikir atau bisik: “Ini cuma serangan anxiety. Ia akan berlalu. Aku selamat.”Manakala teknik Gunakan Alat Sensori melibatkan rangsangan fizikal, seperti menggenggam ais atau membasuh muka dengan air sejuk. Rangsangan ini memberi fokus baru pada deria dan membantu memecahkan “loop” fikiran panik.

Latih semua teknik ini walaupun ketika tidak cemas supaya ia menjadi refleks semula jadi. Cari tempat selesa untuk duduk sebentar dan fokus pada tubuh serta pernafasan. Simpan teknik ini sebagai “alat kecemasan” semasa diperlukan. Dengan latihan konsisten, serangan panik tidak lagi mengawal hidup, dan tubuh serta minda boleh tetap tenang walau di tengah situasi paling mencabar.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

7 TIPS IBU BAPA MENGHADAPI ANAK OKU ATAU LEMAH BELAJAR

Dr. Norbaiti Tukiman, Norzarina Johari, Ahmad Khudzairi Khalid

Membesarkan anak adalah amanah yang besar, apatah lagi jika dikurniakan anak orang kurang upaya (OKU) atau anak yang mempunyai kelemahan dalam pelajaran. Ramai ibu bapa berdepan cabaran emosi, fizikal dan kewangan dalam usaha memberikan yang terbaik buat anak mereka. Walau bagaimanapun, dengan pendekatan yang betul, anak-anak ini tetap mampu membesar dengan bahagia serta mencapai potensi diri mereka. Berikut adalah beberapa panduan penting untuk ibu bapa.

1. **Terima dengan redha dan kasih sayang**

Langkah pertama ialah menerima keadaan anak dengan hati terbuka. Jangan sesekali merasa malu atau merendahkan diri kerana mempunyai anak berkeperluan khas. Mereka lebih memerlukan kasih sayang tanpa syarat untuk membina keyakinan diri. Penerimaan ibu bapa akan menjadi kekuatan utama anak.

2. **Fokus pada kelebihan, bukan kekurangan**

Setiap anak mempunyai bakat dan minat tersendiri. Tugas ibu bapa ialah mengenal pasti kelebihan tersebut, sama ada dalam bidang seni, muzik, sukan atau kemahiran praktikal. Galakan dan penghargaan akan membantu anak lebih yakin untuk menonjolkan potensi mereka.

3. **Penggunaan kaedah pembelajaran yang sesuai**

Anak lemah belajar mungkin tidak sesuai dengan kaedah tradisional. Pendekatan visual, aktiviti bermain, atau penggunaan alat bantu digital boleh memudahkan proses pembelajaran. Kesabaran ibu bapa sangat penting kerana setiap anak belajar pada kadar berbeza.

4. **Beri masa dan sokongan emosi**

Elakkan membandingkan anak dengan adik-beradik lain. Sebaliknya, berikan ruang untuk mereka berkembang mengikut kemampuan. Pujian kecil atas usaha yang dilakukan akan meningkatkan keyakinan mereka untuk terus mencuba.

5. Bekerjasama dengan guru dan pakar

Ibu bapa perlu aktif berkomunikasi dengan guru, kaunselor atau pakar pendidikan khas. Mereka boleh memberikan cadangan kaedah pengajaran yang sesuai, malah terapi tambahan seperti fisioterapi atau kelas intervensi awal boleh membantu anak mencapai perkembangan optimum.

6. Bina rutin yang konsisten

Jadual harian yang teratur seperti waktu belajar, bermain dan tidur membantu anak rasa lebih selesa. Rutin yang konsisten memberi kestabilan emosi dan menjadikan mereka lebih bersedia untuk belajar.

7. Tanam nilai keyakinan diri

Anak berkeperluan khas wajar dilibatkan dalam aktiviti keluarga, masyarakat dan ibadah. Pendedahan ini membantu mereka merasa dihargai dan diterima, sekali gus membina keyakinan diri.

Anak OKU atau lemah belajar bukanlah satu kelemahan, tetapi anugerah yang memerlukan pendekatan berbeza. Dengan kasih sayang, kesabaran dan sokongan yang berterusan, mereka bukan sahaja mampu berdikari, malah berpotensi memberi inspirasi kepada orang lain. Yang paling penting, ibu bapa harus yakin bahawa setiap anak adalah istimewa dan mempunyai tempat yang bermakna dalam masyarakat.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA KREATIF

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

BAHAGIA YANG HADIR

Norharziana Yahaya Rashdi, Nur Aina Khadijah Adnan

Pada awalnya,
kami bukanlah pencinta kucing.
Langkah kecilnya asing,
suara manjanya tidak kami peduli.

Sampailah suatu hari,
seekor anak kucing kecil berbulu jingga,
ditinggalkan sang ibu,
di depan pintu rumah kami.



Dengan hati ragu,
kami hulurkan sekadar sisa,
sekadar belas pada yang lapar.

Hari berganti hari,
sisa bertukar menjadi hidangan,
lalu berubah menjadi kebiasaan,
dan, kebiasaan itu bertukar menjadi kasih.

Si Oyen yang kecil,
tumbuh dengan manja di sisi kami,
langkahnya kini menghidupkan ruang,
tingkahnya selalu menggelitik hati kami.

Setiap manjanya,
membasuh keras hati kami.
Dari sekadar penghuni singgah,
Oyen kini menjadi sebahagian keluarga kami.

Dia titipan,
hadiah kecil yang membawa keberkatan.
Dalam kehadirannya yang sederhana,
ada bahagia yang Tuhan kirimkan.



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

DIA SAHABAT

Nur Diana Zamani, Dr. Basri Badyalina

Dalam diam, dihulur tangan,
tanpa kata, tanpa pesan.
Diriku tidak pernah dilupakan,
kerana dia, beban terasa ringan.

Tak menuntut balasan atau ucapan,
hanya ikhlas, tulus tanpa alasan.
Setiap usahanya diriku dikesan,
sahabat sejati, hadiah yang takkan kulupakan.

Sahabat sejati bukan hanya dari kata,
tapi tindakan yang terlihat tanpa bicara.
Dalam setiap beban dan amanah yang ada,
dia tetap ada, menolong tanpa diminta.

Kerana dia, perjalananku terasa mudah,
bersyukur mendapat dia menolong tanpa lelah.
Akanku panjat doa kepada Allah,
moga dia sentiasa diberkati dan dipermudah.

Aku sangat berterima kasih,
kerana dia, beban terasa indah.
Sahabat sejati, adalah anugerah,
dari Tuhan Yang Maha Pemurah.

"Perumpamaan teman yang baik seperti penjual minyak wangi; dia memberi bau harum, sedangkan teman yang jahat seperti tukang besi; dia membakar pakaianmu." (HR. Bukhari & Muslim)

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

ONE HAPPY EVENING

Palaniappan Shamala , Muruga Chinniah, Suguna A/P Olakanathan

Figure 1: Draw by Nikshanaa Muruga



One happy evening with colorful sky,
My sister and I let our kites fly high.
She chose a capybara, her favorite craze,
With laughter and joy that seemed never to end.

For me, more formal, with gentle pride,
A *Wau Malaysia* soared in the wide.
We both ran free in the open space,
The wind and the kites in a lively race.

We both were happy, light as the breeze,
We both felt freedom, our hearts at ease.
We both felt wonder, pure and bright,
A memory painted in fading light.

A very memorable day, captured in my drawing.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KEHILANGAN

Nur Diana Binti Zamani, Hairiani Abdul Hamid, Nor Diana Abd Rahman

Dalam hidup ini, kehilangan itu pasti diuji,
namun jangan dibenci.
Apa yang hilang bukan hak milik diri,
hanya pinjaman kembali pada Ilahi.

Kehilangan itu mengajar hati,
agar redha atas aturan yang diberi Ilahi.
Disebalik luka ada erti,
ia diganti dengan kasih sayang Ilahi.

Jangan takut pada kehilangan,
ia bukan pengakhiran dalam kehidupan.
Setiap ujian membawa pengajaran,
untuk mendidik jiwa menyemai kesabaran.

Ingatlah, kehilangan bukan penderitaan,
tetapi jalan menuju kekuatan.
Kerana setiap kehilangan pasti ada ganjaran,
dari Tuhan Yang Maha Belas Kasihan.

Terimalah kehilangan dengan tenang,
kerana ia rahmat dan kasih sayang.
Yang pergi bukan hilang, hanyalah lebih disayang,
dari Allah kita datang, dari Dia juga kita pulang.

“Tidak ada musibah yang menimpa seseorang melainkan dengan izin Allah.” (Surah Al-Taghabun [64:11])

LANGKAH KECIL BERMAKNA

Nur Aina Khadijah Adnan, Norharziana Yahaya Rashdi

Saat fajar perlahan membuka tirai hari
Mentari pagi datang membawa harapan
Mengajarkan hati tenang dalam keyakinan
mengiring langkahmu menuju destinasi impian

Tak usah mendesak takdir , Usah gundah
hidup ini bukan pentas mengejar pesona
Ada waktunya kita rebah, ada ketikanya kita bangkit
terkadang membisu, terkadang bersinar kembali

Tak semua harus tampak sempurna
cukuplah jiwa damai menikmati apa adanya
Biar langkah perlahan, ujian datang bertimpa
asal senyuman jujur terus mekar tanpa dusta
Kerana indah hidup bukan pada megahnya rupa
tapi pada hati yang tahu mensyukuri setiap nikmat-Nya

Tetaplah melangkah, biarpun perlahan
kerana dalam tenang dan sederhana
tersimpan bahagia yang paling indah.



MENJUNJUNG WARISAN, MENYULAM HARAPAN

Nafisah Binti Amin, Nurulzulaiha Binti Sa'udah @ Suhadak,
Norlina Binti M. Ali

Tanggal 31 Ogos setiap tahun membawa makna yang cukup besar buat rakyat Malaysia. Ia bukan sekadar perayaan, tetapi simbol kebebasan dan bukti bahawa pengorbanan generasi terdahulu telah melahirkan sebuah negara yang merdeka. Setelah 68 tahun kita menikmati nikmat kemerdekaan, penting untuk kita merenung kembali erti sebenar merdeka bukan hanya bebas daripada penjajahan, tetapi juga tanggungjawab mempertahankan keamanan, memelihara perpaduan, dan membina masa depan yang lebih gemilang.

Berikut dipersembahkan sebuah sajak sempena sambutan kemerdekaan ke-68, sebagai penghargaan kepada sejarah dan inspirasi untuk generasi akan datang.

Enam puluh lapan tahun sudah berlalu,
dari tanah terikat belenggu penjajah,
bangkit kita membina masa depan baharu,
mengibar megah Jalur Gemilang gagah.

Kemerdekaan bukan sekadar tarikh,
tetapi amanah yang harus dijaga,
warisan pejuang jadi azimat yang sahih,
penyuluh jalan menuju sejahtera bangsa.

MENJUNJUNG WARISAN, MENYULAM HARAPAN

Nafisah Binti Amin, Nurulzulaiha Binti Sa'udah @ Suhadak,
Norlina Binti M. Ali

Wahai generasi muda pewaris negara,
di tanganmu terletak maruah bangsa,
jadikan sejarah nyala semangat membara,
membawa Malaysia melangkah perkasa.

Walau berbeza bahasa, budaya dan agama,
kita bersatu dalam satu jiwa,
di bawah panji tanah air tercinta,
menjunjung warisan, menyulam harapan selamanya.

MERDEKA DARI BAYANG-BAYANG

Nur Aina Khadijah Adnan, Norharziana Yahaya Rashdi

Hani berdiri di hadapan cermin, merenung jauh. Wajahnya dipandang bukan untuk dicantikkan, tetapi mencari sumber kekuatan yang tidak kelihatan. “Aku tiada bakat, tiada kelebihan, hanya bayang-bayang yang mengekori langkah orang lain,” bisiknya saban hari.

Di kelas, Hani gemar duduk di belakang. Sering kali bibirnya ingin menyatakan sesuatu selalu terhenti separuh jalan. Hatinya menjerit mahu mencuba, tetapi fikirannya mengikat dengan belenggu, “jangan, nanti kau diketawakan.”

Suatu hari, guru kelas memanggilnya. “Hani, sekolah akan adakan pertandingan reka cipta sempena Hari Kemerdekaan. Saya mahu awak sertai.” Hani tergelak pahit.“Cikgu… saya? Saya tak ada idea, apatah lagi keyakinan.” Guru itu menatapnya lama. “Anak merdeka bukan hanya anak yang hidup dalam negara bebas. Anak merdeka ialah yang berani membebaskan dirinya daripada rasa takut. Cuba, Hani. Jangan biarkan bayang-bayang yang menentukan arah hidupmu.”

Kata-kata itu bergema dalam hati Hani. Beberapa malam, dia duduk sendirian di meja belajarnya. Buku-buku terbuka, kertas berselerak, pensil tumpul berkali diasah. Dia berfikir, ‘Apa ertinya merdeka bagi aku?’ Tiba-tiba pandangannya jatuh pada Jalur Gemilang kecil di penjuru bilik. Terlintas idea, satu alat bacaan mini menggunakan bahan terpakai yang boleh membantu murid kecil membaca sambil mengenal warna-warna bendera. Ringkas, tetapi penuh makna.

Hari pertandingan tiba. Dewan dipenuhi murid dengan pelbagai ciptaan hebat: robot pintar, model satelit dan kereta solar mini. Hani berdiri kaku di sudut, tangannya bergetar memegang hasil ciptaannya yang tampak sederhana. Saat gilirannya tiba, dia melangkah ke depan. Nafasnya berat, tetapi suaranya bergetar penuh tekad. “Ini ciptaan saya. Ia bukan sekadar alat bacaan, tetapi lambang harapan. Harapan bahawa merdeka bermula dengan ilmu dan ilmu bermula dengan huruf.”

Guru-guru tersenyum, juri mengangguk, penonton bertepuk tangan. Petang itu, keputusan diumumkan. Nama Hani disebut sebagai pemenang. Hani raih tempat ke-tiga dalam pertandingan reka cipta tersebut. Dia berdiri terpaku, hampir tidak percaya telinganya sendiri. Riuh tepukan memenuhi dewan dan dalam riuh itu, Hani merasa sesuatu terlerai.

Malamnya, di hadapan cermin yang sama, Hani tidak lagi melihat wajah penuh ragu. Yang terpampang kini ialah wajah seorang gadis yang baru merdeka, bukan sahaja daripada belenggu fikirannya, tetapi juga daripada bayang-bayang yang selama ini menutup sinarnya. “Akulah Hani,” bisiknya, “dan hari ini, aku menang bukan kerana ciptaan ini… tetapi kerana aku sudah berani.”

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

MERDEKA: CERITA DARI DUNIA BERBEZA

Safura Adeela Sukiman, Nurulashikin Romli

Aku melihat bendera berkibar,
Warnanya seperti pelangi di langit hati,
Merdeka datang seperti cahaya fajar,
Membawa janji dalam bisikan sunyi,
Bahawa aku juga sebahagian dari cerita ini.

Orang ramai bersorak gembira,
Namun aku mendengar dengan cara berbeza,
Bunyi terlalu kuat, cahaya terlalu terang,
Tetapi di balik hiruk pikuk itu,
Aku tahu merdeka itu kebebasan jiwa.

Merdeka bagi mereka mungkin laungan,
Tetapi merdeka bagiku adalah ruang,
Ruang untuk difahami tanpa dihakimi,
Ruang untuk belajar dalam langkah sendiri,
Ruang untuk mencintai negaraku tanpa rasa asing.

Aku mungkin berbeza,
Tetapi cintaku pada tanah air tetap sama,
Merdeka mengajar aku erti menerima,
Bahawa setiap warna jiwa,
Menjadi indah bila bersama.

Dalam diam aku merayakan merdeka,
Bukan dengan sorakan, tetapi dengan doa,
Semoga Malaysia menjadi pelangi yang luas,
Merangkul semua tanpa beza,
Termasuk aku yang melihat dunia dengan cara berbeza.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PANTUN BUBUR RAMADAN: RESIPI PERPADUAN

Ahmad Khudzairi Khalid, Dr. Norbaiti Tukiman,
Ct Munnirah Niesha Mohd Shafee

Rebus beras di periuk besar,
Harum rempah berbaur mesra,
Bubur lambuk penyeri iftar,
Ikatan ukhwah makin terasa.

Orang kampung berganding tenaga,
Pensyarah, sukarelawan turut serta,
Ramadan tiba membawa cahaya,
Kasih berbagi subur di jiwa.

Senja berlabuh azan berkumandang,
Juadah dihidang penuh berkat,
Bubur Ramadan pengikat kenangan,
Perpaduan utuh selamanya kuat.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PUISI TITIPAN KASIH BUATMU YANG TERISTIMEWA

Dr. Norbaiti Tukiman, Ahmad Khudzairi Khalid, Norzarina Johari

Kau yang teristimewa,
dalam langkahmu ada cerita,
meski berliku jalannya sukar,
kau tetap teguh menapak dunia,
dengan hati yang tabah dan sabar.

Bukan kau pinta kekurangan diri,
namun kau hiasi dengan kekuatan,
senyummu menjadi pelita nurani,
menerangi jiwa yang mencari harapan.

Kami datang bukan sekadar menatap,
tetapi menghulur tangan setia,
mengikat kasih, memupuk harap,
agar hidupmu ceria sinar selalu.

Wahai insan teristimewa
tabahmu kami hormati,
kau bukan beban, namun kaulah ilham,
bersama kita gapai mimpi,
membangun bangsa dengan kasih dan ihsan
menjadi insan yang terus berjuang
dalam kehidupan era kemodenan
dan kemadanian Malaysia hari ini dan akan datang.

REZEKI DARI PERMATA ISTIMEWA

Safura Adeela Sukiman, Nurulashikin Romli

Setiap pagi aku melihat langkahnya,
Menyandang beg sekolah penuh harapan,
Di matanya ada dunia berwarna,
Seperti cahaya yang tidak pernah padam,
Rezeki yang terlalu mahal untuk ditukar ganti.

Orang mungkin melihat ujian,
Namun aku merasakan kurnia,
Setiap senyum, setiap usaha kecil,
Bagai doa yang diangkat ke langit,
Membawa keberkatan yang tidak pernah putus.

Rezeki itu bukan hanya wang,
Tetapi sungai yang mengalirkan tenang,
Sabarnya jadi air yang menyuburkan,
Ikhlasnya jadi angin yang menyejukkan,
Setiap hari mendidik jiwa menuju syurga.

Anakku adalah guru dalam diam,
Mengajar aku bahasa kesabaran,
Menyuluh jalan yang kadang kelam,
Dan di setiap kejayaannya yang kecil,
Allah sembunyikan rahmat yang luas.

Jika dunia bertanya tentang bahagiaku,
Aku akan menjawab dengan sederhana,
Rezeki paling indah bukan harta,
Tetapi kesempatan menjaga permata,
Yang melangkah gagah, membawa cahaya selamanya.

SENDIRI

Nur Diana Zamani, Hairiani Abdul Hamid, Zurina Omar

Perjalanan di dunia ini, ada waktunya kita harus belajar sendiri,
kerana tiada yang sentiasa memahami,
tiada juga yang sentiasa menemani,
belajarlah menjadi teman diri sendiri.

Jangan gentar dengan sendiri,
kerana hidup di dunia memang begini,
tidak semua jalan ditemani,
ada jalan yang hanya boleh dilalui sendiri.

Sendiri itu bukan pilihan dan bukan juga ujian,
sendiri itu bukan juga tanda kelemahan,
sendiri perlukan kekuatan dan ketabahan,
ruang untuk kita belajar bertahan.

Perlu ingatkan diri untuk sendiri,
supaya kebergantungan kita hanya pada Ilahi,
persiapkan diri menuju alam kubur yang menanti,
di sana tetap sendiri tiada teman yang menemani.


Ingatlah hidup ini hanyalah sekali,
kembali ke sisi ilahi itulah janji,
perjalanan ini perlu ditempuh sendiri,
demi kemenangan yang hakiki.

“Sesiapa yang mengerjakan kebaikan, maka untuk dirinya sendiri;dan sesiapa yang berbuat kejahatan, maka kejahatan itu atas dirinya sendiri.”
(Surah Fussilat, 41:46)

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TERUSKAN BERJALAN

Norharziana Yahaya Rashdi, Nur Aina Khadijah Adnan



e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KARYA PILIHAN

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

PENGURUSAN KEWANGAN DAN USAHAWAN BAHARU

Yuslizawati Mohd Yusoff, Khairunnisa Rahman

Dalam era globalisasi yang serba mencabar, bidang keusahawanan semakin mendapat perhatian sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara. Usahawan baharu, sama ada dalam sektor perniagaan kecil dan sederhana (PKS) atau perniagaan digital perlu memahami aspek pengurusan kewangan dengan baik. Pengurusan kewangan merujuk kepada perancangan, pengawalan, dan penggunaan sumber kewangan secara sistematik. Usahawan baharu perlu melihat kepentingan pengurusan kewangan dari beberapa aspek, antaranya; Perancangan modal dan aliran tunai, usahawan baharu perlu memastikan modal yang diperoleh dapat digunakan dengan bijak. Aliran tunai yang sihat dapat memastikan perniagaan mampu menampung kos-kos operasi harian. Kawalan kos dan perbelanjaan, dengan pengurusan kewangan yang baik, usahawan dapat mengenal pasti pembaziran serta berusaha mengurangkan kos tanpa menjejaskan kualiti produk atau perkhidmatan mereka. Meningkatkan keyakinan pelabur dan pemberi pinjaman, memastikan rekod kewangan yang kemas dapat memudahkan usahawan mendapatkan dana tambahan daripada bank mahupun pelabur. Menilai prestasi perniagaan, laporan kewangan membantu usahawan menilai untung rugi, serta dapat membuat keputusan strategik untuk perkembangan perniagaan mereka di masa hadapan.

Cabaran Usahawan Baharu, walaupun kepentingan pengurusan kewangan ini dapat difahami oleh usahawan baharu, masih ramai usahawan baharu berhadapan dengan cabaran dalam aspek kewangan. Contohnya, kurang pengetahuan asas kewangan. Ini berlaku kerana ramai usahawan lebih fokus pada produk dan pemasaran berbanding pengurusan kewangan mereka.

Modal terhad jua antara cabaran lain yang dihadapi ushawan baharu. Keadaan ini menyebabkan usahawan baharu menghadapi kesukaran melabur dalam teknologi, pemasaran serta operasi. Perkara berkait dengan hutang atau pinjaman perlu di tangani dengan teliti. Ini adalah kerana tanpa perancangan yang teliti, secara tidak langsung, hutang boleh membebankan perniagaan. Selain itu, usahawan baharu sering gagal membezakan antara keuntungan kertas (paper profit) dengan wang tunai sebenar yang ada.

Untuk mengatasi cabaran tersebut, beberapa strategi boleh diambil oleh usahawan baharu seperti menyediakan belanjawan dan rancangan kewangan. Usahawan baharu perlu menyediakan rancangan belanjawan dan perancangan belanjawan tersebut dapat menetapkan keutamaan. Boleh juga menggunakan sistem perakaunan moden.Usahawan baharu perlu mendapatkan perisian sistem perakaunan moden terkini seperti *QuickBooks* atau aplikasi teknologi kewangan agar dapat memudahkan rekod kewangan mereka. Perlu juga mengasingkan kewangan peribadi dan perniagaan. Dalam perniagaan, antara perkara paling penting adalah mengasingkan kewangan peribadi dan perniagaan. Ini adalah untuk mengelakkan kekeliruan dan memastikan ketelusan kewangan. Penting untuk mencari sumber pembiayaan alternatif. Selain daripada pinjaman bank, usahawan baharu boleh meneroka pembiayaan ekuiti, pengumpulan dana atau geran kerajaan untuk dijadikan sebagai sumber pembiayaan alternatif untuk perniagaan mereka. Paling akhir adalah mendapatkan khidmat nasihat kewangan. Usahawan baharu boleh mendapatkan khidmat nasihat kewangan dari mentor atau pakar kewangan yang dipercayai untuk membuat keputusan yang lebih bijak.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

RUMAH MAMPU MILIK: SEDIKIT ANGKA UNTUK DIFIKIRKAN

Juliana Mohamed Abdul Kadir, Tan Yan Ling, Aidarohani Samsudin

Keperluan setiap individu terhadap rumah berbeza, sama ada dari segi jenis mahupun saiznya. Ia berbeza mengikut saiz keluarga, kehendak peribadi dan taraf hidup. Rumah merupakan keperluan asas, namun realitinya harga hartanah semakin hari semakin jauh daripada kemampuan rakyat. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-HABITAT, 2011), rumah mampu milik ditakrifkan sebagai rumah yang tidak hanya menyediakan tempat tinggal, tetapi turut memenuhi keperluan asas kehidupan yang lain.

Di Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) memainkan peranan penting dalam agenda perumahan negara. Antara peranan utama kementerian ini adalah merangka dasar, undang-undang serta prosedur pembangunan perumahan dan hartanah agar lebih mampan serta inklusif.

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (2022), pendapatan isi rumah bagi kumpulan berpendapatan sederhana ialah RM6,338 sebulan. Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (2019) pula menetapkan harga maksimum rumah mampu milik di Malaysia ialah RM300,000. Namun, bagi memiliki rumah pada harga tersebut, isi rumah perlu berpendapatan sekurang-kurangnya RM8,333 sebulan atau RM100,000 setahun. Realitinya, menurut Bank Negara Malaysia (2021), sebanyak 76% isi rumah di Malaysia berpendapatan kurang atau sama dengan RM8,333 sebulan.



Sumber gambar: Google Image

Antara faktor utama yang menjadikan rumah semakin tidak mampu untuk dimiliki menurut Bank Negara Malaysia (2021) adalah:

i. Peningkatan harga rumah lebih pantas daripada pendapatan.
Peningkatan pendapatan 2.1 peratus setahun, sedangkan peningkatan harga rumah 4.1 peratus setahun.

ii. Simpanan isi rumah yang rendah.
76 peratus isi rumah hanya mempunyai simpanan untuk menampung perbelanjaan hidup kurang daripada tiga bulan.

iii. Tahap hutang sedia ada yang tinggi.
65 peratus peminjam telah mempunyai pinjaman kereta atau peribadi, sekali gus mengehadkan kemampuan mereka membuat pinjaman perumahan baharu.

Isu rumah mampu milik bukan sekadar persoalan ekonomi tetapi juga isu sosial dan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, kenaikan harga rumah perlu selari dengan peningkatan kadar gaji agar isi rumah yang layak benar-benar mampu memiliki kediaman sendiri. Strategi yang seimbang antara kepentingan pemaju, kerajaan dan rakyat perlu diberi perhatian bagi memastikan kelestarian dasar perumahan.

Rujukan:

Laporan Tahunan BNM (2016). Pencerahan Terhadap Isu Rumah Mampu Milik di Malaysia.

Bank Negara Malaysia (2021). Sorotan LT2021: Ke(tidak)mampuan Memiliki Rumah.
https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6459002/fsr21h2_bm_housing.pdf

Jabatan Perangkaan Malaysia (2022). Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah. https://open.dosm.gov.my/ms-MY/dashboard/household-income-expenditure

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

STR: PENAWAR SEMENTARA ATAU PENYELESAIAN JANGKA PANJANG?

Juliana Mohamed Abdul Kadir, Bazri Abu Bakar, Diana' Mazan

Pelbagai versi bantuan tunai telah dilaksanakan di Malaysia sejak lebih sedekad lalu. Bantuan ini berbentuk pemberian wang tunai secara terus kepada golongan sasaran, khususnya golongan berpendapatan rendah (B40) dan berpendapatan sederhana (M40). Bantuan tunai pertama kali diperkenalkan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri ke-6 melalui program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) pada tahun 2012. Sejak itu, skim ini telah melalui beberapa siri perubahan selaras dengan evolusi perubahan sosial, ekonomi dan politik negara. Ia masih dikekalkan sehingga ke hari ini di bawah pemerintahan Perdana Menteri ke-10.



Sumber: Carian Google

Bantuan tunai terkini dikenali sebagai Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang bermula pada tahun 2023, iaitu kesinambungan daripada skim Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) 2012, Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019, Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) 2021, dan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) 2022. Tujuan utama STR adalah sama, iaitu untuk mengurangkan jurang sosial dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Sejak diperkenalkan pada 2023, kadar sumbangan STR kepada isi rumah dan individu bujang telah mengalami sedikit peningkatan. Bantuan ini boleh digunakan untuk membeli barangan keperluan asas seperti beras, gula, minyak, produk kebersihan dan barangan sekolah di kedai-kedai berdaftar.

STR turut menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan domestik dan memacu aktiviti ekonomi tempatan. Dengan rangsangan penggunaan ini, permintaan agregat akan meningkat dan seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Namun begitu, cabaran utama STR ialah ia bersifat jangka pendek. Bantuan yang diterima adalah berbentuk *one-off*. Penerima kembali berdepan dengan tekanan kewangan pada bulan berikutnya. Selain itu, STR dilihat tidak menyelesaikan masalah jangka panjang kerana kos sara hidup saban tahun semakin meningkat dan tidak sepadan dengan kenaikan gaji.

Keberkesanan STR dalam membantu ekonomi rakyat perlu dinilai melalui kajian impak yang menyeluruh. Beberapa persoalan penting timbul: Apakah kadar pergantungan rakyat terhadap bantuan tunai ini? Apakah jenis barangan keperluan paling bermanfaat kepada penerima STR? Adakah terdapat ketirisan di mana penerima yang tidak layak turut menerima bantuan ini?.

Sebagai penambahbaikan, kerajaan boleh mempertimbangkan bentuk bantuan yang lebih mampan demi kesejahteraan rakyat jangka panjang. Bantuan pembangunan modal insan seperti program peningkatan kemahiran dalam bidang AI, teknologi, dan TVET wajar diberi keutamaan. Selain itu, subsidi bersasar ke atas barangan asas lebih sesuai dilaksanakan. Reformasi struktur gaji yang lebih setara dengan kos sara hidup, penciptaan pekerjaan bernilai tinggi, pengukuhan sektor ekonomi berdaya saing, serta sokongan dan latihan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu diberi perhatian. Secara keseluruhan, STR dilihat berkesan sebagai penyelesaian segera, namun belum memadai untuk penyelesaian jangka panjang.

Rujukan:

https://www.mysumber.tv/sejarah-bantuan-tunai/

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

TARIF AIR NAIK: BIJAK URUS, ELAK TERHIMPIT

Juliana Mohamed Abdul Kadir, Rosmah Abd Ghani, Bazri Abu Bakar

Isu kenaikan tarif air sering diperkatakan selaras dengan usaha kerajaan untuk menstruktur semula industri ini. Kos pengurusan yang semakin meningkat akan mengakibatkan air yang ditawarkan rendah kualiti dan berlakunya krisis air pada masa depan jika tidak diatasi. Justeru, kadar baharu tarif air bagi seluruh Semenanjung Malaysia, kecuali Perak dan Labuan telah meningkat dengan purata kenaikan 20 sen per meter padu berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

Kos operasi dan penyelenggaraan yang semakin tinggi seperti kos rawatan air, kos penggantian paip usang serta kos pembangunan infrastruktur termasuklah pembinaan empangan baru menyebabkan berlakunya pelarasan tarif air. Pelarasan ini juga untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bekalan air dengan memastikan sistem moden digunakan untuk kemampanan masa hadapan. Oleh itu, tarif air perlu dinaikkan untuk menjamin sumber air berkualiti dapat diberikan kepada pengguna.

Kadar tarif air tidak sama di setiap negeri kerana perbelanjaan untuk infrastruktur dan operasi berbeza-beza berdasarkan faktor seperti bilangan loji rawatan, panjang paip, kepadatan penduduk dan kemajuan pembangunan setiap negeri. Sebagai contoh di Johor, kenaikan tarif membolehkan pelaksanaan projek naik taraf utama iaitu projek Pakej Layang 2, Semanggar dan Semanggar 3 dilaksanakan. Caj minimum bulanan turut mengalami pelarasan di beberapa negeri seperti di Perlis dengan peningkatan caj daripada RM7.20 kepada RM8.80, manakala di Kelantan meningkat daripada RM6.80 kepada RM8.00.

Walau bagaimanapun, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mengekalkan caj minimum pada kadar RM6.50 sebulan dan Johor kekal pada kadar RM10.50.

Kerajaan negeri perlu melakukan kajian terperinci untuk melihat impaknya kepada pengguna dan cara untuk mengurangi masalah tersebut. Kadar utiliti yang berbeza di setiap negeri dan pelbagai faktor lain seperti ekologi, sumber air bawah tanah dan jumlah empangan akan memberi output yang tidak selaras jika kajian hanya dilakukan di peringkat persekutuan.

Harga yang dibayar oleh pengguna perlulah setimpal dengan bekalan air berkualiti yang diterima. Pengguna akhir terutamanya golongan B40 akan terkesan dengan kenaikan ini. Kesan yang sama turut dirasai oleh M40 di bandar. Selain itu, ia juga akan membebankan pengguna bukan domestik seperti pembekal dan penjual di pelbagai sektor ekonomi seperti pertanian, industri dan perladangan.

Kerajaan perlu mengambilkira beban kewangan yang saban hari semakin tinggi ditanggung oleh pengguna. Jangan biarkan tarif air tinggi ini meningkatkan kos sara hidup pengguna. Namun, rakyat juga perlu mengubah cara hidup dengan mengambil langkah berjimat cermat demi mengelakkan pembaziran sumber air. Bak kata pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Ayuh, gunakan air dengan berhemah. Bijak urus, elak terhimpit!

RUJUKAN

Sinar Harian. (2025, 31 Julai). *Tarif air lebih tinggi di Perlis, Kelantan dan Terengganu*. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/741267/berita/nasional/tarif-air-lebih-tinggi-di-perlis-kelantan-dan-terengganu

Malaysiakini. (2025, 31 Julai). *Tarif baru air hampir semua negeri berkuat kuasa esok*. Malaysiakini. https://www.malaysiakini.com/news/750702

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

Towards Global Academic Impact

Fatin Farazh Ya'acob, Siti Nordiyana Isahak, Norfariza Mohd Ali

In today's rapidly evolving world, higher education and research play a pivotal role in shaping societies, advancing economies, and addressing pressing global challenges. The concept of global academic impact has gained prominence as universities, research institutes, and scholars seek to ensure that their contributions extend beyond national boundaries.

Global academic impact refers to the influence of research, scholarship, and teaching on a worldwide scale. It involves producing knowledge that not only advances academic fields but also contributes to solving societal problems, fostering innovation, and shaping cultural understanding across borders. At its core, academic impact is multidimensional, it includes intellectual contributions through publications and citations, practical applications in industries and communities, and the dissemination of knowledge through education and collaboration

One of the most significant pathways to achieving global academic impact is through research. High-quality, peer-reviewed publications allow scholars to share insights with the international academic community. Indexed journals and international conferences serve as platforms for intellectual exchange, ensuring that local innovations can inspire global audiences. Importantly, impactful research extends beyond theoretical contributions by addressing pressing global challenges, including climate change, public health crises, energy transition, and social inequality.

Academic impact goes beyond research and also includes teaching and learning. Universities play an important role in preparing future leaders, thinkers, and innovators. They use new teaching methods, digital platforms, and hands-on learning to improve education. Through these approaches, students gain critical thinking and problem-solving abilities. They also develop intercultural skills that are essential in today's global society.

Moreover, education is increasingly seen as a means of nurturing values such as integrity, inclusivity, and social responsibility. Graduates who are globally minded and ethically grounded extend the impact of their education into workplaces, communities, and international arenas, ensuring that the ripple effect of academic institutions reaches far and wide.

In the 21st century, academic impact is closely linked to collaboration. Partnerships among universities, industries, and governments across borders foster the exchange of expertise, resources, and perspectives. Joint research projects, academic mobility programs, and global networks create opportunities for cross-cultural dialogue and innovation. These collaborations not only amplify the reach of research outcomes but also strengthen the collective capacity to address challenges that no single nation can solve alone.

The pursuit of global academic impact is both a responsibility and an opportunity. It is a responsibility because academia holds the tools to address humanity's most pressing challenges, from environmental crises to social inequalities. It is an opportunity because knowledge, when shared and applied effectively, has the power to transform societies and improve lives across the globe.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

WANITA DAN EKONOMI: DARI DAPUR KE PASARAN GLOBAL

Nur Fatihah Shaari, Bazri Abu Bakar & Mohd Azim Sardan

Peranan wanita dalam ekonomi semakin menyerlah seiring dengan perubahan zaman. Jika dahulu wanita lebih sinonim dengan kerja domestik dan tanggungjawab rumah tangga. Kini, seiring dengan globalisasi, kemajuan pendidikan dan teknologi telah membuka ruang baharu kepada wanita untuk menyumbang secara signifikan dalam pelbagai sektor ekonomi. Perjalanan wanita dari dapur ke pasaran global membuktikan bahawa sumbangan wanita tidak lagi boleh dipandang enteng. Peranan wanita dalam ekonomi telah mengalami transformasi dari dapur ke pelbagai bidang pekerjaan, perniagaan, dan kepimpinan.

Dahulu, peranan wanita lebih tertumpu kepada kerja domestik atau disebut sebagai "*unpaid labour*" yang menyediakan makanan, menjaga anak dan memastikan kesejahteraan keluarga. Walaupun peranan ini tidak diiktiraf di dalam ekonomi dunia, namun ia sebenarnya menjadi asas penting dalam pembentukan modal insan. Wanita memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan keluarga. Mereka bijak mengurus belanja harian, memastikan makanan terhidang dan mendidik anak-anak. Sumbangan ini sering dianggap tidak berbayar tetapi ia sebenarnya menjadi asas kepada kestabilan ekonomi mikro. Peranan mereka sebagai pengurus kewangan keluarga menunjukkan kemahiran yang jika diasah dengan lebih baik, ia mampu memberi impak makro kepada ekonomi negara.

Pada era globalisasi ini, semakin ramai wanita yang berani melangkah menceburi bidang ekonomi dunia. Bidang keusahawanan menjadi salah satu bidang pilihan utama yang memperlihat kebangkitan wanita. Menembusi pasaran yang lebih luas seperti industri makanan, fesyen, kecantikan hinggalah ke e-dagang, ramai wanita telah berjaya menjulang jenama tempatan ke persada antarabangsa. Kemunculan teknologi digital dan media sosial juga telah memberi ruang dan peluang kepada wanita untuk bekerjaya walaupun sekadar berniaga dari rumah.

Namun demikian, wanita bekerjaya masih berdepan dengan beberapa cabaran dan tomahan dunia seperti jurang gaji antara lelaki dan wanita, bebanan kerja yang berganda (kerjaya dan pengurusan kerja domestik) serta kekangan budaya yang tidak menyokong keterlibatan wanita dalam bidang kerjaya. Skeptikal yang biasa didengar ialah "setinggi mana pun pendidikan wanita tersebut, pengakhirannya di dapur jua".

Perjalanan wanita dari “dapur ke pasaran global” bukan sekadar metafora tetapi mencerminkan realiti transformasi sosial-ekonomi yang sedang berlaku. Sumbangan wanita dalam ekonomi domestik, pasaran buruh, keusahawanan dan ekonomi digital membuktikan bahawa wanita mampu berdiri setinggi lelaki.



Sumber gambar: Google Image

Wahai wanita,
Luaskan langkahmu, keluarlah dari zon selesa.
Berusahalah tanpa mengenal lelah dan terus berpegang teguh pada prinsip serta agama.

Wanita ibarat ombak,
Lembut dipandang, namun derasnya mampu menggoncang lautan dunia.

e-Dinamik
MAJALAH DIGITAL AKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

KESAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI AI DALAM DUNIA PENDIDIKAN

Isma B. Ishak

Kecerdasan buatan (AI) bukan lagi sekadar istilah dalam dunia teknologi, tetapi kini menjadi sebahagian daripada realiti pendidikan global. Kehadiran AI mengubah cara kita mengajar, belajar, menilai, malah mengurus sistem pendidikan. Perubahan ini membawa pelbagai manfaat, tetapi pada masa yang sama turut menimbulkan cabaran yang perlu diurus secara berhati-hati.

Salah satu sumbangan terbesar AI ialah keupayaannya menyediakan pembelajaran tersuai. Dengan analisis data, sistem AI mampu memahami tahap penguasaan pelajar dan melaras kandungan mengikut keperluan masing-masing. Pelajar cemerlang boleh dicabar lebih jauh, manakala pelajar lemah mendapat bimbingan tambahan. Selain itu, AI turut memperkukuh akses dan inklusiviti. Teknologi seperti teks-ke-pertuturan, sari kata automatik dan terjemahan pintar memberi peluang sama rata kepada pelajar berkeperluan khas serta mereka yang berlatar belakang bahasa berbeza. Dalam aspek pentadbiran, AI meringankan beban pensyarah dengan mengautomasi tugas rutin seperti pemarkahan, semakan ejaan, atau penjanaan kuiz. Waktu pensyarah boleh difokuskan kepada aspek interaksi, bimbingan, dan maklum balas yang lebih bermakna. Tambahan lagi, melalui analitik pembelajaran, AI mampu mengenal pasti corak kehadiran, prestasi, dan penglibatan pelajar. Amaran awal dapat diberi sebelum pelajar tercicir, sekaligus meningkatkan kadar kejayaan akademik.

Walaupun banyak manfaat, penggunaan AI dalam pendidikan juga membawa risiko. Antaranya ialah kebergantungan berlebihan yang boleh menyebabkan pelajar tidak menguasai kemahiran asas dengan baik. Di samping itu, wujud isu *bias* data yang boleh menjejaskan keadilan cadangan atau keputusan yang dibuat oleh sistem AI.

Privasi data pelajar juga perlu diberi perhatian. Sebarang kebocoran maklumat boleh mendatangkan implikasi besar kepada institusi dan individu. Tambahan pula, model AI sering dianggap sebagai "kotak hitam" yang sukar dijelaskan, menjadikan keputusan yang diberi kurang telus. Selain itu, terdapat jurang digital yang masih wujud. Tidak semua pelajar mempunyai capaian internet yang stabil atau peranti yang sesuai, sekali gus boleh memperdalam ketidaksamaan pendidikan. Bagi memastikan AI dimanfaatkan secara positif, beberapa prinsip perlu ditegaskan:

- Berpusatkan manusia – AI harus menjadi alat sokongan, bukan pengganti peranan guru dan pensyarah.
- Ketelusan – Pendedahan tentang bila dan bagaimana AI digunakan perlu jelas.
- Kesaksamaan – Pastikan tiada *bias* yang menindas pelajar tertentu.
- Perlindungan data – Maklumat pelajar mesti dilindungi mengikut dasar privasi yang ketat.
- Literasi AI – Pelajar dan pensyarah perlu dididik tentang cara menggunakan AI secara beretika dan bertanggungjawab.

AI hadir sebagai kuasa baharu yang berpotensi memperkasakan dunia pendidikan. Ia membuka ruang kepada pembelajaran yang lebih tersuai, inklusif, dan cekap. Namun, manfaat ini hanya dapat dinikmati sepenuhnya apabila ia digandingkan dengan dasar etika, perlindungan data, dan literasi AI yang mantap. Dalam era ini, teknologi bukan lagi sekadar alat bantu. Ia adalah rakan strategik dalam membentuk generasi masa depan yang kritis, kreatif, dan berintegriti.

Rujukan

Porayska-Pomsta, K., Holmes, W., & Nemorin, S. (2024). *The Ethics of AI in Education* [Preprint]. arXiv. https://doi.org/10.48550/arXiv.2406.11842

OECD. (2021). *AI and the future of skills, volume 1: Capabilities and assessments.* OECD Publishing. https://doi.org/10.1787/5ee71f34-en OECD+1

Chen, L., Chen, P., & Lin, Z. (2020). *Artificial intelligence in education: A review.* IEEE Access, 8, 75264–75278. https://doi.org/10.1109/ACCESS.2020.2988510



اونيۏرسيتي تيکنولوجي مارا

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA